

92-3603

SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
30 NOV 1992

SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM

MOHD JAMIL BIN MUKMIN

97-115.

**NURIN ENTERPRISE
KUALA LUMPUR**

Edisi Pertama 1992
Cetakan Pertama
© Mohd Jamil Bin Mukmin

ISBN 967 984 042 5

Hakcipta dan cetakan terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam sebarang bentuk dan cara - baik secara elektronik, mekanikal dan sebagainya, tanpa mendapat izin terlebih dahulu daripada
NURIN ENTERPRISE.

Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh: DTP Nurin Enterprise
Muka Taip Teks: New Century Schlbk
Saiz Taip Teks: 10/12

Penerbit:
Nurin Enterprise
40, Jalan Kemuja, Off Jalan Bangsar
59000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2823112
Fax: 03-2821113

Harga: \$15.00

18017467
Pencetak:
CETAKTAMA SDN. BHD.

695661
APB

- 4 NOV. 1993

Perpustakaan Negara

Malaysia

Untuk anak-anakku

***Wan Hassan, Wan Khadijah
dan Wan Nuraini***

Untuk Tabung Pendidikan Anak-Anak Yatim / Miskin

KATA ALU-ALUAN



منtri فندیدیکن ملیسیا

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Saya mengucapkan terima kasih kepada penulis buku ini yang sudi menjemput saya untuk memberi sepatah dua kata alu-aluan untuk bukunya "Sejarah Perkembangan Islam". Saya mengucapkan tahniah kepada Encik Mohd. Jamil bin Mukmin yang telah berjaya menulis buku tersebut.


Dalam buku Sejarah Islam ini saya dapati penulis buku berkenaan telah menghuraikan dua persoalan pokok. Pertama ialah mengenai sejarah perkembangan wilayah-wilayah Islam yang mengandungi detik-detik pertumbuhan Empayar Islam, seperti Kerajaan Bani Umaiyah dan Kerajaan Bani Abbasiyah, Kerajaan Islam di Sepanyol, Kerajaan Turki Uthmaniah dan lain-lain; zaman keagungan dan keruntuhan Kerajaan-Kerajaan Islam yang berkenaan. Kedua ialah mengenai sejarah peradaban Islam khususnya mengenai perubahan pemikiran yang dianjurkan oleh Islam sehingga mencapai keagungannya dalam bidang ilmu pengetahuan.

Dalam menghuraikan fakta-fakta sejarah yang tersebut di atas, saya mendapati penulis telah membuat beberapa percubaan yang berjaya, iaitu penonjolan ketinggian peradaban. Agama Islam sentiasa menggalakkkan pengikut-penganut supaya sentiasa berfikiran membina tamadun yang tinggi, terutama dalam mencari dan menuntut ilmu pengetahuan. Pemikiran dalam Islam telah membawa Kerajaan Islam mencapai peradaban yang begitu tinggi pada zaman yang lampau. Tetapi apabila zaman **jumud**, iaitu zaman kebekuan, perkembangan pemikiran berlaku – setelah negara-negara Islam menghadapi zaman keruntuhan dan dijajah, perkembangan pemikiran umat Islam telah menghadapi zaman kegelapan. Alhamdulillah, setelah zaman kemerdekaan di kalangan negara-negara Islam, perkembangan pemikiran di kalangan intelektual Islam kembali bersinar. Inilah antara perkara-perkara pokok yang dihuraikan dalam buku ini.

Saya harap buku "Sejarah Perkembangan Islam" oleh Encik Mohd. Jamil bin Mukmin ini akan dapat dijadikan bahan bacaan bagi mengenang kembali zaman keagungan Islam. Kandungannya akan memberi dorongan utama kepada kita agar lebih bersikap positif apabila menghayati budaya Islam yang luhur itu.

Terima kasih.

Wassalamualaikum W.B.T.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Sulaiman". It consists of a large, stylized 'S' at the top left, followed by 'l', 'a', 'i', 'm', 'a', 'n', and 'D' stacked vertically or in a fluid script. A horizontal line extends from the bottom right of the main letters, ending in a flourish.

(DATUK AMAR DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD)

1hb. Jun 1992

KATA PENGANTAR

Sejarah Empayar-Empayar Islam telah mencapai kejayaan yang cemerlang selama kira-kira 10 abad; iaitu dari semenjak kelahiran Islam di kota Makkah pada tahun 610M hingga kepada kejatuhan Empayar Abbasiyah di Baghdad pada tahun 1258M dan keruntuhan Empayar Turki Uthmaniah di Constantinople pada tahun 1912M. Dalam tempoh 10 abad yang tersebut sejarah umat Islam telah memenuhi satu tempoh sejarah umat manusia yang begitu lama yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah bangsa-bangsa atau agama-agama lain dalam dunia ini. Dalam tempoh tersebut umat Islam telah menempa satu sejarah tamadun yang mengagumkan, bukan sahaja dalam arena politik, tetapi juga dalam bidang ekonomi dan ilmu pengetahuan.

Di dalam buku *Sejarah Perkembangan Islam* ini, saya dapati penulis buku ini Saudara Mohd Jamil bin Mukmin telah cuba menghuraikan dua persoalan pokok. Pertama ialah mengenai sejarah pemeliasan wilayah-wilayah Islam, yang mengandungi detik-detik penubuhan Empayar-Empayar Islam, seperti Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Bani Abbasiyah, Kerajaan Islam di Sepanyol, Kerajaan Turki Uthmaniah dan lain-lain, zaman keagungan dan keruntuhan kerajaan-kerajaan tersebut. Kedua ialah mengenai sejarah peradaban ataupun tamadun Islam, khususnya mengenai perubahan-perubahan yang dianjurkan oleh Islam sehingga umat Islam telah mencapai keagungannya dalam bidang ilmu pengetahuan.

Saya sangat tertarik dengan hujah-hujah yang diberi oleh penulis buku ini yang menyangkal tulisan-tulisan negatif para orientalis Barat, terutamanya tentang tuduhan mereka bahawa "Islam telah berkembang dengan mata-pedang". Tuduhan ini adalah bertentangan dengan prinsip dakwah Islam itu sendiri yang dengan jelas menegaskan "tidak ada paksaan di dalam agama". Beliau menegaskan bahawa perperangan yang begitu banyak di dalam sejarah Islam rata-rata adalah untuk menebus maruah, membebaskan wilayah-wilayah tertentu daripada penindasan dan kezaliman, menegakkan keadilan, mempertahankan diri, dan juga kerana perbuatan musuh yang memungkiri perjanjian.

Perperangan dan penyebaran Islam adalah dua perkara yang berlainan. Pemerintah-pemerintah Islam tidak pernah memaksa penduduk-penduduk wilayah-wilayah yang ditaklukinya supaya memeluk agama Islam. Kalau ini berlaku sudah pasti tidak ada pemeluk-pemeluk agama Kristian dan Yahudi sekarang ini di Mesir, Iraq, Lebanon, Syria, Iran dan lain-lain. Islam di dalam dakwahnya tidak pernah menganjurkan paksaan tetapi menganjurkan dakwah dengan **kebijaksanaan**. Di samping itu sebagai contoh Islam telah tersebar luas ke negeri China

dan ke Kepulauan Melayu bukannya dengan kekerasan, tetapi dengan dakwah, dan telah berjalan dengan aman dan damai. Penduduk-penduduk di wilayah-wilayah yang ditundukkan oleh pemerintah-pemerintah Islam telah menerima Islam dengan kerelaan mereka sendiri setelah melihat kesucian dan kebenaran agama Islam itu.

Seperkara lagi yang saya tertarik dengan penulisan beliau ini ialah mengenai tamadun atau peradaban yang begitu tinggi yang telah dibawa oleh Islam. Kelahiran Islam di Makkah dan tertubuhnya Kerajaan Islam yang pertama di Madinah telah mengubah sama sekali cara hidup dan pemikiran orang-orang Arab, daripada cara **Jahiliah** kepada satu cara peradaban yang tinggi. Ayat Al-Quran yang pertama diturunkan dengan **Iqra'** (Bacalah). Islam dengan tegas telah menganjurkan pengikut-penganutnya supaya mencari ilmu pengetahuan, "menuntut ilmu itu adalah fardhu (kifayah) bagi kaum Muslimin dan Muslimat". Dari sinilah titik bertolaknya sejarah perkembangan ilmu pengetahuan dalam Islam, kerana sebagaimana yang kita ketahui tamadun manusia adalah terbina dengan ilmu pengetahuan.

Sebenarnya sejarah pemikiran umat Islam telah berkembang di sepanjang zaman, tetapi yang jelas menonjol ialah dalam masa memerintah Kerajaan Bani Abbasiyah. Kemajuan ilmu pengetahuan dalam zamannya meliputi bidang-bidang penciptaan ilmu pengetahuan, pembukuan ilmu pengetahuan, penterjemahan ilmu pengetahuan asing, dan pembelajaran ilmu pengetahuan. **Al-Quran** dan **Al-Hadis** telah menjadi sumber ilmu. Di samping itu juga ramai para ulama yang melakukan **ijtihad**. Di antara ilmu pengetahuan yang menjadi tumpuan pengajian ialah ilmu Tafsir, Fiqah, Nahu, Tasawuf, Sejarah, Hadis dan lain-lain. Selain daripada itu ialah ilmu falsafah, sains, perubatan, astronomi, ilmu hisab, ilmu alam, ekonomi dan lain-lain.

Zaman **al-Ma'mun** telah banyak menonjolkan tokoh-tokoh ilmu Hadis. Di Makkah terdapat Ibnu Juraij, di Madinah Muhammad bin Ishak dan Malek bin Anas, di Basrah Rabek bin Sabih dan Said bin Abi'Arubah, di Kufah Sufian al-Sauri, di Syam al-Auzaii, di Yaman Maamar, di Khurasan Ibnu al-Mubarak, dan di Mesir Al-Lais bin Saad. **Imam al-Malik** telah menyusun kitab *al-Muwatta'* dan Ibnu Ishak menulis buku sejarah Nabi Muhammad. Dalam masa yang sama pula lahirlah pula pakar-pakar ilmu perubatan dalam pelbagai pengkhususan perubatan. Antara mereka ialah **Abu Bakar Muhammad bin Zakaria al-Fazi** dan **Ibnu Sina** yang kemudian menjadi mahaguru di Timur dan di Barat. Khalifah al-Ma'mum juga menjadi pelopor utama yang mendirikan pusat ilmu penyelidikan ilmu astronomi di Baghdad. Antara tokoh utama dalam bidang astronomi pada zaman itu ialah **al-Khuwarismi**. Sementara dalam ilmu fizik ialah **al-Razi** dan **Jabir bin Hayyan**.

Kerajaan Islam di Sepanyol juga telah melahirkan tamadun Islam yang tinggi. Kebudayaan Islam di sana telah berjaya mempengaruhi dunia Eropah. Banyak buku-buku dan kitab-kitab Islam yang ditinggalkan oleh orang-orang Arab telah menjadi bahan pengajian orang-orang Eropah. Pelbagai bidang ilmu pengetahuan telah dihasilkan oleh orang-orang Islam di Sepanyol seperti ilmu falsafah, sains, perubatan, sejarah, ilmu alam dan lain-lain. Di antara ahli falsafah yang terkenal pada zaman itu ialah **Ibnu Bajjah**, **Ibnu Arabi**, **Ibnu Khaldun** dan **Ibnu Batutah**. Di antara mereka juga ahli ilmu sains, sejarah, ilmu alam dan perubatan.

Perkembangan ilmu pengetahuan juga telah mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam zaman Kerajaan Fatimiah. Di dalam masa Khalifah al-Mu'iz pusat pengajian tinggi Islam **al-Azhar** telah ditubuhkan. Di dalam zaman Khalifah al-Hakim pula perpustakaan **Darul-Hikmah** telah dibina, dan sebuah pusat penyelidikan bintang **al-Rasyadu al-Hakim** telah didirikan di Bukit Muquattan. Di samping itu, Kerajaan Fatimiah juga telah banyak mengeluarkan tokoh-tokoh ilmu pengetahuannya, di antaranya **Ibnu-al-Haytham** pakar dalam politik dan ekonomi, **Al-Tamimi** pakar perubatan, **Ibnu Killis** juga pakar politik dan ekonomi, **Al-Mawsili** ahli fizik, **Ibnu Yunus** ahli astronomi yang bertanggungjawab membina pusat penyelidikan bintang **al-Rasyadu al-Hakim**.

Saya lihat penulis buku ini telah membuat beberapa percubaan yang berjaya menengahkan tentang ketinggian peradaban Islam, khususnya di dalam bidang ilmu pengetahuan. Agama Islam adalah menggalakkkan penganut-penganutnya supaya sentiasa berfikir dan sentiasa membina tamadun yang tinggi melalui mencari dan menuntut ilmu. Pemikiran-pemikiran ini kemudiannya telah menghadapi zaman *ju-mud* apabila negara-negara Islam menghadapi zaman keruntuhannya dan dijajah. Tetapi Alhamdulillah, setelah zaman kemerdekaan muncul, pemikiran-pemikiran pembaharuan di kalangan intelektual Islam telah kembali bersinar.

Organisasi-organisasi Islam dan tokoh-tokoh pemikir Islam telah muncul dan meniupkan kebangkitan semula zaman kegemilangan Islam. Saya harap buku **Sejarah Perkembangan Islam** oleh saudara Mohd Jamil bin Mukmin dapat dijadikan bahan bacaan untuk merenung kembali zaman keagungan Islam itu, dan ini akan memberi dorongan kepada kita agar mendalamai lagi dan seterusnya menghayati Islam.

PROFESOR MADYA DR. ISMAIL HAMID

Ketua Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
11hb. Jun, 1992.

PENGENALAN

Assalamu'alaikum w.w.

Buku *Sejarah Perkembangan Islam* ini telah saya tulis dalam tahun 1967 dan 1968 iaitu semasa saya berada di Universiti Malaya. Ada dua tujuan saya menulis buku ini. Pertama, ialah untuk memberi gambaran secara objektif dan kritis mengenai detik-detik sejarah perkembangan Islam seperti yang saya haraikan di dalam **Pendahuluan**. Kedua, iaitu sebagai bahan rujukan kepada pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran dan bahan perbandingan kepada pelajar-pelajar universiti dan seterusnya masyarakat umum. Oleh hal yang demikian isi kandungan buku ini diolah berdasarkan sukanan pelajaran bagi pelajar-pelajar yang berkenaan.

Penulisan buku ini adalah hasil daripada kajian teliti dan menyeluruh bahan-bahan sejarah Islam yang ada pada masa itu dan ini termasuklah nota pelajaran Sejarah Islam iaitu salah satu matapelajaran akademik yang saya ikuti di Universiti Malaya pada masa itu, buku-buku Sejarah Islam dalam bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Indonesia dan Bahasa Arab. Saya sangat terhutang budi kepada beberapa orang kakitangan akademik Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya pada masa itu yang telah memberi galakan dan nasihat di dalam kajian dan penulisan buku ini. Mereka ialah Prof. Dr. A.M. M. Mackeen Ketua Jabatan yang berkenaan, Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan dan Ustaz Uthman El-Muhammady.

Penulisan Sejarah Perkembangan Islam ini kemudianya telah saya semak semula dalam tahun 1986, 1987 dan 1991 dan saya telah tokok-tambah supaya kandungannya lebih lengkap dan menyeluruh lagi mengikut kehendak-kehendak sukanan pelajaran masa kini dan juga keperluan masyarakat umum. Saya sangat-sangat terhutang budi kepada Ustaz Abdul Rahman Rukaini Ketua Unit Buku Agama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Puan Patini Yaakub yang telah membantu saya dalam kerja-kerja menyemak dan menyunting penulisan ini hingga galah menjadi buku seperti yang ada sekarang. Begitu juga kepada Prof. Madya Dr. Ismail Hamid Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang juga turut menyemak dan memberi nasihat kepada saya di dalam penulisan buku ini.

Saya mengakui masih banyak lagi kekurangan yang terdapat di dalam buku ini yang perlu diperbaiki. Sehubungan dengan ini saya mengalu-alukan teguran dan kritik membina daripada para pembaca supaya buku ini dapat diperbaiki lagi.

Mudah-mudahan buku ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Insya-Allah. Wassalam.

MOHD. JAMIL BIN MUKMIN

Kuching, Sarawak, April 1987

Melaka, April 1991

PENDAHULUAN

Buku *Sejarah Perkembangan Islam* ini ditulis dengan bertujuan untuk memberi gambaran secara objektif dan kritis mengenai detik-detik sejarah perkembangan Islam bermula dari keadaan Semenanjung Tanah Arab pra-Islam sehingga kepada sejarah dan kedudukan Islam di Malaysia. Perbincangan dan pengupasan sejarah Islam di dalam buku ini dibuat secara menyeluruh dan terus terang meliputi segala aspek dan faktor-faktor sejarah berdasarkan kajian dan penyelidikan akademik moden. Dengan kaedah ini adalah diharapkan buku ini akan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai hakikat sejarah Islam dan sekaligus dapat menyangkal tulisan-tulisan negatif para orientalis Barat mengenai sejarah perkembangan Islam.

Buku ini mengandungi lapan belas bab. Tetapi secara keseluruhan isi kandungannya boleh dibahagi kepada tiga belas kumpulan besar iaitu Zaman Jahiliah dan Arab Sebelum Islam, Islam dalam Zaman Nabi Muhammad, Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin, Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Bani Abbasiyah, Kerajaan Islam di Sepanyol, Peperangan Salib, Kerajaan Turki Uthmaniah, Kerajaan Fatimiyah, Kerajaan Islam di India, kedatangan Islam ke Negeri China, Kedatangan Islam ke Alam Melayu dan Islam dalam Perlembagaan Malaysia.

Pengupasan mengenai Zaman Jahiliah dan Arab Sebelum Islam di dalam buku ini dibuat secara menyeluruh adalah semata-mata bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas mengenai keadaan geografi dan kehidupan penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Arab pra-Islam. Ini adalah penting kerana di sinilah tempatnya kelahiran Nabi Muhammad dan Islam. Oleh hal yang demikian dengan pengupasan menyeluruh ini perbandingan secara yang lebih objektif dan adil mengenai keadaan penduduk-penduduk Tanah Arab sebelum dan selepas kedatangan Islam dapat dibuat.

Perkembangan Islam dalam Zaman Rasulullah dan Khulafa' al-Rasyidin adalah merupakan peringkat awal perkembangan Islam dan kelahiran pemerintahan Islam. Kerajaan-kerajaan Islam di dalam kedua-dua zaman berjalan dengan sempurna mengikut dasar-dasar Islam seperti yang ditentukan oleh al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah. Begitujuga dalam soal dakwah atau penyebaran Islam adalah dijalankan dengan bijaksana. Peperangan yang berlaku di dalam kedua-dua zaman ini adalah dengan sebab-sebab yang rasional. Dasar Islam sentiasa memerintahkan umatnya supaya mewujudkan keamanan, berbaik antara satu dengan yang lain sama ada antara individu, golongan-golongan, wilayah-wilayah dan negara-negara, tidak kira sama ada se-sama Islam mahupun dengan bukan Islam. Peperangan yang berlaku

dalam kedua-dua zaman ini khususnya dan zaman-zaman selepasnya umumnya adalah untuk menebus maruah, membebaskan wilayah-wilayah tertentu daripada penindasan dan penjajahan, mempertahankan diri dan juga kerana perbuatan pihak musuh memungkiri perjanjian. Kesempurnaan, ketinggian maruah dan ketokohan Rasulullah, para Khalifah dan cara pemerintahan mereka patut dijadikan contoh oleh pemimpin-pemimpin Islam kemudian.

Zaman Kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq adalah merupakan zaman kegemilangan pemeluasan wilayah-wilayah Islam. Dalam zaman ini wilayah Islam telah meluas hingga ke Afrika Utara, Sepanyol, Pulau Cyprus dan Pulau Rhodes di Laut Mediterranean di sebelah barat, sementara di sebelah timur hampir semua wilayah-wilayah di Asia Kecil (Asia Minor) hingga ke Pergunungan Caucasus dan selatan hingga ke Hadramaut telah di dalam tangan Islam. Dalam zaman ini khalifah-khalifah Islam telah berjaya menyusun sistem pemerintahan secara teratur. Zaman Kerajaan Bani Umayyah bolehlah dikatakan sebagai zaman pemeluasan dan pengukuhan pemerintahan Islam, dan ini telah menyediakan Kerajaan Bani Abbasiyah bergerak lebih berkesan di dalam bidang ilmu pengetahuan. Khalifah-Khalifah Abbasiyah seperti **al-Mansur**, **Harun al-Rasyid** dan lebih-lebih lagi **al-Ma'mun** telah membawa Islam mencapai keagungannya dalam bidang ilmu pengetahuan.

Zaman Kerajaan Islam di Sepanyol dan Kerajaan Fatimiah telah dapat melanjutkan lagi perkembangan ilmu pengetahuan Islam. Banyak pusat pengajian tinggi dan tokoh-tokoh ilmu pengetahuan Islam telah wujud dalam zaman itu. Pusat-pusat pengajian Islam di Baghdad, Cordova, Qahirah dan lain-lain bukan sahaja menjadi tumpuan para sarjana dan mahasiswa Islam tetapi juga bukan Islam dari Timur dan Barat. Di samping itu kekuatan Kerajaan Turki Uthmamiah dan kejayaannya menghapuskan kekuasaan Kerajaan Rom (Byzantine) dengan tertawannya kota Constantinople yang kemudiannya diubah namanya kepada Istanbul telah mengukuhkan lagi kedudukan Islam di benua Eropah. Sementara itu Peperangan Salib telah banyak membawa kesan yang positif kepada Islam. Kejayaan Islam mengambil balik kota Jerusalem (Baitul-Muqadis) daripada tangan orang Kristian telah menebus maruah orang Islam. Begitu juga ketokohan kepimpinan dan ketinggian peribadi **Sultan Salahuddin al-Ayyubi** telah mengagumkan kawan dan lawan terutamanya **King Richard The Lion Heart** Raja England.

Kemasukan Islam ke India juga telah berjalan mengikut prinsip-prinsip dan nilai-nilai selaras dengan kehendak-kehendak Islam. Kerajaan-kerajaan Islam di India sentiasa menunjukkan sikap berbaik-baik dengan pemerintah Hindu walaupun mereka menunjukkan sikap

yang negatif. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa memang terdapat juga banyak pemimpin-pemimpin kerajaan Islam sama ada di India mahupun ditempat-tempat lain yang menunjukkan sikap negatif mereka, dan inilah juga yang menyebabkan kejatuhan mereka. Tetapi sikap ini bukanlah prinsip Islam, dan mereka telah menerima akibatnya daripada perbuatan mereka itu.

Seperti yang telah dihuraikan di atas tadi peperangan yang banyak berlaku di dalam sejarah Islam adalah dengan sebab-sebab yang tertentu seperti yang telah dijelaskan. Peperangan dan penyebaran Islam adalah dua perkara yang berbeza. Pemerintah-pemerintah Islam tidak pernah memaksa penduduk-penduduk di wilayah-wilayah yang ditakluki supaya memeluk agama Islam, kerana prinsip dakwah Islam adalah jelas - "tidak ada paksaan dalam Islam", Islam berkembang bukannya dengan pedang, tetapi dengan dakwah yang bijaksana. Orang-orang bukan Islam memeluk agama Islam dengan kerelaan mereka sendiri setelah melihat keutuhan dan kesucian Islam. Sebagai contoh, orang Mongol termasuklah rajanya **Hulagu** yang datang dengan garang dan ganas menakluki Baghdad telah tunduk dan memeluk Islam. Begitulah juga dengan kedatangan Islam ke negeri China dan Alam Melayu telah berjalan dengan aman. Penduduk-penduduk di rantau ini telah menerima Islam dengan kerelaan mereka sendiri setelah melihat kebenaran dan kesucian Islam. Satu perkara lagi yang mengagumkan ialah Kerajaan-Kerajaan Islam pada keseluruhannya telah berjaya menjalankan sistem pemerintahan dan peraturan hidup yang murni dan sejahtera di wilayah-wilayah yang diperintahnya. Sistem yang seumpama ini tidak pernah mereka alami sebelumnya. Inilah juga yang menyebabkan mereka menerima Islam. Semua ciri-ciri yang dihuraikan di atas ini telah menyebabkan Kerajaan-Kerajaan Islam berjaya menempa sejarah keagungan dan bertahan selama 10 abad, iaitu dari semenjak kelahiran Islam di kota Makkah pada tahun 610M hingga kepada kejatuhan Kerajaan Abbasiyah di Baghdad pada tahun 1258M dan keruntuhan Kerajaan Uthmaniyyah di Constantinople pada tahun 1912M.

KANDUNGAN

	Muka
Kata Alu-aluan	vii
Kata Pengantar	ix
Pengenalan	xiii
Pendahuluan	xv
Daftar Peta	xxvii
BAB 1 ZAMAN JAHILIAH DAN ARAB SEBELUM ISLAM	1
Pendahuluan	1
Geografi Tanah Arab	2
Bahasa Arab Utara dan Selatan	4
Kerajaan-Kerajaan di Tanah Arab	5
Kerajaan-kerajaan di Bahagian Utara	9
Kehidupan Orang Arab	14
Agama-agama lain di Tanah Arab	18
Ekonomi	18
BAB 2 RIWAYAT HIDUP NABI MUHAMMAD S.A.W. SEHINGGA MENJADI RASUL	21
Asal Usul	21
Perkahwinan Abdullah dengan Aminah	23
Pemeliharaan	24
Peribadi Nabi Muhammad	25
Pekerjaan Nabi Muhammad	26
Perkahwinan Nabi Muhammad	27
Membaiaki Kaabah	28
BAB 3 PENENTANGAN MUSYRIKIN DI MAKKAH	31
Menerima Wahyu	31
Seruan Secara Sulit	32

Seruan Secara Terang	33
Reaksi Orang Quraisy	33
Perpindahan ke Habsyah Kali Pertama	35
Pemulauan Bani Hashim	35
Perpindahan ke Habsyah Kali Kedua	37
Abu Talib dan Khadijah Wafat	37
Penyebaran Islam ke Yasrib	38
Peristiwa Perpindahan	41
Kesan Perpindahan	43
Pembentukan Negara Islam yang Pertama	44
Membina Masjid	45
Mempersaudarakan Golongan Muhajirin dengan Ansar	45
Membentuk Perlembagaan (Sahifah) Madinah	46
Asas Negara Islam	47
Jihad yang Penting	48
Jihad dalam Zaman Nabi Muhammad	48
Peperangan Badar	49
Peperangan Uhud	51
Peperangan Khandaq	53
Peperangan Bani Mustaliq	55
Perjanjian Hudaibiah	56
Kesan Perjanjian Hudaibiah	58
Peperangan Selepas Hudaibiah	60
Pembukaan Kota Makkah	61
Kesan-kesan Penaklukan Kota Makkah	63
Peristiwa yang Berlaku Selepas Pembukaan Kota Makkah	64
Hari Perpisahan	67
Rasulullah Selsema dan Wafat	68
BAB 4 KERAJAAN KHULAF'A AL-RASYIDIN	71
Abu Bakar dan Pengkhalifahannya	71

Pentadbiran dan Peperangan Riddah pada Zaman Abu Bakar	75
Perubahan dalam Zaman Abu Bakar	79
Umar dan Pengkhalfahannya	81
Pentadbiran dan Perubahan dalam Zaman Umar	82
Uthman dan Pengkhalfahannya	84
Uthman dengan Keruntuhan Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin	86
Perubahan dalam Zaman Uthman	88
Ali dan Pengkhalfahannya	90
Peperangan Saudara dalam Zaman Ali	91
Kebangkitan Puak-puak dalam Islam	94
 BAB 5 PERKEMBANGAN ISLAM DALAM ZAMAN KHULAFÀ' AL-RASYIDIN	 97
Perkembangan Islam dalam Zaman Abu Bakar	97
Menghadapi Empayar Parsi	97
Menghadapi Rom Timur	98
Umar dan Perkembangan Islam ke Parsi	101
Kemasukan Islam ke Syria dan Palestine	103
Islam Masuk ke Iraq dan Kejatuhan Madain	104
Islam Berkembang ke Mesir	107
Perkembangan Islam dalam Masa Uthman	110
Zaman Kegelisahan Pemerintahan Khulafà' al-Rasyidin	112
Kebangkitan Empayar Umayyah	115
Hassan bin Ali	118
Husain bin Ali	119
 BAB 6 KERAJAAN BANI UMAIYAH	 121
Muawiyah bin Abu Sufian	122
Yazid bin Muawiyah	126
Abdul Malik bin Marwan	127
Walid bin Abdul Malik	130

Umar bin Abdul Aziz	134
Hisham bin Abdul Malik	135
Marwan bin Muhammad	138
BAB 7 KEJATUHAN KERAJAAN BANI UMAIYAH DAN KEBANGKITAN KERAJAAN ABBASIYAH	141
Muawiyah dan Kebangkitan Kerajaan Bani Umaiyah	141
Pertentangan di antara Puak Syi'ah dengan Umaiyah	144
Kelemahan Khalifah Bani Umaiyah	146
Pergerakan Puak Abbasiyah	150
Peranan Abu Muslim al-Khurasani	152
Marwan dan Keruntuhan Kerajaan Bani Umaiyah	154
Al-Saffah dan Kelahiran Kerajaan Bani Abbasiyah	155
BAB 8 KERAJAAN BANI ABBASIYAH	157
Permulaan Pentadbiran Kerajaan Abbasiyah	159
Al-Mansur dan Pembentukan Kota Baghdad	161
Sistem Wazir	162
Pembinaan Kota Baghdad	163
Zaman Jihad	164
Harun al-Rasyid	165
Al-Ma'mun dan Kemajuan-kemajuan Kerajaan Abbasiyah	170
Pengaruh Turki dalam Kerajaan Abbasiyah	177
Perpecahan Kerajaan Abbasiyah	179
Kejatuhan Kerajaan Bani Abbasiyah	181
BAB 9 KERAJAAN ISLAM DI SEPANYOL	185
Pembuka Jalan ke arah Penaklukan Sepanyol	185
Penaklukan Sepanyol	186

Pentadbiran Kerajaan Islam di Sepanyol	190
Kejayaan Islam di Sepanyol	194
BAB 10 KEJATUHAN KERAJAAN ISLAM DI SEPANYOL	197
Khalifah Kerajaan Islam Sepanyol	197
Kelemahan Khalifah	198
Kebangkitan Kerajaan-kerajaan Kecil	201
Kerajaan Muwahidin	203
Kerajaan Bani Akhmar	203
Kejatuhan Granada	203
BAB 11 PEPPERANGAN SALIB DAN KESANNYA KE ATAS UMAT ISLAM	207
Sebab-sebab peperangan Salib	207
Peperangan Salib yang Pertama	210
Peperangan Salib yang Kedua	213
Kerajaan Ayyubiah	215
Peperangan Salib yang Ketiga	217
Peperangan Salib yang Keempat	221
Peperangan Salib yang Kelima	222
Peperangan Salib yang Keenam	223
Peperangan Salib yang Ketujuh	224
Kejatuhan Ayyubiah	224
Kesan-kesan Besar Peperangan Salib	225
BAB 12 KERAJAAN TURKI UTHMANIAH	229
Asal Kerajaan Uthmaniah-Ertoghrul	229
Khalifah-khalifah Pemerintah Kerajaan Uthmaniah	230
Penaklukan dan Perkembangan Kerajaan Uthmaniah	231
Organisasi Kerajaan	237
Kejatuhan Kerajaan Uthmaniah	238

BAB 13	PERKEMBANGAN KERAJAAN TURKI KE ASIA DAN AFRIKA	245
	Turki dalam Zaman Kerajaan Abbasiyah	245
	Kebangkitan Kerajaan Tuluni	245
	Kebangkitan Kerajaan Ghaznawi	246
	Kebangkitan Kerajaan Seljukiah	247
	Kebangkitan Kerajaan Uthmaniah	248
	Penaklukan Kuasa Turki di Asia	249
	Penaklukan Kuasa Turki di Afrika	250
	Pengaruh Islam Tersebar di Asia dan Afrika	251
D BAB 14	KERAJAAN FATIMIAH DI MESIR	253
	Kebangkitannya	253
	Khalifah al-Mahadi	254
	Khalifah al-Qa'im	256
	Khalifah al-Mu'iz	256
	Khalifah al-Aziz	257
	Khalifah al-Hakim	258
	Kemajuan Kerajaan Fatimiah	258
	Hal-hal lain dalam Bidang Ilmu Pengetahuan	261
	Kejatuhan Kerajaan Fatimiah	263
BAB 15	KERAJAAN-KERAJAAN ISLAM DI INDIA DAN KEMASUKAN ISLAM KE NEGERI CHINA	267 ~
	Permulaan Kemasukan Islam ke India	267
	Kebangkitan Kerajaan Ghaznawi	268
	Subuktigin	270
	Mahmud yang Agung	270
	Kemajuan Kerajaan Ghaznawi	271
	Kebangkitan Kerajaan Ghori	273
	Kejatuhan Kerajaan Ghori	274
	Kerajaan Mamluk di India	275

Kejatuhan Kerajaan Hindu Vijayanagar	277
Bahan-bahan Sejarah Kedatangan Islam ke Negeri China	278
Permulaan Kedatangan Islam ke Negeri China	279
Kedudukan Islam di Negeri China	283
BAB 16 / KERAJAAN MOGHUL DI INDIA	287
Kerajaan-kerajaan di India	287
Zahiruddin Baber	287
Humayun	289
Humayun dan Sher Khan	290
Sher Khan Suri, Humayun dan Bairan Khan	291
Akbar	292
Jehangir	294
Nur Jehan dan Shah Jehan	295
Aurangzeb	298
Pemberontakan Hindu	299
Kejatuhan Kerajaan Moghul di India	300
BAB 17 PERKEMBANGAN ISLAM DI ASIA TENGGARA	303
Teori Kedatangan Islam ke Asia Tenggara	303
Kedatangan Islam ke Sumatera	304
Kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu	306
Perkembangan Islam di Pulau Jawa	310
Perkembangan Islam di Kalimantan	311
Perkembangan Islam di Sulawesi	311
Perkembangan Islam di Kepulauan Maluku	312
Islam di Filipina	312
Faktor-faktor Penerimaan Islam	313
Peranan Melaka sebagai Pusat Perkembangan Islam	314

Acheh sebagai Pusat Perkembangan Islam di Alam Melayu	317
Pembaharuan yang dibawa oleh Islam	320
BAB 18 ISLAM DALAM PERLEMBANGAN MALAYSIA	323
Pengenalan	323
Agama Islam sebagai Agama Rasmi	323
Agama Islam dan Negeri-negeri di Tanah Melayu	324
Agama Islam dan Negeri-negeri Sarawak dan Sabah	327
Agama Islam dan Kebebasan Agama-agama lain	328
Agama dan Hak Asasi	330
Pengertian Agama Rasmi	331
Proses Agama Rasmi	333
BIBLIOGRAFI	339

DAFTAR PETA

	Muka
1. Geografi Semenanjung Arab: Zaman Pra-Islam	3
2. Kegiatan Ekonomi: Semenanjung Tanah Arab Zaman Pra-Islam	19
3. Asia Barat Semasa Kedatangan Islam	100
4. Kerajaan Khalifah-khalifah (Kira-kira tahun 750 M)	133
5. Perkembangan Islam Pada Zaman Kerajaan Abbasiyah	172
6. Gerakan Islam ke Sepanyol	189
7. Negara-negara yang terlibat dalam Perang Salib (kira-kira tahun 1140M)	220
8. Perkembangan Empayar Uthmaniah dari Awal Kurun Keempat Belas Hingga tahun 1683	233
9. India Utara: Kemaraan Mahmud Ghazni (1005-1030M)	269
10. Kerajaan Ghur: Daerah Kekuasaan Muhammad Ghur (1168-1206M)	269
11. Empayar Kesultanan Delhi semasa pemerintahan Alauddin Khilji	276
12. Kedatangan Islam ke Negeri China	280
13. Kerajaan Moghul di India dalam Kurun Ketujuh Belas	297
14. Penyebaran Islam di Asia Tenggara	<u>305</u>
15. Empayar Kesultanan Melayu (Islam) Melaka hingga ke tahun 1511	315
16. Kerajaan Islam Aceh hingga ke tahun 1636	318



ZAMAN JAHILIAH DAN ARAB SEBELUM ISLAM

Pendahuluan

Sebelum kedatangan Islam di Tanah Arab, zaman tersebut lebih terkenal sebagai **"Zaman Jahiliah"**. Sungguhpun sebutan Jahiliah diambil daripada perkataan *"Jahil"* yang bererti *"bodoh"*, tetapi bangsa Arab ketika itu tidaklah sebenarnya bodoh, mereka mempunyai adat resam, undang-undang dan peraturan-peraturan yang menyusun kehidupan mereka sehari-hari dan bersesuaian dengan keadaan hidup yang serba ringkas pada masa itu.

Jadi, apakah ertiinya *Jahiliah* yang sebenarnya?

Ada ahli sejarah berpendapat bahawa *Jahil* di sini diertikan sebagai kejam, kerana zaman sebelum Islam ini di Tanah Arab banyak berlaku kekejaman, seperti membunuh anak perempuan, berperang sesama sendiri yang berpunca daripada masalah kecil, menuntut bela dan sebagainya. Ada juga ahli sejarah yang mengatakan maksud Jahiliah sebenarnya bukan kejam dan bodoh, malahan buta agama, kerana orang Arab pada zaman ini tidak mempunyai satu pegangan agama yang tertentu, mereka mengkhayalkan Tuhan pada perkara-perkara yang menghairankan mereka, jadi tidaklah pelik kalau seseorang itu menukar Tuhananya dari satu benda kepada benda yang lain dua tiga kali sehari.

Di sini terdapat dua pengertian tentang zaman Jahiliah, dan kedua-dua pengertian ini memberikan kita gambaran yang jelas tentang zaman sebelum kedatangan Islam sebagai suatu zaman yang kejam dan manusianya hidup tanpa satu agama atau pegangan mereka dalam soal ketuhanan.

Oleh kerana bangsa Arab, bangsa yang dipilih oleh Allah mula-mula memikul tanggungjawab seruan Islam maka sewajarnyalah dikaji walaupun secara ringkas tentang beberapa perkara berhubung dengan bangsa ini sebelum dikaji tentang sejarah Islam.

Bangsa ini satu-satunya bangsa yang mempunyai peradaban dan kebudayaan serta nilai-nilai akhlak yang tersendiri. Oleh kerana Islam membawa pembaharuan terhadap segala yang ada pada mereka, maka berlakulah pergeseran yang hebat di antara pegangan Arab Jahiliah

dengan ajaran Islam, yang memakan masa bertahun-tahun lamanya. Pergeseran ini ada pertaliannya dengan perkembangan ajaran Islam, kerana Islam tidak menghapuskan semua adat-adat Arab, malahan ada di antaranya yang dikenalkan kerana ada persesuaian dengan Islam.

Geografi Tanah Arab

Orang-orang Arab menyebut tentang negeri mereka dengan sebutan *Pulau* (*Jezirah*). Sungguhpun negeri mereka dikelilingi air dari arah timur, barat dan selatan sahaja di sebelah utara terdapat negeri Syam, ini mungkin agaknya kerana orang Arab dalam perjalanan perniagaan mereka, mereka bertemu dengan laut, Laut Merah, Laut Mediterranean, Teluk Parsi dan Lautan Hindi, jadi mereka sangka atau menganggap negeri mereka dikelilingi laut.

Kalau diperhatikan pada peta Tanah Arab kedapatan Negerinya seolah-olah empat persegi bujur. Dari barat - Laut Merah, dari selatan - lautan Hindi, dari timur - Teluk Parsi dan di bahagian utaranya sempadan Tanah Arab berakhir di Syam, tidak sampai ke Mediterranean.

Kawasan yang luas ini bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian:-

1. Bahagian tengah Semenanjung Tanah Arab.
2. Bahagian pinggir laut Semenanjung Tanah Arab.

Perbezaan antara kedua-dua bahagian ini sangatlah nyata. Bahagian tengah Tanah Arab terdapat banjaran-banjaran gunung yang tinggi, dan terdapat *wadi* (lembah) di celahnya. Bahagian ini sangat sedikit disirami hujan, jadi penduduk-penduduknya pun sedikit. Mereka terdiri daripada keluarga yang selalu berpindah-randah mencari air, dan mungkin mereka berada di suatu tempat untuk sekian waktu menternak kambing-kambing mereka. Setelah kehabisan rumput dan air, mereka beralih ke tempat lain pula. Sememangnya manusia begini tidak mempunyai rumah kediaman yang tetap. Mereka menggunakan khemah-khemah yang mudah dipasang. Unta adalah binatang terpenting dalam kehidupan mereka, sehingga unta dipanggil kapal padang pasir kerana keistimewaannya yang luar biasa. Sumber utama kehidupan mereka ialah kambing ternakan mereka. Susunya diminum, daging dimakan, bulu dan kulitnya dijadikan bahan pakaian dan khemah mereka. Keadaan hidup di bahagian ini tidak memberi kemudahan bercucuk tanam dan menjalankan perusahaan, kerana kerja-kerja itu memerlukan hidup yang menetap dan ini tidak pernah dirasai oleh orang-orang yang tinggal di bahagian tengah.



GEOGRAFI SEMENANJUNG ARAB: ZAMAN PRA-ISLAM

Bahagian tengah ini pula terbahagi kepada dua, satunya di utara yang dipanggil Najd, dan satu lagi di selatan yang dipanggil Al-Ahkaf, atau al-Rub'-Al-Khali. Penduduk di bahagian Najd lebih ramai daripada penduduk Ahkaf, oleh itu dipanggil juga *Al-Khali* (Suku yang Kosong) kerana hampir tiada penduduk di kawasan ini.

Keadaan muka bumi di kedua tempat ini pun berlainan. Di Ahkaf diliputi pasir yang dalam dan tidak menakung air hujan. Itulah sebabnya tidak ramai penduduk tinggal di sini. Di Najd pula tanahnya batu, timbunan pasir timbul di setengah-setengah tempatnya, ini sesuai untuk tanaman kerana tempat-tempat ini dapat menakung air. Oleh itu ramailah penduduk yang tinggal di sini.

Bahagian kedua, bahagian pinggir laut, meliputi kawasan-kawasan berhampiran dengan laut Semenanjung Tanah Arab. Kawasan ini

hingga ke Yaman di mana terdapat pertemuan keturunan Arab yang mewujudkan umat Islam yang tulen tanpa bermegah kerana keturunan atau kebangsaan. Usaha menyatukan ummah ini berjaya pada masa Nabi Muhammad dan zaman sahabat-sahabat tetapi perselisihan di antara Arab Selatan dengan Arab Utara tidak luput di kalangan orang Arab seluruhnya, dan sikap bermegah-megah kerana keturunan ini sering berlaku semasa kuasa Khalifah menjadi lemah atau apabila mereka lupakan ajaran Islam. Pada masa ini orang Arab mudah tersinggung kalau soal keturunan mereka dibabitkan.

Bahasa Arab Utara dan Selatan

Dari keterangan ringkas itu, dapatlah disimpulkan bahawa Yaman - Arab Selatan telah jauh lebih maju daripada Arab Utara. Mereka telah menguasai perdagangan di sebelah timur seluruhnya dan mereka mempunyai tanah jajahan di sepanjang jalan perdagangan dari Yaman ke Syam di samping penaklukan mereka ke atas jalan-jalan perdagangan laut ke Timur dan Afrika. Dalam menjalankan perniagaan dan mengurus tanah setengah jajahan ini, mereka ketepikan orang Arab Utara; menyebabkan kurang percampuran di antara Arab Utara dengan Arab Selatan. Negeri Yaman juga, telah menarik minat pedagang-pedagang asing dari Habsyah dan Negeri Afrika untuk menetap di situ. Oleh kerana perhubungan orang Arab Selatan dan orang asing timbullah bahasa yang lain daripada Bahasa Arab yang dituturkan oleh Arab Utara. Disebabkan oleh majunya Yaman maka bahasanya pun turut maju, lebih-lebih lagi kerana hubungannya yang rapat dengan bahasa Habsyah yang berasal dari rumpun bahasa Samit juga. Bahasa campuran Arab dan Habsyah dinamakan bahasa Himyar. Melalui bahasa inilah diukirkan kisah-kisah orang Himyar yang masih ada hingga sekarang.

Bahasa Arab Utara yang dikenali dengan bahasa al-Qur'an adalah berbeza dengan bahasa Arab Selatan dalam gaya dan tata bahasanya, tetapi terdapat banyak persamaan dalam sebutan nama benda dan bentuk katanya.

Apabila kekuasaan perdagangan berpindah di Tanah Arab, dari-pada Arab Selatan kepada Arab Utara, mulalah orang Arab seluruhnya memberi perhatian berat terhadap bandar Makkah sebagai pusat perdagangan dan bandar suci. Ini menyebabkan kedudukan Makkah bertambah maju dari hari ke hari dan bahasa Arab Utara pun mulalah maju dan Bahasa Selatan kian mundur hingga lenyap. Setelah Islam datang, al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab Quraisy, yang dituturkan oleh orang Quraisy, iaitu bahasa Arab Utara. Ini dianggap sebagai pengakuan terhadap kedaulatan bahasa Arab Utara. Akhirnya penggunaan bahasa Arab Quraisy (Utara) telah menyeluruh di Tanah

Arab. Tiada lagi terdapat orang-orang yang boleh mengaku ini adalah bahasa Arab Utara malahan ini ialah bahasa Arab yang digunakan di Tanah Arab.

Kerajaan-Kerajaan di Tanah Arab

Pemikiran politik di Tanah Arab adalah berpunca kepada pembahagian penduduknya. Penduduk Tanah Arab terbahagi kepada dua penduduk *Badiyah* (kampung) dan penduduk *Hadhar* (bandar). Dari perbezaan ini membawa kepada perbezaan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran. Ketika orang-orang Badiyah hidup dalam keadaan terpencil dengan kabilah-kabilah kecil, orang-orang Hadhar sudah pun kenal dengan kerajaan atau susunan politik yang rapi.

Sistem Pemerintahan Badiyah

Penduduk-penduduk Badiyah yang dikenal sebagai Badawi hidup berpuak-puak dan tiap-tiap anggota dalam sesuatu puak itu mestilah diikatkan dengan pertalian darah dan keturunan. Jadi sesuatu puak itu merupakan unit (kesatuan, hinggakan kepentingan perseorangan dileburkan untuk kepentingan ramai) penghidupan di Badiyah. Kadang-kadang orang-orang asing pun dianggap sebagai anggota puak walaupun tanpa hubungan darah dan keturunan, jika mereka datang memperhambakan diri atau diperhambakan dan kalau mereka meminta perlindungan.

Sifat teristimewa yang terdapat pada orang Badiyah ialah '*tidak menyerah*' ertinya kebebasan satu-satunya yang dibanggakan oleh mereka, dan tidak akan ditukarkannya dengan apa jua. Kalau dalam zaman moden sekarang setengah-tengah bahagian kebebasan terpaksa dikawal oleh pemerintah untuk kepentingan negara. Ini dianggap oleh orang-orang Badiyah sebagai penipuan terhadap kebebasan mereka. Pendeknya seseorang sanggup mati atau keluar dari puaknya kalau kebebasannya ditahan. Sungguhpun orang-orang Badiyah memuja kebebasannya, terdapat juga nilai-nilai budi pekerti yang disanjung tinggi oleh mereka, iaitu keberanian, pemurah dan lembut hati (seorang yang dapat menahan marahnya). Kalau terdapat sifat-sifat ini pada seseorang maka dia akan ditabalkan sebagai ketua puak itu, dan anggota-anggota seluruhnya mestilah tunduk kepada perintah dan hukumannya. Akan tetapi desakan kebebasan dan perasaan keakuan yang melampau sering mendorong seseorang anggota membantah terhadap keputusan ketuanya. Oleh itu dia boleh dibunuh atau disingkirkan dari pada puaknya.

Pemerintahan atau lebih sesuai dikatakan cara hidup sesuatu puak adalah berdasarkan sama rata. Ketua puak yang digelar *Syeikh* duduk sama rendah berdiri sama tegak dengan anggota-anggota puak itu. Sungguhpun hak-hak dan keistimewaan *Syeikh* ini tidak banyak; tetapi tanggungjawabnya sangat banyak; baik dalam masa aman maupun dalam perang. Dalam masa aman *Syeikh* bertanggungjawab melayan tetamu-tetamu yang datang, berlaku murah hati membantu. Dalam masa perang pula *Syeikh* mestilah berada di barisan hadapan memimpin puaknya, dan membahagikan senjata dan makanan kepada yang berperang.

Mungkin juga seorang *Syeikh* ada anak lelaki yang boleh mewarisi jawatannya jika anak itu mempunyai sifat yang layak untuk jawatan ini. Kalauolah jawatan itu digantikan dalam satu keluarga maka keluarga itu dikenal sebagai keluarga yang megah dan bertuah.

Kerajaan Bahagian Hadhar

Di pertemuan laut Merah dan Lautan Hindi terletak Kerajaan Yaman yang mempunyai kemajuan dan peradaban yang teragung di Tanah Arab, membawa nilai sejarah dan kebudayaan ke seluruh dunia.

Nama negeri Yaman bererti *kebajikan* dan *berkat*, kerana negeri itu agak subur jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di bahagian pinggir laut. Hujan pun turun dengan teratur. Air hujan ini dapat dikawal dengan mendirikan empangan-empangan di celah-celah gunung di sana. Faktor lain yang memajukan Yaman ialah kedudukan Yaman yang menjadi persinggahan perdagangan dari timur dan Afrika. Dari sini pula perdagangan dibawa ikut jalan darat ke Syam. Keistimewaan ini menjadikan Yaman sebuah pasar yang penting bagi barang-barang perdagangan timur dan barat.

Kedudukan Yaman yang penting dalam dunia perniagaan ini menarik minat pedagang-pedagang asing untuk tinggal di situ. Ada di antara mereka yang berumah tangga dan berkampung halaman di Yaman. Hasil dari perkampungan ini berlakulah percampuran di antara darah Arab Selatan dan unsur-unsur yang mendatang. Kadang kala pedagang-pedagang Arab yang merantau tadi membawa balik perempuan asing dari negeri-negeri yang mereka lawati. Dari sini dapatlah digambarkan bahawa Yaman pada masa itu sebuah negeri yang kaya, makmur dan penuh dengan kebudayaan yang pelbagai corak. Sebenarnya kekayaan di Yaman telah mendorong kepada suatu corak pemerintahan yang tidak dikenali oleh penduduk-penduduk Badiyah. Mengikut ahli-ahli sejarah, sebelum manusia mengetahui sistem hidup bercucuk tanam, mereka hidup dengan cara yang paling ringkas dan berpuak-

puak. Semua pendapatan puak-puak itu digunakan sama rata oleh anggota-anggota puak. Setelah mereka kenal sistem bercucuk tanam mereka dapati hasilnya lebih daripada keperluan. Hasil yang lebih ini mereka persembahkan kepada orang-orang yang mempunyai kelebihan seperti orang-orang agama dan ketua-ketua tentera. Inilah yang berlaku di Yaman; hasil negerinya lebih besar daripada penggunaannya. Sejak itu timbullah segolongan manusia yang kaya dan berkuasa. Dengan gelaran-gelaran seperti Raja, Sultan dan gelaran-gelaran ini memang sepadan dengan kedudukan mereka. Kadang-kadang kuasa raja ini sangat luas, dan pada masa lemahnya dia hanya memerintah bahagian-bahagian kecil sahaja. Lanjutan dari kuasa-kuasa ternama inilah timbulnya Kerajaan di Yaman seperti Kerajaan Ma'in, Qutban, Saba, dan Himyar. Tidak terdapat keterangan lanjut berhubung dengan kerajaan Ma'in dan Qutban kerana kedua-dua kerajaan ini diasaskan kira-kira tahun 1,200 S.M.

Kerajaan Saba'

Ahli-ahli sejarah tidak dapat menentukan waktu bermulanya kerajaan Saba'. Yang dapat dipastikan ialah kerajaan ini wujud bersama dengan kerajaan-kerajaan Ma'in dan Qutban. Pada waktu kerajaan Ma'in dan Qutban mula lemah, Saba' berada di kemuncak kebesarannya, dan meluaskan jajahan takluknya sedikit demi sedikit hingga akhirnya lenyaplah dua kerajaan yang terdahulu tadi. Ada ahli sejarah yang menganggarkan bahawa kerajaan ini diasaskan pada pertengahan kurun ke-10 kira-kira pada tahun 955 S.M. dan lenyap pada tahun 115 S.M. Kota Ma'arab sebagai ibu kota kerajaan.

Antara faktor penting yang menjadikan Saba' sesebuah kerajaan yang terkenal: pertamanya, Ratu Balqis dan ceritanya dengan Nabi Sulaiman. Keduanya, empangan Ma'arib yang teragung. Empangan ini dibina oleh pakar-pakar binaan Saba' untuk mengempang air hujan daripada mengalir ke laut secara percuma. Dengan itu dapatlah penduduknya menggunakan air dan mendatangkan hasil tanaman berkali-kali setahun. Dengan empangan itu juga maka terkawallah tanaman-tanaman daripada dilarikan air pada musim banjir, tetapi empangan seperti ini memerlukan kawalan dan jagaan yang rapi. Sayangnya oleh kerana kerajaan pada masa akhirnya sangat sibuk, tiada orang-orang tertentu mengawasi empangan, empangan mula retak dan akhirnya dipukul air. Kejadian ini mengubah corak pemerintahan Yaman, banyak penduduknya pindah ke utara maka tibaalah saat terakhir bagi kerajaan Saba' dan timbul pula kerajaan lain yang dinamakan kerajaan Himyar.

Kerajaan Himyar

Semasa kerajan Saba' menghadapi kelemahannya, puak Himyar sedang giat mencari pengaruh di Yaman dan setelah lenyapnya kerajaan Saba' pada tahun 115 S.M. dapatlah mereka menyebarkan pengaruh mereka ke seluruh Yaman dan berkuasa di situ. Kerajaan Himyar dikatakan telah memperbaiki semula negeri Yaman. Ampangan yang runtuh didirikan kembali. Sistem pertanian diperbaharui dalam tempoh yang singkat. Kerajaan Himyar bertambah kuat dan mula membuat serangan hingga mengancam sempadan-sempadan Bahrain dan Iraq.

Lama-kelamaan kerajaan itu menjadi tua dan keadaan dalam negeri Yaman menjadi sibuk, ampangan-ampangan tidak dihiraukan lebih-lebih lagi ampangan Ma'arab yang dibina oleh Saba'. Pada masa kerajaan Saba' empangan itu telah pecah yang mengakibatkan banjir besar berlaku. Air banjir telah merosakkan tanaman dan ladang-ladang menyebabkan bahagian selatan Yaman tenggelam dan utaranya kekeringan. Ramai penduduk yang berpindah ke utara Tanah Arab. Pada masa ini mulalah datang campur tangan dari Parsi dan Rom yang bertujuan udang di sebalik batu.

Kerajaan Saba' dan Himyar meninggalkan kesan-kesan keagungan mereka seperti bangunan-bangunan lama dan ukiran-ukiran. Pada masa keagungan mereka memiliki kapal-kapal perdagangan yang menguasai perdagangan di negeri-negeri sebelah timur. Dari Yaman perdagangan dibawa ke pelabuhan laut Mediterranean dengan menggunakan unta. Orang Yaman sangat bijak berniaga hingga rahasia dari mana datangnya barang-barang itu tidak dapat diketahui oleh penduduk-penduduk utara Tanah Arab.

Yaman Terjajah

Rom dan Parsi berlumba-lumba hendak menguasai Yaman, kerana kekayaan dan kepentingan kedudukannya dalam dunia perniagaan, tetapi tujuan utama ini disembunyikan mengikut kebiasaan penjajah yang dinyatakan.

Dikatakan tadi Kerajaan Himyar mula berkuasa di Yaman dalam tahun 115 S.M. Semasa agama Kristian berkembang, kerajaan ini masih lagi berkuasa di Yaman, tetapi dalam kurun yang ke-5 M raja kerajaan ini telah lemah. Raja itu bernama Zu Nuwas beragama Yahudi. Pada masa itu agama Kristian berkembang di Najran - utara Yaman. Agama ini dibawa orang dari Habsyah. Oleh kerana Raja Himyar ini bimbang kalau-kalau Habsyah menawan Yaman dengan pertolongan orang Najran dan bimbang tentang pengaruh keagamaan, maka Raja Himyar memberikan kata dua kepada penduduk Najran

sama ada mahukan agama Yahudi atau mati, tetapi orang Najran pilih mati, dan akhirnya mereka dibunuh.

Seorang daripada golongan Kristian dapat melarikan diri ke Habsyah dan menceritakan kejadian di Najran. Raja Habsyah Najasyi - berasa tidak senang dengan tindakan Raja Himyar yang beragama Yahudi, lalu dia pun meminta bantuan Kaisar Rom menyerang Yaman. Akhirnya Kerajan Himyar dikalahkan dan rajanya pun mati. Panglima tentera Najasyi (Iryat) dilantik menjadi pemerintah di Yaman bagi pihak Kerajan Habsyah, tetapi pemerintahan Iryat tidak lama. Akhirnya ditentang oleh penolongnya, Abrahah, dan dengan tipu helah Abrahah; Iryat dibunuh dan Abrahah pula yang berkuasa di Yaman. Pada masa itu Abdul Mutualib bin Hasyim menjadi pengawal Kaabah di Makkah. Selepas Abrahah, Yaman diperintah oleh anak-anaknya dan kemudian Yaman pula dirampas oleh Parsi dari tangan Habsyah.

Kerajaan-kerajaan di Bahagian Utara

Kerajaan Anbat

Anbat ialah puak Badawi yang datang dari suatu tempat di sepanjang perjalanan dari Jordan ke Syria. Di sana mereka mendirikan sebuah kerajaan yang luas (dari Gaza ke Aqaba). Disebabkan kerajaan ini didirikan di tengah-tengah jalan perdagangan, maka ia telah menge-nakan cukai ke atas pedagang yang lalu lalang melalui negeri mereka. Kerajaan Anbat bermula pada kurun keempat sebelum Masihi dan sampai ke kemuncak kebesarannya dalam kurun pertama Masihi semasa kerajaannya meluas ke Damsyiq dan ke utara Hijaz.

Kerajaan Anbat berada dalam keadaan baik dengan Rom, tetapi kerajaan Rom berasa bimbang terhadap pengluasan Anbat dan dalam tahun 105 M. *Emperor Traianus* menyerang Anbat dan memasukkan Anbat ke dalam pemerintahan Rom.

Kerajaan Tadammur

Tadammur dan disebut juga Balmora dalam Bahasa Yunan, sebuah kerajaan tertua, tetapi terkenal hanya dalam kurun ke-2 M. dan ke-3 M. Kerajaan ini telah dapat menentukan sikap pengecualianya antara Rom dan Parsi dan dengan sikap ini dia mendapat pertolongan daripada kedua-dua belah pihak. Sungguhpun begitu kadang-kadang dia terlibat dalam peperangan dengan Rom dan Parsi, tetapi akhirnya dia memihak ke Rom dan berperang dengan Parsi, peperangan berakhir dengan kemenangan bagi pihak Tadammur dan meluaskan kerajaan ke Syam. Selang beberapa tahun kemudian Tadammur diperintah oleh seorang

perempuan dan telah mencabar kerajaan Rom. Cabaran disambut dan Tadammur dihancurkan oleh Rom.

Ibu kota Tadammur sebuah bandar yang indah bangunannya dibina mengikut bentuk-bentuk Yunan, Syam dan Parsi. Ini membuktikan bahawa orang Arab Badiyah berkebolehan. Hingga sekarang ini masih terdapat lagi kesan-kesan bangunan lama kerajaan Tadammur melambangkan kebebasan dan keagungan kerajaan itu pada zaman silam.

Kerajaan Hirah

Sebahagian kerajaan Rom dan Parsi sering terkena serangan puak-puak yang tinggal di utara Tanah Arab, serangan-serangan ini dilakukan secara pantas dan mereka merampas benda-benda yang sempat, lepas itu puak-puak ini menghilangkan diri di celah bukit di padang pasir, menyebabkan orang Rom dan Parsi tidak berdaya mengesan jejak-jejak mereka. Oleh yang demikian maka kerajaan Rom dan Parsi mengadakan sekatan dengan menggunakan puak-puak Arab yang tinggal berhampiran dengan sempadan Rom dan Parsi. Puak-puak Arab ini dibekalkan dengan senjata-senjata dan kemudahan-kemudahan lain. Puak-puak ini berjaya menentang serangan-serangan puak-puak Arab yang cuba menyerang kerana mereka mengetahui selok-belok padang pasir. Mereka kemudian mendirikan kerajaan Hirah yang dilindungi oleh Kerajaan Rom.

Sebenarnya kerajaan Rom bertujuan hendak menyerang Parsi dan cuba mendapat bantuan dari orang Arab, tetapi Parsi sedar akan tujuan Rom ini maka dia pun menggunakan helah yang sama supaya keselamatan negerinya terjamin.

Kerajaan Hirah ini ditubuhkan dalam keadaan dan suasana yang peperangan seperti yang diterangkan di atas tadi. Keadaan yang dimaksudkan dapat diringkaskan seperti di bawah ini.

Iskandar Macedonia yang memerintah Parsi telah membahagikan Parsi kepada wilayah-wilayah yang banyak supaya kekuatan negeri itu tidak dapat bersatu dan mudahlah baginya menjalankan pentadbiran. Masa ini terkenal dengan "Zaman Raja-raja Kumpulan" dari tahun 323 S.M. sehingga tahun 230 M. Dalam tempoh ini berlakulah perpindahan orang Arab Selatan ke bahagian utara Tanah Arab disebabkan oleh ancaman banjir ke atas negeri mereka. Orang Arab Selatan ini mengambil peluang atas kelemahan Raja-raja Kumpulan untuk menegakkan kerajaan mereka di Hirah.

Dalam tahun 230 M. terdapat seorang raja bernama Ardasir bin Babik yang dapat menyatukan seluruh Raja-raja Kumpulan di bawah nama kerajaan Sasanid. Raja Ardasir tidak menjatuhkan kerajaan Arab tetapi memadai dengan menundukkan raja Hirah ke bawah

kuasanya dan dialah yang menjalankan urusan perlantikan raja-raja Hirah.

Di antara raja Hirah yang terbilang ialah Amru bin Adi, Munzir bin Ma'a al-Sama' dan Nu'man bin Munzir. Nu'man dimurkai oleh raja Parsi kerana enggan mengahwinkan anak perempuannya. Akhirnya Nu'man dipenjara hingga mati. Selepas Nu'man, Kisra raja Parsi melantik Iyas bin Qubaisa menjadi pemerintah kerajaan Hirah bersama-sama dengannya dan dilantik pula seorang bangsa Parsi sebagai pembantu menjalankan pentadbiran. Pada masa Iyas inilah datang Khalid bin Walid memimpin tentera Islam, tetapi Iyas meminta perdamaian. Kejadian ini berlaku dalam tahun 12 Hijrah, lepas itu orang Hirah memeluk agama Islam.

Kerajaan Ghassan

Kerajaan Ghassan didirikan dalam suasana yang agak serupa dengan terdirinya kerajaan Hirah, ketika Parsi menghadapi zaman kelemahan di bawah pemerintahan Raja-raja Kumpulan. Tentera-tentera Kerajaan Rom masa itu pun berada dalam sengketa. Dalam kurun yang ke-3 M. keadaan di Parsi dan Rom telah tenang semula. Semasa perpindahan orang Yaman ke Hirah, ada juga puak-puak yang berpindah ke Syam. Oleh kerana Kerajaan Parsi memperalatkan orang Arab untuk melindungi mereka daripada serangan puak-puak Arab dan Rom maka kerajaan Rom pun mengerahkan orang Arab yang berpindah ke Syam untuk tujuan yang sama.

Puak-puak yang pertama sampai ke Syam dari Selatan ialah puak Dhaja'am. Puak ini berkuasa di Syam hingga kerajaan Rom berkuasa di bahagian itu dan melantik seorang pemerintah dari puak Dhaja'am. Pemerintahan puak Dhaja'am mengalami masa keruntuhan dan pada masa ini datanglah satu puak lain terkenal dengan nama puak Jafnah dan berkampung di suatu tempat berhampiran dengan sebuah perigi air dipanggil "Ghassan". Dari sini puak ini digelar Puak Ghassan. Setelah pemerintahan Puak Dhaja'am menjadi lemah, lalu puak Ghassan merampas kuasa di Syam. Pemerintahan puak Ghassan diakui oleh Kerajaan Rom dan terus melantik seorang pemerintah. Ibu Negeri Ghassan ialah "**Jallak**" atau Damsyiq sekarang ini.

Di antara raja-rajanya yang termasyur ialah al-Harith bin Jabalah, Munzzir bin Al-Harith dan Jabalah bin al-Aiham, raja terakhir bagi kerajaan Ghassan. Pada masa Islam masuk ke Syam, Jabalah memeluk agama Islam tetapi tidak lama kemudian ia murtad dan melarikan diri ke Rom.

Kerajaan Hirah dan Ghassan menjaga tradisi Arab Yaman dan kebudayaannya, dan contoh-contoh yang nyata tentang ini ialah istana-

istana kerajaan Hirah yang bernama "Khauranak dan Sadir". Yang penting berhubung dengan Kerajaan-kerajaan ini dan Rom ini ialah peranan yang dimainkan dalam memindahkan kebudayaan Parsi dan Rom ke Tanah Arab seperti agama, ilmu pengetahuan, tulisan dan taktik-taktik peperangan dan susunan tentera.

Hijaz

Hijaz ialah negara asal bagi agama Islam dan di sinilah juga Nabi Muhammad S.A.W. dilahirkan. Dari sini juga puncanya Islam berkembang ke seluruh dunia, dan Islam telah meninggikan taraf orang Arab ke taraf antarabangsa.

Hijaz suatu tempat di bahagian **Hadhar**, tetapi Hijaz lebih istimewa dari tempat-tempat lain kerana Hijaz bebas dari penjajahan kerajaan-kerajaan asing. Kedudukan Hijaz agak terpencil dan tidak pula kaya. Semuanya ini tidak menarik perhatian penjajah-penjajah yang membolehkan Hijaz menjaga kehormatan kerajaannya sebagai sebuah bandar suci di Tanah Arab. Ada juga percubaan yang diusahakan oleh Uthman bin Huwainath supaya Hijaz tunduk ke bawah pemerintahan Rom. Uthman yang memeluk agama Kristian ini tidak berjaya dalam usahanya dan kesudahannya Uthman dibunuh oleh orang Hijaz.

Bandar Suci Makkah

Nabi Ibrahim A.S. membawa isterinya, Hajar, bersama anak lelakinya Ismail A.S. pada masa itu masih menyusu lagi. Ismail A.S. dan ibunya ditinggalkan di suatu tempat bersama-sama mereka sedikit bekalan buah kurma dan air setelah itu Ibrahim pun pergi, tanpa menoleh ke belakang lagi. Setelah beberapa hari, bekalan pun selesai dan Ismail menangis kelaparan. Ibunya berlari-lari ke sana ke mari mencari air atau ada orang yang boleh menolong mereka memberi makanan. Setelah tujuh kali berulang alik antara bukit **Saffa** dan **Marwah** (salah satu Rukun Haji ialah **Sa'i** antara Saffa dan Marwah) ia terlihat seolah-olah seekor burung (dalam satu cerita dikatakan air memancut di hujung kaki Ismail) memagut di bumi dan air pun memancut keluar. Hajar telah mengepung air ini hingga tidak mengalir ke tempat lain, dan inilah perigi **Zam Zam** yang ada sekarang seperti mana yang dikisahkan dalam kitab suci, al-Qur'an.

Adakah perigi Zam Zam itu punca kemakmuran negeri Makkah? Tidak syak lagi kerana air di padang pasir lebih berharga daripada segala yang berharga. Apabila ada air terdapatlah penghuni di sekitarnya. Tambahan pula, kisah terjadinya perigi Zam Zam ini sangat luar biasa bagi orang Arab, dan ini meninggalkan kesan yang besar kepada diri mereka.

Berhampiran dengan perigi Zam Zam ada sebuah bandar kecil bernama Makkah. Bandar ini letaknya di tengah-tengah jalan perdagangan antara utara dan selatan Tanah Arab. Rombongan perdagangan selalu singgah berhati di sini untuk sehari dua. Setelah berita perigi Zam Zam diketahui orang ramailah pelawat datang melawat perigi untuk mendapat berkat dari perigi itu dan dengan itu bandar Makkah bertambah luas dan penduduknya bertambah ramai.

Nabi Ibrahim datang semula ke Makkah untuk melihat keadaan puteranya, Ismail, didapatinya Ismail mendapat kedudukan yang istimewa di situ lalu Nabi Ibrahim mendirikan sebuah bangunan dengan pertolongan Ismail iaitu **Kaabah** (lihat al-Qur'an, surah al-Baqarah, 127-128). Setelah selesai Ibrahim pun berdoa (lihat al-Qur'an, surah Ibrahim, 37) kepada Allah semoga Allah murahkan rezeki kepada keturunannya, dan menyeru (lihat al-Qur'an, surah Al-Haj, 27) supaya manusia datang menziarahi Kaabah. Berkat seruan Nabi Ibrahim hingga ke hari ini berduyun-duyun manusia ke Makkah menunaikan Haji. Pada mulanya dahulu segala upacara-upacara agama dilakukan di keliling Kaabah, lama kelamaan bandar Makkah sendiri menjadi sempit. Oleh itu penduduk-penduduk Mekah telah menentukan kawasan di keliling bandar Makkah sebagai suatu kawasan yang sah dijalankan upacara agama. Seperti di keliling Kaabah kawasan ini juga dikenali dengan Tanah Haram, kerana kawasan ini dianggap suci dan diharamkan melakukan pencabulan, pembunuhan dan lain-lain perkerjaan yang keji. Setelah datang Islam dan sembahyang yang difardukan, terdiri masjid diberi nama **Masjid al-Haram**.

Kerajaan Makkah

Bandar Makkah adalah sebuah bandar suci, oleh itu orang Arab seluruhnya telah membebaskan bandar itu kepada semua orang menjalankan istiadat agama dengan aman, tanpa gangguan daripada mana-mana puak, dari itu mereka bersetuju mengharamkan penumpahan darah dalam bulan-bulan yang terkutuk iaitu bulan-bulan Zulkaidah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Bulan ini dinamakan Bulan Haram, di samping itu mereka bersetuju mengharamkan pembunuhan selamanya di sekitar kawasan haram. Dalam bulan-bulan ini diadakan perayaan-perayaan dan pasar-pasar bahasa untuk mendendangkan hasil-hasil karya penyair-penyair Arab.

Pada mulanya Makkah didiami oleh puak-puak dari golongan *Amaliqah* dan tidak lama lepas itu datang lagi orang-orang dari puak-puak *Jurhum*. Masa itu Makkah belum lagi mempunyai kedudukan sebagai "Bandar Suci". Ismail dipindahkan ke situ, dan berkahwin dengan seorang perempuan dari puak Jurhum. Kebetulan pada masa itu puak Jurhum telah merampas kuasa daripada puak Amaliqah dan golongan

yang berkuasa di situ. Puak Jurhum setelah lama menjalankan pemerintahan di Makkah telah menjadi kaya dan lupa kepada tugas-tugas mereka sebagai penjaga Bandar Suci itu dan perigi Zam Zam. Semasa puak Jurhum leka dengan lagu-lagu kesenangan, Puak Khuza'ah mengambil peluang itu dan merampas kuasa. Puak Jurhum yang lemah itu terpaksa menarik diri dari Makkah. Sebelum keluar, mereka membuang alat senjata dan dua ekor kijang emas ke dalam perigi Zam Zam dengan harapan agar mereka akan kembali semula pada suatu masa nanti. Banu Jurhum meninggalkan Makkah pada tahun 207 S.M. Sejak itu Banu Khuza'ah menjalankan kuasa pemerintah hingga tahun 440 M. Selepas itu segala urusan berhubung dengan Kaabah dan upacara agama berpindah ke tangan puak Quraisy diketuai oleh Qusai bin Kilab, datuk keempat kepada Nabi Muhammad. Qusai ialah orang yang mendirikan Balai Nadwah tempat perjumpaan ketua-ketua puak Arab.

Kehidupan Orang Arab

1. Dari Segi Sosial

Pertalian keluarga orang Arab dalam zaman Jahiliah dikira hanya di sebelah lelaki. Ini adalah kerana *kedudukan perempuan* pada masa itu dianggap sangat rendah tarafnya dan segala kerja yang berhubung dengan urusan dalam dan luar rumah, kecuali memasak dan memelihara anak dikendalikan oleh orang lelaki. Pada suatu ketika anak-anak perempuan yang baru lahir ditanam hidup-hidup (perbuatan ini bukanlah menyeluruh di tanah Arab, tetapi hanya tertumpu pada setengah-setengah puak Bani Asad dan Tamin). Mereka memikirkan bahawa anak-anak perempuan ini kelak akan mencontengkan arang ke muka keluarganya, tetapi perbuatan ini dihapuskan setelah datang agama Islam. Sungguhpun kedudukan perempuan dipandang rendah dalam masyarakat Arab, kadang-kadang ada juga yang dimuliakan, contohnya dalam syair-syair Arab terdapat kata yang memuja kecantikan perempuan, tingkah laku yang lemah lembut; senyuman dan kerlingannya dan lain-lain hinggakan ada penyair-penyair yang bermadah menyebut-nyebut '*permaisuriku*', '*istana impianku*' dan lain-lain lagi. Kehormatan kaum wanita sangat-sangat diawasi oleh orang lelaki Arab. Andainya dicabul bererti perang atau mati, kerana inilah terjadinya perselisihan antara keluarga dengan keluarga dalam satu kabilah, dan peperangan di antara kabilah-kabilah di Tanah Arab. Dalam menjaga kehormatan kaum, pada mereka enggan mengahwinkan anak-anak perempuan mereka dengan bangsa selain daripada bangsa Arab, seperti yang berlaku pada Nu'man bin Munzir dan raja

Parsi, Kisra. Orang perempuan juga dibawa bersama dalam peperangan untuk mengapikan semangat orang lelaki yang berperang, seolah-olah tentera yang berperang mengawal kehormatan puak dengan terkawalnya kaum-kaum wanita.

Perkahwinan orang Arab dijalankan dengan berbagai-bagai cara dan terdapat hampir sepuluh cara perkahwinan di Tanah Arab pada masa itu. Perkahwinan cara meminang si gadis dari keluarganya, dan membayar mas kahwin pada gadis itu. Selalunya cara ini diluluskan oleh pihak keluarga perempuan dengan mendapat persetujuan daripada pihak perempuan terlebih dahulu dan cara ini dikekalkan oleh Islam kerana kesopannya. Perkahwinan cara lainnya adalah tidak bersopan dan dikatakan cara liar, contohnya mengambil isteri bapa sebagai isteri setelah bapa itu meninggal dunia, perempuan berkahwin dengan beberapa orang lelaki, dan cara-cara lain. Oleh kerana perkahwinan secara liar, penceraian pun liar juga. Mereka boleh bercerai bila-bila masa dan kalau suka dirujuknya, kalau tidak tergantung tidak bertali.

2. Nilai-nilai Budi Pekerti

Nilai budi pekerti bagi orang Arab sangat dimuliakan seperti: berani, pemurah, bermegah kerana keturunan, dan lain-lain. Tetapi nilai-nilai ini disalahfahamkan oleh mereka sendiri. Dikatakan berani kalau seorang itu berani merompak dan membunuh tanpa sebab-sebab tertentu. Pemurah pula kalau sanggup bersedekah sampai muflis, bermegah kalau datuk neneknya dahulu berjasa bukannya dia sendiri. Ketika itu perkataan "maaf", "lembut hati" tidak terdapat dalam kehidupan mereka kerana seperti ini dianggap pengecut. Di samping itu ada juga nilai-nilai baik saperti melayan tetamu, memberi pertolongan, memberi perlindungan kepada orang salah, hingga dia sanggup mati kerana keselamatan orang yang dilindunginya.

3. Pengetahuan

Pengetahuan dan mempelajari adalah suatu perkara yang sangat asing kepada orang Arab kerana mereka tidak pandai membaca dan menulis dan bilangan orang yang dapat membaca dan menulis tersangat kecil. Setelah datangnya agama Islam dan menggalakkan pelajaran baru masing-masing berlumba-lumba mempelajari sedikit sebanyak. Kalau-lah ada pengetahuan pada masa itu hanyalah tertumpu kepada keperluan harian saja seperti penyakit-penyakit unta, memintal bulu kambing dijadikan pakaian dan mengubati setengah-setengah penyakit dengan dikenakan besi panas di bahagian tubuh orang sakit.

Mereka mengetahui tentang bintang-bintang ketika timbul dan hilang dan dimana letaknya dan tahu berkenaan awan-awan membawa hujan atau tidak, sebenarnya perkara-perkara ini bukanlah dipelajari secara praktikal, tetapi berpandukan pengalaman kerana perkara-perkara ini sangat penting dalam hidup mereka. Sebaliknya orang Arab mengetahui dengan mendalam tentang ilmu mengesan melalui bekas jejak di bumi, ilmu tentang keturunan dan ilmu firasat.

Dari sini jelaslah bahawa pengetahuan orang Arab sebelum Islam tidak mempunyai nilai-nilai pengetahuan yang sebenarnya.

4. Keagamaan

Perasaan beragama memang ada pada tiap-tiap jiwa manusia walaupun rendah taraf pemikirannya, dan perasaan ini tidak akan hilang, kerana manusia tertanya-tanya siapakah yang menjadikan bumi dan manusia dan apakah kesudahannya. Oleh kerana kesulitan ini menimbulkan persoalan yang paling rumit, maka Rasul-rasul pun dihantar untuk menyelesaikan kerumitan, begitulah halnya dengan orang Arab, mereka sebelum menyembah patung dan berhala mereka mengikut ajaran-ajaran Nabi Ibrahim dan Ismail A.S., kerana jarak masa terlalu jauh maka angkatan-angkatan yang kebelakangan berubah menyembah berhala. Apakah sebabnya mereka menyembah berhala? Banyak pendapat diberikan, di antaranya:-

- i. Seorang pesakit dari Makkah pergi ke Syam untuk mengubati sakitnya. Setelah penyakitnya sembuh didapatinya orang Syam menyembah patung. Setelah ditanya tentang patung itu, kononnya patung itulah yang membawa hujan dan menyembuhkan penyakit. Sekembalinya ke Makkah dia pun mulalah menyembah patung dan ditiru pula oleh orang-orang Makkah.
- ii. Orang Arab sangat menghormati tanah kawasan Haram di Makkah. Apabila mereka balik ke Makkah dari Syam mereka membawa balik batu-batu yang dipungut di sana dari berbagai-bagai ukuran untuk mencari berkat dan ditawafkan di Kaabah. Lama kelamaan batu-batu tadi disembah.
- iii. Ada juga dari golongan Arab yang menyembah bulan dan bintang-bintang. Terdapat di setengah-setengah tempat di Tanah Arab sejenis batu berwarna hitam. Pada anggapan mereka batu-batu itu terjatuh dari atas dan ada hubungan dengan bintang-bintang yang sedang mereka sembah, lalu mereka sembah batu-batu yang mereka jumpai itu.

- iv. Sepasang manusia dari puak Jurhum yang sedang berkasih-kasihan menunaikan haji di Makkah, dan telah melakukan hubungan jenis di dalam Kaabah, lantas diperbuatnya batu, lalu dikeluarkan untuk perhatian ramai sebagai pengajaran. Setiap yang melintas berasa insaf dan kesal, akhirnya batu itu pun disembah.
- v. Kononnya penyembahan batu itu ada hubungan dengan batu-batu kubur yang diukir mengenang seorang pahlawan dan sebagainya, setengah-setengah batu-batu itu dipuja dan kesudahannya disembah.

Inilah di antara sebab-sebab yang menerangkan permulaan penyembahan patung atau berhala di Tanah Arab. Kalau dikaji dapatlah difahamkan bahawa sebab-sebab ini didapati di beberapa tempat yang berlainan kesan dan suasannya. Oleh itu semuanya dikira sesuai untuk dijadikan sebab-sebab untuk menyembah berhala di Tanah Arab. Sungguhpun begitu merebaknya penyembahan patung ada juga yang masih teguh dengan ajaran Nabi Ibrahim. Antara mereka ialah Warakah bin Naufal, Uthman bin Huwairath, Ubaidullah bin Jahsy dan Zaid bin Amun.

Semua orang Arab berdasarkan puak masing-masing mempunyai patung atau berhalanya yang tertentu di sekeliling Kaabah dan di sekitar kawasan Haram. Mereka juga ada yang menyimpan patung di rumah sendiri. Apakah dia patung dan berhala? Perbezaan mungkin sukar diberikan, oleh itu ada baiknya diterangkan asalnya dalam Bahasa Arab.

- i. Nasab: diperbuat dari batu, selalunya tidak mempunyai bentuk yang tertentu (boleh dikenal).
- ii. Wathan: Berbentuk manusia diukir daripada batu.
- iii. Sanam: Berbentuk manusia diperbuat daripada logam atau kayu.

Patung-patung yang terpenting di Tanah Arab adalah seperti berikut:

- i. Hubal: patung yang terbesar dibuat daripada batu pejal merah, terletak di Kaabah.
- ii. Al-Lat: patung tertua kepunyaan Bani Thaqif di Taif.
- iii. Al-Uzza: terletak di Hijaz, kecil sedikit daripada Hubal.
- iv. Manat: di tepi laut antara Makkah dan Madinah, selalu orang-orang Arab dan Khazraj menyembahkorban untuk berhala ini.

- v. Wiadd: bentuk manusia dengan alatan perang di Daumatul Jandal.
- vi. Siwaa: kepunyaan Huzil.
- vii. Yaghuth: terletak di Yaman, disembah oleh Banu Hamdan.
- viii. Nasr: terletak di Yaman, disembah oleh Himyar.

Mereka menyembah patung-patung ini bukanlah semata-mata patung tetapi untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah.

Agama-agama lain di Tanah Arab

Di samping agama menyembah berhala ada juga terdapat *agama yang diturunkan dari langit*, iaitu Yahudi dan Nasrani (Kristian). Agama Yahudi yang dianuti oleh raja Yaman. Dipercayai agama ini dibawa ke sana oleh orang yang berpindah ke Yaman dari Yasrib dan Palestine atau orang Arab sendiri.

Agama Kristian menemui jalannya ke Tanah Arab melalui Habsyah, semasa Yaman ditakluki oleh Habsyah. Sebelumnya telah berkembang di Najran dan dikembangkan oleh orang Syam yang lari dari pemerintahan Rom semasa Rom belum memeluk agama Kristian. Agama Kristian juga terdapat dalam Kerajaan Ghassan kerana hubungan secara langsung antara Ghassan dan Rom.

Kedua-dua agama ini tidak luas berkembang di kalangan orang Arab kerana Agama Yahudi adalah agama bagi bangsa pilihan Allah dan orang Arab enggan tunduk kepada bangsa lain kerana desakan perasaan kebangsaan. Agama Kristian pula penuh dengan kesamaran dan perkara-perkara yang berlawanan dengan nilai-nilai akhlak orang Arab. Dengan itu kedua-dua agama ini kurang mendapat sambutan.

Ekonomi

Keadaan ekonomi Tanah Arab tidaklah tersusun rapi disebabkan oleh keadaan penduduk dan geografi negeri itu sendiri. Hasil dalam negeri tidak mencukupi untuk kegunaan tempatan. Oleh itu mereka menjalankan perniagaan. Perniagaan mula-mula dikuasai oleh orang Arab Yaman kerana kedudukan negerinya di bahagian yang penting dan kerana tanah Yaman sangat subur dan dapat mengeluarkan hasil bumi yang banyak. Setelah Yaman di jajah, berpindahlah orang Yaman ke Utara. Sejak itu bandar Makkah mula diketahui orang sebagai bandar suci. Orang Yaman telah mula cergas dalam perdagangan hingga



KEGIATAN EKONOMI: SEMENANJUNG TANAH ARAB ZAMAN PRA-ISLAM

akhirnya kuasa perdagangan berpindah pula ke tangan orang Quraisy di Makkah.

Quraisy telah mula mengatur perjalanan rombongan perdagangan mereka secara teratur. Perjalanan ke Yaman selalunya dilakukan dalam musim sejuk kerana Yaman sederhana hawanya, dan perjalanan dalam musim panas ke Syam kerana Syam tidak begitu panas pada musim panas. Perdagangan Quraisy ini adalah seperti orang tengah

yang membawa barang-barang timur yang dijual di barat seperti rempah-rempah, jadam, cendana, dan barang-barang lain dari barat pula seperti biji-bijian, minyak zaiton; kain baju dan lain-lain. Di samping jalan perdagangan dari Yaman ke Syam, ada juga satu jalan yang menghubungkan Bahi di Teluk Parsi dengan Sudan dan Habsyah, di Afrika.

Orang Arab tidak menghiraukan sangat lapangan perusahaan dan pertanian, kerana mereka hidup berpindah-randah dan kekurangan bahan-bahan mentah yang hendak diusahakan. Dalam pada itu kalau terdapat salah seorang daripada orang Arab bertukang, ia akan dihina oleh rakan-rakannya. Orang perempuan Arab ada juga yang mahir bertenun kain, tetapi pekerjaan seperti ini dijalankan oleh orang bawahan sahaja. Akan tetapi di Yaman oleh kerana tanahnya subur dan negerinya maju maka terdapat orang-orang yang berkecimpung dalam lapangan pertanian dan perusahaan.



RIWAYAT HIDUP NABI MUHAMMAD S.A.W. SEHINGGA MENJADI RASUL

Asal Usul

Ahli-ahli sejarah telah sepakat mengatakan bahawa nenek Nabi Muhammad yang teratas sekali dapat dikenali ialah Nabi Ismail putera kepada Nabi Ibrahim. Nabi Ismail mempunyai dua belas orang putera dan kesemuanya mempunyai keturunan. Salah seorang daripadanya telah melahirkan Adnan yang mempunyai susur-galur yang jelas dengan Nabi Muhammad. Pertalian keturunan di antara Nabi Ismail dengan Adnan kurang jelas dan banyak ahli-ahli sejarah yang tidak sepakat mengenainya, tetapi pertalian keturunan selepas Adnan hinggalah kepada Nabi Muhammad dapat diketahui secara teratur, dan ahli-ahli sejarah kebanyakannya sepakat mengenainya.

Jarak masa keturunan di antara Adnan dengan Nabi Muhammad dikira lebih kurang tujuh abad. Jangka masa yang begini lama dan juga lantaran perkara-perkara lain seumpama kekurangan pengetahuan tulis-menulis telah menyebabkan banyak perkara sejarah dalam susur-galur tersebut telah tidak dapat dikesan secara mendalam dan objektif. Hal yang seumpama ini tidaklah menghairankan, kerana sedangkan dalam abad moden ini yang boleh dikatakan lengkap dengan berbagai-bagi cabang ilmu pengetahuan termasuklah pengetahuan tulis-menulis, kadang-kadang keadaan di atas juga timbul, walaupun dalam cara yang berbeza.

Secara kasar di bawah ini dicatatkan rentetan keturunan dari Adnan hinggalah kepada Nabi Muhammad.


Nabi Muhammad Bin Abdullah

- | | |
|-----------------------|-------------------|
| 1. bin Abdul Muttalib | 11. bin Malik |
| 2. bin Hashim | 12. bin Nadlar |
| 3. bin Abdul Manaf | 13. bin Kinanah |
| 4. bin Qusay | 14. bin Khuzaimah |
| 5. bin Kilab | 15. bin Mudrikah |
| 6. bin Murrah | 16. bin Ilyas |
| 7. bin Ka'ab | 17. bin Mudlar |

- | | |
|---------------|----------------|
| 8. bin Lu'ayy | 18. bin Nizar |
| 9. bin Ghalib | 19. bin Ma'ad |
| 10. bin Fihr | 20. bin 'Adnan |

Bagi keterangan yang selanjutnya di bawah ini dirangkakan carta keturunan dari Fihr keturunan yang kesepuluh sehingga lah membawa kepada Nabi Muhammad. Di sini sengaja diambil dari "Fihr", kerana keturunan sebelumnya tidak penting untuk peringkat ini:

Suku-suku Bangsa daripada Quraisy



Jika nama-nama di dalam rangka di atas digolongkan, secara kasarnya adalah seperti berikut:

Kumpulan A

Hasyim
al-Muttalib
Zuhrah
Taym
al-Harith b. Fihir
'Adi

Kumpulan B

Abd. Syams
Naufal
Asad
'Amir

Kumpulan C

Makhzum
Sahm
Jumah
Abd ad-Dar

Nama-nama dalam rentetan keturunan Nabi Muhammad yang seramai dua puluh orang di atas secara keseluruhannya terdiri daripada peribadi yang boleh diuji dan boleh dipertanggungjawabkan, atau terdiri daripada golongan yang mulia. Semasa hidupnya mereka kebanyakannya adalah tokoh-tokoh penting di Kota Makkah khususnya, seumpamanya tokoh-tokoh di dalam bidang-bidang politik, falsafah, astronomi, peperangan dan lain-lain. Penjelasan A,B,C di atas hanyalah penjelasan secara kasar sahaja. Kumpulan B dan C lebih banyak menumpukan di dalam bidang ekonomi, sementara kumpulan A di dalam bidang lain. Satu lagi golongan ialah golongan *Hunafa'*, iaitu golongan Muhammad. Golongan Hunafa' kebanyakannya pengikut ajaran Nabi Ibrahim dan mereka adalah pengawal Kaabah.

Perkahwinan Abdullah dengan Aminah

Abdullah ialah putera yang kesepuluh kepada Abdul Muttalib. Beliau mempunyai nilai peribadi yang tinggi. Dalam usianya 23 tahun beliau telah berkahwin dengan Aminah bte Wahab seorang perempuan Quraisy yang mulia keturunannya, iaitu dari kalangan Bani Zuhrah. Setelah tiga bulan perkahwinan itu dilangsungkan, Abdullah telah berangkat ke Syria kerana bermiaga bersama-sama dengan peniaga-peniaga lain dalam satu kabilah Quraisy. Ketika beliau berangkat isterinya Aminah telah mula hamil.

Sewaktu kabilah itu pulang dari Syria, seperti biasa, dia singgah sebentar di Yasrib (sekarang Madinah) kerana berehat, membeli-belah dan juga bertemu dengan suku Bani Najjar di Madinah, iaitu di antara suku yang paling rapat dengan Quraisy. Kebetulan pada masa itu Abdullah telah jatuh sakit. Sakitnya bertambah berat. Tidak lama kemudian beliau meninggal dunia dan dikebumikan di sana. Ketika itu Aminah, isterinya, di Makkah telah hamil selama dua bulan.

Pada 12 Rabi'al-Awal, bersamaan dengan Tahun Gajah (20 April

579 M.) Aminah melahirkan seorang putera yang kemudiannya dikenali sebagai Nabi Muhammad. Baginda diputerakan pada tahun Abrahah menyerang Makkah untuk menawan Kaabah, dengan tentera bergajah, tetapi gagal. Nabi Muhammad dilahirkan di rumah ayah saudaranya Abu Talib di Makkah. Setelah lahir lantas diberitahu kepada datuknya Abdul Muttalib yang ketika itu sedang tawaf di Kaabah. Abdul Muttalib telah datang dengan gembira, dan kemudian telah menamakan putera itu dengan nama 'Muhammad' ertiinya 'Yang Terpuji', suatu nama yang tidak begitu terkenal di kalangan orang-orang Arab ketika itu, tetapi dipilih oleh Abdul Muttalib dengan harapan supaya Muhammad dipuji kelak.

Pemeliharaan

Satu daripada tradisi golongan bangsawan Quraisy pada masa itu ialah menyusukan anak kecil mereka kepada perempuan yang tinggal di daerah pergunungan, terutamanya perempuan dari Bani Saad. Pada mulanya Muhammad telah disusukan oleh bondanya sendiri, Aminah, di Makkah. Sementara menanti kedatangan perempuan dari daerah pergunungan untuk menyusukannya, Muhammad telah disusukan oleh Thuwaibah al-Aslamiyah.

Kira-kira dua bulan kemudian datanglah rombongan perempuan-perempuan dari daerah pergunungan, daripada kalangan Bani Saad lembahan Makkah untuk mencari anak-anak kecil untuk disusukan dan dipelihara. Muhammad telah diserahkan kepada seorang daripada mereka iaitu kepada Halimah al-Sa'diah, dan dipeliharanya selama empat bulan. Mengikut beberapa sumber yang boleh dipertanggung-jawabkan tradisi penyusunan tersebut adalah timbul kerana:

1. Lembah Makkah adalah terkurung udaranya, dan kurang baik bagi pemeliharaan anak-anak kecil.
2. Keadaan udara dan susunan di daerah pergunungan itu adalah baik, dan ini boleh melahirkan pembentukan kanak-kanak yang lebih sihat sama ada dari segi otak ataupun fizikalnya.
3. Tradisi itu juga membolehkan kanak-kanak itu bercakap dengan bahasa yang baik, yang hanya terdapat dalam percakapan penduduk-penduduk pergunungan itu sahaja.

Setelah menjalankan kewajipannya dengan baik selama kira-kira empat bulan, Halimah telah menyerahkan semula Muhammad kepada bondanya Aminah. Selepas hampir setahun Muhammad bersama-sama

bondanya Aminah, bondanya telah berangkat ke Yasrib untuk mengunjungi makam suaminya Abdullah, dan juga untuk menziarahi bapa saudaranya sebelah ibunya yang tinggal di sana. Aminah telah membawa bersama puteranya Muhammad, dan juga pengasuhnya Ummu Aiman. Ketika di Yasrib Aminah tinggal bersama-sama kaum keluar-ganya dari suku Bani Najjar.

Dalam perjalanannya kembali ke Makkah setelah memenuhi segala tujuannya, Aminah telah ditimpa suatu penyakit di sebuah tempat bernama Abwa', dan kemudian telah wafat dan dikebumikan di sana, di sebuah dusun yang sederhana. Ketika ini Muhammad berusia enam tahun. Muhammad telah dibawa pulang ke Makkah oleh Ummu Aiman. Di Makkah kemudian Muhammad telah dipelihara oleh datuknya Abdul Muttalib dengan penuh kasih sayang. Setelah dua tahun Muhammad di dalam pemeliharaan Abdul Muttalib, datuknya, Abdul Muttalib yang ketika itu berusia lapan puluh tahun telah wafat. Seperti yang telah diwasiatkan oleh Abdul Muttalib, Muhammad kemudiannya telah dipelihara oleh bapa saudaranya Abu Talib dengan sebaik-baiknya, hingga galah dewasa.

Peribadi Nabi Muhammad

Ketinggalan nilai-nilai peribadi Muhammad yang sebenarnya adalah merupakan hakikat sejarah dan keagamaan yang telah diakui oleh kebanyakan tokoh dunia yang ikhlas.

Dalam buku-buku sejarah Islam yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah Islam dan bukan Islam yang ikhlas yang memberi gambaran Nabi Muhammad sebagaimana dalam sejarahnya, tidak terdapat catatan yang menyeleweng dari hakikat yang sebenarnya. Sebagaimana yang sedia maklum ketinggian *shakhsiyah* Nabi Muhammad bukanlah semata-mata kerana baginda seorang Nabi yang dipelihara oleh Allah, tetapi juga lantaran beliau juga dilahirkan dari kalangan yang mempunyai peribadi yang baik. Hakikat sejarah yang sebenarnya telah membuktikan bahawa Nabi Muhammad sebelum dan sesudah menjadi Rasulullah tidak pernah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan nilai keperibadian kemanusian seperti yang dilakukan oleh kebanyakan kaumnya, umpamanya, menyembah berhala, minum arak, berjudi, memberi malu orang lain, berbohong, berzina dan seumpamanya.

Pekerjaan Nabi Muhammad

Pekerjaan yang mula-mula ditempuh oleh Muhammad setelah agak dewasa ialah menggembala kambing. Beliau mengambil upah memelihara kambing penduduk-penduduk Makkah, dengan pendapatan yang sederhana. Melalui pekerjaan itu sedikit sebanyak, beliau dapat meringankan bebanan bapa saudaranya Abu Talib, kerana sungguhpun Abu Talib pemimpin bagi kaum Quraisy dan disegani orang, tetapi kehidupannya tidak mewah dan anaknya ramai. Pekerjaan menggembala kambing yang dilakukan oleh Muhammad itu secara tidak langsung telah menimbulkan perasaan kasih sayang dan jiwa hamba kepada golongan bawahan.

Satu pekerjaan yang baharu, tetapi nekad ditempuh oleh Muhammad ialah berniaga. Beliau memulakan pekerjaan ini ketika berusia 12 tahun dengan mengikut ayah saudaranya Abu Talib berangkat ke negeri Syam dalam satu angkatan kabilah perniagaan. Penyertaan Muhammad dalam angkatan perniagaan ini telah menimbulkan beberapa peristiwa sejarah yang boleh dibanggakan. Apabila kabilah itu tiba di sebuah tempat bernama Busra di negeri Syam, angkatan itu berhenti kerana berehat. Rombongan tersebut kemudiannya telah dijemput menghadiri suatu jamuan di sebuah gereja, oleh seorang rahib yang bernama Bahira. Dalam jamuan yang tersebut Bahira telah membuat ramalan bahawa Muhammad kelak akan menjadi seorang pemimpin. Rahib itu membuat ramalan berdasarkan keterangan yang terdapat di dalam kitab-kitab lama seperti kitab Injil kerana kepakaran beliau di dalam bidang tersebut. Bahira kemudiannya meminta Abu Talib supaya memelihara Muhammad dengan sebaik-baiknya. Walaupun ini dari segi akademik sejarah tidak perlu disebutkan, tetapi dari aspek kepercayaan amatlah penting sekali.

Ketika berusia 20 tahun, Muhammad bekerja lebih giat lagi di dalam perniagaan. Muhammad pernah berniaga berseorangan, dan pernah juga berkongsi dengan temannya al-Saib bin Abi al-Saib. Keadaan yang seumpama ini berjalan beberapa lama. Muhammad tidak merasa apa-apa perubahan yang istimewa dalam kehidupannya tetapi hal ini kesemuanya tidak menjadi masalah kepadanya. Bapa saudaranya, Abu Talib merasai masalah yang berlainan, kerana beliau mempunyai banyak tenggungjawab, iaitu tanggungjawab sebagai pemimpin kaum Quraisy dan ketua dalam keluarganya. Beliau merasa tanggungjawab untuk mendapatkan Muhammad suatu pekerjaan yang istimewa. Hal ini tidaklah bermakna beliau meminta bantuan material kepada Muhammad. Abu Talib juga menyedari bahawa Muhammad bukanlah seorang yang begitu tertarik dengan harta-benda.

Walaupun begitu Abu Talib lebih suka kalau Muhammad mem-

punyai mata pencarian yang lebih istimewa. Lantaran ini beliau telah mengesyorkan kepada Muhammad supaya membawa barang-barang perniagaan Khadijah binti Khuwailid seorang janda bangsawan dan hartawan yang terkenal di Makkah. Cadangan ini tidak begitu menarik Muhammad tetapi tidak pula ditolaknya, kerana pengesyoran ini datangnya daripada ayah saudaranya sendiri. Kemudian Abu Talib pergi menemui Khadijah dan meminta supaya menerima Muhammad membawa barang-barang perniagaannya. Permintaan ini telah diterima oleh Khadijah dengan senang hatinya. Setelah itu Muhammad berangkat ke negeri Syam membawa barang-barang dagangan Khadijah dalam satu angkatan perniagaan bersama dengan orang Khadijah, bernama Maisarah. Di Syam, Muhammad telah menjalankan perniagaannya dengan mendapat keuntungan yang istimewa lebih daripada yang didapati oleh orang-orang lain yang membawa barang-barang dagangan Khadijah.

Perniagaan yang dilakukan oleh Muhammad dalam banyak hal telah mempengaruhi peribadinya, umpamanya:

1. Menimbulkan sifat-sifat berani dan rendah diri, kerana dalam perjalanan yang jauh dengan angkatan perniagaan itu, beliau mestilah bersikap handal dan cekap memelihara barang-barangnya daripada rompakan.
2. Meluaskan pengetahuan dan pengalamannya, baik dalam pergaulan dan keadaan kehidupan dalam masyarakat Romawi (Rom), mahupun tentang cara-cara perniagaan.

Muhammad telah menjalankan kerja-kerja perniagaan itu dengan teratur, jujur, dan ikhlas sebagaimana yang sepatutnya. Tata susila Muhammad yang tinggi ini sangat menarik perhatian orang kepercayaan Khadijah, iaitu Maisarah. Hal ini kemudiannya telah menimbulkan beberapa peristiwa dalam sejarah Muhammad.

Perkahwinan Nabi Muhammad

Budi pekerti Muhammad itu bukan sahaja sangat menarik perhatian Maisarah, tetapi juga Khadijah. Hal ini telah menimbulkan perasaan kasih sayang Khadijah kepada Muhammad. Kemudian Khadijah ingin mempersuamikan Muhammad. Setelah mendapat persetujuan dari-pada kedua pihak Muhammad telah melangsungkan perkahwinan dengan penuh kehormatan. Turut hadir dalam upacara itu ialah Abu Talib, dan juga Warqah bin Naufal seorang kerabat Khadijah. Peristiwa

ini berlaku dalam T.M. 595 iaitu ketika Muhammad berusia dua puluh lima tahun, dan Khadijah berusia empat puluh tahun. Dahulu, Khadijah pernah bersuami dua kali, tetapi keduanya telah wafat. Salah seorang daripadanya Abu Halal seorang hartawan dari suku Makhzum, dan daripada perkongsian hidup dengannya Khadijah memperolehi seorang putera, dinamakan Halal.

Khadijah adalah seorang isteri yang banyak menolong Muhammad dalam banyak hal, terutamanya dalam menempuh cabaran hidup bersama Rasulullah. Perkongsian hidup di antara Muhammad dengan Khadijah telah melahirkan tujuh orang putera dan puteri, mereka itu dikenali sebagai Qasim, Rukiah, Zainab, Ummu Kulthum, Fatimah, Abdullah, dan Tahir. Kecuali puteri-puterinya, semua putera Muhammad telah wafat semasa muda. Puteri Muhammad, Fatimah, kemudiannya mendirikan rumah tangga dengan Ali, Khalifah Islam yang keempat.

Walaupun Khadijah seorang hartawan, tetapi Muhammad tidak pernah menggunakan kemewahan ini untuk kepentingan diri sendiri. Baginda berkahwin dengan Khadijah bukanlah bertujuan untuk mengejar kemewahan. Semasa dengan Khadijah, Muhammad telah menjalani kehidupannya secara sederhana. Baginda telah mengambil Zaid bin Harith sebagai anak angkatnya. Zaid berasal dari suku Kalb, iaitu satu suku Arab yang tinggal di sebuah kawasan yang berhampiran dengan negeri Syam.

Ketika Muhammad berusia empat puluh tahun, beliau telah menjalani kehidupan secara rohaniah dalam suasana yang lebih teratur. Beliau telah mengasingkan diri daripada masyarakat umum, dan berkhawalat atau bertahannuth di Gua Hira' yang terletak di Bukit al-Nur, kira-kira enam batu jauhnya dari kota Makkah. Di Gua Hira' inilah Muhammad mendapat wahyu yang pertama.

Membaiki Kaabah

Kaabah, merupakan suatu institusi yang penting di Kota Makkah, bukan sahaja pada zaman moden ini, tetapi juga dalam masa sebelum Islam. Institusi itu mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan penduduk kota Makkah, bukan sahaja dalam aspek agama, tetapi juga di dalam aspek lain seperti kemasyarakatan, ekonomi, dan politik. Setelah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail wafat beberapa lama, dan konsep ajaran mereka tidak lagi menjadi konsep hidup yang terpenting bagi penduduk Makkah. Kaabah telah bertukar menjadi pusat berhala. Institusi itu telah dipelihara dengan baik oleh golongan **Hunafa'**, iaitu golongan Muhammad sendiri. Keistimewaan Kaabah itu telah menarik perhatian Abrahah raja Habsyah, dan beliau pernah membuat percu-

baan menawan Kaabah pada tahun 570 M. tetapi gagal. Dalam usaha menyekat orang ramai bertumpu ke Kaabah, Abrahah pernah membuat rumah ibadah yang indah di Yaman untuk menyaangi Kaabah, tetapi tujuannya tidak berjaya. Rumah ibadah yang dibinanya tidak menarik perhatian yang orang ramai seperti Kaabah.

Ketika Muhammad berusia 35 tahun, iaitu sebelum beliau menjadi Rasulullah, kerja membaiki Kaabah telah dijalankan oleh beberapa suku Quraisy yang mendiami kota Makkah. Kerja tersebut dilakukan berikutan beberapa kerosakan yang terdapat pada sebahagian tembok Kaabah itu. Dalam kerja tersebut Muhammad sendiri telah menolong orang Quraisy itu mengangkat batu dan membersihkannya. Tetapi setelah kerja-kerja tersebut selesai satu masalah telah timbul, iaitu masalah hendak meletakkan *Hajar al-Aswad* di tempat asalnya. Setiap suku merasa dirinya lebih mulia dan lebih berhak untuk meletakkan batu yang dimuliakan itu di tempat asalnya. Pertelingkahan berhubung dengan hal itu telah hampir meletuskan pertempuran. Tetapi kemudian seorang yang tertua di antara mereka, Abu Umaiyyah bin al-Mughirah dari suku Makhzum telah mencadangkan supaya dipilih seorang pengadil untuk menyelesaikan masalah itu. Tiap-tiap ketua suku Quraisy itu bersetuju dengan cadangan itu, dan bersetuju orang yang pertama masuk pintu Masjid al-Haram melalui pintu Safa, akan menjadi pengadil, untuk menyelesaikan perkara itu.

Secara kebetulan pula orang yang mula-mula masuk ke Masjid tersebut ialah Muhammad, dan beliau sendiri tidak menyedari yang kemasukannya itu ada hubungannya dengan masalah di atas. Puak Quraisy itu masing-masing merasa gembira apabila mendapati bahawa orang yang menjadi pengadil itu ialah Muhammad, iaitu orang yang selama ini terkenal dengan keikhlasan dan kejururannya. Baginda telah menunjukkan kebijaksanaannya sebagai seorang pengadil, dengan menghamparkan sehelai kain lantas diambilnya batu itu di letaknya di atas kain itu. Kemudian diminta semua ketua suku Quraisy yang hadir pada masa itu bersama-sama memegang penjuru kain itu, dan meletakkannya di tempat asalnya iaitu dipenjuru Kaabah tersebut. Dengan cara itu masalah meletakkan Hajar as-Aswad itu telah selesai.

Tatasusila dan kebijaksanaan Muhammad yang tinggi ini sangat menarik perhatian masyarakatnya. Keikhlasan dan kejururannya dalam membuat sebarang pekerjaan telah menyebabkan beliau diberi gelaran oleh penduduk Makkah *al-Amin* yang bererti '*Orang Yang DiPercayai*'. Gelaran yang didapatinya adalah penting dalam sejarah perkembangan kehidupannya sebagai seorang Rasulullah. Hubungannya dengan nilai-nilai peribadinya dan aktivitinya dalam berbagai-bagai hal dalam sejarah hidupnya sangatlah mendalam.



PENENTANGAN MUSYRIKIN DI MAKKAH

Menerima Wahyu

Ketika Nabi Muhammad berusia empat puluh tahun baginda menjalani kehidupan rohaniah dalam suasana yang lebih teratur. Baginda mengasingkan diri daripada masyarakat umum untuk beribadat atau *bertahannuth* di Gua Hira' yang terletak di Bukit al-Nur, kira-kira sepuluh kilometer jauhnya dari kota Makkah. Di Gua Hira' baginda menumpukan segala jiwa raganya kepada Allah yang Maha Esa, memikirkan kejadian alam dan berbagai-bagai masalah rohaniah yang lain. Sebelum baginda menerima wahyu yang pertama di gua itu, baginda telah beberapa kali didatangi oleh *mimpi suci (ru'yah sadiqah)* yang merupakan seolah-olah satu cahaya terang pada waktu fajar. Mimpi suci itu adalah sebagai pendahuluan wahyu kepadanya atau sebagai pengasuh jiwnya supaya tidak keberatan apabila datang wahyu Allah kelak.

Pada malam Isnin 17 Ramadan (610 M.), Nabi Muhammad telah menerima wahyu yang pertama di Gua Hira' itu daripada Malaikat Jibrail. Kandungan wahyu tersebut dapat dilihat dalam surah *al-'Alaq*. Wahyu tersebut diterima dalam satu peristiwa yang luar biasa, tetapi objektif. Setelah menerima wahyu itu Nabi Muhammad kembali ke rumahnya dalam keadaan gementar seluruh tubuhnya, dan menyuruh Khadijah isterinya menyelimut tubuhnya. Kemudian setelah hilang keadaan gementar tubuhnya baginda telah menceritakan segala yang berlaku kepada isterinya. Setelah itu Khadijah keluar bersama-sama Nabi Muhammad menemui sepupunya Waraqah bin Naufal seorang tua yang telah buta, paderi Kristian dan pakar dalam kitab-kitab lama seperti kitab Injil. Apabila Waraqah mendengar segala yang berlaku ke atas Nabi Muhammad, dengan berpandukan kitab-kitab lama beliau menerangkan bahawa itulah Malaikat Jibrail yang membawa wahyu, sama seperti yang berlaku ke atas Nabi Musa.

Setelah tenang Nabi Muhammad beribadah semula di Gua Hira'. Selepas turunnya wahyu yang pertama itu, wahyu-wahyu yang berikutnya tidak turun terus-menerus hingga selama 40 hari. Wahyu yang kedua diturunkan ketika Nabi Muhammad sedang berjalan. Kandu-

ngan wahyu itu dapat dilihat dalam surah *al-Muddaththir* (1-7), al-Qur'an. Secara keseluruhan wahyu itu adalah merupakan pengisytiharan, Nabi Muhammad sebagai '**RASULULLAH**' (Utusan Allah). Semenjak turunnya ayat ini, Nabi Muhammad terus-menerus menerima wahyu, dan baginda mula menjalankan seruannya depada orang-orang Makkah.

Seruan Secara Sulit

Pada permulaannya Nabi Muhammad menyeru orang Makkah memeluk agama Islam secara sulit, iaitu secara peribadi. Nabi Muhammad berseru kepada mereka supaya tunduk dan beriman kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa, dan menghindarkan diri daripada segala kesilapan mereka menyembah berhala. Seruan tersebut pada peringkat awalnya ditumpukan kepada ahli rumahnya, para sahabatnya, dan dari sini berpindah pula kepada kaum keluarganya. Khadijah, isteri Nabi Muhammad ialah perempuan yang pertama memeluk Islam. Diikuti pula oleh Ali bin Abu Talib seorang kanak-kanak berusia 10 tahun, yang juga sepupu Nabi Muhammad. Diikuti pula oleh Zaid bin Harith, anak angkat Nabi Muhammad, Abu Bakar al-Siddiq, berusia 38 tahun, sahabat yang paling ikhlas di sisi Rasulullah (Nabi Muhammad), seorang bangsawan dan hartawan yang terkenal di kalangan kaum Quraisy.

Dari sini perkembangan agama Islam secara peribadi berjalan terus. Menerusi Abu Bakar, Uthman bin Affan, berusia 20 tahun, telah menerima agama Islam, diikuti pula oleh sahabat-sahabatnya yang lain seperti Zubair bin Awwam, berusia 15 tahun; Sa'ad bin Waqqas, Abdul Rahman bin 'Auf, Talhah bin Ubaidullah, Abu Ubaidah bin Jarrah, Arqam bin Abu Arqam dan lain-lain. Rumah Arqam kemudiannya telah menjadi pusat siaran Islam secara sulit. Menerusi pusat siaran ini Islam terus berkembang, terutamanya di kalangan orang-orang miskin dan hamba. Ini adalah sesuai dengan konsep Islam itu sendiri yang menyeru umat manusia hidup sama rata dan bersaudara. Perbezaan di antara mereka hanyalah bergantung kepada banyaknya bakti mereka kepada Allah.

Menurut catatan ahli sejarah (umpamanya **Ibnu Ishaq**), seramai 55 orang Makkah telah memeluk agama Islam dalam rangka seruan secara sulit atau peribadi. Seruan seumpamanya ini dijalankan selama kira-kira tiga tahun. Bilangan orang yang menerima Islam ini sungguhpun tersangat sedikit, tetapi jika dilihat dengan teliti adalah merupakan kejayaan Nabi Muhammad, kerana soal mengembangkan kepercayaan baharu ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ketinggi-an peribadi Rasulullah dan kejujuran para sahabatnya merupakan

faktor pokok yang menyebabkan dakwah Rasulullah itu mendapat sambutan.

Seruan Secara Terang

Selama kira-kira tiga tahun Nabi Muhammad mengembangkan agama Islam secara sulit. Dalam masa tersebut baginda dan sahabat-sahabatnya dengan sedaya upayanya telah menyembunyikan segala apa yang mungkin mendatangkan curiga di kalangan kaumnya. Seruan ini dijalankan secara sulit semata-mata untuk mengelakkan sebarang penentangan yang tidak diingininya, yang mungkin boleh menghancurkan tapak yang dalam proses pembinaan itu.

Setelah Nabi Muhammad menerima perintah daripada Allah supaya mengembangkan agama Islam secara terbuka atau terang-terang di kalangan kaumnya iaitu kaum Quraisy baginda telah memanggil para sahabatnya yang telah beriman untuk membincangkan hal ini. Seruan terbuka ini merupakan satu langkah untuk menghadapi satu perjuangan yang sengit. Perintah Allah tentang perkara ini terkandung dalam surah *al-Shu'ara'* ayat 214, al-Qur'an. Seruan peringkat ini telah baginda mulakan kepada Bani Abdul Muttalib, dan lain-lain dalam perjumpaan besar yang telah diatur oleh Ali bin Abu Talib. Dalam perjumpaan itu Nabi Muhammad telah menerangkan berbagai-bagai hal mengenai ajaran yang diterimanya daripada Allah dengan jelas terutamanya tentang Allah, Tuhan yang Maha Esa dan yang mesti disembah, dan berbagai-bagai perkara lagi. Dalam seruan peringkat terbuka ini ada juga kaum Quraisy yang menerimanya, tetapi tidak kurang pula orang-orang yang menentangnya. Orang yang paling kuat sekali yang menentangnya ialah bapa saudaranya sendiri, Abu Lahab dan isterinya. Perbahasan hangat di antara Nabi Muhammad dengan Abu Lahab dan lain-lain telah terjadi dalam perjumpaan besar itu. Mengikut ahli-ahli sejarah selain Bani Abdul Muttalib suku lain yang hadir juga dalam perjumpaan itu ialah Bani Abdi Manaf, Bani Zuhrah, Bani Taim, Bani Makhzum dan Bani Asad.

Reaksi Orang Quraisy

Dari masa perjumpaan besar di antara Nabi Muhammad dan para sahabatnya dengan kaum Quraisy musyrikin itu permusuhan dan pertentangan di antara kedua-dua pihak tersebut telah bermula. Walau-pun permusuhan itu berlaku namun boleh dikatakan setiap hari ada orang Quraisy yang memeluk agama Islam. Pada mulanya orang Quraisy musyrikin tidak begitu mengambil berat tentang ajaran Nabi Muham-

mad itu, kerana mereka menyangka seruan itu tidak akan mendapat sambutan, dan akan lenyap begitu sahaja beberapa ketika. Akan tetapi dilihatnya sambutan seruan itu menggalakkan; orang Quraisy musyrikin telah bangun menentangnya dengan Abu Lahab sendiri sebagai orang kuatnya.

Perkara utama yang menyebabkan orang Quraisy musyrikin menentang Nabi Muhammad dan sahabatnya ialah kerana mereka merasa khuatir kalau tradisi turun-temurun di Tanah Arab itu terhapus setelah ajaran Nabi Muhammad menguasai segala-galanya, terutamanya tradisi menyembah berhala dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga keistimewaan orang Quraisy di Kota Makkah, umpamanaya sebagai pengawal Kaabah akan lenyap dengan kedatangan agama Islam itu. Faktor-faktor pokok inilah yang menyebabkan mereka berasa berkewajipan untuk menentang penyebaran ajaran Rasulullah itu. Walaupun penentangan yang dilancarkan itu sengit, kekuatan kepercayaan mereka terhadap Islam tidak dapat dilenyapkan malah bertambah kuat dari sehari ke sehari.

Dari satu masa ke satu masa agama Islam terus berkembang, dan pertentangan juga bertambah hebat. Langkah serangan awal yang dilakukan oleh orang Quraisy musyrikin ialah ke atas pemeluk-pemeluk Islam daripada golongan miskin dan hamba. Yasir seorang hamba yang dipunyai oleh seorang hartawan dari Bani Makhzum, Samyah isteri Yasir, 'Ammar anaknya, Abdullah adik 'Ammar, ialah antara keluarga yang paling teruk menerima seksaan daripada orang Quraisy musyrikin. Yasir telah diseksa oleh tuannya, dengan menjemurnya di atas batu yang panas di padang pasir di tengah pancaran cahaya matahari yang terik, dan selepas seksaan yang sengit itu baharulah dibunuhnya. Sementara isterinya Samyah, telah dibunuh dengan tombak oleh Abu Jahal, seorang lagi orang kuat penentang Nabi Muhammad dan sahabatnya. Samyah bolehlah dikatakan sebagai korban Islam yang pertama daripada kaum wanita. Sementara 'Ammar, anak Yasir telah dipukul dengan dahsyatnya hingga ia pengsan, dan adik 'Ammar, Abdullah telah direjamnya dengan batu dengan teruk.

Selain Yasir dan keluarganya, sahabat-sahabat Rasulullah yang beriman juga telah menerima seksaan yang pahit daripada Abu Lahab, Abu Jahal ataupun orang Quraisy musyrikin yang lain. Antaranya ialah Bilal bin Rabah jurubang Rasulullah, dan seorang hamba daripada bangsa Habsyah kepunyaan Umaiyyah, seorang lagi penentang Islam yang tidak kurang pentingnya. Bilal telah diseksa oleh tuannya, Umaiyyah dengan pelbagai seksaan yang sangat pahit, umpama dijemur, diselar dengan besi membara, dipukul dan akhir sekali ditindihnya dengan batu. Walaupun begitu dahsyat seksaan itu, iman Bilal tidak juga luput.

Pada masa dia diseksa dan ditindih batu itulah Abu Bakar telah datang dan melepaskan dengan membeli Bilal daripada tuannya,

Umaiyyah. Sementara Abu Bakar terus membebaskan segala bentuk perhambaan. Ini sesuai dengan ajaran Islam. Hamba-hamba lain yang diseksa dan kemudian dibeli serta dibebaskan oleh Abu Bakar ialah Hamamah bin Bilal dan Amir bin Fuhairah. Penganut Islam lain yang menjadi mangsa seksaan orang Quraisy ialah Abu Fukaihah, Zinnirah, Ummu 'Ubais, Khabbab bin al-Aratti dan ramai lagi.

Perpindahan ke Habsyah Kali Pertama

Penentangan dan penyeksaan orang Quraisy terhadap penganut-penganut Islam itu kemudiannya telah merebak lebih jauh lagi, bukan sahaja setakat golongan miskin dan hamba tetapi juga kepada golongan lain. Bagi mengelakkan penderitaan itu terus-menerus menghimpit orang Islam, Nabi Muhammad telah meminta orang-orang yang beriman supaya meninggalkan Makkah berpindah ke Habsyah. Raja Habsyah ketika itu terkenal dengan keadilannya terhadap rakyat jelata. Negeri-negeri lain umpamanya Yaman, Najran, Parsi dan sebaginya tidak sesuai untuk pemindahan itu, kerana pemerintahannya tidak begitu adil seperti yang terdapat di Habsyah. Rasulullah penuh percaya bahawa pemerintah Habsyah dapat melindungi penganut-penganut Islam itu daripada segala ancaman terutamanya dari orang Quraisy.

Ada pelbagai pendapat tentang bilangan rombongan perpindahan yang pertama ke Habsyah, tetapi banyak sumber yang mengatakan lima belas orang, sepuluh laki-laki, lima orang perempuan, dengan Uthman bin Mazh'un sebagai ketuanya. Turut serta dalam rombongan itu ialah Uthman bin Affan dan isterinya Ruqayah (Rukiah) bte Muhammad (puteri Nabi Muhammad), Abdul Rahman bin 'Auf, Zubair bin Awwam dan lain-lain. Secara umumnya perpindahan mereka itu pada awalnya tidak diketahui oleh orang Quraisy, tetapi apabila orang Quraisy musyrikin mendengar khabar tentang perpindahan itu mereka telah cuba mengejarnya, malangnya sebaik-baik sahaja mereka tiba di tepi Laut Merah, kapal yang membawa rombongan itu telah belayar. Pihak Quraisy musyrikin kemudiannya telah menghantarkan utusan menemui raja Habsyah memintanya supaya memerintah rombongan itu kembali dengan alasan perpindahan itu tanpa kebenaran mereka, tetapi permintaan Quraisy musyrikin ini ditolak oleh raja Habsyah. Rombongan ini berada di Habsyah selama tiga bulan.

Pemulauan Bani Hasyim

Perpindahan kaum Muslimin ke Habsyah itu telah menggemparkan kaum Quraisy musyrikin kerana mereka khuatir pengaruh Islam akan

berkembang ke tempat lain. Ini boleh mengancam tradisi di Makkah. Kaum Quraisy tidak berani bertindak terus kepada Nabi Muhammad dan Abu Bakar, kerana Rasulullah pada masa itu dilindungi oleh bapa saudaranya Abu Talib, pemimpin Quraisy yang sangat disegani. Abu Bakar pula sebagai seorang bangsawan dan hartawan yang terkenal di kota itu. Oleh itu orang Quraisy telah menghantarkan satu rombongan untuk menemui Abu Talib meminta kepadanya menghentikan pekerjaan anak saudaranya itu, tetapi permintaan mereka itu ditolak dengan lembut oleh Abu Talib.

Kemudian satu lagi rombongan Quraisy telah datang menemui Abu Talib memintanya bertindak untuk menghentikan perbuatan Nabi Muhammad itu, kalau tidak tindakan kekerasan akan diambil oleh mereka. Cabaran ini dianggap oleh Abu Talib sebagai satu cabaran yang besar. Beliau menemui Nabi Muhammad sendiri dan memintanya supaya menghentikan seruannya, tetapi Rasulullah tidak dapat menerima permintaan bapa saudaranya itu. Setelah melihatkan usaha-usahanya itu gagal, orang Quraisy telah datang memujuk Rasulullah. Mereka telah menawarkan harta-benda yang banyak, pangkat yang tinggi dan berbagai-bagai lagi asalkan Nabi Muhammad menghentikan seruannya itu, tetapi semua tawaran itu ditolak oleh baginda.

Ketika pergolakan hebat berlaku di antara Rasulullah dengan kaum Quraisy musyrikin, dua orang tokoh pahlawan Quraisy iaitu Hamzah bin Abdul Muttalib dan Umar bin al-Khattab telah memeluk Islam. Tindakan dua orang pahlawan itu masuk Islam merupakan satu kemenangan di pihak Islam, dan sebagai satu pukulan kepada kaum Quraisy musyrikin. Kaum Quraisy itu telah bertindak menemui lagi Abu Talib, kali ini mereka telah meminta Abu Talib menyerahkan Nabi Muhammad untuk dibunuh, dan sebagai gantinya mereka telah menawarkan 'Ammarah bin al-Walid. Tawaran ini ditolak begitu sahaja oleh Abu Talib.

Permusuhan kaum Quraisy ini telah memasuki peringkat baharu. Mereka mengetahui bahawa punca kekuatan Nabi Muhammad itu ialah kaum keluarganya. Oleh itu mereka telah menumpukan permusuhan mereka terhadap kaum kerabat Nabi Muhammad, Bani Hasyim, tanpa mengira sama ada mereka muslim atau tidak. Mereka telah berkumpul dan menulis satu piagam untuk memulaukan keluarga Bani Hasyim. Piagam itu telah digantung di Kaabah. Isi piagam ini antara lain melarang kaum Quraisy yang lain berkahwin, berjual beli, ziarah-menziarahi, bertegur sapa dan pelbagai lagi dengan keluarga Bani Hasyim. Tindakan pemulauan ini sangat memberi kesan kepada Bani Hasyim. Ramai orang Bani Hasyim telah menderita kelaparan. Pemulauan ini terhenti setelah berlangsung selama tiga tahun, hasil jasa baik beberapa pembesar Quraisy yang tidak tahan melihat penderitaan Bani Hasyim itu.

Perpindahan ke Habsyah Kali Kedua

Dalam masa pemulauan tersebut, Nabi Muhammad telah menyuruh sahabat-sahabatnya berpindah lagi ke Habsyah. Rombongan perpindahan kali ini mengandungi seratus satu orang, lapan puluh orang laki-laki, lapan belas orang perempuan dan beberapa orang kanak-kanak, dengan diketuai oleh Jaafar bin Abu Talib. Anggota-anggota rombongan yang lain yang terpenting ialah Khalid bin Said dan isterinya, Qais bin Abdullah, Abdul Rahman bin 'Auf, Zubair bin Awwam dan Uthman bin Mazh'un. Rombongan ini telah diterima dengan baik oleh raja Habsyah, Najashi pengikut Kristian yang adil.

Perpindahan rombongan itu juga telah menggemparkan kaum Quraisy musyrikin. Dua orang utusan dan diplomatik Quraisy, 'Amru bin al-'As dan 'Ammarah bin al-Walid telah dihantar ke Habsyah untuk menemui raja negeri itu dengan tujuan memohon raja itu menghantar balik rombongan tersebut. Apabila rombongan utusan itu tiba di Habsyah, dan memohon supaya mereka dipulangkan, raja Habsyah telah menolaknya, setelah mendengar sebab-sebab orang Islam berhijrah daripada Jaafar bin Abu Talib itu. Utusan Quraisy itu kembali dengan kecewannya. Rombongan hijrah itu kembali ke Tanah Arab (Madinah), setelah lapan tahun berada di Habsyah iaitu pada tahun 629 M.

Abu Talib dan Khadijah Wafat

Setelah kira-kira sepuluh tahun Nabi Muhammad menyebarkan agama Islam, pada tahun 620 M. dua orang penyokong baginda yang disegani oleh orang Quraisy, Abu Talib bapa saudaranya dan Khadijah isterinya telah wafat (meninggal dunia). Khadijah sebagaiimana yang termaklum ialah perempuan yang mula-mula memeluk agama Islam yang banyak berjasa menolong Nabi Muhammad menyebarkan agama Islam. Walau-pun Abu Talib menjadi pelindung Rasulullah, namun kebanyakan ahli sejarah berpendapat bahawa Abu Talib wafat dengan tidak memeluk Islam, tetapi beberapa orang ahli sejarah yang lain pula ada menyatakan yang beliau telah Islam sebelum wafat, tetapi tidak diisyiharkan.

Kewafatan dua orang tokoh ini menyebabkan Nabi Muhammad telah terdedah kepada segala ancaman orang Quraisy musyrikin, terutamanya daripada Abu Lahab, Abu Jahal, Abu Sufian, al-Hakam bin al-'As, dan 'Uqbah bin Abi Mu'it. Isteri Abu Lahab juga penentang kuat Rasulullah, dan dia pernah pada waktu malam meletakkan duri di muka pintu rumah Nabi Muhammad, supaya baginda terpijak, ketika keluar sembahyang seperti biasa. Kerap kali orang-orang Quraisy melakukan berbagai-bagai cara untuk menyusahkan Nabi Muhammad

dan para sahabatnya, umpamanya mereka meletakkan benda-benda kotor ke atas tengkuk baginda ketika sembahyang di dalam masjid, mengejek, mencaci-cerca dan berbagai-bagi lagi. Di samping itu ada juga yang mencekik dan cuba membunuhnya ketika baginda sembahyang, tetapi telah dapat ditegah oleh Abu Bakar.

Serangan dan seksaan hebat daripada orang Quraisy musyrikin ini telah menyebabkan Rasulullah mengarahkan seruannya keluar Makkah, tetapi tidak begitu mendapat sambutan, malahan mereka menerima pelbagai penganiayaan. Penganiayaan yang paling berat diterima oleh Rasulullah ialah ketika baginda membuat seruan ke Taif. Di sana baginda telah membuat seruan kepada sekumpulan orang mulia Arab, tetapi mereka menyuruh kanak-kanak dan orang-orang bodoh memaki hamun serta melontar batu kepada Rasulullah. Lontaran batu ini telah melukakan Nabi Muhammad, dan juga anak angkatnya yang turut sama dalam seruan itu iaitu Zaid bin Harith. Baginda bersama-sama Zaid kembali ke Makkah, namun masih tidak berputus asa.

Selepas peringkat seruan ini, Nabi Muhammad telah beralih menyebarluaskan agama Islam kepada pengambil Haji yang datang ke Makkah. Semasa orang Islam membuat kegiatan menyebarluaskan Islam kepada orang-orang yang mengerjakan Haji, orang Quraisy musyrikin pula menghasut kumpulan yang mengerjakan Haji itu tentang bahaya ajaran Nabi Muhammad. Mereka mengatakan baginda sebagai orang gila, ahli sihir dan lain-lain lagi. Sedikit sebanyak seruan Nabi Muhammad ini telah mendapat sambutan. Tindakan orang Quraisy menghantar orang-orangnya mengeji Rasulullah itu tidak menyebabkan orang-orang yang mengerjakan Haji itu menjauhkan diri daripadanya, malahan mereka ingin menemui beliau sendiri untuk menguji sama ada perkara itu benar atau tidak. Hal ini memberi peluang kepada Nabi Muhammad untuk menerangkan kepada mereka tentang hakikat ajaran Islam yang sebenarnya. Dengan langkah ini ramai antara yang menemui Rasulullah itu telah menerima Islam.

Pada masa ini Nabi Muhammad mengalami peristiwa besar dan termasyhur iaitu *Isra' Miraj*. Peristiwa ini berlaku pada tahun 621 M. *Isra' Miraj* ialah satu peristiwa rohaniah yang terkenal, yang membawa Rasulullah menempuh perjalanan dari Masjid al-Haram di Makkah ke Masjid Aqsa di Jerusalem. Di sana baginda telah naik ke langit untuk diperlihatkan kebesaran dan kekayaan Allah. Peristiwa ini adalah peristiwa benar, atau dengan perkataan lain "*subjective truth*".

Penyebaran Islam ke Yasrib

Perkembangan agama Islam ke Yasrib (Madinah) berlaku sebelum penghijrah Nabi bermula kira-kira sebelas tahun setelah Nabi

Muhammad menerima wahyu yang pertama, iaitu dalam tahun 621 M. Suku kaum Yasrib yang banyak sekali menerima Islam ialah daripada golongan Khazraj dan Aus. Penyiaran ini dimulakan apabila enam orang Yasrib daripada suku Khazraj menemui Nabi Muhammad di sebuah tempat bernama 'Aqabah semasa mereka menunaikan Haji di Makkah. Dalam pertemuannya itu mereka telah tertarik dengan ajaran Muhammad, lantas kemudian memeluk Islam. Selepas itu apabila orang Yasrib kembali ke tempat asalnya di Yasrib, mereka mengembangkan agama Islam kepada kaum kerabat dan teman-teman mereka.

Kemudian pada musim Haji yang kedua belas iaitu dua belas tahun setelah Nabi Muhammad dibangkitkan menjadi Rasulullah, seramai dua belas orang Yasrib telah menemui Nabi Muhammad di 'Aqabah, iaitu ketika mereka menunaikan Haji di Makkah. Mereka kemudiannya telah memeluk agama Islam, dan bersumpah setia di situ. Sumpah setia ini dikenali dengan nama "*Sumpah Setia 'Aqabah Yang Pertama*" atau "*Sumpah Setia Perempuan*", kerana dalam kumpulan dua belas orang itu termasuk seorang perempuan bernama 'Afra binti 'Ubaid. Apabila rombongan ini kembali ke Yasrib, Nabi Muhammad telah mengutuskan bersama mereka seorang guru bernama Mus'ab bin 'Umair untuk mengajar mereka ajaran-ajaran Islam dan juga menjadi imam sembahyang. Di Yasrib Mus'ab bukan sahaja memainkan tugas seperti yang tersebut, tetapi juga menjalankan kegiatan mengembangkan agama Islam kepada golongan lain.

Selepas itu dalam musim Haji, setelah 13 tahun Nabi Muhammad menjadi Rasulullah (622 M.) seramai tujuh puluh tiga orang laki-laki dan dua perempuan dari Yasrib yang baharu sahaja memeluk Islam telah datang ke Makkah menemui Nabi Muhammad di 'Aqabah, dengan tujuan mengajak beliau pindah ke Madinah. Mereka bersumpah setia akan memelihara Rasulullah seperti mereka memelihara keluarganya. Sumpah setia ini dikenali sebagai "*Sumpah Setia 'Aqabah Yang Kedua*". Kemudian mereka kembali ke Yasrib, dan di sana mereka terus mengembangkan Islam.

Perkara utama yang memudahkan orang Yasrib memeluk agama Islam ialah kerana keadaan yang baik di kota itu. Yasrib bolehlah dianggap sebagai tempat pertemuan dua golongan kaum yang berbeza dari segi keturunan dan kepercayaan. Golongan yang pertama ialah bangsa Yahudi yang datangnya dari utara, yang terdiri daripada suku-suku Yahudi Bani Qainuqa', Bani Quraizah, Bani Nadzir dan lain-lain. Sementara kumpulan kedua dari selatan, iaitu Yaman, terdiri daripada suku Aus dan Khazraj. Pertemuan itu telah melahirkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Bangsa Arab Yasrib adalah bangsa yang paling hampir dengan 'Agama Samawi', iaitu agama yang berasaskan kitab-kitab dan

Nabi-nabi yang tertentu, umpamanya agama Yahudi yang berpunca dari ajaran Nabi Musa, agama Kristian berpunca dari Nabi Isa dan lain-lain.

2. Bangsa Arab dan bangsa Yahudi sentiasa bermusuhan. Permusuhan ini timbul daripada berbagai-bagai aspek, termasuklah aspek perniagaan dan kebudayaan. Mengikut beberapa sumber cerita yang tertentu, apabila orang Arab mendapat kemenangan orang Yahudi sering berkata:

"Tidak lama lagi akan dibangkitkan seorang Nabi sebagaimana yang terdapat dalam kitab kami".

3. Di samping itu terdapat pula perselisihan di antara suku Aus dengan Khazraj, dan mereka berlumba-lumba untuk mengikat perhubungan dengan golongan lain. Hal ini menyebabkan mereka memeluk agama Islam, dengan tujuan untuk mendapatkan teman daripada orang Quraisy dan lain-lain yang beragama Islam. Dari sini mereka mengharapkan dapat mengatasi kaum Yahudi di Yasrib.

Sebab-sebab Penghijrahan ke Yasrib (622 M.)

1. Tekanan dan ancaman orang Quraisy musyrikin terhadap Nabi Muhammad telah bertambah dari semasa ke semasa, lebih-lebih lagi selepas kewafatan Abu Talib dan Khadijah. Perbuatan kaum Quraisy musyrikin tersebut mengganggu orang Islam, lebih-lebih lagi semasa mereka mengerjakan amalan sebagaimana yang ditentukan oleh ajaran Islam, menyebabkan orang Islam merasa perlu berpindah ke tempat lain.
2. Pengalaman perpindahan sahabat Nabi Muhammad ke Habsyah dengan tujuan untuk menghindari ancaman Quraisy musyrikin telah menimbulkan beberapa idea ke arah pemindahan di atas. Kesan penghijrahan tersebut sangat baik, kerana anggota-anggota rombongan yang berhijrah itu telah terpelihara daripada segala ancaman yang tidak diingini dan bebas menjalankan amalan agama di bawah pemerintahan raja Habsyah yang adil itu.
3. Kedatangan rombongan tujuh puluh tiga orang laki-laki dan dua perempuan Islam dari Yasrib, daripada suku Aus dan Khazraj ke Makkah, menemui Nabi Muhammad, mengajaknya pindah ke Yasrib dengan sumpah setia mereka untuk memelihara Rasulullah telah

menimbulkan langkah-langkah perpindahan yang sangat bersejarah itu.

4. Kedudukan kota Yasrib dari segi perniagaan adalah istimewa dan suasana masyarakatnya adalah menggalakkan. Aliran perjalanan perniagaan dari utara seperti Syam (Syria) ke selatan, ke Yaman, atau ke Makkah adalah bertemu di Yasrib. Dalam pada itu pula di Yasrib terdapat beberapa kumpulan orang Islam, khususnya golongan Aus dan Khazraj. Melalui perpindahan itu Nabi Muhammad dan para sahabatnya akan dapat membina satu tapak masyarakat Islam yang kukuh dan yang dapat menghadapi segala ancaman luar.

Peristiwa Perpindahan

Apabila Nabi Muhammad terbayangkan kejayaan penyebaran Islam di Yasrib, dan suasana yang begitu menggalakkan baginda telah mula memerintahkan para sahabatnya pindah ke Yasrib, untuk menghindarkan diri daripada segala penganiayaan kaum Quraisy, dan bergabung dengan saudara-mara kaum Muslimin di sana. Perintah Rasulullah itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang Islam di Makkah. Ramai di antara mereka telah berhijrah ke Yasrib secara sulit.

Sumpah setia di antara Nabi Muhammad dengan orang-orang Islam Yasrib di 'Aqabah, Makkah, dan kegiatan perpindahan orang Islam Makkah ke Yasrib telah diketahui oleh kaum Quraisy musyrikin. Ini telah menyebabkan mereka merasa bimbang. Kebimbangan mereka itu bukan sahaja disebabkan oleh soal-soal agama, tetapi juga disebabkan oleh kemungkinan kehilangan perniagaan dan kehancuran ekonomi mereka. Seperti yang telah disebutkan Yasrib mempunyai kedudukan yang istimewa dari segi perjalanan perniagaan. Sekiranya Yasrib dikuasai oleh orang Islam, dan mengambil sikap menentang Makkah, umpamanya menyekat perjalanan pedagang Makkah yang pergi atau kembali dari Syam, ini boleh merosakkan perniagaan mereka.

Keadaan ini telah menyebabkan orang Quraisy berkumpul dan berunding di balai muafakat merekat yang dikenali sebagai **Dar al-Nadwah**. Dalam perundingan itu mereka telah mencapai tiga jalan untuk dipilih bagi menyelesaikan masalah Nabi Muhammad itu, iaitu sama ada membiarkan Nabi Muhammad tinggal tetap di Makkah, membunuhnya ataupun menghalau baginda keluar negeri. Setelah berbincang dengan panjang lebarnya akhirnya mereka mengambil keputusan memilih cara membunuhnya sahaja. Mengikut keputusan orang Quraisy musyrikin itu, kalau ditetapkan di Makkah, umpamanya dengan

memenjarakannya sudah tentu kaum kerabatnya akan berusaha membebaskannya. Sekiranya dihalau keluar negeri sudah tentu baginda akan menuju ke Yasrib, dan ini lebih membahayakan lagi. Masalahnya yang timbul sekarang ialah bagaimana cara hendak melakukan pembunuhan itu, kerana mengikut tradisi masyarakat Arab, tiap-tiap pembunuhan itu, mestilah dibalas dengan pembunuhan juga. Bagi mengatasi masalah ini mereka telah mengambil keputusan memilih seorang pemuda yang handal dari tiap-tiap suku dan pemuda-pemuda itu bekerjasama membunuh Nabi Muhammad supaya darahnya itu dapat ditanggung bersama. Dengan cara ini tentulah Bani Abdul Manaf iaitu suku Nabi Muhammad tidak boleh menuntut bela, kerana pembunuhan itu dikerjakan bersama, dan tentulah mereka menerima *diet* (tebusan) sahaja.

Berita pemuafakan pembunuhan sulit itu telah sampai ke pengetahuan Rasulullah, dan Allah pun telah memerintahkan supaya baginda berhijrah ke Yasrib. Kemudian Nabi Muhammad telah memberitahu rancangan orang Quraisy musyrikin itu kepada sahabat karibnya Abu Bakar, serta menyatakan kesanggupannya untuk menemani Rasulullah berpindah ke Yasrib. Abu Bakar terus mengupah Abdullah bin Uraqit seorang Quraisy yang belum lagi beragama Islam membawa dua ekor unta ke sebuah gua di Bukit Sur untuk kenderaannya dan Nabi Muhammad berhijrah. Gua itu adalah menjadi tempat mereka berhenti bermalam dan bersembunyi pada masa yang ditentukan. Sementara Abu Bakar akan menemani Nabi Muhammad dalam perjalanan ke Yasrib. Beliau menyedari bahawa orang Quraisy akan sentiasa memburu mereka. Kemudian Abu Bakar menyuruh anaknya Abdullah bin Abu Bakar mengintip rahsia langkah-langkah kaum Quraisy terhadap Rasulullah pada siang hari, dan mengkhabarkan kepada baginda di tempat persembunyiannya pada waktu malam.

Di pihak lain pula, Abu Bakar telah meminta orang suruhannya, 'Amir bin Fuhairah, supaya menggembala kambing pada siang hari kemudian pergi ke tempat persembunyian itu membawa bersama-sama kambingnya itu untuk diperah susunya dan disembelihnya. Anak perempuannya pula, Asma' binti Abu Bakar diminta membawa makanan untuk mereka pada tiap-tiap petang. Abu Bakar sendiri membawa seluruh hartanya dalam perpindahan itu.

Pada malam perpindahan itu, iaitu dalam tahun 622 M. pemuda-pemuda pilihan yang ditugaskan membunuh Rasulullah itu telah mengepung rumah Rasulullah, dengan tujuan untuk menangkap dan membunuh baginda apabila keluar berhijrah nanti, ataupun menyerbu ke dalam rumah itu apabila masanya telah sesuai. Apabila Nabi Muhammad menyedari bahawa beliau sedang dikepung, baginda telah meminta Ali bin Abu Talib tidur di atas tempatnya supaya orang

Quraisy musyrikin menyangka Nabi Muhammad masih berada lagi di rumah itu. Kemudian apabila masa telah sesuai Nabi Muhammad pun keluar lantas menuju ke gua di Bukit Sur itu, kira-kira lapan kilometer dari Makkah, dan bersembunyi di situ.

Setelah orang Quraisy musyrikin menyedari bahawa Nabi Muhammad telah berjaya melepaskan diri, dan dari beberapa bukti yang tertentu bahawa baginda sedang dalam perjalanan menuju ke Yasrib orang Quraisy itu telah menawarkan 100 ekor unta kepada sesiapa yang dapat menangkap Rasulullah sama ada hidup atau mati. Tawaran ini telah mendapat sambutan yang paling menggalakkan. Di antara orang-orang yang berusaha mencari Nabi Muhammad itu ada yang tiba di gua, di tempat baginda dan Abu Bakar bersembunyi. Akan tetapi mereka tidak menyedari yang kedua-duanya berada di tempat itu. Abdullah bin Abu Bakar dan Asma' binti Abu Bakar telah menjalankan tugas mereka seperti yang telah diperintahkan.

Setelah semua keadaan tenang, dan orang Quraisy musyrikin telah menghentikan usaha memburu mereka, kerana disangkanya mereka telah tiba di Yasrib, Nabi Muhammad dan Abu Bakar pun keluar dari gua itu, manakala Abdullah bin Uraiqt telah tiba membawa dua ekor unta itu pada waktu yang tepat. Kedua-duanya pun menunggang unta-unta itu dengan dipandu oleh Abdullah bin Uraiqt menuju ke Yasrib melalui jalan yang tidak pernah dilalui orang, berhampiran dengan pantai Laut Merah. Setelah beberapa hari dalam perjalanan itu mereka telah tiba di Quba', dan singgah di sana selama empat hari. Nabi Muhammad telah mengasaskan sebuah masjid yang kemudiannya dikenali dengan nama *Masjid Quba'*. Di Quba' inilah Ali bin Abu Talib yang mengikuti Nabi Muhammad dari belakang, telah menggabungkan diri dengan rombongan itu. Kemudian pada hari Jumaat rombongan Nabi Muhammad itu telah menuju ke Yasrib dan telah tiba di sana dengan disambut begitu meriah oleh penduduk-penduduk Islam Yasrib pada 16 Rabi' al-Awwal bersamaan 20 September 622 M.

Kesan Perpindahan

Perpindahan tersebut dalam banyak pengertian memberi kesan yang besar sekali kepada perkembangan sejarah Islam. Apabila Nabi Muhammad tiba sahaja di Yasrib baginda telah membuat beberapa perkara penting dan satu daripadanya ialah mengubah nama Yasrib kepada 'Madinah' yang bererti 'Kota', atau nama panjang '**Madinah al-Munawwarah**' (Kota Yang Bercahaya) ataupun 'Madinah al-Nabi' (Kota Nabi).

Satu lagi perkara sejarah yang timbul dari perpindahan Nabi Muhammad ialah kelahiran **Tahun Hijrah**, iaitu kiraan tahun yang

digunakan oleh dunia Islam hingga sekarang. Permulaan tarikh Hijrah seperti yang digunakan oleh orang-orang Islam telah dikira dari detik perpindahan Nabi Muhammad yang tersebut. Sebelum itu orang-orang Islam di Makkah telah menggunakan Tahun Gajah, iaitu tahun yang dikira dari penyerangan Abraha ke Makkah, sebagai tahun kiraannya.

Kesan perpindahan itu, yang berikutnya lahir setelah Nabi Muhammad membangunkan **Negara Islam** yang benar-benar bererti dan yang merupakan satu rangka contoh yang paling objektif sekali untuk umat Islam kemudian dan juga umat manusia seluruhnya.

Pembentukan Negara Islam yang Pertama

Kedudukan agama Islam di Makkah lebih merupakan kegiatan untuk menerangkan dan menyebarkan konsep kepercayaan dan ibadah dalam Islam, seperti konsep ketuhanan, Hari Qiamat dan berbagai-bagai lagi. Orang Islam di Makkah sebagai orang perseorangan yang penuh berjiwa Islam, tetapi tidak merupakan *masyarakat Islam* yang bererti. Tetapi setelah Nabi Muhammad dan para sahabatnya berhijrah ke Madinah dan pusat penyebaran Islam juga pindah ke sana, segala-galanya telah berubah. Nabi Muhammad telah berusaha bersungguh-sungguh mewujudkan sebuah Negara Islam yang ulung, yang paling objektif sekali dalam sejarah Islam, dan merupakan contoh yang boleh dijadikan cermin bagi umat Islam kemudiannya dan umat manusia seluruhnya.

Pada masa Nabi Muhammad tiba di Madinah, penduduk Madinah terbahagi kepada tiga kaum yang terbesar, iaitu:

1. Golongan Muhajirin, atau golongan orang Islam yang pindah dari Makkah ke Madinah.
2. Golongan Ansar, atau penduduk tempatan Madinah yang telah memeluk agama Islam. Mereka kebanyakannya terdiri daripada suku Aus dan Khazraj.
3. Golongan orang Yahudi, yang beragama dan berkebudayaan Yahudi. Golongan Yahudi ini pula terbahagi kepada beberapa suku yang tertentu.

Walaupun penduduk Madinah ketika itu terdiri daripada berbagai-bagai kaum, tetapi tidaklah sukar bagi Nabi Muhammad untuk membangunkan sebuah masyarakat Islam yang dicita-citakan itu. Baginda telah memulai langkahnya untuk membangunkan masyarakat atau Negara Islam melalui tindakan berikut:

Membina Masjid

Perkara yang **pertama** yang dilakukan Nabi Muhammad dalam rangka membangunkan masyarakat Islam yang berkenaan ialah membina masjid iaitu *Masjid Quba'*, dan ini adalah masjid yang pertama dalam Islam. Masjid sebagaimana yang diketahui adalah institusi agama dan kemasyarakatan yang terpenting dalam Islam. Peranan masjid dalam Islam amatlah besar, bukan sahaja sebagai tempat ibadah dan pusat penyiaran Islam, tetapi juga sebagai tempat pemuaafakan untuk perkara-perkara umum. Hal ini telah pun dibuktikan dalam sejarah Islam, terutamanya pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad dan para sahabatnya. Apabila masjid yang ulung itu telah siap dibina beberapa kegiatan telah timbul. Institusi agama itu telah menjadi pusat penyebaran dan pengajaran Islam di kota itu. Nabi Muhammad dan sahabatnya telah membuat kegiatan lanjut untuk mengukuh dan mengembangkan agama Islam.

Melalui masjid itu secara tidak langsung masyarakat Islam di kota itu dapat berkumpul dan berbincang bersama. Melalui kegiatan ini dari semasa ke semasa mereka dapat menuju ke arah persatuan yang kukuh. Sebelum itu masyarakat Arab berpecah-belah, dan terdiri daripada pelbagai kabilah. Melalui ajaran Islam dan masjid menjadi pusat aktiviti yang dapat mengatasi masalah perbezaan pandangan dan mereka bekerjasama dalam melaksanakan tugas-tugas masyarakat sebagaimana yang dikehendaki.

Mempersaudarakan Golongan Muhajirin dengan Ansar

Langkah yang **kedua** yang dilakukan oleh Nabi Muhammad dalam menegakkan masyarakat Islam di Madinah ialah mempersaudarakan orang Muhajirin dengan Ansar. Kedua-dua golongan yang tersebut pada peringkat permulaan belum lagi bersatu dalam ertikata yang sebenarnya. Sebelum mereka memeluk agama Islam, mereka hidup berpuak-puak, dan tiap satu puak sentiasa bermusuhan. Setelah mereka memeluk agama Islam sifat persukuan atau '**asabiyah**' itu ada lagi pada mereka. Dalam pada itu pula kebanyakan orang-orang Muhajirin terdiri daripada orang-orang miskin, kerana mereka berpindah ke Madinah tanpa membawa harta-benda mereka. Orang Ansar walaupun tidak kaya tetapi bolehlah dikatakan berada juga.

Keadaan perbezaan dari segi ekonomi dan kemasyarakatan itu, telah menyebabkan Nabi Muhammad merasa perlu untuk mempersaudarakan dua golongan itu, tambahan pula sifat persaudaraan ini

adalah merupakan konsep yang terpenting dalam Islam. Dengan cara ini Nabi Muhammad telah berjaya melahirkan satu 'kesatuan agama' yang bersifat persaudaraan, dan melenyapkan 'kesatuan suku' yang menjadi amalan orang Arab sebelum Islam. Kesatuan agama ini membangkitkan perasaan bahawa tiap-tiap orang Islam bersaudara kerana Allah, bukan kerana keturunan ataupun sebagainya.

Membentuk Perlembagaan (Sahifah) Madinah

Langkah yang **ketiga** dan yang terpenting sekali ialah menggubal atau membentuk **Perlembagaan Madinah**. Perlembagaan ini diciptakan untuk menggabungkan seluruh masyarakat yang berada di sekitar kota Madinah itu, khususnya di antara golongan Islam dengan bukan Islam atau lebih tepat lagi orang Yahudi. Orang Yahudi pula terdiri daripada beberapa suku, iaitu lebih daripada sepuluh. Menerusi perlembagaan itu golongan dalam Islam dan bukan Islam serta kedua-duanya dapat disatukan di dalam satu persatuan yang lebih objektif dan mereka mempunyai peranan masing-masing sebagai anggota yang setia di dalam masyarakat itu. Perlembagaan Madinah ini telah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu yang dikenali dengan nama **ummah**.

Perlembagaan Madinah itu mengandungi lebih kurang 50 fasal dan tiap-tiap fasal itu mengandungi undang-undang yang teratur bagi tiap-tiap suku atau satu-satu golongan yang tertentu di samping perkara-perkara lain, sesuai untuk sebuah negara. Secara keseluruhannya kesemua fasal dalam perlembagaan itu dapat disimpulkan sebagai berikut:

- i. Nabi Muhammad sebagai ketua negara bagi semua penduduk Madinah, tidak kira orang Islam atau bukan Islam (Yahudi). Sebarang pertelingkahan yang penting untuk diselesaikan hendaklah dirujukkan kepada ketua negara itu.
- ii. Tiap-tiap golongan boleh menjalankan adat-istiadat atau tradisi mereka sendiri dengan bebas termasuklah soal-soal diet dan sebagainya.
- iii. Tiap-tiap golongan boleh mengamalkan agama mereka masing-masing sebagaimana yang diperlukan dengan bebas. Tidak ada paksa memaksa dalam agama.
- iv. Penduduk Madinah daripada golongan Islam dan bukan Islam (Yahudi) hendaklah sentiasa tolong menolong dan bekerjasama, terutamanya dalam soal-soal menghadapi pencerobohan luar dan sebagainya.

Dalam sejarah Islam dan juga sejarah dunia, Perlembagaan Madinah merupakan suatu kejayaan yang besar bagi Rasulullah dan sahabatnya. Ahli sejarah dunia menganggap bahawa Perlembagaan Madinah merupakan hasil yang dapat diketengahkan sebagai perbandingan bukan sahaja dalam bidang perundangan lama tetapi juga dalam perundangan moden. Banyak ulasan yang telah dibuat oleh ahli sejarah berhubung dengan naskhah perlembagaan itu.

Asas Negara Islam

- Politik:** Sumber perundangan dalam Islam ialah al-Qur'an, al-Sunnah dan ijtihad. Kuasa yang tertinggi sekali dalam Islam ialah Allah. Ketua Negara adalah orang yang bertanggungjawab menjalankan perintah Allah. Rakyat adalah sebagai tapak kepada kewujudan sistem politik dalam negara itu. Hak rakyat mestilah ditentukan dengan saksama. Setiap tindakan undang-undang mestilah ditentukan melalui pemuaafakan iaitu musyawarah (al-Qur'an: surah al-Ali 'Imran, ayat 159, dan surah al-Shura, ayat 38).
- Ekonomi:** Asas ekonomi dalam Islam ialah keadilan taraf hidup dan sosial, atau pembahagiankekayaan negara yang adil dan teratur kepada rakyat. Sebarang penindasan dan kemiskinan wajiblah dibasmi. Orang perseorangan atau golongan yang tertentu dibenarkan memiliki harta yang tertentu, dengan syarat pemilikan itu tidak mengakibatkan sebarang penindasan atau pembahagian kekayaan yang tidak adil kepada rakyat. Sistem zakat adalah antara saluran yang paling efektif untuk menyelesaikan dan mewujudkan keadilan dalam ekonomi itu.
- Sosial:** Tiap-tiap orang Islam adalah bersaudara (ukhuwah) dan sama. Sifat yang membezakan hanyalah perasaan taqwa kepada Allah. Orang Islam dan bukan Islam dalam negara Islam mestilah sentiasa hormat-menghormati, kecuali kalau mereka melanggar undang-undang. Tiap-tiap orang mempunyai tanggungjawab dan hak masing-masing yang mesti dilindungi. Islam memelihara hak asasi manusia, hak orang perseorangan dan masyarakat seluruhnya (al-Qur'an: surah al-Hujurat, ayat 13).
- Pelajaran dan Pendidikan:** Pelajaran adalah fardu kifayah bagi setiap umat Islam. Pelajaran dan pendidikan dalam Islam bukan semata-mata kajian yang berhubung dengan kepercayaan dan ibadah tetapi juga tentang perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan manusia seumpama politik, ekonomi, sains dan

lain-lain, tetapi tiap-tiap pelajaran dan pendidikan itu mestilah diasaskan dengan asas-asas kekuasaan Allah dan ketinggian nilai-nilai Islam.

5. **Kebudayaan:** Dalam Negara Islam tiap-tiap aspek kebudayaan yang ada dan yang lahir kemudian mestilah diasaskan kepada nilai-nilai ketuhanan, dan faedah untuk seluruh penduduk. Sebarang ciptaan mestilah mempunyai tujuan untuk membina peribadi manusia itu sebagai *insan* (Pengertian manusia dan hubungan dengan Allah, bukan manusia yang bertindak sebagai haiwan dan lain-lain).

Jihad yang Penting

Konsep Jihad dalam Islam

1. Dalam konsep Islam tidak ada sebarang perintah untuk memaksa orang lain memeluk agama Islam (al-Qur'an: surah al-Baqarah, 256, surah al-Nahl, ayat 125 dan surah al-Kafirun, ayat 6). Islam menggalakkan hidup dengan bebas dan damai. Dalam kerajaan Islam tidak ada penindasan dan kezaliman yang dibolehkan ke atas orang bukan Islam; semuanya mendapat perlindungan yang sama, kecuali yang melanggar undang-undang.
2. Kerajaan Islam dan jajahan takluknya mungkin terdiri dengan kekuatan senjata, tetapi perkembangan agama Islam berlaku secara aman damai. Peperangan yang begitu banyak berlaku dalam sejarah Islam adalah berasaskan prinsip mempertahankan diri, menebus maruah dan membebaskan negeri daripada segala penindasan dan penjajahan. Umat Islam membina kerajaan di negeri-negeri yang ditaklukinya dengan adil dan sejahtera, dan memberi kebebasan yang seluas-luasnya kepada rakyatnya mengamalkan cara hidup mereka masing-masing.

Jihad dalam Zaman Nabi Muhammad

Pada zaman Rasulullah banyak berlaku peperangan suci (jihad), iaitu peperangan menentang kaum musyrikin. Nabi Muhammad menyertai hampir seluruh peperangan tersebut. Antara peperangan yang terkenal ialah: peperangan Badar, Uhud, Khandaq, Quraizah, dan Mustalaq.

Peperangan Badar

Peperangan Badar berlaku pada 17 Ramadan tahun 2 H. iaitu dalam bulan Januari tahun 623 M. di kawasan *oasis* yang dikenali dengan nama Badar (*Badr*) yang terletak di antara Makkah dengan Madinah.

Sebagaimana yang telah dinyatakan penganiayaan orang-orang Quraisy musyrikin terhadap orang-orang Islam bukan sahaja setakat di Makkah, tetapi juga mahu dilanjutkan hingga ke Madinah. Orang Quraisy musyrikin sedang menyusun barisan untuk menghancurkan umat Islam di Madinah. Di samping itu pula Nabi Muhammad dan orang Islam di Madinah mempunyai kewajipan untuk mempertahankan negerinya daripada segala penceroboh, termasuklah kawasan *oasis* yang dikenali dengan nama Badar.

Nabi Muhammad dan orang Islam di Madinah berhak menyekat dan memeriksa sebarang rombongan perniagaan atau kabilah yang melalui kota itu, kerana kawasan tersebut di bawah pentadbirannya. Apabila Nabi Muhammad mendengar khabar satu kabilah Quraisy mengandungi kira-kira tiga puluh orang kembali dari Syam melalui Madinah, baginda telah memerintah orang-orangnya agar menahan mereka. Angkatan perniagaan itu di bawah pimpinan Abu Sufian, iaitu di antara orang kuat Quraisy musyrikin yang telah menentang orang Islam di Makkah dahulu. Apabila Abu Sufian mendengar khabar yang Nabi Muhammad hendak menahan rombongannya dia telah menghantar utusan ke Makkah meminta bantuan untuk menghancurkan orang Madinah. Seramai kira-kira 1,000 orang tentera Makkah, termasuklah 100 tentera berkuda di bawah pimpinan Abu Jahal telah keluar untuk menentang orang Islam.

Apabila orang Islam di Madinah mengetahui hal tersebut mereka telah melengkapkan satu angkatan tentera di bawah pimpinan Nabi Muhammad sendiri, yang mengandungi 313 orang, termasuklah 70 orang berunta. Angkatan Islam itu telah bertahan di Badar. Memandangkan bilangan tentera Quraisy yang begitu ramai Nabi Muhammad dapat merasai bahawa peperangan itu merupakan peperangan yang menentukan jatuh bangunnya orang Islam. Peperangan itu dimulakan dengan perlawanan senjata di antara 'Utbah bin Rabi'ah, Walid bin 'Utbah dan Shaibah bin Rabi'ah bagi pihak Quraisy musyrikin dengan 'Ubaidah bin Harith dan Hamzah bin Abdul Muttalib serta Ali bin Abu Talib bagi pihak Islam. Perlawanan senjata ini berakhir dengan kematian ketiga-tiga pahlawan Quraisy musyrikin itu. Sungguhpun bilangan orang Islam tidak ramai, akhirnya mereka telah berjaya mengalahkan tentera Quraisy musyrikin.

Dalam peperangan itu ramai orang Quraisy musyrikin terbunuh. Tujuh puluh orang pahlawan mereka termasuklah Abu Jahal terbunuh,

dan tujuh puluh orang yang lain telah ditawan oleh orang Islam. Manakala di pihak Islam pula empat belas orang telah gugur syahid. Tawanan itu telah dibawa ke Madinah. Di Madinah Nabi Muhammad telah memutuskan untuk mengadili mereka itu sebagai orang tawanan perang setelah satu mesyuarat diadakan:

1. Orang-orang yang dapat menebus dirinya dibebaskan kembali dengan syarat-syarat yang tertentu.
2. Orang yang tidak dapat menebus dirinya tetapi pandai menulis dan membaca, diminta mengajar sepuluh orang anak Muslimin tiap-tiap seorang sehingga pandai membaca dan menulis, kemudian dibebaskan.
3. Orang yang tidak tahu membaca dan menulis, serta tidak dapat menebus diri, diminta berjanji tidak akan memerangi kaum Muslimin lagi buat selama-lamanya, kemudian dibebaskan.

Layanan terhadap tawanan peperangan ini, menggambarkan ketinggian peribadi Rasulullah dan ajaran Islam. Layanan ini jika dibandingkan dengan layanan yang dilakukan oleh kerajaan bukan Islam seperti kerajaan Rom atau Parsi dewasa itu atau pada bila-bila masa atau di mana-mana jua pun dapat menandingi mereka kerana layanan itu mempunyai prinsip dan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi.

Kemenangan di pihak Islam dalam peperangan Badar ini meninggalkan kesan yang merata. Di Makkah kekalahan pihak Quraisy telah mendukacitakan pemimpinnya termasuklah Abu Lahab, hinggalah menyebabkan ia jatuh sakit dan kemudiannya meninggal dunia. Di Madinah pula kemenangan orang Islam ini telah membangkitkan semangat orang Islam, dan telah menjamin kedudukan orang Islam dan agama Islam. Tiap-tiap orang Islam yang mengambil bahagian dalam peperangan ini digelar 'orang Badar', dan gelaran ini merupakan kemuliaan yang amat tinggi nilainya. Kemenangan tersebut menunjukkan bahawa kualiti telah mengatasi kuantiti. Bilangan orang Islam itu sungguhpun hanya 313 orang sahaja, tetapi kesemuanya mempunyai keperibadian keislaman yang tinggi dan tanggungjawab yang suci. Di sisi orang-orang Yahudi di Madinah pula, kejayaan ini membawa prestij yang tinggi, kerana mereka memandang tinggi dan menghormati se-penuhnya orang Islam.

Walaupun begitu ada suku Yahudi yang tinggal di Madinah dan yang menyertai perlombagaan Madinah itu yang memperkecil-kecil kemenangan orang Islam itu. Suku Yahudi itu, iaitu suku Bani Qainuqa' bukan sahaja tidak membantu orang Islam dalam peperangan tersebut tetapi telah menghina kemenangan itu. Penghinaan mereka itu telah

mencetuskan perperangan apabila kemudiannya seorang Yahudi dari suku itu telah menjatuhkan maruah seorang perempuan Islam di sebuah pasar. Seorang laki-laki Islam yang melihat kejadian itu telah bertindak membunuh orang Yahudi itu. Peristiwa penghinaan suku Yahudi dan kejadian di pasar itu telah dipandang berat oleh Nabi Muhammad. Ini merupakan pencabulan terhadap perlombagaan Madinah. Nabi Muhammad memerintahkan orang Islamnya mengepung kawasan Bani Qainuqa' itu. Pengepungan berlaku, dan Perperangan Qainuqa' telah meletus selama lima belas hari iaitu pada bulan Syawal tahun 2 H. Puak suku Yahudi itu telah tewas, dan dihalau keluar dari Madinah.

Peperangan Uhud

Peperangan Uhud berlaku pada pertengahan bulan Syaban tahun 3 H. bersamaan bulan Januari tahun 625 M., di sebuah kaki Bukit Uhud, tidak jauh dari Madinah.

Kekalahan orang Quraisy musyrikin itu tidak melemahkan semangat mereka, malahan mereka telah bertindak menyusun barisan untuk menebus kekalahannya dalam Peperangan Badar itu. Seramai 3,000 tentera Quraisy musyrikin telah disediakan di bawah pimpinan Abu Sufian untuk menyerang Madinah. Di samping itu satu pasukan pancaragam wanita di bawah pimpinan isteri Abu Sufian, Hindun telah menyertai angkatan itu untuk membangkitkan semangat perang, dan untuk menghalang angkatan tentera daripada melarikan diri. Ini merupakan adat atau tradisi orang Arab.

Apabila Rasulullah mendengar berita rancangan Quraisy itu dari surat yang dihantarkan oleh bapa saudaranya Abas bin Abdul Muttalib di Makkah, baginda telah mengadakan mesyuarat dengan para sahabatnya. Kemudian Nabi Muhammad telah menyediakan sebuah angkatan seramai kira-kira 1,000 orang sahaja, dan bertolak menuju ke arah Bukit Uhud, tetapi tidak lama kemudian seramai 300 orang telah menarik diri dari angkatan itu diketuai oleh Abdullah bin Ubai pemimpin golongan *munafiqin*, iaitu orang yang suka bermuka-muka, mengambil tindakan itu dengan alasan tindakan Rasulullah itu tidak bijak. Setelah tiba di Bukit Uhud, Rasulullah telah mengatur tentera pertahanannya. Tentera itu diminta bersiap sedia di kaki bukit, dan kemudian memilih lima puluh orang ahli pemanah yang diketuai oleh Abdullah bin Jubair al-Ansari bertahan di atas bukit untuk menahan kemaraan tentera berkuda Quraisy dari belakang. Baginda memesan mereka supaya jangan sekali-kali meninggalkan tempat itu sehingga mendapat perintah.

Setelah angkatan Quraisy itu tiba perperangan pun berlaku. Ten-

tera Islam telah menunjukkan kesatriannya. Orang Islam telah mematuhi perintah Rasulullah, dan kemenangannya telah terbayang. Khalid bin Walid seorang panglima tentera Quraisy yang mengetuai barisan tentera yang berperang untuk mengepung tentera Islam yang tidak begitu ramai itu, telah dapat diundurkan oleh pasukan pemanah Islam yang berkubu di atas bukit itu. Dari satu peringkat ke satuh peringkat tentera Islam telah berjaya mematahkan serangan musuh, dan kemudian mengundurkan mereka ke satu tempat yang tidak jauh dari bukit itu. Apabila pasukan pemanah melihat angkatan Quraisy itu berundur, mereka turun mengambil harta-benda yang ditinggalkan oleh tentera musuh, tanpa mengingati pesanan Rasulullah, supaya jangan meninggalkan tempatnya sebelum diperintahkan berbuat demikian. Dalam keadaan kelam kabut itu tentera berkuda Quraisy di bawah pimpinan Khalid bin Walid telah mengambil peluang menyerang tentera Islam dari belakang. Ramai tentera Islam gugur, dan mereka berpecah-belah. Rasulullah mendapat luka-luka di pipi dan kepalanya. Baginda juga jatuh ke dalam lubang, tetapi telah dapat diselamatkan oleh Ali bin Abi Talib dan Talhah bin 'Ubaiddillah. Puteri Nabi Muhammad, Fatimah, iaitu di antara wanita yang bertugas sebagai jururawat telah merawat luka-luka baginda. Beberapa pahlawan Islam telah bertugas mengawal keselamatan Rasulullah. Pada waktu itu ada juga orang yang membawa khabar bahawa Rasulullah telah terbunuh. Khabar ini kemudian sampai ke pengetahuan orang Quraisy. Dalam keadaan ini Rasulullah sempat menyusun kembali sebahagian daripada tenteranya untuk mempertahankan diri, dan menyerang kembali orang Quraisy itu. Akan tetapi tentera Quraisy itu yang merasakan kemenangan itu berangkat balik ke Makkah. Mereka yakin bahawa Rasulullah telah terbunuh, dan angkatan mereka telah berjaya dalam peperangan itu.

Dalam Peperangan Uhud itu seramai tujuh puluh orang tentera Islam telah gugur termasuklah pahlawan Islam yang terkenal Hamzah bin Abdul Muttalib. Orang Quraisy telah melakukan pembunuhan yang sangat kejam terhadap orang Islam. Hindun binti Utbah isteri Abu Sufian telah membala dendam dengan mencincang tubuh Hamzah. Keadaan ini sangat-sangat menyayatkan hati Rasulullah dan para sahabatnya.

Peperangan Uhud ini menimbulkan kesan yang besar kepada orang Islam. Kesan utama ialah pengajaran kepada mereka tentang bahaya mengkhianati pesanan dan perintah ketua dan juga akibat perasaan tamak dan haloba kepada harta-benda. Peperangan ini telah menyedarkan lagi orang Islam dan menambah semangat penyatuan mereka.

Orang Quraisy pula merasai bahawa mereka telah mendapat kemenangan yang besar, dan satu rancangan untuk memberi pukulan maut kepada umat Islam telah dibuat. Orang Yahudi pula mengambil

kesempatan menghina dan merendah-rendahkan kekuatan orang Islam. Akibat dari sini peperangan Nadzir meletus, yang didahului dengan peperangan Lihyan sebelumnya. Peperangan Lihyan berlaku pada tahun 627 M. (6 H.) berpunca daripada tindakan orang Yahudi Bani Lihyan menyerang hendap dan membunuh enam orang utusan Rasulullah yang hendak mengajar agama Islam kepada orang Islam dari-pada kalangan Arab suku 'Adzl dan al-Qarah. Peperangan ini berakhir dengan kemenangan di pihak tentera Islam.

Peperangan Bani Nadzir pula berlaku, berpunca daripada tindakan orang Yahudi suku Bani Nadzir membuat permuafakatan hendak membunuh Rasulullah, ini dirancang ketika baginda melawat perkampungan Yahudi suku tersebut kerana menyelesaikan masalah pembunuhan dua orang Yahudi. Rancangan mereka diketahui oleh Rasulullah menyebabkan baginda bertindak memerintahkan mereka keluar dari Madinah. Perbuatan Yahudi itu adalah bertentangan dengan Perlembagaan Madinah yang telah sama-sama dipersetujui itu. Akan tetapi mereka enggan mematuhi perintah Rasulullah, malahan mereka telah membina kubu untuk menentang kaum Muslimin. Nabi Muhammad telah bertindak mengepung mereka selama enam hari. Akhirnya peperangan Bani Nadzir berlaku, orang Yahudi tewas dan diperintahkan meninggalkan Madinah, membawa harta-benda mereka kecuali alat senjata.

Peperangan Khandaq

Peperangan Khandaq berlaku pada bulan Syawal tahun 5 H bersamaan tahun 627 M. Peperangan ini dinamakan demikian kerana kaum Muslimin telah mempertahankan serangan kaum Quraisy musyrikin dengan menggali parit di keliling kota Madinah terutama di bahagian yang terpenting iaitu tanah rendah. Parit itu dikenali sebagai 'Khandaq' dalam Bahasa Arabnya. Peperangan ini juga dikenali dengan nama Peperangan Al-Ahzab.

Kemenangan orang Quraisy dalam Peperangan Uhud menyebabkan mereka merancang untuk menyerang Madinah secara besar-besaran bagi memberi pukulan maut kepada orang Islam. Kira-kira 10,000 tentera Quraisy musyrikin telah disediakan untuk melancarkan peperangan besar-besaran ini. Apabila Nabi Muhammad mendengar berita rancangan Quraisy ini baginda telah mengadakan mesyuarat dengan sahabat-sahabatnya. Cadangan Salman al-Farisi untuk membina kubu khandaq telah diterima dalam mesyuarat itu. Tidaklah diketahui dengan tepat berapa panjangkah kubu parit itu dibina, tetapi mengikut sumber-sumber yang tertentu kubu itu dibina kira-kira 12,000 hasta oleh kira-kira 3,000 orang termasuklah Nabi Muhammad sendiri.

Golongan Yahudi dan munafiqin seperti yang telah disebutkan tidak membantu dalam kerja-kerja membina kubu itu yang sepatutnya dibuat bersama, sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Perlembagaan Madinah dahulu.

Apabila angkatan Quraisy musyrikin yang mengandungi 10,000 orang tentera itu tiba di Madinah, mereka tidak berjaya memasuki kota itu. Angkatan Quraisy itu pun berkhemah dan mengepung kota Madinah di luar kubu tersebut. Tentera Islam yang bertahan di sebelah dalam kubu itu hanya 3,000 orang sahaja. Peperangan besar tidak berlaku, hanya perjuangan lontar-melontar senjata sahaja yang berlaku. Beberapa orang pahlawan Quraisy telah cuba menyeberangi kubu itu tetapi dapat dihalang oleh pahlawan Islam.

Setelah pengepungan itu berlaku beberapa lama, timbullah bibit-bibit perpecahan di antara kaum Quraisy musyrikin. Di samping itu juga ribut pasir, angin sejuk dan hujan yang telah menyukarkan kedudukan mereka. Perselisihan di antara pahlawan suku yang menganggap dirinya panglima agung tidak dapat mengawal panglima dari suku lain seperti Tulaihah bin Khuwailid, Uyainah bin Hisu, Harith bin 'Auf dan lain-lain. Suku-suku tersebut sebenarnya tidak begitu bersemangat untuk berperang, kerana mereka tidak mempunyai kepentingan yang besar dalam perjuangan itu.

Sementara Huyai bin Akhtab salah seorang pemimpin Yahudi suku Bani Nadzir yang telah berpindah ke Khaibar telah mengajak Ka'ab bin Asad pemimpin Yahudi suku Quraizah di Madinah membantu orang Quraisy musyrikin itu untuk menghancurkan umat Islam di Madinah. Berita ini telah sampai ke pengetahuan Rasulullah, baginda telah menghantar utusan untuk menyelidiki pengkhianatan orang Yahudi ini, dan menahan mereka supaya menghentikan rancangannya. Setelah diselidik, berita tersebut didapati benar, dan usaha untuk menahan mereka meneruskan rancangannya gagal. Usaha pengepungan kaum Quraisy berjalan terus walaupun perselisihan di antara mereka berlaku. Keadaan ini menyebabkan umat Islam di kota Madinah putus hubungan dengan penduduk luar, ini mengakibatkan orang-orang Islam menderita kebuluran.

Dalam keadaan ini, Na'im bin Mas'ud salah seorang pemimpin Arab yang baharu memeluk Islam telah menawarkan jasa baiknya untuk memecahbelahkan tentera-tentera Quraisy. Tawaran ini telah diterima dengan baik oleh Rasulullah. Na'im telah menemui ketua Yahudi suku Quraizah, dan memperdayakannya, dengan mengatakan bahawa sekiranya orang Quraisy kembali ke Makkah dengan sebab-sebab tertentu, suku Bani Quraizah akan menerima pukulan hebat daripada orang Islam. Ia mengesyorkan kepada suku Yahudi itu supaya meminta jaminan kepada kaum Quraisy bahawa mereka tidak akan meninggalkan suku itu menentang orang Islam berseorangan. Kemudian Na'im

menemui kaum Quraisy, dan mengatakan kepada mereka bahawa orang Yahudi suku Bani Quraizah telah membuat perdamaian secara rahsia dengan pihak Islam, serta mengingatkan kepada kaum Quraisy itu tentang tipu-daya orang Yahudi itu. Tindakan rahsia Na'im ini tidak diketahui oleh kedua-dua pihak.

Langkah-langkah ini menyebabkan kaum Quraisy menolak permintaan Bani Quraizah untuk membuat jaminan supaya kaum Quraisy tidak meninggalkan Madinah. Akibatnya, perpecahan berlaku, penggabungan di antara suku Quraizah dengan kaum Quraisy, dan penyatauan di antara suku-suku dalam tentera Quraisy sendiri tidak dapat dicapai. Manakala keadaan ribut pasir, angin sejuk dan hujan telah menimbulkan kesukaran terhadap mereka. Setelah kira-kira dua puluh lima hari kaum Quraisy mengepung kota Madinah, mereka mengambil keputusan bertindak meninggalkan kota tersebut dengan penuh kekecewaan.

Satu perkara penting yang dilakukan oleh Nabi Muhammad setelah tamat peperangan tersebut ialah menyelesaikan masalah suku Yahudi Bani Quraizah yang telah mengkhianati perlombagaan Madinah itu. Rasulullah telah memerintahkan orang Islam mengepung perkampungan orang Yahudi Bani Quraizah. Setelah dua puluh lima hari pengepungan dan peperangan berlaku Yahudi Bani Quraizah tewas. Bagi menyelesaikan masalah Bani Quraizah ini para sahabat menesyorkan beberapa cadangan. Ada antaranya yang mencadangkan supaya diberi hukuman yang sama sahaja dengan hukuman yang dikenakan kepada Yahudi Bani Nadzir. Tetapi Rasulullah menolak hukuman yang sebegini lembut, dan kerana ini tidak setimpal dengan kesalahannya mengkhianati negara. Bagi keadilan dan memuaskan hati semua pihak Nabi Muhammad telah menyerahkan perkara ini kepada Sa'ad bin Mu'az sebagai pengadil. Kemudian Sa'ad telah bertindak tegas menghukum mereka dengan seadil-adilnya. Hukuman dilakukan berdasarkan kitab agama mereka, iaitu kitab Taurat Ulangan, fasal 20, ayat 10-16.

Peperangan Bani Mustaliq

Peperangan ini berlaku pada bulan Sya'ban tahun 6 H. bersamaan bulan Disember, tahun 627 M. di antara orang Islam dengan golongan musyrikin Bani Mustaliq berhampiran sebuah oasis kepunyaan suku Khuzaah, di Al-Muraisi'. Rasulullah sendiri mengetuai peperangan ini sebagaimana kebanyakan peperangan yang lain.

Peperangan ini berpunca daripada langkah Harith bin Dzirar ketua kaum Bani Mustaliq yang dahulunya membantu kaum Quraisy dalam peperangan Uhud, menyusun kekuatan untuk memerangi kaum Mus-

limin. Rasulullah telah bertindak berlepas ke Al-Muraisi' untuk menyelesaikan masalah tersebut. Setelah tiba di Al-Muraisi', tentera Islam telah bertemu dengan tentera Bani Mustaliq, perperangan berlaku yang membawa kejayaan kepada tentera Islam.

Beberapa peristiwa penting telah berlaku semasa peperangan ini, dan yang terpenting sekali ialah peristiwa pertelingkahan di antara golongan Muhajirin dengan Ansar yang nyaris-nyaris membawa kepada pertumpahan darah. Pertelingkahan ini berpunca daripada perkembangan seorang Muhajirin dengan seorang Ansar. Perkelahian tersebutan ini kemudian telah mencetuskan pertelingkahan kaum, dan hampir-hampir membawa kepada perang bersaudara. Akan tetapi dengan kebijaksanaan Rasulullah pertelingkahan itu dapat diatasi. Nabi Muhammad telah menyeru supaya tiap-tiap orang Islam bersatu padu dan melupakan segala sifat persukuan atau 'asabiah yang membawa kepada kehancuran.

Perjanjian Hudaibiah

Ziarah Makkah

Setelah enam tahun Rasulullah dan orang Muhajirin berada di Madinah, mereka mulai merasai rindu hendak kembali ke tanah tumpah darah mereka di Makkah. Perasaan ini timbul ialah kerana ingin melihat kaum keluarga dan rumah tangga mereka yang ditinggalkan waktu melarikan diri dari penindasan orang Quraisy dahulu, juga untuk melakukan ibadat Umrah dan untuk menziarah Kaabah yang selama ini menjadi kiblat mereka waktu sembahyang. Keinginan ini mereka sampaikan kepada Rasulullah. Kebetulan pula waktu itu baginda telah pun bermimpi mengerjakan Haji bersama dengan sahabat-sahabat dan ramai pengikutnya. Nabi juga telah bermimpi duduk berhenti di Masjid al-Haram. Nabi berpendapat bahawa mimpi itu baik. Sahabat-sahabatnya gembira mendengar mimpi itu dan percaya mimpi Rasulullah benar dan akan berlaku.

Kemudian Rasulullah pun memberitahu orang Islam supaya bersiap sedia untuk berangkat ke Makkah. Mereka tidak dibenarkan membawa senjata kecuali pedang bersarung iaitu senjata biasa untuk mengawal diri. Kabilah-kabilah lain biar pun mereka belum memeluk agama Islam boleh diajak bersama supaya dapat mengetahui bahawa keberangkatan ke Makkah ini benar-benar untuk menuaikan ibadat haji, bukan untuk berperang.

Pada awal bulan Zulkaidah Rasulullah pun berangkat menuju ke Makkah dengan orang Islam yang berjumlah seramai 1,500 orang. Ikat bersama ialah sebahagian kecil daripada kabilah-kabilah Arab yang

belum memeluk agama Islam. Bersama mereka dibawa juga 700 ekor unta untuk dijadikan korban. Waktu berangkat lagi Rasulullah sendiri telah memakai pakaian ihram untuk menegaskan kepada orang ramai bahawa pemergian mereka bukan untuk berperang, tetapi adalah untuk berbadat semata-mata.

Tetapi orang Quraisy tidak dapat menerima ini. Apabila mereka mengetahui tentang keberangkatan itu mereka pun menyiapkan bala tentera yang diketuai oleh Khalid bin al-Walid dan Akramah bin Abu Jahal dengan dilengkapi oleh 200 tentera berkuda. Mereka menghalang rombongan Rasulullah di satu tempat yang bernama Hudaibiah, iaitu satu kampung di luar kota Makkah. Walaupun orang Makkah mengetahui bahawa kedatangan orang Islam tidak untuk berperang, tetapi mereka menganggap bahawa kemasukan orang Islam ke dalam kota Makkah walaupun di atas nama mengerjakan Umrah, bererti kemenangan bagi mereka dan kekalahan bagi orang Quraisy.

Apabila rombongan Rasulullah ini sampai di Hudaibiah, baginda pun diberitahu bahawa orang Qurasyi telah gempar dan telah bersedia untuk menghalang dan menentang Rasulullah. Baginda pun berunding dengan sahabat-sahabat cara-cara hendak mengelakkan daripada berlaku perang. Akhirnya mereka mengambil keputusan mengutus Sayyidina Uthman bin Affan dan beberapa orang pengiringnya ke Makkah untuk membuat perundingan. Tetapi malangnya pemergian Sayyidina Uthman ini telah ditahan oleh orang Qurasyi, kemudian terdengar pula khabar-khabar angin mengatakan bahawa dia telah ditangkap dan dibunuhi oleh orang Qurasyi. Khabar angin yang meragukan ini menyebabkan Rasulullah mengeluarkan perintah supaya orang Islam bersiap sedia dan berjaga-jaga untuk berperang. Semua orang Islam bersetuju dengan cadangan baginda itu. Persetujuan ini telah dilakukan di dalam satu perjanjian yang dikenal dengan nama *Baiah - Ridhwan*.

Apabila orang Qurasyi mengetahui cadangan Rasulullah itu mereka pun merasai takut dan menghantar satu perwakilan menemui Rasulullah memohon supaya rombongan Rasulullah tidak masuk kota Makkah pada tahun itu demi untuk menjaga kemuliaan dan kehormatan orang Qurasiy daripada pandangan kabilah-kabilah Arab yang lain. Perwakilan orang Qurasiy ini tidak berjaya menahan ketetapan Rasulullah, mereka kemudiannya ditahan. Ini menyebabkan pihak Qurasiy menghantar satu perwakilan lagi diketuai oleh Suhail bin Umar. Suhail memberitahu Rasulullah bahawa rombongan Uthman ditangkap oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Beliau meminta supaya Rasulullah membebaskan perwakilan orang Qurasyi. Rasulullah menerima tawaran itu dengan syarat rombongan Uthman dibebaskan lebih dulu.

Setelah orang tahanan kedua belah pihak dilepaskan perundingan pun diadakan. Dalam perundingan itu orang Qurasyi tetap memegang

pendiriannya meminta orang Islam kembali ke Madinah dan tidak mengerjakan Umrah pada tahun itu, kerana masuknya orang Islam ke Makkah, imej mereka akan jatuh dan kabilah-kabilah Arab akan mencemuh mereka. Oleh kerana Nabi menyetujui prinsip tuntutan Quraisy itu maka perundingan berjalan dengan baik dan telah melahirkan beberapa persetujuan yang dikenal dalam sejarah Islam dengan nama Perjanjian Hudaibiah dan ini berlaku dalam tahun 628 M. Antara persetujuan yang dicapai itu ialah:

- I. Orang Islam bersetuju tidak mengerjakan Umrah pada tahun itu, tetapi dibenarkan datang semula ke Makkah pada tahun berikutnya untuk menuaikan fardu Haji. Mereka dibenarkan masuk ke Makkah setelah semua orang Quraisy keluar dari Makkah. Orang Islam tidak dibenarkan membawa apa-apa senjata melainkan pedang yang berbungkus di dalam sarungnya. Mereka tidak boleh tinggal di Makkah lebih daripada tiga hari.
- II. Kedua belah pihak hendaklah mengadakan gencatan senjata selama sepuluh tahun bermula pada hari perjanjian itu.
- III. Orang Quraisy yang memihak orang Islam tanpa keizinan walinya ataupun penjaganya hendaklah dikembalikan kepada orang Quraisy semula.
- IV. Orang Islam yang memihak orang Quraisy tanpa keizinan walinya tidaklah dipaksa mengembalikan kepada orang Islam.
- V. Memberi kebebasan penuh kepada seluruh kabilah Arab yang ingin mengadakan perjanjian persahabatan dengan orang Islam ataupun dengan orang Quraisy, kecuali orang Quraisy tidak dibenarkan mengadakan perjanjian persahabatan lain dengan orang Islam.

Kesan Perjanjian Hudaibiah

Perjanjian ini bagi kebanyakan para sahabat adalah mendukacitakan. Mereka menganggap bahawa sikap Rasulullah yang lemah lembut dan tolak-ansur itu merugikan orang Islam. Tetapi mereka yang tidak puas hati itu pada akhirnya sedar dan kembali menyetujui syarat-syarat perdamaian itu, kerana ternyata kemudiannya bahawa Nabi Muhammad (S.A.W.) mempunyai pandangan yang jauh dan apa yang dipersebutui itu mendatangkan beberapa kejayaan kepada Rasulullah. Dengan perjanjian itu bererti orang musyrikin Makkah secara tidak langsungnya telah mengiktiraf Kerajaan Islam di Madinah, kerana inilah kali pertama pembesar-pembesar Makkah sanggup mengadakan perundingan. Sebelum ini mereka hanya dianggap sebagai golongan

pemberontak sahaja, tidak sebagai badan rasmi yang mempunyai hak dan kewajipan. Dengan demikian terselamatlah orang Islam daripada bahaya perang yang sentiasa mengancam mereka. Hal ini memberi peluang kepada Rasulullah mengukuhkan lagi kedudukan umat Islam dan membasmikan musuh-musuh mereka dalam Kota Madinah terutama orang Yahudi yang sentiasa menunjukkan sikap negatif.

Dengan adanya perjanjian itu kedudukan dan taraf Rasulullah dipandang tinggi oleh orang Arab. Di kalangan pahlawan-pahlawan Quraisy yang handal-handal pula lahirlah peluang untuk mereka memikir dan menimbangkan prinsip-prinsip agama Islam dan faktor-faktor yang membawa kejayaan yang cepat. Hasil daripada perjanjian ini, tidak berapa lama kemudian datanglah ke Madinah Khalid bin al-Walid, lalu memeluk agama Islam. Sebelum ini beliau terkenal sebagai musuh ketat Islam. Kemudian disusuli pula oleh pahlawan-pahlawan, seperti Amr bin al-As, Osman bin Talhah, dan lain-lain lagi. Setelah memeluk agama Islam mereka pun menetap di Madinah, bergaul dengan orang Islam, dan meninggalkan pergaulan dengan orang Quraisy. Dengan ini tentera Islam bertambah kuat.

Dengan adanya perjanjian itu dapatlah Rasulullah menyiarkan agama Islam dengan bebas dan teratur tanpa gangguan dari mana-mana pihak lagi. Maka berduyun-duyunlah orang memeluk agama Islam. Ahli-ahli sejarah mencatatkan bahawa orang-orang yang memeluk agama Islam dalam waktu semenjak perjanjian Hudaibiah itu diadakan hingga penaklukan Makkah, dalam masa dua tahun, lebih besar jumlahnya daripada orang-orang yang masuk Islam di tahun-tahun sebelum terjadinya perjanjian Hudaibiah. Dengan ini masyarakat Islam semakin teguh dan kuat. Dalam keadaan yang teratur ini juga Rasulullah telah berpeluang menghantar surat kepada Raja-raja negeri asing menyeru mereka kepada agama Islam di samping menerangkan prinsip-prinsip dan dasar agama tersebut. Di antara Raja-raja yang menerima surat Rasulullah itu ialah, Herculis maharaja Rom, Kisra maharaja Parsi, Najasyi maharaja Habsyah, Muquaqis Gabnor Mesir, Raja-raja Yamamah, Aman, dan Ghassan. Di antara Raja-raja itu ada yang menerima surat Rasulullah dengan baik, dan ada pula yang menerima dengan kasar dan biadab.

Dengan adanya perjanjian itu dapatlah Rasulullah bersama dengan dua puluh ribu orang umat Islam mengunjungi Makkah pada tahun berikutnya untuk melakukan ibadat Umrah. Kerana menghormati perjanjian itu maka orang Quraisy terpaksa keluar dari Kota Makkah memberi peluang kepada orang Islam menunaikan ibadat Umrah mereka dengan aman.

Peperangan Selepas Hudaibiah

Perang Khaibar

Khaibar ialah suatu kampung yang terletak di utara Madinah. Perang Khaibar ialah suatu peperangan yang berlaku selepas perjanjian Hudaibiah antara orang Islam dengan orang Yahudi. Peperangan ini berlaku apabila Rasulullah diberitahu bahawa orang Yahudi dari semua kabilah telah bermuafakat hendak menyerang Rasulullah di Madinah. Oleh itu Rasulullah berpendapat bahawa selagi orang Yahudi itu belum dihapuskan akar umbi permusuhan mereka terhadap orang Islam selama itulah kota Madinah dalam keadaan bahaya dan diancam.

Pada tahun ketujuh Hijrah Rasulullah pun menyiapkan angkatan tenteranya untuk menyerang orang Yahudi di Khaibar itu. Rasulullah bersama dengan kira-kira 1,600 orang tentera Islam menuju ke sana. Setelah berperang dengan hebatnya akhirnya orang Yahudi membuat pengakuan tidak mahu mengancam orang Islam lagi. Mereka juga memohon ampun daripada Rasulullah di atas kesalahan-kesalahan yang telah lalu. Mereka kemudiannya meminta supaya mereka tidak dibunuh dan dibenarkan tinggal di Khaibar dengan aman. Permohonan dan permintaan mereka diperkenankan oleh Rasulullah.

Perang Muktah

Perang ini berlaku dalam tahun kelapan Hijrah. Sebagaimana yang diketahui bahawa perjanjian gencatan senjata selama sepuluh tahun itu memberi peluang kepada Rasulullah menyebarkan dakwah. Pada waktu inilah Rasulullah menulis surat kepada semua kaum dan pemimpin negara asing menyeru mereka kepada agama Islam. Peperangan ini berlaku apabila Rasulullah menghantar utusannya yang bernama Haris bin Amir al-Azdi kepada Raja Ghassan yang tinggal di kawasan sempadan negeri Syam untuk menyampaikan seruan Islam. Waktu itu negeri Syam dan negeri-negeri kecil yang berjiran dengannya adalah di bawah takluk Empayar Rom yang gagah perkasa. Utusan Rasulullah itu telah dibunuh oleh orang Ghassan dengan perintah dari Raja Herculis, Maharaja Rom.

Apabila berita ini sampai kepada Rasulullah maka baginda pun menyiapkan angkatan tentera untuk ke negeri Syam menuntut bela di atas pembunuhan itu. Baginda mengumpulkan tiga ribu kekuatan tentera di bawah pimpinan Zaid bin Harith, anak angkat baginda sendiri. Kepada mereka Rasulullah telah memberi beberapa amanat, "Apabila sampai ke Syam hendaklah lebih dahulu sampaikan dakwah Islam kepada penduduknya. Berperang hendaklah dengan nama Allah dan selalu meminta pertolongan daripada Allah. Jangan membunuh

anak-anak kecil, orang perempuan, orang buta dan orang tua. Jangan meruntuh rumah-rumah kediaman orang awam. Jangan merosakkan pokok-pokok buah-buahan". Kemudian berjalanlah angkatan tentera Islam itu ke negeri Syam dan diturut juga oleh Khalid bin al-Walid sebagai pemandu jalan. Rasulullah telah menghantar tentera Islam ini sampai keluar bandar Madinah.

Ketibaan angkatan tentera Islam telah diketahui oleh Herculis Maharaja Rom. Dia kemudiannya mengumpulkan tenaga tenteranya seramai 200,000 orang yang terdiri daripada tentera Rom yang bergabung dengan orang Arab Bani Ghassan yang menjadi sekutunya. Angkatan tentera Rom yang begitu besar dipimpin oleh adik Herculis sendiri yang bernama Tioudur. Mereka mara dengan gagahnya ke Maan, iaitu suatu tempat di mana tentera Islam sedang berehat.

Pada mulanya tentera Islam yang kerdil itu merasai gentar dan ragu-ragu hendak menghadapi tentera Rom yang berpuluhan-puluhan kali ganda besarnya itu. Tetapi akhirnya setelah beberapa orang daripada pemimpin mereka memberi semangat dan meniupkan roh keimanan yang mendalam ke setiap dada pejuang-pejuang Islam, maka maralah mereka ke hadapan dengan dua tujuan yang besar iaitu mati syahid dengan menerima nikmat syurga ataupun menang dalam pertempuran supaya berpeluang menyiarkan seruan Islam di dunia.

Dengan dua tujuan yang tersebut maka maralah tentera Islam itu hingga tiba kepada satu tempat yang bernama Muktaah. Di sini berlakulah pertempuran yang hebat dan sengit. Seorang demi seorang tentera Islam telah dibunuh. Antara mereka ialah Zaid bin Harith, Abdullah bin Abi Rawahah, Jaafar bin Abi Talib dan lain-lain lagi. Khalid bin al-Walid sendiri telah bermati-matian berjuang. Tujuh bilah pedangnya patah di tangan. Akhirnya tentera Islam terpaksa mengundurkan diri tanpa memberi kemenangan kepada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun perperangan ini telah memberi suatu kesedaran kepada orang Islam bahawa mereka mempunyai musuh yang tidak boleh diabaikan di sebelah utara. Kedudukan agama Islam dan penyebarannya tidak boleh disempurnakan selagi musuh yang tersebut tidak dapat diselesaikan.

Pembukaan Kota Makkah

Mengingkari Perjanjian Hudaibiah

Kesan daripada perperangan Muktaah yang mengorbankan ramai pahlawan Islam telah menimbulkan semangat baru di kalangan orang Quraisy. Mereka menganggap bahawa kekuatan orang Islam sudah lemah. Oleh itu timbulah perasaan ingin melakukan perseteruan semula dengan Rasulullah tanpa memikirkan Perjanjian Hudaibiah.

Sedang mereka memikirkan cara-cara melakukan perseteruan ini berlakulah perseteruan antara dua kabilah Arab, iaitu antara kabilah Bani Khuzaah yang berjanji setia dengan orang Islam, dengan kabilah Bani Bakar yang berjanji setia dengan orang Quraisy. Orang Quraisy mengambil kesempatan membantu kabilah sekutunya dengan membunuh beberapa orang dari Bani Khuzaah, sekutu orang Islam. Pihak kabilah Khuzaah mengirim satu perutusan kepada Rasulullah, memberitahu tentang pencerobohan itu dan mengharapkan bantuan orang Islam. Untuk menjaga kehormatan kawan sekutunya maka Rasulullah pun memerintah orang Islam bersiap sedia untuk berangkat ke Makkah.

Apabila orang Quraisy mengetahui keberangkatan Rasulullah itu mereka pun merasai takut dan gentar, lalu menghantar Abu Sufian ke Madinah untuk berunding dengan Rasulullah untuk membaharui perjanjian itu dan mempereratkan lagi tali persahabatan antara kedua belah pihak, ataupun sekurang-kurangnya untuk melambatkan keberangkatan rombongan Rasulullah. Tetapi tujuan Abu Sufian ini tidak berjaya, bahkan sebaliknya menyakinkan Rasulullah lagi bahawa sebenarnya orang Quraisy telah melakukan pencerobohan ke atas kaum Khuzaah.

Pada 10 haribulan Ramadan tahun kelapan Hijrah, bersamaan tahun 630 Masihi, Rasulullah bersama dengan satu angkatan tentera yang mengandungi sepuluh ribu orang menuju ke Makkah. Tujuannya untuk membala perbuatan musyrikin Quraisy yang memecahkan perjanjian Hudaibiah itu. Sebelum berangkat Rasulullah telah meminta orang Islam menemui orang Quraisy itu dengan semangat yang berani. Di suatu tempat yang tidak jauh dari kota Makkah Rasulullah menemui bapa saudaranya al-Abbas dan keluarganya yang kemudian menyatakan keislaman mereka.

Setelah itu al-Abbas pun menunggang kenderaan Rasulullah menuju ke Makkah untuk memberitahu penduduk tentang kedatangan Rasulullah itu. Di tengah jalan beliau menemui Abu Sufian bin Harb pemimpin orang Quraisy Makkah yang telah merasai kekuatan Islam. Setelah berunding pendek, Abu Sufian pun menyatakan kesediannya untuk memeluk agama Islam, beliau kemudiannya dibawa oleh al-Abbas mengadap Rasulullah dan mengaku ke Islam di hadapan baginda.

Kemudian Abu Sufian pun berpisah dengan Rasulullah dan terus menuju ke kota Makkah. Setibanya di Makkah beliau pun menyeru kepada orang Quraisy: "Hai orang Quraisy ketahuilah bahawa Muhammad datang kepada kita membawa sesuatu yang belum pernah dibawa oleh sesiapa sebelum daripada itu". Mendengar seruan Abu Sufian itu lenyaplah segala harapan orang musyrikin hendak berperang.

Setelah itu, iaitu pada 20 Ramadan tahun Hijrah yang kelapan,

maka Rasulullah bersama-sama tenteranya pun masuk ke Makkah melalui empat penjuru. Di samping itu Rasulullah memerintahkan seorang daripada sahabat supaya meneriakkan: "Barang siapa yang masuk ke rumah Abu Sufian ia aman, barang siapa yang masuk ke rumahnya sendiri dan ditutup pintunya ia aman, dan barang siapa yang masuk ke Masjid al-Haram ia aman". Dengan demikian, ketibaan Rasulullah yang disertai oleh orang Islam itu tidak menerima apa-apa rintangan, kecuali pasukan Khalid bin al-Walid sahaja terpaksa berperang dengan sekumpulan orang Quraisy, tetapi kumpulan itu dapat ditewaskan dengan senang sahaja. Rasulullah masuk ke Makkah menunggang unta betina. Ketika berada di atas kenderaannya, baginda tidak berhenti-henti mengucap tasbih, memuji Allah kerana kemenangan itu. Baginda kemudiannya terus menuju ke Kaabah dan tawaf sebanyak tujuh kali. Apabila selesai mengerjakan tawaf, baginda pun melakukan pengampunan beramai-ramai kepada orang Quraisy yang berpuluh-puluh tahun menentang dan menyakiti orang Islam sebagai tanda kejujuran dan kedamaian baginda.

Sebelum itu orang Quraisy merasa bimbang juga kalau-kalau Rasulullah akan menuntut bela kerana sikap permusuhan mereka yang hebat sebelum ini. Mereka berkumpul beramai-ramai kerana hendak mendengar apa-apa yang akan disampaikan oleh Rasulullah. Baginda bersabda, antara lain katanya: "Wahai sekalian kaum Quraisy! Apakah kamu fikir aku akan lakukan kepada kamu sekalian!"

Mereka menjawab beramai-ramai: "Kebaikan!! Kerana engkau anak orang yang mulia".

Rasulullah menyambung lagi katanya: "Bersurailah kamu sekalian, kamu sekalian aku maafkan!"

Kerana baik hati Rasulullah maka pada hari itu hampir semua mereka memeluk agama Islam. Baginda kemudiannya memerintah orang Islam supaya membersihkan sekeliling Kaabah daripada berhala-berhala dan patung-patung yang beratus-ratus banyaknya. Sebelum ini berhala dan patung itu menjadi tempat pujaan yang mereka sembah sejak zaman berzaman. Rasulullah juga mengisytiharkan Kota Makkah adalah kota yang aman damai.

Kesan-Kesan Penaklukan Kota Makkah

Banyak kesan dan perubahan yang berlaku selepas penaklukan kota Makkah. Antara yang pentingnya ialah:

- I. Semua berhala dan patung yang berada di sekeliling Kaabah dihapuskan sama sekali. Agama menyembah berhala tidak ada lagi di kota Makkah dan digantikan dengan agama menyembah Allah.

- II. Dengan tertakluknya kota Makkah bererti tertakluknya hampir seluruh negeri Arab pada masa itu. Hanya sebilangan kecil sahaja lagi saki-baki musuh-musuh yang cuba hendak menyerang Rasulullah, tetapi usaha mereka dengan mudah dapat dipatahkan.
- III. Dengan tertakluknya kota Makkah maka itulah pertama kali dalam sejarah hampir seluruh negeri Arab tunduk di bawah satu puncak pemerintahan. Rasulullah mengirim wakil-wakil ke daerah-daerah luar Makkah untuk menjalankan pemerintahan menurut hukum Islam, sambil menjalankan tugas menyebarkan pengajaran-pengajaran Islam.
- IV. Agama Islam berkembang dengan pesatnya setelah kota Makkah dikuasai oleh Rasulullah. Pengajaran Islam pun dapat diamalkan dengan sempurna.
- V. Seluruh negeri Arab menjadi aman. Orang Arab mula belajar ilmu pengetahuan Islam. Mereka kemudiannya menyebarkan ilmu pengetahuan Islam itu ke daerah-daerah lain di seluruh Tanah Arab. Dengan ini bertambah luaslah agama Islam dan berkembanglah tamadun Islam di merata-rata daerah yang diduduki oleh orang Islam.

Peristiwa yang Berlaku Selepas Pembukaan Kota Makkah

Perang Hunain

Setelah 15 hari Rasulullah selesai membuka kota Makkah sampai berita kepada baginda bahawa kabilah Hawazin dan kabilah Saqif yang menduduki kota Taif, iaitu sebuah kota yang kaya-raya di barat daya Makkah, cuba hendak menghancurkan perjuangan Islam. Mereka ini sedang bersiap sedia hendak memerangi orang Islam. Pemimpin mereka bernama Malik bin Auf, seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dari hal peperangan di Tanah Arab. Mereka ini berkubu di satu tempat yang bernama Hunain untuk membuat serangan mengejut ke atas orang Islam.

Apabila Rasulullah diberitahu tentang pakatan jahat kabilah-kabilah itu maka baginda pun menyiapkan 12 ribu tenaga tentera menuju ke Hunain. Sebaik-baik sahaja mereka ini sampai di Hunain terus mereka diserang dengan hebatnya menyebabkan tentera Islam menjadi kucar-kacir berkeliaran lari lintang-pukang tanpa mengindahkan arahan pemimpin mereka. Ada antara tentera Islam yang lemah imannya

terus lari dari medan perang itu. Ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa hal-hal yang begini berlaku kerana tentera Islam masih mabuk dengan kemenangan menakluki Makkah. Mereka memandang ringan sahaja terhadap musuh di Hunain, dan yakin di atas kemenangan mereka.

Dalam keadaan yang kelam-kabut itu Rasulullah menyeru tenteranya supaya bertenang dan tentera Islam disusun semula, kemudian baginda mengambil segenggam pasir dilontarkan kepada musuh sambil mengucap "*Binasalah kamu*". Serentak itu juga baginda menyeru kepada tenteranya: "Tibalah waktunya melakukan pertempuran hangat".

Setelah itu tentera Islam pun melakukan serangan serentak dengan langkah yang teratur membelah barisan pertahanan tentera musuh, hingga mereka bertempiaran melarikan diri. Malik dengan beberapa orang pengikutnya sempat lari ke Taif. Banyak harta rampasan dan orang tawanan yang didapati daripada peperangan tersebut. Rasulullah memerintahkan bahawa segala harta rampasan dan orang tawanan itu dibawa dan dikumpul di Jakranah sementara menanti Rasulullah kembali dari Taif.

Perang Taif

Di Taif Rasulullah bersama dengan orang Islam terus mengepung Malik bin Auf dan saki-baki pengikutnya yang sempat melarikan diri. Kubu pertahanan Taif itu kuat. Tentera Islam tidak juga dapat memecahkan kubu mereka dan tidak ada tanda-tanda mereka mahu menyerah diri. Lima belas hari kemudian Rasulullah pun mengugut dengan muslihat akan membinasakan kebun buah-buahan yang menjadi sumber utama kehidupan mereka. Mendengar tindakan Rasulullah itu maka tentera musuh pun menghantar satu utusan meminta supaya tidak membinasakan kebun buah-buahan. Katanya "*Lebih baik kebun-kebun itu diambil oleh Rasulullah daripada dibinasakan*". Berikutan dengan ini Rasulullah telah mengumumkan tidak akan mengapa-apakan harta benda mereka. Selanjutnya baginda berpesan jika ada sesiapa yang mahu menyerah diri dengan baik maka Rasulullah berjanji akan menjaga keselamatan dirinya dan harta-harta miliknya. Dengan pesanan itu maka Malik bin Auf dan ramai pengikutnya datang menemui Rasulullah dan selepas itu pun berangkat balik ke Makkah. Sebelumnya baginda singgah di Jakranah, iaitu tempat dihimpun harta-harta rampasan dan orang tawanan. Baginda membahagi-bahagikan harta-harta rampasan antara orang Quraisy yang baru memeluk agama Islam dan juga kepada setengah kabilah-kabilah yang lain dengan tujuan untuk membantu mereka yang baru memeluk agama Islam.

Kemenangan di Taif merupakan kemenangan yang akhir dalam siri perjuangan Rasulullah di Semenanjung Tanah Arab. Dengan demikian

seluruh Tanah Arab patuh kepada pemerintahan Islam. Selepas ini tidak ada lagi peperangan dengan orang Arab di Semenanjung itu pada zaman baginda. Kemenangan ini menimbulkan perasaan cemburu kerajaan Rom dan Parsi yang kemudiannya bangun untuk menindas kekuatan raksasa yang tumbuh di Semenanjung Arab itu. Tidak lama selepas peperangan Taif Rasulullah pun berangkat pulang ke Madinah. Di sana Rasulullah terus-menerus berusaha menjalankan kegiatan mengembangkan agama Islam. Sebelum Rasulullah balik ke Madinah itu baginda melantik Attab bin Asid sebagai Gabenor Makkah dan Muaz bin Jabal sebagai guru agamanya.

Perang Tabuk

Perang Tabuk ialah peperangan yang akhir sekali sempat dihadiri oleh Rasulullah sebelum wafatnya. Peperangan ini berlaku dalam tahun kesembilan Hijrah, di mana pada tahun ini Rasulullah menerima banyak kunjungan tetamu daripada kabilah-kabilah Arab yang datang ke Madinah untuk menyatakan keislaman mereka.

Sedang Rasulullah sibuk menyambut tetamu-tetamu itu dan sibuk menumpukan perhatiannya kepada seluruh kabilah-kabilah Arab supaya tidak ada lagi antara mereka yang berani mengganggu kesejahteraan siaran agama Islam, maka tiba-tiba baginda diberitahu bahawa Kerajaan Rom dengan kerjasama kerajaan Negeri Syam sedang menyiapkan tentera masing-masing untuk menyerang tanah Arab di perbatasan Utara. Untuk mencegah serangan itu Rasulullah berpendapat bahawa daripada menunggu musuh sampai ke tangga lebih baik angkatan Islam sendiri bergerak menuju menemui musuh. Baginda menyiapkan satu angkatan tentera yang mengandungi 30 ribu termasuk 10 ribu askar berkuda.

Pada mulanya susah juga Rasulullah hendak mengumpulkan angkatan tenteranya yang sebegini ramai, kerana telah menjadi kebiasaan orang Arab takut hendak menghadapi secara berdepan dengan kerajaan Rom yang sejak dahulu kala lagi terkenal sebagai satu kerajaan yang besar yang mempunyai kelengkapan perang yang cukup. Penderitaan yang ditanggung oleh tentera Islam dalam peperangan Muktaah ini masih dirasai oleh mereka. Mereka takut penderitaan ini akan berulang lagi. Negeri Rom adalah negeri yang jauh dari Madinah. Untuk sampai ke sana terpaksa menghadapi banyak kesulitan. Waktu itu musim panas amat terik yang memerlukan ketabahan yang luar biasa dan perbelanjaan yang banyak.

Kerana keadaan-keadaan yang tersebut di atas maka orang munafik telah mengambil kesempatan membuat propaganda untuk menghalang orang Islam jangan turut ke medan perang itu. Namun begitu

orang Islam yang kuat keimanan dan kepercayaan terhadap Rasulullah telah menyahut seruan baginda dengan memberi sokongan moral dan harta-benda demi untuk menegakkan kalimah Allah di muka bumi ini. Setiap kaum muslimin yang mampu dan berharta dengan segala ke-murahan hati menderma sebahagian kekayaannya. Uthman bin Affan sendiri menderma seribu dinar, Umar bin Al-Khattab menderma sekadar mampu, tidak ketinggalan juga kaum wanita turut menderma barang-barang kemas mereka. Dengan penuh cita-cita dan azam yang kukuh maka bergeraklah dengan gagahnya tentera Islam di bawah pimpinan Rasulullah itu menuju ke negeri Syam. Apabila tiba di sempadan negeri Syam mereka singgah di satu tempat yang bernama Tabuk.

Mendengar ketibaan tentera Islam itu maka pasukan Rom yang mengawal sempadan pun menarik diri dari batasan sempadan. Rasulullah tidak mengejar mereka, cuma melakukan gerakan-gerakan kecil dan tindakan yang berguna untuk menjamin keamanan di sempadan supaya tidak digunakan oleh musuh sebagai pangkalan untuk menyerang Semenanjung Tanah Arab. Antara gerakan-gerakan yang dilakukan oleh Rasulullah ialah memujuk dan mengajak pembesar-pembesar dan penduduk di sekitar perbatasan sempadan itu supaya menyerah dan berdamai. Kepada mereka Rasulullah berjanji memberi jaminan keselamatan dari gangguan sesiapa pun. Setelah 20 hari berkubu di Tabuk itu maka pulanglah Rasulullah bersama angkatan tenteranya dengan selamat.

Haji Perpisahan

Haji Perpisahan ialah penunaian Fardu Haji yang penghabisan yang dilakukan oleh Rasulullah, kemudian baginda wafat setelah selesai menunaikan fardu Haji itu. Setahun sebelumnya, iaitu pada akhir bulan Zulkaidah tahun kesembilan Hijrah Rasulullah memerintah Abu Bakar mengetuai orang ramai pergi ke Makkah menunaikan fardu Haji. Rasulullah sendiri tidak menunaikan Haji pada tahun tersebut. Baginda hanya menghantar Sayyidina Ali untuk mengisyiharkan beberapa perkara penting kepada orang ramai apabila mereka berkumpul di Mina. Antara pengisyiharan itu ialah menegah orang yang bukan Islam menunaikan Haji bermula pada tahun hadapan.

Setahun kemudian, iaitu pada akhir bulan Zulkaidah tahun kesepuluh Hijrah, Rasulullah sendiri bersama-sama dengan 90 ribu orang Islam berangkat ke Makkah untuk menunaikan Haji. Sebelumnya baginda telah menyeru seluruh orang Islam supaya mengikut sebanyak-banyak agar mereka menyaksikan dan mempelajari daripada Rasulullah sendiri cara-cara mengerjakan Haji selengkap-lengkapnya.

Walaupun sebelum ini Rasulullah pernah mengerjakan Haji dengan beberapa orang Islam, tetapi ibadat Haji yang dijalankan pada waktu itu belumlah sempurna dan lengkap.

Pada musim Haji ini Rasulullah telah membuat pidatonya yang berakhir di Padang Arafah menerangkan hukum-hukum dan dasar-dasar Islam. Di antara pidatonya:

"Hai sekalian manusia bahawa darah kamu dan harta kamu tetap terhormat seperti kamu mempunyai hak ke atas mereka. Tiap-tiap orang Islam adalah saudara bagi orang Islam. Semua mereka bersaudara".

"Hai manusia! Saya telah meninggalkan kepada kamu suatu pusaka dan kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi kamu masih berpegang dengan pusaka itu, iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya".

Berikut dengan pidato yang panjang lebar itu maka turun firman Allah yang bererti: *"Pada hari ini telah aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku cukupkan kepada kamu nikmat-nikmat-Ku, dan aku redalah bagi kamu Islam itu sebagai agama"*. (Al-Maidah:4)

Setelah berada di Makkah selama sepuluh hari maka Rasulullah pun pulang ke Madinah, dan ribuan kaum Muslimin yang turut bersama menunaikan Haji itu juga pulang ke tempat masing-masing.

Rasulullah Selsema dan Wafat

Kira-kira tiga bulan kemudian, iaitu pada penghujung bulan Safar tahun Hijrah yang kesebelas baginda pun mulai demam selsema. Baginda lalu mengumpulkan para isterinya dan meminta supaya dirawat di rumah isteri baginda Sayyidatina Aisyah.

Pada mulanya baginda keluar ke masjid seperti biasa menjadi imam, memberi ucapan dari atas mimbar menerangkan hukum Islam dan berpesan supaya kaum Muhajirin dan kaum Ansar bermuafakat dan tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Beberapa hari sesudah itu baginda bertambah uzur lalu menyuruh Sayyidina Abu Bakar menjadi imam sembahyang mengganti Rasulullah. Itulah yang menjadi salah satu daripada sebab mengapa orang ramai memilihnya menjadi Khalifah Islam yang pertama setelah Rasulullah wafat.

Putera-Puteri Rasulullah yang tujuh beradik hanya seorang sahaja yang masih hidup pada masa itu, iaitu Sayyidah Fatimah Al-Zahra. Sayyidah Fatimah tidak tahan hatinya melihat baginda gering lalu menangis sambil berkata: *"Aduhai beratnya penderitaan ayahanda"*. Baginda menyabarkan puteri yang dikasih itu lalu bersabda, mak-sudnya: *"Tidak ada penderitaan yang akan ditanggung oleh ayah engku wahai Fatimah kemudian daripada hari ini"*.

Selang beberapa hari daripada mula geringnya itu maka hari Isnin dua belas Rabiul-Awal Tahun kesebelas Hijrah, (8hb. Jun 632M), wa-

fatlah Junjungan Kita Nabi Muhammad (S.A.W.) dengan hati yang tenang dan tenteram setelah menunaikan kewajiban yang ditanggungkan kepadanya. Berpindahlah Rasulullah dari alam yang fana ke alam akhirat yang kekal abadi, lalu dimakamkan di tempat yang ada sekarang ini di Madinatul-Munawwarah.





KERAJAAN KHULAFĀ’ AL-RASYIDIN

Abu Bakar dan Pengkhilafahannya (632-634 M.)

Khalifah Abu Bakar bin Quhafah ialah keturunan bani Taym bin Murrah. Bondanya Ummu al-Khair Salmah binti Syakhr bin Amir adalah keturunan Bani Taym bin Murrah juga. Al-Siddiq ialah gelaran yang bererti 'Orang Yang Benar', kerana Abu Bakar ialah orang yang benar-benar percaya segala-gala yang disampaikan oleh Nabi Muhammad kepada danya. Umpamanya selepas berlakunya peristiwa bersejarah, Isra' Mi'raj, dan Nabi Muhammad memberitahu orang ramai peristiwa yang luar biasa itu, Abu Bakar ialah orang yang mula-mula sekali mempercayai peristiwa itu tanpa sebarang persoalan sedang kaum musyrikin Quraisy membantah serta mengejek-ngejek Rasulullah ketika mendengar berita itu.

Abu Bakar dilahirkan di Makkah pada tahun 572 M. atau pada tahun kedua dari Tahun Gajah, iaitu dua tahun lebih muda daripada Nabi Muhammad. Sejak muda lagi Abu Bakar terkenal dengan keperibadian yang tinggi. Beliau tidak pernah melakukan perbuatan mungkar seperti yang pernah dilakukan oleh kebanyakan kaumnya. Sebelum memeluk agama Islam Abu Bakar seorang saudagar yang kaya dan mempunyai perniagaan yang besar. Apabila beliau memeluk agama Islam beliau telah menumpukan segenap tenaganya mengembangkan dan menegakkan agama Islam bersama-sama Rasulullah. Abu Bakar ialah lelaki dewasa yang mula-mula sekali memeluk agama Islam. Sebilangan besar orang-orang yang terkemuka telah memeluk agama Islam menerusi beliau, dan mereka kemudiannya telah menjadi pemimpin Islam yang terkemuka seperti Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf, Zubair bin Awwam, Sa'ad bin Waqqas dan Talhah bin Ubaidullah.

Abu Bakar seorang sahabat yang teguh beriman, dan taat setia kepada Rasulullah. Beliau adalah sahabat karib Rasulullah semenjak kecil lagi. Beliaulah sahabat yang banyak sekali berkorban sama ada dari segi moral mahupun material dalam menegakkan agama Islam di Makkah dan di Madinah. Abu Bakar ialah sahabat yang paling dikasihi dan disanjung tinggi oleh Rasulullah. Kedua-duanya pernah bersama-

sama menempuh kesukaran dan kepahitan. Sepanjang hayatnya beliau terkenal sebagai seorang yang berani, tabah hati, tegas, dermawan, bijak dan rendah diri dalam menghadapi segala masalah dirinya dan masyarakatnya. Beliau banyak mencapai kejayaan dalam usaha meluaskan dan mengukuhkan lagi seruan Islam. Begitulah juga halnya sewaktu melancarkan gerakan menyatupadukan umat Islam setelah Nabi Muhammad wafat. Kebaikan dalam menjalankan kewajipan ini bukan sahaja dapat dilihat semasa Nabi Muhammad masih hidup, tetapi juga setelah Nabi Muhammad wafat. Bukti tentang perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas semasa beliau menjalankan tindakan sebagai khalifah Islam yang ulung.

Antara perkara sejarah yang terpenting semasa Abu Bakar ialah cara perlantikannya sebagai khalifah Islam yang pertama. Tanggungjawab yang besar yang dipikul oleh Nabi Muhammad ketika hidupnya ialah menyampaikan kewajipannya sebagai pembawa agama Islam dan yang kedua bertindak selaku pemimpin umat Islam. Kewajipan yang pertama telah selesai ketika Nabi Muhammad wafat, tetapi kewajipan yang kedua mengikut pertimbangan umat Islam perlu dilanjutkan oleh pemimpin-pemimpin yang lain, atau dengan perkataan lain seorang pemimpin yang lain perlu dicari. Sebelum Abu Bakar dipilih oleh orang ramai sebagai khalifah Islam yang pertama beberapa perkara telah timbul dalam soal menentukan orang yang paling sesuai untuk memimpin umat Islam dewasa itu.

Kewafatan Nabi Muhammad merupakan pukulan yang hebat kepada perpaduan bangsa Arab pada masa itu. Kaum-kaum kecil yang tinggal agak terpencil telah berpecah belah dalam membebaskan diri daripada Islam. Di Madinah sendiri sebelum jenazah Rasulullah dikebumikan beberapa keributan tentang pemilihan seorang pengganti ketua umat Islam atau khalifah telah terjadi. Dua pendapat yang berasingan dan bertentangan telah timbul. Pendapat yang pertama ialah menentukan jawatan itu kepada kaum keluarga Rasulullah yang berdekatan. Pendapat yang pertama ini pula terbahagi kepada dua bahagian, iaitu mewariskan jawatan khalifah tersebut kepada persukan Rasulullah dan yang satu lagi kepada rumah tangga Rasulullah yang paling hampir. Ketika Nabi Muhammad menutup mata orang yang paling karib kepadanya ialah ayah saudaranya Abas bin Abdul Muttalib dan anak kepada bapa saudaranya Ali dan Uqail, kedua-duanya anak Abu Talib. Kelebihan Abas pula ialah Abas adalah waris Rasulullah yang paling hampir sekali, dan jika Nabi Muhammad tiada meninggalkan anak isteri, Abaslah yang menjadi ubadah atau penerima waris yang terakhir. Pendapat yang kedua pula, jawatan khalifah itu endaklah daripada orang-orang Ansar.

Sebelum jenazah Rasulullah dikebumikan pemimpin-pemimpin

kaum Ansar telah mengadakan satu mesyuarat tergempar di balai rong kepunyaan Bani Sa'ิดah. Baik kaum Ansar daripada suku Aus mahupun suku Khazraj masing-masing telah bersetuju memilih Saad bin Ubada seorang pemimpin daripada suku Khazraj sebagai khalifah. Kaum Khazraj lebih ramai bilangannya daripada kaum Aus. Saad sendiri pun telah memberi ucapan mengatakan bahawa hak khalifah adalah di dalam tangan kaum Ansar, kerana katanya kaum Ansarlah yang telah membela Rasulullah dan telah mempertahankan agama Islam. Ucapannya ini telah dikhawatir oleh seorang anggota majlis yang menyuarakan bahawa keputusan tersebut mungkin juga tidak disetujui oleh kaum Muhajirin khususnya orang-orang Quraisy, kerana mereka adalah kaum kerabat yang karib dan anggota-anggota negeri tempat Rasulullah dilahirkan. Seorang anggota lain telah cuba mengambil jalan tengah tiap-tiap kaum Ansar dan Muhajirin hendaklah memilih ketua mereka masing-masing. Tetapi syor ini tidak dapat diterima oleh Saad, kerana ini adalah pangkal yang akan memecahkan perpaduan umat Islam.

Berita permesyuaratan ini telah sampai ke pengetahuan pembesar kaum Muhajirin seperti Abu Bakar, Umar bin Khattab, Abu Ubaidah dan lain-lain. Saat itu juga mereka telah pergi ke balai rong tempat mesyuarat itu diadakan, dan apabila tiba di sana Abu Bakar telah memberi ucapan yang panjang. Beliau telah menyeru supaya umat Islam sentiasa memelihara perpaduan dan persaudaraan mereka. Katanya Muhajirin ialah golongan yang mula-mula memeluk agama Islam dan suatu kabilah yang boleh dijadikan pusat perhubungan semua kabilah di Tanah Arab. Kemudian beliau telah memuji-muji kaum Ansar yang telah membela dan menolong kaum Muhajirin dan dianggapnya mereka ialah wazir-wazir besar bagi Rasulullah. Sebagai penutupnya Abu Bakar telah mencadangkan Abu Ubaidah atau Umar dipilih menjadi khalifah. Cadangan ini dengan segera telah ditentang hebat oleh Habbah bin al-Manzir seorang pembesar Ansar. Habbah telah menegaskan bahawa jawatan khalifah ini mestilah dipegang oleh orang-orang Ansar kerana mereka adalah pembela dan pengukuh agama Islam. Umar dalam menjawab tentang ini telah memberi hujah-hujah yang amat meransangkan, tetapi hujah-hujah ini tidak juga dapat diterima oleh Habbah. Perdebatan telah bertambah-tambah hangat. Masing-masing tidak muhul beralih, mereka tetap mempertahankan kaumnya.

Perdebatan ini telah dapat diselesaikan oleh Basir bin Saad seorang pembesar dari suku Aus. Basir telah menegaskan bahawa memanglah benar yang kaum Ansar telah memberi jiwa yang besar kepada perkembangan agama Islam, tetapi pembelaan tersebut tidaklah wajar dilakukan dengan tujuan untuk mencari sesuatu balasan. Kemudian

Basir telah mengingatkan bahawa Rasulullah adalah keturunan kaum Quraisy dan pembesar-pembesar daripada golongan mereka yang lebih berhak mewarisi jawatan tersebut. Setelah Basir bercakap dengan panjang lebar majlis menjadi tenang, masing-masing telah meletakkan tumpuan dan kepentingannya di atas persaudaraan dan perpaduan. Kemudian Abu Bakar telah bangun sekali lagi mencadangkan Umar atau Abu Ubaidah menjadi khalifah, tetapi kedua-duannya telah menolak, malah mereka lebih bersetuju Abu Bakar memegang jawatan itu.

Akhirnya Umar sahabat karib Rasulullah yang terkemuka telah menghulurkan tangan kepada Abu Bakar dan *membaiat* atau mengangkat sumpah mengisyiharkan Abu Bakar sebagai Khalifah. Kemudian langkah pembaiatan ini telah disusuli oleh Abu Ubaidah, diiringi pula oleh Basir bin Saad pembesar daripada suku Aus, dan selepas itu oleh Saad bin Ubaidah seorang pemimpin daripada suku Khazraj. Langkah kedua-dua pemimpin ini kemudiannya telah diikuti oleh orang-orang Aus dan Khazraj yang lain. Melihatkan semua kaum Aus dan Khazraj berduyun-duyun membaiat Abu Bakar, ahli-ahli Bani Hasyim iaitu kaum keluarga Rasulullah tidak dapat mengelakkan diri daripada berbuat demikian, apalagi setelah mereka memahami bahawa ciri-ciri khalifah itu adalah berbeza dengan ciri-ciri kenabian.

Sungguhpun Nabi Muhammad itu berasal daripada keluarga Bani Hasyim, dan kalau dianggap jawatan khalifah itu hak keturunan keluarga itu, umpamanya Ali bin Talib, namun segala-galanya ini tidak timbul apabila anggota-anggota Bani Hasyim itu memahami bahawa hak jawatan itu adalah dimiliki oleh orang ramai. Mereka telah memahami bahawa pemilikan khalifah tersebut bukanlah urusan keluarga, tetapi adalah urusan sesiapa juga yang paling hampir dengan Rasulullah. Pada masa mesyuarat itu Ali dan beberapa orang ahli keluarga Bani Hasyim yang lain tidak hadir, kerana sibuk membuat urusan mengkebumikan jenazah Rasulullah. Pada mulanya Ali kurang senang dengan tindakan golongan yang mengadakan mesyuarat itu kerana tidak menjemputnya. Beberapa lama kemudian, setelah Fatimah isteri Ali membaiat Abu Bakar, dengan sendirinya masalah pendapat pertama, mengenai pemilihan khalifah daripada kaum keluarga Rasulullah tidak timbul.

Setelah pembaiatan Abu Bakar itu dijalankan, beliau memberi ucapan kepada orang ramai sebagai menyambut dan menyatakan rasa terharunya di atas kepercayaan mereka. Antara perkara penting yang diucapkan ialah, beliau dengan sedaya upaya akan menjalankan pemerintahan dengan adil sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Dalam ucapannya itu beliau sentiasa mendasarkan ucapannya dengan kata-kata insya-Allah. Beliau tidak pernah mengemukakan janji-janjinya di luar kesanggupan. Abu Bakar sentiasa bersedia meletakkan

jawatannya kalau dirasakan oleh orang ramai beliau menodai prinsip-prinsip yang diperlukan oleh Islam.

Pemilihan Abu Bakar sebagai **khalifah** (yang bererti pengganti) Islam yang pertama di kota Madinah tersebut adalah satu peristiwa bersejarah. Di kota inilah lahirnya dasar pemerintahan demokrasi yang ulung dalam sejarah pertumbuhan umat Islam dan juga dalam sejarah umat manusia seluruhnya. Sungguhpun dalam sejarah perkembangan umat manusia sebelum ini telah ada cara pemilihan orang ramai (demokrasi) umpamanya di Athens, Greece, tetapi tekniknya adalah berbeza dengan yang berlaku dalam sejarah Islam. Dasar pemilihan yang dijalankan oleh Islam itu lebih praktik daripada demokratik yang berlaku di Athens. Cara pemilihan yang dijalankan oleh Islam membuktikan kekayaan jiwa Islam dari aspek politik dan pentadbiran.

Pentadbiran dan Peperangan Riddah pada Zaman Abu Bakar

Abu Bakar ialah khalifah Islam yang benar-benar memerintah untuk kebajikan seluruh umat Islam. Beliau mempunyai jiwa yang luhur dan sentiasa lebih menimbangkan keadilan dan akal yang berprinsipkan keislaman daripada menyerahkan segala pertimbangan kepada perasaan. Abu Bakar ialah kepala negara yang bertanggungjawab ke atas segala warisan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad. Segala sistem pentadbiran yang dipraktikkan oleh Rasulullah telah dipraktikkannya mengikut apa yang terdaya olehnya. Dua perkara yang terpenting sebaik-baik sahaja memegang jawatan khalifah ialah menyempurnakan usaha-usaha Rasulullah menundukkan penduduk-penduduk yang mengancam kedudukan umat Islam di sebuah daerah berhampiran Syria, dan menghapuskan puak-puak penderhaka di luar kota Madinah di Semenanjung Tanah Arab, dan ini dikenali sebagai Peperangan **Riddah**, iaitu peperangan yang menentukan masa hadapan Islam.

Sebelum Rasulullah wafat pada tahun 632 M. beliau telah sempat melengkapkan sebuah angkatan tentera di bawah pimpinan seorang pemuda berusia 18 tahun bernama Usamah bin Zaid untuk menundukkan penduduk-penduduk wilayah Abna dalam negeri Balqa' tidak jauh dari Muktah, berhampiran Syria. Tujuan gerakan tersebut ialah untuk menghukum pengkhianatan seorang ketua daripada puak Ghas-san membunuh utusan Nabi Muhammad dan juga untuk membela kematian bapa Usamah, Zaid bin Harith dalam Peperangan Muktah tahun 629 M. dahulu, tetapi sebelum sempat angkatan itu berangkat Nabi Muhammad telah wafat, dan gerakan itu terpaksa ditangguhkan. Sekarang Abu Bakar merasa bertanggungjawab untuk menyempurnakan kerja-kerja Rasulullah itu. Umar pada mulanya telah mencadangkan

kepada Abu Bakar supaya Usamah ketua angkatan itu diganti oleh orang yang lebih dewasa daripadanya. Umar menganggap Usamah masih terlalu muda dan perlu diganti oleh orang lain. Tetapi cadangan ini telah ditolak oleh Abu Bakar dengan alasan-alasan lantikan itu dibuat oleh Rasulullah, dan Usamah pun mempunyai kesanggupan dan kelayakan. Abu Bakar telah menghantar angkatan itu hingga ke Jaraf. Usamah melanjutkan perjalanan ke Qudha'an dan Abna, tempat berlaku peperangan, dan Usamah berjaya.

Sementara itu pula Abu Bakar sendiri telah berangkat memadamkan pemberontakan yang telah dicetuskan oleh kaum 'Absin dan Szabyan di luar kota Madinah. Dalam gerakan ini Abu Bakar telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Kemudian Usamah dengan angkatannya telah kembali dengan penuh kejayaan. Satu perkara yang terpenting yang perlu diselesaikan segera oleh Abu Bakar ialah penderhakaan kaum-kaum yang menyeleweng daripada Islam. Kaum-kaum ini terdiri daripada beberapa kelompok yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin yang handal, yang setengah-setengahnya telah mengaku sebagai 'Nabi'.

Puak-puak penderhaka itu telah muncul sebaik-baik sahaja berita kewafatan Nabi Muhammad tersebar ke seluruh Semenanjung Tanah Arab. Kaum-kaum itu kebanyakannya tinggal di tempat-tempat yang jauh dan yang terpencil dari kota Madinah seperti Yaman. Mereka merasa bebas untuk meneruskan perjalanan hidup seperti sebelum menganut agama Islam. Puak-puak tersebut ialah kaum yang hanya berpura-pura dan kurang kuat pegangannya terhadap agama Islam. Mereka memeluk agama Islam semata-mata untuk mendapatkan kemewahan dan perlindungan di bawah pentadbiran Nabi Muhammad di Madinah. Mereka telah membebaskan diri daripada membayar zakat, mengingkari undang-undang Islam dan tidak kurang pula yang membebaskan diri daripada Islam. Kaum-kaum tersebut berpendapat hanya Nabi Muhammad sahajalah yang wajib memungut cukai zakat itu. Keadaan ini menyebabkan mereka dikenali sebagai munafikin ataupun kaum murtad.

Sejarah penderhakaan itu juga adalah berpunca daripada keadaan sosial dan politik pada masa itu. Pemerintahan pada zaman Rasulullah adalah bergantung kepada pengaruh baginda sebagai seorang Pesuruh Allah selain daripada sebagai seorang ketua yang bijak dan tegas. Di atas keutuhan peribadinya sebagai Rasulullah dan keutuhan agama Islam seluruh kabilah Arab dan bukan Arab, Islam dan bukan Islam di Semenanjung Tanah Arab telah dapat disatukan di bawah panji-panji Islam. Sebelum itu mereka berpecah-belah dan mengamalkan dasar asabiah. Apabila Nabi Muhammad wafat, timbulah berbagai-bagai kecurigaan di kalangan orang-orang Arab. Ada yang berpendapat hanya Nabi Muhammad sahajalah yang sesuai menjalankan

pemerintahan Islam itu. Di pihak lain pula berpendapat dan memikirkan ada kemungkinan keluarga Rasulullah akan mengambil tempat Rasulullah. Kemudian perasaan curiga-mencurigai juga timbul di antara kaum Ansar dan Muhajirin, juga di kalangan kaum Ansar sendiri, iaitu kaum Aus dan Khazraj mengenai jawatan khalifah atau pengganti itu. Ia merebak kepada puak-puak yang lain, dan akhirnya bibit perpecahan timbul, malah setengah kaum pula ada yang terus tidak mahu berkerjasama dengan pemerintah Madinah.

Gara-gara tidak mahu berkerjasama itu telah mula timbul di Makkah dan kemudian di Taif tetapi telah dihapuskan oleh Suhail bin Amr. Bagaimanapun perpecahan di sekitar kota Madinah dan Makkah itu telah dapat dipulihkan dengan mudah oleh Abu Bakar setelah beliau memegang jawatan khalifah. Di tempat-tempat terpencil keadaan boleh dikatakan terlalu buruk, dan tidak mudah dipulihkan seperti yang terjadi di sekitar kota Makkah, ataupun Madinah. Di Makkah dan di Madinah perpecahan itu kebanyakannya berlaku berpunca daripada salah faham sahaja, tetapi di luar kota Madinah terutama di tempat yang terpencil perpecahan itu berhubung dengan masalah pokok, mereka tidak lagi menyakini agama Islam dan telah mengingkari kesucian agama Islam. Di antara mereka ada yang telah mendirikan kerajaan yang baharu dengan dipimpin oleh seorang ketua yang mengaku dirinya sebagai 'Nabi' dan juga 'Utusan Tuhan'.

Abu Bakar sebagai ketua negara Islam yang baharu di kota Madinah itu merasa bertanggungjawab untuk menghapuskan kaum-kaum penderhaka itu dan menyatukan kembali seluruh pentadbiran di Tanah Arab pada masa itu. Dalam langkah penghapusan dan penyatuan ini Abu Bakar telah mengatur kira-kira 12 angkatan tentera masing-masing di bawah panglima-panglima perang yang terkemuka. Tindakan penghapusan dan penyatuan ini dikenali sebagai Peperangan Riddah (the apostasy). Sebelum tindakan itu dibuat Abu Bakar telah memberi amaran terlebih dahulu sama ada menerusi surat ataupun wakil khas. Setelah amaran-amaran itu tidak dihiraukan baharulah beliau membuat tindakan-tindakan yang sewajarnya. Antara kaum-kaum penderhaka tersebut ialah:

1. Musailamah (*Musailimah*)

Musailamah berasal daripada Bani Hanifah, di negeri Yamamah di bahagian timur Semenanjung Tanah Arab. Puak yang diketuai oleh Musailamah ini telah ada semenjak Nabi Muhammad lagi. Semasa Nabi Muhammad masih hidup Musailamah pernah mengirimkan surat kepada Rasulullah di Madinah mengatakan yang ia juga adalah 'Rasulullah'. Nabi Muhammad pernah juga menghantarkan Akramah dan Sharahabil untuk menundukkan puak ini tetapi tidak berjaya. Puak ini

dalam masa Nabi Muhammad tidak begitu berbahaya kepada perpaduan umat Islam. Apabila Nabi Muhammad wafat Musailamah yang dikenali sebagai Kazzab (pembohong) telah meletuskan pemberontakan di Yamamah.

Musailamah dengan pengikut-pengikutnya seramai 40,000 orang telah bersatu dengan Sajah seorang pemimpin wanita dari Bani Tamim yang juga mengaku dirinya sebagai 'Nabi' dan 'Tuhan Angkasa'. Musailamah kemudian telah mengahwini Sajah, dan mereka bergabung menentang pemerintah Abu Bakar di Madinah. Khalifah Abu Bakar telah memberi amaran kepada Musailamah supaya menghentikan gerakannya itu tetapi ia tidak mengindahkannya. Oleh itu beliau telah menghantarkan Khalid bin Walid seorang panglima Islam yang terkenal untuk menghapuskan pemberontakan itu. Peperangan Arqabah telah berlaku yang mengakibatkan Musailamah dan Sajah tewas.

2. Al-Aswad (*Al-Aswad al-Anasy*)/Qais Bin Yagus

Al-Aswad ialah seorang pemimpin penderhaka dari Yaman. Ia mengaku dirinya sebagai 'Nabi' dan sebagai Dhul Khimar (Orang Yang Berselubung). Semasa Nabi Muhammad lagi, al-Aswad telah berjaya menawan kota San'a di Yaman. Nabi Muhammad telah memerintahkan Abu Musa al-Asy'ari, Mu'az bin Jabal dan beberapa sahabat yang lain untuk menghapuskan Nabi palsu itu. Dalam tindakan ini al-Aswad telah dibunuh oleh seorang tentera Islam bernama Fairuz al-Fasisy. Qais bin Yagus telah bangkit mengambil tempat Al-Aswad. Pada masa Abu Bakar, Qais bin Yagus itu telah dapat ditundukkan oleh satu angkatan Islam di bawah pimpinan Al-Muhajirin bin Umaiyyah.

3. Tulaihah (*Tulaihah Bin Khawailid Al-Asady*)

Tulaihah, seorang pemimpin penderhaka yang berasal dari negeri Bazaakkah atau disebut juga Fazarah (Tai) telah mendakwa dirinya sebagai 'Rasulullah'. Selepas melakukan beberapa propaganda ia telah mendapat ramai pengikut terutama daripada golongan Yahudi. Tulaihah telah ada semenjak Nabi Muhammad hidup lagi. Apabila Nabi Muhammad wafat ramai orang Arab lebih-lebih lagi yang lemah imannya telah menjadi pengikut-pengikutnya. Khalid bin Walid telah ditugaskan oleh Abu Bakar untuk menghapuskan. Seperti biasa Khalid pada mulanya telah cuba menggunakan diplomasi untuk menyelesaikan masalah ini dengan menghantar surat supaya Tulaihah menghentikan gerakan-gerakannya itu, tetapi semuanya itu tidak diambil indah oleh Tulaihah. Akhirnya Khalid telah bertindak tegas menggunakan kekerasan. Tulaihah dan pengikutnya telah tewas, mereka kemudianya telah kembali kepada Islam.

4. Malik Bin Nuwairiyah

Malik seorang pembesar daripada puak Bani Tamim. Sesudah Nabi Muhammad wafat, Malik telah membebaskan diri daripada Islam dan telah menyebarkan ajaran-ajaran baharu di negeri Battah (Bat'th). Abu Bakar telah sekali lagi menyerahkan tugas membasmi penderhaka ini kepada panglima handal Khalid bin Walid. Pada mulanya Khalid telah cuba menyelesaikan masalah ini dengan jalan diplomasi, tetapi gagal. Khalid akhirnya telah menggempur Malik, dan berjaya menawannya serta pengikut-pengikutnya. Disebabkan oleh keadaan-keadaan yang keterlaluan dan tidak dapat dibaiki lagi, Malik dan beberapa orang pengikut-pengikutnya telah dijatuhi hukuman bunuh.

Di samping nama-nama pemimpin penderhaka seperti di atas timbul dalam masa Abu Bakar itu banyak lagi nama-nama lain yang mempelopori pengkhianatan tersebut, tetapi tidak begitu penting. Mereka telah berjaya dilenyapkan dengan mudah oleh panglima-panglima Abu Bakar. Di antara panglima-panglima Islam itu ialah: Huzaifah bin Muhsin diperintahkan ke negeri Daba di-'Umman, Arfajah bin Harstamah ke negeri Muhrah, Suaid bin Mukrin ke Tihamah di Yaman, al-'Ula bin al-Hadramiy ke negeri Bahrain, Turaiyah bin Hijaz ke negeri Bani Sulaim dan Hawaizn, 'Amr(u) bin Al-'as(h) ke negeri Quda'an dan Khalid bin Sa'id ke pergunungan Syria. Keseluruhan gerakan itu telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Dengan kejayaan itu seluruh pentadbiran Semenanjung Tanah Arab telah dapat disatukan semula sebagaimana zaman Nabi Muhammad.

Perubahan dalam Zaman Abu Bakar

Cara pemilihan khalifah dan Peperangan Riddah ialah dua perkara yang terpenting dan bersejarah yang berlaku dalam masa pemerintahan Abu Bakar. Peperangan Riddah seperti yang tersebut di atas adalah sebagai satu langkah tegas untuk mengembalikan umat Islam seluruh Tanah Arab bersatu-padu di bawah panji-panji kerajaan Islam Madinah. Peperangan itu adalah sebagai satu detik penting yang menentukan mati hidupnya pemerintahan Islam dalam sejarah. Kejayaan Abu Bakar dalam langkah penghapusan dan penyatuan itu adalah merupakan kejayaan umat Islam untuk masa-masa yang berikutnya di dalam sejarah. Abu Bakar telah berjaya meneruskan lagi keagungan dalam masa Nabi Muhammad iaitu melanjutkan cara pemerintahan Islam sebagaimana yang telah dituntut oleh Islam.

Pada masa pemerintahan Abu Bakar Semenanjung Tanah Arab terbahagi kepada beberapa wilayah pentadbiran, iaitu Makkah, Taif,

San'a, Hadramaut, Khawlan, Zabik, Rima', al-Janad, Najran, Jarsh dan Bahrain. Dalam tiap-tiap wilayah itu dilantik seorang gabenor untuk menjalankan tugas-tugas khalifah, di Madinah umpamanya gabenor mengurus urusan-urusan kebajikan, memungut zakat menjalankan keadilan, menyelesaikan pertelingkahan, menjadi imam dan lain-lain. Pembahagian wilayah dan perlantikan gabenor-gabenor itu kebanyakannya telah wujud semenjak zaman Rasulullah lagi. Utta bin Usaïd, gabenor Makkah dan Uthman bin Abu al-'As gabenor Taif dan lain-lain telah dilantik semenjak masa Rasulullah lagi dan perlantikan ini berkekalan hingga zaman Abu Bakar. Pada masa ini negeri Iraq dan Syria masih belum sepenuhnya dikuasai pemerintah Islam di Madinah. Oleh itu urusan pentadbirannya dijalankan oleh pemerintah pusat dengan diwakili oleh ketua-ketua tentera. Di Madinah pula beberapa orang sahabat telah dilantik membantu khalifah. Antaranya Umar bin Khattab dalam bidang keadilan dan kehakiman, Abu Ubaidah dalam urusan perbendaharaan, Uthman bin Affan dan Zaid bin Thabit dalam urusan al-Qur'an, perundangan dan ilmu pengetahuan.

Satu lagi perkembangan penting dalam masa Abu Bakar ialah mengumpulkan kepingan, dan bahan-bahan lain yang mengandungi catatan ayat-ayat suci al-Qur'an ul-Karim. Dalam zaman Rasulullah ayat-ayat yang diturunkan oleh Allah itu telah dicatatkan, juga dihafaz oleh para sahabat, seperti Ali bin Abu Talib, Sa'id bin Jabal, Abi bin Kaab, Zaid bin Thabit, Abu al-Darda' dan lain-lain. Catatan itu dibuat di kepingan-kepingan dan bahan-bahan seperti batu, pokok kurma, tulang, kertas-kertas purba dan sebagainya. Akibat Peperangan Rid-dah (di Mamat) telah mengorbankan seramai 1,200 tentera Islam, di antaranya termasuklah 700 orang yang hafaz al-Qur'an. Kejadian ini telah mendorong Umar bin Khattab mengusulkan Abu Bakar agar membukukan al-Quran untuk mengelakkan kemungkinan-kemungkinan yang tidak menyenangkan di kemudian hari kelak. Pada mulanya Abu Bakar ragu-ragu menerima syor Umar ini, kerana langkah seumpama ini tidak pernah dibuat atau dirancangkan oleh Nabi Muhammad.

Walau bagimanapun setelah melihatkan kepentingan-kepentingan al-Qur'an ini, maka Abu Bakar telah menyambut usul Umar itu dan beliau telah memerintahkan Zaid bin Thabit membuat kerja-kerja tersebut. Zaid telah mengumpulkan kepingan dan bahan-bahan yang mengandungi catatan ayat-ayat al-Qur'an, dan menyalin setengah-setengah ayat itu daripada penghafaz. Kadang-kadang satu ayat didapati daripada dua tiga salinan sahabat dan terdapat juga daripada satu salinan sahaja seperti surat al-Taubah dari Khazimah al-Ansari. Kumpulan kepingan dan bahan-bahan lain yang mengandungi ayat suci al-Qur'an itu telah disimpan oleh Abu Bakar hingga galah beliau wafat.

Dalam masa memerintah Abu Bakar telah menjalankan seluruh tenaganya untuk kebaikan negara dan rakyat. Semasa bertugas sebagai khalifah, Abu Bakar hanya menerima peruntukan sejumlah enam ribu dirham setahun (kira-kira \$M1,120). Peruntukan ini pula dibelanjakan untuk kebaikan rakyat. Dalam zamannya gerakan pengembangan wilayah Islam telah dijalankan begitu terhad, iaitu hanya ke sebahagian Syria, Iraq dan Bahrain sahaja. Kebanyakan gerakannya hanya terhad kepada menyatupadukan Semenanjung Tanah Arab sahaja. Askar-askar Islam yang berkhidmat secara sukarela menerima 80% daripada harta rampasan yang didapati daripada musuh, sementara bakinya dipulangkan kepada negara dan rakyat. Abu Bakar wafat pada tahun 634M. (13 H) bertepatan pada 22 Ogos (21 Jumadil Akhir) di kamar puterinya Aisyah, dan dikebumikan di samping makam Rasulullah. Ketika itu beliau berusia 63 tahun dan menjadi khalifah selama 2 tahun 3 bulan 10 hari.

Umar dan Pengkhaliyahannya (634-644 M.)

Nama penuh dan keturunannya ialah Umar bin Khattab bin Mufail bin Abdul Uzzaa bin Ribaah. Bondanya ialah Hantamah binti Hashim bin al-Mughirah bin Abdullah bin Umar. Umar termasuk seorang bangsawan Quraisy. Dalam masa Jahiliyah beliau sering diutus keluar negeri kerana urusan siasah. Umar dilahirkan di Makkah pada tahun 584 M. Beliau memeluk agama Islam pada tahun Gajah V. Sebelumnya beliau adalah seorang penentang Islam yang kuat. Menurut keterangan Hilal bin Jassar, Umar telah memeluk agama Islam mencukupkan bilangan umat Islam 40 orang. Beliau amat cintakan rakyat dan sentiasa berusaha mencari perdamaian dan kesejahteraan.

Umar adalah seorang yang berani, tegas dan sentiasa berterus-terang dalam menjalankan tindakannya. Beliau banyak memberi sumbangan dalam perkembangan Islam. Sebagai seorang sahabat Rasulullah Umar sentiasa berdampingan dengan Nabi Muhammad dalam berbagai-bagai tindakannya termasuklah ketika peperangan dan hal-hal pentadbiran. Keberanian beliau dalam segala langkah tidaklah dapat diperkeciklan. Ketika hijrah ke Madinah orang-orang Islam meninggalkan kota Makkah dengan bersembunyi, tetapi Umar dengan terang-terang. Pada Hijrah itu beliau pergi ke Kaabah terlebih dahulu di tempat orang Quraisy berkumpul, kemudian tawaf mengelilingi Kaabah dan seterusnya sembahyang. Tidak ada seorang pun yang berani mengganggunya. Ketika di Makkah dan juga di Madinah Umar telah menunjukkan ketegasannya dan keberaniannya. Tetapi walaupun demikian beliau sentiasa melakukan kerja-kerja untuk kebaikan rakyat sebagaimana yang dituntut oleh Allah.

Umar dilantik menjadi khalifah yang kedua bukan oleh suara ramai seperti Abu Bakar, tetapi telah dilantik oleh Abu Bakar sendiri. Pelantikan demikian dibuat bertujuan untuk mengelakkan perselisihan di kalangan masyarakat Islam sesama sendiri, lebih-lebih lagi apabila memandangkan perpaduan umat Islam baharu sahaja dicapai dua tahun, setelah kewafatan Nabi Muhammad. Waktu Abu Bakar uzur tenat beliau telah berwasiat kepada para sahabatnya dan meminta pertimbangan kepada mereka tentang pengkhilafahan Umar menggantikan beliau. Setelah mendapat persetujuan beliau telah meminta jurutulisnya mencatatkan wasiatnya untuk dihebahkan kepada orang ramai. Apabila Abu Bakar wafat wasiat itu telah dihebahkan kepada orang ramai. Orang ramai telah menerima perlantikan itu dengan baik. Usia Umar lebih muda kira-kira 14 tahun daripada Rasulullah.

Pentadbiran dan Perubahan dalam Zaman Umar

Semasa pemerintahan Khalifah Umar kegiatan umat Islam lebih banyak tertumpu kepada kawasan Islam daripada perkara-perkara lain. Pada keseluruhannya kawasan-kawasan yang diambil oleh Islam adalah kawasan-kawasan jajahan empayar Parsi dan Romawi atau Rom (Byzantine). Umat Islam membuat tindakan mengambil kawasan tersebut bertujuan untuk membantu membebaskannya daripada penindasan penjajah dan membaiki kawasan itu dari segi politik, ekonomi dan juga kemasyarakatan. Penduduknya tidak pernah dipaksa untuk memeluk agama Islam. Mereka diberi kebebasan beragama dan bergerak. Gerakan memperluaskan kawasan dalam masa Umar memanglah berjaya sekali, hingga ke Afrika Utara, Asia Minor dan ke Khurasan.

Pada umumnya cara pentadbiran Khalifah Umar sama dengan cara yang dijalankan oleh Khalifah Abu Bakar, kerana kedua-duanya mengikut dasar pemerintahan Islam sepenuhnya, mereka berbeza dalam beberapa perkara sahaja, umpamanya dalam hal-hal pembahagian kawasan pentadbiran dan pegawai-pegawai pentadbiran. Kawasan pentadbiran semasa Umar terbahagi kepada lapan bahagian iaitu Makkah, Madinah, Syria, al-Jazirah (Mesopotemia), Basra, Kufah, Mesir dan Palestine. Tiap-tiap kawasan tersebut ditadbirkan oleh seorang gabenor atau wali, dibantu oleh seorang setiausaha (*al-kattib*), ketua tentera, pemungut cukai (*sahib al-kharaj*), pegawai polis (*shid al-ahdath*), pegawai perbendaharaan (*sahib al-bayt al-mal*) dan hakim (*kadi*). Kawasan-kawasan yang lain pula ditadbirkan terus dari pusat di Madinah dengan diwakili oleh panglima-panglima tentera.

Pentadbiran pusat di Madinah pula diketuai oleh khalifah dan dibantu oleh sebuah badan pentadbir atau kabinet yang dikenali se-

bagai al-Syura. Badan ini dianggotai oleh para sahabat Rasulullah, masing-masing lima orang anggota puak Ansar dan Muhajirin. Di antaranya termasuklah Uthman bin Affan, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Thabit, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Waqqas dan Muaz bin Jabal. Mesyuarat yang dibuat oleh majlis-majlis kawasan pentadbiran ataupun pusat biasanya dibuat di tempat gabenor bagi kawasan, di tempat kediaman khalifah bagi pusat, ataupun di masjid-masjid. Dalam majlis-majlis mesyuarat itu anggota diberi peluang yang secukupnya untuk mengemukakan fikiran atau cadangannya.

Jabatan cukai yang dibentuk oleh Khalifah Umar seperti yang lazim terdapat dalam pentadbiran Islam terbahagi kepada empat bahagian iaitu *Kharaj*, *Jizyah*, *Zakat* dan '*Usyr*. Cukai *Kharaj* ialah cukai tanah milik orang-orang Islam yang ditinggalkan oleh orang bukan Islam. *Jizyah* pula ialah hasil daripada orang bukan Islam yang tinggal di bawah pemerintahan Islam, dan dikenakan kepada orang-orang yang mampu sahaja, kanak-kanak dan perempuan tidak dikenakan. *Zakat* pula kepada orang-orang Islam, termasuk zakat tanaman, binatang ternakan, perniagaan, galian, zakat harta dan zakat fitrah. Sementara *Ushr* pula ialah, cukai kawasan pertanian yang luas kepunyaan orang Islam. Di samping empat sumber kewangan di atas terdapat juga beberapa sumber yang lain, tetapi tidak begitu penting. Hasil daripada cukai di atas digunakan semata-mata untuk kebaikan rakyat.

Kerajaan Islam semasa Khalifah Umar banyak membuat kerja kebaikan. Beberapa bebanan cukai yang dikenakan dalam masa Byzantine ataupun Parsi telah dihapuskan dalam masa Islam. Khalifah dan gabenor-gabenor telah membuat kerja-kerja dengan sedaya-upayanya untuk kebaikan rakyat dan negara. Kemudahan seperti jalan-jalan, saliran air, empangan, jambatan, rumah-rumah persinggahan untuk pelawat-pelawat dan pengambil haji telah dibuat. Terusan yang dinamakan terusan Abu Musa Ma'qal di Iraq, Amir al-Mukminin yang menyambungkan saliran air antara Sg. Nil dan Laut Merah telah digali. Dalam soal lain pula, umpamanya soal perkhidmatan pos, pengaturan Tahun Hijrah dan penyusunan kiraan pendapatan negara telah pun dimulakan. Satu usaha untuk mengadakan mata wang sendiri dari pada logam juga dibuat. Mata wang itu diukirkan perkataan Alhamdulillah pada muka kepingan tersebut dan Muhammadarrasulullah pada sebelah lagi.

Cara pentadbiran tentera juga dibaiki. Pengkalan khemah tentera telah dibina di negeri Syria seperti di al-Jabiyah, Hims, Amwas, Tabariyah, al-Ludd dan Ramalah, di Mesir pula al-Fustat (Qahirah) dan Alexanderia (Iskandariah). Di Iraq pula dua pengkalan khemah telah didirikan. Kedua-dua tempat itu dikenali sebagai Basra dan Kufah. Kebaikan yang dilakukan oleh khalifah dan gabenor telah menarik

perhatian rakyat termasuklah orang-orang bukan Islam. Penganut Kristian bebas menjalankan kegiatan agamanya. Arbishop Baslli dari Iskandariah yang hidup pada masa itu mengaku kebaikan pemerintahan Islam. **Thomas Arnold** pengarang buku *The Preaching of Islam* telah mengakui hal ini.

Uthman dan Pengkhilafannya (644-656 M.)

Nama penuh dan keturunan Uthman ialah Uthman bin Affan bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin Susaiyy. Dilahirkan dalam tahun Gajah V. Semenjak kecil lagi beliau terkenal dengan budi pekertinya yang utama dan terpuji. Beliau memeluk agama Islam menerusi Abu Bakar. Uthman ialah seorang hartawan dan bangsawan. Beliau banyak mengorbankan harta dan tenaganya untuk perkembangan Islam. Uthman gemar membuat kebajikan, kuat beribadat, lemah lembut tingkah lakunya, tidak pemarah, senang kira bicara dan berhemah tinggi. Dalam zaman permulaan Islam beliau pernah turut berpindah ke Hab-sah bersama-sama isterinya Ruqayah (Rukiah) puteri Rasulullah. Kemudian berhijrah ke Madinah, dan di Madinah beliau telah menyertai hampir semua peperangan yang dikepalai oleh Nabi Muhammad kecuali Peperangan Badar, kerana isterinya Ruqayah sakit tenat.

Khalifah Umar wafat pada tahun 644 M. ketika beliau berusia 63 tahun. Beliau menjadi khalifah selama 10 tahun 6 bulan 4 hari. Umar wafat akibat tikaman Abu Luklu (Abu Lukluah) hamba kepada Mug-hirah bin Syikbah seorang Parsi beragama Kristian, sewaktu beliau mengimamkan sembahyang Subuh. Tatkala Umar terasa dirinya diti-kam beliau telah rebah dan disambut oleh seorang laki-laki. Dalam keadaan luka itu beliau telah meminta kepada Abdul Rahman bin Auf menjadi imam meneruskan sembahyang Subuh. Abdul Rahman pun sembahyang dengan orang ramai dengan membaca ayat-ayat yang pendek. Setelah selesai berjemaah itu Umar pun dibawa ke rumahnya untuk dirawat. Sesegera itu juga kaum Muhaqirin dan juga Ansar tergesa-gesa menziarahi Umar. Apabila para-para sahabat melihatkan yang beliau begitu tenat dan membimbangkan, mereka telah meminta kepadanya supaya menentukan penggantinya, tetapi beliau enggan menentukan pengganti dengan menunjuk orang-orang tertentu.

Beliau meminta beberapa orang sahabat yang terkenal supaya hadir mendengar wasiatnya. Mereka yang hadir ialah Ali bin Abu Talib, Uthman bin Affan, Zubair bin Awwam, Saad bin Waqqas dan Abdul Rahman bin Auf. Seorang lagi sahabat Rasulullah yang terpenting, Talha bin Ubaidillah yang juga dikehendaki oleh Umar tidak hadir kerana beliau pada masa itu berada di luar kota Madinah. Setelah semuanya berhimpun Umar telah memberi nasihat kepada mereka

supaya jangan bertelingkah dalam masa memilih khalifah Islam penggantinya. Beliau meminta supaya mereka mengadakan mesyuarat bersama-sama Talha, dan kalau beliau masih juga tidak dapat hadir, mesyuarat hendaklah diteruskan. Umar juga meminta supaya memilih Shuhaim sebagai Imam sembahyang, dan meminta Hassan bin Ali juga Abdullah bin Abbas hadir dalam permesyaratan itu, di samping Abdullah bin Umar puteranya sendiri sebagai pembicara. Beliau meminta supaya tiga nama yang disebutkan kemudian itu termasuklah puteranya tidak dimasukkan ke dalam senarai calon-calon khalifah. Abdul Rahman bin Auf sebagai pengerusi.

Umar telah meminta kepada para sahabat yang terkenal yang dipanggilnya itu supaya mengadakan pemilihan sendiri dalam menentukan pengganti dengan cara suara ramai. Tetapi sekiranya dalam satu-satu undian itu didapati sama banyak, Abdullah bin Umar hendaklah menentukannya, dan kalau dengan jalan ini juga salah satu di antara kedua belah pihak tadi ada yang tidak bersetuju Abdul Rahman bin Auf hendaklah membuat penentuan. Kemudian Umar telah memberi nasihat kepada Ali bin Abu Talib sekiranya terpilih menjadi khalifah hendaklah adil dan janganlah membenarkan golongan Bani Umayyah bermaharajalela. Setelah Umar wafat jenazahnya telah dikebumikan di makam di sisi Rasulullah.

Setelah beberapa hari Khalifah Umar wafat permesyaratan telah dijalankan dengan dianggotai oleh mereka-mereka yang telah dipilih oleh khalifah, dan dikendalikan oleh Abdul Rahman bin Auf. Tiga hari permesyaratan telah dijalankan, tetapi tanpa keputusan. Pada hari yang ketiga Abdul Rahman telah bertanya jika ada di antara anggota-anggota itu yang ingin menarik diri daripada calon khalifah yang berkenaan, tetapi tidak seorang pun yang menjawab. Kemudian Abdul Rahman sendiri telah menarik diri daripada pencalonan yang tersebut. Apabila melihatkan keadaan pemilihan itu bertambah-tambah kusut Uthman bin Affan telah menyatakan kesanggupannya untuk memangku jawatan khalifah itu. Semua anggota telah bersetuju, kecuali Ali bin Abu Talib. Ali menyatakan bahawa pemilihan tersebut hendaklah berdasarkan kebenaran, dan pilihan orang ramai. Abdul Rahman telah berjanji akan menjalankan pemilihan itu dengan seadil-adilnya, kemudian majlis permesyaratan itu pun ditangguhkan.

Semenjak hari itu Abdul Rahman telah menemui sahabat-sahabat yang lain, ketua-ketua kaum, ketua-ketua tentera, petani-petani, pengembala-pengembala dan dari semua kalangan meminta fikiran siapakah di antara keenam-enam calon itu (kecuali dirinya sendiri) yang paling sesuai untuk memegang jawatan khalifah itu. Beberapa hari kemudian setelah tinjauan itu dilakukan, keputusannya didapati, suara yang banyak sekali jatuh kepada Uthman. Pada hari yang telah

ditetapkan bagi menyambung permesyuaratan itu Abdul Rahman telah membuat satu pengumuman terpenting di dalam satu perhimpunan, selepas subuh, di dalam Masjid Madinah dengan dihadiri oleh semua golongan terutama kaum Muhajirin dan Ansar. Dalam persidangan penting itu satu pertelingkahan nyaris-nyaris berlaku di antara penyokong-penyokong Ali dan penyokong-penyokong Uthman. Masing-masing berkehendakkan calonnya dipilih. Tetapi keadaan itu telah dapat dikawal oleh Saad bin Waqqas dan Abdul Rahman bin Auf. Abdul Rahman selaku penggerusi persidangan itu telah menyeru seluruh hadirin supaya bertenang dan sentiasa memelihara perpaduan umat Islam seluruhnya.

Kemudian Abdul Rahman menyatakan tentang kelayakan Ali dan Uthman untuk memegang jawatan khalifah itu. Beliau juga menyebutkan tentang kemungkinan salah seorang daripada mereka dipilih sebagai khalifah. Sesudah berucap Abdul Rahman telah memegang tangan Uthman dan mengucapkan baiat tanda beliau diisyiharkan sebagai khalifah yang ketiga. Pembaiatan itu telah diikuti oleh orang ramai. Keadaan ini telah memeranjatkan Ali, kerana beliau telah beberapa kali dibayangkan kemungkinan menjadi khalifah. Melihatkan orang ramai berasak-asak memberi baiat kepada Uthman, Ali yang ketika itu sedang hendak meninggalkan masjid pun kembali dan turut memberi baiat kepada Uthman. Dengan ini Uthman bin Affan secara rasmi diterima menjadi khalifah menggantikan Umar. Cara pemilihan khalifah ini sekali lagi menunjukkan keutuhan demokrasi dalam Islam yang sentiasa memelihara suara ramai.

Uthman dengan Keruntuhan Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin

Khalifah Uthman memerintah kerajaan Islam di Madinah kira-kira 12 tahun. Dalam masa permulaan dan pertengahan Uthman telah mengendalikan kerajaannya dengan adil dan sejahtera, tetapi pada zaman penghujung pemerintahannya beberapa keributan telah berlaku. Uthman tidak dapat mengendalikan kerajaan Madinah dengan teratur dan lancar. Pada ketika itu usianya telah hampir-hampir mencapai 80 tahun. Keadaan usia yang telah lanjut ini telah banyak mempengaruhi pemerintahannya. Ramai pula kaum keluarganya yang campur tangan dalam urusan kerajaannya. Seorang daripada saudaranya yang muda Marwan bin Hakam telah menjadi setiausaha (*al-katib*) khalifah, dan dia lah yang sebenarnya memainkan pentadbiran kerajaan. Marwan telah melakukan banyak kesilapan besar dalam pemerintahannya sendiri. Jawatan-jawatan terpenting dalam kerajaan telah dibahagi-bahagikan kepada kaum keluarganya. Umpamanya,

jawatan gabenor Basra, Abu Musa al-Asy'ari telah digantikan dengan seorang keluarganya iaitu Abdullah bin Amir. Gabenor Afrika Utara Abdullah bin Nafi ialah kaum kerabat Uthman. Di Mesir pula Amr bin al-As seorang gabenor dan panglima yang amat berjasa telah dilucutkan jawatannya dan diganti oleh seorang keluarganya, Abdullah bin Saad, sementara gabenor Kufah Saad bin Waqqas digantikan dengan Walid bin Uqbah.

Tindakan-tindakan Marwan menggunakan khalifah telah melahirkan beberapa keburukan. Banyak pegawai-pegawai pentadbir yang dilantik itu tidak sesuai dan tidak cekap. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat. Malah langkah pemerintah mengambil pegawai-pegawai kerajaan daripada golongan keluarga khalifah itu sendiri telah dianggap merupakan satu langkah yang tidak bijak oleh rakyat. Perasaan tidak percaya kepada pemerintah telah timbul di mana-mana. Propaganda yang memecah belahkan rakyat telah muncul di seluruh negara. Di tengah-tengah pergilakan itu tampil pula Abdullah bin Saba' seorang Yahudi yang menyamar dirinya sebagai tokoh Islam, melakukan propaganda. Ini telah memberi pengaruh yang besar kepada orang ramai. Abdullah bin Saba' telah mengeluarkan dakyah mengatakan Ali yang sebenarnya yang berhak menjadi khalifah, kerana kononnya Rasulullah telah berwasiat sedemikian. Ini adalah sumber yang melahirkan puak pro-Ali dan kemudiannya **Syi'ah**. Tindakan Abdullah bin Saba' ini telah diketahui oleh Abdullah bin Amir gabenor Basra, lalu diberkasnya dan disingkirkan beliau ke Kufah. Dari Kufah pula telah dihalau ke Mesir. Secara tidak langsung propaganda Abdullah ini telah bertambah-tambah luas.

Retak telah menjadi belah, perpaduan umat Islam telah berpecah. Seramai kira-kira 500 orang dari Mesir, dan beratus-ratus lagi dari Kufah dan Basra di Iraq telah berhimpun dan berangkat ke Madinah untuk membuat tindakan terhadap khalifah. Di Madinah mereka telah menuntut kepada Uthman supaya melucutkan jawatan pembesar-pembesar Islam yang terdiri daripada kaum keluarganya, dan mengantikannya dengan yang lain-lain yang lebih layak. Kemudian mereka meminta Uthman pula meletakkan jawatannya sebagai khalifah. Golongan Basra bermaksud hendak mengantikannya dengan Talhah, golongan Kufah pula bertujuan mengantikannya dengan Zubair, dan orang-orang Mesir pula bermaksud mengantikannya dengan Ali. Orang-orang Mesir juga menuntut supaya gebenor Mesir yang baharu dilantiknya digantikannya dengan Muhammad bin Abu Bakar ketua rombongan Mesir. Ketiga-tiga golongan ini kemudiannya kembali apabila permintaannya supaya pembesar-pembesar kerajaan yang terdiri daripada keluarga Uthman dipecat, diperkenankan.

Apabila telah sampai ke satu tempat sejarak tiga hari perjalanan

dari Madinah, rombongan itu telah bertemu dengan seorang penunggang kuda yang mendakwa dirinya orang suruhan khalifah yang membawa surat perintah untuk disampaikan kepada gabenor Mesir. Surat itu dirampasnya kerana didapati ada mencatatkan perintah kepada gabenor Mesir, Abdullah bin Saad supaya mengenepikekan kehendak-kehendak rombongan Mesir itu. Surat itu juga meminta supaya dihapuskan sahaja ketua rombongan itu - Muhammad bin Abu Bakar dan orang-orangnya. Surat ini telah menimbulkan kemarahan rombongan Mesir dan juga rombongan-rombongan lain, mereka telah berpatah balik ke Madinah. Tiba di Madinah mereka telah membentangkan isi surat itu kepada Ali, Zubair, Talhah dan Sa'ad. Pembesar-pembesar Islam yang lain dan orang Islam telah marah, dan mereka telah mengepung tempat kediaman Uthman. Uthman telah bersumpah yang beliau tidak mempunyai hubungan dengan surat perintah itu, walaupun terdapat cap mohor khalifah di dalamnya. Ahli-ahli sejarah telah memberi pendapat bahawa surat perintah tersebut ditulis oleh Marwan bin Hakam.

Pemberontak-pemberontak dari Mesir, Basrah, Kufah dan lain-lain itu tanpa banyak bicara telah memaksa Uthman meletakkan jawatannya sebagai khalifah, tetapi beliau mendiamkan diri. Sahabat-sahabat seperti Ali, Talhah dan Zubair telah menyuruh anak-anaknya supaya melindunginya daripada ancaman pemberontak-pemberontak itu. Tetapi pemberontak-pemberontak itu tadi semakin liar mereka telah merempuh naik ke rumah Uthman, menyebabkan pelindung-pelindungnya tersingkir. Akhirnya Khalifah Uthman wafat akibat tikaman al-Ghuafiqiy ketika beliau membaca al-Qur'an Mashaf Uthman. Ketika itu beliau berusia 81 tahun dan telah memerintah selama 12 tahun. Peristiwa pemberontakan ini adalah sebagai satu detik yang membawa kepada perpecahan umat Islam, dan keruntuhan Kerajaan Islam di Madinah.

Perubahan dalam Zaman Uthman

Sungguhpun banyak kekacauan hingga ada yang terbunuhan telah berlaku dalam masa pemerintahan Uthman di Madinah, tetapi beliau telah banyak melakukan kerja-kerja kebajikan untuk rakyat. Kekacauan itu hanya berlaku pada peringkat penghujung pemerintahan Khalifah Uthman dan tidak sepanjang masa. Cara pemerintahan Khalifah Uthman pada umumnya sama sahaja dengan yang dijalankan oleh khalifah-khalifah yang terdahulu daripadanya, cuma yang berbeza beliau lebih banyak menyerahkan pemerintahannya kepada setiausaha Marwan bin Hakam. Hal ini kemudiannya telah banyak merosakkan keutuhan sistem pentadbirannya. Pembahagian kawasan

pentadbirannya dibahagi kepada beberapa kawasan lagi. Ini adalah hasil langkah Uthman memperluas kawasan Islam. Dalam zaman Uthman kawasan pemerintahan Islam telah meluas ke Utara hingga ke banjaran Caucasus, ke timur hingga ke Sungai Amu Darya (Oxus). Sementara di Afrika Utara pula kawasan-kawasan pentadbiran Islam telah meluas lebih banyak lagi sehingga ke Assuan di selatan dan ke Ifriqiya di barat. Kebanyakan kawasan-kawasan baharu ini ditadbirkan terus dari Madinah.

Khalifah Uthman seorang khalifah yang terkenal kerana waraknya. Beliau telah sentiasa meminta kepada gabenor-gabenornya supaya memerintah dengan saksama dan memberi kebajikan kepada rakyat. Hukuman telah dijalankan dengan tegas. Hukuman-hukuman yang tegas ini dalam pelbagai hal telah menggelisahkan rakyat. Dalam beberapa hal pula beberapa ciri-ciri pentadbiran yang dijalankan dalam masa pemerintahan Umar telah dihapuskan. Keadaan ini kemudianya telah menerbitkan beberapa reaksi yang kurang baik. Umpamanya dalam masa Umar para sahabat tidak dibenarkan pindah dan bermasautin ke negeri-negeri yang baharu ditakluki oleh Islam, tetapi dalam masa Uthman larangan ini telah ditarik balik. Khalifah Umar juga sangat mengambil berat mengenai pemilihan gabenor-gabenor wilayah, tetapi dalam masa Uthman keadaan ini tidak begitu diberatkan. Keadaan ini di dalam beberapa hal boleh merosakkan pemerintahannya. Kebenaran bagi orang-orang Islam berpindah ke negeri-negeri yang baharu boleh mencetuskan perasaan berlumba-lumba mencau kemewahan. Ini boleh melalaikan rakyat tentang masalah pokok dalam Islam, iaitu membaiaki kerosakan ekonomi, politik dan sosial negeri-negeri yang baharu dijajah itu. Kurangnya perhatian terhadap pentadbiran wilayah boleh menyebabkan gabenor-gabenor wilayah bermaharajalela. Uthman pula begitu mudah percaya cakap-eakap orang. Inilah di antara sebab mengapa Uthman digulingkan.

Dalam masa Uthman beberapa kegiatan untuk menulis al-Qur'an di dalam salinan yang lebih baik telah dilaksanakan. Kegiatan menyalin ini telah dimulakan dalam masa Abu Bakar lagi. Dalam masa Umar aktiviti-aktiviti ini tidak dijalankan. Dalam masa pemerintahan Uthman ramai orang Islam yang bepindah ke negeri-negeri yang baharu ditakluki oleh Islam, umpamanya Mesir, Syria, Iraq, Parsi dan Afrika. Antara golongan yang berpindah terdapat pembaca-pembaca al-Qur'an, dan tiap-tiap bandar telah membawa cara pembacaan al-Qur'an yang tersusun baik. Tetapi keadaan ini berbeza dengan di Armenia dan di Azerbaijan. Beberapa cara pembacaan yang diragui telah timbul. Keadaan ini telah dilaporkan oleh Hadhaifah bin al-Yaman panglima tentera di Armenia kepada Uthman di Madinah. Uthman telah merintahkan Zaid bin Thabit, Asid bin al-As, Abdullah bin Zubair dan

Abdul Rahman bin al-Harith supaya membukukan al-Qur'an itu, dan menyalinnya berpandukan kepada bacaan pembaca-pembaca terkenal. Sebanyak enam salinan telah dibuat dan masing-masing dihantar ke Makkah, Basrah, Kufah dan Syria. Dua buah lagi disimpan di Madinah; sebuah untuk negara dan sebuah lagi untuk Uthman. Al-Qur'an yang dalam simpanan Uthman itu dikenali al-Iman, dan digunakan sebagai pokok cara pembacaan di negeri-negeri Islam. Semua orang Islam yang di bawah jajahan takluk Islam ketika itu diperintah supaya membaca al-Qur'an mengikut cara yang telah ditentukan itu.

Ali dan Pengkhalifahannya (656-661 M.)

Nama penuh Ali dan keturunannya ialah Ali bin Abu Talib bin Abdul Muttalib bin Hashim bin Abu Manaf, al-Quraisy al-Hasyimy. Dilahirkan sepuluh tahun sebelum Nabi Muhammad diutuskan sebagai Rasulullah, iaitu pada tahun 600 M. Semenjak kecil lagi Ali telah terdidik dalam keluarga Rasulullah, tidak pernah mereka berpisah. Ali sering menemani Nabi Muhammad dalam setiap peperangan besar, kecuali Peperangan Tabuk. Beliau dianggap sebagai pemerintah yang tegas. Dalam masa pemerintahan Abu Bakar, Umar dan juga Uthman, Ali sentiasa memberi kerjasama kepada mereka dalam hampir semua perkara demi untuk kebaikan umat Islam.

Setelah Uthman wafat, kaum pemberontak terutamanya daripada puak Ali telah menyuarakan pendapatnya, hanya Ali sahajalah yang berhak memegang jawatan khalifah seterusnya. Ali pada mulanya enggan memenuhi kekosongan jawatan itu, tetapi setelah dipaksa oleh pemberontak-pemberontak itu beliau terpaksa tunduk menerimanya. Talhah dan Zubair pada mulanya enggan mengakui jawatan khalifah Ali itu, tetapi setelah digesa oleh pemberontak-pemberontak itu mereka terpaksa menerimanya. Kemudian dengan keizinan Khalifah Ali sendiri mereka berdua telah berangkat ke Makkah menunaikan Haji. Sebelum pemberontakan itu berlaku Siti Aisyah isteri Rasulullah telah pun berangkat ke Makkah mengerjakan Umrah. Di samping itu juga ada para sahabat yang belum sudi mengakui Ali sebagai khalifah umpanya: Hassan bin Thabit, Ka'ab bin Malik, Abu Said al-Khudarij dan Muhammad bin Maslamah. Sementara yang belum lagi memajukan sebarang pendirian ialah Saad bin Waqqas, Abdullah bin Umar, Shuhail, Zaid bin Thabit dan Usamah bin Zaid.

Seluruh jajahan takluk Madinah telah mengakui Ali sebagai khalifah, kecuali Syria yang dikuasai oleh Muawiyah bin Abu Sufian seorang keluarga Uthman, yang menganggap perlantikan itu tidak sah. Muawiyah ialah seorang yang bijak dan beliau ialah seorang pemimpin Bani Umayyah yang cekal. Beliau terus-menerus tidak akan mengakui

Ali selagi masalah pembunuhan Uthman itu tidak diadili dan diselesaikan. Langkah pertama setelah Ali menjadi khalifah ialah melucutkan jawatan-jawatan gabenor dan lain-lain pemberesar yang telah dilantik oleh Uthman tidak lama dahulu. Beberapa pemuka Islam seperti Mughirah bin Syaibah dan Ibnu Abbas telah meminta Ali supaya tidak tergesa-gesa di dalam tindakan ini, tetapi syor-syor mereka ini ditolak oleh Ali. Gabenor-gabenor baharu yang dilantik oleh Ali itu termasuk Uthman bin Hunaif ke Basrah, Umarah bin Syihb ke Kufah, Ubaidillah bin Abbas ke Yaman, Qais bin Said ke Mesir dan Sahl bin Hunaif telah dicadangkan ke Syria untuk mengambil alih tempat Muawiyah.

Peperangan Saudara dalam Zaman Ali

Ahli-ahli sejarah kebanyakannya telah bersetuju mengatakan zaman pentadbiran Ali ini sebagai permulaan peperangan saudara dalam masyarakat Islam, dan timbulnya beberapa golongan politik yang masing-masing memperjuangkan golongan mereka sendiri. Penggulingan Uthman tidak boleh dikatakan peperangan, kerana tidak mencetuskan sebarang pertempuran senjata. Reaksi peperangan saudara ini lahir apabila Ali mendiamkan sahaja permintaan Muawiyah supaya pembunuhan Uthman ini diselidiki. Khalifah Ali telah menghantar Hajjaj bin Ghaziah ke Syria membawa apa yang disebut sebagai utusan perdamaian dengan Muawiyah. Utusan ini dibalas oleh Muawiyah dengan perkataan 'Bismillah' sahaja dan di luar surat itu dicatatkan alamat penerima 'Ali' dan pengirimnya 'Muawiyah', tanpa disebutnya 'khalifah'. Sementara di Syria Muawiyah pula telah bersiap sedia dengan angkatan tentera untuk membela kematian Uthman. Perbuatan ini dipandang oleh Ali sebagai satu perbuatan derhaka. Ali bertindak menyusun angkatananya, dengan Muhammad bin Ali atau Muhammad Ali Hanafiah sebagai pemegang bendera.

Sementara itu di Kufah pula Zubair, Talhah, dan Aishah telah berkumpul sesudah beberapa lama meninggalkan Makkah, dan menyusun satu barisan tentera pembelaan. Dari Kufah mereka telah berangkat ke Basra, di tempat terdapat ramai penyokong-penyokongnya. Ramai pemuka-pemuka Islam yang menyokongnya, antaranya Abdullah bin Amir, Sa'id bin al-As dari Hijaz, Abdullah bin Zubair dari Madinah dan lain-lain. Khalifah Ali tidak mahu sebarang pertumpahan darah berlaku di antara umat Islam. Dua orang nama tokoh Malik al-Ashtar dan Muhammad bin Abu Bakar telah dikemukakan oleh Ali sebagai ketua-ketua rusuhan yang mengakibatkan pembunuhan Uthman itu, tetapi Aisyah tidak dapat menerima kerana tidak ada bukti-buktinya yang jelas. Angkatan Ali berangkat ke Basra. Zubair, Talhah, dan Aisyah meminta gabenor Basrah memberi bantuan tetapi gabenor Basra Uthman

bin Hunaif enggan. Pada bulan Disember tahun 656 M. angkatan Ali telah bertemu dengan angkatan tiga serangkai itu di sebuah tempat berhampiran dengan Basra. Ali telah menghantar orang-orangnya memujuk Aisyah supaya menghentikan sahaja rancangannya itu, tetapi orang-orang kuat Aisyah membantah. Berikutnya peperangan di antara mereka telah meletus. Peperangan ini dikenali dengan nama Peperangan Unta (*waqa'i al-Jamal*), kerana pada ketika itu Aisyah mengenderai unta.

Dalam peperangan itu seramai 10,000 umat Islam dari kedua-dua pihak telah terkorban termasuklah Zubair dan Talhah. Ini merupakan peristiwa yang amat menyedihkan yang belum pernah berlaku di dalam sejarah Islam sebelumnya. Ali telah berjaya, Aisyah telah diberi keampunan, dan dihantar ke Madinah dengan penuh kehormatan sebagai *Ibu Muslimin*. Basra telah diambil balik oleh Ali, dan gabenornya diganti oleh Abdullah bin Abbas. Tamat di Basra Ali telah beredar ke Syria untuk menyelesaikan masalahnya dengan Syria dan menghantar utusan menemui Muawiyah untuk membuat rangka perundingan perdamaian, tetapi Muawiyah tidak mengambil berat tentang perkara ini, malah beliau telah sengaja melambat-lambatkan utusan itu kembali. Amr bin al-As ialah orang kanan Muawiyah. Ali terus bergerak menuju ke Nakhilah, kemudian ke negeri Riqqah, lantas menyeberangi Sungai Furat, berhampiran Sungai Dajlah. Di Siffin dalam negeri Riqqah Muawiyah bertemu dengan angkatan Ali, dimulai dengan pertarungan di antara Ali dengan Amr juara angkatan-angkatan tersebut. Amr telah tewas, tetapi tidak sampai kepada menumpahkan darah. Kemudian berlakulah pertempuan di antara kedua-dua belah pihak. Peperangan ini dikenali dengan nama *Peperangan Siffin* berlaku pada tahun 657 M.

Di dalam peperangan Siffin itu pihak Ali telah mendapat sokongan tenaga dari Iraq terutama dari Basra dengan bala tenteranya kira-kira 50,000 orang. Pihak Muawiyah pula dianggotai oleh kira-kira 40,000 orang tentera sahaja, termasuklah orang-orang kuatnya seumpama Ibnu Abu Muith, Habib bin Muslimah, Ibnu Abu Sarrah dan Dihaq bin Qais. Atas perintah Amr bin al-As, tentera-tentera Muawiyah telah menjulangkan kepingan-kepingan al-Qur'an di hujung tombak mereka tanda inginkan perdamaian. Perintah ini dibuat oleh Amr apabila ia merasai angkatannya tidak boleh berjaya. Ada di antara tentera-tentera Muawiyah yang menjulang kepingan-kepingan al-Qur'an itu yang meneriakkan supaya berhenti berperang dan berhukumkan kepada Kitab Allah. Melihat julangan al-Qur'an itu askar-askar Ali mulai lemah, tetapi Ali terus menggesa mereka supaya maju ke hadapan. Tetapi mereka enggan menurut perintah Ali, walaupun telah dikatakan oleh beliau yang itu semuanya helah Muawiyah sahaja,

kerana mereka cukup percaya yang Muawiyah benar-benar ingin berhukuman kepada Kitab Allah.

Kemudian Ali telah menghantarkan utusannya Ashast bin Qaist menemui Muawiyah yang juga ikut serta dalam perperangan tersebut sebagai tulang belakang angkatannya untuk mendapatkan keterangan penjulungan al-Qur'an itu. Muawiyah menerangkan kepada utusan itu yang penjulungan itu dibuat semata-mata meminta kepada Ali supaya pertelingkahan mereka diselesaikan menurut perundangan Allah, dengan cara persidangan perwakilan di antara kedua-dua belah pihak. Hasil daripada persidangan inilah yang akan digunakan bagi menentukan khalifah yang sebenarnya. Cadangan Muawiyah itu telah diterima oleh pengikut-pengikut Ali. Pengikut-pengikut Ali daripada kalangan orang-orang Iraq sebulat suara mencadangkan Abu Musa Al-Ashari, sebagai wakil mereka dalam persidangan penghakiman itu. Ali pada mulanya tidak menyetujui cadangan orang-orang Iraq ini, tetapi mereka terus juga berkeras. Di sini nampaklah bahawa pengaruh Ali telah berkurangan, kerana dua kali usulnya telah ditolak oleh orang-orangnya.

Selanjutnya satu penghakiman telah diadakan oleh kedua belah pihak di *Daumah al-Jandal* (Adruh) pada tahun 659 M., sebab itulah permesyuaratan ini dikenali sebagai *Penghakiman Daumah al-Jandal*. Pihak Ali telah diwakili oleh Abu Musa Al-Ashari bersama-sama 400 orang penyokong, sementara pihak Muawiyah pula diwakili oleh Amr bin al-As bersama-sama 100 orang pengikutnya. Mula-mula sekali kedua-dua belah pihak yang masing-masing diwakili oleh Abu Musa dan Amr telah bersetuju menerima cadangan untuk melucutkan jawatan Ali dan Muawiyah sebagai 'khalifah', dan menyerahkan sahaja soal pemilihan khalifah kepada orang ramai. Atas permintaan Amr, Abu Musa telah mengisyiharkan perlucutan jawatan Ali tersebut dahulu kepada para hadirin, kerana Abu Musa terlebih awal memeluk Islam dan lebih tua, oleh itu dianggap oleh Amr ia lebih berhak berbuat demikian. Sebagai menyambut pengisyiharan ini, Amr dengan tegas menyatakan bahawa ia menerima perlucutan jawatan Ali itu, tetapi jawatan Muawiyah tetap seperti biasa. Menerusi butir-butir ini secara tidak langsung jawatan Ali sebagai khalifah telah luput. Tentu sahaja terang sekali Abu Musa telah masuk perangkap Amr. Diplomat tua yang megah dengan jasa-jasanya itu telah ditewaskan oleh diplomat muda yang bijak pandai dengan muslihat itu. Abu Musa dengan hampa telah meninggalkan tempat penghakiman itu lantas ke Makkah. Dia tidak mahu menemui Ali di Kufah.

Kebangkitan Puak-puak dalam Islam

Penghakiman tersebut besar pengertiannya dan kesannya dalam sejarah Islam, terutamanya dalam bidang fikiran dan falsafah. Peristiwa bersejarah ini kemudiannya telah menimbulkan beberapa puak dalam Islam. Sungguhpun puak-puak itu berbeza di antara satu dengan yang lain dari segi pendapat (aqidah) tetapi mereka bersatu di bawah bendera Islam. Perbezaan yang wujud ialah ideologi politik, terutamanya tentang konsep khalifah. Keputusan penghakiman tersebut bukan sahaja memerlukkan Ali dan orang-orangnya, tetapi telah menggemparkan seluruh umat Islam ketika itu. Golongan yang tidak bersetuju sama sekali dengan penghakiman itu telah keluar daripada golongan Ali tetapi tidak menyebelahi Muawiyah. Mereka dikenali dengan nama **Khawarij** (Kharijin) yang bermakna '*memisahkan diri*'. Sementara golongan Ali itu tadi dikenali sebagai puak **Syiah**. Satu lagi puak yang lahir kemudian yang cuba mengambil jalan tengah dalam soal ini ialah puak **Ahli Sunnah wal-Jamaah**. Soal pokok yang menjadi pertengahan mereka ialah:

1. Siapakah sepatutnya menjadi khalifah, atau apakah syarat-syaratnya untuk menjadi khalifah?
2. Siapakah yang memilih khalifah?
3. Bolehkah seseorang khalifah itu dipecat dan bagaimanakah caracaranya.

Puak Khawarij adalah golongan yang tertua sekali dalam Islam. Mereka berpendapat seseorang Islam yang sudah dewasa, walau apa bangsa dan warna kulitnya sekalipun berhak untuk dipilih menjadi khalifah. Pendapat mereka ini adalah sesuai dengan tradisi demokratik orang Badawi dan juga konsep Islam. Khalifah itu mestilah dipilih oleh seluruh masyarakat. Oleh sebab Ali telah tunduk kepada aturan penyelesaian dengan perantaraan seperti yang dibuat di Daumah al-Jandal itulah yang menyebabkan puak Khawarij ini memisahkan diri dengan Ali. Tuhan sahaja yang memutuskan sesuatu, itulah semboyan Khawarij. Tuhan melahirkan keputusannya melalui ketentuan yang diterima oleh seluruh masyarakat secara bebas. Mengikut pendapat mereka Ali telah menentang undang-undang ini, dan tunduk kepada penghakiman manusia. Oleh itu perlulah beliau dipecat. Puak Khawarij juga berpendapat bahawa jawatan khalifah itu kekal seumur hidup, tetapi masyarakat berhak menurunkannya jika ia tidak dapat menegakkan undang-undang. Jika ia enggan turun orang ramai harus mengangkat senjata.

Golongan Syiah pula berpendapat bahawa jawatan khalifah, ataupun **Imam**, panggilan yang lebih mereka suka, hendaklah terbatas kepada Ali dan keturunannya, dan ini mengikut mereka adalah kehendak Allah. Tuhan telah menyalurkan kemahuannya melalui Rasulullah dan Rasulullah telah mengangkat Ali menjadi khalifah, tetapi Abu Bakar, Umar dan Uthman serta sahabat-sahabat lain tidak mengindahkan hal ini. Pada pendapat mereka masalah khalifah itu ialah masalah yang besar, tidak dapat ditentukan oleh masyarakat. Rasulullah adalah dipilih oleh Allah, bukannya oleh manusia. Bagaimanapun mereka boleh memilih penggantinya (khalifah), dan tentulah jika khalifah itu bukan dilantik oleh manusia tetapi oleh Allah melalui saluran Rasulullah, mereka tidak berhak menyingkirkannya atau menderhaka kepadanya.

Puak Ali **Sunnah wal al-Jamaah** pula berpendapat khalifah mestilah keturunan kaum Quraisy tetapi tidaklah mestinya Ali (Ahli ahli **Sunnah wal al-Jammaah** kemudiannya mengubah pendapatnya yang khalifah terhad kepada kaum Quraisy ini). Seorang khalifah hendaklah diterima oleh masyarakat. Ia boleh dicalonkan oleh khalifah yang terdahulu daripadanya, tetapi tidak bermakna ia dengan sendirinya berhak mengambil tempat khalifah tersebut. Ia harus diterima lebih dahulu oleh orang ramai seperti yang berlaku kepada Saiyidina Umar. Khalifah itu bolehlah diturunkan jika dia tidak sanggup menegakkan undang-undang. Tetapi seberapa yang dapat hendaklah dielakkan pertumpahan darah. Puak Ahli **Sunnah wal al-Jamaah** ini mempunyai ramai pengikut umpama di Yaman, Afrika Timur, Iraq, Syria, Morocco dan juga di Alam Melayu. Puak Khawarij pula didapati di Oman, Jazirah, Zanzibar dan Algeria. Sementara Puak Syiah pula terdapat di Mesir, Sudan, Habsyah, Iran, di bahagian-bahagian tertentu di Jazirah dan Syria.

Puak yang disebutkan di atas berserta konsepnya dari masa ke semasa telah berubah dan bertambah tambah, kerana pada umumnya perkara yang menjadi pertelingkahan mereka hanyalah masalah khalifah sahaja, bukanlah masalah prinsip dalam Islam seperti soal Allah, Muhammad, dan al-Qur'an. Walaupun konsep puak-puak ini kadang-kadang menyentuh juga prinsip seperti di atas tetapi itu tidaklah banyak. Pada keseluruhannya hanyalah berjalan di sekitar soal-soal ranting sahaja.





PERKEMBANGAN ISLAM DALAM ZAMAN KHULAFĀ' AL-RASYIDIN

Perkembangan Islam dalam Zaman Abu Bakar (632-634 M.)

Sewaktu kerajaan Islam di kota Madinah dikuasai oleh Abu Bakar tidak banyak langkah penaklukan dilakukan, kerana beliau memegang kuasa selama kira-kira dua tahun sahaja. Dalam pada itu pula Abu Bakar lebih banyak memusatkan perhatiannya kepada masalah yang berlaku dalam negeri. Beliau lebih mengutamakan langkah menegakkan dan memperkuuh kedudukan umat Islam dan pentadbiran Islam di kota Madinah.

Menghadapi Empayar Parsi

Empayar Parsi telah wujud lama sebelum kelahiran pemerintahan Islam di Madinah. Empayar ini bolehlah dianggap sebagai kuasa besar di timur, sementara Empayar Rom pula merupakan kuasa utama di barat. Dalam masa kebangkitan kerajaan Islam di Madinah kedudukan Empayar Parsi telah mula lemah. Walaupun begitu empayar tersebut masih lagi menguasai beberapa buah negeri di Tanah Arab, dan ini termasuklah Iraq dan sebagainya.

Pada tahun 633 M. iaitu setelah Peperangan Riddah selesai, Abu Bakar telah memerintahkan panglima perangnya Khalid bin Walid menyeru negeri-negeri di bawah jajahan takluk Empayar Parsi supaya menerima Islam. Khalid bin Walid telah memulakan seruannya kepada Hurmuz seorang pembesar Parsi di Ubullah sebuah wilayah di bawah pemerintahan empayar tersebut yang menjadi sebahagian daripada Iraq. Hurmuz bukan sahaja tidak mengambil indah terhadap seruan itu, tetapi juga telah mencemuh-cemuh kesucian Islam. Sebagai tindakan tegas, Khalid telah menggunakan kekerasan menyerang wilayah tersebut, yang kesudahannya Hurmuz tewas dan terbunuhan.

Ketewasan Hurmuz telah menimbulkan kemarahan Maharaja (Kisra) Parsi. Seorang panglima Parsi bernama Karin telah diperintahkan untuk menentang Khalid. Kesudahannya panglima

Karin telah tewas, dan pihak Parsi telah mengalami kemalangan jiwa yang besar. Dengan ini Parsi terpaksalah membayar ufti bagi wilayah Ubullah tersebut. Inilah julung-julung kalinya kerajaan Islam menerima pembayaran ufti. Dari sini Khalid telah berjaya menawan beberapa wilayah lain di Iraq, terutamanya di lembahan sungai Furat seperti Hirah dan Anbar. Khalid membuat tindakan ini dengan dibantu oleh seorang panglima Islam bernama Muthanna bin Harithah. Tentera Islam tidak dapat dikenalkan di tempat-tempat tersebut. Angkatan tentera Parsi di bawah panglima perangnya yang terhandal bernama Rustam telah berjaya mengundurkan tentera Islam itu hingga ke masa pemerintahan Umar al-Khattab.

Menghadapi Rom Timur

Empayar Rom yang juga dikenali sebagai Empayar Byzantine telah wujud sebelum kelahiran pemerintahan Islam di Madinah. Empayar ini pada mulanya berpusat di Rom, dan telah menguasai sebahagian daripada Eropah Timur dan Timur Tengah (Asia Barat). Empayar ini dikenali sebagai Empayar Rom Barat, sementara di Timur Tengah dikenali sebagai Empayar Rom Timur yang menguasai negeri Syria, Afrika Utara, Palestine, Mesir dan sebagainya. Empayar ini kemudiannya telah berpecah dan sebahagiannya telah berhijrah ke kota Constantinople.

Dalam masa Abu Bakar berkuasa di Madinah, iaitu selepas Perperangan Riddah, beberapa tindakan telah dilancarkan ke wilayah Empayar Rom. Langkah-langkah ketenteraan ini dibuat pada mulanya sebagai langkah untuk mengembangkan agama Islam sahaja, tetapi kemudiannya telah menjadi tindakan kekerasan setelah kerajaan Rom menunjukkan sikap yang buruk kepada langkah baik kerajaan Islam itu. Dalam pada itu pula gerakan tersebut secara langsung adalah sebagai satu cara membebaskan tanah-tanah jajahan Rom itu. Langkah Abu Bakar ke tanah-tanah jajahan Rom telah dimulakan oleh Khalid bin Sa'id. Khalid bin Sa'id telah memulakan tindakannya membuat benteng di Taima sebuah tempat ke arah Palestine. Langkah Khalid ini telah disedari oleh Maharaja (Empayar) Rom, Heraclius (*variants: Hiraclius, Heraklius*). Ini menyebabkan Khalid meminta bantuan.

Berhubung dengan ini, pada tahun 633 M. Abu Bakar telah memerintahkan empat orang panglima Islam yang terkemuka untuk menentang dan mengusir tentera Rom dari tanah jajahannya khususnya di Timur Tengah. Mereka itu ialah 'Amr bin al-'As diperintahkan ke Palestine, Syurahbil bin Hasanah ke Jordan (Urdun), Yazid bin Abu Suffian ke Damsyiq dan Abu Ubaidah bin Jarrah ke Hims. Angkatan ini kemudiannya telah dibantu oleh Khalid bin Walid daripada Iraq. Pada


masa ini Maharaja Rom berada di Hims. Maharaja itu telah memerintahkan tenteranya bersiap sedia. Bilangan tentera Islam di bawah pimpinan empat orang panglima itu ialah kira-kira 40,000 orang, sementara bilangan tentera Rom pula lebih daripada 100,000 orang (ada ahli-ahli sejarah yang mengatakan 240,000 orang).

Tatkala 'Amr bin al-As mengetahui bahawa jumlah tentera Rom itu lebih daripada 100,000 orang itu, dia pun mengirimkan Abdullah bin Omar bin al-Khattab memimpin satu pasukan berkuda yang terdiri daripada 10,000 orang untuk menentang satu pasukan Rom yang seramai 100,000 orang. Penentangan ini berakhir dengan kemenangan di pihak Islam, dengan beribu tentera Rom terbunuh, sementara pihak Islam kehilangan tujuh orang tentera sahaja. Dalam pertempuran yang kedua pula angkatan tentera Rom telah kerugian beribu-ribu jiwa, sedangkan pihak Islam hanya mengalami kerugian jiwa 130 orang sahaja.

Pasukan tentera Islam itu meneruskan peperangannya ke empat wilayah masing-masing yang telah ditetapkan itu. Tiba-tiba satu berita dari negeri Syam diterima oleh orang Islam yang menyatakan bahawa tentera Rom telah menyerang hebat angkatan Islam di bawah pimpinan Abu Ubaidah. Abu Bakar pun mengeluarkan perintah kepada Khalid bin Walid yang pada masa itu sedang menjalankan tugasnya di Iraq supaya berangkat memberi pertolongan kepada Abu Ubaidah. Angkatan tentera Islam di Iraq pula telah diserahkan di bawah pemerintahan Muthanna bin Harithah. Di Busra sebuah bandar perniagaan yang masyhur Khalid bin Walid telah menyempurnakan bantuannya, apabila dia telah berjaya mematahkan serangan tentera Rom dan menawan bandar itu.

Selepas kejatuhan Busra itu tentera Islam bertambah berani dan mempunyai keyakinan untuk menakluki kota Damshiq. Sementara tentera Romawi di Palestine telah dapat dikalahkan oleh tentera Islam di bawah pimpinan 'Amr bin al-As. Maharaja Heraclius sedar terhadap rancangan pihak Islam ini, lantas dia mengirimkan tentera tambahan untuk membantu mengalahkan angkatan Islam itu. Bagi pihak tentera Islam pula telah mengadakan mesyuarat tergempar mencari jalan untuk menghadapi pihak musuh itu. Akhirnya angkatan Islam telah mengambil keputusan akan menghadapi musuh itu dengan segala daya upaya. Mereka berjuang di suatu tempat bernama Yarmuk, dan di sinilah tentera Islam itu menyatukan segenap tenaga mereka.

Tentera Rom yang ramai bilangannya itu dipimpin oleh seorang panglima, erangnya yang terkenal bernama Mahan. Angkatan Rom bukan sahaja dianggotai oleh orang Rom tetapi juga oleh orang Arab Kristian dari Bani Ghassan di bawah pimpinan Jibillah bin al-Aiham. Heraclius Maharaja Rom memberi perintah kepada panglima perang-



ASIA BARAT SEMASA KEDATANGAN ISLAM

nya Mahan, supaya membuat perdamaian dengan Abu Ubaidah. Jibillah telah dihantar oleh Mahan untuk berunding dengan Abu Ubaidah, tetapi perundingan itu gagal, Abu Ubaidah telah menolak permintaan Jibillah, kerana dia tidak dapat menunaikan permintaannya supaya membebaskan Syam dan Palestine. Abu Ubaidah juga telah meminta Jibillah tunduk semula kepada Islam, tetapi nasihat itu tidak berkesan, malah telah dicemuh dengan angkuhnya.

Apabila Khalid tiba dengan tenteranya di Syam didapati tentera Islam telah bersatu padu dan bersiap-sedia untuk menghadapi musuh yang besar itu. Di sini Khalid telah menyusun angkatan Islam itu dengan cukup rapi. Mula-mula sekali Khalid bersama-sama orang-orangnya telah menewaskan tentera Rom di satu pertempuran di Marj Rahit. Kemudian pertempuran terus-menerus berlaku. Seramai tiga puluh orang tentera Muslimin gugur syahid. Beratus-ratus tentera Rom terutamanya daripada tentera berantai dan berbaju besi telah terkorban. Ini menyebabkan semangat tentera Islam naik berkobar-kobar dan berikutnya pula tentera-tentera Rom telah mula berpecah. Medan pertempuran yang paling sengit ialah di Yarmuk. Sedang pertempuran hebat ini berlaku perkhabaran yang menyediakan ialah kewafatan Abu Bakar (634 M.), dan Umar bin al-Khattab telah dilantik sebagai khalifah

menggantikan Abu Bakar. Bersama perkhabaran itu juga diterima berita mengatakan yang Khalid bin Walid telah dilucutkan jawatannya dan diganti oleh Abu Ubaidah. Berita yang mengejutkan ini tidak dihebahkan kepada tentera Islam yang sedang bertempur itu, sehingga berjaya. Khalid mematuhi perintah perlucutan itu dengan baik. Ramai pemimpin Islam menentang perlucutan ini, tetapi Umar bin al-Khattab tidak berganjak. Walau bagaimanapun kemudiannya Umar telah bercadang untuk melantik Khalid memegang jawatan lain, tetapi sebelum cadangan itu terlaksana Umar telah wafat.

Umar dan Perkembangan Islam ke Parsi

Peperangan di antara tentera Islam dengan tentera Parsi telah bermula semenjak dari masa pemerintahan Abu Bakar lagi. Khalid bin Walid panglima Islam yang teragung pernah mengetuai angkatan Islam menggempur tentera-tentera Parsi di Iraq. Khalid pada masa itu adalah pemerintah tentera Islam di Hirah, Iraq. Dalam masa pemergiannya membantu Abu Ubaidah jawatannya disandang oleh Muthanna bin Harithah. Semasa peninggalan Khalid itu satu pertempuran telah berlaku di antara tentera Islam dan Parsi di Babil sebuah tempat di sebelah tenggara Baghdad dan berakhir dengan kemenangan di pihak Islam. Setelah selesai pertempuran, pihak Parsi giat memperkuatkan angkatan tenteranya dengan kelengkapan yang baru. Kelengkapan di pihak Islam pula tidak mencukupi, Muthanna telah berangkat ke Madinah untuk menemui khalifah.

Apabila Muthanna tiba di Madinah Abu Bakar berada dalam kezuruan, dan kemudiannya wafat. Tetapi sebelum wafat Abu Bakar sempat juga menjemput Umar bin al-Khattab dan memberi pesanan kepadanya supaya berikhtiar menghantarkan bantuan ke Hirah. Umar telah menyempurnakan pesanan Abu Bakar ini sebaik-baiknya. Kebetulan pula pada masa pemerintahan Umar, Maharaja Parsi telah meninggal dunia dan soal mencari penggantinya telah menjadi masalah yang besar di dalam negeri. Walau bagaimanapun akhirnya seorang puteri maharaja Parsi bernama Buran telah ditabalkan merajai empayar tersebut, dengan dipangku oleh Rustam, seorang panglima yang terkemuka. Rustam dalam pada itu telah berjaya mempengaruhi rakyat Iraq supaya menentang tentera Islam yang bertempat di situ.

Apabila pihak Parsi menerima perkhabaran tentang bantuan tentera Islam itu Rustam pun membuat kelengkapan yang besar. Setelah kedua-dua belah pihak bertemu; suatu pertemuan hebat telah berlaku, yang berakhir dengan kejayaan di pihak Islam. Beribu-ribu jiwa dari kedua-dua belah pihak telah terkorban. Tentera Parsi yang telah tewas itu tadi telah berundur ke Kaska dengan tujuan untuk melancar-

kan serang balas. Tetapi sebelum mereka berbuat apa-apa tentera Islam telah memberi pukulan maut. Rustam bertindak menghantarkan seorang panglimanya bernama Bahman untuk menggempur tentera Islam.

Kemudian kedua-dua belah pihak telah bertemu di sebuah jambatan di Sungai Furat. Dalam pertempuran ini seramai kira-kira 4,000 tentera Islam dan 6,000 tentera Parsi telah terkorban. Terkorbaninya tentera Islam yang begini ramai adalah kesilapan panglima Islam. Abu Ubaidah tidak mahu mengambil berat cadangan-cadangan penasihatnya supaya jangan menyeberang jambatan yang berkenaan untuk menyerang tentera Parsi. Sementara pihak Parsi mengalami kerugian yang begitu besar disebabkan oleh Bahman sendiri tidak begitu suka dengan sikap Rustam. Dia lebih suka kepada Fairuzan seorang panglima tentera Parsi yang lain.

Sewaktu pertempuran itu berlaku, Muthanna bin Harithah seorang pahlawan Islam yang lain telah berjaya mencegah sebahagian tentera Islam yang lain daripada menyeberangi jambatan itu, kerana dia percaya, sekiranya mereka menyeberangi jambatan itu sudah tentu mereka terkepung dan dengan mudah sahaja dapat dibunuh. Angkatan Islam terpaksa berundur buat sementara. Kerugian besar yang dialami oleh pihak Muslimin ini telah menimbulkan kemurkaan dan kesedihan kepada Khalifah Umar. Satu pasukan tentera tambahan telah dikirimkan oleh Umar untuk membantu Muthanna. Apabila Rustam mendengar khabar tentang pengiriman pasukan tambahan pihak Islam itu, dia telah mengutuskan tentera bantuannya di bawah pimpinan Mahran. Sementara Abu Ubaidah pula telah ditugaskan untuk mengepalai angkatannya ke wilayah Rom. Pada kali ini Muthanna tidak membentarkan sama sekali tenteranya menyeberangi jambatan di Sungai Furat, kerana ini mengikut pengalaman yang lalu.

Kedua-dua belah pihak masing-masing menanti pasukan lawannya menyeberangi jambatan yang berkenaan. Angkatan Islam telah ber tekad tidak akan menyerang angkatan Parsi itu hingga halang angkatan itu menyerang terlebih dahulu. Akhirnya tentera-tentera Parsi itu menyeberangi jambatan itu. Satu pertempuran hebat di antara kedua belah telah berlaku. Pertempuran ini dikenali sebagai Peperangan Uzaib, sebagai mengambil sempena tempat peperangan itu berlaku. Ada sesetengah pihak menamakannya sebagai *Peperangan Jambatan*. Peperangan ini merupakan peperangan yang hebat, jika dibandingkan dengan peperangan lain yang dialami oleh orang Islam sebelum itu. Tentera Parsi telah memberi pukulan yang hebat terhadap pihak Islam kerana bilangan tentera mereka berlipat kali ganda daripada tentera Islam. Akan tetapi dengan kesabaran dan ketabahan hati, akhirnya tentera Islam berjaya juga mengalahkan angkatan Parsi itu. Orang

Parsi telah menderita dengan kekalahan yang besar. Kekalahan mereka pada kali ini menjadi pelajaran yang pahit, yang pernah mereka terima dalam sejarah peperangan yang pernah mereka alami.

Kemasukan Islam ke Syria dan Palestine

Kejayaan Khalid bin Walid mematahkan tentera-tentera Rom dalam peperangan Yarmuk pada 636 M. telah membuka peluang lagi kepada tentera Islam untuk menggempur tentera Rom itu. Setelah Yarmuk jatuh ke tangan tentera Islam kerajaan Rom telah mengumpulkan tenteranya di al-Fuhl di wilayah Urdun (Jordan) dan di Damshiq. Melihatkan keadaan ini Abu Ubaidah pemimpin tentera Islam di sini telah meminta bantuan kepada Khalifah Umar di Madinah. Umar telah memerintahkan Khalid bin Walid supaya berangkat membantu Abu Ubaidah, sementara Amr bin al-As diperintahkan keluar dengan satu angkatan tentera membantu pasukan Islam di Syam. Abu Ubaidah telah ditugaskan menjalankan tugasnya menggempur Damshiq kota pertahanan yang terpenting di Syam, kemudian diperintahkan pula menggempur al-Fuhl (Pello). Pahlawan-pahlawan Islam lain yang turut dalam langkah ini ialah Shurahbil bin Hasanah, Qais bin Hubairah, Yazid bin Abu Suffian dan lain-lain.

Setelah tujuh puluh hari kota Damshiq itu dikepung oleh Abu Ubaidah baharulah pertahanan tentera Rom di kota itu dapat dipecahkan. Yazid bin Abu Suffian telah dilantik menjadi gabenor Damshiq. Dari sini jajahan kerajaan Rom yang lain hinggalah ke Tabariyah, Baysan, B'labakk (B'alabaka), Hims (Hisma) dan Antioch (Anthokiah) dapat ditawan. Di samping Yazid bin Abu Suffian menjalankan tugasnya di Damshiq dia berpeluang juga menawan Beirut, Tripoli, Sidon, Jubayl dan lain-lain. Sementara saudaranya pula Muawiyah bin Abu Suffian telah ditugaskan menawan Qaysariyah.

Palestine sebelum kedatangan tentera Islam adalah di bawah pemerintah seorang pemerintah Rom bernama Artabon. Ia mempunyai kekuatan tentera yang besar di Bait al-Maqdis (Jerusalem). Kekuatan tentera Rom tersebut telah disedari oleh Amr bin al-As, panglima Islam yang telah ditugaskan menggempur Palestine. Keadaan ini menyebabkan Amr meminta bantuan kepada Khalifah Umar. Tetapi Khalifah Umar hanya memerintahkan Amr supaya menentang musuh dengan sedaya upaya. 'Amr bersama-sama Shurahbil telah keluar ke Palestine untuk menentang tentera Artabon (Arthur) itu. Dalam pertempuran yang pertama 'Amr tidak berjaya mencapai kemenangan menentang tentera Rom yang ramai itu. Dalam gerakan yang kedua angkatan Islam baharulah berjaya memecahkan kekuatan tentera Rom itu.

Keadaan ini menyebabkan tentera Rom telah menguatkan lagi benteng pertahanannya di kota Bait al-Maqdis. Tentera Islam telah membuat serangan dalam musim sejuk. Kota Bait al-Maqdis ialah kota yang dihormati bukan sahaja oleh orang Kristian tetapi juga orang Islam. Bait al-Maqdis ialah kota yang ketiga dituntut oleh Islam supaya dihormati, sementara kota yang pertama ialah Makkah dan yang kedua Madinah. 'Amr dan tenteranya telah terus menerus mencapai kejayaan. Orang-orang Rom tidak lagi mempunyai kekuatan untuk menentang kemaraan tentera Islam itu. Pihak Rom telah mengisyiharkan perdamaian, dan mereka telah meminta Khalifah Umar datang ke Bait al-Maqdis untuk menyusun perdamaian. Khalifah Umar telah berangkat ke sana, dan Ali bin Abu Talib ditinggalkan di Madinah untuk memangku jawatannya. Ketibaan Umar telah disambut oleh Yazid, Abu Ubaidah dan Khalid dengan pakaian kebesaran mereka. Ini telah menimbulkan kemarahan Umar, dan beliau telah memerintahkan supaya keadaan ini diubah. Artabon pemerintah Rom di Palestine telah melarikan diri ke Mesir sewaktu Umar tiba di sana. Khalifah telah membuat persediaan dengan pembesar-pembesar dari kedua-dua belah pihak. Dalam perdamaian ini sungguhpun orang Islam berkuasa di Bait al-Maqdis tetapi Umar telah membenarkan penduduk di sana mengam nutzen sebarang agama yang mereka suka, dan menziarahi kota suci Bait al-Maqdis itu.

Pada tahun 639 M. penyakit taun telah merebak di Syam. Wabak ini telah mengakibatkan ramai jiwa terkorban di sana. Abu Ubaidah, Amir bin Jarrah, Muaz bin Jabal dan Yazid bin Abu Suffian adalah diantara para kenamaan Islam yang telah menjadi mangsa keganasan penyakit itu.

Islam Masuk ke Iraq dan Kejatuhan Madain (Pusat Pemerintahan Parsi)

Setelah Islam tersebar ke seluruh wilayah di Semenanjung Tanah Arab, dan beberapa buah wilayah jajahan takluk Rom, pihak Islam pula telah bercita-cita untuk meneruskan gerakannya ke tanah jajahan takluk empayar Parsi yang lain pula terutamanya ke bahagian negeri Iraq yang belum disentuh dan juga ke pusat pentadbiran Kerajaan Parsi, Madain. Empayar Parsi pada masa itu mempunyai kekuatan yang besar. Maharaja Parsi ketika itu bernama Yazdagir III (Yazdjir III), dan dia adalah pemerintah baharu dan masih muda lagi. Maharaja itu tinggal di Istana Putih di kota Madain (Latin: Ctesiphon). Rustam kini diangkat sebagai panglima agung tentera Parsi. Pihak Parsi tersebut telah membuat persiapan untuk merebut semula wilayah yang telah diambil oleh pihak Islam, dan telah membuat rancangan untuk menghancurkan

unit-unit pertahanan Islam di tempat-tempat yang berhampiran dengan pusat pertahanan Parsi. Berita gerakan parsi ini telah diketahui oleh Muthanna bin Harithah. Dia telah meminta bantuan kepada Khalifah Umar di Madinah. Pada mulanya Umar sendiri bercadang untuk mengepalai angkatan Islam itu, tetapi tidak dipersetujui oleh para sahabatnya.

Bagi menyelesaikan masalah ini akhirnya Khalifah Umar telah melantik Saad bin Abu Waqqas mengepalai angkatan Khalifah Umar itu bergerak ke tanah jajahan Parsi. Apabila Saad bin Abu Waqqas tiba di tempat yang dituju dia telah mendengar khabar bahawa Muthanna telah meninggal dunia akibat cedera parah semasa Peperangan Uzaib dahulu. Saad dengan persetujuan ramai telah diangkat menggantikan Muthanna. Dia telah menggabungkan tenteranya yang berjumlah 4,000 orang itu dengan tentera yang sedia ada di sana menjadikan jumlah kesemuanya 30,000. Memang telah menjadi dasar Islam untuk mengirimkan utusan amaran sebelum bertindak. Bagi menjalankan tugas ini Nu'man bin Muqarrin dipilih untuk mengepalai rombongan diplomasi mengadap Maharaja Parsi. Setibanya di Istana Putih rombongan tersebut telah menerima sambutan di luar peri kemanusiaan. Kecuali Nu'man semua anggota rombongan itu telah tamat riwayatnya di hujung pedang Rustam di Madain pusat pentadbiran kerajaan Parsi itu. Kemudian Rustam pula menghimpunkan tenteranya yang terdiri daripada 33 tentera bergajah, 120,000 tentera berkuda dan berjalan kaki untuk memusnahkan ketumbukan tentera Islam yang berjumlah 30,000 orang itu.

Kemudian satu pertempuran hebat telah berlaku pada bulan Jun tahun 637 M. Tulaiba (variants: Thulaiyah, Talha) ialah di antara pahlawan Islam yang mengambil bahagian dalam pertempuran itu. Pertempuran itu berlaku di Qadisiyah, dan dikenali sebagai Peperangan Qadisiyah. Pahlawan Islam lain yang turut juga mengambil bahagian ialah 'Ashim bin 'Amr. Berkat ketabahan tentera Islam akhirnya mereka telah berjaya mematahkan angkatan Parsi yang besar itu. Rustam panglima besar Parsi telah terbunuh di hujung pedang Hilal bin al-Qamah seorang tentera berkuda Islam. Berita kemenangan pihak Muslimin telah disampaikan kepada Khalifah Umar di Madinah. Marmazan seorang panglima Parsi telah berjaya melepaskan diri dan lari ke Ahwaz di utara Teluk Parsi. Satu pasukan tentera Islam telah dihantarkan ke Ahwaz untuk menawannya. Kemudian Harmazan tertawan dan dihantar ke Madinah, akhirnya dia telah memeluk Islam dengan kerelaannya sendiri.

Dua bulan kemudian setelah Sa'ad berjaya menguasai Lembah Sungai Furat, beliau telah menerima perintah dari khalifah untuk meneruskan perjuangannya menawan ibu kota empayar Parsi Madain. Sa'ad telah mematuhi perintah Khalifah Umar. Dalam perjalannya

ke Madain Sa'ad telah berjaya menawan Bahrain sebuah wilayah di bahagian barat. Maharaja Parsi telah menawarkan kawasan di antara Madain dengan Sungai Tigris (Dajlah) kepada Sa'ad sekiranya dia membatalkan rancangannya. Akan tetapi Sa'ad enggan menerima putar belit maharaja itu. Hal ini telah menyebabkan Yazdagir III, Maharaja Parsi, itu lari ke utara ke bandar kecil Hulwan, meninggalkan Jeneral Mahran di lembah Sungai Tigris untuk mempertahankan kemaraan tentera Islam. Sa'ad terus juga maju menyeberangi Sungai Tigris. Ini telah mencetuskan pertempuran yang hebat. Pihak tentera Islam dan tentera Parsi, masing-masing menggunakan senjata *manganik*. Kesudahannya Mahran telah tewas, dan kawasan itu berjaya ditawan oleh pasukan tentera Muslimin.

Pada bulan Oktober 637 M. tentera Islam telah masuk ke kota Madain dan kemudiannya berjaya menawan istana Maharaja Parsi yang dikenali dengan nama Istana Putih itu, setelah satu pertempuran hebat berlaku. Di Istana Putih itu tentera Islam telah membuat rampasan harta benda sebanyak 9 billion dirham. Pada masa itulah orang Islam berpeluang menyaksikan keindahan Istana Putih yang dihiasi dengan berbagai-bagai bahan yang amat menarik dan berharga. *Iwan Kisra*, tempat persemayaman Maharaja Parsi ialah di antara beberapa isi istana raja itu yang amat bernilai dan indah. Madain kemudiannya telah dijadikan markas besar tentera Muslimin, dan di sanalah sembahyang Jumaat yang pertama kali di Parsi diadakan.

Semangat perjuangan umat Islam tidak luput setakat kejayaan ini. Sa'ad bersama-sama 12,000 tentera telah meneruskan gerakannya menghambat Yadagir III di Hulwan. Yadagir III telah melarikan diri pula ke Jalula' dalam bulan Disember 637 M., kemudian ke Rayy, sebuah tempat berhampiran Laut Caspian. Sa'ad terus-menerus menghambatnya di samping menawan kawasan yang dilaluinya. Akan tetapi Sa'ad kemudiannya membatalkan rancangannya apabila dia menerima surat perintah untuk berbuat demikian dari khalifah di Madinah. Ketewasan pihak Parsi tidaklah menawarkan jiwa mereka. Seorang panglima Parsi yang lain Deqan yang telah dikalahkan telah membina sebuah benteng di Jalula' untuk menentang pihak Islam, tetapi benteng ini kemudiannya dapat dipecahkan oleh tentera Islam. Kemudian tentera Islam terus melanjutkan gerakannya menawan bandar Takrif, Al-Mawsil (Mosul), Musabazan, Jazirah dan lain-lain. Bagi kebijakan rakyat yang ditaklukinya pihak Islam telah mengadakan suatu badan pentadbir yang dianggotai oleh ahli-ahli pentadbir yang bijak. Penyusunan dan pembahagian pentadbiran telah diatur dengan teliti. Rakyat Parsi diberi kebebasan yang seluasnya untuk memilih agama mereka.

Suatu tempat berehat telah diadakan di dua buah tempat yang telah ditawan di lembah Sungai Furat dan Dajlah. Tempat-tempat berehat

itu adalah merupakan tempat perkhemahan tentera. Kedua tempat tersebut dipilih sesuai dengan kehendak sifat ketenteraan yang memerlukan tata tertib dan cara hidup yang tersendiri. Kemudian kedua-dua tempat tersebut telah bertukar menjadi pekan yang dikenali dengan nama Kufah dan Basra.

Pihak Parsi tidak merasa putus asa terhadap kekalahannya. Suatu benteng perang telah diadakan di Nahawand (Nihavand) untuk melancarkan serangan terhadap tentera Islam. Berita ini telah sampai ke pengetahuan Khalifah Umar di Madinah. Khalifah telah mengirimkan surat kepada Nu'man bin Muqarrin di Kufah supaya menghancurkan gerakan itu. Kemudian satu perperangan yang dikenali sebagai perperangan Nahawand telah berlaku pada tahun 641 M. pihak tentera Islam telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam perperangan ini. Kejayaan tentera Islam mematahkan tentera Parsi ini telah membangkan kitikan semangat perjuangan Abu al-'Ala al-Hadhrami gabenor Bahrain. Ia telah menugaskan sebuah angkatan laut khususnya di Telok Parsi untuk menawan kawasan Parsi yang belum disentuh oleh tentera Islam. Dalam gerakan ini banyak kapal-kapal tentera Islam yang binasa. Ini telah menimbulkan kemurkaan besar kepada khalifah, kerana ia bertindak tanpa kebenaran khalifah. Akibatnya dia telah dilucutkan jawatannya. Khalifah telah memerintahkan Sa'ad untuk menebus kekalahannya. Sa'ad bersama 13,000 orang tentera telah bertindak menebus kekalahan itu, dan telah mendapat kejayaan yang cemerlang. Dalam gerakan ini Nu'man telah gugur syahid.

Ahnaf bin Qais seorang panglima tentera Islam yang lain telah meminta kebenaran kepada khalifah Umar untuk mengadakan langkah-langkah menawan saki-baki tanah jajahan Parsi. Permintaan ini telah diperkenankan. Yazdajir III telah meminta bantuan kepada Maharaja China dan Turki, tetapi tentera Islam telah hampir benar kapada pertahanannya. Maharaja Parsi itu telah melarikan diri ke Balga (Balkh), dan kemudian ke Farghannah. Berikutnya dia melarikan diri ke Khurasan dengan membawa harta-bendanya. Orang Khurasan telah menasihatinya supaya berdamai sahaja kepada pihak Islam, tetapi dia enggan. Ini menyebabkan harta-bendanya dirampas oleh orang Khurasan. Kemudian setelah terdesak Yazdajir III itu telah menyerah dan berdamai kepada tentera Islam. Orang Khurasan pun mengambil keputusan memulangkan harta-bendanya.

Islam Berkembang ke Mesir

Sebelum kemasukan Islam ke negeri Mesir, Mesir merupakan sebuah tanah jajahan Rom. Penduduk Mesir pada mulanya adalah penyembah berhala. Kerajaan Rom telah menakluki negeri itu semenjak sebelum

kelahiran Nabi Isa lagi. Rakyat negeri itu menderita akibat pemerintahan Rom yang zalim itu. Kerajaan Rom ini telah memaksa rakyat Mesir memeluk agama Kristian setelah agama itu menjadi agama rasmi bagi tanah jajahan Rom beberapa lama berikutnya. Orang Rom memandang rakyat yang dijajahinya sebagai pengeluar hasil untuk negeri mereka sahaja. Pemerintah Rom tidak memberi layanan yang sewajarnya kepada rakyat Mesir dan lain-lain. Keadaan ini telah menyebabkan mereka berasa suka cita terhadap kedatangan orang Islam membebaskan negeri-negeri di sekelilingnya daripada tangan kerajaan Rom atau Parsi.

Sewaktu Khalifah Umar berada di Syam kerana menyelesaikan persetiaan di antara pihak Islam dan Rom tidak lama dahulu panglima Islam yang tidak asing lagi 'Amr bin al-'As telah meminta kebenaran beliau untuk membebaskan Mesir daripada tangan kerajaan Rom. Permintaan 'Amr telah diperkenankan oleh Khalifah Umar, dan ketika itu dia berada di sebuah daerah bernama Arisy. Pada tahun 640 M. 'Amr bersama-sama 4,000 tentera berkuda telah mara ke negeri itu melalui Semenanjung Sina, dan telah berjaya menduduki kawasan-kawasan yang dilaluinya tanpa sebarang tentangan yang hebat. Puteri Muqawqis (Mukaukis) (Latin: Cyrus) pemerintah Mesir ketika itu telah diberi perangsang oleh Artabon (Arthur) panglima perang Rom yang lari dari Bait ul-Makdis dahulu supaya menentang tentera Islam itu hingga ke titisan darah yang akhir. Kemudian 'Amr telah berjaya menakluki bandar al-Farama (Pelusium) di timur Mesir, dan berikutnya diikuti pula oleh bandar Bilbays (*Variants*: Belbis, Bilbis, Balbis) di timur laut Fustat (Cairo).

Sebelum tiba di kota Babylon (Babilyun) pusat pertahanan Byzantine (Rom) yang terhandal di Mesir 'Amr telah merasai yang kekuatan tenteranya tidak mencukupi. Dia telah menghantar permohonan bantuan tentera kepada Khalifah Umar di Madinah. Khalifah pun menghantar satu angkatan bantuan yang terdiri daripada 6,000 orang tentera dengan diketuai oleh empat orang sahabat mereka, iaitu Zubair bin Awwam, Ubadah bin Samit, Muslimah bin Mukhlid dan Miqdad bin Aswad. Sementara seketumbukan daripada tenteranya ditugaskan mengepung Babylon, 'Amr telah bergerak menawan 'Ayn al-Shams. Kejayaan ini telah membimbangkan Puteri Muqawqis, dan akhirnya dia telah menyerah diri. Kemudian dia telah dikembalikan kepada ayahnya dengan baik. Langkah-langkah 'Amr ini telah mendapat sambutan dari orang-orang Qibti penduduk asal negeri Mesir. Tidak berapa lama lepas itu Babylon telah berjaya diambil oleh tentera-tentera Islam.

Dari sini 'Amr terus menggerakkan angkatannya ke utara ke Iskandariah (Alexandria). Iskandariah ialah sebuah kota yang kedua besarnya di antara bandar-bandar jajahan takluk Rom. Orang Rom

sedar dan memikirkan bahawa sekiranya kota itu jatuh ke tangan tentera Islam bermakna berakhirlah kuasa dan pengaruh mereka di negeri Mesir. Oleh itu mereka berikhtiar dengan sedaya upayanya untuk mempertahankan kota itu. Sementara bilangan tentera Islam yang ditugaskan untuk menjatuhkannya 20,000 orang sahaja. Pada peringkat permulaanya tentera Islam telah mengalami banyak kerugian jiwa. Keadaan ini telah membimbangkan gerakannya dengan mengambil langkah baharu melantik 'Ubada bin Samit sebagai pengarah penggempur angkatan Rom. Selama kira-kira empat bulan tentera-tentera Islam mengepung kota Iskandariah itu, dan akhirnya pada tahun 641 M. kota itu telah jatuh ke tangan tentera Islam.

Kejatuhan kota Iskandariah merupakan satu kejayaan pihak Islam. 'Amr bin al-'As telah dilantik sebagai gabenor Mesir, sementara Khalid bin Walid pula telah dilantik sebagai gabenor bagi Syria dan Palestine. Iskandariah sebuah kota dan pelabuhan yang terkenal dan tertua. Kota itu dikenali juga sebagai pusat ilmu pengetahuan yang menjadi tumpuan sejak zaman berzaman dari timur dan barat. Banyak pusat pengajian tinggi dan perpustakaan terdapat di sana. *Perpustakaan Ptolemy* sebuah perpustakaan yang besar telah dibakar oleh Julius Caesar pada tahun 48 SM. dan berikutnya pula pada tahun 389 M. *Perpustakaan Daughter* telah dimusnahkan oleh **Emperor Theodosius**. Ketika Islam masuk ke kota itu, hanya tinggal saki-baki perpustakaan yang tidak penting sahaja.

Di antara tahun 642-643 M. angkatan tentera Islam telah bergerak ke barat menyeberangi Padang Pasir Sahara untuk membebaskan seluruh Afrika Utara daripada cengkaman empayar Byzantine (Rom). Angkatan Islam itu telah berjaya menawan kota Barqah, dan kemudian kota Tripoli dalam wilayah Afrika. Berikutnya 'Amr bin al-'As telah bercadang untuk meneruskan gerakannya ke Qairawan dan lantas ke *Carthage*, tetapi rancangan ini terpaksa dibatalkan setelah menerima perintah untuk berbuat demikian dari khalifah di Madinah. Di pihak lain pula, iaitu di Armenia di Asia Kecil seorang panglima Islam yang lain telah menggempur wilayah itu di antara tahun 644-652 M. Panglima itu ialah Habib bin Maslamah, tetapi langkah ini tidak mencapai kejayaan yang cemerlang.

Sungguhpun orang Islam menakluki Mesir dan wilayah-wilayah lain di bawah kerajaan Byzantine dan Parsi secara kekerasan, tetapi rakyat negeri itu tidak pernah dipaksa memeluk agama Islam. Mereka telah memeluk agama Islam dengan kerelaan mereka sendiri. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya kemasukan Islam secara beransur-ansur daripada kalangan mereka sehingga beberapa lama. Ada di antara mereka yang masih lagi beragama Kristian dan menyembah berhala hingga ke masa kini. Pemerintahan Islam di Mesir dan lain-

lain sentiasa memberi peluang hak milik yang sama kepada semua lapisan rakyat. Banyak sistem cukai yang dikenakan dalam masa pemerintahan sebelumnya telah dibatalkan apabila Islam memegang kuasa. Dalam perkara lain pula banyak kemajuan-kemajuan yang telah dilakukan oleh Islam untuk kepentingan semua golongan rakyat. **Thomas Arnold** pengarang buku sejarah *The Preaching of Islam* telah memuji kebaikan cara pemerintahan Islam di Mesir itu.

Perkembangan Islam dalam Masa Uthman

Dalam masa pemerintahan Khalifah Uthman (644-656 M.) tidak banyak pergerakan perluasan jajahan dibuat seperti yang berlaku dalam zaman pemerintahan Khalifah Umar. Keadaan ini berlaku kerana dalam masa penghujungan pemerintahan beliau, banyak masalah telah berlaku di dalam negeri. Sungguhpun dalam beberapa perkara Uthman telah mengendalikan pentadbiran negara dengan baiknya, tetapi dalam hal lain beliau banyak mempunyai kelemahan. Kelemahan Khalifah Uthman ini telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi yang tidak diingini di dalam negeri. Hal ini telah menyebabkan beliau lebih banyak menumpukan kegiatannya menghadapi reaksi di atas.

Kegiatan ketenteraan dalam masa Uthman meliputi ke semua penjuru kawasan, iaitu ke timur ke Khurasan, ke utara ke Armenia, ke Laut Mediterranean dan ke Afrika Utara. Dalam masa pemerintahan Uthman negeri Tabaristan ialah negeri yang mula-mula sekali menjadi wilayah Islam. Negeri itu telah dibuka oleh Sa'id bin al-'As. Kemudian negeri Jurjan sebuah negeri yang berhampiran dengan negeri Tabaristan telah tunduk juga di tangan Sa'id. Setelah itu satu lagi angkatan tentera Islam di bawah pimpinan Ahnaf bin Qais telah dihantar ke Tukharistan. Dia telah berjaya menundukkan negeri itu menerusi satu perdamaian. Dalam pada itu pula Sa'ad bin al-'As bersama-sama Huzaifah bin Al-Yamaan telah menawan tempat-tempat seperti Nishapur, Merw dan lain-lain. Tetapi tidak lama kemudian penduduk negeri Tukharistan telah bergabung dengan penduduk negeri Juzjan, Talqan, Saghanian dan beberapa buah negeri lain di sebelah timur Sungai Jaihun (Axus/Amu Darya) dalam negeri Turkistan dengan tujuan untuk menentang tentera-tentera Islam, tetapi mereka dapat ditundukkan oleh pihak Islam.

Ahnaf yang mengetuai angkatan tentera Islam itu telah meneruskan kemaraannya dan menakluki beberapa buah negeri hingga tiba ke negeri-negeri di seberang Sungai Jaihun.

Apabila negeri-negeri itu selesai dibukanya, Ahnaf telah kembali ke Madinah melaporkan kepada Khalifah Uthman. Khalifah pun menghantarkan beberapa orang wakil, termasuklah Qais bin al-Haitham

untuk menjalankan beberapa urusan yang tertentu di tempat-tempat itu. Walaupun dalam beberapa perkara pihak Islam tidak dapat memerintah di kawasan lembah Sungai Jaihun terutamanya di seberang timur laut sungai itu tetapi ia telah berjaya membuat perdamaian dan beberapa cara perhubungan dengan tempat-tempat itu.

Dalam pada itu pula angkatan tentera Islam juga membuat beberapa gerakan ke wilayah tenggara dari pusat pertahanannya di kota Sus di utara Teluk Parsi. Gerakan ketenteraan ini mara ke arah lembah Sungai Indus ke wilayah Sijistan, Makran dan Sind. Dalam gerakan ini wilayah Fars, Kirman dan sebahagian Sijistan telah dapat diambil oleh Islam. Ini termasuklah kota seperti Istakhar, Darabjird, Siraf dan Jiraft. Sebahagian kawasan di lembah Sungai Helmand juga dapat ditawan oleh pasukan tentera Islam.

Di Syam Muawiyah bin Abu Sufian yang menggantikan saudaranya Yazid bin Abu Sufian sebagai gabenor di sana telah menubuhkan sebuah angkatan laut yang terhandal. Dengan angkatan lautnya atau armada inilah Muawiyah telah menempa sejarah menggempur Laut Mediteranean. Muawiyah telah memulakan sejarahnya ini dengan menawan Pulau Cyprus (Qubrus) sebuah pengkalan angkatan laut Byzantine di laut itu pada tahun 649 M. Sementara Pulau Arwad (Aradus) pula telah ditawannya pada tahun 650 M. Di pihak lain pula Abdullah bin Sa'ad pula telah berjaya mengundurkan angkatan laut Greek daripada mendarat di Iskandariah pada tahun 652 M. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 654 M. seorang daripada laksamana Muawiyah telah berjaya mengambil Pulau Rhodes.

Dalam tahun 655 M. armada Mesir-Syria di bawah Muawiyah dan Abdullah bin Sa'ad telah mencapai satu kejayaan yang tidak dapat dilupakan oleh sejarah apabila berjaya membinaaskan kira-kira 500 buah kapal Byzantine di pantai Lycian berhampiran Phoenix di Laut Mediteranean. Emporer Constans II yang mengepalai angkatan itu telah sempat melepaskan diri. Peperangan itu dikenali dalam bahasa Arab dengan nama **Dhul al-Sawar** atau al-Sawari (Perang Kapal Layar). Constans II sebelum itu pernah juga menghantar Laksamana Manuel bersama-sama 300 buah kapal untuk menawan Iskandariah yang mengorbankan 1,000 jiwa rakyat Mesir, tetapi kemudiannya angkatan ini telah berjaya diundurkan oleh 'Amr bin al-'As gabenor Mesir. Kejayaan armada Islam itu bukan setakat di atas. Pulau Sicily sebuah pulau di selatan Itali telah juga dapat digempur oleh angkatan Islam beberapa lama. Sementara bandar pelabuhan seumpama Accre, Sur, Tyre dan lain-lain di persisiran Palestine telah juga dapat dikuasai oleh angkatan Islam.

Pada tahun 648 M. Abdullah bin Sa'ad seorang panglima tentera Islam di Mesir yang juga menjadi gabenor baharu negeri itu telah

meminta kebenaran kepada Khalifah Uthman di Madinah untuk meneruskan perjuangannya ke wilayah lain di Afrika Utara. Setelah mengadakan satu mesyuarat dengan para sahabatnya Uthman telah memperkenankan permintaan Abdullah bin Sa'ad itu, dan beliau sendiri telah mengirimkan satu pasukan tambahan. Selepas beberapa lama angkatan tambahan itu bertolak tiada sebarang perkhabaran diterima oleh khalifah di Madinah. Beliau telah bertindak menghantarkan Abdullah bin Zubair untuk menyiasat kedudukan angkatan itu. Setelah dijalankan penyiasatan didapati pasukan tersebut telah pun tiba di tempat yang ditujuinya dan sedang berjuang bersama-sama Abdullah bin Sa'ad. Gerakan angkatan Islam ini telah mendapat bantuan orang Berber dan Moor penduduk asli Afrika Utara, kerana mereka telah merasa bosan dengan cara pemerintahan Byzantine yang penuh dengan penindasan itu. Dengan cara ini semua kawasan dari Assuan di Mesir ke utara ke Tripoli hingga ke kawasan yang berhampiran dengan Qairawan telah jatuh ke tangan Islam. Sebahagianya telah meminta perdamaian dengan syarat yang tertentu.

Sementara itu Salman bin Rabi'ah al-Bahiliy telah diperintahkan bagi membantu dan juga melanjutkan lagi usaha yang telah dibuat dalam masa akhir pemerintahan Khalifah Umar dan awal pemerintahan Uthman oleh Habib bin Maslamah ke wilayah Asia Kecil. Sekeluarga angkatan tentera Islam ini menjalankan gerakannya beberapa kawasan di utara bandar Antioch dan Harran, juga wilayah Adharbaijan dan kawasan di lembah Sungai Aras dan Sungai Kura telah ditawan. Melalui penaklukan ini beberapa buah bandar seperti Tebriz, Ardabil hingga ke Tiflis dan Derbend di kawasan yang berhampiran Banjarmen Caucasus telah dapat dikuasai oleh Islam.

Dalam masa pemerintahan Khalifah Uthman seperti juga khalifah yang terdahulu daripadanya, keadilan dan kesejahteraan rakyat ialah pokok yang terpenting yang menjadi dasar pentadbiran negeri yang dibawah pemerintahannya. Rakyat negeri yang baharu ditaklukinya diberi kebebasan beragama seluas-luasnya. Begitu juga hak yang sama untuk semua rakyat telah dijadikan atas pentadbiran negeri tersebut. Cukai-cukai yang membebankan yang dikenakan dalam masa pemerintahan Byzantine telah dihapuskan atau diganti dengan satu sistem pentadbiran yang sesuai. Cara yang saksama ini telah menimbulkan reaksi yang baik daripada kalangan rakyat.

Zaman Kegelisahan Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin

Walaupun kuasa Islam telah berkembang dengan cepatnya dan prinsip Islam bertolak dari persaudaraan sejagat, tetapi dalam beberapa per-

kara yang tertentu orang Arab masih lagi mempunyai pandangan dan taat setia yang terikat di sekeliling kalangan kaumnya sahaja. Khalifah Umar telah memajukan suatu sistem pentadbiran berdasarkan pengawasan tegas dari kota Madinah sebagai ibu kota kerajaan Islam seluruhnya pada masa itu di mana beliau dibantu oleh para sahabatnya menjadi pengawas utama pemerintahan tersebut. Dengan cara ini beliau dapat memerhatikan apa yang dibuat oleh panglima perangnya dan penguasa kerajaan wilayah atau gebenorinya. Sistem yang seumpama ini telah menyebabkan segalanya dapat dikawal, sehingga perjalanan pemerintahan bergerak dengan lancar sebagaimana yang ditentukan. Hal seperti ini telah menyebabkan keadilan dan kesejahteraan rakyat yang menjadi pokok tujuan pemerintahan itu dapat dijamin.

Akan tetapi dalam masa pemerintahan Uthman terutamanya dalam zaman akhir pentadbirannya beberapa perkara yang berlainan telah timbul. Khalifah Uthman pada masa itu usianya telah pun lanjut. Ini dengan sendirinya menjadikan peribadinya lemah. Seorang daripada saudaranya yang muda Marwan bin Hakam telah menjadi setiausaha, dan dia adalah yang sebenarnya berkuasa. Segala tanggungjawab pentadbiran negara telah dikendalikan sepenuhnya. Khalifah Uthman hanya menjadi 'patung'. Marwan bin Hakam pula tidak melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dengan jujur dan adil sebagaimana yang dikehendaki. Sebagaimana yang termaklum, Marwan telah mengemudikan pemerintahan negara yang luas itu mengikut pertimbangannya sendiri. Dia telah membahagikan kekayaan dan jawatan kekuasaan kepada kaum kerabatnya daripada keturunan Umayyah.

Serentak dengan itu pula, seperti yang telah pun dihuraikan, banyak gabenor dan pegawai kerajaan yang sedia dipilih dalam masa khalifah terdahulu daripadanya yang bukan daripada keturunan Bani Umayyah telah dilucutkan jawatannya dan diganti dengan kaum kerabatnya. Tindakan ini telah melibatkan gabenor Mesir, Kufah, Basrah dan Afrika Barat. Tindakan Khalifah Uthman telah menimbulkan reaksi yang tidak baik daripada kalangan rakyatnya termasuklah daripada beberapa orang pemimpin Islam yang lain. Sementara itu beberapa orang yang tertentu terutamanya daripada golongan munafik dan Yahudi telah mengambil kesempatan menyebarkan dakyah palsu, dengan tujuan untuk memecahbelahkan perpaduan umat Islam pada masa itu. Abdullah bin Saba' seorang Yahudi yang mendakwa dirinya seorang Islam adalah antara yang telah berjaya melakukan penyebaran propaganda palsu itu.

Cara pemerintahan Uthman yang dimainkan oleh Marwan ini terus-menerus menimbulkan reaksi yang tidak menyenangkan dari-

pada rakyat. Ramai rakyat di beberapa negeri di bawah pemerintahannya telah bangkit memberontak. Di Khurasan umpamanya beberapa kekacauan telah timbul, tetapi dapat dihapuskan oleh Abdullah bin Amir gabenor Basrah. Di wilayah lain umpamanya di Kufah dan Azarbijan beberapa kekacauan telah berlaku, tetapi dengan kebijaksanaan Walid bin 'Uqbah gabenor Kufah pemberontakan itu juga dapat dibasmi. Seorang gabenor Mesir Abdullah bin Sarah yang baharu dilantik oleh Khalifah Uthman bagi menggantikan 'Amr bin al-'As telah menimbulkan beberapa masalah rakyat. Dia tidak dapat menunjukkan kebolehanya sebagai pemerintah kepada rakyat. Dalam masa pemerintahannya, orang Rom telah berjaya menimbulkan kekacauan di Iskandariah. Ini kemudiannya telah menyebabkan angkatan laut Rom di bawah Laksamana Manuel berjaya masuk ke Iskandariah dan mengorbankan 1,000 jiwa rakyat Mesir. Akhirnya di atas desakan orang Qibti di Mesir 'Amr telah dilantik memimpin kembali angkatan laut Mesir, dan di atas kebijaksanannya dia telah berjaya mengundurkan tentera-tentera Rom itu.

Dasar pemerintahan yang sedemikian telah menimbulkan reaksi yang lebih buruk lagi daripada rakyat. Kritik dan tentangan yang keras daripada orang Islam yang terkemuka telah timbul. Satu kumpulan pemberontak dari Mesir dan Iraq telah mengepung tempat kediaman Khalifah Uthman di Madinah, dan mereka telah menuntut supaya beliau meletakkan jawatan, tetapi beliau enggan tunduk kepada tunutan itu. Beberapa hari kemudian mereka telah menyerang dan membunuhnya sewaktu beliau membaca al-Qur'an. Inilah tindakan yang kemudiannya telah memecah-belahkan umat Islam untuk selama-lamanya. Mulai dari tarikh itu api peperangan saudara di antara umat Islam telah menyala sehingga akhirnya sistem pemerintahan secara berkhalifah telah hancur dan muncul pula pentadbiran secara keturunan atau monarki.

Khalifah Ali kemudiannya telah dilantik menggantikan Uthman di dalam keadaan yang kacau-bilau itu. Boleh dikatakan semua jajahan takluk Madinah telah menyokong pengkhalifahan Ali itu kecuali Syam yang pada masa itu di bawah kuasa gabenor Muawiyah bin Abu Sufian daripada keturunan Umaiyah, iaitu keturunan Uthman. Muawiyah ialah seorang pemerintah yang bijak dan cekap. Beliau telah menuntut supaya kematian Khalifah Uthman itu disiasat dan pembunuohnya diadili. Dia tidak akan mengakui Ali sebagai khalifah selagi masalah pembunuhan Uthman itu belum diselesaikan. Semasa itu pula Ali terpaksa menghadapi bahaya penentangan senjata dari Talhah, Zubair, dan Aisyah. Mereka telah menuduh Ali bersubahat dalam pembunuhan Uthman itu. Walaupun Ali telah berjaya menumpaskan tentangan senjata daripada ketiga-tiga tokoh Islam ini, tetapi masalah yang

dihadapinya belum selesai. Muawiyah masih lagi terus menuntut keadilan.

Muawiyah yang pintar itu telah berjaya memperdayakan Ali untuk menyerahkan soal sah atau tidak pengkhilafahan Ali itu kepada satu penghakiman dan keputusan pengadilan itu telah menentang kedudukan Ali sebagai pemerintahan yang tertinggi di Madinah. Langkah ini merupakan satu pukulan yang hebat kepada Ali, dan bibit-bibit perpecahan di kalangan umat Islam telah bertambah luas dan merebak ke mana-mana. Beberapa puak atau *firqah* telah mula muncul di tengah-tengah masyarakat Islam dewasa itu. Puak tersebut ialah ***Khawarij***, ***Syi'ah*** (Puak Ali) dan ***Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah*** (Puak yang mengambil jalan tengah). Golongan ini masing-masing mempunyai pemimpin dan pengikutnya yang tersendiri. Mereka telah juga menimbulkan beberapa fahaman dan konsep, yang berbeza di antara satu sama lain. Soal pokok yang menimbulkan puak-puak tersebut ialah pertelingkahan cara pemilihan khalifah.

Khalifah Ali telah memerangi orang Khawarij, dan hampir berjaya memusnahkan mereka kesemuanya, tetapi puak ini kemudiannya segera timbul untuk menentang kerajaan Islam di Madinah itu. Seorang daripada puak ini kemudiannya telah berjaya membunuh Ali. Dari keadaan politik inilah kedudukan masyarakat Islam yang berpokok di Madinah itu telah berpecah-belah, bukan sahaja setakat dari segi fahaman, tetapi juga dari segi politik. Walaupun perpecahan timbul dalam masyarakat Islam dari segi fahaman dan siasah, tetapi mereka tetap bersaudara dan sebagai satu ummah bersatu. Pegangan mereka terhadap al-Qur'an, al-Sunnah, Nabi Muhammad dan Tuhan Yang Maha Esa tetap tidak lari dari asasnya. Sungguhpun secara umum perpecahan ini dilihat tidak baik, tetapi dalam beberapa perkara yang tertentu, terutamanya dari segi sejarah, banyak kebaikan yang dapat dibuktikan. Dari segi fahaman, perpecahan ini membuktikan bahawa Islam tidak selamanya mengongkong umatnya supaya tunduk kepada satu fikiran sahaja. Islam sentiasa menggalakkan penganutnya kebebasan berfikir. Sementara dari aspek politik pula perpecahan ini kemudiannya telah membuktikan sejarah kelahiran beberapa kerajaan Islam yang besar dan mengagumkan.

Kebangkitan Empayar Umayyah

Detik sejarah permulaan kelahiran empayar Umayyah tahun 661-750 M. dapat ditinjau dari mula timbulnya kegelisahan pemerintahan kerajaan Islam di Madinah, seperti yang telah dihuraikan secara ringkas. Kegelisahan pentadbiran Khalifah Uthman telah menimbulkan bibit-bibit perpecahan dalam masyarakat Islam. Ini hingga hal mem-

bawa kepada pembunuhan Khalifah Uthman pada tahun 656 M. oleh pemberontak dari negeri Mesir dan Iraq. Kemudian pembunuhan Uthman ini telah menimbulkan beberapa rasa tidak puasa hati di kalangan rakyat, terutama Muawiyah bin Abu Sufian gabenor Syam. Keadaan ini telah menimbulkan berbagai-bagai tafsiran oleh puak Khawarij, Sy'i'ah dan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah terhadap pembunuhan Khalifah Uthman itu.

Kemudian kedudukan Ali pengganti Uthman tidak juga tenteram. Ali menghadapi berbagai-bagai bahaya termasuk daripada sahabatnya yang paling hampir dengan Nabi Muhammad iaitu Aisyah, Talhah dan Zubair, tetapi berkat daripada sokongan sebahagian rakyat Islam lain yang masih taat kepadanya tindakan mereka itu dapat dicegah. Walau bagaimanapun tindakan yang serupa seperti di atas tidak dapat dilakukan kepada Muawiyah, kaum kerabat Uthman. Berikutnya Peperangan Siffin, iaitu peperangan di antara Ali dengan Muawiyah telah berlaku pada tahun 657 M. Dalam peperangan ini pihak Muawiyah telah hampir tewas, dan ini telah menyebabkan dia membuat helah mengisyiharkan perdamaian dengan Ali. Satu cadangan supaya masalah 'pengkhilafahan' itu dipulangkan kepada satu penghakiman telah dimajukan, dan pihak Ali sendiri pun bersetuju penuh dengan cadangan ini. Dalam penghakiman ini yang dibuat di Daumat al-Jandal pada tahun 659 M. Muawiyah yang diwakili oleh 'Amr bin al-'As orang kanannya telah berjaya mengalahkan Abu Musa al-Asy'ari wakil Ali.

Cara penghakiman ini yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah pengkhilafahan tersebut telah menimbulkan satu reaksi yang besar di kalangan rakyat, dan dari sini golongan Khawarij tersebut timbul dan memainkan peranan dalam sejarah Islam. Semboyan perjuangan mereka ialah, 'Tidak ada hukum melainkan dengan Allah'. Puak ini juga berpendapat bahawa seorang Islam yang sudah dewasa walau apa bangsa dan warna kulit pun berhak menyandang jawatan khalifah asalkan dia mempunyai kelayakan yang boleh diterima. Khalifah mestilah dipilih oleh rakyat dan rakyat berhak memecatnya jika dia tidak dapat menegakkan undang-undang. Puak Khawarij tidak setuju sama sekali dengan cara penghakiman tersebut sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah pengkhilafahan itu. Sungguhpun golongan ini telah memisahkan diri daripada puak Ali tetapi mereka tidak pula menyebelahi Muawiyah. Pada umumnya puak Khawarij ini mengutuk kedua-dua pemimpin tersebut iaitu Ali dan Muawiyah.

Di Iraq pula puak Khawarij telah mengadakan mesyuarat di tempat kediaman ketua mereka Abdullah bin Wahbirras (Abdullah al-Rasibi) yang mereka anggap sebagai 'khalifah' untuk melakukan pemberontakan. Puak ini mempunyai ramai pengikut mereka di Kufah dan Basrah. Ketua mereka sendiri adalah daripada Kufah. Di Hurura sahaja

pengikut-pengikutnya berjumlah tidak kurang daripada 10,000 orang. Kemudian mereka mengadakan perhimpunan di Nahrawan. Dari sini juga mereka meletuskan pemberontakan. Ali yang pada masa itu di Kufah telah meminta bantuan gabenor Basrah dan Madain. Beliau telah berjaya mengumpulkan sejumlah 70,000 orang tentera. Dengan tentera sejumlah ini Ali telah berjaya mematahkan pemberontakan Khawarrij itu. Ketua dan orang-orang kuat mereka banyak yang terbunuh.

Setelah Ali berjaya dalam Peperangan Nahrawan beliau telah bercadang untuk meneruskan gerakannya menentang Muawiyah di Syam, tetapi orang-orangnya meminta tempoh hingga ke tahun berikutnya kerana mereka ingin berehat. Banyak tenaga tentera mereka yang telah terkorban. Di Syam Muawiyah telah memerintahkan 'Amr bin al-'As bersama 6,000 tenteranya menawan negeri Mesir daripada kawalan Ali yang berpusat di Kufah (sebelumnya di Madinah). 'Amr telah berjaya dan dilantik sebagai gabenor di sana. Muawiyah kemudiannya terus-menerus menggempur wilayah-wilayah yang di bawah pentadbiran Ali, hingga ke wilayah Hijaz dan Yaman. Hanya beberapa wilayah sahaja yang masih di bawah Ali, termasuklah Basra, Kufah dan Parsi, kerana di tempat-tempat tersebut terdapat ramai orang yang masih taat setia kepada Ali.

Puak Khawarrij bencikan Ali dan Muawiyah, juga 'Amr. Satu persidangan di antara tiga kaum Khawarrij yang masing-masing dikepalai oleh Abdul Rahman bin Muljam, Burak bin Abdullah dan 'Amr bin Bakar al-Tamimi telah diadakan. Persidangan ini telah memutuskan Abdul Rahman bin Muljam membunuh Ali, Burak ditugaskan membunuh Muawiyah dan 'Amr bin Bakar ditugaskan pula membunuh 'Amr bin al-'As. Tarikh pembunuhan tersebut dijadualkan serentak pada 17 Ramadhan tahun 40 H. (661 M.) pada waktu subuh.

Di Syam, Burak telah menunggu Muawiyah keluar ke masjid kerana sembahyang subuh dengan pedangnya yang terhunus, tetapi langkah Burak ini tidak berjaya, kerana tikamannya hanya melukai Muawiyah sahaja, tidak dapat membunuhnya. Burak telah ditangkap dan dihukum. Di Mesir pula 'Amr bin Bakar menunggu 'Amr bin al-'As keluar ke masjid kerana sembahyang subuh tetapi dia tidak keluar kerana sakit. Sebagai gantinya Kharijah bin Huzifah ditugaskan menjadi imam sembahyang subuh. Kharijah terbunuh kerana disangkanya 'Amr bin al-'As. 'Amr bin Bakar ditangkap dan dihukum. Di Kufah pula, Abdullah bin Muljam telah berjaya membunuh Ali ketika dalam perjalanananya sembahyang subuh di masjid tepat pada 17 Ramadhan tahun 40 H. (661 M.). Ketika itu Ali berusia 63 tahun, dan memerintah di Madinah dan di Kufah selama 4 tahun 3 bulan. Dengan kewafatan Ali itu tidak ada apa-apa halangan yang besar untuk Muawiyah menggenggam kuasa penuh. Muawiyah telah berjaya

memperolehi kuasa itu dengan kepintaran politik dan tenteranya, dan dia memandang kerajaan sebagai milik keluarganya. Muawiyah secara rasmi telah mengisyiharkan dirinya sebagai khalifah Islam pada tahun 661 M. di Iliya berhampiran dengan Bait al-Maqdis. Dengan ini lahirlah Kerajaan Bani Umayyah, berpusat di Kota Damsyiq.

Hasan bin Ali (661 M.)

Selepas kewafatan Ali penduduk Iraq, terutamanya golongan Bani Hasyim dan puak Syi'ah telah melantik Hasan putera Ali sebagai penggantinya. Hasan mempunyai jiwa dan peribadi yang lemah. Dia tidak memandang soal politik sekelilingnya lebih jauh lagi. Yang dipentingkan diri sendiri, dan menjauahkan segala pertelingkahan, walaupun ini boleh merosakkan kedudukan politik puak Ali (*Ahl al-Bait*). Hasan dalam sejarah juga dikenali sebagai 'Imam'. 'Imam Hasan' ini memang sesuai sekali dengan konsep perjuangan Syi'ah yang lebih suka pemimpinnya digelar sedemikian.

Selepas kira-kira lima bulan sahaja dia menjadi '*Imam*' itu dia telah mengemukakan perdamaian dengan Muawiyah di Damsyiq. Muawiyah telah mengetahui segala-galanya tentang Hasan. Ini tidak menjadi halangan yang besar kepada kedudukan politiknya. Cadangan perdamaian ini diterima oleh Muawiyah dengan senang hati, dengan syarat Hasan sanggup menyerahkan kuasa yang ada padanya kepada Muawiyah selama Muawiyah masih hidup. Muawiyah kemudiannya telah menghantarkan sekeping kertas kosong kepada Hasan di Madinah meminta kepadanya mencatatkan apa-apa keinginan yang diperlukan-nya. Hasan telah meminta sara hidup kepada Muawiyah, dan Muawiyah bersedia memberi Hasan wang sejumlah 50 juta dirham atau setengah daripada cukai negeri Parsi.

Setelah persetujuan di atas dibuat Hasan telah menandatangani perjanjian penyerahan kuasanya kepada Muawiyah di Kufah pada tahun 661 M. iaitu setelah hanya 6 bulan Ali wafat. Muawiyah kemudian kembali ke Damsyiq dengan kejayaan. Sementara Hasan pula telah berangkat ke Madinah dengan penuh harapan. Dia tidak sedar dan tidak begitu mengambil berat tentang tipu helah juga tujuan di sebalik perjanjian itu. Dalam sejarah Hasan juga dikenali sebagai '*al-Tallaq*' (orang yang suka mentalak). Dia mempunyai ramai isteri, dan wafat diracun oleh salah seorang daripada isterinya, iaitu oleh anak perempuan al-Asy'at pada tahun 669 M. Ketika itu Hasan berusia 45 tahun. Penyerahan kuasa tersebut dan kewafatan Hasan merupakan satu pukulan hebat kepada puak Syi'ah, juga merupakan satu perkembangan Kerajaan Bani Umayyah. Dengan ini Muawiyah tidak lagi menghadapi apa-apa tantangan dari mana-mana pihak pun. Ini

menguatkan lagi kedudukannya sebagai pemegang kuasa politik umat Islam di Damsyiq. Pada tahun 676 M. puteranya Yazid bin Muawiyah telah dimahkotakan sebagai Putera Mahkota Bani Umayyah. Pada tahun 680 M. pula setelah Muawiyah wafat orang Muawiyah telah menabalkan Yazid sebagai Khalifah Bani Umayyah yang kedua.

Husain bin Ali (669 M.)

Setelah Hasan wafat pada tahun 669 M., puak Syi'ah telah memilih Husain seorang lagi putera Ali sebagai 'Imam' yang kedua, atau 'Khalifah Islam' seterusnya. Hasan dan Husain adalah seibu dan separa, iaitu putera kepada Ali dan Fatimah. Husain mempunyai peribadi dan cita-cita yang sangat berlainan dengan Hasan. Husain bercita-cita untuk mengembalikan kerajaan Islam seperti dalam zaman Nabi Muhammad dan Khulafa al-Rasyidin. Orang Madinah dan Kufah bersedia membantu Husain untuk mengembalikan Kerajaan Islam itu. Langkah Muawiyah mengamalkan dasar monarki dengan melantik puteranya Yazid sebagai Putera Mahkota, dan kemudiannya Bani Umayyah menabalkannya sebagai 'khalifah' setelah Muawiyah wafat telah menimbulkan kemaraahan Husain dan para sahabatnya.

Setelah orang Kufah mendengar Muawiyah wafat dan Yazid dilantik menggantikannya, mereka telah menjemput Husain datang ke Kufah, katanya untuk mengembalikan semula Kerajaan Islam kepada keturunan Ali. Pelawaan orang Kufah ini telah disambut oleh Husain dengan baik walaupun ada para sahabat yang melarangnya. Husain telah tiba di Kufah pada awal bulan Oktober tahun 681 M. (bulan Muharraam 62 H.) dan telah disambut oleh penduduk di sana. Di Damsyiq Yazid telah menyediakan satu angkatan perang di bawah 'Ubaidullah bin Ziyad. Dari Kufah Husain telah berrangkat ke utara arah ke Karbala di Sungai Furat untuk menemui Yazid bersama-sama 72 orang pengiringnya, iaitu 42 orang berjalan kaki dan yang lain berkuda. Pengikut-pengikutnya yang lain telah kembali, kerana dia sengaja memberi kebebasan yang sedemikian kepada mereka. Kebanyakannya orang yang masih bersama-sama dengannya itu ialah para sahabatnya yang paling karib dan juga kaum keluarganya.


Di sini 'Ubaidullah bin Ziyad telah memerintahkan Hurr bin Yazid al-Tamimi untuk mencegah kemaraan Husain itu, tetapi gagal. Ini menyebabkan dia menghantarkan seorang lagi pahlawannya iaitu Umar bin Sa'ad bersama-sama 3,000 tentera. Angkatan Umar ini berkhemah di Karbala di tempat Husain dan orang-orangnya berehat. Di tempat ini Umar telah meminta Husain menyerah diri sahaja, tetapi Husain enggan berbuat demikian. Dia merasa lebih berhak untuk berbuat demikian, malahan mengikut perjanjian yang telah dibuat di antara

Muawiyah dan Hasan pada tahun 661 M. Muawiyah dan keluarganya hanya akan menjadi 'khalifah' selama dia masih ada, bukan buat selama-lamanya. Kesudahannya pada 10 Oktober tahun 681 M. (10 Muharram 61 H.) peperangan di antara kedua-dua belah pihak telah berlaku. Pihak Husain telah tewas dan Husain sendiri telah terbunuh. Peristiwa ini berlaku adalah di dalam suasana yang paling menyayatkan. Boleh dikatakan semua pengikut-pengikut Husain telah terkorban di dalam peperangan saudara itu. Ketewasan Husain ini telah mengukuhkan lagi kedudukan Kerajaan Bani Umayyah.



KERAJAAN BANI UMAIYAH (661-750M/40-132H)

Khalifah-khalifah Kerajaan Bani Umayyah



1. Muawiyah bin Abu Sufian (40-60 H/660-680 M.)
2. Yazid bin Muawiyah (60-64 H/684 M.)
3. Muawiyah bin Yazid (64 H/684 M.)
4. Marwan bin Al-Hakam (64-65 H/684-685 M.)

5. Abdul Malik bin Marwan (65-86 H./685-705 M.)
6. Al-Walid bin Abdul Malik (86-96 H./705-715 M.)
7. Sulaiman bin Abdul Malik (96-99 H./715-717 M.)
8. Umar bin Abdul Aziz (95-101 H./717-720 M.)
9. Yazid bin Abdul Malik (101-105 H./720-724 M.)
10. Hisyam bin Abdul Malik (105 -125 H./724-743 M.)
11. Al-Walid bin Yazid (125-126 H./743-744 M.)
12. Yazid bin Al-Walid (126 H./744 M.)
13. Ibrahim bin Al-Walid (126 H./744 M.)
14. Marwan bin Muhammad (127-132 H./744-749 M.)

Zaman Kerajaan Bani Umayyah adalah merupakan Zaman penguahan dan perkembangan wilayah Islam, selepas Zaman Khulafa' al-Rasyidin. Khalifah-khalifah Bani Umayyah banyak yang mempunyai kebolehan serta berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkuuh dan memperluas kerajaannya. Banyak khalifah-khalifah yang telah mencapai kejayaan, tetapi tidak kurang pula yang mempunyai kelemahan-kelemahan hingga membawa keruntuhan kerajaan itu. Dalam huriaian seterusnya tumpuan hanya diberi kepada khalifah-khalifah yang penting sahaja dari segi sejarah Kerajaan Bani Umayyah.

Muawiyah Bin Abu Sufian (661-680 M./40-60 H.)

Kerajaan Bani Umayyah dikenali sebagai mengambil sempena nama keturunan Umayyah bin 'Abdu Syams bin Abdu Manaf. Muawiyah adalah keturunan yang ketiga daripada Umayyah. Dalam zaman permulaan Islam beliau merupakan orang kuat kaum Quraisy yang pernah menentang dakwah Nabi Muhammad S.A.W. Muawiyah memeluk agama Islam ketika Rasulullah menakluki Makkah. Ketika bersama-sama dengan Nabi Muhammad di Madinah beliau pernah menjadi pencatat wahyu kepada baginda. Muawiyah mempunyai banyak keistimewaan. Pemikiran dan pandangan beliau sangat luas. Muawiyah berjaya mendirikan Kerajaan Bani Umayyah seperti yang telah dihuraikan bukanlah secara demokrasi, tetapi secara tipu muslihat.

Orang kanannya 'Amr bin al-'As telah mengambil peranan utama dalam usaha menjadikan Muawiyah sebagai khalifah.

Dalam masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab, Muawiyah merupakan seorang panglima perang yang mengambil peranan utama dalam menjelajah dan menawan Syam (Syria) juga wilayah-wilayah yang berjiran dengannya. Yazid bin Abu Sufian saudara tuanya telah dilantik sebagai gabenor Islam yang pertama di Syam. Apabila Yazid wafat beliau telah dilantik menjadi gabenor wilayah tersebut. Ketika beliau menjawat jawatan tersebut Muawiyah telah cuba memperlihatkan sifat-sifat keduniaannya yang agak melampaui batas. Sewaktu Khalifah Umar mengunjungi Syam didapati beliau memakai alat kebesaran seperti pembesar-pembesar Kerajaan Byzantine, tetapi hal ini dapat ditegah oleh Khalifah Umar.

Muawiyah tidak mengakui perlantikan Ali bin Abu Talib sebagai khalifah dengan alasan Ali tidak mengindahkan usulnya untuk mengadakan penyiasatan tentang pembunuhan Khalifah Uthman. Beliau menganggap dirinya sebagai khalifah semenjak penghakiman pada tahun 659 M. Pengisytiharan rasmi perlantikan Muawiyah sebagai khalifah telah dibuat di Ilya berhampiran Bait al-Maqdis pada tahun 661 M. Perlantikan itu telah mendapat sokongan penuh daripada penduduk Syam. Kedudukannya sebagai Khalifah Bani Umayyah yang pertama telah bertambah kukuh apabila Hasan bin Ali orang yang dianggap oleh golongan Syi'ah menjadi pengganti Khalifah Ali dapat ditundukannya supaya meletakkan jawatannya. Keadaan ini kemudiannya bertambah hebat lagi apabila Hasan wafat pada tahun 669 M., kerana Hasan dan golongan Syi'ah adalah di antara kumpulan yang cergas menentang kedudukan Muawiyah di Syam itu.

Peranan Muawiyah sebagai Khalifah

Kelahiran Kerajaan Bani Umayyah dari hasil perjuangan Muawiyah dan pengikutnya telah diakui oleh seluruh masyarakat Islam pada masa itu kecuali golongan Syi'ah dan Khawarij. Sekurang-kurangnya tiga bentuk perubahan baharu telah muncul setelah Muawiyah memegang teraju pemerintahan Islam, terutamanya dalam kedudukan pusat pentadbiran, sistem pengkhalifahan dan semangat keduniaan. Muawiyah selaku pemegang teraju ulung Kerajaan Bani Umayyah telah meletakkan kota Damsyiq sebagai pusat pentadbiran atau ibu kota kerajaan Islam yang berkenaan. Beliau tidak tergerak untuk menjadikan kota Madinah atau Kufah sebagai ibu kota kerajaan tersebut. Langkah seumpama ini diambil kerana penduduk Damsyiq dan seluruh Syam adalah penyokong kuat Muawiyah, dan kejayaannya membentuk kerajaan tersebut adalah hasil kerjasama yang rapat daripada penduduk

negeri itu. Begitu juga kedudukan kota Damsyiq. Kota itu terpisah dari gelora politik seperti di Basra dan Kufah. Sementara itu kedudukan kota indah itu di persimpangan jalan perniagaan seluruh daerah. Kota itu juga dilingkungi oleh dataran Syam dan pergunungan Labnon yang merupakan kawasan pertanian dan menerbitkan aliran sungai yang indah.

Dari sudut pengkhalifahan Muawiyah telah melenyapkan sistem demokrasi yang pada dasarnya merupakan asas pentadbiran dalam zaman Khulafa al-Rasyidin. Beliau telah menimbulkan sistem monarki yang pada zaman itu merupakan dasar utama dalam kerajaan di negeri China, India, Byzantine dan Parsi. Muawiyah telah melahirkan corak baharu dengan membuat penetapan rasmi memberi hak jawatan khalifah kepada keturunannya. Muawiyah sentiasa berusaha sama ada menerusi diplomasi atau kekerasan untuk mengamalkan dasar keturunan ini. Corak baharu ini dibuat dengan alasan untuk menghindarkan sebarang pertelingkahan yang mungkin berlaku ketika pemilihan khalifah dijalankan, dan juga untuk mengelakkan jawatan khalifah itu terlepas kepada musuh ketatnya golongan Bani Hasyim.

Muawiyah telah memulakan pemakaian semangat keduniaan, iaitu memulakan penggunaan alatan kebesaran kerajaan seperti yang terdapat pada kerajaan Byzantine. Bentuk-bentuk seumpama ini tidak pernah diamalkan oleh Khulafa al-Rasyidin. Mereka mengutamakan kehidupan sederhana dalam soal yang berhubung dengan alam rohaniah. Muawiyah telah melengkapkan istananya dengan alat kelengkapan yang mengagumkan. Peraturan kedudukan (protokol) pembesarnya dan pengawalnya disusun mengikut taraf mereka masing-masing, dan Muawiyah sendiri bersemayam di atas singgahsana yang indah. Begitu juga ketika beliau berangkat menuaikan sembahyang Jumaat, beliau diiringi oleh pengawal-pengawal yang lengkap. Ketika itu Muawiyah telah juga memulakan dasar mengutamakan darah Arab. Beliau secara beransur-ansur telah melantik pembesar-pembesarnya daripada mereka yang berdarah Arab.

Di samping itu pula 'Amr bin al-'As orang kanan Muawiyah telah ditugaskan mengawal negeri Mesir sebagai gabenor setelah negeri tersebut dapat dipisahkannya dari kawalan Kufah atau Madinah.

Penaklukan dalam Zaman Muawiyah

Beliau juga adalah sebagai seorang panglima perang yang cekap. Semenjak beliau menjadi khalifah di Damsyiq banyak penaklukan yang dilakukannya. Muawiyah telah menggerakkan bala tenteranya ke seluruh penjuru kawasan iaitu ke utara, selatan, timur dan barat. Pada tahun 665 M. Mahlab bin Abu Syufrah gabenor Parsi (Iran) telah

ditugaskan untuk menggempur wilayah-wilayah di timur, dan dia telah memainkan tugasnya hingga ke beberapa bahagian di negeri Sind dalam Lembahan Indus. Dalam langkah ini Mahlab telah berjaya menundukkan bandar Lahore dan Bannah, juga seterusnya hingga ke Kabul serta ke sekitar negeri Afghanistan. Sa'id bin Uthman (bin Affan) telah ditugaskan menyeberangi Sungai Oxus untuk menggempur negeri Samarkand, tetapi gerakannya ini tidak begitu mencapai kejayaan.

Dalam penggempuran melalui laut pula beberapa langkah telah dilancarkannya. Beberapa buah pelabuhan telah dibina untuk pengkalan perang bagi menghancurkan pusat Kerajaan Byzantine, iaitu Constantinople seperti pelabuhan Tyre di Syam, Iskandariah di Mesir dan sebagainya telah digunakan. Beberapa buah kilang pembina kapal perang dengan senjata-senjata seperti meriam, manjanik, kereta kebal (bentuk lama) dan sebagainya telah digunakan. Kemudian angkatan perang tersebut menawan kembali pulau-pulau di Laut Mediterranean dan menubuhkan pengkalan perang di Pulau Cyprus, Rhodes dan lain-lain. Pada tahun 669 M. sebuah angkatan laut di bawah pimpinan Yazid bin Muawiyah, putera beliau sendiri bergerak ke Asia Kecil, kemudian menyeberangi Selat Bosphorus dan mendarat untuk berkhemah di Constantinople. Kota itu dikepung, tetapi kerana tentera Rom mengawal kota itu, Yazid terpaksa berundur buat sementara. Seorang panglima perang yang terkemuka Abu Ayub al-Ansari telah gugur shahid. Ketewasan ini tidak melemahkan jiwa umat Islam, pada tahun 673 M. serangan kali keduanya telah dilancarkan ke kota yang berkenaan, tetapi kali ini juga tewas.

Gerakan yang dilancarkan oleh Muawiyah telah meluas hingga ke Afrika Utara. Orang Barbar atau Maghribi ialah penduduk daerah tersebut, yang terkemuka dengan kegagahan dan keberanian mereka. Para ahli sejarah Arab telah membahagikan Afrika Utara kepada tiga bahagian iaitu Maghribi Dekat (*Al-Maghrib al-Adna*) termasuklah Tripoli dan Tunis, Maghribi Tengah (*Al-Maghrib al-Awsat*) Morocco dan Maghribi Jauh (*Al-Maghrib al-Aqsa*). 'Uqbah bin Nafi seorang panglima perang Islam telah berjaya mempengaruhi puak Barbar untuk menghindarkan penjajah Byzantine di Afrika Utara. 'Uqbah juga ialah gabenor wilayah Barqa. Pada tahun 671 M. bandar Tripoli dan Tunis telah dapat ditawan oleh tentera Islam. Bandar Tunis kemudiannya telah dijadikan sebagai pusat perang di daerah Maghribi, dan dikenali sebagai kota Qairuan (kota Kiblat). Sebuah masjid yang diberi nama Sidi 'Uqbah telah dibina di bandar yang berkenaan. Kemudian ramai orang Barbar telah menganut Islam dan mendaftar diri mereka ke dalam barisan tentera Islam.

Cita-cita Muawiyah dalam segi politik dan sosial telah mencipta kejayaan yang cemerlang. Dalam tahun 676 M. Yazid telah dilantik sebagai Putera Mahkota bakal pengantinya. Dengan perlantikan ini

lahirlah buat kali pertamanya dasar pemerintahan monarki dalam Islam. Ketika Muawiyah masih hidup, beliau pernah meninggalkan wasiat untuk mengawasi empat orang tokoh politik dalam Islam, mereka ialah Husain bin Ali, Abdullah bin Umar, Abdul Rahman bin Abu Bakar dan Abdullah bin Zubair. Di antara mereka itu yang paling ditakuti ialah Husain bin Ali dan Abdullah bin Zubair. Muawiyah telah wafat ketika berusia 75 tahun. Beliau memerintah selama 20 tahun, iaitu sehingga tahun 680 M.

Yazid Bin Muawiyah (680-683 M./60-63 H.)

Yazid ialah khalifah yang kedua kerajaan Bani Umayyah. Beliau telah dilantik sebagai Putera Mahkota Kerajaan Bani Umayyah pada tahun 676 M. Beliau lebih mengutamakan soal-soal persendirian, dan sentiasa berusaha melenyapkan musuh-musuh politiknya seperti Husain bin Ali, Abdullah bin Zubair dan lain-lain iaitu antara orang-orang yang hampir dengan Rasulullah.

Peristiwa di Medan Perang Karbala (681 M.)

Setelah Hasan bin Ali wafat pada tahun 669 M., puak Syi'ah terutamanya penghuni-penghuni Madinah dan Kufah telah memilih Husain bin Ali sebagai penggantinya. Berita kewafatan Muawiyah dan perlantikan Yazid pada tahun 680 M. telah disampaikan kepada Husain bin Ali. Keadaan ini amat mengecewakan puak Syi'ah. Husain bercita-cita untuk mengembalikan pemerintahan Islam seperti pemerintahan Khulafa al-Rasyidin. Hasil daripada pergolakan politik ini suatu peperangan saudara di antara pihak Husain dengan pihak Yazid telah berlaku. Peperangan ini berlaku dalam keadaan yang amat menyayat jiwa. Husain telah tewas dan kewafatannya dalam peperangan berlaku dalam suasana yang mengharukan.

Penaklukan semasa Yazid

Peristiwa dahsyat, pembunuhan di padang Karbala pada tahun 681 M. tersebut telah melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat, terutamanya anggota puak Syi'ah dari kota Madinah, Basra dan Kufah. Mereka telah menyingkirkan pemerintah Bani Umayyah di Madinah. Yazid telah mengirimkan tentera berjumlah 12,000 orang, dengan diketahui oleh Muslim bin 'Uqbah ke Madinah untuk memadamkan pemberontakan itu. Pada 25 Ogos tahun 683 M. berlakulah pertem-

puran hebat di padang Hurrah. Beribu-ribu tentera Madinah yang terdiri daripada orang Muhajirin dan Ansar telah terkorban. Peristiwa tersebut berlaku selama tiga hari tiga malam, yang berakhir dengan kemenangan di pihak Muslim bin 'Uqbah. Kemudian kota Madinah berjaya diletakkan di bawah pentadbiran Damsyiq.

Setelah Muslim berjaya di Madinah beliau telah mengarahkan bala tenteranya ke Makkah, di tempat Abdullah bin Zubair seorang sahabat Rasulullah bertahan. Abdullah adalah antara penentang kuat pemerintahan Bani Umayyah. Dia telah dilantik oleh penyokong-penyokongnya sebagai khalifah Islam di Makkah dan Hijaz. Sementara Mus'ab pernah meminta kepada Yazid supaya pembunuhan Husain di Karbala yang dilakukan oleh 'Ubaidullah bin Yazid diselidiki dan diadili, tetapi permintaannya ini tidak diambil endah oleh pemerintah Bani Umayyah.

Gerakan Muslim untuk menundukkan Makkah telah tergendala apabila Muslim bin 'Uqbah sendiri meninggal dunia di tengah-tengah perjalanan. Husain bin Numair mengambil alih jawatannya, dan meneruskan penggempuran ke atas kota Makkah itu. Tentera Husain telah melakukan beberapa perbuatan yang melanggar tata-tertib Islam. Mereka telah menembak Kaabah dengan menjanik, menyebabkan beberapa bahagian Kaabah telah rosak, tetapi pertempuran itu terpaksa dibatalkan kerana pada bulan September 683 M. Yazid bin Muawiyah telah wafat. Beliau wafat ketika berusia 38 tahun dan telah memerintah selama tiga setengah tahun sahaja.

Abdul Malik Bin Marwan (685-705 M./65-86 H.)

Yazid bin Muawiyah telah digantikan oleh puteranya Muawiyah bin Yazid (Muawiyah II), tetapi beliau telah memegang jawatan khalifah itu hanya beberapa bulan sahaja. Beliau telah meletakkan jawatannya kerana tidak sanggup memikul bebanan yang sebegini besar sebagai khalifah yang bukan sahaja bertanggungjawab kepada rakyat, tetapi juga kepada Allah. Kemudian tempat Muawiyah II itu telah dipenuhi oleh Marwan bin Hakam (683-685 M./64-65 H.) bekas setiausaha Khalifah Uthman bin Affan. Marwan juga tidak lama memerintah, kerana beliau telah pun tua. Beliau telah wafat pada tahun 685 M. iaitu ketika berusia 64 tahun.

Setelah Marwan wafat putera sulung beliau Abdul Malik bin Marwan telah dilantik sebagai khalifah Bani Umayyah yang seterusnya. Abdul Malik bin Marwan mempunyai cita-cita yang tinggi. Beliau telah berazam untuk menguatkan kedudukan Kerajaan Bani Umayyah lagi sebagai kuasa besar di timur. Dalam pada itu pula pergerakan Abdullah bin Zubair di Hijaz bertambah kuat, dan keadaan inilah yang menjadi matlamat utama kepada Abdul Malik untuk menundukannya dalam

rangka untuk menjulangkan lagi kedudukan Kerajaan Bani Umayyah itu.

Golongan Syi'ah di Kufah telah bergerak semula mengembangkan fahamannya. Pada tahun 686 M. golongan ini telah berjaya bertapak di Ayn al-Wardah sebuah tempat di Sungai Furat. Golongan Syi'ah ini telah mendapat sokongan daripada penduduk Basrah dan Madinah. Walaupun begitu golongan ini telah dapat ditundukkan oleh angkatan tentera Bani Umayyah di bawah pimpinan Abdullah bin Ziyad. Sementara di Kufah pula gabenor pemberontak Mus'ab bin Zubair telah dapat ditundukkan oleh tentera Bani Umayyah. Saudara Abdul Malik, Basyr bin Marwan telah bergerak terus ke Khurasan pula, dan dia telah dilantik menjadi gabenor di sana.

Hajjaj bin Yusuf seorang panglima Islam yang terkenal dewasa itu telah diperintahkan oleh khalifah untuk menggempur Hijaz yang pada masa itu di bawah kawalan Abdullah bin Zubair. Seramai kira-kira 20,000 orang tentera telah menyertai gerakan Hajjaj itu. Angkatan Hajjaj telah singgah di Taif, dan kemudiannya berkhemah di Harra. Sebahagiannya telah dihantar ke Arafah. Berikutnya satu pertemuan hebat telah meletus, manakala yang lain telah menuju ke Makkah di tempat Abdullah bertahan. Pada mulanya Abdullah bercadang untuk berdamai dengan Hajjaj, tetapi apabila dia teringat akan wasiat bondanya Asma'binti Abu Bakar, lebih baik mati dalam kemuliaan dengan pedang di tangan, daripada kena hukum di tangan musuh, beliau telah bangkit semula. Abdullah gugur, dan Abdullah bin Umar telah menggantikan tempatnya. Setelah Makkah tunduk Hajjaj telah dilantik sebagai gabenor Hijaz dan kawasan-kawasan di sekitarnya.

Setelah Hajjaj bin Yusuf berjaya di Makkah ia telah berangkat ke Iraq dan Parsi, terutamanya ke kota-kota Basrah dan Kufah untuk membersihkan pergerakan kaum Khawarij. Dalam kempen ini dia telah memperolehi kejayaan yang cemerlang. Dalam babak seterusnya pula Umar bin Sa'id daripada kaum keluarga Abdul Malik telah meletuskan satu penderhakaan, tetapi akhirnya Umar telah berjaya diberkas oleh khalifah dan dijatuhan hukuman bunuh.

Gerakan Penaklukan

Kehangatan dalam negeri tidaklah menyekat perkembangan Islam ke sekitar Dunia Timur Tengah. Mahlab bin Abu Syufrah seorang gabenor dan pahlawan Islam yang terkemuka telah mengambil peranan utama dalam gerakan ini. Dia telah mengambil peranan utama menundukkan negeri Bulah dan negeri Kissoe. Puteranya Habib bin Mahlab telah ditugaskan menggempur negeri Bukhran dan negeri Rabaikhan. Dalam gerakan ke kawasan Byzantine, angkatan Islam telah berjaya

mengambil negeri Kisarah dan negeri Qaliqala.

Gerakan ketenteraan ke Afrika Utara juga dilancarkan di bawah panglima Islam Hassan bin Numan. Pelancaran hebat telah dibuat di kawasan yang didiami oleh puak Barbar. Gerakan ini telah dibantu oleh angkatan laut Mesir di samping angkatan darat. Wilayah Maghribi telah menjadi pusat tumpuan langkah-langkah ini. Hassan telah berjaya menarik puak Barbar itu supaya menyebelahinya untuk menyingkirkan kaum penjajah Byzantine di sana. Kebijaksanaannya dalam siasah ini menyebabkan bandar Carthage (Qartajanah) jatuh ke tangan Islam pada tahun 699 M. daripada tangan Rom. Gerakan ini kemudiannya telah menyebabkan wilayah Maghribi Dekat, dan Maghribi Tengah jatuh ke pangkuhan Kerajaan Bani Umayyah.

Usaha Pembangunan Kerajaan

Abdul Malik sungguhpun bukannya ketua negara yang terkemuka sekali dalam jurai khalifah kerajaan Bani Umayyah tetapi beliau adalah juga khalifah yang tidak asing. Ini menyebabkan beliau dikenali sebagai 'Bapa Segala Bapa' untuk empat orang puteranya yang telah berpeluang memegang jawatan sebagai khalifah dengan cemerlangnya selepas pemerintahan beliau. Dari keempat-empat orang di atas Walid adalah yang terkemuka sekali. Abdul Malik, dalam masa pemerintahan telah berjaya membuat persediaan penting untuk keempat-empat puteranya untuk membangunkan pemerintahan Bani Umayyah itu.

Dalam masa pemerintahan Abdul Malik banyak usaha pembangunan telah dilaksanakannya. Banyak bangunan kerajaan dan masjid yang indah telah didirikan di kota Damsyiq dan di kota-kota wilayah pemerintahan Bani Umayyah. Limbungan dan kilang-kilang kapal telah dibina di beberapa buah pelabuhan di Laut Mediterranean seperti Tyre, Iskandariah dan lain-lain. Begitu juga mahkamah-mahkamah keadilan telah ditubuhkan untuk mengadili pembesar-pembesar dan rakyat supaya mereka sentiasa berwaspada dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Hakim yang terdiri daripada pakar undang-undang telah dilantik di mahkamah yang berkenaan. Perkhidmatan pos dan pembinaan jalan raya juga dititikberatkan. Jabatan pos telah ditubuhkan di seluruh negara. Jabatan pos juga mengambil peranan sebagai cawangan inteligen pada masa itu.

Abdul Malik juga mengambil berat tentang pembinaan sekolah dan rumah-rumah sakit. Usaha-usaha untuk membaiki taraf ekonomi rakyat juga dilaksanakan. Kemajuan dalam lapangan pertanian dan perdagangan telah berjalan dengan pesatnya pada masa itu. Mengenai soal bahasa pula Abdul Malik telah mengisytiharkan Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi bagi kerajaan Bani Umayyah. Semua pusat

pendidikan dan pentadbiran telah dipерintahkan menggunakan bahasa rasmi.

Kerajaan Bani Umayyah pada masa Abdul Malik telah juga membuat perubahan dengan menggunakan mata wang sendiri, iaitu pada tahun 639 M. Mata wang dinar diperbuat daripada emas, manakala dirhamnya daripada perak. Pada bahagian sebelahnya diukir kalimah 'Lailaha Illa'llah' dan sebelah lagi dengan cap khalifah. Dengan ini Kerajaan Bani Umayyah tidak mengharapkan mata wang Greek atau Parsi lagi. Dua buah kilang pembuat mata wang (mint) telah dibina di Kufah dan di Damsyiq. Abdul Malik wafat ketika berusia 60 tahun.

Walid Bin Abdul Malik (700-715 M/86-96 H.)

Setelah Abdul Malik wafat, para pembesar Kerajaan Bani Umayyah telah melantik puteranya yang sulung Walid menggantikannya. Khalifah Walid mempunyai cita-cita yang besar untuk menguatkan dan meluaskan Kerajaan Bani Umayyah lagi. Walid dalam Kerajaan Bani Umayyah bolehlah dikatakan sebagai tulang belakang yang penting sekali. Dalam masa pentadbirannya kekuasaan Islam telah meluas ke wilayah Afrika, India dan Eropah. Dalam pada itu pula kerja-kerja kebajikan dan pembangunan telah juga berjalan dengan pesatnya.

Penaklukan pada masa Walid

Pada masa Walid perkembangan pemrintahan Islam telah meluas ke segenap penjuru, ke timur hingga ke perbatasan negeri China, ke barat hingga ke negeri Perancis, ke utara hingga ke Pergunungan Caucasus, dan ke selatan hingga ke Hadramaut. Di antara panglima Islam yang memainkan peranan penting dalam medan Jihad ini ialah Qutaibah bin Muslim, menantu Hajjaj bin Yusuf. Pada tahun 704 M. dia telah menjadi gabenor Khurasan yang beribu negeri di Merw. Kemudian dia telah memimpin beberapa buah angkatan menundukkan beberapa buah wilayah di sekitarnya. Pada tahun 705 M. dia telah berjaya menawan negeri Turkharestan yang beribu negeri di Balkh. Kebanyakannya penghuni-penghuni negeri itu terdiri daripada orang-orang Turki yang beragama Majusi (penyembah api). Di antara tahun 706-707 M. Qutaibah bin Muslim dengan angkatan tenteranya yang besar iaitu terdiri daripada 40,000 orang Basrah, 7,000 orang Kufah dan 7,000 lagi dari golongan Zimmi (golongan bukan Islam di bawah pemerintahan Islam) telah bergerak menyeberangi Sungai Oxus (Jaihun atau Am Darya) menggempur wilayah Songhidiana yang berpusat di Bukhara.

Di sini satu pertempuran hebat telah berlaku di antara tentera

Islam dengan kumpulan besar penganut agama Majusi, tetapi akhirnya Qutaibah telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Kemudian di antara tahun 710-712 M. angkatan Islam telah berjaya menawan seluruh negeri Samarkand yang kebanyakannya didiami oleh orang Turki dan Parsi. Pada tahun 712 M. negeri Khawarizam yang ibu negerinya bernama Khiva telah berjaya ditawan oleh tentera Qutaibah. Penaklukan ini adalah meliputi wilayah Trans-Oxania. Kemudian pada tahun 713 M. angkatannya telah berjaya menawan wilayah Farghana setelah dapat menyeberangi Sungai Jaxartes (Sihun atau Sir Darya). Berikutnya Qutaibah telah meneruskan langkah-langkahnya hingga ke perbatasan negeri China setelah berjaya menawan wilayah Kasygar. Kejayaan ini adalah merupakan satu detik sejarah keagungan kaum Muslimin. Farghana kemudiannya telah menjadi pusat kebudayaan di Asia Tengah. Sementara perhubungan di antara kerajaan Islam dengan China sama ada secara perdagangan atau lain-lain telah bertambah meluas.

Di samping itu pula Abdul Rahman seorang lagi panglima Umaiyyah telah menggempur Raja Kabul yang telah menarik diri daripada membayar ufti kepada kerajaan Islam di Damsyiq dengan jayanya. Muhammad bin Kasim, seorang lagi menantu Hajjaj bin Yusuf, dan panglima Islam yang terkenal. Ketika dia berusia 18 tahun, iaitu semasa belum lagi memegang jawatan gabenor, dia bersama-sama 6,000 orang tentera telah menggempur negeri Makran dan menaklukinya. Dari sini dia telah menawan negeri Baluchistan pada tahun 712 M. iaitu beribu negeri di Debal. Dahir Raja Sind telah melepaskan diri. Muhammad telah memburunya di samping menggempur kawasan-kawasan yang dilaluinya hingga ke perbatasan wilayah Nirun (kini Nyderabad). Di sini Dahir telah menghimpunkan tenteranya sehingga berjumlah 50,000 orang untuk menentang tentera Umaiyyah itu, tetapi pada akhirnya Dahir telah tewas dan terkorban.

Dari sini Muhammad telah menggerakkan angkatannya hingga ke Bahmanabad dan ke Lembah Punjab, seterusnya sehingga tiba di Multan. Dengan ini seluruh Lembah Indus telah tertakluk ke tangan Islam. Dia tidak lama di India, kerana pada tahun 714 M. Hajjaj bin Yusuf telah meninggal. Dalam usaha-usahanya ini dia telah mendapat banyak harta rampasan berupa wang, emas, barang-barang perhiasan dan sebagainya terutamanya dari Multan. Sebanyak dua belas juta dinar nilaiannya telah diperolehi dari daerah-daerah lain. Perbelanjaan angkatannya berjumlah enam juta dinar.

Mengikut beberapa sumber sejarah yang lain Raja Sind Dahir sebelum bermusuhan dengan pihak Islam telah pernah meminta bantuan daripada Hajjaj untuk menghapuskan keganasan lanun di Lautan Hindi. Bantuan telah diberi dan langkah-langkah tentera Hajjaj telah

tiba di Pulau Maldive. Sebab itulah kini banyak didapati umat Islam di pulau tersebut.


Kemasukan angkatan Islam ke India menyebabkan dunia Islam bertambah luas dari segi ilmu pengetahuan. Negeri India telah memberi sumbangan kepada Islam dari segi ilmu falsafah, ilmu hikmat, ilmu hisab, bahasa, kesusastraan dan lain-lain.

Manakala Maslamah bin Abdul Malik saudara Walid sendiri telah bergerak menuju ke arah Pergunungan Caucasus, terutamanya ke Armenia dan Asia Kecil. Langkah-langkah Maslamah ini telah mendapat cabaran hebat daripada Kerajaan Byzantine. Walau bagaimanapun pada tahun 707 M. wilayah Sebastopolis telah tertakluk ke tangan Islam. Selanjutnya bandar-bandar utama seperti Tyana, Sardis dan Pergamas telah jatuh ke pangkuhan Maslamah pada tahun 708 M.

Dalam gerakan ke barat pula Zubair dan Hassan bin Nu'man telah berjaya meluaskan kawasan pentadbiran Islam ke Afrika Utara. Wilayah Afrika, kota Qairawan dan lain-lain telah menjadi kawasan Islam. Langkah-langkah ini kemudiannya telah dilanjutkan oleh khalifah-khalifah yang berikutnya. Musa bin Nusair, gabenor wilayah Afrika pada tahun 708 M. telah diperintahkan oleh khalifah menggempur pemerintahan Byzantine di Afrika Utara, terutamanya di Maghribi Juah. Beliau telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peringkat ini. Wilayah Maghribi Juah (*Maghrib al-Aqsa*) telah dapat ditundukkaninya, kecuali kota Ceuta (Sabtah) yang pada ketika itu di bawah pemerintahan Sepanyol tidak ditawannya. Wilayah Maghribi al-Aqsa kini dikenali, sebagai Algeria dan Morocco. Tariq bin Ziyad seorang panglima Islam yang terkemuka, yang sebelumnya seorang hamba telah dilantik oleh Musa dengan kebenaran khalifah sebagai gabenor Tangier (Tanjah). Melalui pusat inilah pada tahun 710-711 M. dia telah bergerak ke Eropah menawan negeri Sepanyol, lantas kemudiannya ke Perancis.

Usaha-usaha Pembangunan dalam masa Walid

Khalifah Walid bin Abdul Malik bukan sahaja berusaha untuk meluaskan wilayah, tetapi juga beliau berusaha untuk pembangunan negara dan kebajikan rakyat. Ini sesuai dengan ajaran Islam yang menuntut supaya umatnya sentiasa membuat kebajikan dan mengamalkan perdamaian. Pada masa Walid banyak rumah sakit bagi segala jenis penyakit termasuklah penyakit kusta, penyakit bodoah sejak dilahirkan, juga rumah sakit untuk orang-orang buta dan berbagai-bagi lagi telah dibina. Rumah-rumah sakit yang berkenaan kebanyakannya dibina di sekitar kota Damsyiq dan di negeri Iraq. Doktor-doktor yang bertugas di pusat-pusat perubatan tersebut



KERAJAAN KHALIFAH-KHALIFAH (KIRA-KIRA TAHUN 750 M)

kebanyakannya terdiri daripada orang Parsi dan juga orang Greek dan Rom.

Dari sudut keagamaan juga Walid telah banyak menubuhkan pusat-pusat pengajian dalam bidang yang berkenaan. Di Damsyiq sebuah gereja besar Cathedral St. John (St. John Baptist) telah ditukar menjadi sebuah masjid. Begitu juga masjid al-Aqsa di Bait al-Maqdis dan Masjid al-Haram di Makkah telah diperbaiki dan diindahkan lagi. Sebuah masjid besar di Bait al-Maqdis *Dome of the Rock* yang pembinaannya dimulakan dalam masa Abdul Malik telah disempurnakan dalam masa pemerintahan Walid.

Dalam bidang pertanian dan perdagangan pula banyak usaha kemajuan telah dilaksanakan dalam masa pemerintahan Walid. Di Iraq di bawah Hajjaj bin Yusuf dan di tempat-tempat lain banyak terusan, parit dan sebagainya untuk kegunaan pertanian telah dibina. Dalam bidang perdagangan pula pedagang-pedagang Islam pada ketika itu telah melakukan perdagangan hingga ke negeri China dan India. Perdagangan sutera, pinggan-mangkuk dan kertas dari negeri China telah meluas. Pedagang-pedagang Arab pada masa itu telah menjelajah hingga ke Eropah Barat, Turki Selatan dan Oghuturks di Utara. Melalui jalan-jalan inilah syiar Islam telah bertambah luas.

Dalam bidang ilmu pengetahuan umum pula banyak kemajuan dicapai pada masa itu. Bidang kesenian, kesusasteraan, dan bahasa telah bertambah maju. Negeri Parsi, India, Syam telah menjadi pusat-pusat yang terpenting bagi bidang ini. Pengaruh Greek juga memainkan peranan dalam masa tersebut. Perkhidmatan pos juga telah meningkat.

Umar Bin Abdul Aziz (717-720 M./99-101 H.)

Selepas Walid wafat pada tahun 715 M. Sulaiman bin Abdul Malik iaitu saudaranya sendiri telah dilantik menjadi khalifah. Sulaiman (715-717 M./96-99 H.) memerintah Kerajaan Bani Umayyah kira-kira dua tahun sahaja. Dalam masa tersebut beliau tidak banyak membuat kemajuan yang besar. Walau bagaimanapun Sulaiman telah juga memperhebatkan gerakan ketenteraannya ke wilayah-wilayah Rom di Asia Kecil tetapi tidak mencapai kejayaan besar. Beberapa usaha kebijakan juga telah dibuatnya seumpama dalam lapangan kemasyarakatan dan lain-lain.

Setelah Sulaiman wafat pada tahun 717 M. Umar bin Abdul Aziz seorang lagi tokoh daripada keluarga Umayyah telah dikhalifahkan. Umar bin Abdul Aziz ialah seorang khalifah yang mempunyai jiwa yang berlainan jika dibandingkan dengan kebanyakan khalifah-khalifah Umayyah. Beliau mempunyai peribadi yang baik, bersifat adil dan tidak

begitu mementingkan kehendak keduniaan. Baginya perkara yang penting ialah mengembalikan pemerintahan Islam seperti dalam masa Khulafa' al-Rasyidin. Beliau tidak bersetuju sama sekali dengan dasar Kerajaan Bani Umayyah mencela kaum keluarga Bani Hasyim, terutamanya kaum keluarga Ali. Segala tindakan yang bermakna mencela golongan Ali telah dihentikannya.

Tindakan Umar dalam mengembalikan kedaulatan Islam seperti pada masa permulaan Islam ialah membasmi segala bentuk rupa hiburan yang bertentangan dengan Islam sama ada di dalam atau di luar kota Damsyiq. Serentak dengan itu sistem pendidikan dan penyebaran Islam telah ditinggikan dan diperluas lagi. Banyak masjid dan pusat pendidikan Islam dibina pada masa beliau memerintah. Ramai pegawai kerajaan dan gabenor telah dipecat, khususnya pegawai yang cuai ketika menjalankan tugas. Hukuman bunuh tidak boleh dijalankan oleh Kerajaan Umayyah tanpa kebenarannya. Sementara cukai yang tidak sesuai, khususnya cukai yang membebangkan rakyat telah dimansuhkan. Hal ini telah menyebabkan ramai orang bukan Islam telah menerima Islam. Khaṣfah Umar bin Abdul Aziz telah wafat ketika berusia 39 tahun, iaitu pada tahun 720 M.

Hisham Bin Abdul Malik (724-743 M./105-125 H.)

Apabila Umar bin Abdul Aziz wafat pada tahun 720 M. putera Abdul Malik yang ketiga Yazid yang dikenali dalam sejarah sebagai Yazid II telah dilantik menjadi khalifah. Beliau menjadi khalifah di antara tahun 720-724 M. (101-115 H.). Dalam masa pemerintahannya tidak banyak perkara yang penting berlaku. Banyak rasa tidak puas hati dan pemberontakan meletus dalam zamannya. Perhubungan di antara beliau dengan bahagian-bahagian lain Kerajaan Bani Umayyah telah menjadi lemah. Akibat daripada kelemahan ini di Perancis tentera-tentera Islam yang bergerak di sana dapat diundurkan oleh kumpulan tentera Kristian yang diketuai oleh Duke Eudo dari sebuah tempat berhampiran dengan Toulouse, pada tahun 721 M.

Setelah Yazid II wafat, putera Abdul Malik yang keempat, iaitu Hisyam telah dikhalfahkan pada tahun 724 M. Cita-cita dan jiwa beliau sangat berlainan dengan Yazid II. Beliau mempunyai peribadi yang besar dan luhur. Hisyam mempunyai cita-cita untuk memulihkan ketenteraman negara, walaupun cita-cita itu sangat sukar hendak dilaksanakannya, kerana keadaannya telah begitu buruk. Pemberontakan yang berlaku dalam masa Yazid II terus menerus berlaku dalam masa Hisyam, malahan di beberapa tempat bertambah-tambah hebat lagi. Gerakan pemberontakan yang tersebut bukan sahaja setakat pemberontakan tetapi bertujuan untuk menghapuskan Kerajaan Bani

Umaiyyah yang berpusat di Damsyiq itu. Seorang tokoh daripada golongan Ali, tegasnya golongan Syi'ah bernama Zaid bin Ali telah menjalankan propaganda mencari penyokong-penyokong supaya dia dijadikan khalifah di Kufah. Dalam masa yang singkat sahaja dia telah berjaya mengumpulkan sejumlah 15,000 orang. Golongan ini kemudiannya telah dikenali sebagai **Zaidiah**.

Khalifah Hisyam telah mengambil perhatian berat tentang perkara ini. Beliau telah memerintahkan Yusuf bin Muhammad, gabenor Kufah supaya bertindak. Dalam tindakan ini Zaid telah tewas, dan dia telah terbunuh. Putera Zaid, Yahya bin Zaid telah berjaya melarikan diri ke Khurasan, dan telah menjalankan peranannya di sana. Yahya telah diangkat oleh orang Khurasan sebagai khalifah Islam di wilayah tersebut, tetapi akhirnya dia telah menerima nasib seperti ayahnya juga, iaitu terbunuh di hujung pedang tentera Umaiyyah. Selain puak Zaidiah, dalam masa Hisyam juga telah muncul puak **Rafdhah**, iaitu golongan yang menolak fikiran puak Zaidiah yang telah meminta kepada Zaid supaya menyatakan pendapatnya tentang jawatan Khalifah Abu Bakar dan Umar Khattab di Madinah. Zaid telah menerangkan bahawa perlantikan kedua-duanya sebagai khalifah adalah sesuai dengan kehendak al-Qur'an dan al-Sunnah. Jawapan ini tidak memuaskan mereka. Mereka telah keluar daripada Zaidiah dan telah menu buhkan puak Rafdhah. Ini berlaku dalam tahun 739 M.

Dalam pada itu juga puak Bani Hashim yang berpusat di Khurasan telah menjalankan propaganda menentang politik Bani Umaiyyah secara kekerasan, di bawah pimpinan Muhammad bin Ali (bin Abbas), dan tokoh-tokoh lain dari Parsi. Seorang pahlawan dari Khurasan yang dikenali Abu Muslim al-Khurasani telah menyusun gerakan yang sangat cemerlang dalam bidang ini selain daripada tokoh-tokoh di atas, tetapi gerakan mereka setakat ini telah dapat dicegah oleh Hisyam daripada merebak lebih luas lagi. Beberapa orang penyebar propaganda telah diberkas dan ditahan, tetapi ada di antara mereka telah dibebaskan semula dengan beberapa jaminan.

Penaklukan

Dalam suasana politik yang begitu tegang, Hisyam berpeluang juga untuk mengarahkan angkatan tenteranya bagi meluaskan kawasan Kerajaan Bani Umaiyyah, walaupun tidak begitu hebat. Habib bin Abu Ubaidah seorang pahlawan Islam telah memainkan peranan di Laut Mediterranean. Pada tahun 741 M. negeri di sekitarnya telah juga ditawannya.

Di Perancis pula Abdul Rahman bin Abdullah pengganti Hurr bin Abdul Rahman pemimpin Islam di sana telah bergerak terus-menerus

cuba untuk menundukkan seluruh negeri Perancis sebagai permulaan dalam siri untuk meletakkan seluruh Benua Eropah di bawah takluk tentera Umayyah, tetapi usahanya telah menemui jalan buntu. Pada permulaannya Abdul Rahman telah menggerakkan angkatan tenteranya ke Tours setelah berjaya menawan kota Toulouse, Poitiers dan sebagainya. Pada tahun 732 M. angkatan gabungan tentera Kristian yang dipimpin oleh Charles Martel telah menahan kemaraan tentera Islam itu di Tours. Disebabkan oleh bilangan tentera Kristian yang begitu ramai, angkatan tentera Islam terpaksa berundur dan kembali ke Sepanyol. Ketewasan angkatan Islam ini disebabkan oleh kelemahan pentadbiran dan kekacauan yang berlaku di Damsyiq. Kota Damsyiq dengan Tours yang sejauh kira-kira 5,000 kilometer dengan dirintangi oleh pada pasir di Afrika, laut, dan yang terpenting sekali Banjaran Pyrenes telah juga menyebabkan berlakunya perkara di atas. Walaupun terdapat beberapa perkara seperti di atas berlaku, dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 734 M. Avignon telah dapat ditawan oleh tentera Islam, sementara pada tahun 743 M. Lyons telah pula jatuh ke pangkuhan angkatan tentera Islam. Kedua-dua tempat itu di kawasan Perancis.

Di Asia pula beberapa angkatan Islam telah memainkan peranan masing-masing. Antara mereka ialah Asad bin Abdullah telah menawan negeri Goer, dan Junaid bin Abdullah menakluki negeri Samarkand dan kota Bukhara. Jarrah bin Abdullah al-Hakimi bergerak menakluki Tiflis, rajanya bernama Chazar. Dalam langkah ini Jarrah sendiri telah terbunuh di Ardabil, Tafl. Tempatnya telah digantikan oleh Sa'id al-Harashi.

Kerja-kerja Kebajikan

Di samping menghadapi pergerakan politik di dalam dan di luar negeri Hisyam juga telah berpeluang mengadakan perubahan dalam kebajikan dan pembangunan. Dalam bidang pertanian umpamanya beberapa perubahan telah dilaksanakannya seperti membina saliran, parit terutamanya di sepanjang jalan ke kota Makkah. Begitu juga halnya dalam bidang perusahaan, pertukangan, membuat senjata, bahasa dan kesusasteraan telah dimajukan. Gelanggang kuda untuk latihan tentera juga dibina. Begitu juga dalam soal-soal lain yang berhubung dengan kerja kebajikan masyarakat. Bidang-bidang ini dipelihara dan dikembangkan.

Hisyam telah wafat pada tahun 743 M. setelah hampir dua tahun memerintah Kerajaan Bani Umayyah. Beliau tidak banyak membuat kejayaan dalam memulihkan keutuhan Kerajaan Bani Umayyah. Rasa tidak puas hati rakyat yang berlaku dalam masa Yazid II tidak dapat ditenangkan dalam masa pemerintahannya.

Marwan Bin Muhammad (744-750 M./127-132 H.)

Apabila Hisyam wafat Walid bin Yazid, iaitu putera Yazid II telah dilantik menjadi khalifah (743-744 M./125-126 H.). Beliau dalam sejarah lebih dikenali dengan nama Walid II. Peribadi Walid II boleh dikatakan sama dengan peribadi ayahnya Yazid II. Walid II lebih banyak mementingkan diri sendiri daripada rakyatnya. Beliau lebih banyak menghabiskan masanya di majlis hiburan daripada di majlis mesyuarat. Tidak ada keistimewaan padanya, kecuali kecantikan wanita dan kelazatan arak. Dalam masa pentadbirannya tidak ada kerja-kerja yang istimewa yang telah dibuatnya. Malahan keadaan tegang bertambah meluas di dalam negeri. Rakyat bertambah tidak berpuas hati terhadapnya. Pemberontakan telah berlaku di mana-mana. Banyak wilayah Kerajaan Bani Umayyah yang telah menarik diri dari mengisyiharkan mereka daripada cengkaman oleh Damsyiq.

Setelah Walid II wafat pada tahun 744 M. putera beliau beliau Yazid bin Walid atau Yazid III telah dilantik menjadi khalifah, tetapi beliau memerintah hanya kira-kira lima bulan sahaja. Seorang lagi putera Walid II, iaitu Ibrahim bin Walid telah diangkat sebagai khalifah menggantikannya. Keadaan politik Kerajaan Bani Umayyah dalam masa Ibrahim ini bertambah kusut. Kegiatan pemberontakan bertambah luas. Keadaan ini telah menyebabkan seorang tokoh daripada keluarga Bani Umayyah bertindak menggulingkan Ibrahim pada tahun 744 M. juga, dan mengisyiharkan dirinya sebagai khalifah berikutnya. Ibrahim menjadi khalifah selama enam tahun sehingga wafat pada tahun 750 M.

Marwan II ialah khalifah terakhir (744-750 M./127-132 H.) bagi kerajaan Bani Umayyah. Zamannya, tepat sekali kalau dikatakan zaman kegelapan dan keruntuhan Kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq, dan zaman kelahiran Kerajaan Bani Abbasiyah di Baghdad. Marwan II memanglah bercita-cita untuk mengukuhkan kerajaannya, tetapi tidak berjaya, kerana keadaannya telah begitu kucar-kacir. Pemberontakan telah bertambah luas dan hebat lagi. Di mana-mana pemberontakan berlaku, dengan dipimpin oleh tokoh-tokoh yang tertentu. Mereka kebanyakannya daripada puak Bani Abbas. Puak Syi'ah juga telah mengambil kesempatan dalam keadaan ini dengan melakukan berbagai-bagai kekacauan secara bersendirian.

Iraq, terutamanya di Kufah dan Basrah, pemberontakan telah berlaku secara teratur, begitulah juga halnya di Khurasan. Kegiatan ini dilancarkan oleh golongan yang mempunyai kebolehan yang tertentu. Ibrahim bin Muhammad dan Abu Muslim al-Khurasani, ialah tokoh-tokoh yang terhendal yang melakukan kegiatan ini di Khurasan. Marwan II telah menjalankan tindakan yang keras untuk membasmikan gerakan

ini. Dalam tindakan ini Ibrahim bin Muhammad telah berjaya diberkasnya dan kemudiannya telah dijatuhkan hukuman bunuh. Mereka telah melakukan propaganda yang baharu. Abu Muslim pula terus-menerus melancarkan kempen menentang kerajaan Bani Umayyah. Di Parsi pula golongan Abbas telah berjaya membebaskan negeri itu dari kawalan Damsyiq. Pada tahun 750 M. Abu Muslim telah berangkat ke Kufah dan bergabung dengan Abdullah dan Abu Jaafar.

Abdullah bin Muhammad telah menugaskan bapa saudaranya Abdullah bin Ali untuk menggempur Marwan II. Abdullah bin Ali telah bergerak dan tiba di Sungai Zab, iaitu salah satu daripada cawangan Sungai Tigris. Di sini dia telah bertemu dengan angkatan Marwan II yang berjumlah daripada kira-kira 140,000 orang tentera. Satu pertempuran dahsyat telah berlaku, dan diakhiri dengan kejayaan di pihak Abdullah. Marwan II telah berjaya mlarikan diri, dikejar oleh Abdullah. Marwan II telah tiba di Fustat, Mesir dengan orang-orangnya. Walau bagaimanapun akhirnya pada 5 Ogos 750 M. Salih bin Ali di atas perintah bapa saudaranya sendiri Abdullah bin Ali telah berjaya membunuh Marwan II di tempat itu juga.

Ketewasan keluarga Bani Umayyah, dan kejayaan golongan Bani Abbasiyah telah membuka satu lagi lembaran baru dalam sejarah perkembangan umat Islam. Walaupun dalam beberapa hal perang saudara di antara sesama umat Islam ini tidak sesuai dengan konsep Islam itu sendiri, dan merugikan, tetapi dikaji dari aspek lain terutamanya dari segi sejarah, banyak kebaikan telah lahir di sini. Detik ini memberi pengertian yang besar dalam sejarah umat Islam kerana secara objektif telah menjadikan sejarah Islam bergerak secara positif dan radikal.





KEJATUHAN KERAJAAN BANI UMAIYAH DAN KEBANGKITAN KERAJAAN ABBASIYAH

Secara umum kebanyakan khalifah Kerajaan Bani Umayyah di Dam-syiq yang disenaraikan pada awal bab ini telah mengendalikan pentadbiran kerajaan mereka dengan baik. Walaupun kebangkitan Kerajaan Bani Umayyah yang diketuai oleh Muawiyah bin Abu Sufian itu dilihat sekilas pandang dalam keadaan kacau, tetapi ini tidaklah bermakna yang kerajaan itu mesti dikutuk, sebab dikaji dari segi sejarah secara keseluruhan kerajaan tersebut telah banyak memberi sumbangan kepada umat Islam dan umat manusia seluruhnya, terutama di dalam bidang sejarah, politik dan perkembangan agama Islam itu sendiri. Sejarah dunia tidak akan lengkap jika sejarah Kerajaan Umayyah ditinggalkan. Kerajaan ini juga adalah sebagai tapak kepada kemajuan yang begitu cemerlang yang dicapai dalam masa Kerajaan Bani Abbasiyah.

Muawiyah dan Kebangkitan Kerajaan Bani Umayyah

Kebangkitan Kerajaan Bani Umayyah yang dipelopori secara langsung oleh Muawiyah adalah secara tipu helah dan kekerasan. Dalam masa permulaan perkembangan Islam beliau ialah orang kuat Quraisy yang pernah menentang kegiatan Nabi Muhammad dalam menyebarluaskan agama Islam. Tetapi setelah memeluk agama Islam Muawiyah telah menjadi salah seorang sahabat Rasulullah yang juga pernah menjadi jurutulis wahyu. Pada masa Muawiyah berdamping rapat dengan Nabi Muhammad beliau telah banyak menunjukkan keistimewaannya. Dalam banyak aspek pandangan dan pemikirannya sangat luas. Dalam beberapa yang lain beliau bersifat agak agresif dan keras; tetapi sifat-sifat yang berkenaan dilakukan secara bijak.

Muawiyah seperti yang telah dihuraikan, bukan sahaja seorang ahli politik yang bijak, tetapi juga sebagai seorang panglima perang yang handal dan berpengalaman. Pada masa khalifah Umar bin al-Khattab lagi, Muawiyah telah menunjukkan sifat-sifat kepahlawanannya yang begitu jelas. Muawiyah tidak begitu kuat memegang sifat kesederhanaan dalam hidup sebagaimana yang terdapat pada Nabi Muhammad

dan para sahabat yang lain terutamanya Khulafa' al-Rasyidin. Semasa menjadi gabenor Syam beliau telah banyak menonjolkan sifat-sifat keduniaan terutamanya dalam amalan di istana, cara menjalankan pentadbiran dan sebagainya. Pemakaian alatan kebesaran kerajaan yang tidak pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad dan Khulafa' al-Rasyidin telah dibuatnya secara terbuka dan besar-besaran.

Muawiyah sebagai salah seorang tokoh Bani Umayyah seperti juga Khalifah Uthman bin Affan telah banyak mengadakan kegiatan-kegiatan untuk menaikkan keturunan yang berkenaan dalam kerajaan Islam. Semasa Ali dilantik sebagai Khalifah yang keempat di Madinah Muawiyah secara terbuka telah menentangnya. Beliau tidak mahu mengakui Ali sebagai Khalifah yang sah selagi perkara pembunuhan Uthman bin Affan tidak diselesaikan secara adil. Keadaan ini telah menyebabkan perhubungan di antara golongan Umayyah dengan golongan Ali yang dikenali sebagai Syi'ah telah menjadi tegang. Ketegangan ini telah dapat dilihat begitu jelas setelah berlaku peperangan Siffin pada tahun 657 M. Dalam peperangan yang tersebut Muawiyah telah hampir tewas, dan ini telah menyebabkan beliau mengisyiharkan perdamaian dengan Ali, kemudiannya satu penghakiman di antara kedua pihak iaitu di antara pihak Muawiyah dan Ali dibuat. Dalam penghakiman tersebut pihak Muawiyah telah berjaya.

Cara penghakiman ini yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mewujudkan perdamaian telah menimbulkan reaksi yang besar di kalangan rakyat. Banyak golongan rakyat yang menentang cara penghakiman ataupun keputusan penghakiman tersebut. Puak Syi'ah telah menentang keputusan penghakiman ini, sementara puak Khawarij juga tidak bersetuju dengan cara penghakiman itu dibuat. Rasa penentangan kedua-dua puak tersebut juga puak-puak lain bukan sahaja dicetuskan secara bantahan mulut, tetapi juga secara senjata. Pemberontakan telah meletus di sana sini, tetapi hal ini kemudiannya telah dapat dicegah oleh Muawiyah dan Yazid setelah mereka memegang tampuk Kerajaan Bani Umayyah di kota Damsyiq. Mereka telah menghentikan tindakan puak berkenaan secara kekerasan, dan kadang-kadang ini dijalankan dalam bentuk yang kejam.

Sekurang-kurangnya tiga bentuk perubahan yang besar dan baru telah diperkenalkan oleh Muawiyah dalam masyarakat Islam setelah beliau memegang teraju pemerintahan Islam di Damsyiq itu. Tiga perkara besar yang tersebut bolehlah diuraikan sebagai perubahan tentang kedudukan pusat pentadbiran, cara perlantikan khalifah, dan kewujudan semangat keduniaan dalam pentadbiran. Perkara yang pertama iaitu pemindahan ibu kota pemerintahan Islam dari Madinah ke kota Damsyiq tidaklah begitu menimbulkan apa-apa kesan yang besar di kalangan rakyat dan tradisi ketika itu, tetapi perubahan dalam cara melantik khalifah dan timbulnya semangat keduniaan yang ter-

buka telah menimbulkan reaksi yang tidak baik di kalangan sebahagian anggota masyarakat.

Dalam perkara perlantikan khalifah, Muawiyah telah melenyapkan sistem pemerintahan secara demokrasi, yang pada prinsipnya merupakan asas pentadbiran dalam zaman Khulafa' al-Rasyidin terutamanya dalam masa pengkhalifahan Abu Bakar, Umar, dan Uthman. Beliau telah mengasaskan sistem monarki yang pada zaman itu merupakan suatu dasar utama dalam kerajaan di negeri China, India, Byzantine, dan Parsi. Muawiyah telah melahirkan corak baharu dalam pentadbirannya dengan membuat penetapan rasmi memberi hak jawatan khalifah kepada keturunannya iaitu keturunan Umayyah. Muawiyah telah berusaha untuk mengekalkan tradisi cara pemerintahan monarki ini dalam Kerajaan Bani Umayyah terus-menerus. Cara baru ini, walaupun dibuat oleh Muawiyah dengan tujuan untuk mengekalkan jawatan khalifah yang berkenaan terlepas ke tangan keturunan Bani Hasyim, tetapi ditinjau daripada aspek konsep demokrasi dan kehendak Islam, keadaan ini adalah bertentangan, dan boleh mencetuskan rasa tidak puas hati rakyat.

Satu lagi perkara penting yang dimajukan oleh Muawiyah sebagaimana yang termaklum ialah cara pemakaian unsur-unsur keduniaan yang keterlaluan. Dalam zaman Nabi Muhammad dan Khulafa' al-Rasyidin unsur-unsur ini tidak pernah diamalkan. Nabi Muhammad, Abu Bakar, Umar, Uthman, dan Ali pada masa pemerintahannya telah mengamalkan peralatan pemerintahan secara sederhana. Apa yang paling perlu ditekankan semasa pentadbiran pentadbir-pentadbir penting itu ialah kebijakan seluruh rakyat, dengan nilai-nilai etika yang tinggi menjadi prinsipnya. Akan tetapi keadaan pada masa Muawiyah dan khalifah-khalifah Umayyah yang lain kecuali beberapa orang sahaja sangat berlainan. Beliau telah memulakan penggunaan alatan kebesaran dalam pentadbirannya, sebagaimana yang terdapat dalam kerajaan Byzantine, China dan lain-lain.

Muawiyah telah mengutamakan kehidupan materialistik yang melampau di dalam istananya dan juga di luar istana. Peraturan di dalam istana khalifah telah dibuat dengan alat kebesaran yang mengagumkan. Susunan kedudukan pembesar dan pegawai khalifah dan pegawai istana dilakukan mengikut cara yang indah. Muawiyah ketika berangkat ke masjid, terutamanya ketika menunaikan fardhu Jumaat telah diiringi oleh pengawal-pengawal yang lengkap dan peralatan yang mengagumkan. Di masjid pula beliau bersembahyang di suatu tempat yang dikhaskan. Dalam keadaan yang sama pula Muawiyah telah mengutamakan dasar pengambilan keturunan darah Arab. Beliau secara beransur-ansur telah melantik pegawai dan pembesarnya daripada mereka yang berdarah Arab, khususnya daripada keturunan Bani Umayyah. Golongan Islam yang lain yang juga menjadi rakyat Kerajaan

Bani Umaiyah seperti orang Parsi, Turki, India dan sebagainya tidak mendapat tempat yang sama. Keadaan yang seumpama ini secara beransur-ansur telah menimbulkan reaksi yang tidak baik di kalangan rakyat. Walaupun reaksi ini dalam jangka masa pendek dapat dihapuskan dengan kekuatan tentera, tetapi dalam jangka masa panjang reaksi itu menjadi bahaya yang sukar untuk dielakkan.

Pertentangan di antara puak Syi'ah dengan Umaiyah

Pertentangan ideologi secara terbuka di antara kedua-dua puak di atas iaitu di antara puak Syi'ah dengan Umaiyah telah bermula setelah Peperangan Siffin berlaku. Reaksi pertentangan ini, walaupun bagaimanapun telah bermula semenjak penghujung pemerintahan Khalifah Uthman, tetapi pada masa itu puak Syi'ah belum lagi lahir secara rasmi. Penggulingan dan seterusnya pembunuhan Khalifah Uthman pada tahun 656 M. oleh puak yang pro kepada Ali kemudiannya dikenali sebagai Syi'ah telah menimbulkan kemarahan yang besar di kalangan keturunan dan penyokong Uthman terutamanya Muawiyah. Puak ini telah menimbulkan beberapa kekacauan menentang Kerajaan Bani Umaiyah. Golongan Syi'ah juga berpendapat bukan sahaja jawatan khalifah yang dipegang oleh Muawiyah itu tidak sah, tetapi telah membataskan jawatan yang berkenaan hanya kepada Ali dan keturunannya sahaja. Walaupun reaksi penentangan daripada golongan Syi'ah pada masa Muawiyah dan beberapa Khalifah Umaiyah berikutnya dapat dikawal, bibit-bibitnya, tetap bergerak berkembang, walaupun secara gerakan di bawah tanah.

Di samping puak Syi'ah yang kuat menentang Muawiyah ialah puak Khawarij, seperti yang tersebut di atas. Puak ini bukan sahaja membenci Muawiyah, tetapi juga membenci Ali dan 'Amr. Banyak kegiatan militan telah dicetuskan oleh puak ini semasa Ali dan juga selepas kewafatan Ali. Walaupun Ali telah banyak melakukan tindakan menghapuskan kegiatan ini, umpamanya, tindakan dalam Peperangan Nahrawan, tetapi puak ini terus-menerus melakukan kekacauan. Satu daripada tindakan yang terpenting yang paling berjaya yang dilakukan oleh puak Khawarij ini ialah melakukan pembunuhan terhadap Ali pada tahun 661 M. Walaupun pada asasnya kematian Ali di tangan puak Khawarij ini merupakan satu ganjaran kepada Muawiyah, tetapi pengikut-pengikut Ali tidak hapus setakat ini, malah terus-menerus bergiat. Setelah Ali wafat, puak Syi'ah telah memilih putera Ali, Hasan sebagai pengantinya, tetapi Hasan kemudiannya dengan tipu helah Muawiyah telah menyerahkan kuasa yang ada padanya kepada Muawiyah. Pengganti Hasan pula, Husain telah cuba memulihkan kedu-

dukan politik umat Islam pada masa itu sebagaimana sebelumnya, tetapi telah gagal, apabila dia terbunuh dalam Peperangan Karbala pada tahun 681 M.

Tindakan Muawiyah dan juga khalifah sesudahnya terhadap golongan yang menentangnya, walaupun dalam jangka masa pendek berjaya, tetapi dalam jangka penjang adalah berbahaya, kerana puak-puak itu, dalam keadaan yang lemah terus-menerus mengembangkan pengaruhnya, dan apabila telah mendapat kekuatan, mereka terus melakukan kegiatan militan. Dalam masa khalifah Umayyah yang berpengaruh memerintah, puak-puak yang tersebut tidak melakukan kegiatan yang berbahaya, tetapi apabila khalifah yang lemah mengendalikan pentadbiran, puak-puak itu telah mengambil kesempatan mencetuskan pemberontakan. Keadaan yang seumpama ini boleh melumpuhkan perkembangan politik dan ekonomi negara. Dalam keadaan yang sama pula kepercayaan rakyat terhadap pemerintah semakin kurang, kerana walaupun pada mulanya pemberontakan ini dilakukan oleh satu kaum sahaja, atau dua tiga kaum, tetapi akibatnya adalah besar kepada golongan yang lain.

Peristiwa penentangan daripada puak Syi'ah ini dapat dilihat dalam masa pemerintahan Yazid bin Muawiyah (680-683 M.) lagi. Peristiwa di Padang Karbala telah mencetuskan rasa yang meluap-luap di kalangan rakyat, terutamanya puak Syi'ah. Satu kumpulan daripada puak Syi'ah telah bangun menentang tindakan Yazid. Mereka secara terbuka tidak mengakui Yazid sebagai khalifah yang sah, tetapi tindakan puak Syi'ah ini telah dapat dilumpuhkan oleh tentera Yazid di bawah pimpinan panglimanya Muslim bin Uqbah. Tindakan ini sebenarnya tidak dapat menghapuskan gerakan Syi'ah, malahan menguatkan kedudukan mereka lagi. Dalam masa permulaan pemerintahan Abdul Malik bin Marwan (685-705 M.) beberapa kejadian pemberontakan daripada puak Syi'ah telah meletus. Kejadian ini pada mulanya telah berlaku di Kufah dan kemudiannya telah mlarat ke Ayn al-Wardah, suatu tempat berhampiran dengan Sungai Furat. Malangnya gerakan ini telah berjaya dihapuskan oleh tentera Abdul Malik di bawah pimpinan Abdullah bin Ziyad. Keadaan ini tidaklah menghairankan kerana Abdul Malik mempunyai kekuatan tentera yang besar pada masa itu.

Dari seorang khalifah kepada seorang khalifah Kerajaan Bani Umayyah bersilih ganti, dan puak Syi'ah terus-menerus bergerak menentangnya, sama ada secara gerakan terbuka atau gerakan sulit. Dari semasa ke semasa gerakan ini bertambah kuat. Dalam masa pemerintahan Marwan bin Muhammad (744-750 M.), puak ini telah membantu gerakan untuk menggulingkan Kerajaan Bani Umayyah yang berpusat di Damsyiq. Pemberontakan puak Syi'ah ini telah dicetuskan dari markasnya di Iraq, terutamanya dari Kufah dan Basra. Tetapi

malangnya gerakan ini dapat dihapuskan oleh Marwan II. Kemudian satu lagi pemberontakan telah dicetuskan oleh puak yang sama, tetapi dipimpin oleh pemimpin yang lain yang lebih cergas lagi. Tindakan yang seumpama ini sedikit sebanyak telah memberi sumbangan yang besar juga kepada keruntuhan Kerajaan Bani Umayyah.

Kelemahan Khalifah Bani Umayyah

Secara umum dan jangka panjang kejatuhan Kerajaan Bani Umayyah berhubung rapat dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan kelemahan pemerintahan kerajaan itu sendiri. Walaupun memang terdapat beberapa orang khalifah yang baik dan yang benar-benar bekerja untuk rakyat, tetapi banyak juga khalifah Umayyah yang tidak bersifat sedemikian. Khalifah Abdul Malik bin Marwan, Walid bin Abdul Malik, Umar bin Abdul Aziz dan Hisyam bin Abdul Malik ialah khalifah yang boleh digolongkan dalam senarai khalifah-khalifah yang baik, dalam erti kata mereka mempunyai sikap bersungguh-sungguh untuk bekerja untuk rakyat dan negara. Khalifah Muawiyah bin Abu Sufian, Yazid bin Muawiyah dan Marwan bin Muhammad juga adalah khalifah-khalifah yang terkenal, tetapi populariti mereka bukanlah disebabkan oleh faktor-faktor yang berhubung dengan sifat-sifat kebaikan mereka, malahan oleh beberapa perkara yang lain. Umpamanya Muawiyah menjadi masyhur berikutan dengan kegiatannya mendirikan Kerajaan Bani Umayyah dan langkahnya memperkenalkan sistem monarki dalam kerajaannya. Yazid pula terkenal kerana tindakannya memperkuatkan sistem monarki dan juga berlakunya Peristiwa Karbala. Sementara Marwan menjadi masyhur kerana ada perkaitannya dengan kejatuhan Kerajaan Bani Umayyah.

Kelemahan khalifah Bani Umayyah boleh ditinjau daripada khalifah Muawiyah bin Abu Sufian lagi. Tindakan Muawiyah menekan golongan Bani Hasyim, puak Syi'ah, melantik diri sendiri sebagai khalifah tanpa nilai-nilai demokratik sungguhpun ada pihak-pihak yang menyokongnya, juga dibuat dengan tujuan-tujuan tertentu, tetapi dilihat dari segi keseluruhan langkah itu adalah bertentangan dengan tradisi khalifah Islam. Kemudian khalifah-khalifah selepasnya di samping terdapat beberapa orang khalifah yang baik, terdapat juga ramai khalifah yang mengabaikan kepentingan rakyat dan negara. Ramai antara khalifah yang lebih banyak mementingkan diri sendiri, ada pula yang korapsi, diktator, mementingkan satu kaum sahaja dan berbagai-bagai lagi. Keadaan ini walaupun dalam masa-masa yang tertentu dapat dikawal dan tidak timbul reaksi yang buruk, tetapi lama-kelamaan keadaan itu boleh merosakkan kedudukan politik negara, dan ini telah dibuktikan kemudiannya.

Antara khalifah yang terlibat dalam senarai di atas ialah Marwan bin Hakam, Yazid bin Abdul Malik (Yazid II), Walid bin Yazid (Walid II) dan Yazid bin Walid (Yazid III). Pemerintah-pemerintah lain yang tidak begitu penting, tetapi boleh disenaraikan di dalam barisan di atas ialah Muawiyah bin Yazid (Muawiyah II), juga Ibrahim bin Walid. Sebagaimana yang telah pun dijelaskan dan yang tercatat di dalam sejarah kerajaan Islam di Madinah, Marwan bin Hakam bukan sahaja sebagai seorang pemerintah dalam Kerajaan Bani Umayyah, tetapi juga merupakan seorang peribadi yang tidak asing lagi dalam masa pemerintahan Uthman bin Affan di Madinah. Dalam zaman Uthman, Marwan selaku setiausaha kepada khalifah telah memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara. Beliau telah menggunakan kesempatan jawatan dan kelemahan Uthman untuk menaikkan keluarga Bani Umayyah dalam kerajaan Islam di Madinah ketika itu. Akibat daripada tindakan tidak bijak Marwan ini, telah timbul reaksi yang buruk di kalangan rakyat, yang akhirnya rakyat telah bangun memberontak, dan Khalifah Uthman terbunuh.

Sifat yang tidak baik yang ada pada Marwan ini telah juga terbawa-hawa semasa beliau memerintah Kerajaan Bani Umayyah, lebih-lebih lagi apabila memandangkan usjanya yang begitu lanjut pada ketika itu. Dalam pada itu pula, ketika beliau dilantik sebagai khalifah Bani Umayyah, ramai pembesar negeri daripada golongan Umayyah sendiri yang tidak begitu berkenan, tetapi kerana tidak ada pilihan yang lain, keputusan ini tidak dapat dielakkan. Akibatnya ramai rakyat yang tidak puas hati, lebih-lebih lagi golongan yang bukan daripada puak Bani Umayyah. Dari segi Marwan sendiri, mempunyai banyak kelebihan peribadi sebagai seorang pemimpin negara Islam. Umpamanya, beliau lebih banyak mementingkan diri dan keluarganya sendiri, beliau juga melakukan jenayah korapsi, tidak cekap dalam mentadbirkan negara dan sebagainya. Akibatnya ramai tokoh bangun memberontak.

Pada saat inilah Abdullah bin Zubair seorang pemimpin Islam yang terkenal semenjak zaman permulaan Islam telah meluaskan pengaruh politiknya menentang Kerajaan Bani Umayyah ke seluruh Hijaz, Yaman, Iraq dan sebahagian kawasan Mesir. Orang Islam di kawasan itu ramai yang memberi sambutan terhadap tindakan Abdullah bin Zubair. Dhahak bin Qais orang kuat Abdullah telah dilantik oleh penyokong menjadi gabenor Palestine. Keadaan ini telah menyebabkan Marwan bertindak tegas menyiapkan angkatan perangnya untuk menentang pengikut Abdullah, terutamanya Dhahak. Kemudiannya satu pertemupuran hebat telah berlaku di antara kedua-dua belah pihak, yang menyebabkan Dhahak tewas dan terbunuh. Walaupun dalam beberapa hal pergerakan Abdullah dapat dicegah, tetapi daripada pemerintahan Marwan yang tidak teratur itu, seorang tokoh Islam Sulaiman telah

mengetuai penduduk Iraq mencetuskan pemberontakan, dan dia dapat ditundukkan oleh tentera Marwan. Marwan telah wafat setelah merintah selama kira-kira setahun sahaja, dan digantikan oleh Abdul Malik bin Marwan seorang pemerintah Bani Umayyah yang progresif.

Seorang lagi khalifah Kerajaan Bani Umayyah yang membawa kerajaan itu ke arah kemunduran dan kemusnahan ialah Yazid bin Abdul Malik (Yazid II). Yazid II pada keseluruhannya telah gagal membawa kerajaan tersebut ke arah kekuatan yang diharap-harpan dan kemajuan yang besar sebagaimana beberapa orang khalifah yang terdahulu daripadanya. Beliau tidak cekap dalam menjalankan pentadbiran, cuai, dan mementingkan diri sendiri. Peribadinya tidak sesuai sebagai seorang pemimpin Islam dan sebuah negara yang mengkehendaki keampunan Allah juga kesejahteraan rakyat. Yazid II terkenal dalam sejarah sebagai seorang yang menggemari arak, dan amat suka menghabiskan masanya dengan perempuan-perempuan jelita di majlis-majlis hiburan, sama ada yang diadakan di istana atau di tempat lain.

Yazid II juga telah mengadakan tindakan yang tidak bijak terhadap pegawai-pegawai dan pembesar-pembesarnya. Ramai pembesar yang dipecat dalam masa Umar bin Abdul Aziz telah dilantik semula seperti Umar bin Hurairah dan Abdul Rahman bin Dihak, walaupun mereka itu tidak berkebolehan. Begitu juga beliau telah mengenepikan cadangan daripada pegawai-pegawaiannya, seumpama usul untuk mengurangkan cukai 'usyr (1/10), dengan tujuan mengurangkan bebanan rakyat. Yazid II bukan sahaja tidak menerima cadangan yang berkenaan, malahan telah mengeluarkan perintah untuk menambah lagi.

Sifat keduniaan yang keterlaluan dan sifat mementingkan diri sendiri yang diamalkan oleh Yazid II itu telah menyebabkan timbul rasa tidak puas hati rakyat. Beberapa orang tokoh daripada Bani Umayyah sendiri telah bergerak mencetuskan pemberontakan dan kekacauan menentang kerajaan. Bustam seorang tokoh Bani Umayyah umpamanya telah bergerak melakukan pemberontakan di sebuah kawasan berhampiran dengan Kufah, sementara kumpulan Khawarij pula telah bangun kembali melakukan beberapa rusuhan di beberapa kawasan. Manakala Yazid bin Mahlab seorang gabenor dan pahlawan Islam yang tidak asing lagi telah bertindak memberontak di Basrah dan kemudiannya merebak ke Kufah, dan mendapat kejayaan yang cemerlang. Yazid bin Mahlab bergerak bertujuan untuk mewujudkan sebuah kerajaan Islam seperti dalam Khulafa' al-Rasyidin tetapi gerakannya itu dapat dipecahkan dan ditumpaskan oleh pemerintah.

Di Perancis pula, kumpulan tentera Islam yang bergerak di sana telah dapat diundurkan oleh tentera Kristian yang diketuai oleh Duke Eudo dari sebuah tempat bernama Toulouse pada tahun 721 M. Kete-

wasan ini adalah disebabkan oleh sifat tidak bertanggungjawab Yazid II. Dalam pada itu pula golongan Bani Hasyim telah terus menerus menjalankan tindakan mengumpulkan tenaga yang bergerak secara sulit. Di pihak lain pula orang Arab sendiri telah berpecah-belah membentuk beberapa kumpulan fahaman yang bertentangan, umpamanya kumpulan *Qais* dan *Kumpulan Himyar*. Keadaan ini secara langsung telah melemahkan kedudukan negara lagi. Yazid II telah wafat setelah memerintah selama kira-kira empat tahun.

Seperti yang dipaparkan di atas, Walid bin Yazid (Walid II) ialah seorang lagi khalifah Bani Umayyah yang tidak bertanggungjawab terhadap kepentingan rakyat, dan yang telah membawa keruntuhan kegemilangan Kerajaan Bani Umayyah itu. Darah ayahnya, Yazid II telah diwarisinya. Dalam beberapa hal pula keburukan peribadi Walid II melebihi daripada apa yang ada pada Yazid II. Beliau sangat mengemari arak, judi dan menghabiskan masanya di majlis-majlis hiburan dengan perempuan-perempuan jelita. Wanita jelita padanya seolah-olah lebih berharga daripada kerajaannya sendiri. Tidak ada keistimewaan yang ada padanya, kecuali kepintarannya dalam menunggang kuda, dan kebijaksanaannya dalam memuja-muja kejelitaan wanita dan kelazatan arak melalui gubahan-gubahan syairnya.

Pada masa pemerintahan Walid II, Kerajaan Bani Umayyah telah bertambah-tambah merosot. Banyak wilayah dalam jajahannya telah menarik diri, merdeka. Walid II tidak mengambil perhatian sangat terhadap kedudukan dan keutuhan negara. Seluruh masyarakat Islam telah membenci dan mengutuknya. Walaupun demikian beliau ada juga mengadakan usaha-usaha kebaikan terhadap rakyat, tetapi usaha-usaha yang dibuatnya sangat kecil, dan tidak dapat menutup keburukan yang dilakukannya. Beliau terus-menerus dikutuk oleh rakyat, dan ada setengah-setengah rakyat menuduh beliau sebagai '*kafir*'. Keadaan-keadaan yang semakin buruk ini telah memberi peluang yang besar kepada puak Bani Hasyim atau puak Abbas untuk meluaskan gerakannya lagi secara sulit. Seruan-seruan mereka telah mendapat sambutan yang hangat daripada rakyat. Walid II telah wafat, kerana dibunuh orang, setelah memerintah selama setahun.

Walid II telah diganti oleh puteranya Yazid bin Walid (Yazid III). Beliau seorang yang sangat warak, yang hanya mementingkan soal-soal akhirat semata-mata. Yazid dikenali juga sebagai *Yazidanakas*, atau Yazid pengurang, kerana mengurangkan nafkah yang sepatutnya di-berikan kepada tenteranya setiap tahun. Zamannya bertambah-tambah cemas, pemberontakan-pemberontakan terus berlaku dan merebak. Yazid III berpeluang memerintah selama kira-kira lima bulan sahaja. Khalifah-khalifah selepasnya Ibrahim bin Walid dan Marwan bin Muhammad (Marwan II) tidak dapat mengembalikan kerosakan

semula dalam pentadbiran negara, malahan bertambah-tambah hebat lagi, dan akhirnya telah membawa kepada keruntuhan Kerajaan Bani Umayyah pada tahun 750 M.

Pergerakan Puak Abbasiyah

Puak Abbas atau lebih dikenali sebagai Abbasiyah ialah golongan yang telah mengambil peranan penting menjatuhkan Kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq itu, dan menggantikannya dengan Kerajaan Bani Abbasiyah yang berpusat di Baghdad. Puak Abbas ini kadang-kadang disebut juga sebagai puak Hasyim. Ini kerana kedua-duanya mempunyai perhubungan keturunan yang sangat rapat. Nama puak Hasyim diambil daripada nama seorang tokoh Arab di Semenanjung Arab. Hasyim, yang terkenal dalam zaman sebelum kelahiran Islam. Secara kasarnya, Hasyim mempunyai tiga keturunan, dan salah seorang daripadanya, ialah al-Abbas yang kemudiannya melahirkan puak Abbas. Dua keturunan yang lain ialah Abdullah dan Abu Talib. Abdullah ialah ayahanda kepada Nabi Muhammad, sementara Abdul Muttalib dan Abbas ialah keturunan terhampir Abdullah, Ali dan Muhammad. Dari pada Muhammad ini muncullah pula **al-Saffah** pengasas Kerajaan Abbasiyah dan al-Mansur salah seorang khalifah Kerajaan Abbasiyah.

Pertalian darah keturunan di antara Bani Abbas dengan Bani Umayyah memanglah ada kalau ditinjau secara teliti, tetapi perhubungan yang berkenaan tidaklah serapat di antara al-Abbas dengan Nabi Muhammad. Perhubungan ini nampak kalau ditinjau dari titik-titik keturunan Zaid atau Qusay al-Mujamma, kemudian Abdul Manaf, Abdul Syams, Umayyah, Harb, Abu Sufian dan akhirnya Muawiyah. Daripada Muawiyah inilah kemudiannya lahir Kerajaan Bani Umayyah. Sementara di pihak Abbas pula ialah, Zaid atau Qusay al-Mujamma, kemudian Abdul Manaf, Abdul Muttalib, al-Abbas, Abdullah, Ali dan akhirnya al-Saffah.

Pergerakan golongan Abbas menentang Kerajaan Bani Umayyah yang sebenarnya telah muncul semenjak wujudnya Kerajaan Bani Umayyah seperti yang telah dijelaskan, bahawa kewujudan Kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq itu telah ditentang oleh banyak pihak, termasuklah golongan Abbas. Penentangan ini dibuat disebabkan cara pembentukan Kerajaan Bani Umayyah yang mereka anggap tidak mengikut lunas-lunas keadilan dan persamaan hak bagi semua golongan umat Islam pada masa itu. Tetapi, disebabkan tentera-tentera kerajaan pada masa itu kuat dan teratur segala cabaran daripada golongan penentang itu, termasuklah Bani Abbas telah dapat dikawal, walau bagaimanapun pengawalan ini tidak dapat berjalan untuk selama-lamanya. Penentangan ini dari semasa ke semasa bertambah-

tambah hebat, lebih-lebih lagi apabila khalifah-khalifah yang memerintah mempunyai peribadi yang lemah, seperti pada masa Yazid II dan Walid II.

Kegiatan penentangan daripada puak Abbas terhadap golongan Bani Umayyah pemerintah pada masa itu dapat juga dilihat daripada langkah-langkah yang telah dibuat oleh orang-orang kuat puak Abbas Zainal al-Abidin dan Muhammad Ali Hanafiah dalam zaman Umar bin Abdul Aziz. Muhammad bin Ali seorang tokoh puak Hasyim yang lain, ialah di antara pemimpin yang mengadakan kempen rahsia untuk menubuhkan satu komplot besar menggempur kerajaan. Beribu-ribu risalah telah diseludupkan ke seluruh negara. Akan tetapi usaha-usaha ini tidak dapat mencapai kejayaan yang cemerlang hingga Umar bin Abdul Aziz wafat. Usaha-usaha golongan Bani Hasyim ini bertambah hebat lagi pada masa pemerintahan Yazid bin Abdul Malik (Yazid II). Pada tahun 722 M. mereka telah menubuhkan pusat penyiaran dan propaganda di bandar Marw (Merv) dalam wilayah Khurasan. Gerakan Bani Hasyim telah mendapat bantuan yang besar daripada orang Khurasan sendiri dan juga orang Parsi.

Pada masa pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik pula kegiatan Bani Abbas telah bertambah-tambah hebat. Kempen-kempen rahsia dari pusatnya di Khurasan terus dilancarkan. Seorang pemimpin Bani Hasyim Muhammad bin Ali telah menjalankan peranan mereka lebih hebat lagi hingga ke Parsi. Seorang tokoh Khurasan Abu Muslim al-Khurasani ialah orang kuat yang banyak membantu gerakan ini, tetapi setakat ini belumlah lagi menghasilkan sebarang kejayaan yang cemerlang. Hisyam, pemerintah Kerajaan Bani Umayyah dalam usaha-usaha membasmi kegiatan politik tersebut telah berjaya memberkas beberapa orang anggota dan pemimpin kumpulan yang berkenaan. Di sebabkan oleh kelemahan-kelemahan Hisyam itu sendiri, ramai di antara pemimpin-pemimpin yang diberkas itu telah dibebaskan semula dengan jaminan yang tertentu. Keadaan ini menyebabkan kegiatan golongan Bani Abbas bertambah-tambah kuat lagi dan teratur.

Kemudian dalam zaman Walid bin Yazid (Walid II) pula, golongan Bani Hasyim atau Bani Abbas telah menjalankan peranan mereka mengadakan gerakan yang lebih aktif. Seruan yang lebih lantang lagi dilancarkan ke seluruh negara. Langkah-langkah ini terus dilancarkan, dan lebih hebat lagi, apabila Walid II wafat pada tahun 744 M. Selepas itu, dalam masa Ibrahim bin Walid, golongan Bani Hasyim menggerakkan kempen-kempen mereka lebih teratur, dan kencang lagi. Kelemahan khalifah pada zaman yang berkenaan telah menguatkan lagi kedudukan golongan penentang itu, terutamanya daripada golongan tertentu di pihak yang lain. Kumpulan penentang daripada Bani

Abbas melalui kelemahan dalam pentadbiran Kerajaan Bani Umayyah itu telah dapat menyusun lebih teratur lagi kedudukan kumpulannya, bukan sahaja dari segi pentadbiran, tetapi juga dari segi taktik dan strategi. Banyak golongan rakyat daripada semua lapisan, Arab, bukan Arab, Islam dan bukan Islam telah memberi kerjasama yang erat dalam gerakan menumbangkan Kerajaan Bani Umayyah itu.

Kemuncak pergerakan Bani Abbas dalam usaha untuk menumbangkan kerajaan Bani Umayyah yang berpusat di Damsyiq itu dapat dilihat dalam zaman pemerintahan Marwan bin Muhammad (Marwan II) khalifah terakhir bagi kerajaan yang berkenaan. Dalam tahun 747 M. golongan Bani Abbas di bawah pimpinan Ibrahim bin Muhammad dengan dibantu oleh Abu Muslim al-Khurasani telah melancarkan gerakan raksaksanya. Marwan II telah mengambil tindakan tegas dalam hal ini, Ibrahim bin Muhammad telah dapat diberkas, kemudiannya dihukum bunuh. Gerakan ini kemudiannya telah digantikan oleh Abdullah bin Muhammad dan Abu Jaafar bin Muhammad, iaitu masing-masing saudara kepada Ibrahim bin Muhammad. Kemudiannya golongan Bani Abbas ini telah berjaya membebaskan Parsi daripada kekuasaan Damsyiq. Sementara itu, seorang lagi keturunan Bani Abbas telah bertempur dengan Marwan II di sebuah cawangan Sungai Tigris, tempat Marwan II tewas dan melarikan diri hinggalah ke Fustat (Cairo) di Mesir. Di sutilah Marwan II telah terbunuh dalam satu pertempuran dengan seorang lagi tokoh Bani Abbas, Salih bin Ali.

Peranan Abu Muslim al-Khurasani

Seperti yang telah disebutkan di atas Abu Muslim ialah salah seorang tokoh yang telah mengambil peranan penting dalam sejarah kejatuhan Kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq. Beliau berbangsa Khurasani yang banyak berkhidmat kepada pemerintahan Kerajaan Damsyiq tersebut terutamanya dalam bidang pentadbiran dan ketenteraan. Langkah Abu Muslim al-Khurasani menentang pucuk pimpinan kerajaan yang berkenaan adalah bersabit dengan perbuatan pemerintah Bani Umayyah yang lebih mementingkan golongan Arab, khususnya Arab Islam, sementara golongan bukan Arab Islam, atau dipanggil **Mawali** tidak begitu diambil perhatian. Pengutamaan pemerintah Umayyah kepada orang Arab ini dapat diperhatikan daripada cara kerajaan mengambil pegawai-pegawai pentadbir, ketua-ketua tentera, pemberian bantuan kebijakan dan sebagainya. Cara diskriminasi ini bukan sahaja tidak bersesuaian tetapi juga menindas, dan ini adalah bertentangan dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam.

Abu Muslim al-Khurasani menjalankan kegiatannya dan menyuarakan rasa tidak puas hati rakyat Kerajaan Bani Umayyah, umat Islam

bukan Arab, terutamanya, orang Parsi, Khurasan dan India. Gerakannya itu telah mendapat perhatian yang besar daripada golongan yang berkenaan, dan juga golongan yang lain. Tindakan Abu Muslim ini telah mendapat kerjasama yang erat daripada golongan Bani Abbas dan lain-lain. Gerakan ini dibuat secara teratur pada tahun 722 M. di bandar Marw (Merv) di wilayah Khurasan. Tempat tersebut telah dijadikan sebagai pusat penyiaran gerakan penentang Kerajaan Bani Umayyah. Abu Muslim telah menggunakan bendera hitam sebagai simbol perjuangannya. Pemerintah dalam masa tersebut, Yazid bin Abdul Malik (Yazid II) tidak berjaya menumpaskan gerakan yang berkenaan. Begitu juga pemerintah selepasnya, iaitu Hasyim bin Abdul Malik juga tidak berjaya menumpaskan gerakan yang teratur itu. Dalam zaman ini Muhammad bin Ali seorang tokoh Bani Abbas telah memberi kerjasama yang besar kepada Abu Muslim. Pengikut mereka telah bertambah ramai daripada semasa ke semasa, tetapi disebabkan oleh kelemahan Khalifah Hisyam gerakan mereka tidak dapat ditumpaskan secara lebih berkesan.

Dalam masa Walid bin Yazid (Walid II) dan juga Ibrahim bin Walid gerakan Abu Muslim ini telah mendapat sambutan yang hebat daripada orang Arab sendiri terutamanya daripada golongan bukan keturunan Umayyah. Abu Muslim bukan sahaja seorang propagandis yang bijak, tetapi juga seorang panglima tentera yang cekap dan handal. Ibrahim bin Muhammad dan saudaranya Abdullah bin Muhammad, kedua-duanya daripada Bani Abbas ialah tokoh-tokoh yang handal di samping Abu Muslim. Mereka telah mengadakan kerjasama yang paling erat dalam menyebarkan propaganda. Kerajaan Bani Umayyah ditumbangkan oleh seluruh rakyat terutamanya daripada golongan Khurasan dan Parsi seperti di atas, juga golongan-golongan lain dari Iraq, Mesir, Arab Saudi (sekarang) dan lain-lain.

Semasa Khalifah Marwan bin Muhammad (Marwan II) memerintah Kerajaan Bani Umayyah yang berkenaan, kegiatan Abu Muslim semakin memuncak. Hal ini telah menyebabkan kedudukan puak Abbas dalam usaha menumbangkan kerajaan itu bertambah-tambah kukuh. Pengikut Abu Muslim telah dihantar ke pelosok jajahan Kerajaan Bani Umayyah untuk menyebarkan penerangan tentang kelemahan kerajaan tersebut. Sambutan daripada rakyat amatlah menggalakkan sekali. Strategi penentangan telah disusun di semua kota Kerajaan Bani Umayyah, lebih-lebih lagi di Damsyiq, ibu kota kerajaan itu, Kufah, Basra, Fustat (Cairo), Makkah, Madinah dan lain-lain. Di Khurasan, pusat terpenting gerakan Abu Muslim, Nasr bin Siyar, abenor wilayah itu telah cuba meminta bantuan kepada Marwan II di Damsyiq untuk menghapuskan gerakan Abu Muslim itu, tetapi kecewa, kerana beliau sendiri menghadapi penentangan yang sangat di sana. Pada tahun 750 M., sebelum keruntuhan Kerajaan Bani Umayyah itu Abu

Muslim telah berangkat ke Kufah, dan dari sinilah ia menggerakkan tentera-tenteranya bersama-sama puak Abbas hingga kerajaan itu tumpas.

Marwan dan Keruntuhan Kerajaan Bani Umayyah

Marwan bin Muhammad (Marwan II) (tahun 744-750 M.) ialah di antara khalifah menjadi terkenal bukanlah disebabkan oleh jasa-jasanya terhadap kerajaan itu, sebaliknya kerana beliau mempunyai hubungan rapat dengan keruntuhan kerajaan itu. Marwan II, sebagaimana yang telah disebutkan di atas ialah khalifah yang terakhir bagi Kerajaan Bani Umayyah. Beliau menjadi khalifah setelah berlaku satu pertumpahan darah. Pada mulanya Marwan II memanglah bercita-cita untuk mengukuhkan kembali kerajaannya, tetapi segala-galanya tidak dapat dihasilkan. Keretakan yang berlaku dalam masa khalifah-khalifah yang terdahulu daripadanya merupakan pukulan yang paling hebat sekali kepada keruntuhan kerajaan itu, dan amat sukar sekali untuk dipulihkan.

Dalam masa pemerintahannya pemberontakan yang membayangkan rasa tidak puas hati rakyat terus-menerus berlaku. Di Kufah satu pemberontakan yang bernama Pemberontakan Ibu Muawiyah, pimpinan Abdullah bin Muawiyah daripada golongan Syiah telah meletus, tetapi kemudiannya dapat dicegah oleh Marwan II, berikutnya pula meletus pemberontakan di Ghutah, berhampiran dengan Damsyiq, dan diikuti pula di Bait al-Maqdis, tetapi kesemua pemberontakan ini akhirnya dapat juga dipatahkan oleh Marwan II. Di Kufah sekali lagi pemberontakan telah berlaku, tetapi pada kali ini dilakukan oleh puak Khawarij, yang diketuai oleh Dhahak bin Qais. Dhahak telah berjaya menyingkirkan gabenor Abdullah bin Umar (bin Abdul Aziz) daripada Kufah. Tetapi Marwan II banyak kali berjaya mematahkan gerakan Dhahak. Walaupun demikian gerakan pemberontakan ini terus-menerus berlaku, malah bertambah-tambah hebat lagi.

Gerakan raksasa daripada puak Abbas sebagaimana yang disebutkan di atas telah dilancarkan pada tahun 747 M. di bawah pimpinan Ibrahim bin Muhammad, dan dibantu oleh Abu Muslim al-Khurasani. Mereka telah menggunakan lambang hitam sebagai warna benderanya, yang dikenali dengan panggilan **Ahl al-Bait**. Marwan II telah menjalankan tindakan keras untuk mengesan dan membasmikan revolusi yang telah dilancarkan oleh puak Abbas itu. Dalam langkah ini Ibrahim bin Muhammad telah diberkas dan dihukum bunuh. Dua orang saudaranya, Abdullah dan Abu Jaafar telah berjaya melepaskan diri dan lari ke Kufah dan menjalankan tindakan di sana. Kemudian dari sini Bani Abbas telah berjaya membebaskan Parsi dari kawalan Damsyiq. Se-

rentak dengan ini Abu Muslim dan Abdullah bin Muhammad bersama-sama Abu Jaafar bin Muhammad telah bersatu menentang Kerajaan Bani Umayyah. Selanjutnya Abdullah bin Ali menggempur Marwan II, manakala kumpulannya bergerak di daerah-daerah lain. Abdullah bin Ali telah berangkat dan tiba di Sungai Zab, iaitu salah satu cawangan Sungai Tigris. Di sini Abdullah telah bertemu dengan angkatan Marwan II yang terdiri daripada 140,000 orang tentera. Suatu pertempuran yang dahsyat telah berlaku, dan diakhiri dengan kejayaan di pihak Abdullah.

Marwan II kemudiannya telah melarikan diri, dan dikejar oleh Abdullah hingga ke Fustat (Cairo) di Mesir. Pada akhirnya Salleh bin Ali atas perintah saudaranya sendiri Abdullah bin Ali telah berjaya membunuh Marwan II di tempat itu juga pada 5 Ogos tahun 750 M. (27 Dzul Hijjah 132 H. mengikut banyak pendapat). Berakhirlah sejarah Bani Umayyah di Damsyiq dan muncullah pula Kerajaan Bani Abbasiyah di Baghdad.

Al-Saffah dan Kelahiran Kerajaan Bani Abbasiyah

Al-Saffah atau nama penuhnya Abdullah bin Muhammad atau dikenali juga Abu Abbas al-Saffah, adalah tokoh terpenting dalam sejarah kelahiran Kerajaan Bani Abbasiyah di Baghdad. Beliau juga menjadi khalifah yang pertama bagi Kerajaan Abbasiyah. Al-Saffah keturunan al-Abbas, bapa saudara Nabi Muhammad. Dari al-Abbas lahirlah al-Saffah dan juga al-Mansur, khalifah Kerajaan Bani Abbasiyah yang kedua, di samping khalifah-khalifah yang lain, seperti yang telah pun disebutkan di atas. Al-Saffah yang bermakna 'Penumpah Darah' telah banyak melakukan kegiatan yang tidak berperikemanusiaan setelah berjaya memegang tampuk pemerintahan. Beliau telah melakukan ke ganasan dan kekejaman dalam gerakan membersihkan golongan keturunan Bani Umayyah. Ramai keturunan Bani Umayyah yang tidak bersalah dibunuhnya. Ini termasuklah kanak-kanak, perempuan dan orang-orang tua.

Beratus-ratus orang daripada golongan Umayyah telah diberkas dan dibunuh. Ini dijalankan dalam berbagai-bagai cara yang setengah-setengahnya di luar perikemanusiaan. Antaranya ialah jamuan yang konon dikhaskan untuk mereka sebagai menyambut kejayaan Bani Hasyim (Abbas) dan tanda perdamaian dengan mereka. Setelah hadir mereka telah dibunuhnya. Sementara itu gerakan memburu dan memusnahkan tempat kediaman dan permakaman juga diperhebatkan. Gerakan ini telah menyebabkan ramai tokoh Bani Umayyah terkorban, kecuali Abdul Rahman bin Muawiyah bersama-sama peng-

ikutnya telah berjaya melepaskan diri, dan lari ke Sepanyol, yang kemudiannya dia menjadi pemimpin kerajaan di sana.


Kegiatan keganasan yang dibuat oleh al-Saffah dan pengikut-pengikutnya itu telah menimbulkan reaksi yang buruk di kalangan rakyat. Rakyat Bani Umayyah dan lain-lain yang baharu sahaja menghadapi pertumpahan darah itu telah bangun memberontak. Keadilan dan kesejahteraan yang sangat-sangat mereka harapkan dengan terdirinya kerajaan baharu itu sia-sia sahaja, malahan dalam beberapa hal telah menambahkan lagi penderitaan yang telah mereka alami selama ini. Pemberontakan ini telah dimulakan oleh panglima gagah Abu al-Ward di Qinnasirin, dan kemudiannya diikuti oleh Yazid di Tadmir. Semen-tara Abdullah bin Ali sendiri telah meletuskan satu pemberontakan di Damsyiq. Begitu juga Musa bin Ka'ab telah bangkit memberontak. Serentak dengan itu pula Abu Muhammad telah bergerak menentang kerajaan. Begitu juga, penduduk-penduduk Mesopotamia, Libya dan penduduk-penduduk keturunan Arab di Khurasan. Mereka telah juga melakukan keganasan menentang kerajaan.

Kebanyakan pemberontakan itu telah dapat dipatahkan pada masa al-Saffah kerana al-Saffah mempunyai kekuatan tentera, sedangkan pemberontak-pemberontak itu bertindak secara berasingan. Banyak wilayah yang dirampas oleh pemberontak itu telah dapat diambil balik oleh pemerintah. Walaupun begitu, wilayah Khurasan tetap di bawah kawalan Abu Muslim al-Khurasani. Sungguhpun dalam masa al-Saffah ini banyak kejadian yang tidak diingini berlaku, tetapi segala-gala ini telah dapat dibersihkan kemudiannya, terutamanya dalam masa al-Mansur dan al-Maamun. Mereka telah berjaya memberi kesejahteraan yang wajar kepada rakyat.



KERAJAAN BANI ABBASIYAH (750-1258M/132-656H)

Khalifah-khalifah Abbasiyah



1. Al-Saffah (132-136 H./750-754 M.)
2. Al-Mansur (136-158 H./754-775 M.)
3. Al-Mahdi (158-169 H./775-785 M.)
4. Al-Hadi (169-170 H./785-786 M.)

5. Harun Al-Rasyid (170-193 H./786-809 M.)
6. Al-Amin (193-198 H./809-813 M.)
7. Al-Ma'mun (198-218 H./813-833 M.)
8. Al-MuktaSIM (218-227 H./833-842 M.)
9. Al-Wasiq (227-232 H./842-847 M.)
10. Al-Mutawakkil (232-247 H./847-861 M.)
11. Al-Muntasir (247-248 H./861-862 M.)
12. Al-Mustain (248-252 H./862-866 M.)
13. Al-Muktaz (252-255 H./866-869 M.)
14. Al-Muhtadi (255-256 H./869-870 M.)
15. Al-Muktamid (256-279 H./870-892 M.)
16. Al-Muktadhid (279-289 H./892-902 M.)
17. Al-Muktafi Billah (289-295 H./902-908 M.)
18. Al-Muqtadir (295-320 H./908-932 M.)
19. Al-Qadir (320-322 H./932-934 M.)
20. Al-Radhi (322-329 H./934-940 M.)
21. Al-Muttaqi (329-333 H./940-944 M.)
22. Al-Mustakfi (333-334 H./944-945 M.)
23. Al-Muti' (334-363 H./945-973 M.)
24. Al-Taii (363-381 H./973-991 M.)
25. Al-Qadir (381-422 H./991-1031 M.)
26. Al-Gaim (422-467 H./1031-1074 M.)

27. Al-Muqtadi (467-487 H./1074-1094 M.)
28. Al-Mustazhir (487-512 H./1094-1118 M.)
29. Al-Mustarsyid (512-529 H./1118-1134 M.)
30. Al-Rasyid (529-530 H./1134-1135 M.)
31. Al-Muktafi (530-555 H./1135-1160 M.)
32. Al-Mustanjid (555-566 H./1160-1170 M.)
33. Al-Mustadhi (566-575 H./1170-1179 M.)
34. Al-Nasir (575-622 H./1179-1225 M.)
35. Al-Zahir (622-623 H./1225-1226 M.)
36. Al-Mustansir (623-641 H./1226-1243 M.)
37. Al-Mustaksim (641-656 H./1243-1258 M.)

Sebagaimana yang tersenarai di atas dalam tempoh kira-kira lima abad Kerajaan Bani Abbasiyah wujud seramai 37 khalifah telah memerintah. Tetapi tidak semua khalifah-khalifah yang tersebut telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pemerintahan mereka. Kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah ini banyak tertumpu dalam bidang ilmu pengetahuan. Penaklukan tidak banyak dibuat seperti Kerajaan Bani Umayyah. Oleh hal yang demikian huraian sejarah Kerajaan Bani Abbasiyah di sini lebih banyak akan tertumpu kepada khalifah-khalifah yang mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang ilmu pengetahuan.

Permulaan Pentadbiran Kerajaan Abbasiyah

Puak Bani Abbas berasal daripada keturunan al-Abbas, bapa saudara Nabi Muhammad. Daripada keturunan al-Abbas inilah munculnya tokoh-tokoh pejuang yang telah menggulingkan Kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq. Kemudian lahirlah pada Kerajaan Abbasiyah di Baghdad, sebuah kerajaan yang telah menciptakan dunia ilmu pengetahuan dan membangun tamadun yang unggul. Kebangkitan Kerajaan Bani Umayyah bukanlah kebangkitan seluruh umat Islam, tetapi ada-

lah sinaran segolongan tokoh Islam yang berjiwa keduniaan dan keagungan. Faktor-faktor yang seumpama inilah yang telah menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati rakyat, dan berikutnya meledaklah satu pemberontakan yang akhirnya menumbangkan kerajaan itu.

Setelah Kerajaan Bani Umayyah runtuh, lahir pula Kerajaan Bani Abbasiyah, dengan suasana yang baharu, sesuai dengan pemerintah yang baharu. Abdullah bin Muhammad atau yang lebih terkenal lagi dengan nama Abu Abbas al-Saffah ialah khalifah Kerajaan Abbasiyah yang ulung. Setelah berjaya memegang jawatan itu beliau telah menjalankan beberapa gerakan membersihkan anasir Bani Umayyah dan mereka yang prodengannya. Beratus-ratus orang daripada golongan Umayyah telah diberkas dan dihukum bunuh. Pemberkasan dan hukuman tersebut telah dijalankan dengan berbagai-bagai cara yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam itu sendiri. Sementara itu gerakan memburu dan memusnahkan tempat kediaman Bani Umayyah ini juga dijalankan dengan kejamnya. Langkah-langkah keras ini telah menyebabkan ramai pemimpin dan tokoh Bani Umayyah terkorban di tangan tentera Al-Saffah, kecuali Abdul Rahman bin Muawiyah. Dia telah berjaya melepaskan diri bersama-sama beberapa orang pengikutnya ke Sepanyol, dan menjadi pemimpin kerajaan Islam di sana.

Keganasan dan kekejaman dalam gerakan membersihkan golongan Umayyah telah menyebabkan Abu Abbas dikenali sebagai **al-Saffah** ataupun **Penumpah Darah**. Gelaran ini bukan sahaja diterima oleh Abu Abbas, tetapi dianggapnya sebagai suatu penghormatan kepadanya. Serentak dengan peristiwa keganasan ini timbulah reaksi tidak puas hati di kalangan rakyat yang kemudiannya melahirkan beberapa pemberontakan kecil. Kesejahteraan dan kemakmuran yang selama ini menjadi idaman mereka, bukan sahaja tidak dapat mereka kecap, malahan meletus pula suatu kekejaman. Beberapa orang tokoh pejuang telah bangkit memberontak di seluruh negara. Pemberontak itu telah dimulakan oleh panglima terhandal Abu al-Ward di Qinnasirin, dan kemudiannya diikuti pula oleh Yazid di Tadmir. Sementara itu Abdullah bin Ali dari keluarga Abbas sendiri telah memulakan suatu gerakan revolusi di Damsyiq.

Musa bin Ka'ab telah bangkit memberontak. Serentak dengan ini Abu Muhammad pula telah bergerak menentang kerajaan. Ratusan juga berlaku di Wasit dan Jazirah. Kemudian diikuti pula oleh penduduk negeri Mesopotamia, Libya, Oman dan penduduk-penduduk keturunan Arab di Khurasan. Kebanyakan gerakan pemberontakan itu telah dapat dipatahkan oleh pihak pemerintah, kerana mereka tidak bersatu. Mereka juga tidak melancarkan pemberontakan sekaligus di seluruh negara. Teknik pemberontakan secara bersendirian dan berasingan ini memudahkan pihak pemerintah melenyapkannya. Kecuali

Khurasan yang di bawah kawalan Abu Muslim, semua wilayah yang dahulunya di bawah Bani Umayyah kini telah ditadbirkan oleh keluarga Bani Abbas.

Dalam tempoh empat tahun Abu Abbas memegang teraju kerajaan Bani Abbas, tidak ada perubahan kemajuan yang telah dibuatnya, kecuali dalam gerakan pembersihan. Ada ahli sejarah yang tidak dapat menerima Abu Abbas sebagai pengasas Kerajaan Bani Abbasiyah. Mereka lebih bersetuju untuk menerima Abu Jaafar sebagai pengasasnya.

Pandangan ini ditinjau daripada suasana yang tidak begitu memberangsang dalam sebarang lapangan, pada masa Abu Abbas memegang teraju kerajaan tersebut. Secara sekilas pandang Abu Abbas hanyalah pelopor dalam gerakan menentang dan menggulingkan Kerajaan Umayyah. Dalam banyak hal, beliau tidak berjaya mencari suatu kebulatan terhadap kerajaan yang berkenaan.

Sepanjang zaman kekuasaan Kerajaan Abbasiyah, perubahan dan kemajuan dalam berbagai-bagai bidang berlaku dengan pesatnya. Kemajuan ini berpunca daripada kepintaran pemerintah dengan adanya asas-asas kemajuan yang kukuh, yang telah dibangunkan dalam zaman kekuasaan Kerajaan Umayyah dan Kerajaan Islam sebelumnya. Kerajaan Bani Abbasiyah bolehlah dianggap sebagai menghidupkan, melanjutkan dan memusatkan lagi asas-asas kemajuan tersebut.

Al-Mansur dan Pembentukan Kota Baghdad

Setelah al-Saffah wafat pada tahun 754 M. saudaranya, al-Mansur telah dilantik menjadi khalifah (754-775 M.). Al-Mansur, dikenali juga dengan nama Abu Jaafar bin Muhammad bin Ali. Dalam masa Al-Saffah berkuasa beliau telah memegang jawatan gabenor di Jazirah, sementara Abdullah di Syam serta Mesir, dan Abu Muslim di Khurasan. Al-Mansur seorang khalifah yang bijak, dan mempunyai jiwa kemajuan dalam segala bidang kehidupan. Ramai rakyat Abbasiyah menerima perlantikan beliau dengan senang hati. Beliau telah menyusun sistem pentadbirannya dengan cukup rapi.

Pada masa permulaan pemerintahan al-Mansur beberapa pemberontakan kecil telah berlaku. Kebanyakan pemberontakan ini adalah lanjutan daripada masa al-Saffah (750-754 M.). Di antara pemberontakan tersebut ada yang dilakukan oleh bapa saudaranya sendiri, Abdullah bin Ali yang telah mengambil peranan penting dalam perpeperangan dengan Marwan II di Sungai Zab. Abdullah telah bertindak menggerakkan angkatannya di Kufah. Al-Mansur telah mengarahkan Abu Muslim di Khurasan untuk menyekat pemberontakan itu. Akhir-

nya Abdullah telah tewas di Nasibin pada tahun 754 M. dan telah wafat dalam tawanan.

Abu Muslim pada masa itu sahaja-seorang panglima perang yang terhandal, tetapi juga seorang gabenor yang cekap dan berperkuasaan. Khurasan, wilayah yang dikendalikannya tidak begitu terikat dengan kerajaan pusat, dan merupakan wilayah yang separuh merdeka. Kehandalan dan pengaruh Abu Muslim telah menimbulkan kegelisahan pembesar dan khalifah, kerana dengan mudah sahaja dia boleh menggulingkan khalifah, jika dia mengkehendakinya. Ini menyebabkan timbul berbagai-bagai fitnah dan di antara fitnah itu, Abu Muslim dikatakan telah menubuhkan satu komplot untuk menggulingkan khalifah. Mengikut setengah-setengah ahli sejarah akibat daripada fitnah ini Abu Muslim telah dihukum bunuh oleh khalifah.

Sementara itu Ibrahim dan Muhammad cucu kepada Khalifah Hassan telah menimbulkan suatu pemberontakan di Madinah, dan kemudiannya diikuti pula oleh puak-puak Syi'ah yang lain di beberapa daerah di Hijaz, tetapi pemberontakan itu telah dapat dipadamkan oleh pihak pemerintah. Begitu juga pengikut Abu Muslim di Khurasan. Mereka telah bangkit memberontak, tetapi telah dapat dipatahkan oleh kerajaan.

Sistem Wazir

Jika Kerajaan Bani Umayyah menggunakan **setiausaha agung** selaku pembantu utama kepada khalifah, maka Kerajaan Abbasiyah pula menggunakan **wazir** atau **perdana menteri** sebagai pembantu utama kepada khalifah. Jawatan ini sebenarnya telah dimulakan semenjak al-Saffah lagi, tetapi pada masa itu tidak begitu terkenal. Pada masa khalifah al-Mansur dan beberapa khalifah selepasnya berkuasa, keluarga Barmaki telah memenuhi jawatan ini, dengan dimulakan oleh Khalid bin Barmak. Keluarga Barmaki mempunyai kedudukan dan kekuasaan yang besar dalam pentadbiran Abbasiyah. Mereka juga telah memainkan peranan utama dalam bidang ilmu pengetahuan, terutamanya bidang kesusastraan. Jaafar al-Barmaki wazir Harun al-Rasyid umpamanya, telah mengasaskan pertumbuhan cerita khayalan. **Seribu Satu Malam** yang kemudiannya merupakan sebahagian daripada cerita-cerita yang terkemuka di seluruh dunia. Keluarga Barmaki adalah keturunan Parsi. Mulai saat ini muncullah sistem perlantikan orang-orang bukan keturunan Arab dalam kerajaan Abbasiyah terutamanya dalam bidang **wizarah**.

Al-Mansur telah melantik Abu Maslamah bin Khallah keturunan Parsi sebagai wazirnya. Wazir terbahagi kepada dua bahagian, **Tafwid**

dan **Tanfiz**. Wazir yang pertama mempunyai kuasa penuh, sementara wazir kedua hanya mempunyai separuh kuasa. Dalam banyak perkara wazir Tafwid berkuasa seperti khalifah, kecuali dalam hal perlantikan khalifah, gabenor dan perlucutan jawatan mereka. Wazir dilantik daripada sebarang golongan dengan syarat orang itu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang tinggi. Dalam hal yang tertentu, seperti dalam bidang ketenteraan, wazir mestilah mempunyai pengetahuan yang lebih daripada khalifah. Misalnya Abu Jaafar telah memerintahkan rakyatnya supaya meruntuhkan **Iwan Kir** di Madain, Parsi untuk mengambil bahan-bahan seperti mutiara, berlian, emas, kayu-kayan dan sebagainya, tetapi cadangan ini terpaksa dibatalkan atas permintaan Khalid bin Barmak.

Pembinaan Kota Baghdad (762 M.)

Kerajaan Bani Abbasiyah dilimpahi nikmat kesejahteraan dan kemakmuran. Ini membolehkan khalifah membangunkan ibukota kerajaan itu secara besar-besaran. Pembangunan raksasa iaitu pembinaan kota Baghdad telah dilakukan di lembah Sungai Tigris (Dajlah) pada tahun 762 M. Pembinaan tersebut telah disempurnakan selama empat tahun. Beratus-ratus pakar pembinaan dalam berbagai-bagai bidang telah ditugaskan untuk menyempurnakan pembangunan tersebut. Pembinaan kota Baghdad itu meliputi kawasan seluas kira-kira tiga kilometer persegi dan dilingkungi oleh tiga lapis tembok besar. Tembok sebelah luar dibina setinggi 16 meter, dan lebarnya di bahagian bawah 27 meter, sementara di bahagian atas $10\frac{1}{2}$ meter. Di bahagian luar tembok itu dikelilingi oleh parit-parit. Empat buah pintu gerbang kota yang besar telah dibina menghala ke sebatang jalan raya yang dimulakan dari pusat kota itu, untuk kegunaan lalu lintas.)

Di tengah-tengah lingkungan tembok kota itu didirikan pula istana khalifah yang disebut **Qasr al-Dhahab** (Istana Emas), **masjid besar** ('jami'), pusat perniagaan dan lain-lain. Kemudian sebuah lagi istana telah dibina di luar tembok itu, dan istana ini dinamakan **Qasr al-Khuld** (Istana Abadi). Manakala istana yang dinamakan **Qasr al-Risafah** telah dibangunkan di seberang Sungai Tigris bertentangan dengan **Qasr al-Dhahab**. **Kubah Diwan Am** telah didirikan setinggi 40 meter.

* Kota Baghdad kemudiannya telah menjadi pusat kebudayaan dan perdagangan dunia timur dan pusat tumpuan para tokoh seluruh dunia. Kemudian sebaik-baik sahaja pembinaan kota itu disempurnakan, khalifah telah memindahkan ibu kota Abbasiyah ke kota baharu itu. Di kota Baghdad itu al-Mansur telah mengasaskan bidang pengajian tinggi

sebagai permulaan pertumbuhan ilmu pengetahuan Islam dalam masa Abbasiyah. Beberapa buah pusat pengajian tinggi yang setara dengan universiti telah mula dibangunkan. Al-Mansur ialah pengasas **Dar al-Hikmah** sebuah pusat pengajian tinggi di sana. Berpuluhan-puluhan orang tokoh ilmu pengetahuan telah diundang dari seluruh negara dan luar negeri untuk mengkaji dan menterjemahkan kitab-kitab ilmu pengetahuan dari bahasa Parsi dan Yunani. Dewasa itu muncullah pula **Imam Abu Hanifah** seorang tokoh ilmu pengetahuan Islam, khususnya dalam bidang ilmu perundangan. Beliau telah mencipta kitab **al-Muwatta** sebagai asas ilmu perundangan Islam.

Kota Baghdad pada masa itu juga menjadi pusat perdagangan Timur Tengah, khususnya. Sungai Tigris telah dijadikan sebagai laluan utama untuk pengangkutan dan pelabuhan perdagangan. Berpuluhan-puluhan kapal dari seluruh negara besar termasuklah kapal-kapal dari India, China, Turki, Afrika dan Eropah berlabuh di pelabuhan Baghdad itu. Barang-barang perdagangan dari negeri China seperti sutera, bau-bauan, kertas dan lain-lain dari India seperti barang-barang galian, kain-kain, batu permata dan sebagainya telah dipasarkan di kota besar itu. Kemajuan perniagaan di sana telah meningkat dengan pesatnya dari semasa ke semasa.

Pemilihan Baghdad sebagai ibukota Kerajaan Abbasiyah tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang penting dan berasas. Kedudukan kota tersebut sangat sesuai kerana terletak di lembah Sungai Tigris yang termasyhur, yang sangat sesuai dijadikan sebagai laluan pengangkutan dan pelabuhan. Di sekitar kota tersebut pula terdapat lembah-lembah yang subur untuk tanaman, ladang yang menjadi sumber kehidupan utama. Tidak jauh dari Baghdad ialah negeri Parsi yang mempunyai sejarah peradaban yang tinggi dan sentiasa memberi jiwa yang besar kepada Kerajaan Abbasiyah. Kota-kota seperti Damsyiq mempunyai suasana politik yang keruh. Disitulah pusat gerombolan anti-Abbasiyah memusatkan gerakan mereka dan sentiasa menanti masa sahaja untuk memberontak. Tegasnya Damsyiq ialah kawasan hitam bagi Abbasiyah.

Zaman Jihad

Zaman al-Mansur, telah meletuskan lagi persengketaan di antara Kerajaan Islam di Baghdad dengan Kerajaan Byzantine mengenai masalah perbatasan di Asia Minor (Asia Kecil). Asia Minor telah menjadi medan perang utama di antara pejuang-pejuang Eropah dengan bangsa Asia Barat. Dalam zaman sebelum Islam kawasan ini telah menjadi rebutan di antara Kerajaan Sasanid (Parsi) dengan Kerajaan Byzantine.

Kini pertelagahan itu telah bangkit kembali, tetapi kali ini telah dimainkan oleh pejuang-pejuang Islam dan Kristian. Al-Mansur telah mengirimkan angkatan perangnya ke Asia Minor untuk menggempur tentera-tentera Kristian. Pihak Islam telah berjaya menawan kembali kota Malatyah di Armenia dan Massia di Cilicia. Kemudian angkatan Muslimin telah bergerak ke utara hingga ke Pergunungan Caucasia, dan berjaya menawan wilayah Tabaristan serta sepanjang pantai Laut Caspian. Sementara itu angkatan Islam di Timur telah berjaya menawan Kandahar dan kemudian bergerak hingga ke Segenting Khybar. Dalam masa yang singkat sahaja angkatan Islam telah tiba di India di kawasan yang kini dikenali dengan nama Perbatasan Barat-Laut Pakistan. Mereka telah berjaya memasuki Lembahan Kashmir.

Al-Mansur telah wafat pada tahun 775 M. lalu digantikan oleh puteranya Muhammad al-Mahdi (775-785 M.). Setelah al-Mahdi wafat pada 785 M., puteranya Musa al-Hadi (785-786 M.) telah dilantik menjadi khalifah. Dalam sejarah Kerajaan Abbasiyah, al-Hadi tidak banyak membuat pembaharuan terhadap kerajaan itu. Bagaimanapun ayahandanya al-Mahdi semasa memerintah telah banyak menjalankan tugas untuk kebaikan rakyat. (Al-Mahdi ialah salah seorang khalifah yang berpengalaman dan cekap dalam menjalankan pentadbiran. Beliau telah menjalankan berbagai-bagai projek pembangunan. Masjid-masjid, sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain telah dibangunkan dan mana-mana yang rosak telah dibaiki. Rumah-rumah persinggahan untuk pelancong dan rumah-rumah sakit telah dibina. Sementara itu, jabatan ukur yang mengambil peranan mengukur dan menilai kesuburan tanah telah ditubuhkan. Batu-batu tanda untuk menunjukkan jarak jauh satu-satu tempat telah juga diadakan. Jalan raya telah diperbanyak dan diperbaiki. Dalam bidang ilmu pengetahuan al-Mahdi telah memainkan peranan penting. Pusat-pusat pengajian tinggi telah diperbanyak. Bidang ketenteraan diperbesar untuk meluaskan jajahan kerajaan Abbasiyah.) Seorang puteranya, Harun (kemudian dikenal sebagai Harun al-Rasyid) telah banyak memainkan peranan dalam bidang ini. Gerakan Harun telah tiba di Pergunungan Bosphuro dan telah cuba menawan Constantinople, tetapi gagal.

Harun al-Rasyid (786-809 M.)

Setelah al-Hadi wafat pada tahun 786 M., Harun al-Rasyid telah dilantik menjadi khalifah menggantikannya. Harun ialah seorang khalifah yang mempunyai keperibadian yang tinggi, dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran, kemasyarakatan dan ilmu pengetahuan. Harun telah dilahirkan di wilayah al-Ray pada akhir

bulan Zulhijjah 145 H.(765 M.) Dalam usia remaja beliau telah menumpukan masanya mendalami ilmu perundungan Islam (**Fiqh**), dan ilmu pengetahuan yang lain. Ini menyebabkan zaman pemerintahan Harun al-Rasyid merupakan zaman kegembilangan Kerajaan Abbasiyah.

Kemajuan dalam masa al-Rasyid

Harun al-Rasyid ialah khalifah yang termasyhur dalam zaman Kerajaan Bani Abbasiyah. Beliau telah memerintah selama kira-kira 23 tahun dengan kejayaan yang cemerlang. Al-Rasyid telah pernah menjalinkan perhubungan dengan Charlemagne, Maharaja Perancis, dan juga dengan maharaja China. Harun, di samping wazir yang bijak, Jaafar al-Barmaki, telah berjaya menyingkap dunia dan menyinarinya dengan alam peradaban kemanusiaan. Bidang perdagangan, pentadbiran, ilmu pengetahuan, kesenian dan lain-lain telah memancar gilang-gemilang dalam zaman itu. Kota Baghdad khususnya dan kota-kota lain telah menjadi pusat penting atau gedung-gedung perdagangan di Timur Tengah (Asia Barat) khasnya. Barang-barang dagangan dari seluruh pelosok Kerajaan Abbasiyah khususnya telah mencurah-curah ke kota raya itu. Jalan-jalan perniagaan yang digunakan dewasa itu ialah Laut Merah, Laut Parsi dan Laut Mediterranean. Jalan-jalan darat pula terentang dari Iraq ke utara mengikut persisiran Laut Merah, ke Laut Mediterranean, ke arah Tunisia, lantas ke Maghribi juga menerusi Sungai Nil lantas ke kawasan pedalaman Afrika. Kota-kota di sekitar persisirannya, juga di Laut Caspian, Laut Aral, dan di pinggiran Sungai Furat, Sungai Tigris, Sungai Ozus dan Sungai Jazartes telah menjadi pemusat saudagar-saudagar.

Kota Baghdad telah menjadi lambang kemajuan. Barang-barang yang dibawa ke kota itu ialah dari Wasit, Ubdullah, Azwas, Fars, Oman, Yamamah dan Bahrain menerusi Sungai Tigris dan lain-lain. Manakala kota-kota seumpama Mosul, Diyar, al-Jabajan, dan wilayah Armenia telah menjadi pusat pengimpor dan pengeksport. Menerusi Sungai Furat pula barang dagangan dibawa ke hilir dari Dyar Mudar, Riqqar, kota di Syam (Syria) dan Afrika. Wilayah-wilayah dan kota-kota seperti Jibba, Isfahan dan Khurasan telah menjadi perhentian kafilah-kafilah dagangan. Dari Syam barang-barang itu juga dihantarkan ke Mesopotamia dan lain-lain. Barang-barang perdagangan yang diperdagangkan ialah barang-barang makanan seperti gandum, barli, beras, buah kurma, buah zaitun dan lain-lain. Dalam pada itu pula barang-barang logam juga telah diusahakan. Perak diusahakan di kawasan Hindukush, emas dan tembaga di Isfahan, dan juga di Mubia

(Sudan), sementara besi di Parsi, Ferghana dan Sicily. Manakala permata pula diusahakan di kawasan Teluk Parsi, dan kayu-kayan dikeluarkan di kawasan timur laut Bagdad.

Dalam zaman itu secara kasar bidang perusahaan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu perusahaan keperluan hidup harian dan perusahaan perumahan. Perusahaan pertanian ialah bidang yang terpenting sekali. Penenunan permaidani dijalankan di Tabaristan, Armenia dan Parsi. Hamparan atau permaidani ini berharga tinggi, dan ketinggian mutunya pada masa itu tidak dapat ditandingi oleh pengeluar-pengeluar lain di dunia ini. Kegunaan permaidani selain daripada hamparan, juga dibentangkan sebagai tabir disebut kain dewangga (*testey*). Kain-kain seperti linen dikeluarkan dari kawasan yang sekarang ini mengusahakan kapas, seumpama Mesir. Bandar-bandar Iskandariah, Qahirah, Damiatta dan Tunis menjadi pusat utama perusahaan ini. Kain sutera dan tiraz pula diimport dari negeri China. Buatannya sangat baik, dan selalunya digunakan dan dipakai oleh pembesar-pembesar dan para hartawan.

Khalifah telah memberi hak perdagangan kepada saudagar-saudagar, bagaimanapun ada perusahaan-perusahaan yang besar yang telah dijadikan milik negara. Terdapat juga puak-puak perniagaan yang cuba bebas dari pemilikan negara. Selain daripada butir-butir yang telah dibentangkan di atas, barang-barang perniagaan seperti kertas, teh dan pinggan mangkuk dari negeri China juga diperdagangkan. Kertas-kertas yang berkenaan telah diperkenalkan oleh saudagar-saudagar Arab kepada orang Eropah semenjak tahun 751 M. yang bermula ke kota-kota negara Islam. Dalam tahun 800 M. perniagaan barang-barang ini telah sampai ke Mesir, dan dalam tahun 900 M. tiba di Sepanyol. Di persisiran Laut Mediterranean tempat-tempat seperti Tabiarias, Hama, Tripoli, Qahirah, Fez (Maghribi), Babensia (Sepanyol) dan lain-lain telah menjadi tumpuan perniagaan. Di setengah-setengah tempat pula terdapat perusahaan membuat labu bekas air, barang-barang logam, sabun, bau-bauan, pelana kuda, perhiasan burung merak, kulit-kulit, ubat-ubatan dan berbagai-bagai lagi. Mengikut kajian ahli-ahli sejarah tingkat kemajuan perdagangan dalam masa itu adalah sama nilainya dengan perdagangan di Eropah sekarang ini.

Dalam bidang ilmu pengetahuan Khalifah Harun al-Rasyid juga mengambil perhatian yang amat berat. Asas bidang ini telah dimulakan oleh khalifah-khalifah sebelumnya seperti al-Mahdi. Wazir-wazir beliau seperti Yahya yang dibantu oleh putera-puteranya (putera Yahya) iaitu Fadl, Jaafar, Muhammad dan Musa telah memainkan peranan utama dalam pertumbuhan bidang ini, walaupun kemudian mereka melahirkan peristiwa aneh. Di antara mereka itu Jaafarlah yang

termasyhur. Dalam zaman Khalifah Harun kota Baghdad, juga Madinah, Kufah, Qahirah dan Balkh telah menjadi pusat pengajian ilmu pengetahuan. Ramai mahaguru-mahaguru, pendita-pendita dan pelajar-pelajar telah memusat ke kota-kota itu terutamanya Baghdad.

Para pendita tempatan dan luar telah bekerja keras mencipta dan menterjemah buku-buku ilmu pengetahuan daripada bahasa Yunan, Parsi, Hindustan dan lain-lain. Pusat-pusat pengajian yang setaraf dengan sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab-maktab dan universiti telah dibangunkan. Sebuah perpustakaan agung yang bernama **Bait al-Hikmah** telah dibangunkan. Pengajian-pengajian bidang ilmu pengetahuan tersebut, termasuklah ilmu kedoktoran, astronomi, ilmu hisab, ilmu Hadith, kesusasteraan, seni muzik, seni bangunan, falsafah, sejarah, ilmu alam dan berbagai-bagai lagi. Pada masa itu muncullah **Imam Malik** dan **Imam Abu Hanifah** tokoh-tokoh ilmu perundangan Islam yang terkemuka hingga pada masa ini. Penghargaan khalifah terhadap ilmu pengetahuan dan tokoh-tokoh yang bersangkutan dengannya memanglah merupakan suatu kenyataan. Beliau telah memberi layanan yang sewajarnya terhadap tokoh-tokoh ilmu pengetahuan daripada semua bangsa dan agama.

Khalifah Harun sendiri mempunyai doktor peribadi yang sangat dihormati dan disanjung tinggi iaitu Jibril bin Bakhtishu', seorang doktor daripada kaum **Dhimmi** (orang kafir yang tunduk di bawah pemerintahan Islam). Sering juga khalifah menyumbangkan sebahagian daripada kewangan negara untuk hadiah atau menggaji para tokoh ilmu pengetahuan tersebut. Sementara itu pembesar-pembesar beliau juga adalah pakar dalam berbagai-bagai ilmu pengetahuan, seumpama Yahya bin Khalid al-Barmaki salah seorang wazir khalifah, Yaakub bin Klas menteri kepada Aziz-Billah di Mesir dan lain-lain. Dalam pada itu Harun al-Rasyid dan Jaafar al-Barmaki telah menjadi tokoh-tokoh utama dalam cerita fantasi dan klasik yang termasyhur di dunia **Hikayat Seribu Satu Malam** (Arabian Nights). Hikayat ini mengandungi cerita jenaka yang teragung seperti cerita-cerita Abu Nawas.

Khalifah Harun juga mengambil perhatian berat dalam membina gedung-gedung perniagaan, bangunan-bangunan kerajaan, masjid-masjid dan sebagainya. Menerusi pembinaan inilah alam kesenian umat Islam dapat diperlihatkan di seluruh dunia. Begitu juga rumah-rumah sakit, rumah-rumah kebajikan, jalan-jalan raya dan kemudahan-kemudahan pertanian telah diusahakan dan diperbanyakkan lagi. Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar dalam pembangunan tersebut. Dalam tahun 789 (10 M.) khalifah bersama-sama permaisurinya Siti Zubaidah telah berjalan kaki dari kota Baghdad ke Makkah, kerana menunaikan fardhu Haji. Beliau telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk sedekah fakir miskin di Makkah dan Madi-

nah. Sementara itu permaisurinya Siti Zubaidah telah menyumbangkan sebahagian besar hartanya untuk membina mata air yang dialirkan ke kota Makkah. Mata air itu masih ada hingga ke hari ini di Makkah, dikenali dengan nama Mata Air Zubaidah (**Ayn Zubaidah**).

Zaman Penaklukan

Pembangunan yang banyak tersebut tidak mengganggu usaha-usaha meluaskan kawasan dan mempertahankan negeri Kerajaan Bani Abbasiyah. Pada masa Khalifah al-Mahdi, Harun pernah menjalinkan persahabatan dengan Empress Irene, pemerintah Byzantine, tetapi beberapa tahun berikutnya Empress Irene telah digantikan oleh Emperor Nicephorus I yang mempunyai sifat dan sikap yang tidak baik. Beliau telah membatalkan persahabatan yang dibuat di antara Empress Irene dengan Harun dalam zaman al-Mahdi itu. Keadaan ini telah menyebabkan kawasan Asia Kecil menjadi medan perang. Khalifah telah mengirimkan sebuah angkatan yang sederhana ke kawasan itu. Dalam masa yang singkat kota-kota seperti Heraska, Tyna, Iconium dan Ephesus telah berjaya ditawan oleh tentera-tentera Abbasiyah. Di Laut Mediterranean Pulau Cyprus dan Pulau Rhodes telah digempur, dan kemudian ditawan, masing-masing dalam tahun 805 M. dan tahun 807 M. Gerakan ini telah menyebabkan Emperor Nicephorus I tunduk, dan telah menandatangani perjanjian pembayaran ufti.

Masalah Siasah dalam Negeri

Keagungan Kerajaan Abbasiyah dalam masa Khalifah Harun khususnya, adalah berpuncanya daripada kebijaksanaan keluarga Barmaki yang menjadi wazir-wazirnya. Pengetahuan dan pengalaman dalam bidang politik yang diwarisi daripada keturunan mereka yang berjaya menjulangkan keagungan empayar Sasanid dalam zaman yang lampau telah menjadi faktor utama kegemilangan tersebut, tetapi dalam masa penghujungan pemerintahan Harun, mereka secara beransur-ansur telah berjaya membolot kuasa khalifah sepenuhnya. Sementara itu Yahya bin Abdullah daripada puak Syi'ah yang berkuasa di Dailam dalam masa al-Hadi kini telah membarakan gerakan mereka. Khalifah telah menugaskan Fadl bin Yahya al-Barmaki untuk menghapuskannya. Pihak Yahya bin Abdullah telah tewas, dan menyerahkan kekuasaannya kepada khalifah. Saudara Yahya, Idris bin Abdullah kemudiannya telah berjaya menujuhkan **Kerajaan Bani Idrisiyah** di Maghribi pada tahun 788 M. dan sukar sekali untuk dihapuskan oleh khalifah.

Kekuasaan keluarga al-Barmaki telah dicurigai kerana

dikhuatiri melanjutkan gerakan puak Syi'ah. Tambahan pula pada akhir-akhir ini dipercayai mereka lebih condong kepada puak ini dan cuba membelakangi pentadbiran **Sunnah Abbas** (Sunni House of Abbas). Mereka telah menggunakan wang negara untuk mendirikan istana yang sama dengan istana khalifah. Dalam pada itu sering juga mereka menyelewengkan wang negara, yang sepatutnya digunakan untuk tujuan-tujuan rakyat. Sungguhpun khalifah telah mengahwinkan puterinya dengan Wazir Agung Jaafar al-Barmaki, tetapi keadaan ini terus menerus berjalan. Keadaan ini menyebabkan Khalifah Harun al-Rasyid bertindak tegas menyingkirkan puak ini daripada pentadbiran Kerajaan Abbasiyah pada tahun 803 M. Tindakan ini telah melibatkan Yahya bin Khalid, Jaafar dan Fadl bin Yahya. Dengan peristiwa ini lenyaplah peranan keluarga Barmaki dalam Kerajaan Abbasiyah.

Gelombang siasah di dalam negeri terus menerus bergelora. Di Mosul, Armenia, dan di Afrika Utara meletus suatu pemberontakan, tetapi kemudiannya telah dapat ditumpaskan. Bagi mencegah pemberontak puak Barbar di Afrika Utara meletus kembali, khalifah telah menghantarkan Ibrahim bin Aghlab menjadi gabenor di Tunisia pada tahun 800 M. Disebabkan oleh kesusahan perhubungan dengan kerajaan pusat, Ibrahim telah bertindak memisahkan Tunisia daripada kerajaan di Baghdad, dan berikutnya terdirilah **Kerajaan Bani Aghlabiyah** pada tahun 800 M.

Al-Ma'mun dan Kemajuan-kemajuan Kerajaan Abbasiyah

Khalifah Besar Harun al-Rasyid telah wafat dalam usia 48 tahun dengan meninggalkan tiga orang putera yang ternama, iaitu al-Amin, al-Ma'mun dan al-Qasim, masing-masing menjadi gabenor wilayah Syam-Mesir, wilayah Timur (beribukotakan di Khurasan) dan Iraq. Al-Amin dan al-Ma'mun mempunyai bonda yang berasingan. Bonda al-Amin ialah keturunan Arab, berlainan dengan bonda al-Ma'mun dari-pada keturunan Parsi. Harun al-Rasyid sebelum wafat telah meninggalkan wasiat supaya jawatan khalifah Abbasiyah diwarisi bergilir-gilir oleh putera-puteranya al-Amin dan kemudian al-Ma'mun. Sementara menantikan giliran, al-Ma'mun telah diberi satu wilayah yang bebas di Timur. Malangnya al-Amin telah membelakangkan wasiat ayahnya itu, dan telah mengisyitiharkan puteranya Musa sebagai Putera Mahkota. Hal ini telah menyebabkan al-Ma'mun dengan dibantu oleh tokoh-tokoh Parsi seperti Rafi' bin Layth, dan panglima Tahir bertindak untuk menyekat keadaan ini daripada terus menerus. Akibatnya peperangan saudara di antara kedua belah pihak berlaku, yang


menyebabkan al-Amin terbunuh.

Setelah pertumpahan darah berlaku dalam keluarga Kerajaan Abb siyah al-Ma'mun (813-833 M.) telah berjaya memegang tampuk Kerjaan Islam di Baghdad. Al-Ma'mun ialah seorang ketua negara yang cekap, bijaksana dan cintakan ilmu pengetahuan. Dalam zamannya nasyarakat Islam telah mencapai kegemilangan dalam lapangan ilmu pengetahuan, dan sinarannya telah memancar menerangi kegemaan serta kekolotan Benua Eropah. Panji-panji Islam dengan bangganya telah menjulang tanpa gentar sedikitpun. Kota Baghdad dewasa itu telah menjadi tumpuan pelajar-pelajar dan jaguh-jaguh ilmu pengetahuan dari timur dan barat.

Kesdaan Siasah dalam Negeri

Al-Ma'mun telah menggunakan pengaruh Parsi dalam kerajaannya. Wazi' beliau Fadl bin Sahl ialah seorang bangsa Parsi yang berfaham Syi'a dan berpengaruh. Al-Ma'mun memperisterikan anak perempuan Fadl. Kekuatan pengaruh Fadl dan faham Syi'ah menguasai jiwa al-Ma'mun, dan ini telah menyebabkan beliau telah merombak kerajaannya. nilah kali pertama dalam sejarah kerajaan Islam di Damsiyq dan di Baghdad menerima fahaman Syi'ah. Kecintaannya kepada fahaman pro-Ali ini menyebabkan beliau rela menyerahkan jawatan khalifah selepasnya kepada Ali bin Musa Imam Syi'ah VIII. Sikap al-Ma'mun yang seumpama ini mengakibatkan perasaan tidak puas hati timbul di kalangan rakyat. Reaksi-reaksi pemberontakan telah mula meletus, terutamanya di Iraq. Penduduk Iraq tidak mahu lagi mengakui al-Ma'mun sebagai khalifah di Baghdad, dan mereka melantik al-Mansur bapa saudara al-Ma'mun sebagai khalifah di Baghdad tetapi dia menolak, dan sebagai gantinya Ibrahim bin al-Mahdi juga bapa saudara al-Ma'mun telah dilantik. Al-Ma'mun dewasa itu berada di Wasith (Wasit), bukan di Baghdad.

Kejadian yang berlaku ini telah menyebabkan al-Ma'mun insaf di atas kesilapannya, lantas beliau mengirimkan surat ke Baghdad menyatakan Ali bin Musa telah meninggal dunia, tetapi penduduk-penduduk Iraq tidak menghiraukannya. Hal ini menyebabkan al-Ma'mun telah datang sendiri ke Baghdad dari Wasith untuk menyelesaikan perkara tersebut, tanpa lagi memakai pakaian hijau, lambang Syi'ah, tetapi memakai pakaian hitam, lambang Abbasiyah. Kedatangan beliau ini telah menyebabkan Ibrahim al-Mahdi melarikan diri, dan orang Iraq pun kembali kepada al-Ma'mun. Di kota Makkah Muhammad bin Jaafar al-Siddiq telah mendakwa dirinya sebagai khalifah dengan gelaran **Amir ul-Mu'minin**, tetapi penderhakaan ini



PERKEMBANGAN ISLAM PADA ZAMAN KERAJAAN ABBASIYAH

telah berjaya dibasmi oleh al-Ma'mun dan Muhammad bin Jaafar dimaafkan. Sementara itu pula di kawasan perbukitan di Khurasan muncul Bakī al-Khurāmī (Babak) yang bertindak sebagai salah seorang pemberontak. Dia ialah salah seorang pengikut al-Muqanna seorang Nabi Palsu yang telah menjalankan peranannya dalam masa khalifah al-Mansur dahulu, tetapi al-Ma'mun tidak mempunyai masa untuk membinasakan Babak dan pengikutnya. Perkara ini telah diserahkan kepada saudaranya al-Mu'tasim untuk menyelesaiannya.

Di samping itu, di Mesir puak Qais dan puak Kalb ataupun puak Mudar dan Himyar telah mengulangi pertarungan mereka di sepanjang Sungai Nil. Mudar ialah pengikut golongan Sunnah yang memihak kepada al-Amin, dan manakala Himyar pengikut golongan Syi'ah serta menyebelahi al-Ma'mun. Kekacauan ini telah menyebabkan al-Ma'mun mengantar panglimanya, Abdullah bin Tahir ke daerah tersebut, tetapi sebelum tindakan menghapuskan kekacauan itu dapat dilaksanakan telah meletus penderhakaan di barat laut wilayah Azerbaijan, Parsi dengan bantuan dari rejim Byzantine. Kempen menentang Babak di atas mengambil masa empat tahun (629-633 M.), tetapi tidak berjaya. Mengikut satu sumber Babak mengetuai kumpulan Khurramiah dan Qaramitah yang telah meletuskan perang gerila hingga ke wilayah Armenia. Pemberontakan ini berlaku, mengikut kisahnya berpunca daripada pembunuhan Abu Muslim al-Khurasani tidak lama dahulu.

Gerakan-gerakan luar negeri

Kekacauan dalam negeri tidaklah mengganggu jentera memperluaskan daerah Abbasiyah, dan menawan kembali wilayah-wilayah yang telah diambil oleh regim-regim asing. Sebuah tempat bernama Zubra berhampiran dengan Tarsus telah berjaya diambil oleh tentera-tentera Abbasiyah daripada tangan Byzantine. Di kepulauan Laut Mediterranean kebudayaan Islam telah berkembang lebih luas lagi apabila orang Arab dan pro-Abbasiyah di Sepanyol dipaksa keluar oleh Amir yang kedua di sana, iaitu al-Hakam telah menakluki Pulau Crete. Juga kemudiannya gabenorinya keturunan Abbasiyah yang dikenali Aghlabiyah menawan Pulau Sicily, Sardina dan Malta dalam zaman al-Ma'mun. Pulau Sicily kemudiannya telah menjadi pusat dan jambatan kebudayaan Islam dan Eropah.

Kemajuan-kemajuan dalam masa al-Ma'mun

Sungguhpun dalam masa al-Ma'mun Kerajaan Abbasiyah menghadapi ancaman luar dan dalam negeri, tetapi ini hanyalah berlaku pada masa-

masa yang tertentu sahaja, tidak sepanjang masa dalam masa pemerintahan khalifah itu. Hal ini tidaklah menganggu pemerintah memperkaya kemajuan Kerajaan Abbasiyah. Zaman al-Ma'mun ialah zaman gilang-gemilang dalam bidang ilmu pengetahuan. Zaman keemasan Islam ini kemudiannya telah mengambil peranan yang penting dalam menyoroti kekolotan dan kegelapan Benua Eropah. Pancaran dari kota Baghdad dalam zaman ini adalah sebagai sang suria yang menerangi dan membawa dunia barat ke alam yang objektif. Jasa dan derma bakti Islam menarik dunia barat daripada jurang kejahilan tidak dapat ditolak lagi dan telah diakui oleh seluruh dunia.

Dalam zaman al-Ma'mun khususnya dan selama Abbasiyah bersinar umumnya, kota-kota besar di Timur Tengah, terutamanya Dam-siq, Baghdad, Qahirah, Bait al-Maqdis, Halab dan banyak lagi telah menjadi tumpuan siswa-siswa dan mahaguru-mahaguru dari seluruh dunia timur dan barat. Di sana terdapatlah pusat-pusat pengajian tinggi yang setaraf dengan universiti sekarang ini di Eropah, dan memainkan peranan yang amat besar dalam membongkar segala bidang ilmu pengetahuan dunia dan akhirat. Kota Baghdad dewasa itu adalah menjadi pusat ilmu pengetahuan yang terpenting sekali. Banyak terdapat pusat-pusat pengajian tinggi, dan perpustakaan di kota itu, di samping beberapa kota yang lain.

Perkembangan ilmu pengetahuan yang begitu pesat dalam zaman al-Ma'mun itu adalah berpunca daripada berbagai-bagai faktor yang terpenting, iaitu lantaran keutuhan Islam itu sendiri, jiwa progresif khalifah, kebijaksanaan bumiputera dan disebabkan oleh pengaruh-pengaruh luar. Sebagaimana yang kita ketahui khalifah Abbasiyah terutamanya al-Ma'mun adalah berjiwa progresif dan dinamis. Al-Ma'mun ialah tokoh falsafah, astronomi, bahasa, kesusasteraan, dan jaguh dalam ilmu logik. Dorongan dan inisiatif khalifah itu menyebabkan warganegara Abbasiyah yang berkebolehan dan berkesanggupan tampil ke hadapan mencurahkan tenaga mereka membongkar aneka rupa ilmu keduniaan dan keakhiratan.

Perkembangan ilmu pengetahuan dalam zaman al-Ma'mun adalah merupakan suata kejayaan yang gemilang bagi umat Islam. Selain daripada hasil usaha umat Islam sendiri, umat Islam juga telah menerima sumbangan yang besar dalam bidang ilmu pengetahuan ini dari negeri-negeri luar, terutamanya Yunan, Rom, Hindustan dan sebagainya. Parsi, Mesir, Syam dan lain-lain ialah negara-negara Abbasiyah yang telah memainkan peranan penting dalam bidang ini.

Memanglah tidak dapat dinafikan lagi bahawa Yunan atau Greek telah memberi sumbangan yang besar dalam memperkayakan lagi medan ilmu pengetahuan Islam. Yunan telah mempunyai peradapan yang tinggi dalam berbagai-bagai hal semenjak zaman berzaman lagi. Bangsa Greek mempunyai sejarah kesusasteraan dan falsafah yang

besar dan asli. Selain itu India Utara juga telah memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam dalam bidang ini. Penaklukan dan perniagaan Kerajaan Bani Umayyah tidak lama dahulu, dan juga Kerajaan Abbasiyah telah memainkan peranan penting dalam bidang ini.

Selain daripada bidang di atas zaman al-Ma'mun juga telah menempah sejarah yang besar dalam bidang-bidang lain terutama dalam lapangan pembangunan ekonomi dan kebajikan. Kemudahan-kemudahan pertanian dan perniagaan telah terus menerus dipelihara, diberbaiki dan diperbanyak lagi. Sistem saliran, parit dan sebagainya telah dipelihara sebaik-baiknya. Begitu juga rumah-rumah persinggahan untuk pelancong-pelancong (terutamanya musafir-musafir) telah dipelihara dan diperbanyak lagi. Hal-hal yang berhubung dengan kebajikan untuk orang-orang tua, kanak-kanak yatim, dan orang-orang cacat telah diperbanyak lagi.

Tokoh-tokoh Ilmu Pengetahuan

Kemajuan ilmu pengetahuan dalam Zaman al-Ma'mun adalah meliputi bidang-bidang penciptaan ilmu pengetahuan, pembukuan ilmu pengetahuan dan penterjemahan ilmu pengetahuan asing. Apa yang dimaksudkan dengan penciptaan ilmu pengetahuan ialah penulisan ilmu pengetahuan yang ditemui, dicipta atau diterokai oleh para pakar atau sarjana Islam itu sendiri, dan ini adalah meliputi ilmu pengetahuan umum dan ilmu pengetahuan yang berdasarkan pengajaran Islam. Penyelidikan dan pengajian pengetahuan Islam dalam zaman ini adalah tertumpu kepada pemerhatian kepada al-Qur'an dan al-Hadis dengan menggunakan akal dan logik. Dalam zaman ini banyak ulama-ulama melakukan **ijtihad** dengan menggunakan akal. Antara ilmu pengetahuan Islam yang dimaksudkan ialah ilmu Tafsir, Fiqah, Nahu (Tatabahasa), Tasauf, Sejarah dan lain-lain. Sebagai contoh tokoh-tokoh ilmu Hadis dalam zaman itu ialah Ibnu Juraij dari Makkah, Muhammad bin Ishak dan Malik bin Anas dari Madinah, Rabek bin Sabih dan Said bin Abi Arubah dari Basrah, Sufian al-Sauri dari Kufah dan lain-lain lagi. Tokoh-tokoh dalam ilmu Tata Bahasa (Nahu) dalam Zaman al-Ma'mun ini kebanyakannya dari Basrah dan Kufah. Antara mereka ialah Isa bin Umar al-Saqafi, Abu Umar bin al-Ata, Khalif bin Ahmad, Yunus bin Habib, Abu Jaafar al-Rawasi dan lain-lain.

Gerakan membukukan ilmu pengetahuan adalah merupakan cara yang terbaru dalam proses mengumpulkan ilmu pengetahuan pada masa itu. Sebelum itu ianya hanya ditulis di atas helaian daun-daun, kepingan kulit-kulit binatang dan lain-lain. Gerakan pembukuan ini sebenarnya telah bermula dalam zaman Khalifah Uthman lagi iaitu

apabila beliau memerintahkan para ulama membukukan al-Qur'an, tetapi tidak begitu terkenal dalam zaman al-Ma'mun. Dalam zaman ini banyak para sarjana Islam telah menyusun dan membukukan pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Penyusun buku yang termasyhur pada masa itu ialah **Imam al-Malik** yang menyusun kitab *al-Muwatta'* dan **Ibnu Ishak** membukukan buku sejarah. Tokoh-tokoh lain yang terlibat dalam menyusun buku-buku atau kitab-kitab ialah **Abdul Malik bin Abdul Aziz al-Basi, Abu al-Nasr Said bin Abu Arubah, Rabek bin Mas'ud, Makmor bin Rasyid, Sufian bin al-Suri dan Abdul Malik bin Abas**.

Gerakan menterjemahkan ilmu pengetahuan asing adalah juga merupakan satu perkembangan ilmu pengetahuan yang terbaru dalam dunia Islam pada zaman itu selepas gerakan pembukuan. Faktor utama berlaku sedemikian ialah kerana Islam sendiri sentiasa menggalakkan penganutnya belajar, meneroka dan mencari ilmu pengetahuan di mana jua pun selagi tidak bertentangan dengan agama Islam itu sendiri. Di samping itu khalifah-khalifah Abbasyiah pada masa itu, khususnya al-Ma'mun sentiasa menggalakkan para sarjana Islam atau bukan Islam menterjemahkan buku-buku ilmu pengetahuan asing ke dalam bahasa Arab. Mereka diberi hadiah, bayaran yang lumayan dan kemuliaan dalam kerajaan. Di kota Baghdad dan lain-lain juga mempunyai kemudahan-kemudahan menterjemah yang luas seperti pusat-pusat pengajian tinggi, perpustakaan-perpustakaan dan juga akademi khas penterjemahan. Buku-buku yang berkenaan kebanyakannya asalnya daripada bahasa Yunani, Parsi dan Sanskrit. Sementara penterjemah-penterjemahnya pula selain daripada sarjana-sarjana Islam, ada juga terdapat orang-orang Kristian, Yahudi atau orang-orang yang baharu memeluk agama Islam.

Antara tokoh penterjemah yang terkenal dalam zaman al-Ma'mun itu ialah **Jabir bin Hayyan** atau di kalangan orang-orang Eropah dikenali dengan nama **Geber**. Dia adalah penterjemah Islam yang terkenal dan cekap pada masa itu. Banyak buku-buku asing telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Yahya bin Masaweh pengetua **Akademi Penterjemahan Bagdad** telah banyak menterjemahkan buku-buku ilmu perubatan untuk Khalifah Harun al-Rashid dan al-Ma'mun. Di antara penterjemah utama yang juga mengetuai kerja-kerja menterjemah di akademi ini ialah **Hunain bin Ishak**, iaitu murid **Yahya bin Masaweh** seorang ahli falsafah dan perubatan yang terkenal. Banyak buku-buku falsafah, perubatan, astronomi, ilmu hisab dan lain-lain telah diterjemahkannya. Seorang lagi penterjemah yang terkenal ialah **Abdullah bin Muqaffa** yang telah menterjemahkan buku **Kalilah wa Dimnah** daripada bahasa Sanskrit.

Bidang ilmu perubatan adalah antara jurusan ilmu pengetahuan utama pada masa itu. Banyak terdapat hospital-hospital dalam zaman

ni. Pada masa yang sama pula lahirlah pula pakar-pakar perubatan dalam pelbagai pengkhusuan perubatan. Antara mereka ialah ***Abu Bakar Muhammad bin Zakaria al-Fazi*** dan ***Ibnu Sina*** yang kemudian menjadi mahaguru perubatan kepada para sarjana Timur dan Barat. Dalam bidang ilmu astronomi pula Khalifah al-Ma'mun merupakan pelopor utama yang mendirikan pusat ilmu penyelidikan astronomi di Baghdad. Tujuan pusat ini ialah untuk mengkaji pergerakan bintang-bintang di langit dan ini adalah penting untuk mengetahui perjalanan angin, musim dan sebagainya. Antara tokoh utama ahli astronomi pada zaman itu ialah ***al-Khuwarismi***. Selain daripada ilmu-ilmu di atas, ilmu fizik juga merupakan bidang ilmu pengetahuan yang diterokai pada masa itu. ***Al-Razi*** dan ***Jabir bin Hayyan*** ialah di antara tokoh terpenting dalam arena ini. Antara buku-buku karya mereka yang ulung ialah *Kitab al-Rahman*, *Kitab al-Tajmi* dan *al-Zibadal-Syarqi*.

Ilmu falsafah adalah merupakan ilmu terpenting dalam dunia Islam. Falsafah Islam adalah berdasarkan ***tauhid***. Banyak buku-buku falsafah Yunani (Greek) karangan Aristotle, Galenus, Ptolemalos, Plato, Hippocrates, Eulide dan lain-lain telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Di samping itu banyak juga sarjana Islam sendiri yang mencipta buku-buku falsafah Islam tanpa dipengaruhi oleh falsafah Yunani. Antara ahli falsafah Islam yang terkenal pada zaman itu ialah ***al-Kindi***, ***al-Farabi***, ***Ibnu Sulaiman***, ***Ikhwan***, ***al-Tawhidi***, ***al-Rawandi*** dan lain-lain.

Pengaruh Turki dalam Kerajaan Abbasiyah

Zaman al-Mu'tasim (833-842 M.), ialah zaman permulaan kerajaan Islam menerima orang Turki memegang jawatan penting yang berkaitan dengan khalifah. Kemasukan Turki dalam bidang siasah Kerajaan Abbasiyah ini adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan sejarah kemalangan Islam di Baghdad itu, kerana orang Turki dalam menjalankan peranannya telah melakukan beberapa penyelewengan. Bonda al-Mu'tasim ialah daripada bangsa Turki, sementara permaisurinya daripada bangsa Parsi. Pengambilan orang Parsi sebagai permaisurinya tersebut mempunyai tujuan politik, iaitu untuk mengembalikan pengaruh Parsi dalam Kerajaan Abbasiyah.

Kemasukan orang Turki ini bermula apabila al-Mu'tasim mengambil mereka memegang jawatan sebagai pengawal istana dan pengawal peribadinya. Semakin lama, orang Turki makin ramai mengambil bahagian dalam urusan Kerajaan Abbasiyah, sehingga lama-kelamaan ada antara mereka yang menjadi penasihat khalifah dan hakim-hakim mahkamah. Pengawal-pengawal peribadi khalifah tersebut dipandang

tinggi dan dimuliakan oleh pemerintah lebih daripada orang Arab dan Parsi sendiri. Ini samalah dengan di Rom semasa Ceasars yang menggunakan pengawal yang dipanggil **Praetorian Guard**. Campurtangan Turki dalam Kerajaan Abbasiyah itu akan memberi kesan negatif kepada khalifah, kerana mereka mempunyai banyak kekurangan dalam bidang pentadbiran. Kelebihan mereka hanyalah di dalam bidang jasmani sahaja, dalam bidang-bidang lain seperti dalam perkara keteguhan peribadi, pengalaman dan ilmu pengetahuan, mereka masih kekurangan lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan orang Parsi. Bangsa Parsi juga pernah menempun zaman gilang gemilangnya di abad-abad yang lampau, iaitu ketika Empayar Sasanid bersinar di Madain. Mereka tidak menjulang kedudukannya dan ketamadunannya apabila mendapat tempat di dalam Kerajaan Abbasiyah, tidak seumpama orang-orang Turki.

Pengutamaan orang Turki dalam urusan pentadbiran Kerajaan Islam di Baghdad ini mengakibatkan ramai rakyat yang tidak puas hati. Banyak bantahan secara mulut, surat, tunjuk perasaan dan pemberontakan telah dilemparkan kepada pemerintah, tetapi tidak mendapat perhatian yang wajar. Akibat daripada perkara ini telah menyebabkan terbentuknya komplot-komplot oleh tentera Islam daripada bangsa Arab dan juga Parsi. Suatu rancangan sulit untuk menggulingkan khalifah dan menggantikannya dengan Abbas bin al-Ma'mun putera saudara (anak saudara) al-Mu'tasim sendiri telah tertubuh, tetapi rancangan sulit ini telah terbongkar dan dapat dimusnahkan oleh pemerintah.

Lantaran peristiwa itu al-Mu'tasim telah merasa insaf yang kedudukannya telah diancam oleh golongan yang selama ini disanjung tinggi, iaitu orang Turki. Khalifah al-Mu'tasim (al-Muktasim) telah cuba bertindak tegas dengan mengambil langkah memindahkan ibu kota Kerajaan Abbasiyah dari Baghdad ke Samarra sebuah bandar kira-kira 150 kilometer ke utara ibu kota Baghdad itu, dengan tujuan untuk menghindarkan pengaruh orang Turki. Bandar Samarra boleh dimaknakan sebagai **Kota Gembira Siapa yang Melihatnya** telah dihiasi dengan bangunan istana, sekolah, masjid dan bangunan kerajaan yang indah, tetapi bandar ini tidak dapat mengatasi keindahan Baghdad. Cita-cita khalifah bagi menghindarkan pengaruh Turki menerusi jalan ini telah gagal, kerana khalifah itu sendiri tidak dapat memisahkan diri daripada orang Turki itu sendiri.

Mengikut suatu sumber sejarah lain pemindahan ibu kota tersebut bukanlah bertujuan untuk melenyapkan pengaruh Turki dalam Kerajaan Abbasiyah, tetapi adalah untuk mengelakkan pertentangan dari rakyat. Al-Muktasim mengikut sumber yang berkenaan di Samarra telah menyerahkan semua urusan kerajaan dan ketenteraan kepada

golongan Turki. Kemasukan pengaruh Turki dalam pentadbiran dan ketenteraan Abbasiyah menggambarkan bahawa masa kepudaran zaman kegemilangan Kerajaan Abbasiyah telah tiba.

Dalam masa Khalifah al-Mutawakkil (847 - 861 M) berkuasa pengaruh Turki menjadi semakin luas dalam urat saraf Kerajaan Abbasiyah. Orang Turki yang memegang jawatan pengawal istana khalifah bertambah-tambah bebas. Kuasa khalifah banyak yang telah dibolot oleh mereka. Lama kelamaan keadaan ini telah menyedarkan khalifah, dan beberapa tindakan cuba dilakukannya. Satu daripada percubaan yang difikirkan berjaya ialah memindahkan pusat pentadbiran dari-pada Sumarra ke Damsyiq, sementara kota Baghdad dikosongkan begitu sahaja. Ini dibuat mengikut kebanyakan sumber, sebagaimana yang telah diketahui, semata-mata untuk melenyapkan anasir-anasir keturunan Turki dan bagi mendekatkan kepada orang Arab, kerana Damsyiq ialah pusat perkampungan orang Arab. Akan tetapi pada kali ini beliau gagal juga, kerana pengaruh orang Turki itu telah lama berakar umbi dalam Kerajaan Abbasiyah. Mengikut satu sumber yang lain pula, khalifah sendiri telah wafat di hujung pedang seorang pembesar Turki yang telah merasa kaumnya terancam.

Sebagaimana pada masa al-Mu'tasim berkuasa pengaruh Turki dalam Kerajaan Abbasiyah begitu bertambah kuat, begitulah juga pada masa Khalifah al-Muntasir (861 - 862M) berkuasa, orang Turki telah bertambah-tambah bebas menjalankan urusan negara. Khalifah tidak dapat berbuat apa-apa kerana seluruh bidang pentadbiran, pengawalan dan ketenteraan telah dibolot oleh mereka. Dalam pada itu pula ramai di antara mereka yang mendapat tempat istimewa di samping khalifah. Dalam beberapa hal juga khalifah berasa aman dan bahagian dengan orang Turki. **Asynas** seorang keturunan Turki telah memegang jawatan naib-khalifah. Khalifah dalam banyak perkara, tidak begitu sedar bahawa adanya pengaruh Turki dalam pentadbiran Kerajaan Abbasiyah itu adalah merupakan suatu ancaman yang besar kepada masa hadapan kerajaan itu.

Perpecahan Kerajaan Abbasiyah

Kemasukan pengaruh Turki dalam Kerajaan Abbasiyah di Baghdad merupakan detik kepudaran kegemilangan kerajaan yang berkenaan. Kedudukan ini telah menimbulkan reaksi-reaksi yang buruk di kalangan rakyat. Malahan sebelum kemasukan orang Turki itu sendiri rakyat telah pun menimbulkan beberapa reaksi yang buruk kepada pihak pemerintah. Kesemua reaksi itu sungguhpun telah berjaya melemahkan jentera pemerintah, tetapi tidak dapat menghancurkan langsung kerajaan itu hingga ke abad yang ke-13. Bagaimanapun kele-

mahan-kelemahan kerajaan itu telah melahirkan perpecahan, dan melahirkan kerajaan-kerajaan kecil yang merdeka di merata-rata dalam kawasan yang pada mulanya di bawah pentadbiran Kerajaan Abbasiyah.

Pemberontakan menentang kerajaan yang membawa kepada perpecahan telah bermula semenjak kerajaan itu lahir, tetapi keadaan ini menjadi begitu hebat apabila al-Muktasim memegang jawatan sebagai khalifah. Pada zaman al-Muktasim suatu pemberontakan yang dimainkan oleh puak Zott telah meletus. Puak ini berasal dari India dan telah berhijrah ke Parsi dalam masa Empire Sassanid lagi. Mereka adalah suatu puak yang handal dan sukar hendak dihapuskan. Pada masa al-Muktasim berkuasa puak ini telah bangkit memberontak. Mereka telah melakukan rampasan harta-benda khalifah dan saudagar-saudagar. Al-Muktasim telah bertindak tegas, dan beliau telah berjaya menundukkannya pada tahun 825 M.

Sementara itu gerombolan Khurramiah yang dipimpin oleh Babak telah melanjutkan lagi perang gerilanya. Babak telah mendapat sokongan dari Kerajaan Byzantine yang pada masa itu teraju pemerintahannya di tangan Theophilus. Ishaq bin Ibrahim dihantar oleh khalifah untuk menghapuskannya, tetapi gagal. Kemudiannya Afsyin bin Kawus telah ditugaskan memerangi Babak. Dia telah berjaya menewaskannya dan menawan Babak. Di pihak lain pula pertempuran secara terbuka telah berlaku di antara tentera Islam dengan tentera Byzantine seperti di Zabatarah. Di sini pasukan tentera Islam telah tewas, yang mengakibatkan ramai orang Islam yang terdiri daripada kanak-kanak, wanita dan askar telah terbunuh dan tertawan. Ini menyebabkan al-Muktasim bertindak sendiri melancarkan serang balas, yang akhirnya dia telah mencapai kejayaan yang cemerlang.

Dalam masa al-Wasiq berkuasa pula banyak perkara yang berlaku yang menggugat ketenangan politik, umpamanya kegiatan kumpulan Mu'tazilah, Khawarij dan kaum Kardy. Keadaan ini semuanya telah melumpuhkan kelancaran perjalanan pentadbiran Kerajaan Abbasiyah. Puak-puak di atas ini telah menimbulkan beberapa reaksi yang buruk terhadap pemerintah di Hijaz, Masul dan Syam. Kemudian dari sini gerakan itu telah mlarat pula ke Baghdad. Tindakan tegas telah dilakukan oleh pihak pemerintah, tetapi tidak juga mencapai sebarang kejayaan yang cemerlang. Begitulah juga halnya pada masa al-Mutawakkil dan al-Muntasir, al-Musta'in dan lain-lainnya berkuasa. Rasa tidak berpuas hati rakyat terus menerus membara. Di sana sini pemberontakan terus menerus berlaku, dan khalifah, walaupun telah berjaya menyekat pemberontakan itu daripada terus membara namun beliau gagal untuk menghapuskan sama sekali.

Kekusutan Kerajaan Pusat Abbasiyah ini telah membuka peluang

seluas-luasnya kepada orang Turki mengembangkan pengaruhnya dalam pentadbiran Kerajaan Abbasiyah, termasuklah di wilayah yang di bawah pentadbirannya. Sementara di pihak lain pula golongan Byzantine terus menerus melancarkan serangan ke perbatasan pentadbiran Kerajaan Islam. Suasana yang begini keruh telah mengakibatkan perhubungan di antara kerajaan pusat dengan wilayah-wilayah yang dibawah pentadbirannya meruncing. Begitu juga perhubungan di antara kaum seumpama Arab, Parsi, Turki dan India sama ada sesama Islam sendiri atau di merata-rata tempat tidak begitu erat. Sementara wilayah-wilayah yang jauh dari ibu kota telah membebaskan diri dan merdeka. Pemerintah tidak dapat berbuat apa-apa kerana kelemahan mereka dalam pentadbiran. Sekurang-kurangnya tiga belas buah kerajaan kecil yang merdeka telah lahir akibat daripada kelemahan pemerintah itu.

Kejatuhan Kerajaan Bani Abbasiyah

Setelah Kerajaan Bani Abbasiyah mencapai zaman kegemilangannya beberapa lama, kerajaan ini kemudian telah menghadapi kemunduran dan akhirnya keruntuhan. Sebahagian besarnya faktor-faktor kemunduran dan keruntuhan kerajaan yang tersebut telah pun dihuraikan. Seperti Kerajaan Bani Abbasiyah faktor utama keruntuhannya adalah disebabkan oleh kelemahan khalifah-khalifah itu sendiri. Selepas Kerajaan Bani Abbasiyah mencapai puncak kegemilangan dalam zaman khalifah-khalifah al-Mansur, Harun al-Rashid dan al-Mu'mun kerajaan ini telah mula menurun apabila Khalifah al-Wasiq memerintah. Tidak banyak khalifah-khalifah yang meletakkan perjuangan ummah di atas segala-galanya selepas ini. Banyak antara mereka yang menjalankan pemerintahan bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, memeningkan diri sendiri, terlalu feudal, korapsi, zalim dan berbagai-bagai lagi sifat yang negatif.

Dalam zaman khalifah-khalifah Abbasiyah menggunakan wazir dari keluarga Barmaki, iaitu keluarga keturunan Parsi kerajaan ini telah mencapai keagungannya. Ini kerana keluarga ini adalah terdiri daripada keluarga yang pintar dan bijak pandai. Sebagaimana yang sedia maklum Parsi pernah mempunyai empayar yang agung dalam sejarah iaitu Sasan (Sasanid). Jadi tidaklah hairan kalau keluarga Barmaki yang berasal daripada Parsi ini dapat memainkan peranan mereka menjulang Kerajaan Bani Abbasiyah ke puncak kegemilangannya. Tetapi apabila sistem wazirah ini telah berpindah ke tangan orang-orang Turki keagungan kerajaan ini telah menurun. Orang-orang Turki ini tidak sebijak orang-orang Parsi, di mana mereka gagal mngekalkan keutuhan kerajaan ini.

Kelemahan khalifah-khalifah dan wazir-wazir mereka tersebut telah mengakibatkan reaksi yang negatif di kalangan rakyat dan perpecahan Empayar Bani Abbasiyah ini. Puak-puak yang menentang kerajaan ini seperti Syi'ah dan Khawarij bertambah-tambah kuat. Selepas Kerajaan Bani Abbasiyah ini di bawah pengaruh Turki (847 - 946 M) kekuasaan kerajaan ini telah berpindah ke tangan **Bani Buwayhi** (945 - 1055 M), iaitu keturunan daripada Bahran bin Yazadahir dari Raja Sasan (Sasanid), Parsi. Keluarga Buwayhi ini pada mulanya banyak memberi sumbangan dalam memperkuatkan pentadbiran khalifah Bani Abbasiyah. Tetapi memandangkan mereka ini dari Mazhab Syi'ah sementara keluarga Abbasiyah dari Mazhab Sunni banyak pertentangan telah timbul di antara mereka. Perkara ini tidak timbul di antara dalam zaman keluarga Barmaki kerana mereka tidak menonjolkan perbezaan mazhab-mazhab ini. Ini telah memburukkan lagi keadaan kerajaan ini.

Kemudian apabila keluarga Saljuki yang berasal dari Turki campurtangan dalam pemerintahan Abbasiyah (1055 - 1242 M) keadaan kerajaan ini telah bertambah-tambah buruk. Pada mulanya perhubungan di antara khalifah-khalifah Abbasiyah dengan pembesar-pembesar Seljuki adalah baik, tetapi pertelingkahan besar di antara mereka telah berlaku kemudiannya, kerana masing-masing pihak ingin menguasai di antara satu sama lain. Keadaan ini terus menerus berlaku dari satu khalifah ke satu khalifah yang lain. Hal ini telah mengakibatkan perpaduan negara terus terancam dan kemudiannya telah menimbulkan pemberontakan. Banyak wilayah-wilayah di bawah Kerajaan Bani Abbasiyah telah membebaskan diri dan seterusnya menubuhkan kerajaan-kerajaan kecil. Khalifah-khalifah Abbasiyah telah mengadakan berbagai-bagai langkah untuk membendung masalah ini tetapi gagal. Sebanyak tidak kurang daripada tiga belas buah kerajaan kecil telah muncul dalam zaman kelumpuhan Kerajaan Bani Abbasiyah ini seperti yang tersenarai di dalam Bab 13.

Dalam zaman kelumpuhan Kerajaan Abbasiyah ini Kerajaan Mongol yang berpusat di Mongolia di utara negeri China telah mengadakan gerakan penaklukan. Mereka telah berjaya menakluki negeri China, India Utara, Asia Tengah dan Eropah Timur. Orang-orang Mongol yang juga dikenali dengan nama orang-orang Tartar ini terkenal dengan keganasannya semasa membuat penaklukan. Mereka membunuh orang awam termasuklah orang-orang perempuan dan kanak-kanak, memusnahkan harta-benda dan berbagai-bagai lagi. **Ghenghis Khan** raja Mongol yang terkenal pada masa itu telah berjaya menguasai daerah-daerah yang luas di negeri China hingga ke Parsi, Asia Tengah, Asia Barat dan Eropah Timur. Cucu Genghiz Khan bernama **Hulagu** yang menggantikan datuknya itu telah menggerakkan angkatannya menuju ke Kota Baghdad pusat Kerajaan Bani Abbasiyah. Dalam perjalanan

orang-orang Mongol itu ke kota Baghdad mereka telah mengganas membunuh tanpa belas kasihan dan menghancurkan pusat-pusat peradapan Islam seperti pusat-pusat pengajian, perpustakaan-perpustakaan dan masjid-masjid. Kemudian mereka telah masuk ke kota Baghdad dan berjaya menakluki kota ini pada tahun 1258 M. Mereka telah membunuh semua pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar khalifah. Segala perbendaharaan di istana, bangunan-bangunan pentadbiran, pusat-pusat pengajian dan masjid-masjid telah dibakar dan dimusnahkan. Khazanah peradaban Islam dan manusia seluruhnya pada masa itu telah turut musnah. Orang-orang Mongol sebenarnya kagum melihat kekayaan tamadun Islam itu. Sejarah telah membuktikan, apa yang menjadi keanihan ialah *Hulagu* sendiri dan orang-orangnya yang datang begitu garang dan ganas telah tunduk dengan keagungan Islam di mana kemudiannya mereka telah memeluk agama Islam.



KERAJAAN ISLAM DI SEPANYOL

Pembuka Jalan ke arah Penaklukan Sepanyol

Peringkat kecemerlangan Kerajaan Bani Umayyah bermula daripada pemerintahan Abdul Malik bin Marwan. Beliau adalah khalifah keempat dalam susunan pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah. Beliau berkuasa dalam tahun 685 - 705 M. Lantaran kejayaannya yang cemerlang itu beliau digelar "Bapa Raja-Raja" kerana empat orang lagi puteranya menjadi khalifah Bani Umayyah yang berpusat di Damsyiq yang telah berjaya mencapai puncak kekuatan dan kejayaan.

Buktinya jelas dapat dilihat apabila Kerajaan Islam berkembang luas, dari pantai Lautan Atlantik dan banjaran Gunung Pyreness di sebelah barat hingga ke Lembah Indus dan sempadan Negeri China di timur. Puncak kejayaan berkembang Kerajaan Islam ini terlaksana dalam pemerintahan al-Walid. Dalam tempoh yang cemerlang itu; Transoxiana, Afrika Utara dan sebahagian negeri di Eropah dapat ditawan oleh orang Arab, khususnya Sepanyol.

Abdul Malik bin Marwan telah menjalankan inisiatifnya untuk meluaskan jajahan takluknya ke bahagian timur dan beliau telah menghantar beberapa angkatan tenteranya ke sana. Satu angkatan tentera Islam yang dihantarnya diketuai oleh Maslamah. Di antara bulan Ogos 716M. hingga September 717M dia menakluk Sardis dan Pergamum (dua daerah Kerajaan Rom Timur Di Utara Syam).

Penaklukan beberapa daerah di sebelah barat yang dipimpin oleh seorang ketua tentera bernama Musa bin Nusar (Nusair) lebih berkesan daripada penaklukan di sebelah timur yang dipimpin oleh al-Hajjaj.

Setelah Mesir ditakluk (640-643M), Musa telah mengarahkan tenteranya menghala ke arah barat, iaitu ke Afrika Utara. Akan tetapi wilayah tersebut hanya dapat ditakluk apabila Uqbah bin Nafi, seorang wakil Muawiyah, menduduki al-Qayrawan dalam tahun 670M. Setelah Uqbah wafat, dia diganti pula oleh Hassan bin Nu'man al-Ghassani (693-700M) sebagai gabenor. Dialah yang sebenarnya berjaya menakluki Afrika Utara dan kemudiannya diikuti pula oleh Musa bin Nusar yang memerdekaan daerah tersebut dan diletak di bawah takluk Khalifah di Damsyiq. Sebagai seorang gabenor kemudiannya Musa telah me-

luaskan kawasan sempadannya hingga ke Tangier dan seluruh kawasan pantai Utara Afrika.

Beliau telah dapat menembusi perbatasan orang Barbar yang mungkin juga daripada keturunan Semite yang sebangsa dengan orang Arab tetapi kebanyakannya daripada mereka ini beragama Kristian dan jauh lebih maju daripada puak-puak yang dikenali sebagai puak-puak pengembara. Ini tidaklah menghairankan kerana mereka telah menerima pengaruh dua buah kerajaan dunia yang terbesar ketika itu, satu daripadanya Byzantine. Akan tetapi semangat baharu yang telah dibawa oleh agama Islam yang disalurkan melalui puak-puak penyerang itu telah dapat meruntuhkan semangat kekristianan mereka dan merubahkan mereka menjadi pejuang Islam yang handal dan gagah berani, hingga mereka tunduk kepada satu kebudayaan baharu iaitu kebudayaan Islam.

Kejayaan Musa ini bererti bahawa jalan untuk melanjutkan usaha meluaskan kerajaan Islam ke daerah-daerah jiran di Barat Daya Eropah sudah terbuka.

Penaklukan Sepanyol

Penaklukan ke Sepanyol adalah merupakan satu kejayaan yang patut dibanggakan oleh umat Islam kerana Sepanyol adalah sebuah pusat tentera yang gagah pada masa itu. Ini merupakan kejayaan yang memuncak dalam siri penaklukan Islam ke wilayah Afrika-Eropah.

Angkatan pertama yang dipimpin oleh Tarif telah dilancarkan dalam bulan Julai 710M dengan satu angkatan tentera yang terdiri daripada orang Barbar telah mendarat di satu daerah kecil yang letaknya paling penghujung bagi benua Eropah. Angkatan yang terdiri daripada 400 orang tentera berjalan kaki dan 100 orang tentera berkuda itu berjaya menakluki kawasan yang diberi nama Jazirat Tarif (Pulau Tarif), iaitu mengambil sempena namanya sendiri.

Pada masa itu juga kerajaan Visigoth di Sepanyol mengalami satu keadaan yang kucar-kacir, iaitu perebutan kuasa di kalangan pembesar-pembesarnya. Ini menyebabkan keadaan dalam negeri tidak dapat dipelihara. Dalam saat yang kucar-kacir itulah Kerajaan Islam memikirkan sebagai satu peluang baik yang terbuka untuk mereka mengembangkan jajahan takluk ke Eropah.

Untuk tidak membuang masa dari kesempatan yang terbuka itu serta hasil kejayaan awal Tarif itu, Musa telah menghantar satu angkatan lagi ke Sepanyol. Jumlah angkatan ini adalah 7,000 orang tentera, kebanyakannya orang Barbar dan diketuai oleh Tariq bin Ziyad, iaitu hambanya bangsa Barbar yang telah dibebaskan. Tariq telah mendarat di sebuah gunung yang besar, yang kemudiannya

dinamai dengan Jabal (gunung) Tariq (Gibraltar). Manakala selat yang hanya 20 kilometer yang memisahkan antara Afrika Utara dengan Sepanyol itu juga dinamakan Gibraltar.

Menurut satu riwayat Tariq telah menggunakan kapal-kapal pemberian dari Count Julient dari Ceuta untuk menyeberangi selat itu. Sebaik-baik sahaja mereka mendarat, beliau telah membakar sebilangan besar kapal yang dibawanya dan menyembunyikan sebilangan kecil yang lain.

Beberapa orang tenteranya telah kecut dengan perbuatan itu langsung mereka bertanya kenapa Tariq bertindak demikian, dan apakah kenderaan mereka jika mereka terpaksa pulang. Beliau menjawab, "Kenapa kita mesti pulang? Adakah kita akan dikalahkan? Tidak!. Kita tidak mesti kalah! Kamu tidak mesti pulang. Bumi ini hak Allah. Bumi ini juga hak kamu. Berjuanglah untuk Allah dan sebuah rumah untukmu, anak-anakmu, dan yakinlah kepada Allah. Mara ke hadapan wahai pahlawan-pahlawanku!"

Tariq telah meningkatkan angkatan perangnya dan berjaya menambahkan lagi kekuatan tenteranya menjadi 12,000 orang. Pada 19 Julai 711 M, angkatan tenteranya telah bertemu dengan angkatan tentera King Roderick di Kuala Sungai Barbata (sungai kecil ini sangat terkenal dengan nama Salado. Orang Arab memanggilnya Wadi Bakkah atau Lakkah).

King Roderick pada mulanya ialah seorang pembesar yang telah merampas kekuasaan daripada Kerajaan Witiza. Apabila dia naik takhta Putera Witiza telah dipecatnya dan dihalau. Ini menyebabkan sebilangan 25,000 orang tentera Visigoth yang diketuai oleh Bishop Oppas, abang kepada Witiza, menjadi belot terhadap King Roderick yang zalim itu. Kemudian menyebabkan keadaan dalam negeri menjadi lebih panas. Sedangkan Tariq mengepung lebih banyak lagi daerah-daerah di Sepanyol. Musa yang turut membawa bala tentera ke Sepanyol telah mengarahkan bala tenteranya yang besar menduduki tempat-tempat yang tidak disentuh oleh Tariq, seperti Medina Sidonia dan Carmona. Begitu juga Marida telah diserang dengan bala tenteranya yang besar itu serta dirampasnya pada 1 Jun 713 M. Manakala Seville pula, bandar yang terbesar dan pusat intelek Sepanyol, dikepung hingga akhirnya dapat ditawan pada bulan Jun 713 M juga.

Di Toledo angkatan tentera Musa telah bertemu dengan angkatan tentera Tariq pada masa itu dengan penuh semangat untuk mara dan menguasai saki-baki Kerajaan King Roderick itu. Malangnya dengan sifat-sifat cemburu itu, dia telah menangkap Tariq dan memasukkannya ke dalam penjara atas kesalahan engkar menurut perintahnya. Sebelum itu sebagai seorang gabenor, Musa telah mengutus satu perintah kepada Tariq supaya berhenti mara ke kawasan-kawasan lain pada peringkat permulaan penaklukannya dahulu. Sebaliknya Tariq terus

mara dan menguasai kawasan baharu, hingga sampai ke Saragossa, bahagian utara dan tanah tinggi Aragon, Leon, Asturias dan Galicia.

Pada musim panas tahun 713 Khalifah al-Walid di Damsyik telah memanggil Musa pula menghadapi tuduhan yang sama juga, iaitu memberi kebebasan penuh kepada puak Barbar bertindak dengan sesuka hati melebihi dari apa yang diperintahkan.

Dengan meninggalkan anaknya Abdul Aziz untuk memerintah daerah-daerah yang baharu ditakluki, Musa pulang ke Syam.

Dia telah diiringi oleh pembesar-pembesarnya, 400 orang putera Raja Visigoth dan lengkap memakai mahkota dan tali pinggang emas serta dikuti pula oleh hamba-hamba yang membawa harta kekayaan rampasan perang. Sampai di Tiberias Musa telah diperintahkan oleh Sulaiman, adik Khalifah al-Walid, supaya jangan masuk ke ibu kota dengan alasan Khalifah gering. Muslihat yang sebenarnya ialah Sulaiman ingin membolot segala kekayaan yang dibawa oleh Musa dari Sepanyol itu agar pada hari pertabalan nanti, setelah al-Wahid wafat akan menjadi lebih meriah. Akan tetapi Musa melanggar perintah itu. Pada bulan Februari 715M, barulah dia dibenarkan mengadap. Musa telah disambut secara resmi dan meriah oleh Khalifah al-Walid. Itulah pertama kalinya orang Islam dapat melihat orang Eropah sujud di hadapan seorang pemimpin Mukmin.

Musa telah menghadiahkan Khalifah cenderamata yang istimewa, buatan zaman dahulu kala, serta kekayaan yang bernilai, menandakan kejayaannya dalam peperangan. Menurut legenda, satu daripada hadiah tersebut ialah sebuah meja buatan tangan seorang jin untuk tempat santapan Raja Sulaiman (*King Solomon of Jerusalem*) yang termasyhur itu. Dari Bait al-Maqdis meja itu telah dibawa oleh orang Rom ke ibu negerinya, dan kemudiannya diambil oleh Raja Sepanyol. Salah seorang dari Raja Sepanyol telah menghiaskannya dengan batu-batu permata dan disimpan di dalam sebuah gereja di Toledo. Apabila Tariq menakluki Toledo, meja tersebut telah dirampasnya. Secara rahsia dia telah menyimpan sebelah daripada kakinya apabila Musa merampas meja tersebut daripadanya. Dan akhirnya dengan kaki meja itu, terbongkarlah rahsia ketidakjujuran Musa yang hanya merampas daripada Tariq bin Ziyad, tetapi bukan mendapatnya sendiri dari hasil kejayaan peperangannya.

Setelah gering yang kuat, al-Walid wafat dan Sulaiman bin al-Malek mengambil alih kerajaan. Kerana Musa telah melanggar perintah Sulaiman dahulu dia telah dikutuk sehina-hinanya. Segala hartanya dirampas dan kemudiannya diberhentikan daripada jawatan gabenorinya di Afrika Utara. Berita terakhir yang diterima mengenai penakluk Sepanyol yang agung itu ada menyebutkan bahawa Musa telah menjadi pengemis di sebuah dusun di Hijaz.

Bagaimanapun sebagai kesimpulannya Sepanyol telah jatuh ke



GERAKAN ISLAM KE SEPANYOL

tangan Islam sejak mula musim bunga tahun 711 M, dan kemenangan yang cemerlang itu dipelopori oleh Tariq bin Ziyad di mana kemasy-hurannya tetap harum di kalangan umat Islam hingga ke hari ini.

Sebab-sebab Kejayaan Penaklukan Islam di Sepanyol

Zaman kegemilangan Kerajaan Bani Umayyah berasas daripada perintahannya Abdul Malik bin Marwan (685 - 705 M). Pada masa Abdul Malik beliau telah menghapuskan musuh-musuh Umayyah yang berbahaya seperti Abdullah bin Zubair. Beliau seorang Arab yang telah mengkhalfahkan dirinya di Makkah dan seluruh al-Hijaz itu. Ketua tentera Abdul Malik untuk menghapuskan Abdullah bin Zubair itu

ialah Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi. Abdul Malik juga telah mengerahkan panglimanya Abdullah bin Ziyad untuk menghapuskan puak-puak Syi'ah yang diketuai oleh Sulaiman bin Sard al-Asyai di Ainal-Wardah.

Tumpasnya puak-puak pengacau yang menjadi pengkhianat kepada Kerajaan Bani Umayyah menyebabkan keadaan dalam negeri sudah selamat. Abdul Malik telah berjaya mengembalikan keamanan. Ini diikuti pula dengan kegiatannya mengadakan pembangunan untuk negara yang diperintahnya seperti mengadakan rumah-rumah sakit, bekalan air, perkhidmatan pos dan mengeluarkan matawang yang bertulis dengan lambang kerajaannya dalam bahasa Arab serta resmikan Bahasa Arab itu sendiri sebagai bahasa negara.

Kebangkitan al-Walid menggantikan ayahnya itu telah merupakan munculnya seorang pemimpin yang aktif meluaskan daerah pemerintahan Islam. Dalam zaman pemerintahannya itu pula lahir ramai pemuda yang berbakat dalam bidang ketenteraan yang handal-handal. Umpamanya Muhammad bin Kasim seorang pahlawan Islam yang menakluki bahagian Utara India. Hajjaj bin Yusuf Al-Thaqafi ialah penakluk bahagian-bahagian Utara kota Damsyik. Dan yang penting sekali ialah Musa bin Nusair dan Tariq bin Ziyad yang telah melancarkan gerakan penaklukannya ke barat sebagaimana yang disebutkan tadi.

Sementara itu pada ketika yang sama juga Negeri Sepanyol itu sendiri telah menghadapi keadaan huru-hara kerana di sana berlaku perebutan kuasa antara pembesar-pembesar keturunan Kerajaan Visigoth. Count Julian gabenor Kerajaan Sepanyol di Ceuta telah menyerahkan bantuan perkапalan kepada Tariq. Tuan-tuan punya tanah pula (pembesar-pembesar Visigoth) telah menindas segala hamba abdi untuk bekerja demi kepentingan mereka. Mereka juga terpaksa menyabung nyawa menentang puak-puak penyerang. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka.

Di kalangan rakyat timbul perasaan jemu yang tidak terhingga terhadap perebutan takhta kerajaan. Semasa kedatangan Islam pemerintahan Sepanyol baharu sahaja bertukar dari tangan Witiza ke tangan Roderick, dan dalam keadaan yang berpecah-belah itulah tentera Islam merempuh benteng pertahanan Sepanyol. Ini ditambah pula dengan pengkhianatan-pengkhianatan yang dilakukan terhadap Yahudi yang sudah mula dipaksa oleh pemaksa-pemaksa pemerintah supaya meninggalkan agama Yahudi dan menganut agama Kristian.

Pentadbiran Kerajaan Islam di Sepanyol

Pada tahun 750 M bersamaan dengan 132 H Kerajaan Bani Umayyah yang agung itu telah jatuh ke tangan kerajaan Bani Abbasiyah. Pada

masa pemerintahan Abbasiyah yang pertama Abu Abbas al-Saffah menduduki takhta Kerajaan beliau telah melancarkan gerakan membersihkan saki-baki pembesar-pembesar Bani Umayyah. Daripada kalaangan mereka ramai yang terbunuh, kecuali Abdul Rahman yang telah dapat melarikan diri dengan seorang hambanya yang setia ke Palestine. Dari sana dia sampai ke Ceuta tempat berkumpulnya sanak saudara pihak ibunya. Di sana beliau telah melancarkan gerakannya mengumpul satu angkatan tentera dan menyeberang ke Sepanyol serta menakluk Semenanjung Iberia dari tangan seorang gabenor Abbasiyah bernama Yusuf al-Fihri.

Kemudian kota Cordoba jatuh ke tangan **Abdul Rahman** pada tahun 750 M. Beliau telah mengasingkan negeri Sepanyol itu dari pemerintah Kerajaan Abbasiyah di Baghdad. Beliau sendiri menjadi ketua pemerintahnya. Kerajaan baharu yang dipelopori itu kekal menduduki takhta pemerintahan lebih dari 300 tahun lamanya.

Khalifah-khalifah Abbasiyah telah cuba menduduki Kerajaan Islam di Sepanyol ini tetapi tidak berjaya. Al-Mansur (754-775 M) umpamanya telah menghantar satu angkatan tentera yang diketuai oleh al-Ala bin Muhith untuk memerangi Abdul Rahman, tetapi serangan itu dapat dipatahkan oleh angkatan tentera Abdul Rahman yang lebih besar.

Di samping itu Abdul Rahman terpaksa juga menghadapi musuhnya dari Barat. Charlemagne atau Charles The Great dari Perancis, seorang pejuang agama Kristian telah melengkapkan satu angkatan untuk menyerang Sepanyol. Charlemagne telah membuat hubungan diplomatik dengan Khalifah Abbasiyah, Harun al-Rasyid (786 - 809 M) untuk bekerjasama memerangi Abdul Rahman. Charmelagne juga telah dibantu bersama oleh sepupunya, Roland, seorang pahlawan Kristian yang terkenal, serta oleh kawan-kawannya yang gagah, Oliver dan Ogier The Dance.

Charles telah menyeberang masuk melalui banjaran gunung Pyrenees dan telah bertempur hebat dengan bala tentera Islam. Serangan tentera Kristian itu telah membangkitkan semangat orang Saxon dari Jerman yang telah ditakluki oleh Charlemagne untuk bangkit memberontak terhadap kuasa penjajah itu. Kebangkitan baharu ini menyebabkan Charles terpaksa menarik balik sebahagian daripada angkatan tenteranya.

Dalam serangan itu Charles telah gagal dan Roland yang enggan berundur pulang itu terbunuh. Charles telah putus asa untuk meneruskan perjuangannya hendak menentang orang Islam.

Dalam usaha pentadbiran Abdul Rahman telah menggelarkan dirinya Amir bagi Negeri Sepanyol. Beliau mempunyai bakat dalam pemerintahan; membaiki segala bangunan-bangunan yang telah rosak semasa perperangan dahulu, membaiki jalan-jalan raya, membina saliran air, dan mengusahakan tanaman. Masjid Cordova (Qurtubah) yang

didirikannya pada tahun 786 M adalah menjadi suatu kemegahan pemerintahan Islam di Sepanyol buat beberapa abad lamanya.

Abdul Rahman juga telah berusaha menyatupadukan berbagai-pbagai puak orang Islam seperti puak Arab, Arab Syam, orang Afrika, Goth dan lain-lain. Usahanya itu berjaya. Lebih dari 250 tahun puak-puak Islam itu telah hidup bersatupadu. Ini menjadikan keadaan dalam negeri bertambah kuat. Universiti Cordova, Toledo, dan Seville merupakan pusat-pusat pengajian Islam di Barat selama berabad-abad. Layanan terhadap semua bangsa dan agama adalah adil dan memuaskan.

Kemangkatan Abdul Rahman pada 788 M telah diganti oleh anaknya **Hisyam I**. Beliau seorang yang baik dan terpelajar, beliau memerintah tidak lama. Hanya lapan tahun sahaja.

Puteranya **al-Hakam** (796 - 822 M) telah menggantikan beliau. Al-Hakam ini bersikap kasar dan tidak seperti ayahnya. Beliau menyimpan pegawai-pegawai peribadinya yang terdiri daripada orang Nubiah yang tidak mengerti berbahasa Arab serta kebanyakannya tidak beragama Islam. Oleh itu beliau dibenci dan ramai orang Arab Sepanyol telah meninggalkan negeri berpindah ke Pulau Crete, di Selatan Greek. Pulau itu dapat ditawan oleh mereka dan kekal di bawah pemerintahan orang Arab selama kira-kira 150 tahun.

Pemerintahan Islam di Sepanyol yang keempat ialah **Abdul Rahman II** (822 - 852 M) putera kepada al-Hakam. Kerana beliau seorang pemerintah yang mencintai seni beliau telah menggalakkan ahli sastera, penyair, penyanyi, dan ahli-ahli muzik datang ke istana untuk menghiburkannya. Sementara itu ramai orang Kristian dari Eropah datang ke sana mempelajari ilmu sains dan kesusteraan di universiti-universiti berbahasa Arab. Bahasa Arab dijadikan bahasa perantaran dan banyak buku-buku Arab tersebar ke Perancis dan Itali. Oleh kerana puak Kristian di sana merasa terganggu, mereka yang fanatic mendesak supaya pengajian itu dihapuskan. Hukuman bunuh telah dikenakan kepada mereka yang melanggar perintah. Tidak lama kemudian, pergerakan itu pun mati.

Dalam pemerintahan Abdul Rahman II timbul kekacauan puak yang berasal daripada keturunan hamba dan orang Kristian yang patuh kepada adat resam mereka. Mereka telah menuntut hak yang sama dengan orang Arab di Sepanyol. Mereka itu terdiri daripada puak-puak Muwuallad telah dapat dihapuskan tetapi puak Mozareb telah mendapat pertolongan dari Raja Leon di utara negeri itu. Ketua mereka ialah seorang Kristian yang berpura-pura Islam berselindung di balik nama Umar bin Hafsun. Selain itu gabenor Abbasiyah di Afrika Utara juga ingin memberi sokongan kepadanya. Keadaan ini tentu sekali mengancam kedudukan Amir Cordova.

Dalam masa yang genting itu Abdul Rahman II pun meninggal

dunia. Pengganti-pengganti beliau telah berjaya mempertahankan Cordova. Pemerintah muda **Abdul Rahman III** (912-961 M) adalah antara khalifah yang terkenal. Sepanjang pemerintahannya beliau telah menentang musuh-musuhnya, seperti orang Kristian di sebelah utara yang berjuang untuk pembebasan agama dan tanahair mereka. Beliau juga menentang Kerajaan Islam Fatimiah di Afrika Utara termasuk Kerajaan Aglabiah. Kerajaan Fatimiah amat kuat berpegang pada faham Syi'ah. Pertempuran hebat telah berlaku di pantai Barbary (Algeria dan Tunisia Moden) hingga ke beberapa tahun lamanya.

Dalam usaha mematahkan kekuatan tentera Kristian itu Abdul Rahman III telah mengetuai sendiri satu angkatan perang lalu mengalahkan Ornado dan memusnahkan kotanya San Estaban. Ornado yang telah meminta pertolongan dari Sancho, Raja Naverra, juga telah dapat dikalahkan oleh Abdul Rahman III. Pamplona, ibu kota Naverra telah ditawannya pada tahun 924 M.

Pada tahun 929 M Abdul Rahman mengambil gelaran al-Nasir (Penjunjung Agama) dan mendirikan ibu kotanya di Cordova. Beliau telah membawa banyak pembaharuan dan kemakmuran kepada negara yang diperintahnya. Sebuah masjid yang sudah bernama al-Zahrah (yang indah) telah dibinanya tetapi telah dimusnahkan kemudiannya oleh puak Muwahhid dari Afrika. Beliau juga telah menubuhan angkatan laut dan darat yang lengkap serta mengadakan pembaharuan-pembaharuan dalam hal-ehwal pertanian dan menggalakkan perindustrian. Universiti Cordova terus memainkan peranannya sebagai pusat pengajian di Benua Eropah. Bandar Cordova sendiri menjadi bandar yang besar ketika itu. Inilah zaman keemasan bagi kuasa Islam di Sepanyol.

Selepas itu beliau diganti pula oleh **al-Hakam II** (961 - 976 M). Oleh kerana beliau seorang pencinta ilmu pengetahuan beliau telah memupuk usaha meninggikan darjah universiti Cordova seperti membeli buku-buku untuk perpustakaannya, dan lain-lain.

Pada tahun 973 M beliau telah menghantar satu angkatan perang mengalahkan Kerajaan Islam Fatimiah di Maghribi. Dengan itu lenyaplah kekuasaan kerajaan tersebut di Maghribi.

Apabila al-Hakam II meninggal dunia permaisurinya yang jelita mengambil alih takhta kerajaan kerana puteranya masih kecil. Dia telah melantik Muhammad bin Abu Amir sebagai penasihat utamanya bergelar 'Hajib' (Datuk Maharaja Lela: penyelenggara istana raja). Kemudian Hajiblah yang menguasai dan memerintah Islam Sepanyol selama kira-kira tiga puluh tahun. Dalam masa kekuasaannya atas desakan seorang ulama tua yang fanatik mengakibatkan banyak buku-buku falsafah yang telah dibeli oleh al-Hakam II itu telah dibakar.

Hajib giat menghapuskan gerakan orang Kristian yang bangun

kembali mengganggu sempadan Islam di Sepanyol. Dia telah mengetuai hampir-hampir lima puluh *ghazwah* (peperangan untuk menentang tentera Kristian). Berikutan dengan itu pada tahun 981 M Zamora telah ditawan, Barcelona pada tahun 985 M, pada tahun 988 M dia telah menakluki ibu Kota Leon. Leon telah jatuh dan diletak di bawah kekuasaan Khalifah Cordova. Selain dari itu beliau juga telah menakluk Galicia dari Asturias. Sebelum meninggal dunia beliau telah mengambil gelaran al-Mansur (yang berkejayaan).

Pengganti Hajib yang pertama ialah putera sulungnya, al-Malik dan kemudiannya Abdul Rahman, tetapi kekuatan mereka tidak dapat menyamai kekuatan dan kejayaan ayah mereka. Abdul Rahman telah mengadakan jawatan pengawal peribadinya yang kemudiannya belot lalu merampas kuasa pemerintahan dan membunuhnya.

Tidak lama kemudian satu keturunan bernama Hamuddid telah berkuasa selama tiga puluh tahun. Tetapi kemudiannya kuasa pemerintahannya diambil alih oleh Majlis Mesyuarat Negeri Sepanyol.

Mulai dari tarikh ini Kerajaan Islam Umaiyyah di Sepanyol mulai berpecah-belah. Beberapa kerajaan lain telah silih berganti memegang kekuasaan di tempat masing-masing tanpa mendapat tentang lagi daripada Kerajaan Umaiyyah di Sepanyol. Kerajaan itu adalah kerajaan Seville (1091 - 1098 M), Aqlabi (800 - 909 M), Kerajaan Fatimiah dari Afrika Utara, Kerajaan Murabit dari Maghribi (1061 - 1106M), Kerajaan Muwahhid (1145 - 1212M) dan akhirnya Kerajaan Granada di bawah Rajah Nasryrid iaitu dalam zaman kerajaan Islam tersingkir dari bumi Sepanyol pada tahun 1492M. Semenjak itu berakhirlah Kerajaan Islam di Sepanyol.

Kejayaan Islam di Sepanyol

Kerajaan Islam di Sepanyol telah mencipta tamadun yang amat penting dalam sejarah dunia. Kebudayaan Islam di sana mempunyai ciri-ciri murni dan indah bagi dunia Eropah dalam zaman pertengahan. Pengaruhnya tersebar kepada orang Inggeris, Perancis, bumiputera Sepanyol, Itali, Sicili, dan lain-lain. Buku-buku dan kitab Islam yang telah ditinggalkan oleh orang Arab di sana menjadi pengajian mereka hingga beberapa lama. Pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang penting telah dihasilkan oleh orang Arab di Sepanyol seperti kesusasteraan, perubatan, sains, tawarikh, ilmu kajibumi, mistik dan lain-lain yang kemudiannya tersebar ke Timur dan Barat. Ahli-ahli falsafah Islam pula tidak kurang jumlahnya kalau dibandingkan dengan ahli falsafah Eropah. Antara mereka yang termasyhur ialah **Ibnu Bajjah** (1138M), **Ibnu Tufail** (1186M), **Ibn Rusyd** (Averroes) (1126 - 1198 M), **Musa bin**

Maimun (1135 - 1204M), **al-Idrisi** (1100 - 1166 M), **Ibnu Arabi** dan **Ibnu Hazm**, **Ibnu Khaldun** atau nama penuhnya Abdul Rahman ibn Khaldun, dan **Ibn Batutah** atau nama penuhnya Muhammad bin Batutah (1304 - 1377 M) yang termasyhur itu.

Banyak ahli bijak pandai Eropah yang mendakwa bahawa ahli falsafah Islam itu semata-mata mengulas falsafah orang Greek. Ini adalah tidak benar kerana falsafah itu wujud pada bila-bila masa pun dan falsafah itu sendiri adalah ilmu yang mencari hakikat dunia ini. Mengatakan semuanya ambilan atau saduran dari Greek adalah seolah-olah menolak perkembangan akal fikiran manusia. Meskipun tidak dapat disangkal ada antara mereka yang telah mempelajari falsafah asing, tetapi daripada apa yang mereka pelajari itu dan dari inisiatif mereka sendiri pula mereka telah mencipta sesuatu yang baharu dan menjadi hak mereka sendiri. Bagaimanapun kesimpulannya Kerajaan Islam di Sepanyol telah banyak menelurkan bentuk-bentuk kebudayaan yang tinggi tamadunnya dan melahirkan ramai ahli-ahli falsafah Islam yang terkenal dan termasyhur hingga ke zaman moden masa kini.





KEJATUHAN KERAJAAN ISLAM DI SEPANYOL

Khalifah Kerajaan Islam Sepanyol

Khalifah yang menjadi perintis Kerajaan Islam di Sepanyol ialah Abdul Rahman I. Beliau bergelar atau terkenal sebagai Abd. al-Rahman al-Dakhil yang bererti 'Abdul al-Rahman Pendatang' iaitu bersempena dengan kemasukannya ke Sepanyol itu. Beliaulah Khalifah yang mula-mula mendirikan Kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol, setelah mengalami kejatuhannya di Syam.

Susunan khalifah-khalifah Islam Bani Umayyah di Sepanyol itu adalah sebagaimana yang tertera di bawah ini:

1. Abdul Rahman I (756 - 788 M)
2. Hisyam (788 - 796 M)
3. Al-Hakam I (796 - 822 M)
4. Abdul Rahman II (822 - 852 M)
5. Muhammad I (852 - 886 M)
6. Al Mundhir (886 - 888 M)
7. Abdullah (888 - 912)
 - Muhammad
8. Abdul Rahman III
(912 - 929 M,
Khalifah 929 - 961 M)
9. Hakam II (961 - 967 M)
 - Al-Mughirah (terbunuh)
10. Hisyam II (967 - 1002 M)

Pada mulanya beliau telah melarikan dirinya ke Ceuta, iaitu setelah Bani Abbasiyah mengambil alih tampuk Kerajaan Islam di Damsyiq. Dengan pertolongan sanak-saudara sebelah ibunya, beliau menyeberang masuk ke Sepanyol dan menakluki gugusan pulau-pulau Iberia. Setelah melancarkan beberapa serangan di sana, akhirnya ibu kota Sepanyol, Cordova, telah dirampas pada tahun 756 M. Semenjak itulah kuasa Islam Bani Umayyah telah bertapak menguasai Sepanyol hingga lebih daripada 300 tahun lamanya.

Kelemahan Khalifah

Khalifah pertama Abdul Rahman al-Dhakil I telah terpaksa menghadapi musuh-musuhnya dari Kerajaan Abbasiyah yang diketuai oleh Al-Ala bin Muhith. Kerajaan Abbasiyah sentiasa melancarkan serangan terhadap Kerajaan baru Bani Umayyah di Sepanyol itu. Tindakan ini diambil sebagai gerakan membasuh saki-baki Kerajaan Bani Umayyah. Walau bagaimanapun tindakan serangan terhadap Kerajaan Islam di Sepanyol itu telah dapat dipatahkan oleh Abdul Rahman I.

Di samping itu beliau terpaksa menentang ancaman dari Perancis. Rajanya bernama Charlemagne atau terkenal dengan gelaran Charles The Great. Dia adalah pejuang agama Kristian. Bagaimanapun gerakan ini juga dapat dipatahkan oleh Abdul Rahman I.

Dalam pemerintahannya, Abdul Rahman dapat kita katakan sebagai seorang Khalifah yang berjaya. Kelebihannya dapat diatasi dan dihapuskan oleh kejayaannya. Beliau telah cuba membaiki keadaan dalam negeri. Beliau telah menyatupadukan berbagai-bagai puak seperti puak-puak Arab, Syam, orang Afrika, Goth dan lain-lain. Selain daripada itu beliau juga telah membaiki bangunan-bangunan yang telah rosak, membina parit dan saliran air untuk perusahaan bercucuk tanam dan membaiki jalan-jalan raya. Kemudian beliau juga menjadikan universiti-universiti Cordova, Toledo, dan Seville sebagai puncak pengajian tertinggi di barat.

Kewafatan beliau diganti oleh puteranya Hisyam. Beliau adalah seorang khalifah yang adil dan soleh. Pemerintahan beliau tidak lama, cuma mengambil masa tujuh tahun tujuh bulan sahaja. Usahanya yang terpenting adalah dalam bidang agama dan pelajaran. Beliau telah berjaya menyiapkan pembinaan Masjid Cordova dan mengadakan Jabatan Kadi (Hakim). Akhirnya beliau menggiatkan pelajaran Bahasa Arab. Setelah beliau wafat kuasa itu diganti oleh puteranya Hakam bin Hisyam. Hakam terkenal sebagai khalifah yang kasar dan suka berpoya-poya dengan kesenangan dunia. Para ulama Islam telah membantah kelakuannya itu tetapi tidak dihiraukannya. Akhirnya lahirlah pertentangan daripada rakyat. Pemberontakan telah lahir di Cordova

dan Toledo. Sementara itu banyak lagi berlaku pergaduhan di dalam negeri di samping serangan dari luar.

Dari sinilah lahirnya kelemahan beliau. Akibatnya kekacauan di dalam negeri berlaku dengan hebatnya. Bapa saudaranya sendiri, Sulaiman bin Abdullah, putera Abdul Rahman, turut sama menentangnya, hingga Toledo dan Valincia tertakluk.

Serangan dari Raja Kristian juga tidak kurang hebatnya, tetapi dapat dipatahkan. Berikutnya huru-hara timbul lagi menyebabkan seorang wali dari kota Bercelona, kawasan yang didiami oleh umat Islam sendiri, telah menentangnya.

Huru-hara tidak putus-putus timbul semasa Hakam I memegang pemerintahan di Sepanyol, iaitu akibat daripada tindakan yang sewenang-wenangnya dalam pemerintahan.

Hakam I wafat pada tahun 822 M dalam usianya lima puluh tahun setelah memerintah selama 27 tahun. Pemerintahannya tidak menyenangkan kerana kezalimannya terhadap rakyat dan keperibadiannya yang kasar itu.

Beliau diganti oleh Abdul Rahman II yang telah berusaha memajukan negara. Huru-hara yang timbul pada zaman ayahandanya dapat dilenyapkan. Kemajuan pula dapat dilaksanakan seperti dalam lapanan pertanian dan ilmu pengetahuan.

Beliau memegang hak kebebasan beragama penduduk-penduduk Sepanyol. Oleh itu soal berlainan agama tidak menimbulkan sebarang pertentangan daripada pendita-pendita Kristian dan ketua-ketuaunya masih merasa hina hidup di bawah naungannya. Mereka menghasut umat Kristian supaya menghina peribadi Nabi Muhammad S.A.W. dan mencela Islam secara terang-terangan. Ini merupakan satu pukulan hebat kepada Islam. Oleh itu khalifah telah mengambil tindakan yang tegas dan pesat atas gerakan ini. Beliau telah berjaya menghentikan perbuatan menghina oleh umat Kristian ini.

Abdul Rahman II telah meninggal dunia pada tahun 788 M setelah berusia 61 tahun, setelah memerintah tiga puluh satu tahun. Kerajaan yang ditinggalkannya telah mencapai kejayaan. Bagaimanapun serangan-serangan dari luar tetap berterusan. Khalifah berikutnya telah mempertahankan serangan-serangan ini.

Khalifah-khalifah pengganti beliau itu adalah Muhammad I (852 - 886 M), al-Mundhir (886 - 888 M) dan Abdullah (888 - 912 M). Ketiga-tiga pemerintah ini telah mengalami kelemahan dan perpecahan yang hebat. Negeri-negeri ini mula berpecah menjadi kerajaan yang terpisah. Masing-masing diperintah oleh golongan-golongan yang berasingan, seperti bangsa Arab Barbar dan orang Sepanyol yang tidak memeluk agama Islam. Kekuasaan Amir Bani Umaiyyah hampir-hampir terbatas dalam kawasan yang sempit iaitu di sekitar ibu kota kerajaannya sahaja.

Keadaan ini berlanjutan hingga sampai kepada pemerintahan Abdul-Rahman al-Nasir (III) dan Hakam (II). Abdul-Rahman III ketika beliau mula memegang kuasa tatkala masih berusia dua puluh tiga tahun. Beliau seorang pemerintah yang berbakat, bersemangat dan berani. Dalam tempoh lima tahun sahaja beliau telah bergelar Amir al-Mukminin.

Setelah beliau wafat Hakam II, puteranya menaiki takhta. Beliau mengutamakan dasar perdamaian, dan perperangan tidak dilakukan kecuali kalau sekiranya keadaan memaksa. Beliau terkenal dengan ilmu pengetahuan dan berusaha mengumpul buku-buku di dalam kutubkhanaunya.

Di rumahnya sendiri dihimpunkan pengarang-pengarang untuk menyusun buku-buku pengetahuan, hingga Sepanyol masa itu menjadi pusat kesusastraan Islam, tempat tumpuan para ulamak, pendita dan ahli-ahli sastera.

Apabila Hakam II wafat penggantinya yang telah sedia ialah saudaranya sendiri al-Maghira. Malangnya al-Maghira telah terbunu sebelum sempat memegang jawatan itu. Orang yang mengatur pembunuhan itu ialah menteri kerajaan itu sendiri yang tamakkan kuasa bernama Mansur bin Amir. Oleh itu putera Hakam II sendiri yang masih kecil berusia sepuluh tahun itu dilantik mengganti pemerintah. Beliau bernama Hisyam bin Hakam.

Walaupun Hisyam menjadi pemerintah kekuasaan beliau sebenarnya adalah di dalam tangan menteri kerajaan itu Mansur. Segala perlaksanaan Mansur semuanya di atas nama Khalifah. Untuk mencapai cita-cita tamak menteri itu ia telah mengambil kesempatan dengan menjalankan perintahnya sendiri tanpa bangkangan dan teguran dari orang lain. Perintahnya itu dibuat atas nama Khalifah Hisyam semata-mata. Akhirnya beliau mendapat kekuasaan mutlak. Apa yang dikatakan itulah yang dianggap sebagai perintah dari Kerajaan. Sedangkan Khalifah Hisyam tinggal diam tanpa berkuasa lagi.

Sementara itu Mansur masih belum puas. Beliau kemudiannya telah menggelarkan dirinya Raja, iaitu "al-Malik al-Mansur", yang meletakkan taraf hampir sama dengan Khalifah. Cara demikian dengan tidak langsung telah menghina Khalifah dan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Raja Mansur telah memecat kakitangan-kakitangan kerajaannya yang bijak pandai. Ada pula yang dibunuh dengan diseksa, terutamanya terhadap mereka yang menentang polisi pentadbirannya. Cara ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat jelata. Walau bagaimanapun rakyat tidak boleh berbuat apa-apa kerana kemenangannya dalam perperangan sebanyak lima puluh dua kali telah meluputkan segala kekejamannya.

Raja Mansur telah wafat pada tahun 392 H dalam usianya enam puluh lima tahun. Dia diganti oleh anaknya Abdul Malik al-Mudzaffar.

Nasib Khalifah Hisyam yang tidak berubah malahan menjadi lebih malang.

Kemudiannya diganti oleh saudara bongsunya, Abdul-Rahman, seorang yang gagah tetapi tidak bijak mengatur pentadbiran. Rakyat merasa bosan dengan kerajaannya malah membenci. Keturunan Bani Umayyah yang selama ini tidak suka pada kerajaan itu telah mengambil kesempatan untuk menyengkirkan Abdul-Rahman itu kerana mereka merasa bahawa mereka telah terpedaya dan hak mereka telah dirampas.

Peristiwa ini telah membawa pergolakan dalam negeri. Negeri menjadi kucar-kacir. Ini menyebabkan berlaku peristiwa berdarah, iaitu pembunuhan ke atas Abdul Rahman, dan kemudiannya diikuti pula oleh peristiwa penyengkiran Khalifah Hisyam dari puncak kekuasaan.

Beliau diganti oleh Muhammad bin Hisyam tetapi tidak lama kerana jawatan itu akhirnya menjadi rebutan antara golongan Bani Umayyah itu sendiri. Akhirnya terjadilah perperangan saudara di kalangan mereka. Ini menyebabkan negara menjadi tidak teratur. Tetapi tidak ada satu pun kekuasaan yang tahan lama, hingga timbulah kemudiannya kerajaan-kerajaan kecil yang diperintah oleh raja-raja dan bebas dalam kekuasaan masing-masing. Kerajaan-kerajaan ini tidak ada hubungan lagi dengan Khalifah, dan terkenal dengan nama "Raja-raja Golongan Kecil".

Kebangkitan Kerajaan-kerajaan Kecil

Kekuasaan Bani Umayyah di Sepanyol sudah menjadi kucar-kacir. Kekuasaan negara menjadi rebutan di antara orang Arab dengan orang Barbar. Kerajaan kecil itu tumbuh di sana sini di Sepanyol, di tempat yang mana masing-masing mengaku lebih berkuasa dan berdaulat daripada yang lain. Tiap-tiap raja yang berkuasa di kerajaan masing-masing telah memakai gelaran Khalifah sebagaimana yang dahulunya pernah dipakai oleh Khalifah Bani Umayyah dan Abbasiyah.

Perpecahan telah berlaku di kalangan umat Islam. Tiap-tiap golongan hidup di alam yang tersendiri. Tidak ada persatuan dan perhubungan yang baik di antara mereka.

Dalam keadaan negara yang huru-hara ini Raja Sepanyol yang beragama Kristian dan berkerajaan di sebelah utara mengambil kesempatan ini untuk memerangi kaum Muslimin. Mereka telah meneliti kekuatan Islam di Sepanyol dan mereka yakin boleh menjatuhkannya kerana perpaduan di kalangan orang Islam sudah tidak ada lagi. Untuk memenuhi kesempatan itu langkah pertama yang telah diambil ialah melaga-laga dan menyala-nyalakan api permusuhan di kalangan orang

Islam sendiri. Akibatnya berlakulah perbalahan antara mereka hingga boleh menghancurkan sesama mereka.

Sebuah kerajaan kecil yang agak terkuat pula masa itu ialah kerajaan Bani 'Abad. Kerajaan ini telah sedar akan pergolakan dan tujuan Raja Sepanyol itu. Oleh itu Mu'tamid, Raja'Abad itu, telah meminta pertolongan daripada **Kerajaan Murabitin**, sebuah kerajaan yang besar di Maghribi, supaya bersama-sama menghapuskan kuasa Kristian di utara Sepanyol itu.

Salah seorang menterinya membantah langkah ini kerana khuatir akan dirampas pula oleh kerajaan Murabitin itu, tetapi Mu'tamid telah nekad dengan langkahnya dan mengatakan beliau sanggup mengalami kekalahan di bawah kuasa orang yang sesama Islam asalkan tidak di bawah kuasa orang-orang kafir atau Kristian.

Kerajaan Kristian di Utara Sepanyol itu diperintah oleh raja bernama Alfonso. Beliau telah menghantar satu angkatan tentera dan berjaya menakluki kota Toledo dari tangan orang Islam. Kemudian beliau telah mengirim satu utusan kepada Mu'tamid mengancam supaya menyerahkan semua benteng pertahanan kepadanya. Mu'tamid telah membantah dan membunuh utusan tersebut. Oleh itu berlakulah pengisytiharan peperangan yang besar terhadap kerajaan Islam.

Memandangkan bahaya itu dengan tidak berlengah lagi Mu'tamid meminta pertolongan daripada kerajaan Murabitin di Afrika. Permintaan tersebut di terima oleh rajanya yang bernama Yusuf bin Tasyfir. Satu angkatan tentera yang besar berjumlah 10,000 orang tentera dengan menyeberangi lautan menuju Sepanyol untuk menggabungkan diri dengan angkatan Muslimin yang sedia menunggu itu.

Berikutan dengan ini berlakulah satu peperangan di suatu tempat bernama Zalaqah. Dalam pertempuran yang hebat itu tentera gabungan Islam itu telah mencapai kejayaan yang gemilang.

Setelah berakhirnya peperangan itu lahirlah di hati Raja Murabitin itu untuk menguasai negara Sepanyol yang indah dan makmur itu. Oleh itu pada tahun 479 H Yusuf bin Tasyfir telah datang lagi sekali ke Sepanyol. Kedatangan beliau telah meneruskan usaha menawan dan menduduki kawasan-kawasan dan kota-kota di Sepanyol. Orang Barbar menerima kedatangan mereka ini kerana mereka menganggapkan bahawa Yusuf adalah seorang pemimpin yang sanggup melepaskan mereka daripada kemusnahan dan kemelaratian.

Kuasa Murabitin di Sepanyol tidak lama kerana negara itu tidak tenteram. Kuasa baharu itu tidak berupaya membawa perubahan kepada penduduk-penduduknya. Sedangkan ancaman daripada Kerajaan Kristian di Sepanyol yang sentiasa memusuhi Islam itu makin menjadi besar. Akhirnya Murabitin telah ditewaskan oleh kerajaan Muwahidin dari Afrika untuk mengganti kuasa mereka di Sepanyol.

Yusuf bin Tasyfir meninggal dunia pada 500 H setelah berjaya

menghapuskan kerajaan-kerajaan kecil di Sepanyol. Beliau terkenal sebagai seorang raja yang perwira di Afrika. Di Sepanyol, beliau dikenali juga sebagai seorang ahli ilmu dan tokoh agama yang terkenal.

Kerajaan Muwahidin

Kerajaan Muwahidin telah datang ke Sepanyol pada 1145 M dengan angkatan tentera yang cukup dan menjatuhkan daulah Murabitihin dalam tempoh lapan hari sahaja. Raja yang mengetuainya ialah Abdul Mu'min bin Ali.

Semenjak itu ialah Muawhidin berkuasa di Sepanyol, yang berpusat di Afrika. Kawasan pemerintahan Muwahidin meluas hingga meliputi kawasan dari utara perbatasan Tripoli di sebelah timur sampai ke tepi Lautan Atlantik di Barat.

Abdul Mu'min adalah seorang pemerintah yang alim dan berbakat. Beliau telah memajukan negara tersebut dengan berbagai-bagai kemajuan sama ada di dalam bidang kekayaan hidup mahupun dari segi ilmu pengetahuan. Beliau meninggal dunia pada tahun 588 H.

Kerajaan Bani Akhmar. Kerajaan ini juga terkenal sebagai kerajaan Nassiah di Sepanyol (1232 - 1492 M):

Kerajaan Bani Akhmar adalah kerajaan negara Islam yang terdiri di wilayah Granada di Sepanyol. Perintis kerajaan ini ialah Amir Muhammad bin Akhmar.

Kerajaan Bani Akhmar ini merupakan kerajaan yang penghabisan di Sepanyol. Kerajaan ini gagal menghadapi dan menangkis serangan dari pihak Kerajaan Kristian di sebelah utaranya. Pemerintahannya bertanggungjawab dan berusaha memajukan negara di dalam segenap bidang. Perusahaan, perniagaan dan pertanian dimajukan hingga ke lereng-lereng pergunungan; dan kawasan-kawasan lembahnya diliputi dengan sawah-sawah dan kebun buah-buahan. Tinggalan sejarah yang masyhur oleh kerajaan ini ialah **al-Hamra'** di Granada. Istana ini sungguh indah melambangkan betapa tingginya mutu rekabentuk dan seni ukir bangsa Arab Islam di Sepanyol.

Kejatuhan Granada

Kerajaan Bani Akhmar terkenal sebagai satu kerajaan yang kuat dan gagah, dan berjaya mengatur urusan pentadbiran dengan baik, tetapi

kerajaan ini tidak berjaya mengekal kegagahannya di Sepanyol. Di antara sebab-sebab yang penting membawa keruntuhannya ialah timbulnya nafsu ingin berkuasa di antara pemerintah-pemerintah dan pembesar-pembesarnya. Dengan ini berlakulah perpecahan sesama sendiri, dan mendatangkan malapetaka kehancuran kerajaan itu sendiri di Sepanyol.

Pemerintahannya yang terakhir Abu 'Abdullah tidak dapat berbuat apa-apa akibat dari kelemahan kerana persengketaan sesama sendiri itu. Pada waktu yang sama juga bangun kerajaan-kerajaan yang kecil di Sepanyol di samping kerajaan Kristian yang mengambil peluang untuk merampas kerajaan Islam di Sepanyol itu.

Sementara itu kerajaan Kristian yang dahulunya berpecah belah bersatu kembali. Dua buah kerajaan Kristian yang kuat Aragon dan Gastalia telah bersatu dengan cara perkahwinan di antara Raja Ferdinand dari Aragon dengan Ratu Izabilla dari Gastelia.

Dengan persatuan dua buah kerajaan Kristian yang besar ini menyebabkan kerajaan Islam Sepanyol, iaitu Granada terancam, satu satunya kerajaan Islam yang masih tinggal pada waktu itu. Kedua-dua buah kerajaan Kristian tadi lebih bersemangat dan bergelora untuk menggulingkan kerajaan Bani Akhmar itu, setelah melihat keadaan yang kucar-kacir dalam kerajaan itu sendiri.

Pada tahun 1492 M satu serangan telah dibuat oleh Kerajaan Kristian terhadap Islam di Granada. Lantaran terlalu hebatnya serangan ini Abu Abdullah, pemerintah kerajaan Bani Akhmar itu tidak berkuasa untuk bertahan lagi. Bagaimanapun selama tujuh bulan lamanya kerajaan Islam itu menentang dan mempertahankan Granada dari kuasa serangan Kristian. Setelah tujuh bulan bertahan itu Abu Abdullah telah tewas dan terpaksa menyerahkan semula Granada ke bawah taklukan orang Kristian.

Sebelum Abu Abdullah keluar meninggalkan Granada beliau telah mengikat perjanjian dengan kerajaan Kristian supaya umat Islam di beri perlindungan, agama dan harta benda mereka tetap dipelihara. Masjid tempat ibadat orang Islam mesti dikawal dan diberi penghormatan. Syarat-syarat ini telah dipersetujui. Setelah itu Granada itu pun terserah ke tangan orang Kristian dan pemerintah Islam itu keluar dari Sepanyol. Hingga di sinilah berakhirnya kerajaan Islam di Sepanyol iaitu setelah berkuasa selama lebih dari tiga ratus tahun.

Setelah Abu Abdullah meninggalkan Sepanyol dan menetap di Fes, Maghribi, berkuasalah kerajaan Kristian dengan sepenuhnya di Sepanyol. Menurut sejarah mereka telah tidak menghormati syarat-syarat perjanjian yang telah diikat dengan orang Islam dahulu. Umat Islam telah ditindas, dan diancam supaya meninggalkan agama mereka. Tanam-tanaman orang Islam dimusnahkan dan umat Islam yang enggan

memeluk agama Kristian telah dihalau keluar atau dibunuh. Ini merupakan tindakan kekejaman yang dahsyat dari orang Kristian. Umat Islam di Sepanyol tidak boleh berbuat apa-apa lagi, selain dari menderita. Tidak ada tempat lagi untuk mereka mengadu hal. Dengan itu tamatlah kerajaan Islam di Sepanyol. Kejatuhan Granada ke tangan orang Kristian merupakan seolah-olah menyerahkan anak kunci kekuasaan kepada mereka.





PEPERANGAN SALIB DAN KESANNYA KE ATAS UMAT ISLAM

Sebab-sebab Peperangan Salib

Peperangan Salib yang sebenarnya sebagai lanjutan peperangan-peperangan di antara kerajaan Islam di timur dan di barat dengan kerajaan Byzantine yang sering meletus sebelumnya. Akan tetapi sebelum peperangan Salib berlaku peperangan kebanyakannya berdasarkan kepada mempertahankan tanahair dan memperluaskan jajahan takluknya. Peperangan Salib kononnya berdasarkan prinsip untuk menegakkan kebenaran, iaitu suatu dasar yang dipegang kuat oleh kebanyakan tentera Kristian.

Dalam zaman Kerajaan Seljukiyah (Seljuk) 1039 - 1800 M) kuasa Islam telah meluas bukan sahaja meliputi sebahagian besar Timur Tengah, tetapi juga Timur Dekat dan bahagian-bahagian negeri Eropah yang berhampiran dengan kawasan Islam. Sementara Kerajaan Islam di Sepanyol semakin lemah, Kerajaan Seljukiyah telah menggerakkan angkatan tenteranya ke Eropah menerusi jalan darat. Banyak kota besar Kristian di Asia Kecil yang selama ini menjadi benteng kepada mereka seperti kota-kota Ani, Nicaca, Iconium dan lain-lain telah ditawan oleh orang Islam. Ini telah menggentarkan kebanyakan negara barat, kerana besar kemungkinannya Islam akan bergerak lebih jauh lagi menjalarkan kekuasaannya di Benua Eropah. Wilayah-wilayah Navarre, Castile dan Aragon telah menyeru seluruh negara-negara Eropah bersatu menentang kuasa Islam, terutamanya Sepanyol.

Sementara itu semenjak kuasa Islam menguasai seluruh Timur Tengah dan sebahagian benua Eropah perdagangan di sana telah dibolot oleh orang Islam. Peluang untuk saudagar Kristian telah tertutup rapat. Dalam zaman Kerajaan Fatimiah dikendalikan oleh Khalifah al-Hakim (996 - 1021 M) kebebasan pemeluk-pemeluk agama Kristian di Mesir dan di Palestine telah terbelenggu. Kebebasan mereka dalam beragama telah tersekat. Banyak tempat ibadat orang Kristian telah dirobohkan. Antaranya termasuklah gereja besar Holy Sepulchre - yang telah diruntuhkan pada 1009 M. Berita tentang ini telah dibawa ke benua Eropah oleh saudagar Kristian, dan di sana berita ini dipanjangkarkan hingga menerbitkan suatu peristiwa yang mener-

bitkan semangat perjuangan yang berkobar-kobar. Kebanyakan berita ini telah menyimpang dari kenyataan. Sebenarnya berita kekejaman al-Hakim itu hanyalah pada perkara yang tertentu sahaja, yang dilakukan dengan sebab tertentu. Umpamanya dalam membina bangunan termasuklah gereja-gereja, bangunan itu hendaklah jangan lebih besar atau lebih tinggi daripada bangunan-bangunan orang Islam seperti masjid. Ini hanyalah dilakukan oleh al-Hakim sahaja.

Memanglah benar ada larangan-larangan yang telah dibuat oleh orang Islam terhadap pemeluk-pemeluk agama Kristian yang menziarahi tanah suci mereka di Bait ul-Maqdis dalam zaman Kerajaan Fatimiah dikuasai oleh Khalifah al-Hakim tadi. Mereka dibenarkan menziarahi tempat-tempat yang dimaksudkan tersebut seumpama Bait il-Makdis juga Bait ul-Laham dengan beberapa syarat yang tertentu. Adanya pengetatan ini menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan pemeluk-pemuluk agama Kristian. Dan inilah yang selalu dibesar-besarkan oleh ahli-ahli sejarah Eropah.

Suatu sebab yang menarik dan mungkin lebih lagi berdasarkan kepada kenyataan ialah tentang keadaan benua Eropah dalam zaman sebelum berlakunya Peperangan Salib. Mengikut penulis-penulis Barat sendiri seperti Sidney Painter bahawa pada zaman tersebut benua Eropah adalah diselimuti oleh kekalutan, tegasnya zaman tersebut ialah **Zaman Kegelapan di benua Eropah**. Di sana terdapat banyak adat istiadat yang membelenggu kebebasan pemikiran orang ramai. Sistem feudalisme berjalan bermaharajalela.

Pengajaran-pengajaran agama Kristian pula penuh dengan dogmatis yang mematikan alam fikiran manusia. Undang-undang negara yang ditaja berdasarkan monarki tidak dijalankan mengikut asas-asas perikemanusiaan. Suasana yang penuh dengan kekerohanian telah melahirkan perasaan ingin kebebasan pada tiap-tiap rakyat benua Eropah. Lantaran ini apabila mereka diberi peluang keluar daripada tanahair mereka menerusi menyertai peperangan menentang orang Islam, mereka dengan mudah sahaja telah memasuki tentera. Sedangkan dewasa itu bumi Islam telah dipancari dengan cahaya kemajuan dalam semua lapangan ilmu pengetahuan yang gilang gemilang.

Di benua Eropah pada zaman itu juga terdapat ramai jaguh perang. Ini sering digambarkan dalam cerita-cerita dan filem yang berunsur fantasi yang terdapat pahlawan yang memegang peranan sebagai pelakon utama menewaskan musuh-musuh mereka dengan mudahnya, menyelamatkan mudiwira-mudiwira atau tuan-tuan puteri yang menjadi rebutan dewasa itu. Mereka itu telah pun diberi peluang menganggotai atau memimpin angkatan perang menentang tentera-tentera Islam di Timur Tengah.

Setengah-setengah orang pula, mereka memasuki tentera dalam peperangan tersebut semata-mata untuk mendapatkan harta-harta

rampasan, hamba, dan disamping bermiaga. Tidak kurang pula yang bermaksud untuk mendapatkan penghormatan dan untuk mengikis dosa mereka sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Pope. Sebelum mereka bertolak ke medan perlagaan, Pope telah menjanjikan kepada mereka bahawa barang siapa yang menyertai peperangan ini akan diampunilah dosa mereka, walaupun bagaimana besarnya. Juga kononnya, ini masanya yang paling sesuai untuk Kristian bangkit berperang.

Sebelum Peperangan

Orang Arab khususnya dan orang Islam umumnya dalam abad yang kesebelas menghadapi tiga jurusan penentangan iaitu Zoroastrain dari Parsi, Byzantine dari Eropah dan orang India dari negeri India. Keadaan masyarakat Islam pada masa itu kucar-kacir atau berpecah belah, masing-masing mementingkan diri sendiri. Sungguhpun penentangannya dengan Zoroastrain pada dasarnya telah lenyap tetapi penentangan-penentangan yang dibuat oleh pihak-pihak lain masih lagi berjalan.

Dalam abad yang kesebelas Kerajaan Seljukiyah telah menguasai Asia Kecil, di samping wilayah-wilayah Syam, Karman, Khurasan, Rayy, Iran, Iraq dan Jaziah. Kawasan-kawasan lain di Afrika Utara telah dikuasai oleh Kerajaan Fatimiah. Pada umumnya seluruh Laut Mediterranean telah dikuasai oleh orang Islam pada zaman itu sebagaimana yang telah disebutkan di atas. Sementara kuasa Islam mendapat kejayaan-kejayaan yang cemerlang di Asia Kecil, kawasan-kawasan Islam di bahagian-bahagian lain di Eropah seumpama Marcilles di selatan Perancis, Pisa di Itali dan beberapa buah kawasan di Sepanyol dan Pulau Sardinia telah jatuh ke tangan orang Kristian. Pope sangat memuji kejayaan-kejayaan ini. Kemudian kerajaan-kerajaan Custiledan Aragon di Sepanyol berpaktat untuk menentang orang Arab di Sepanyol.

Kemenangan-kemenangan ini telah menyakinkan orang Kristian untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam memerangi orang Islam. Di mana-mana di Eropah terutama di mimbar-mimbar suara bersemangat menyeru orang Kristian bersatu telah dilauangkan. Emporer Comnenus daripada Constantinople telah meminta pertolongan kepada Pope Gregory VII, tetapi Pope tidak dapat mengambil tindakan yang tegas. Tetapi setelah beliau mati dan digantikan oleh Pope Urban II, apabila sahaja diminta membantunya oleh Comnenus, beliau telah membuat tindakan tegas, dengan mengadakan satu perjumpaan besar ulama-ulama Kristian di Piaemza pada 1095 M. Persidangan ini sangatlah berjaya. Semangat perjuangan telah tertanam di tiap-tiap

sanubari ulama-ulama besar yang menyertai perjumpaan atau persidangan itu. Husteria ialah salah seorang daripada pembangkit semangat umat Kristian. Semangat *Peter the Hermit* (Peter Yang Alim) dan *Walter the Penniless* (Walter Yang Papa) telah banyak membuat propaganda-propaganda menentang umat Islam.

Walter the Penniless bersama-sama pengikut-pengikutnya dengan penuh semangat perjuangan telah berangkat ke timur tanpa berperaturan. Tiba di Bulgaria angkatan tenteranya telah berperang dengan tentera tempatan, dan beliau telah terkorban. Kemudian disusuli pula oleh angkatan Peter the Hermit. Beliau berangkat ke Bait al-Maqdis bukannya bertujuan hendak menentang orang-orang Islam, tetapi semata-mata untuk membela rakan-rakannya yang telah gugur. Tiba di timur seorang daripada orang kuatnya Reginald telah memeluk agama Islam. Berikutannya satu lagi angkatan tentera telah menyusuli angkatan ini. Pada kali ini angkatan itu terdiri daripada orang Monk yang diketuai oleh seorang Jerman yang bernama Godeschal. Mereka terkenal kerana kehandalan dan keberaniannya. Satu lagi angkatan telah mara tetapi telah tewas di tangan orang Kristian sendiri di Cologue. Orang Yahudi banyak yang menjadi mangsa peperangan ini.

Peperangan Salib yang Pertama (1096 - 1099M)

Menjelang 1096 M barulah tertubuh angkatan perang yang berdisiplin di Eropah, iaitu bala tentera yang mengambil peranan yang besar dalam Peperangan Salib I. Kebanyakan orang yang menganggotai angkatan ini terdiri daripada bangsa Perancis, daripada suku Bourgon (Bourogondia) dan Norman (Normandia). Pemimpinnya terdiri daripada raja-raja dan kaum bangsawan Eropah seumpama Godfrey dari Bouillon (Bourogondia), Baldwin adiknya, Count Raymond dari Toulouse, Adhemar dari Puy (wakil Pope), Bohemand putera dari Robert, Raja Norman dan banyak lagi. Angkatan ini telah bergerak memasuki Asia Kecil melalui Constantinople, disebabkan oleh Peter the Hermit dan Walter the Penniless telah memberitahu orang-orangnya bahawa satu kelompok Kristian telah maju ke hadapan.

Kebetulan pada masa itu Kerajaan Seljuk Rum telah berpecah belah. Di Dorylaeum Sultan Qilij Raja Kerajaan Seljuk telah tewas. Kemudiannya angkatan ini telah mara ke Kota Nicaea dan di sini angkatan tersebut telah dapat ditahan untuk beberapa lama. Seterusnya bergerak ke selatan sepanjang pantai barat Asia Kecil sehingga ke Armenia. Di sini ramai penduduk Kristian. Setelah Armenia dapat ditaklukinya Count Baldwin telah dilantik sebagai pemerintah di sini. Pada tahun 1098 M pula Anatioch yang diperintah oleh Yaghi Sultan telah juga terlepas ke tangan Kristian setelah dikepung selama lapan

bulan. Dia pernah meminta pertolongan daripada kerajaan-kerajaan Islam lain tetapi hampa. Amin Ridwan pemerintah Aleppo telah mengirimkan bantuan tentera tetapi terlambat, dan sementara Amir Kaibuga pemerintah Mosul yang juga memberi bantuan telah tewas di tangan Kristian. Count Bohemand telah ditempatkan di Antioch.

Serangan-serangan berikutnya telah dilancarkan oleh Count Raymond dan Godfrey dari Bouillon. Count Raymond telah berjaya menawan kota Maarat al-Numan. Dari sini ia telah mengganas dan mengorbankan seramai kira-kira 100,00 orang Islam. Korban seramai 100,00 orang Islam adalah suatu peristiwa yang tidak berperikemanusiaan, kerana angka ini termasuklah ramai orang yang tidak langsung mengambil bahagian dalam peperangan ini.

Pada 7 Jun 1099 M Kota Bait al-Maqdis yang dianggap sebagai kota suci orang Kristian itu telah dikepung selama lima minggu, yang mengakibatkan pertahanan kota itu dapat dilumpuhkan pada 15 Julai 1099 M. Ramai penghuni kota itu telah menjadi mangsa keganasan tentera Kristian, termasuklah orang Yahudi. Godfrey telah menghantar sebuah angkatan untuk menakluki saki-baki wilayah Palestine di selatan, dan angkatan Kerajaan Fatimiah yang telah mempertahankan kawasan ini telah tewas di Ashkelon. Godfrey dari Bouillon telah dirajakan di Bait al-Maqdis.

Sementara itu angkatan tentera laut Itali dari Venice dan Genoa telah bersatu dan memberi pertolongan kepada angkatan Kristian di darat menawan kawasan pantai dari Laut Marmara ke selatan Palestine. Serentak dengan ini pula kota Tripoli di Palestine telah jatuh ke tangan Count Raymond dan ia telah dilantik menjadi pemerintah kawasan di sini.

Ketewasan Orang Islam

Kejayaan orang Kristian dalam Peperangan Salib ini adalah dianggap sebagai satu kejayaan mereka dalam menjulang apa yang dinamakan dengan kesucian agama Kristian. Kemenangan mereka bukan sahaja kerana mereka dapat menguasai Palestine tetapi juga dapat merosakkan dan meleburkan hak-hak kemanusiaan orang Islam. Setelah kota Bait al-Maqdis dapat dikuasai oleh askar-askar Kristian yang berjumlah kira-kira 40,000 itu pada tahun 1099 M kuasa Islam telah luput sama sekali di sana. Pada masa itu Bait al-Maqdis dikendalikan oleh Kerajaan Fatimiah di bawah Khalifah Iftikhar al-Dawlah yang lemah. Kelemahan inilah yang menjadi punca besar ketewasan orang Islam di samping ketiadaan perpaduan di kalangan mereka. Pusat Kerajaan Fatimiah di Mesir juga jauh kedudukannya daripada Bait al-Maqdis tempat pertarungan sengit itu berlaku.

Keganasan orang Kristian dalam peperangan ini telah terang-terang dibuktikan oleh sejarah. Mereka telah menggunakan alatan senjata yang tidak bersifat kemanusiaan. Ramai orang Islam di kota Bait al-Maqdis dan Anatolia yang menjadi mangsa keganasan orang Kristian itu. Dalam masa peperangan tersebut tentera Eropah telah menggunakan *tower* sebuah binaan yang beroda dan bertangga yang boleh digunakan sebagai pertahanan dan untuk memanjat kota. Di Armenia seorang warganegara Kristian telah belot dan membuka pintu kota. Di beberapa buah bandar seperti Tripoli dan Haifah di persisiran Palestine orang Kristian telah melakukan keganasannya walaupun sebelum mereka melakukan penyerangan orang Islam telah menyerah kalah.

Ketika Palestine di bawah pentadbiran orang Eropah yang menyertai Perang Salib I, orang Islam telah menjadi mangsa keganasan mereka itu. Akibatnya ramai orang Islam di sini telah berhijrah ke wilayah-wilayah lain seperti ke Baghdad dan sebagainya, kerana mereka tidak tahan dengan undang-undang Kristian yang diwarisi daripada Eropah. Segala undang-undang Eropah pada masa itu telah diperaktiskan di Palestine, termasuklah *Trial by Ordeal* (Undang-undang yang Kejam). Di Baghdad, pemerintah Abbasiyah, al-Mustazhir (1094 - 1118 M) telah menerima beberapa rintihan daripada orang-orang pelarian Palestine. Beliau pernah menghantar utusan kepada pemerintah Kerajaan Seljuk di Asia Tengah, tetapi tidak mendapat apa-apa perhatian, kerana kerajaan-kerajaan tersebut masing-masing dalam kelemahan.

Kesan-kesan Peperangan Salib yang Pertama

Peperangan Salib ini pada umumnya telah memberi keuntungan yang besar kepada orang Kristian dan merupakan suatu peristiwa yang menyediakan dalam sejarah Islam. Kemenangan Kristian tersebut secara langsung telah memberi peluang yang seluas-luasnya kepada mereka untuk menziarahi Bait al-Maqdis, Bait al-Laham dan Nazareth. Sementara sebahagian daripada kawasan perdagangan yang selama ini dikuasai sepenuhnya oleh orang Islam telah terlepas ke tangan mereka. Serentak dengan ini perdagangan di pelabuhan-pelabuhan di Eropah, di Laut Mediterranean seperti Venice dan Genoa bertambah maju dan kukuh. Sebaliknya bidang yang dikuasai Islam selama ini telah lenyap.

Pertempuran di antara kuasa Islam dengan kuasa Kristian di Timur Tengah telah melengangkan benua Eropah, kerana ramai tentera dari berbagai-bagai negara di sana mengambil peranan dalam peperangan. Dalam keadaan yang seumpama inilah William Rufus raja England telah mengambil kesempatan menakluki negeri Normandy dari adik-

nya sendiri Duke Robert yang telah menyertai Peperangan Salib I. Di samping itu pula di Rom kuasa dan moral Pope telah meningkat lagi.

Kemenangan ini memberi pengertian yang besar kepada orang Eropah terutamanya dari segi ilmu pengetahuan, politik dan sosial. Selama ini orang Kristian di Eropah sering mencemuh nilai peradapan umat Islam khasnya dan umat Timur amnya. Akan tetapi cemuhan-cemuhan itu adalah palsu semata-mata apabila mereka telah melihat apa yang sebenarnya di timur dengan mata kepala mereka sendiri. Hasil daripada pergaulan mereka itu dengan orang Islam banyak peradapan yang tinggi telah mereka perolehi terutamanya dari segi moral, kebudayaan dan politik. Orang Kristian telah mempelajari nilai-nilai kesalihan daripada pengikut-pengikut Muhammad, di samping dalam segi-segi kesenian, cara hidup dan kepandaian orang Islam seumpamanya dalam lapangan seni muzik, seni binaan, juga cara mencipta letupan-letupan, kompas dan lain-lain lagi.

Dari keadaan yang dilihat oleh orang Islam sendiri undang-undang yang dipraktiskan oleh orang Kristian, yang dikatakan hendak menegakkan kebenaran dan kesucian itu sangatlah berbeza dengan undang-undang Islam. Layanan-layanan baik yang diterima oleh orang Kristian yang di bawah kuasa-kuasa Islam tidak langsung dijadikan ukuran oleh kuasa Eropah pada masa itu. Orang-orang Kristian telah memperlihatkan sifat Barbariannya yang keterlaluan. Kerahan-kerahan telah dibuat supaya orang Islam tunduk di bawah telunjuk mereka dan bersedia untuk menyertai angkatan tentera Kristian menentang musuhnya. Pada umumnya kuasa Kristian telah berjaya menguasai Palestine selama kira-kira lima puluh tahun. Mereka telah berkesempatan menujuhkan empat buah kerajaan yang kuat iaitu di Bait al-Maqdis, di Antioch (1120 M) di Ruha (Edessa) - 1120 M berhampiran Armenia, dan Tripoli; yang masing-masing di bawah pentadbiran Godfrey, Count Bohemand, Count Baldwin dan Raymond. Tetapi jangka masa mereka itu mentadbirkan kawasan masing-masing tidaklah selama golongan mereka menguasai negeri Palestine dan sekitarnya kecuali beberapa orang sahaja seumpama Count Baldwin.

Peperangan Salib yang Kedua (1147 - 1149 M)

Selama kira-kira setengah abad umat Islam di Palestine telah menderita akibat tindasan golongan Salib. Tindasan-tindasan ini kemudiannya, secara beransur-ansur telah membangkitkan umat Islam, dan semangat menghalau orang Kristian daripada tanahair mereka telah muncul. Keagungan Dunia Islam yang telah berjaya merangkum bumi dari Kasyagar hingga ke Cordova dahulu tidak dapat dilupai oleh umat

Islam. Berikutnya seorang pejuang dari Dinasti Zangi (1127 - 1250 M) yang berkuasa di Mosul iaitu **Immaduddin Zangi** telah muncul. Beliau pernah menjadi seorang hamba yang setia kepada Sultan Malik Shah emperor Seljuk. Beliau telah bergerak ke barat dan menguasai kawasan di antara Mosul dengan Allepo. Kemudiannya beliau telah menawan kota Al-Ruha daripada Kristian, iaitu sebuah kota yang terletak di pertengahan jalan kafilah di antara Syam (Syria) dan Iraq. Kota itu telah jatuh ke tangan Islam setelah dikepung sebulan dalam tahun 1144 M.

Kejatuhan kota Al-Ruha ini menggemparkan seluruh benua Eropah. Serentak dengan ini Pope Eugenius III telah bangkit dan menyeru Saint Bernard dari Clairvaux supaya meledakkan satu lagi Peperangan Salib. Seruan-seruan kempen-kempen yang dibuatnya telah juga disambut oleh Conrad III Emperor Jerman dan Louis VII Raja Perancis. Mereka telah menubuhkan sebuah angkatan perang yang kukuh. Angkatan ini telah bergerak secara langsung ke Damsyiq, sebuah kota Islam yang besar. Di sini orang Kristian telah menerima pukulan yang teruk daripada orang Islam. Akan tetapi orang Islam telah dapat diundurkan dari pulau-pulau di Laut Aegean oleh Robert of Norman Raja Sicily.

Setelah Imaduddin Zangi wafat, puteranya **Nuruddin Zangi** (1146 - 1174 M) telah menggantikannya. Nuruddin Zangi telah memainkan peranan yang besar dan tidak dapat dilupai dalam sejarah Peperangan Salib. Tindakan yang pertama dilakukannya setelah mewarisi Dinasti Zangi ialah menukar pusat pentadbirannya dari Mosul ke Allepo. Kemudiannya beliau telah mengambil kota Damsyiq daripada seorang pemimpin Islam yang lemah, dan menerusi kota inilah beliau menyusun barisan menentang Kristian. Ayahnya telah menawan kota Al-Ruha, sementara Nuruddin telah melanjutkannya menakluki seluruh wilayah al-Ruha itu sebagaimana telah diketahui lebih dikenali dengan nama Edessa. Gabenor Kristian wilayah tersebut Count Jocelin II telah ditawannya. Selanjutnya beliau telah berjaya menawan Antioch dan memberkas sekali pemerintah di situ. Kedua-dua tawanan tersebut telah dibebaskan setelah membayar penebusan yang diperlukan.

Dalam gerakan-gerakan cemerlangnya Nasaruddin Zangi telah dibantu oleh seorang panglimanya yang terhandal iaitu Syirkuh. Dia telah dihantar oleh Nuruddin Zangi sebagai duta kepada khalifah akhir Kerajaan Fatimiah di Mesir. Syirkuh adalah seorang yang mempunyai kebijaksanaan yang boleh diberi kepujian. Di Mesir dia pernah menjadi wazir kepada Kerajaan Fatimiah. Anak saudaranya **Salahuddin** adalah seorang tokoh agung Islam yang kemudiannya menggegarkan Dunia Kristian. Salahuddin telah menggantikan Syirkuh sebagai wazir di Mesir apabila dia wafat.

Kerajaan Ayyubiah

Salahuddin al-Ayyubi (1169 - 1192 M)

Sejarah Peperangan Salib tidaklah dapat melupai nama Salahuddin al-Ayyubi ini. Beliau merupakan tokoh agung Islam yang telah membina benteng penahanan penyerbuan orang Kristian. Salahuddin bukan sahaja muncul sebegitu hebat dalam Peperangan Salib III sahaja tetapi telah mula muncul dalam Peperangan Salib II lagi.

Nama penuh beliau ialah Salahuddin bin Najm ul-din al-Ayyubi bin Shadi bin Marwan. Kadang-kadang beliau dipanggil oleh ahli sejarah Barat dengan nama Saladin, tetapi namanya yang paling terkenal ialah Salahuddin al-Ayyubi. Beliau berdarahkan Turki dan Parsi, berketurunan Kurdisy, serta berasal dari Turkistan. Salahuddin ialah putera kepada saudara Syirkuh iaitu Najmul-din al-Ayyubi seorang panglima kerajaan *Balbek* di Syam (Syria) yang bernaung di bawah Zangi. Keperibadian beliau tinggi dan pengetahuannya luas. Ciri-ciri inilah yang menyebabkan disegani dan disanjung tinggi, sekalipun oleh orang-orang Kristian sendiri. Kejayaan-kejayaan beliau bukan sahaja disebabkan oleh kehandalannya atau keramaian tentera-tenteranya tetapi adalah lantaran sifat diplomasisnya yang mengagumkan.

Salahuddin al-Ayyubi meningkat setelah dilantik oleh Nuruddin Zangi menggantikan Syirkuh menjadi wazir di Mesir. Khalifah akhir Kerajaan Fatimiah pada masa itu yang menguasai Mesir al-Adlid sedang gering, kerana telah tua. Lantaran kesedarannya terhadap Islam dan ajaran Sunnah yang dipegangnya dalam tahun 1171 beliau telah mengalihkan kata-kata puji dalam khutbah sembahyang Jumaat daripada khalifah Fatimiah kepada Khalifah Abbasiyah di Baghdad. Setelah Khalifah al-Adlil wafat pada tahun itu juga beliau telah mengisytiharkan kemerdekaan negeri Mesir daripada kuasa Fatimiah dan Baghdad. Dan di sini lahir pemerintahan Ayyubiah.

Keteguhan kedudukan Salahuddin di Mesir telah menyebabkan ramai golongan yang irihati. Banyak aduan palsu telah disampaikan kepada Nuruddin Zangi yang pada masa itu berkuasa di Damsyiq. Nuruddin Zangi telah wafat, lantas penyerangan terhadapnya terpaksa diberhentikan. Mulai dari saat itu Salahuddin di Mesir telah bebas daripada mana-mana kuasa. Oleh kerana pengganti Nuruddin Zangi masih terlalu muda beliau telah menaungi negeri Syam. Kemudian secara tidak langsung beliau telah memasukkan Syam ke dalam pentadbirannya, setelah menghadapi satu serangan di Qurun Hamah. Turan Syah saudaranya telah dilantik menjadi gabenor Syam. Dari sini Turan Syah telah menakluki al-Hijaz pada tahun 1175 M, dan kemudiannya dilanjutkan sehingga ke Yaman. Berikutannya, Salahuddin telah melaporkan kejayaan-kejayaan ini kepada Khalifah

Abbasiyah di Baghdad. Berita ini telah disambut dengan penuh gembira oleh khalifah, kerana memandangkan berakhirnya kuasa Fatimiah dan Syi'ah di Mesir. Salahuddin dengan ini, digelar sebagai Sultan yang menguasai negeri-negeri Masir, Syam, Hijaz dan Yaman.

Kebangkitan Salahuddin al-Ayyubi telah menggerunkan seluruh umat Kristian. Mereka telah mencari jalan untuk menentang Salahuddin. Berhubung dengan ini satu perutusan telah dibuatnya kepada Syaikh al-Jabal atau kepala *assassin* sebuah gerombolan yang telah wujud semenjak Kerajaan Seljukiyah di bawah pengendalian Malik Syah lagi untuk melakukan perbuatan terkutuk dengan bayaran yang tertentu. Akan tetapi langkah ini telah gagal berikutan pengkhianat yang ditugaskan itu telah diberkas sebelum menjalankan peranannya. Salahuddin bertindak tegas dengan mengepalai angkatan perang menentang Rashiddin Sinah, Syaikh al-Jabal gerombolan ini. Beliau tidak senang dengan perbuatan orang Islam golongan Ismailiah yang cuba mengkhianati orang-orang seagamanya untuk kepentingan bukan Islam itu. Assassin telah menyerah kalah, dan merayu perdamaian kepada Salahuddin. Salahuddin telah memaafkan mereka dengan syarat-syarat yang tertentu.

Satu perkara yang tidak dilupai oleh sejarah dalam zaman Islam di Timur Tengah dikuasai oleh Salahuddin ialah penentangannya terhadap orang Kristian. Peringkat permulaan dalam siri Peperangan Salib Kedua dalam mana beliau menyertainya ialah kejayaannya mengambil Tiberias pada 1 Julai 1187 M daripada tangan Kristian apabila mereka itu membuat pencerobohan di pelabuhan-pelabuhan kerajaan Islam di Laut Mediterranean. Kemudiannya setelah berlaku satu pertempuran pada 4 Julai 1187 M, Hittin ditakluki. Tentera Kristian pada masa itu berjumlah kira-kira 20,000 orang, yang telah terbunuh seramai 10,000 orang dalam peperangan di Tiberias. Guy of Lusignan Raja Bait al-Maqdis yang menyertai peperangan itu telah ditawan oleh Salahuddin, dan kemudian dibebaskan setelah membayar penebusan. Tetapi setakat ini kota Bait al-Maqdis masih lagi di dalam genggaman orang Kristian. Reginald of Chatillon pegawai Akka telah diberkasnya. Reginald ialah seorang bangsawan Kristian yang kurang mempunyai peradapan tinggi. Dia sering mengadakan sekatan-sekatan jahat ke atas kafilah-kafilah dan pengambil-pengambil haji yang merentasi bandar itu. Juga dia adalah yang mengepalai pencerobohan-pencerobohan ke atas pelabuhan-pelabuhan di Laut Tengah dahulu. Dosa besar yang dilakukannya itu tidak dapat lagi diampuni oleh Salahuddin. Akhirnya Reginald terpaksa dihukum bunuh.

Kejatuhan Hittin telah berekoran dan menyebabkan kota Acre, Jaffa, Ramla, Beirut, Caesarea dan Jerisa telah ditakluki Islam. Selanjutnya pada 2 Oktober 1187 M, kota Bait al-Maqdis telah jatuh ke tangan Salahuddin, setelah dikepung oleh seramai 60,000 tentera Is-

lam. Kejatuhan kota Bait al-Maqdis ini di tangan Salahuddin adalah merupakan satu kejayaan besar umat Islam. Pada esoknya hari kejatuhan kota itu azan telah kedengaran kembali di Masjid Aksa, setelah kira-kira lapan-puluh lapan tahun tidak kedengaran. Kecuali bandar Antioch, Tripoli dan Tyre selepas ketewasan Kristian di Bait al-Maqdis semua kota-kota di negeri Palestine dan sekitarnya telah menjadi kawasan Islam.

Salahuddin tidaklah sebagaimana Godfrey of Bouillon yang sering membinasakan rakyat wilayah-wilayah yang baharu ditaklukinya. Penduduk-penduduk awam di kota Bait al-Maqdis dibenarkan melanjutkan permastautinnya di sana, dan dibenarkan keluar atau meninggalkan kota itu dalam masa empat puluh hari. Tawaran-tawaran dibebaskan dengan bayaran-bayaran tebusan yang paling rendah, iaitu laki-laki sepuluh dirham, perempuan lima dirham dan kanak-kanak satu dirham sahaja.

Peperangan Salib yang Ketiga (1189 - 1192 M)

(Lanjutan Kisah Salahuddin al-Ayyubi)

Kejatuhan kota Bait al-Maqdis ke pangkuhan Islam telah menggemparkan benua Eropah, dan membakar jiwa seluruh tokoh-tokoh besar agama Kristian. Suatu pakatan besar bagi merebut balik daerah yang disebut sebagai tanah suci itu telah diwujudkan. Tiga orang tokoh agama dan ketua yang terkenal di Eropah telah mempelopori Peperangan Salib yang Ketiga ini. Mereka ialah **Richard The Lion Heart** (Richard Berhati Singa) raja England, **Frederick Barbarossa** emperor Jerman, **King Philip II** raja Perancis, di samping seorang lagi yang tidak kurang pentingnya, Duke Leopold dari Austria.

Angkatan Salib ini telah mula bergerak, setelah Frederick Barbarossa mengumpul tentera-tenteranya di Ratisbon-Jerman pada tahun 1189 M. Beliau telah bergerak ke timur menerusi darat, sementara yang lain menerusi laut. Sejak mula lagi pemimpin-pemimpin Kristian itu tidak dapat bergerak di dalam satu tenaga yang kukuh dan tegas. Frederick Barbarossa bergerak menuju ke Asia Kecil melalui negeri Magyar dan Balkan. Dari sini masuk ke Asia menerusi Gunung Taurus, lantas ke Cilicia di Armenia pada tahun 1190 M. Ketika beliau menyeberangi Sungai Cilicia, beliau telah mendapat kemalangan-jatuh ke dalam sungai itu dan mati lemas. Kematiannya telah mengakibatkan ramai pengikut-pengikutnya yang jatuh semangatnya, lantas kembali ke Jerman. Hanya beberapa puluh sahaja yang meneruskan perjalananinya hingga ke Akka (Acre).

Sementara itu King Philip Augustus (Philip II) dan Richard The

Lion Heart (Richard Caurde Lion) tiba di Marseilles-Perancis pada tahun 1190 M. Kemudiannya mereka telah melanjutkan pelayarannya ke Pulau Sicily dan menawannya dari tangan orang Islam. Selanjutnya King Philip Augustus telah meneruskan perjalanannya ke Akka, sementara King Richard I telah mengambil Pulau Cyprus daripada orang Islam, dan berhenti di sana untuk membuat persediaan-persediaan membantu umat Salib di Syam jika diperlukan.

Kota Akka ialah pelabuhan yang penting di Palestine dan kota yang akhir sekali diambil oleh Salahuddin. Umat Salib telah memusatkan serangan pertamanya di kota ini sebaik-baik sahaja mereka menjejakkan kakinya masing-masing di bumi Asia Kecil itu. King Phillip II telah mendarat terlebih dahulu dan beliau telah menyatakan kekuatannya dengan Guy of Lusianan, bekas Raja Bait al-Maqdis yang telah dibebaskan oleh Salahuddin. Guy of Lusianan berbuat demikian setelah menerima penyerahan Pulau Cyprus daripada King Richard I, dan telah memecahkan persetiaannya dengan Salahuddin setelah mendengar ketibaan kuasa-kuasa besar dari Eropah. Kemudiannya Guy of Lusignan telah mengumpulkan baki tentera Frederick Barbarossa dan bersatu dengan King Phillip II. Tentera-tentera King Phillip telah menggempur kota Akka (Acre) dari laut, sementara King Guy dari darat.

King Phillip Augustus bersatu dengan King Richard I yang datang kemudiannya, pada tahun 1191 M., mengepung kota Akka. Sultan Salahuddin telah bangkit menentang tentera Kristian dari luar, di samping penghuni-penghuni kota itu menentang dari dalam (kota). Akan tetapi disebabkan oleh ramainya tentera Eropah Salahuddin tidak mendapat kejayaan yang cemerlang. Permohonan bantuan telah dibuatnya kepada khalifah-khalifah dan raja-raja Islam lain tetapi hampa. Selepas pengepungan selama kira-kira dua tahun, kota Akra telah jatuh, dan seramai kira-kira 3,000 orang Islam yang menjadi penghuni kota itu tertawan iaitu pada tahun 1191 M. Ini adalah sesuatu kekecewaan yang menyedihkan bagi Salahuddin dan seluruh umat Islam. Pihak Kristian bersedia membebaskan tawanan Islam itu dengan syarat-syarat yang berat, iaitu orang Islam hendaklah membayar tebusan sebanyak 200,000 keping wang emas dalam masa sebulan, dan di samping memulangkan Salib Suci yang dipercayai digunakan untuk menyalib Nabi Isa yang kini kononnya dipegang oleh orang Islam.

Masa selama sebulan amatlah singkat bagi Salahuddin untuk mengumpulkan wang emas sebegitu banyak. Beliau cuba menghantar wakil-wakil ke negeri-negeri Islam untuk mendapatkan bantuan tetapi masa tidak mengizinkan. Sebagai jalan terakhir semua penghuni-penghuni Acre telah cuba menyediakan tebusan tersebut dengan sedaya upaya mereka, di samping Salahuddin sendiri telah menolong menyediakan, tetapi tarikh sebulan telah lepas sedangkan wang emas yang diperlukan belum lagi terkumpul. Akhirnya King Richard I telah

mengambil tindakan kejam membunuh semua 3,000 orang Islam yang ditawannya. Peristiwa ini amatlah menyayatkan dan tidaklah wajar dibuat oleh seorang raja seperti King Richard I itu. Sejarah tidak akan melupai peristiwa di luar perikemanusiaan ini, serta namanya sebagai seorang Ketua Negara akan sentiasa dikutuk oleh seluruh umat Islam khususnya, dan oleh ahli-ahli sejarah dunia, terutamanya dari golongan Muslimin.

Kerendahan peribadi King Richard I telah nampak sejak mula lagi, terutamanya selepas kejatuhan kota Akka di mana beliau telah bertelingkah dengan King Phillip II, dan mengakibatkan King Phillip II merajuk, lantas beliau kembali ke Perancis, dengan diikuti oleh Duke Lepold yang kembali ke Austria. Keperibadian King Richard I ini sangatlah bertentangan dengan keperibadian Sultan Salahuddin. Beliau diperkecilkan oleh teman-temannya lantaran memiliki seorang perempuan. Sultan Salahuddin ketika menawan kota Bait al-Maqdis dua tahun yang lampau telah membebaskan kesemua tawanan-tawanan itu yang tidak mempunyai kesanggupan dibebaskan dengan per-cuma berbanding dengan King Richard I yang telah membunuh semua tawanan perangnya.

Ketinggian moral Sultan Salahuddin tersebut adalah suatu contoh yang besar terhadap keutuhan Islam dan contoh ini sangatlah sukar dijumpai di mana-mana jua pun dalam sejarah manusia. Sifat-sifat Salahuddin ini bukan sahaja menjadi kebanggaan bagi seluruh umat Islam tetapi juga dihormati oleh orang Eropah. Ahli sejarah Barat sendiri tidak kurang yang mengakuinya. King Richard I telah mengagumi ketinggian moral Salahuddin ini, dan beliau pernah menawarkan adiknya dan anak saudaranya menjadi isteri kepada Salahuddin ataupun adiknya, Malik al-Adil. Tawaran suci itu tidaklah diperindahkan, dan dengan nasihat Salahuddin sendiri, Malik al-Adil telah memperisterikan adik King Richard I. Dia telah menggelar "al-Kamil" kepada putera saudaranya dengan adik King Richard, yang kemudiannya menjadi seorang tokoh besar.

Kedua-dua tokoh ini telah bertukar-tukar persembahan, tetapi mereka pada masa itu belum pernah bertemu muka, kerana perasaan hormat menghormati yang mendalam di antara keduanya. Memanglah sukar hendak disangkal, bahawa King Richard I kini tidak mempunyai keyakinan berjaya untuk melanjutkan penyerangan-penyerangannya. Di samping itu beliau telah menghidap penyakit, dan dipercayai telah disembuhkan oleh Sultan Salahuddin yang menyamar dirinya sebagai seorang tabib (doktor). Berikutnya suatu perdamaian di antara Salahuddin dengan King Richard I telah diadakan di Ramlah (Ramela) pada 2 November 1192 M. Kedua-duanya bersetuju untuk menamatkan Perang Salib Ketiga ini, dengan beberapa syarat tertentu. Perda-



NEGARA-NEGARA YANG TERLIBAT DALAM PERANG SALIB
(KIRA-KIRA TAHUN 1140 M)

maian ini secara langsung adalah merupakan satu lagi keunggulan Islam, kerana Sultan Salahuddin telah membenarkan orang Kristian menguasai terus kota Akka serta bermastautin di Jaffa. Sementara itu King Richard I mengakui penguasaan Sultan Salahuddin di kota Bait al-Maqdis, dan orang Kristian diberi peluang oleh orang Islam menziarahi apa yang disebut sebagai tanah-tanah suci mereka di Jerusalem dan lain-lain kawasan yang di bawah Islam.

Kemudiannya King Richard I telah meninggalkan Palestine pada tahun itu juga. Dalam perjalanan pulang beliau telah diberkas oleh Duke Lepold dan diserahkan kepada Emperor Jerman, Henry VII. Setelah membayar wang tebusan yang banyak dan berjanji menjadikan England sebahagian daripada Empayar German (Empayar Jerman), beliau telah dibebaskan. Sementara itu Sultan Salahuddin juga tidak lama tinggal di Palestine. Pada 19 Februari 1193 M. beliau telah menghidap penyakit demam di Damsyiq, dan dua belas hari kemudiannya beliau telah wafat dalam usia lima puluh lima tahun, dengan meninggalkan nama yang gemilang.

Kewafatan Sultan Salahuddin telah memilukan seluruh masyarakat Islam terutamanya di negeri-negeri Islam. Kewafatannya telah disambut dengan perkabungan. Beliau telah dianggap sebagai seorang pejuang besar, raja yang baik, musuh yang mulia, penaung kesenian yang dermawan dan seorang intelek Islam yang murni. Sultan Salahuddin juga adalah pelindung pencinta-pencinta ilmu pengetahuan, penggalak pengajian agama di pusat pengajian tertinggi yang ditubuhkannya di kota Damsyiq, dan telah termasyhur pada zaman itu.

Dalam bidang pembangunan lain Sultan Salahuddin juga tidak kurang pentingnya. Selain membina sekolah, masjid, hospital, rumah-rumah kebajikan dan sebagainya Sultan Salahuddin juga mengambil berat terhadap pembinaan benteng-benteng (dykes), jalan raya, saliran air dan lain-lain. Suatu seni bina yang dibangunkan dalam zamannya dan masih terdapat hingga sekarang ialah Benteng Kaherah atau Citadel of Cairo (Qal'at al-Jabal) yang dibina bersama-sama tembok-tebok kota itu pada tahun 1183 M.

Peperangan Salib yang Keempat

Peperangan Salib yang Ketiga bukanlah merupakan Peperangan Salib yang terakhir, sekurang-kurangnya lima peperangan lagi kemudiannya telah meletus, tetapi tidak begitu penting sangat, kerana tidak kesemuanya bertujuan menegakkan apa yang dikatakan kebenaran itu ataupun untuk mengambil kota Jerusalem. Umpamanya Peperangan Salib IV ini adalah disebabkan oleh dorongan-dorongan lain seperti

kekayaan, dan telah menghasilkan penaklukan kota Constantinople daripada tangan Byzantine. Ini adalah bertentangan dengan kehendak-kehendak Pope. Sementara penghuni-penghuni kota di Italy pula enggan mengambil bahagian dalam perperangan ini, kecuali mereka dijanjikan dengan wang dan hadiah-hadiah lain. Tambahan pula tentera Salib, tidak bersikap baik di Constantinople.

Kemudian tentera-tentera Salib itu mula campur tangan dalam kerajaan tempatan dan telah mengambil bahagian dalam semua lapanan tipu daya di istana. Biasanya banyak perbalahan dan pertumpahan darah berlaku. Akibatnya Empayar Byzantine telah mengarahkan ibu kotanya dari Constantinople ke Nicaca di Asia Kecil. Pihak Kristian melantik orang-orang mereka sendiri mentadbir di Constantinople. Di sana banyak perkara yang kurang sihat berlaku. Pope berasa khuatir dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh pemimpin Peperangan Salib IV ini, akan mencerminkan seluruh dunia Kristian. Pope telah bertindak membaiki keburukan-keburukan ini dan selanjutnya menyusun sebuah lagi angkatan tentera untuk mencetuskan satu lagi Peperangan Salib.

Peperangan Salib yang Kelima (1218-1221 M.)

Bagi meledakkan Peperangan Salib V Pope telah merayu bantuan kewangan dari Republik Venice dan Genoa. Republik ini sedia memberi bantuan-bantuan yang lumayan dengan syarat penyerangan-penyerangan yang hendak dibuat mestilah ditujukan terhadap Mesir, kerana Mesir adalah pusat perdagangan di Timur Jauh dan di Timur Tengah yang menguasai pelabuhan-pelabuhan dan jalan-jalan perdagangan di Laut Merah. Mereka tidak lagi cenderung terhadap apa yang disebut-sebut dengan Peperangan Salib itu.

Pemerintahan Mesir pada masa itu ialah **Ayubbi Sultan al-Kamil** putera al-Adil. Beliau seperti ayahnya juga telah membuat perhubungan perdagangan dengan kuasa-kuasa Eropah seperti Republik Venice dan Genoa, tetapi hubungan yang cuba dijalin itu tidak dihormati oleh kuasa-kuasa Eropah, malah Republik itu telah menggerakkan tenteranya. Al-Kamil telah membina pertahanan yang rapi apabila didapati tentera Salib berjaya menguasai pelabuhan Mesir di Dimyat (Damietta) pada tahun 1219 M. Akhirnya setelah perperangan selama dua tahun al-Kamil telah berjaya mengambil balik pelabuhan Dimyat, iaitu pada tahun 1221 M.

Al-Kamil adalah seorang pemerintah yang mengambil berat terhadap agama-agama lain. Beliau pernah mengambil bahagian pertemuan dengan ulama-ulama dan tokoh-tokoh Kristian. Beliau pernah membuat pertemuan dengan St. Francis of Assisi ketika mengunjungi Mesir.

Beliau juga seorang panglima tentera yang handal dan sentiasa memelihara tradisi *Bani Ayyubiah*.

Peperangan Salib yang Keenam (1228-1229 M.)

Perang Salib Ke-VI berbeza sedikit dengan peperangan-peperangan yang berlaku terdahulu daripadanya. Sasaran utama peperangan ini ialah bagi mengambil balik kota Bait al-Maqdis tetapi pemimpin yang mengambil bahagian dalam serangan ini tersangat aneh. Beliau ialah Frederick II Emperor Jerman, yang juga menjadi Raja Naples dan Sicily. Semenjak beliau memperisterikan Yolande puteri akhir raja Jerusalem, beliau boleh di katakan telah mempunyai hak ke atas Bait al-Maqdis, tetapi walaupun begitu Bait al-Maqdis masih berada di tangan Islam.

Frederick II mempunyai pergaulan yang rapat dengan orang Arab, terutamanya dengan ahli falsafah dan ahli fizik. Beliau lebih lama menghabiskan usia mudanya di Sicily daripada di tempat-tempat lain. Pope telah meminta kepadanya untuk mengepalai Peperangan Salib VI, tetapi dalam pemergiannya beliau telah jatuh sakit dan terpaksa kembali. Kali yang kedua beliau juga membatalkan pemergiannya di pertengahan jalan. Pope tersangat hairan dengan perbuatannya itu, dan oleh itu Frederick II tidak mendapat apa-apa ganjaran dari Gereja. Inilah yang mungkin menyebabkan Frederick berhajat bersungguh-sungguh untuk meletuskan Peperangan Salib yang berikutnya.

Frederick II secara diam-diam telah belayar ke Mesir yang pada masa itu dikuasai oleh al-Kamil anak saudara Sultan Salahuddin, yang menerima tentangan daripada sepupunya yang memerintah Kerajaan Ayyubiah di Syria. Lantaran ini al-Kamil telah membuat persetiaan dengan Frederick II dan berjanji akan menyerahkan Bait al-Maqdis serta pinggiran Akka kota yang telah diambil oleh tentera Salib III dengan syarat Frederick II menolongnya menentang Ayyubiah di Syria. Frederick II bersetuju, kerana ini adalah suatu tawaran yang paling baik. Frederick II mengambil Bait al-Maqdis pada tahun 1229 M. sementara al-Kamil telah berjaya mencapai cita-citanya.

Al-Kamil tidak begitu berjaya dan tidak dapat mempertahankan kekuasaannya di wilayah yang besar ini. Inilah yang mencetuskan penderhaka dalam negeri. Sesuatu yang dimenangi Salahuddin dahulu, kini telah dijadikan hadiah atau dijadikan persembahan oleh al-Kamil. Tujuh belas tahun kemudiannya **al-Sultan Salih**, pengganti al-Kamil telah menyatukan tentera-tenteranya dengan tentera-tentera Turki Khawarizan dan dengan pertolongannya kota Bait al-Maqdis telah jatuh ke tangan Islam pada tahun 1246 M. Kemudian diikuti pula oleh kota-kota Damsyiq dan Asqallah.

Peperangan Salib yang Ketujuh (1244-1249 M.)

Kejatuhan kota Bait al-Maqdis ke tangan orang Islam telah membangkitkan semangat perjuangan Salib di sanubari tokoh-tokoh besar Eropah. Tetapi yang sebenarnya sebelum kejatuhan ini, persiapan untuk membuat penyerangan lebih jauh lagi ke wilayah-wilayah Islam telah dibuat. Peperangan Salib VII ini telah dipelopori oleh King St. Louis VII raja Perancis bagi pihak Kristian dan Sultan Salih bagi pihak Islam.

Peperangan Salib VII telah dimulakan dengan gerakan St. Louis VII menakluki pelabuhan Dimyat pada tahun 1249 M. dan mara ke Delta Sungai Nil menuju ke Kaherah. Ketika itu tentera Mesir telah bertahan di Manshorch, tetapi St. Louis telah salah memilih musim untuk bergerak, kerana pada masa itu Sungai Nil sedang bah yang menyebabkan Delta Nil berubah. Tentera Kristian mengalami malapetaka, dan ini memberi kemudahan bagi tentera Islam menghancurkan penceroboh-penceroboh dari Barat itu. St. Louise telah tertawan dan dibawa ke hadapan Sultan Salih pada masa itu sedang sakit. Kemudian St. Louise telah dibebaskan setelah membayar tebusan, dan dalam tahun ini juga Sultan Salih wafat.

King St. Louis telah berlepas ke Syam dan dengan mengambil masa beberapa yang lama beliau telah membina kubu untuk tenteranya. Peperangan ini adalah Peperangan Salib yang terakhir pentingnya. Semangat berperang tidak ada lagi pada orang Kristian, dan mereka tidak lagi tunduk dengan pujuhan-pujuhan untuk mengambil balik Tanah Suci Bait al-Maqdis yang dianggap kepunyaan orang Kristian itu. Tambahan pula kuasa Pope tidak sehebat dahulu. Dari masa ini dan beberapa kurun berikutnya percubaan-percubaan untuk merampas Tanah Suci itu senyap. Palestine tetap di tangan orang Islam. King St. Louis VII telah meninggal dunia pada tahun 1270 di Tunis. Dari masa itu mimpi kaum Salib telah luput, dan sisa-sisa mereka telah hanyut pupus disapu oleh bala tentera bangsa Mongol, yang telah pun memusnahkan Kerajaan Bani Abbasiyah di Bahgdad pada tahun 1258 M.

Kejatuhan Ayyubiah

Selepas kewafatan Sultan Salih kedudukan Kerajaan Ayyubiah telah guncang. Permaisuri beliau **Syaharatuddur** (Syajarah al-Durr), seorang wanita yang cekap telah memangku jawatan ini selama kira-kira tiga bulan sementara menantikan ketibaan puteranya Tunan Syah yang pada masa itu berada di Iraq (Mesopotamia). Kemudian apabila Tunan Syah kembali pentadbiran kerajaan itu telah diserahkan kepada danya. Kedudukan Tunan Syah terancam, apabila pengawal peribadi

beliau Mamluk yang berasal daripada hamba bangsa Turki campur tangan dan ini menyebabkan kerajaan tersebut telah dipegang kembali oleh Syajaratuddur, tetapi kuasanya juga dipegang secara tidak langsung oleh Aybak ketua Mamluk. Baginya kuasa Ayyubiah telah luput, dan seterusnya telah berpindah ke tangan sebuah cawangan Mamluk yang dikenali *Bahri Mamluk* yang berkuasa selama 130 tahun. Satu lagi keturunan Mamluk ialah *Burji Mamluk* yang berkuasa selama 135 tahun.

Kesan-kesan Besar Peperangan Salib

1. Timbulnya perasaan benci membenci atau permusuhan di antara orang Islam dengan orang Kristian sehingga ke hari ini.
2. Peperangan ini kebanyakannya lebih banyak menguntungkan kepada orang Eropah Barat daripada orang Islam sendiri. Secara langsung atau tidak peperangan ini telah memberi kesempatan yang besar kepada orang Eropah untuk mempelajari ilmu pengetahuan dari Islam, umpamanya di dalam bidang ilmu sains dan kebudayaan, serta cawangan-cawangannya.
3. Dalam lapangan perniagaan dan perusahaan orang Kristian juga mendapat pengalaman dan pengetahuan yang amat bernilai.
4. Satu perkara yang tidak dapat dilupai ialah dalam bidang seni bangunan. Orang Kristian telah meniru cara membuat ukiran-ukiran yang indah, membina bangunan-bangunan bulatan, bentuk-bentuk kubah (dom) dan berbagai-bagai lagi.
5. Bahasa dan kesusasteraan. Bahasa dan kesusasteraan Arab sangat menarik perhatian kepada orang Eropah. Banyak buku sastera yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah seperti *Hikayat 1001 Malam*, *Kalilah wa-Dimnah* dan sebagainya. **Rayman Lull** dalam abad ke-14 telah mulakan pengajian Timur di sebuah universiti di Eropah dengan menggunakan bahasa Arab sebagai pengantaranya. Dalam tahun 1279 M. Maktab Mirramar telah dibina di England untuk mengajar Bahasa Arab. Di universiti-universiti di Perancis, Salamanca dan Louvain Bahasa Arab telah dijadikan satu subjek yang penting.
6. Pertanian. Dalam bidang ini juga banyak teknik yang telah dicodok bulat-bulat oleh orang-orang Barat seumpama dalam membina saliran air, membajai tanah dan lain-lain. Banyak jenis tanaman dari timur dibawa ke Eropah dan ditanam di kawasan-kawasan

yang sesuai di sana seperti: millet, sekoi, padi (ditanam di Italy), lemon, tembakai, dan banyak lagi.

7. Hospital. Cara pembinaan dan pengendalian hospital yang dibuat dalam zaman Salahuddin dan Nuruddin, di Nuristan Nuru telah ditiru oleh mereka.
8. Persekolahan. Sistem sekolah di timur seumpama di Aleppo, Hims, Baklabakka dan lain-lain telah dipindahkan ke Eropah.
9. Kemajuan perdagangan telah meningkat dengan adanya Peperangan Salib ini. Bandar-bandar pelabuhan Genoa, Venice dan lain-lain di Laut Mediterranean telah menjadi amat penting.
10. Orang salah dan hamba di Eropah telah dibebaskan untuk mengambil bahagian dalam peperangan ini.
11. Peperangan ini secara tidak langsung telah melenyapkan sistem feudalisme di Eropah, lantaran ramai kaum bangsawan yang mengendalikan sistem ini terbunuh dalam peperangan ini.
12. Peperangan ini telah membuka jalan kepada orang-orang Barat untuk mengembara ke timur, melihat keindahan negeri-negeri yang selama ini tidak pernah mereka lihat.
13. Mendorong penyatuan negeri England dan Norway (Perang Salib I).
14. Kesan-kesan lain
 - a. Penggunaan kemenyan di gereja-gereja, cermin muka, bulu binatang sebagai perhiasan, nila, warna-warna, cagus, pedoman (compas) telah diketahui oleh orang Eropah dari orang Islam.
 - b. Banyak perkataan Arab telah dipinjam buat selama-lamanya oleh orang Eropah bagi menyebut benda-benda baharu kepada mereka seumpamanya: sugar (sukar), chaque (syak), mirror (mirat), lemon (laymon) dan sebagainya (sebelum orang Eropah mengenal cermin muka ini, mereka menggunakan besi yang digilapkan).
 - c. Penggunaan cogan (lambang), cara memusingkan jentera dengan kuasa air, penggunaan minyak attar, setanggi, rempah-rempah dan lain-lain juga ditiru dari timur, semasa ini.
 - d. Pakaian baju perang yang mempunyai sendi yang boleh

- digerakkan adalah ciptaan orang Islam, yang telah ditiru oleh orang Eropah.
- e. Taktik mengepung dalam masa perang, cara membuat ubat bedil dan penggunaan peluru berpandu (cara lama) telah diambil alih oleh orang Eropah.
 - f. Sebagaimana yang telah diterangkan di atas, buku-buku yang dicipta dalam bahasa Arab yang membicarakan berbagai-bagai jurusan ilmu pengetahuan, terutamanya dalam ilmu geometri, astronomi, falsafah, ilmu hisab, kedoktoran, kimia, fizik, ilmu kajihayat dan lain-lain telah diterjemahkan ke Bahasa Eropah.
15. Pengalaman yang didapati oleh orang Islam daripada Peperangan Salib ini hanyalah cara berlawan senjata berkuda dan perkahwinan campuran, yang menghasilkan putera puteri yang cantik-cantik seperti yang terdapat sekarang di Lebanon.



KERAJAAN TURKI UTHMANIAH

Asal Kerajaan Uthmaniah – Ertoghrul

Orang Turki menerima dan menganut agama Islam kira-kira dalam abad yang ke-9 atau ke-10, iaitu ketika mereka masih mendiami Asia Tengah. Pada abad yang ke-11 mereka mula mendesak ke selatan dan kawasan-kawasan di sekitarnya.

Suatu puak yang diketuai oleh Tughrul telah menduduki dan mewarisi Parsi dan pada tahun 1055M mereka menakluki Baghdad. Satu puak lagi bernama Ghaurs, telah menakluki Kabul dan menegakkan kerajaan Ghaur di sana. Kemudiannya satu lagi puak kecil telah melintasi Parsi dan Iraq dan bertapak di hulu Sungai Furat beberapa lama.

Pada masa ini orang Islam sedang giat menentang pengikut Kristian dalam peperangan Salib. Oleh itu ramai sukarelawan yang diperlukan di medan pertempuran di Asia Kecil dan Syam.

Pada ketika itu banyak kumpulan orang Turki bertempur di sekitar kawasan ini dan ada antara mereka yang telah berjaya dalam beberapa pertempuran. Salah satu daripada puak-puak orang Turki itu adalah diketuai oleh Uthman yang digelar orang Turki sendiri sebagai Uthmanlis atau Uthmaniah.

Uthman kemudian terbunuh dalam satu pertempuran dan diganti tempatnya oleh puteranya yang bernama Ertoghrul dan meneruskan kerjanya bersama-sama Alauddin II, Sultan Seljuk di Konya, orang Turki gagah dan handal dalam hal-ehwal peperangan. Oleh sebab itu Sultan Seljuk telah mengambil keputusan menyerahkan tugas kepada mereka untuk menentang kerajaan Byzantine. Beliau telah melantik Ertoghrul sebagai ketua pemerintah di daerah Sogund di bahagian Selatan Laut Marmara dan menyerahkan tugas kepadanya untuk mempertahankan keselamatan di kawasan sempadan itu.

Ertoghrul telah meninggal pada tahun 1289 M dan jawatan ketua puak itu pemerintahan kawasan sempadan jatuh ke tangan puteranya Uthman. Beliau dianggap sebagai perintis Kerajaan Uthmaniah. Demikianlah asal-usul Kerajaan Uthmaniah yang diambil namanya sempena daripada nama seorang ketua Turki bernama Uthman dan

diasaskan oleh Sultannya yang pertama Uthman I yang memerintah antara tahun 1290-1326 M.

Khalifah-khalifah Pemerintah Kerajaan Uthmaniah

Uthman I dianggap sebagai perintis Kerajaan Uthmaniah dan namanya terkenal di kalangan bangsa Arab dan Turki hingga ke hari ini. Kerajaan baharu ini terpaksa menghadapi dan melakukan serangan terhadap kuasa-kuasa di sekelilingnya. Masa yang diambil kira-kira dua pertiga abad selepas tertegaknya kerajaan itu pada kira-kira tahun 1300 M.


Pada mulanya kerajaan Uthmaniah itu berpusat di kota Brusa (Bursa) pada tahun 1326 M. Tetapi pada tahun 1366 M kedudukan Amir lebih stabil dan menjadikan Adrianople (Dirne) sebagai ibu kotanya pula.

Pemerintahan atau Amir kerajaan Uthmaniah seramai 36 orang, iaitu seperti berikut:

1. Uthman I (1299 M)
2. Urkhan (1326 M)
3. Murad (1359 M)
4. Bayazid I (1389 - 1402 M)

Sulayman (1403 - 1410M)

5. Muhammad I (1403 M)
6. Murad II (1421 M)
7. Muhammad II (1451 M)
8. Bayazid II (1481 M)
9. Salim (1512 M)
10. Sulayman I (1520 M)
11. Salim II (1566 M)
12. Murad III (1574 M)



Penaklukan dan Perkembangan Kerajaan Uthmaniah

Uthman I (1290 - 1326 M) dianggap sebagai bapa kerajaan Uthmaniah. Beliau bercita-cita besar dan berusaha menandingi dua buah kerajaan di sekitarnya, iaitu *Seljuk* dan *Ghaur*. Matlamatnya yang utama ialah untuk menundukkan kerajaan Byzantine. Uthman menjadi Amir di negerinya yang diisytiharkan kemerdekaannya.

Uthman I telah berjaya akhirnya merampas kerajaan Byzantine dan menakluki saki-baki kekuatan kerajaan itu di barat Asia Kecil,

seperti Kota Brusa, Nicodemia, Melangnone dan menamakan Karjahiras sebagai ibu kotanya.

Kewafatan beliau telah dimakamkan oleh puteranya Urkhan (1326 – 1359 M) di dalam gereja Istana Brusa dengan penuh kehormatan. Semenjak itu gereja tersebut yang telah dijadikan masjid telah menjadi tempat permakaman Sultan-sultan Turki.


Dalam masa pemerintahan **Urkhan I** beliau telah menawan Nicodemia dan membangunkan Sekolah Turki yang pertama di sana. Beliau melanjutkan usaha ayahnya dengan mengalahkan kerajaan Byzantine dan Philokrene pada tahun 1330M dan membangunkan lebih banyak sekolah dan industri di sana.

Kerajaan Byzantine pada masa ini menjadi terlalu lemah. Mula-mula kerajaan Seljuk, dan sekarang kerajaan Uthmaniah pula telah merampas dan menawan beberapa jajahan Kerajaan Byzantine di Asia Kecil. Lebih lemah lagi kedudukan kerajaan Byzantine apabila munculnya kuasa kerajaan-kerajaan Serbs, Bulgars, Republic Kerajaan Venice dan Genoa. Setelah Maharaja Androcious III (1341 M) meninggal beliau diganti oleh permaisurinya Anna dan dipangku oleh pembesar beliau Cantacuzene memerintah Byzantine. Oleh kerana sebahagian besar rakyatnya tidak bersetuju, Cantacuzene telah bersatu dengan Urkhan I dengan memberi anak perempuannya, Theodora, untuk dikahwini. Dari sinilah Maharani Anna telah ditewaskan dan kerajaan Byzantine menjadi huru-hara. Kemudiannya Urkhan I menghantar satu angkatan yang gagah diketuai oleh putera beliau sendiri bernama Sulaiman untuk menunduki Byzantine.

Urkhan I meninggal dunia pada tahun 1359 M akibat penderitaan, kerana kematian anaknya, Sulaiman yang telah terjatuh dari kudanya setahun sebelum itu. Bagaimanapun beliau dianggap sebagai pemerintah yang berbakat, pembentuk kerajaan, pentadbir yang baik dan pembangun negara yang sebenarnya.

Beliau diganti oleh **Murad I** (1359 - 1389 M), puteranya yang kedua. Beliau menghapuskan pemberontakan orang Anatolia dan menakluk Argora, dan kemudiannya pergi ke Thrace dan menjadikan Demotika sebagai pusat tenteranya. Dalam masa pemerintahannya beliau telah menakluki Andrianpole pada tahun 1365 M, memisahkan Constantinople dari kekuasaan Balkans. Generalnya, Eurenos dan Lala Shalin telah menawan Tchorlu dan Kirk Kilisse. Beliau menentang Maharaja Byzantine yang bangun semula dan menumpaskannya dalam satu perangan bernama Eski Baba. Beliau menawan Philippopolis dan mara lebih jauh lalu menawan semua kawasan hingga sampai ke Gunung Balkan. Kegagahan beliau membuatkan Syisyman, Raja Bulgars bersetuju membayar ufti, kepadanya.

Murad I terpaksa menghadapi orang Kristian dalam peperangan Salib. Kerajaan Balkan dan Raja Serbia telah bersatu dan menentang



PERKEMBANGAN EMPAYAR UTHMANIAH
DARI AWAL KURUN KEEMPAT BELAS HINGGA TAHUN 1683

Turki. Satu pertempuran hebat telah berlaku di Sungai Maritza pada tahun 1371 M. Orang Serbs telah ditewaskan dan Murad I berjaya menduduki Macedonia. Dua orang lagi ketua peperangan Murad I, Khairuddin Jandarli dan Haji Ilberzi, adalah panglima yang gagah. Sofia, ibu kota Rumelia telah ditawan pada tahun 1385 M dan Nisy pada tahun 1386 M. Kerajaan Turki Uthmaniah menjadi kuat pada masa itu dan banyak kerajaan luar membuat hubungan perniagaan dengan Murad I. Pada masa ini juga pengikut Kristian telah bersatu untuk menentang orang Turki, tetapi Kerajaan Turki masih handal; Ali Pasha, anak kepada general Khairuddin Jandarli, telah menawan bandar-bandar Tirnova dan Shumla. Pada 20 Jun 1389 M, tentera bersatu Kristian yang terdiri daripada orang Serbs, Bulgars, Bosnians dan Wallachians telah menentang Kerajaan Turki dalam satu peperangan besar di Kossovo. Tentera bersatu itu diketuai oleh King Lazar dari Serbia, tetapi ditewaskan oleh tentera Turki. Murad I telah terbunuh, dan diganti pula oleh putera beliau Bayazid. King Lazar telah terbunuh di dalam peperangan tersebut dan peperangan Kossovo itu pun tamat.

Bayazid I (1389 - 1402 M) telah melanjutkan kemenangan di Kossovo dengan menjadikan seluruh Bulgaria di bawah kerajaan Turki. Puteranya, Sulaiman menakluk Tirvono dan wilayah-wilayah Nicopolis, Urdin dan Siliistra. Ini membawa beliau menghampiri Hungary. Di Selatan tentera-tenteranya mula memerangi pulau-pulau Aegean. Kemudian menakluki Philadelphia dan menguasai seluruh kerajaan Byzantine di Asia Kecil.

Antara tahun 1391 - 1398 M beliau telah mengepung Constantinople tetapi tidak berjaya menaklukinya. Pada masa itu juga muncul semula Peperangan Salib, yang diketuai oleh King Sigismund dari Hungary. Semua pemerintah Balkan, England, France dan Germany bersatu dengan disokong oleh Pope. Peperangan yang besar telah terjadi pada 25 September, 1396 M di Nicopolis, tetapi dapat dihancurkan oleh orang Turki. Tentera Turki telah merampas Greece dan menakluki hingga ke Corinth. Inilah puncak kemenangan kekuasaan Bayazid. Beliau terbunuh dalam peperangan menentang Timur.

Beliau diganti oleh **Muhammad** (1403 - 1421 M). Sedikit sahaja kejayaan yang dapat dicapainya kerana tempoh pemerintahan beliau terlalu singkat. Beliau telah bersatu dengan Venice untuk menguatkan tentera laut. Kematiannya digantikan oleh puteranya bernama **Murad II** (1421- 1351 M).

Pada masa pemerintahannya beliau Salorika telah ditawan pada tahun 1430 M daripada orang Venetian. Kemudiannya mara ke hadapan dan menawan Epirus dan Albania. Hungary pada masa itu mempunyai seorang ketua bernama John Hunyadi dan terkenal kegagahannya mengalahkan orang Turki pada tahun 1441 M. Perkhabaran itu telah

sampai ke Eropah. Jadi orang Krisitan memikirkan sudah sampai masanya untuk memulakan perperangan Salib lagi sekali. Pope juga sangat berkeyakinan dan menghantar wakil-wakilnya ke serata tempat. Penganut Kristian itu telah bersatu iaitu terdiri daripada kerajaan-kerajaan Balkan, Hungary, Bosnia, Wallachia dan Serbia serta Poles. Angkatan ini telah berjaya merampas Nish dan mara hingga ke Sofia. Memandangkan kegagahan angkatan Kristian itu Murad II tidak sempat mengatur bala tentera dan beliau mengambil keputusan untuk berdamai. Penyerahan ini merupakan jalan yang bijak untuk keselamatan tentera Islam tetapi Murad sendiri terhalau. Perdamaian itu ditandatangani di Szegedin pada tahun 1443M. Pada tahun 1444 M timbul lagi sekali Peperangan Salib. Raja Kerajaan Hungary telah mengetuai satu angkatan tentera yang besar ke Bulgaria. Orang Turki telah menghantar berita ini kepada Murad dan menyuruh beliau pulang. Murad pulang dan mengetuai tentera Turki di Andrianpole. Peperangan Salib telah berlaku di Varna dan Blasdislas, Raja Hungary terbunuh. Pada tahun 1488 M, John Hunyadi datang dengan angkatan tentera yang besar dan bertemu dengan Murad dalam peperangan Kosovo yang kedua pada 17 Oktober 1448 M. Dalam perperangan ini Murad telah mencapai kemenangan yang cemerlang dan menguasai semua wilayah-wilayah yang ditaklukinya dahulu.

Muhammad II (1451 - 1481 M) ialah salah seorang Sultan Turki yang teragung. Beliau lebih terkenal dengan gelaran *Muhammad Fatih* atau *Muhammad Penakluk*. Beliau berusaha sedaya upaya untuk menakluk Constantinople. Sultan-sultan Turki yang terdahulunya telah mendirikan sebuah istana berhampiran dengan Constantinople bernama Anadolu Hissar. Manakala Muhammad II telah mendirikan kubu tentera bertentangan dengan Anadolu Hissar dinamakan *Rumeli Hissar*. Apabila sudah selesai beliau pula memulakan usaha pengepungan. Setelah berjalan hingga beberapa lamanya Muhammad II telah mendarat ke kota yang tua itu melalui dinding yang telah dipecahkan. Maharaja terakhirnya, Constantine, telah terbunuh dan Constantinople kemudian dinamakan Istanbul pun jatuh ke tangan orang Islam Turki. Semenjak itu setiap jiwa orang Kristian memusuhi orang Turki. Perperangan seringkali berlaku hingga memakan masa empat setengah abad. Orang Kristian menuntut bela di Sepanyol dan mereka telah berjaya menghancurkan kerajaan Islam di Sepanyol di Granada pada tahun 1492 M.

Muhammad II tidak mendapat gelaran *al-Fatih*, melainkan setelah beliau menakluk Constantinople. Beliau selanjutnya menawan Belgrade, ibu kota Serbia pada tahun 1456 M, Bosnia dan Herzegovina di antara tahun 1458 - 1461 M, pulau Aegean dan Albania pada tahun 1467 M.

Setelah itu orang Kristian mengisytiharkan dan meneriakkan bahawa mereka dalam bahaya. Oleh itu mereka cuba menimbulkan Perang Salib lagi. Berikutan dengan itu kerajaan Turki telah menentang dengan sehebat-hebatnya dan menakluk Dalmatia dan Croatia pada tahun 1469 M, Negroponte pada tahun 1470 M, dan pelabuhan Venetia di Adriatic juga telah ditawan. Akhir sekali kerajaan Venice telah menyerah dan meminta berdamai apabila tentera Turki menyeranginya. Demikianlah berakhirnya perang tersebut. Venice bersetuju membayar ufti 10,000 dukat kepada Sultan tiap-tiap tahun.

Muhammad telah digantikan oleh puteranya Bayazid II. Pada masa itu berlaku perang saudara yang membolehkan putera mahkota beliau Salim I menaiki takhta kerajaan dan memerintah antara tahun 1512 - 1520 M. Beliau berjaya dalam perang menentang Syah Ismail dan Parsi, dan Qansawh al-Ghauri di Marj Dabig pada tahun 1516 M. Setelah itu Salim I menduduki Aleppo dan Damsyiq. Pada 22 Januari 1517 M beliau menawan Qahirah. Salim I menjadi pemerintah yang gagah di bahagian Asia Timur, tetapi telah meninggal dunia setelah memerintah selama lapan tahun.

Beliau digantikan oleh Sulaiman (1520 - 1566 M), Sulaiman merupakan seorang Sultan yang teragung, dalam kerajaan Turki Uthmaniah. Beliau telah meneruskan usaha penaklukan dan pengembangan negeri hingga ke Vienna. Beliau menjadikan Angkatan Tentera Laut Turki sebagai angkatan yang tergagah di Laut Mediterranean. Beliau juga telah menentang Parsi dan menakluki Iraq.

Pada tahun 1526 M King Louis dari Hungary telah menentang Sulaiman dalam satu perang bernama perang Mahacs. Tentera Turki telah mencapai kemenangan, dan King Louis telah terbunuh. Akhirnya John Zpolya, pengganti ketua kerajaan Hungary telah meminta berdamai dengan Sulaiman dan Sultan Uthmaniah itu telah mengikat tali persahabatan dengannya serta memberi pertolongan yang diperlukan.

Sulaiman melantik seorang laksamana bernama Khairuddin Barbarossa (Berjanggut Merah) untuk mengetuai angkatan laut beliau. Khairuddin sangat handal dan kejayaannya yang pertama ialah menakluki Tunisia. Kemudian mara ke arah Sicily dan Italy. Pada masa itu juga Venice mengisytiharkan perang menentang kerajaan Turki dengan pertolongan Pope dan raja-raja Kristian. Khairuddin telah memerangi dan menewaskan Venetia pada tahun 1538 M. Venice minta perdamaian dan bersetuju membayar gantirugi yang besar. Kemudian Sultan Turki ini telah melengkapi dan membesarangkan angkatan Tentera Laut lalu menawan Yaman dan Aden serta belayar menuju ke Teluk Parsi dan pantai Laut India. Hasil daripada perang dengan Persia beliau berjaya menakluk Mesopotamia. Pada masa pemerintahannya

kekuasaan kerajaan Islam Turki Uthmaniah telah meluas dari sempadan Algeria di Barat, dan dari Vienna di Utara hingga ke Aden di bahagian Selatan.

Selepas Sulaiman, berlaku perperangan saudara antara dua orang puteranya beliau iaitu Salim dan Bayazid untuk merebut takhta kerajaan. Dengan pertolongan seorang kaya bangsa Yahudi, Joseph Nassi, Salim berjaya merebut kerajaan dari tangan saudaranya sendiri.

Pada masa itu tentera Turki terpaksa menghadapi serangan dari dua kuasa besar, iaitu Maharaja Hapsburg dan kerajaan Venetia. Maharaja Hapsburg telah menguasai Austria, Hungary, Sepanyol dan Selatan Italy. Pada tahun 1570 M Salim II telah memerangi Venice dan menakluk Cyprus. Kemudian berlaku pertempuran di laut antara tentera Turki yang diketuai oleh Ali Pasha dengan tentera Kristian yang diketuai oleh Don John dari Austria. Pertempuran itu dinamakan perperangan Lepanto dan berlaku pada 7 Oktober 1571 M. Dalam perperangan tersebut kedua-dua belah pihak telah mengalami kerugian yang besar. Akhirnya tentera Turki tewas di tangan orang Kristian. Kemenangan orang Kristian ini merupakan kejayaan yang besar bagi seluruh Eropah.

Selepas perperangan Lepanto ini tentera Turki telah mengumpulkan kekuatan tentera lautnya yang baharu ini. Oleh itu dengan tidak membuang masa lagi beliau telah mengarahkan angkatan lautnya yang lebih besar dari dahulu itu menentang Doh John. Pada tahun 1573 beliau telah menawan Tunis. Ini mengejutkan orang-orang Kristian yang leka dengan kegembiraan lantaran kemenangan mereka di Lepanto itu. Tentera Turki telah berjaya menguasai semula Laut Mediterranean.

Pemerintahan **Salim II** merupakan garis pemisah antara puncak kejayaan kerajaan Turki Uthmaniah dengan permulaan kemunduran kerajaan itu. Berakhirnya kekuasaannya pada tahun 1574 M merupakan berakhirnya masa keagungan Kerajaan Uthmaniah. Selepas kematianya kekuasaan Sultan berlanjutan buat beberapa ketika sahaja, dan mereka terpaksa sedar keadaan tersebut sukar diselesaikan. Kekurangan Kerajaan Turki Uthmaniah itu agak perlahan pada abad yang ketujuh belas, tetapi menjadi lebih buruk pada abad yang kelapan belas.

Organisasi Kerajaan

Kerajaan Uthmaniah adalah sama dengan kerajaan Rom dan Abbasiyah sebelumnya iaitu mengikut organisasi pemerintahan tentera. Usaha utama khalifah ialah untuk menyatukan pelbagai bangsa - Arab, Syria, Iraq, Egypt, Barbars, Kuds, Armenia, Slavs, Greeks, Albania - supaya menjadi satu nasionaliti.

Mengikut organisasi kerajaan itu ketua negara ialah *Sultan*. Sultan merupakan ketua kerajaan, ketua tentera darat dan laut, ketua agama dan beliau juga hakim tertinggi. Dalam lapangan agama beliau tidak hanya menjadi ketua agama kepada kerajaan Uthmaniah bahkan juga kepada semua orang Islam. Ini menyebabkan Sultan Turki mencapai taraf kedudukan yang tertinggi dan mendapat sokongan moral dari luar. Sebarang perintah Sultan dianggap sebagai undang-undang yang mesti dipatuhi.

Di bawah Sultan ialah *Wazir Agung* yang diberi kuasa besar dan mencapai kedudukan seperti Perdana Menteri. Menteri-menteri lain mengetuai jabatan-jabatan kerajaan tetapi yang lebih besar daripada menteri-menteri itu ialah komandor tentera di tiap-tiap wilayah bergelar *Beylerbey*. Pada mulanya ada dua wilayah sahaja yang mempunyai *Beylerbey* iaitu wilayah-wilayah Rumeli dan Andolu (Eropah dan Asia Kecil). Kedua-dua *Beylerbey* itu mempunyai kuasa yang besar.

Di bawah mereka itu ada dua orang pentadbir kewangan, iaitu di Rumeli dan di Anadolu juga. Di dalam Konsul, *Wazir Agung* menjalankan mesyuarat dengan menteri-menteri lain dan kemudiannya melaporkan semua hal negara kepada Sultan yang akan menentukan sesuatu keputusan penting.

Kerana peperangan menjadi sanjungan utama, Sultan telah menyediakan hadiah berupa tanah ladang kepada mereka yang berjaya di dalam peperangan. Sesiapa yang berani dalam peperangan akan menerima hadiah yang lebih besar. Sebab itulah perkhidmatan dalam tentera sangat popular pada masa itu.

Sementara itu diadakan juga jawatan Kadi dan Mufti untuk menjalankan penghakiman dan menyelesaikan masalah Undang-undang Islam. Kuasa Tertinggi di sesuatu kawasan ialah komandor tentera, kemudian diikuti oleh gabenor walaupun Kadi berkuasa di dalam lapangannya tersendiri. Manakala di kota pula *Wazir Agung* menduduki di bawah Sultan dan di bawahnya ialah hakim-hakim (atau *Mullah*) serta menteri-menteri jabatan.

Kejatuhan Kerajaan Uthmaniah

Kebangkitan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan Islam seolah-olah mengikut corak yang sama sahaja. Pada mulanya mereka berjaya hingga mencapai peringkat puncaknya, kemudian mereka bertahan dan akhirnya mereka menjadi lemah, hidup bersenang-lenang, terpengaruh dengan corak pemerintahan lama, berkahlwin dengan bangsa-bangsa yang mereka tawan, hilang peribadi individu mereka serta akhirnya tersingkir. Keadaan demikian telah berlaku kepada kerajaan Islam Sepanyol dan Parsi, berlaku juga di India dan kemudiannya

terjadi pada kerajaan Uthmaniah sendiri.

Pada ketika kerajaan itu menuju ke arah keruntuhannya Sultan-sultannya memerintah secara autokrasi. Tidak ada kuasa yang boleh menahan mereka dari menakluk dan mengembang negeri. Oleh itu mereka ditentang oleh bangsa-bangsa yang mereka takluk. Manakala Sultan-sultan sendiri bukannya berdarah Turki sejati, sebaliknya adalah putera dari permaisuri-permaisuri Kristian yang ditawan. Oleh itu mereka tidak berfahaman Islam sejati sebagaimana datuk nenek mereka dahulu. Mereka mewah dengan kekayaan negara dan meninggalkan tugas mereka sebagai pemerintah negeri. Tugas itu kerap kali diserah kepada bonda mereka atau dipangku oleh Wazir-wazir. Oleh itu dengan mudah sahaja mereka digulingkan oleh Wazir-wazir yang belot atau tiada berkebolehan.

Selama lebih kurang satu abad kerajaan Uthmaniah memerangi kuasa Kristian yang sudah kuat semula. Akibatnya mereka menjadi lemah dan hilang beberapa wilayah satu lepas satu. Ini merupakan peringkat ketiga bagi kerajaan Uthmaniah, iaitu peringkat kejatuhannya.

Bagaimana kuasa Turki itu tidak menjadi lemah dengan serta merta. **Murad II** (1574 - 1595 M) telah mengembalikan kekuatan tentera laut kerajaan itu selepas kekalahan dalam peperangan Lepanto dahulu. Bagaimanapun beliau telah dipengaruhi oleh dua orang perempuan, iaitu ibunya, Sultana Nur Banu, dan isteri beliau, Sofiya, seorang wanita Italy. Kedua-dua wanita itu campurtangan dalam pemerintahannya dan menjadikan beliau tidak tenteram. Oleh itu khabar ini sampai ke Eropah mengatakan Sultan itu telah dipengaruhi oleh wanita-wanita atau dayang-dayang istana. Ini menambahkan perangsang orang Eropah untuk memerangi dan menjatuhkan Turki. Dalam peperangan itu orang Turki masih gagah dan memerangi Persia dan Caucasia dan menawan Tiflis pada tahun 1577 M. Pada tahun 1585 M mereka menduduki Tabriz, manakala pada tahun 1590 M Turki memiliki Georgia, Azerbaijan dan Shirvan setelah diadakan perdamaian dengan orang-orang Kristian Eropah.

Dalam masa pemerintahan **Muhammad III** hingga ke pemerintahan **Uthman II** (1618 - 1623 M) orang Turki telah menguatkan kedudukan mereka di bahagian selatan Russia. Keadaan demikian menjadi kemarahan kepada Maharaja kerajaan Austria. Pertempuran sentiasa berlaku antara dua kuasa ini di kawasan sempadan meskipun perdamaian telah diisyiharkan pada tahun 1580 M. Akan tetapi selepas sepuluh tahun kemudian peperangan baharu telah terjadi di mana Maharaja Austria itu telah disokong oleh Prince Bathory dari Transylvania.

Pada masa itu kerajaan Turki telah diperintah oleh putera **Murad III**, **Muhammad III**, iaitu putera beliau dengan Queen Sofiya. Oleh itu

beliau sangat dipengaruhi oleh bonda beliau. Bagaimanapun beliau telah berjaya juga dalam peperangan Turki-Austria (Turko-Austrian War). Dalam satu peperangan lagi antara orang Turki menentang tentera-tentera campuran Austria - Hungary (Austro - Hungarian Forces) mereka telah mencapai kemenangan juga di Kereoztes pada 24 Oktober 1596 M. Perjanjian Zsitva-Torok telah ditandatangani pada tahun 1606 M.

Kerajaan Turki Uthmaniah ini terpaksa menghadapi ancaman dari luar juga dari dalam negeri sendiri, pada waktu akhir-akhir kerajaan tersebut. Pemberontakan-pemberontakan dalam negeri sentiasa berlaku. Ini melemahkan kerajaan tersebut dalam menghadapi serangan-serangan dari luar. Seorang jeneral Janissary bernama Abdul Halim Kara Yaziji telah melakukan pemberontakan di Syria Utara. Dia telah mengepung Edessa dan mengalahkan gabenor Damsyiq dan Baghdad serta menakluk mereka. Sultan Turki telah memerangi pemberontak dan ini menambahkan pemberontakan yang berlaku dalam negeri. Antaranya adalah diketuai oleh Janbulad, gabenor Klis dekat Aleppo dan Prince Fakhruddin di Lebanon. Bagaimanapun Sultan Turki dapat menundukkan mereka. Pada masa yang sama juga kuasa-kuasa Kristian di Eropah Tengah di bahagian barat dan di Parsi di timurnya telah bertambah kuat. Kerajaan Hapsburg di Eropah Tengah dan **Kerajaan Safarid** di Parsi mempunyai angkatan tentera yang kuat dan mencapai kemenangan menentang orang Tartar dan Turki. Orang-orang Turki telah ditewaskan di Tasik Urmia dan merampas Baghdad, Mosul dan Diyar Bekr. Kemudian mereka menawan Georgia, Azerbaijan. Semenjak itu orang Islam di Timur Tengah telah bertempuran antara satu sama lain dengan sebilangan besarnya tidak bersatu kembali. Ini menambahkan lagi kelemahan Kerajaan Turki Uthmaniah itu.

Peperangan dengan Parsi muncul semula selepas kematian **Abbas the Great**, pemerintah Parsi, dan **Murad IV** (1623 - 1640) menaiki takhta kerajaan Turki Uthmaniah. Malangnya satu lagi pemberontakan dalam negeri telah berlaku, iaitu oleh orang Janissary. Mereka menjadi lebih kuat dan membantah semua perintah Sultan. Beliau telah menundukkan kuasa pemberontak-pemberontak itu dengan memerangi Parsi, serta merampas semula Baghdad pada tahun 1639 M. Murad IV ialah Sultan Turki yang terakhir menunjukkan kegagahannya. Beliau membebaskan diri dari pengaruh dayang-dayang istana dan mengembalikan kekuasaan Uthmaniah di timur. Beliau meninggal dunia pada tahun 1640 M dan digantikan oleh adiknya Ibrahim.

Ibrahim telah dipengaruhi oleh bonda dan tiga orang isterinya yang masuk campur dalam hal pemerintahan. Bonda Ibrahim telah memujuk beliau supaya menyingkirkan Wazir Agung Kara Mustafa yang telah banyak berjasa kepada Murad IV dahulu. Dengan sifat-sifat

kelemahan Ibrahim beliau telah bersetuju dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Kara Mustafa.

Antara tahun 1645 M dengan 1664 M berlaku perang menentang Venice, musuh ketat Turki sejak beberapa abad yang lampau. Venetia telah bersatu dengan Venice melawan Turki tetapi tetap dihadapi oleh Sultan Turki itu. Matlamat selanjutnya ialah untuk menawan Crete dari tangan tentera-tentera Venetia dan Venice, kerana tempat tersebut menjadi tumpuan perniagaan di Laut Mediterranean. Pada tahun 1664 M mereka mendarat di Crete tetapi perjuangan mereka itu gagal kerana beberapa faktor. Pertama sekali ialah kerana tentera Turki itu tidak mempunyai ketua yang gagah berani, bahkan mereka sanggup pula melakukan korapsi. Bagi pihak Sultan sendiri beliau sangat dipengaruhi oleh perempuan-perempuan istana dan seolah-olah tidak mengambil berat di atas hal-ehwal negeri serta tidak membantu tentera menakluk Crete itu. Keadaan yang buruk ini mengakibatkan munculnya pemberontakan di istana Sultan dan beliau sendiri terbunuh kemudiannya.

Selepas kematian Ibrahim, Kerajaan Turki Uthmaniah telah diperintah oleh wanita-wanita istana, tegasnya permaisuri-permaisuri sultan. Pentadbiran ini telah berlanjutan hingga beberapa tahun lamanya. Keburukan pemerintahan ini ialah banyak jawatan-jawatan kerajaan, pangkat dan perintah telah terjual. Kejujuran dan kebolehan tidak ada nilai lagi. Sebaliknya korapsi menjadi pengaruh utama. Orang kaya membeli jawatan kerajaan dan pangkat untuk kepentingan sendiri. Keadaan demikian menjadikan negeri bertambah buruk, dan Sultan sudah tidak dihormati lagi oleh rakyat jelata. Orang Eropah memerhatikan kelemahan orang Turki itu yang menjadi tali barut Kristian itu adalah musuh-musuh Turki di dalam negeri iaitu orang Venice serta isteri-isteri pembesar Turki yang kebanyakannya perempuan-perempuan pengikut Kristian. Manakala Sultannya sendiri **Muhammad IV** (1648 - 1687 M) sangat lemah memerintah negara. Beliau agak bernasib baik kerana mempunyai seorang Wazir Agung yang bijaksana Muhammad Koprulu (1656 - 1661 M) yang telah berjaya melawan kekuatan asing. Beberapa lama kemudiannya kerajaan Turki itu menjadi semakin lemah sekiranya dibandingkan dengan kekuatan Kristian di Eropah yang bertambah-tambah itu. Orang Kristian itu mempunyai kependaan yang baik dalam peperangan dan beralat senjata yang lengkap. Mereka memerangi Turki berasing-asingan. Persia telah memutuskan kerajaan Turki itu dari Asia Tengah. Ciptaan-ciptaan baharu orang Eropah menguatkan lagi kelengkapan dan kekuasaan mereka. Persatuan politik mereka menambahkan keyakinan mereka untuk mengalahkan dan menggulingkan kerajaan Turki itu. Oleh itu peperangan silih berganti antara tentera-tentera Turki dengan kuasa-kuasa Kris-

tian seperti Vienna, Poland, Austria dan Venetia.

Antara tahun 1677 - 1681 M berlaku pula peperangan dengan Russia. Dalam peperangan ini Turki mengalami kekalahan teruk. Perjanjian Radsin telah ditandatangani. Sultan Turki terpaksa menyerahkan Ukraine kepada Russia dan membuka perniagaan kepada bangsa Cosack di Laut Hitam. Ini bermakna orang Turki telah hilang kuasa mereka di Laut Hitam setelah menguasainya selama beberapa abad.

Berikutnya berlaku pula peperangan dengan Austria antara tahun 1682 - 1689 M. Peperangan ini berakhir selama lapan tahun dengan mengalami kerugian yang besar bagi orang Turki. Banyak harta-benda dan nyawa yang terkorban. Komandor tentera Austria, Count Van Stahremberg, telah dibantu oleh Charles of Lorraine dari Barat dan John Sobieski dari Utara. Lagi sekali kuasa-kuasa di Eropah telah bersatu menentang Turki. Kuasa-kuasa itu adalah Venice, Austria, Russia dan Poland. Dalam peperangan Mohacs II, Charles of Lorraine telah menewaskan Turki dan seluruh Hungary ditawan. Di Istanbul, Sultan Muhammad IV telah disingkirkan dan diganti pula oleh saudara beliau **Sulaiman II**, tetapi nasib malang tidak berubah. Austria telah merampas Belgrade dan Vidin. Satu pemberontakan pula telah berlaku di kalangan Wazir di mana Wazir Agung telah digulingkan dan diganti oleh Mustafa Koprulu.

Pada masa ini kerana Turki Uthmaniah menggiatkan usaha mereka menentang desakan dari kuasa-kuasa asing. Hampir satu abad mereka bermati-matian mempertahankan kekuasaan mereka. Dalam tempoh yang panjang itu mereka telah berjaya beberapa kali, tetapi telah tewas pula berulang kali. Kekalahan mereka yang terakhir bukanlah disebabkan oleh kurang tenaga peperangan tetapi adalah kerana kelemahan politik dalam negeri, sahaman-fahaman kuno, takut membawa perubahan dan korupsi yang berleluasa di kalangan pentadbir-pentadbir kerajaan.

Abad yang kelapan belas adalah saat yang paling buruk dalam sejarah Kerajaan Turki Uthmaniah. Kerajaan ini mengalami kekalahan berulang-ulang kali. Kerajaan Venice dan Austria tidak jemu-jemu memerangi Turki. Prince Eugene of Savoy telah bersatu dengan tentera Austria dan mengalahkan Turki dalam peperangan Peterwarden dalam tahun 1716 M. Bulan Julai 1718 M perdamaian Passrowit telah ditandatangani dan Turki kehilangan Temesvar, dan menyerahkan Serbia Utara dan Wallachia kepada Austria. Akan tetapi kemudiannya dalam satu peperangan lain Kerajaan Turki mendapat semula Serbia Utara, Belgrade dan Azov dari tangan Austria setelah perjanjian Belgrade ditandatangani. Bagaimanapun kerajaan Turki tidak boleh gembira dengan kemenangan ini. Kekacauan dalam negeri timbul semula kerana Asia Kecil telah enggan membayar hasil dalam negeri kepada

Sultan dan mengisytiharkan kemerdekaan sendiri. Ini jelas menunjukkan kuasa Sultan begitu lemah.

Pada tahun 1770 M peperangan Chesme' telah terjadi di antara Turki dengan Russia dan Russia telah mencapai kemenangan. Satu perjanjian telah diadakan di Kuchuk Kainarji (1774 M) yang menyebabkan Turki kehilangan daerah-daerah Kinburn, Venikale dan Kertoh di Crimea.

Memandangkan kekuatan Russia itu Austria telah mengikat perjanjian damai dengan mereka pada tahun 1781 M dengan tujuan untuk mengalahkan Turki di Eropah Timur. Pada tahun 1783 M Turki telah kehilangan Crimea dan Georgia di Caucasus. Turki menjadi bertambah-tambah lemah apabila Austria bersatu dengan Russia merampas Moldavia dan Wallachia. Nasib kerajaan Turki masih agak baik kerana pada tahun 1791 M Prussia sedar akan kegagahan Russia itu dan khuatir akan berleluasa di Timur Tengah dan Eropah lalu menyekat Austria supaya menghentikan peperangan. Perjanjian Sistova telah ditandatangani. Berikutnya pada tahun 1792 M perjanjian Jassy telah dibuat dengan Russia di mana Moldavia, Bessarabia dan Wallachia diserahkan semula kepada Turki. Sungai Dneister telah diisytiharkan sebagai kawasan sempadan. Itulah kedudukan kuasa Turki Uthmaniah pada penghujung abad yang kelapan belas. Kuasa kerajaan yang begitu besar dan luas dahulu telah hilang sama sekali. Yang tinggal hanya beberapa daerah kecil yang masih di bawah taklukan Sultan Turki.





PERKEMBANGAN KERAJAAN TURKI KE ASIA DAN AFRIKA

Turki dalam Zaman Kerajaan Abbasiyah

Pengaruh Turki telah tersebar luas dalam kerajaan Islam Abbasiyah. Orang Turki telah diterima memegang jawatan penting yang berkaitan dengan khalifah. Pengaruh Turki mula meresap ke dalam pentadbiran Kerajaan Abbasiyah pada zaman pemerintahan al-Mu'tasim (833 - 842 M). Bonda al-Mu'tasim ialah bangsa Turki dan permaisurinya bangsa Parsi. Oleh yang demikian kerapkali juga disebut tampuk pemerintahan kerajaan Abbasiyah pada masa itu dipegang oleh wanita atau dayang-dayang.

Pengaruh Turki ini menjadi bertambah-tambah besar dalam zaman pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil (847 - 861 M). Orang Turki yang memegang jawatan pengawal istana khalifah telah mendapat kebebasan yang bertambah-tambah. Malahan ada di antara mereka yang telah menguasai dan membolot kuasa-kuasa khalifah. Pada masa ini mereka memberi kesedaran Khalifah. Beberapa tindakan telah diambil untuk menghapuskan kuasa Turki itu. Sekali lagi ibu kota kerajaan Abbasiyah telah dipindahkan dari Samarra ke Damsyiq pula. Damsyiq difikirkan selamat kerana tempat itu ialah perkampungan orang Arab. Malangnya, tindakan ini pun gagal juga kerana pengaruh Turki ini. Ada sumber sejarah mengatakan bahawa khalifah sendiri telah wafat di hujung pedang seorang pembesar Turki yang telah merasakan kaumnya terancam. Dari sini jelaslah menunjukkan bahawa kerajaan Abbasiyah itu telah terancam. Kedudukan ini telah menimbulkan reaksi yang buruk di kalangan rakyat. Berikutnya muncullah kerajaan kecil di bawah pentadbiran kerajaan Abbasiyah. Dari sinilah bermulanya penyebaran Islam ke Asia dan Afrika.

Kebangkitan Kerajaan Tuluni

Kerajaan ini bertapak di Mesir pada tahun 868 M. Pengasasnya ialah **Ahmad bin Tulun**. Tulun, ayahanda Ahmad, ialah seorang tawanan perang bangsa Turki yang diserahkan kepada khalifah al-Ma'mum oleh

Ibn Asas Syamahy, gabenor kerajaan Abbasiyah di Bukhara. Oleh kerana Tulun gagah dan mempunyai sikap-sikap yang baik, ia telah dijadikan pengawal istana. Anaknya Ahmad, kemudian dijadikan pembantu pengawal.

Dalam zaman khalifah al-Mutawakkil, Ahmad telah dilantik sebagai gabenor Mesir. Di sana ia mendapat pengaruh yang besar dari rakyat. Apabila Kerajaan Abbasiyah menghadapi zaman keruntuhannya pengaruh orang Turki telah meliputi seluruh pentadbiran kerajaan tersebut. Pada waktu inilah Ahmad bin Tulun mengambil kesempatan memutuskan Mesir daripada Baghdad dan menubuhkan kerajaan baru yang berasingan dan bebas daripada kerajaan Abbasiyah. Kerajaan tersebut dinamakan Kerajaan Tuluni. Beberapa percubaan telah dilaksanakan oleh khalifah-khalifah Abbasiyah untuk meruntuhkan kerajaan baharu ini tetapi gagal. Umpamanya Khalifah al-Mu'tadid, iaitu khalifah Abbasiyah yang ke-16 telah melancarkan satu serangan ke Mesir, tetapi percubaan itu telah gagal. Dengan ini tertegaklah sebuah kerajaan Turki yang baharu, yang kemudiannya akan berkembang luas, terutama sekali ke bahagian-bahagian di sebelah timur. Kerajaan ini telah berkuasa antara tahun 868 - 904 M atau 254 - 296 H.

Kebangkitan Kerajaan Ghaznawi

Kerajaan Ghaznawi ini telah diasaskan oleh **Alptigin** (al-Taqin), seorang hamba bangsa Turki. Beliau telah pernah menjadi pegawai peribadi diraja Kerajaan Samani. Keturunannya telah berjaya menubuhkan suatu kerajaan yang besar dan merupakan sebuah kerajaan orang Turki yang gagah. Alptigin telah mempunyai sifat-sifat yang bijak dan baik. Oleh itu beliau telah dilantik menjadi pengawal peribadi di raja kerajaan Samani di Bukhara. Dalam zaman pemerintahan Abdul Malik I beliau dilantik menjadi Panglima Kanan Tentera. Berikutnya pada tahun 961 M dia dilantik menjadi gabenor di Khurasan.

Lantaran berlaku satu pertelingkahan di antara Alptigin dengan Mansur, pemerintah Kerajaan Samani pada masa itu, beliau telah dilucutkan dari jawatannya, lalu berundur di Balkh. Dari sana beliau telah mengisytiharkan Khurasan bebas daripada kekuasaan Kerajaan Samani. Pada tahun 962 M penaklukan telah dilancarkannya terhadap bandar Ghazanah di Afghanistan serta beberapa daerah di sekelilingnya lalu menakluk dan menguasainya. Di sana beliau bersama-sama menantunya Subuktigin telah membentuk sebuah kerajaan dan dinamakan Kerajaan Ghaznawi. Subuktigin menjadi ketua negara itu yang pertama. Beliaulah menyempurnakan kerajaan yang diasaskan oleh Alptigin ini hingga tertegak antara tahun 961 - 1186 M atau tahun 350 - 555 H. Kerajaan ini meliputi seluruh wilayah Khurasan, Afghanistan,

Khwarizm, Sijistan dan Punjab dengan Ghazna sebagai ibu kotanya. Kerajaan ini juga merupakan sebuah kerajaan orang Turki yang berjaya mengembangkan kuasa-kuasa Islam ke daerah luar, terutamanya ke bahagian timur.

Kebangkitan Kerajaan Seljukiah

Kerajaan ini terkenal juga dengan nama kerajaan Seljuk atau kerap kali dipanggil Seljuki. Kerajaan ini berasal dari satu kabilah bernama Seljuk iaitu daripada suku bangsa Turki. Mereka memeluk Islam dalam kerajaan Ghaznawi, setelah berhijrah dari tanah tumpah darah mereka di Turkistan ke Transoxiana dan tinggal tetap di sekitar kota Bukhara. Nama Seljuk diambil sempena daripada nama ketua mereka **Seljuk bin Duqaq** (Taklak) yang berpindah ke Bukhara itu.

Seljuk bin Duqaq adalah dipercayai berketurunan daripada Maharraga Turki yang bernama Begu. Kerajaan ini pada umumnya terbahagi kepada lima keluarga yang penting:

1. Kerajaan Seljukiah Raya (1039 - 1157 M/429 - 522 H), yang menguasai wilayah-wilayah Khurasan, Rayy, pergunungan Iran, Iraq, Jazirah, Parsi dan Ahwaz.
2. Kerajaan Seljukiah Karman (1041 - 1188 M/433 - 583 H), yang menguasai wilayah Karman (Kirman) di kawasan pinggiran Teluk Parsi.
3. Kerajaan Seljukiah Iraq (1187 - 1194 M/511 - 590 H).
4. Kerajaan Seljukiah Syam (1094 - 1117 M/477 - 510 H)
5. Kerajaan Seljukiah Rom (1077 - 1300 M/470 - 700 H), yang menguasai seluruh Asia Kecil.

Pemindahan golongan ini ke Bukhara telah disambut baik oleh Sultan Mahmud iaitu pemerintah kerajaan Ghaznawi. Kawasan-kawasan kediaman telah diberi kepada mereka. Mereka mula bertapak di sana dan meluaskan kawasan ke daerah-daerah yang di kelilingnya.

Seljuk bin Duqaq telah meninggalkan tiga orang putera iaitu Arselan, Mikael dan Musa. Mikael ialah seorang panglima perang yang masyhur tetapi telah tewas di medan perang. Dia telah meninggalkan empat orang putera iaitu: Begu, Tughril-Beg, Muhammad dan Jugri Beg. Tughril Beg ialah orang kuat golongan Seljuk yang telah berjaya. Dia telah memimpin kaumnya dan berjaya menakluki Khurasan, dan

kemudiannya bergerak ke Jarjan, Tabaristan, Khawarizm, Sijistan, Jibal, Kirman dan Ishfahan.

Baghdad pada masa itu dinaungi oleh **Kerajaan Buwayhi** (945 - 1055 M/ 321 - 447 H) yang menganut faham Syi'ah, sementara khalifah dan rakyat Abbasiyah menganut faham Sunnah. Tughril Beg yang juga berfaham Sunnah memikirkan keadaan demikian mesti dihapuskan. Pada tahun 1055 M beliau telah mengetuai satu angkatan lalu menggempur Kerajaan Buwayhi di sana. Al-Qa'im, khalifah Abbasiyah yang kedua puluh enam telah menyambut kedatangan mereka. Dan **Tughril Beg** di Baghdad telah mencapai kejayaan yang cemerlang dan beliau dianggap sebagai pengganas Kerajaan Seljukiah.

Di Baghdad, kerajaan Seljukiah ini telah menaungi seramai kira-kira sembilan orang khalifah Abbasiyah, iaitu dari khalifah Al-Qa'im hingga ke Khalifah Ahmad al-Nasir, khalifah yang ke- 34. Tughril-Beg telah menjalankan usaha mengeratkan hubungan dengan khalifah-khalifah, umpamanya menerusi perkahwinan di antara putera-puteri mereka.

Semenjak itu kedudukan mereka di Baghdad menjadi kukuh, dan mereka telah mendapat menguasai seluruh kawasan Abbasiyah, kecuali Syria dan Mesir. Dengan ini lahirlah Empayar Seljukiah dan tertegak antara tahun 1039 - 1300 M atau tahun 429 - 700 H.

Kebangkitan Kerajaan Uthmaniah (Ismaniah)

Orang Turki Uthmaniah ini berasal dari satu suku yang kecil bernama Oghuz. Mereka mula menerima Islam kira-kira dalam abad yang ke-9 atau ke-10, ketika mereka mendiami Asia Tengah. Pada abad yang kesebelas mereka mula keluar, terutama mendesak ke bahagian-bahagian di selatan.

Satu puak orang Turki yang diketuai oleh Tughrul telah menduduki dan mewarisi Parsi dan pada tahun 1055 M mereka telah menakluki Baghdad. Satu lagi puak bernama Ghours telah menakluk Kabul dan menegakkan Kerajaan Iraq dan bertapak di hulu sungai Furat buat beberapa ketika semasa menentang penganut-penganut Kristian di dalam peperangan Salib, iaitu peperangan-peperangan agama. Oleh itu ramai sukarelawan yang diperlukan di medan peperangan di Asia Kecil serta Syria.

Ketika itu banyaklah kumpulan orang Turki bertempur di sekitar kawasan ini. Ada di antara mereka berjaya dalam beberapa pertempuran. Salah satu dari puak orang Turki itu ialah apa yang dinamakan puak Oghuz tadi yang diketuai oleh Uthman, yang diberi gelaran sebagai Uthmanlis atau Uthmaniah itu.

Uthman kemudiannya telah terbunuh dalam satu pertempuran dan

diganti tempat puteranya Ertoghrul. Ertoghrul telah meneruskan usaha-usaha bapanya bersama-sama dengan Sultan Seljukiah di Konya bersama Alauddin II. Orang Turki Uthmaniah ini sangat handai dalam peperangan. Oleh itu sultan itu telah mengambil keputusan menyerahkan tugas kepada mereka untuk menentang kerajaan Byzantine dari Utara. Sultan Alauddin II telah melantik Ertoghrul menjadi sebagai pemerintah di daerah Sogund di bahagian selatan Laut Marmara serta menyerahkan segala tugas kepadanya untuk mempertahankan kawasan sempadan itu. Ertoghrul kemudiannya telah meninggal dunia pada tahun 1289 M. Jawatan ketua puak itu serta pemerintah kawasan sempadan itu jatuh ke tangan puteranya Uthman. Beliau inilah yang kemudiannya menguatkan kedudukan orang Turki di sana dan meluaskan kuasa pemerintah ke daerah di sekelilingnya. Akhirnya terbentuklah sebuah kerajaan Islam yang merdeka bebas dari kuasa naungan kerajaan Seljukiah diberi nama kerajaan Turki Usamaniah, iaitu sempena dari nama ketua puak mereka yang mula datang ke Baghdad, dan pemerintah pertama mereka yang bernama Uthman bin Ertoghrul itu. Kerajaan ini kemudiannya telah berjaya meluaskan daerah penaklukannya ke bahagian-bahagian sebelah timur dan barat seperti yang diuraikan dalam bab 12 yang lalu.

Penaklukan Kuasa Turki di Asia

Kerajaan yang tersebut adalah merupakan kerajaan Islam yang telah muncul di Timur Tengah. Kerajaan ini terdiri dengan kukuhnya dan meluaskan kuasa pemerintahannya, ke beberapa daerah, malah hingga sampai ke kawasan-kawasan di Timur dan di Barat.

Dalam zaman pemerintahan **Kerajaan Tuluni** Ahmad bin Tulun telah mengetuai satu angkatan peperangan untuk memperluaskan jajahan takluknya ke bahagian sebelah timur. Puteranya Abbas telah dilantik untuk memegang jawatannya di Mesir. Dalam gerakan penaklukan Ahmad bin Tulun itu, beliau telah berjaya menakluki beberapa kawasan. Antara kawasan-kawasan tersebut adalah Syria, Hijaz, Damsyiq, Homs, Homat, Aleppo dan lain-lain lagi. Gerakan ini adalah sebagai pembuka jalan bagi penaklukan selanjutnya ke Timur dan tegasnya bahagian Asia.

Kejayaan kerajaan Islam Turki meluaskan kuasa ke timur, lebih jelas kelihatan pada zaman pemerintahan **Kerajaan Ghaznawi**. Mahmud the Great (998 - 1030 M) seorang pemerintah kerajaan Ghaznawi telah mara ke beberapa daerah di India. Umpamanya beliau telah melakukan sebanyak tujuh belas kali serangan ke Lembahan Sungai Ganges, tetapi tidak menguasai atau menduduki kawasan-kawasan tersebut. Kemudiannya beliau telah menyeberangi sebuah padang pasir lalu

memerangi bandar Somnath. Bandar tersebut dapat ditawan dan konnaunya sebanyak 20 juta dinar harta benda raja Hindu di Somnath itu dirampas. Seterusnya daerah-daerah Kathiawar telah dijelajahi oleh Mahmud. Di samping itu beliau telah berjaya menduduki Lembahan Sind, di daerah-daerah Rajput dan Agra di lembah Sungai Jumna. Semenjak pemerintahan beliau seluruh kawasan Khurasan, Auhistan, Zubulstan, Sijistan, Kirman, Makran, Sind, Gujarat, Punjab, ataupun seluruh wilayah Rajput serta sekitarnya telah dapat ditewaskannya.

Dalam sebuah peperangan yang besar bernama peperangan Potanda, Mahmud telah bertembung dengan Persekutuan Raja-raja Hindu. Persekutuan tersebut adalah terdiri daripada negeri-negeri di daerah Lahore, Delhi, Ajmir, Kanju, Kawalivr, Kaligar dan Ujain. Kejayaan ini sungguh menggalakkan dan menyebabkan tertakluknya beberapa negeri lain. Negeri-negeri ini adalah Nagarakot (1009 M), Dawab (1014 M), Kanuj (1019 M) dan Kashmir (1021 M).

Setelah beliau wafat pengantinya Mas'ud telah meneruskan usaha penaklukan ini. Bagaimanapun kejayaannya tidak begitu besar sebagaimana yang telah dicapai oleh *Mahmud The Great* tadi. Kejayaan yang dicapai adalah menewaskan dan menakluk daerah-daerah Oud dan Benares iaitu kota suci bagi orang Hindu.

Kebangkitan Kerajaan Seljukiah di Timur merupakan satu lagi kuasa Islam Turki memerintah di sana. Kejadian ini yang tertegak pada tahun 956 M itu telah menguasai beberapa daerah di bahagian Barat Benua Asia, terutama di kawasan sekitar Bukhara. Pemerintah-pemerintah kerajaan Seljukiah yang terhandal adalah seperti Tughril (1037 - 1063 M), Alp Arslan (1063 - 72 M) dan Malikshah (1072 - 92 M). Zaman pemerintahan mereka ini merupakan detik ketika cemerlang bagi kerajaan Turki di sebelah timur. Dengan angkatan tenteranya yang gagah perkasa itu kerajaan ini telah meluaskan penaklukannya ke serata daerah, hingga bahagian Asia Barat terbentuk menjadi Negara-Negara Islam Yang Bersatu (United Moslem Kingdom). Ini menyebabkan berlaku peperangan demi peperangan di antara bangsa-bangsa di Asia Tengah yang berusaha mempertahankan negara mereka dari penaklukan orang Islam itu. Peristiwa demikan berlanjutan hingga ke zaman pemerintahan Alp Arslan yang menitikberatkan usaha beliau ke Barat. Penaklukan dan pengembangan negeri dilancarkan ke daerah-daerah kuasa pendudukan Kristian di Eropah.

Penaklukan Kuasa Turki ke Afrika

Penaklukan ke Barat terutama ke bahagian Afrika tidak banyak diambil bahagian oleh kerajaan-kerajaan kecil Turki yang muncul di Tanah Arab itu. Bagaimanapun satu gerakan penaklukan secara

besar-besaran telah dilancarkan oleh kerajaan Turki Uthmaniah. Antara kawasan-kawasan di Afrika itu Algeria (Al-Jaza'ir) adalah daerah pertama yang jatuh ke tangan orang Uthmaniah itu.

Beberapa pertempuran telah berlaku di sana. Berikutnya kuasa Uthmaniah telah berjaya pula menakluki Tunis (1574 M), Tripoli (Tarabulus al Gharb) dan daerah-daerah pergunungan Maghribi (Morocco). Daerah-daerah yang ditakluki ini diletak di bawah pentadbiran Islam dan dikenakan ufti atau bayaran tahunan mereka.

Kemudian penduduk daerah-daerah ini bangun memberontak kerana tidak puas hati dengan pentadbiran wakil-wakil atau pentadbir-pentadbir kerajaan Uthmaniah di sana. Antara tahun 1711 - 1835 M Tripoli telah ditadbir oleh kuasa kerajaan baharu bernama Qaramliah. Semenjak itu kekuasaan Uthmaniah di Afrika mulai longgar. Daripada abad yang ke-17 mereka tidak lagi menguasai semua kawasan taklukan mereka di Afrika itu. Wakil-wakil mereka yang mentadbir daerah-daerah kecil, iaitu gabenor-gabenornya (sama ada berpangkat "pasya" "bey" atau "dey") telah mengasingkan kuasa mereka dari perintahan kerajaan pusat. Mereka menjalankan dasar autonominya yang tersendiri. Dengan itu berakhirlah kuasa orang Turki Uthmaniah di Afrika.

Pengaruh Islam Tersebar di Asia dan Afrika

Memang sudah menjadi kewajipan kerajaan Islam meluaskan pengaruh agama ke negeri-negeri yang mereka kuasai itu. Agama Islam telah tersebar di timur apabila kuasa **Tuluni** menguasai dan tertegak di sana, dan lebih jauh lagi ke timur apabila kerajaan **Ghaznawi** meluaskan penaklukan mereka di India; manakala ke barat terutama ke Afrika usaha ini menjadi tanggungjawab kekuasaan Uthmaniah, kerana kerajaan tersebut telah meluaskan hingga ke sana. Malahan kerajaan Seljukiah telah menumpaskan kerajaan-kerajaan Kristian di Eropah, terutama Kerajaan Byzantine. Di mana-mana mereka duduki, mereka telah menyebarkan Islam dan menghapus bersih agama Kristian.

Kerajaan yang jelas membawa banyak pengaruh ke negeri-negeri asing ialah Kerajaan Ghaznawi. Dalam masa kira-kira 225 tahun kerajaan itu muncul, berbagai-bagai kemajuan telah dicapai. Di kawasan-kawasan takluknya; kesenian-kesenian Arab, Turki, Parsi dan India telah digabungkan dan melahirkan satu bentuk kesenian Islam yang cemerlang. Bangunan kerajaan dan masjid-masjid yang indah telah dibangunkan di bandar-bandar besar seperti Ghaznah, Multan, Lahore, Benares dan lain-lain. Di India masjid-masjid tersebut dibina bersama antara orang Turki dengan orang tempatan. Kegiatan-kegiatan

an agama telah dilancarkan, hingga sebahagian besar penduduk di daerah-daerah Asia Barat menerima dan menganut Islam.

Mahmud, ialah pemerintah yang teragung pada zaman itu. Beliau telah diberi gelaran *Yamin al-Dawlah* ('Tangan Kanan Kerajaan'). Beliau telah banyak menghancurkan berhala orang Hindu di India, terutama sekali di daerah-daerah Gujarat dan Benares, sebagai dua bandar yang terpenting bagi perkembangan dan pusat perhimpunan agama Hindu masa itu. Di samping itu Mahmud telah melancarkan penguasaan harta benda yang banyak dari kejayaan mereka dalam peperangan. Berjuta-juta dinar nilai emas, perak, permata, zamrud dan lain-lainnya telah dibawa ke kota Ghaznah. Menerusi penaklukan inikekayaan India telah tersebar beritanya hingga ke Eropah. Ini telah menarik minat pengembara Christopher Columbus, yang termasyhur itu tersasar hingga ke benua Amerika, iaitu dalam usaha pengembaraannya menuju Hindia Timur.

Di bidang ilmu pengetahuan, Mahmud telah menggalakkan pelajaran dan penyelidikan dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Tokoh-tokoh ilmu pengetahuan telah diberi layanan yang baik dan mendapat perlindungan yang istimewa. Beliau kemudiannya telah mendirikan sebuah universiti di Ghaznah, dan pusat pengajian ini telah menjadi tumpuan sarjana-sarjana dan pelajar-pelajar di India, Parsi dan sekitarnya.

Berikutnya lahirlah dua orang pujangga besar pada zaman itu iaitu **Abu Bakar al-Khawarimi** dan **Badu** dalam zaman al-Hamdany. Mereka sangat berpengaruh dalam bidang kesusasteraan. Manakala **Unsuri** pula muncul sebagai seorang ahli falsafah yang termasyhur, ahli sains, akhlak dan penyair yang menjadi professor di Universiti Ghazni.

Penyair-penyair lain ialah **Asadi Tusi**, **Farcukhi** dan **al-Firdausi**. **Abu Raihal** dan **Beruni** ialah ahli-ahli kebudayaan yang terkenal. Mereka telah banyak membuat penyelidikan pembicaraan tentang kebudayaan Hindu. Dalam ilmu sejarah, ufti telah mengambil peranan penting. Beliau telah menulis buku bernama *Tairkh Yamin* sebuah buku sejarah yang mengupas tawarikh kerajaan Ghaznawi pada zaman permulaannya. Mahmud telah membiasai sebanyak 400,000 dinar untuk memajukan bidang ilmu pengetahuan ini. Usaha ini telah diteruskan lagi oleh pemerintah-pemerintah terkemudiannya dengan mendapat kejayaan yang cemerlang juga.



KERAJAAN FATIMIAH DI MESIR

Kebangkitannya

Kerajaan Fatimiah lahir dalam zaman kerajaan Abbasiyah menempuh Zaman Kegelapannya. Nama kerajaan ini dipilih sebagai mengambil sempena nama Fatimah puteri Rasulullah, iaitu isteri kepada Ali bin Abu Talib, Khalifah Islam di Madinah yang keempat. Kerajaan ini dibangunkan untuk mengembalikan kedaulatan generasi Ali dan golongan Syi'ah oleh tokoh-tokoh utamanya.

Kerajaan Fatimiah telah diasaskan oleh Said bin Husain yang kemudiannya bergelar Ubaidullah dengan kerjasama Abu Abdullah al-Syi'i pada tahun 909 M, di Tunisia, di Afrika Utara, yang kemudiannya telah berkembang ke seluruh persisiran Afrika Utara, termasuk Mesir, Syria, Hijaz dan sebahagian Eropah Selatan. Abu Abdullah adalah segenerasi dengan Ubaidullah dan asalnya ialah ketua mubaligh serta tokoh Syi'ah yang amat fanatic daripada firkah Isma'ili. Dia mula menjalankan propaganda kepada golongan Barbar bagi mendirikan kerajaan di Afrika Utara dalam penghujung abad yang kedelapan lagi.

Ubaidullah telah mendakwa dirinya al-Mahdi, iaitu Imam yang selama ini dinanti-nanti oleh seluruh umat Islam untuk menyinarkan keadilan dan kebenaran yang hakiki di dalam dunia ini. Dia mendapat pengaruh yang kuat daripada orang-orang Barbar, di Afrika Utara terutamanya daripada suku Barbar Katamah (Kutamah). Kemudian dengan bantuan Abu Abdullah, Ubaidullah telah berjaya menguasai bandar Sijilmasa di Maghribi pada tahun 909 M setelah Ayasa gabenor **Kerajaan Idrisiah** yang berhati batu di sana dapat ditundukkan. Kerajaan Idrisiah dewasa itu menguasai Maghribi tidak disentuh oleh Ubaidullah kerana sealiran ideologinya, iaitu Syi'ah, dan rela bernaung di bawahnya, sehingga pada tahun 1051 M, iaitu apabila kerajaan tersebut loput digantikan oleh Fatimiah.


Khalifah al-Mahdi (909-34 M)

Dalam pergerakan menguatkan lagi kedudukan kerajaan Fatimiah Ubaidullah atau lebih terkenalnya al-Mahdi, selanjutnya telah mara ke kota Raqqadah pusat **Kerajaan Aghlabi** dalam abad ke-10, yang dewasa itu di bawah pengawalan Ziyadatallah III (903 - 9M), dan berjaya ditaklukinya dalam tahun 909 M itu juga. Dua tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1011 M suatu perselisihan berlaku di antara Ubaidullah dengan ketua mubaligh Syi'ah, Abu Abdullah, yang akhirnya membawa kematian kepada Abu Abdullah.

Kemudian kerajaan Fatimiah telah meluas meliputi sebahagian besar kawasan Afrika Utara. Dalam tahun 914 M bandar pelabuhan Iskandariah telah dapat ditawannya, tetapi tiada berapa lama kemudian telah di rampas balik oleh **Kerajaan Ikshidiah**. Sementara itu pulau-pulau di Laut Mediterranean seumpama Pulau Malta, Sardina, Corsica, Sicily dan Pulau-pulau Balearic telah menjadi jajahan takluk Kerajaan Fatimiah menerusi perwarisan **Kerajaan Aghlabiah**. Di samping itu pula penjalinan persahabatan telah juga dibuat dengan kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol.

Dalam tahun 920 M Ubaidullah telah mendirikan sebuah pusat pemerintahan yang baharu di sebuah tempat tiga belas batu ke Tenggara bandar Qayrawan, dan dinamakan al-Mahdiyah sebagai mengambil sempena gelaran al-Mahdi.

Keturunan Khalifah-khalifah Fatimiah



Keturunan Hamudi dan Idrisi di Afrika Utara

Khalifah al-Qa'im (943 - 946 M)

Pengganti al-Mahdi ialah puteranya sendiri iaitu Abu al-Qa'im Muhammad Al-Qa'im atau dengan nama ringkas *Al-Qa'im* sahaja. Beliau adalah seorang pentadbir dan panglima perang yang masyhur dalam sejarah Afrika Utara, dan Eropah Selatan. Dewasa itu angkatan Islam telah berjaya menawan bandar Genoa dan telah tiba di Lembahan Lombardy di negeri Itali. Semenanjung Calabaria yang juga terletak di Itali telah dapat ditaklukinya. Manakala ketumbukan tentera yang lain telah berjaya mendarat di pantai Perancis. Di Afrika Utara pula al-Qa'im telah merancangkan pelanggarannya ke Mesir, tetapi percubaannya itu gagal, kerana Muhammad al-Ikhsidi pemerintah wilayah itu masih lagi kuat. Di samping itu telah mencelah suatu pemberontakan orang-orang Barbar yang dipimpin oleh Abu Yazid al-Makhlad daripada puak Khawarij. Kumpulan ini adalah anti-Fatimiah dan mendapat bantuan dari Cordova, Sepanyol. Beberapa buah bandar penting seumpama Qayrawan dan Raqqadah telah berjaya diambil oleh puak ini. Bandar Mahdiyan, walau bagaimanapun tetap di tangan Fatimiah.

Khalifah Al-Mu'iz (925 - 975 M)

Al-Mu'iz atau nama penuhnya Abu Tamin Ma'ad al-Mu'iz ialah khalifah kerajaan Fatimiah yang keempat. Beliau menjadi pengganti Khalifah al-Mansur, dan cucunda kepada Khalifah al-Qaim. Al-Mu'iz juga adalah panglima perang yang terhandal serta mempunyai angkatan perangnya di darat dan laut yang sempurna.

Al-Mu'iz mempunyai panglima yang terhandal Abu Hassan Jawhar al-Siqilli, berasal dari Sicily. Al-Jawhar telah memeluk agama Islam dalam tawanan perang di Qayrawan, lantas kemudiannya telah dilantik menjadi panglima perang. Beliau pernah menawan pantai Sepanyol daripada tangan Khalifah al-Nasir, kepala negara Kerajaan Bani Umayyah di sana. Beliau samping itu juga banyak menawan kota-kota dan wilayah-wilayah yang lain.

Sementara itu di Mesir, suatu kekusutan politik telah berlaku di antara pembesar-pembesar kerajaan Ikhsidiah sendiri yang mentadbir wilayah itu. Dalam kegentingan ini panglima besar al-Jawhar dengan dibantu oleh Ja'afar bin Falah telah bergerak ke Mesir dan telah berjaya menakluki Fustat (sekarang Kaherah/Cairo) pusat pemerintahan kerajaan Ikhsidiah, dalam tahun 969 M daripada tangan pemerintahnya Abu al-Fawaris bin Ali al-Ikhsidi (968-969 M). Al-Jawhar telah mengubah nama kota Fustat kepada *Kaherah* yang bermakna *Yang Menang*, sebagai mengingati kejayaannya. Kemudian khalifah al-Mu'iz

telah menjadikan kota itu ibu kota kerajaan Fatimiah pada tahun 973 M.

Sebelum itu pada tahun 972 M al-Jawhar telah membina sebuah masjid yang terbesar di Kaherah, dan dinamakan *Al-Azhar*, sebagai mengambil sempena namanya. Tetapi ada ahli sejarah yang mengatakan nama al-Azhar diambil dari nama puteri Rasulullah Fatimah al-Zuhra. Al-Azhar dalam pemerintahan khalifah al-Aziz telah dijadikan sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang setaraf dengan universiti. Hari ini al-Azhar adalah merupakan universiti tertua sekali di dalam dunia.

Di Kaherah, al-Mu'iz telah mengatur kerajaan Fatimiah. Beberapa orang besar telah ditempatkan di jajahan takluknya. Yusuf bin Bulkin telah dilantik sebagai gabenor jeneral di Afrika Utara, Abu Ali bin Hasan sebagai gabenor Sicily, dan Abdullah bin Yakhliif al-Kattami sebagai wakil pemerintah di Tripoli Timur. Sementara itu panglima besar al-Jawhar telah melanjutkan usaha-usahanya menundukkan orang Qarmatian di Syria, di samping bergerak mengambil daerah Hijaz dari pengawalan Abbasiyah.

Al-Mu'iz juga adalah seorang khalifah yang berjiwa besar dan dinamis. Beliau telah menggalakkan rakyatnya mengambil inisiatif dalam bidang pertanian, perniagaan dan perusahaan. Juga beliau telah mengadakan matawangnya sendiri daripada perak dan diukirkan namanya pada permukaan matawang itu.

Khalifah al-Aziz (975 - 96 M)

Nama penuhnya ialah Abu Mansur Nizar al-Azizi, khalifah kerajaan Fatimiah yang kelima. Nama beliau disebut dalam khutbah Jumaat daripada daerah-daerah di Laut Atlantik hingga ke Laut Merah di kawasan bandar Yaman, Makkah, Damsyiq, Mawsil dan lain-lain. Al-Aziz ialah di antara khalifah-khalifah yang terpenting yang telah menjadikan kerajaan Fatimiah sebagai sebuah kerajaan yang terbesar dan yang ditakuti oleh kerajaan Byzantine. Kerajaan Fatimiah pada saat ini merupakan sebuah empayar yang teragung di Timur Tengah.

Khalifah al-Aziz bergerak cergas dalam memajukan ilmu pengetahuan. Seperti yang telah dinyatakan di atas, beliau telah menempa sejarah baharu mengiktiraf *al-Azhar* sebagai sebuah universiti (*al-Jami'ah*) pada tahun 976 M yang kini menjadi pusat pengajian tinggi Islam yang terkenal di seluruh dunia. Seramai tiga puluh lima orang mahaguru telah berkhidmat di dalamnya. Al-Aziz telah mewakafkan sebahagian harta-bendanya untuk membentuk *Al-Azhar*. Al-Aziz juga melindungi orang bukan Islam sebagaimana yang wajar terutamanya orang Kristian dan Yahudi. Isterinya sendiri beragama Kristian. Dua

orang saudara laki-laki isterinya telah dilantik menjadi paderi di sebuah gereja di Iskandariah dan di Bait al-Maqdis (Jerusalem).

Al-Aziz telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk mencantikkan lagi kota Kaherah, dengan menghiasi bangunan-bangunan istana, bangunan-bangunan kerajaan, masjid-masjid, jambatan-jambatan, terusan-terusan dan lain-lain.

Khalifah al-Hakim (996 - 1021 M)

Pengganti al-Aziz ialah Abu Ali Mansur al-Hakim. Beliau mempunyai fahaman lama sedikit yang terlalu fanatik kepada puak Syi'ah. Sungguhpun begitu beliau banyak membuat rancangan istimewa untuk memajukan rakyat. Mengikut sesetengah ahli-ahli sejarah al-Hakim mempunyai penyakit otak. Lantaran itu beliau tidak memerintah berdasarkan kepada hukum-hukum dan semangat-semangat kemanusiaan yang ditetapkan oleh Islam. Mengikut suatu riwayat kononnya al-Hakim pernah mengeluarkan undang-undang menukar kelaziman-kelaziman pada siang hari kepada malam hari, begitulah juga sebaliknya. Semua kedai dan kerja yang sepatutnya dibuka di siang hari dibuka pada malam hari dan berbagai-bagai lagi. Semua wanita diwajibkan memakai purdah, dan ada setengah cerita pula, dilarang pula memakai kasut.

Sementara itu tempat-tempat ibadat orang bukan Islam terutamanya orang Kristian telah diperintah supaya dirobohkan. Dalam gerakan perubahan ini gereja Holy Sepulchre telah terlibat, dan dirobohkan pada tahun 1009 M. Orang Kristian dan Yahudi telah dipaksa memakai jubah hitam, dilarang menunggang sebarang kenderaan melainkan kaldui dan pelbagai lagi. Beliau juga telah mengeluarkan undang-undang supaya membuang segala bentuk arak ke dalam Sungai Nil. Langkah ini adalah yang barangkali boleh dikatakan baik.

Beliau juga telah membuat beberapa kebaikan selain daripada soal menghapuskan arak. Beliau telah mewakafkan sebahagian daripada hartanya untuk kepentingan Universiti al-Azhar. Sebuah pusat peneropongan perjalanan bintang-bintang (*observatory*) yang dinamakan *al-Rasydua al-Hakim* telah dibina di Bukit Muquattan. Beliau juga sering mengunjungi tempat-tempat tersebut. Menurut suatu riwayat al-Hakim telah wafat dibunuh oleh saudara perempuannya Siti al-Muluk di tempat peneropongan bintang itu pada tahun 1021 M.

Kemajuan Kerajaan Fatimiah

Kerajaan Fatimiah telah berusia selama kira-kira 280 tahun di Mesir

dan 60 tahun di Tunisia, dengan seramai kira-kira seramai tiga belas orang khalifah yang memainkan teraju pemerintahannya. Dalam jarak masa yang begitu lama berbagai-bagai kemajuan telah dilaksanakan dengan bangganya dalam semua bidang. Secara ringkasnya adalah sebagai berikut:

1. Ketenteraan

Dalam bidang ini kerajaan Fatimiah juga telah memainkan peranan penting. Kerajaan Fatimiah pada masa itu mempunyai angkatan darat dan lautnya yang kuat. Khalifah al-Qa'im, al-Mu'iz dan al-Aziz selain daripada pakar dalam pentadbiran juga adalah panglima-panglima perang yang terhandal. Sementara Abu Hassan al-Jawhar al-Siqilli ialah panglima Fatimiah yang teragung. Pada masa itu kerajaan Fatimiah telah menguasai seluruh persisiran Afrika Utara, Palestine, Syria dan Hijaz, di samping pulau-pulau Balearic, Sardina, Corsica, Malta, Sicily dan lain-lain. Kesemua pulau ini di Laut Mediterranean. Juga menawan Semenanjung Calabari, Lembahan Lombardy, baydar Genoa yang masing-masing di Itali. Pantai Sepanyol pernah juga ditaklukinya, dan suatu pendaratan pernah dibuat di Sepanyol dan Perancis.

2. Pembangunan Negara

Sementara itu ramai juga khalifah Fatimiah yang berminat dalam lapangan pembangunan negara, seumpama pembangunan sosial, ekonomi dan lain-lain. Dalam tahun 920 M Ubaidullah telah mendirikan kota Al-Mahdiah, berhampiran Qayrawan dan pada tahun 969 M Al-Qahirah telah ditubuhkan. Di Kaherah panglima besar al-Jawhar telah membina masjid al-Azhar yang kemudiannya telah diiktiraf sebagai universiti. Begitujuga terusan-terusan di Sungai Nil, jambatan-jambatan dan berbagai-bagai bangunan telah dibina. Terusan-terusan itu adalah penting dalam bidang pertanian untuk membina ekonomi negara.

Sungai Nil pada ketika itu bukan sahaja penting dari segi pertanian tetapi juga penting dari segi pelayaran perdagangan. Sungai tersebut menjadi penghubung di antara pedagang-pedagang di seluruh Hijaz, Yaman ke utara, Mesir dan lain-lain. Sebelah utara pula Laut Mediterranean menjadi penting sebagai terusan perdagangan antara pedagang-pedagang Islam di Afrika Utara, Sepanyol, pulau-pulau di Laut itu dengan pedagang-pedagang bukan Islam dari Perancis, Itali, Greek dan lain-lain. Pedagang-pedagang telah tertumpu ke pelabuhan-pelabuhan di pantai Afrika Utara seperti Iskandariah dan pedagang-pedagang di Laut Merah pula bertumpu ke pelabuhan di sekitarnya.

3. Ilmu Pengetahuan

Perkembangan ilmu pengetahuan juga telah berjalan dengan pesatnya dalam masa kerajaan Fatimiah. Khalifah Al-Mu'iz, al-Aziz dan juga al-Hakim (walaupun beliau mempunyai kelemahan dalam bidang-bidang lain) telah memainkan peranan yang penting di dalam bidang ini. Dengan inisiatif al-Jawhar dan khalifah al-Mu'iz pusat pengajian tinggi Islam al-Azhar telah dibina pada tahun 972 M. Pada tahun 976 M khalifah al-Aziz telah menjadikan pusat itu sebagai universiti. Dalam zaman al-Hakim pula, sebuah perpustakaan *Daral-Hikman* telah dibina, dan sebuah pusat penyelidikan bintang *al-Rasyadu al-Hakim* telah didirikan di bukit Muquattan. Kerajaan Fatimiah telah banyak mengeluarkan tokoh-tokoh ilmu pengetahuannya. Antaranya:

Ibn Al-Haytham (al-Hazen)

Ibn Al-Haytham adalah seorang tokoh penting dalam ilmu pengetahuan dalam masa kerajaan Fatimiah. Beliau adalah seorang Yahudi dari Baghdad yang telah memeluk Islam. Ibn Killis wazir khalifah al-Aziz ialah orang yang pertama mengambil perhatian dalam ilmu pengetahuan di dalam kerajaan Fatimiah. Ibn al-Haytham adalah seorang pakar dalam politik dan ekonomi. Beliau pernah menubuhkan sebuah akademik yang menelan perbelanjaan sejumlah seribu dinar tiap-tiap bulan.

Al-Tamimi

Al-Tamimi atau nama penuhnya Muhammad al-Tamimi adalah ahli fizik dan doktor perubatan yang lahir dalam masa Ibn Killis. Beliau dilahirkan di Bait al-Maqdis dan berhijrah ke Mesir pada tahun 970 M. Sebelumnya di bawah kerajaan Ikhshidiah, muncullah *Muhammad ibn Yusuf al-Kindi* yang wafat pada tahun 961 M. Beliau seorang ahli falsafah, ahli perubatan dan ahli sejarah yang terkenal. Seorang lagi ahli sejarah yang wafat pada tahun 1062 M juga di Fustat ialah *Ibn Salamah al-Qudai*.

Ibn Killis (wafat 991 M)

Nama penuhnya Ya'qub bin Killis, orang Yahudi dari Baghdad yang telah memeluk Islam. Ibn Killis orang yang pertama mengambil perhatian dalam ilmu pengetahuan dalam kerajaan Fatimiah. Beliau juga

merupakan pakar dalam politik dan ekonomi yang pernah menubuhkan sebuah akademik yang menelan perbelanjaan sejumlah seribu dinar tiap-tiap bulan. Jawatan penting yang disandangnya ialah wazir kepada al-Mu'iz dan al-Aziz.

Ibn Yunus (wafat 1009 M)

Nama penuhnya ialah Ali bin Yunus. Beliau seorang ahli astronomi Mesir yang terbesar dan terkenal pada masa itu, yang telah banyak membuat jasa kepada khalifah al-Hakim dalam pembinaan al-Rasyadu al-Hakim di Bukit Muquattan.

Al-Mawsili

Nama penuhnya 'Ammar Ibn Ali al-Mawsili. Beliau seorang ahli fizik dan ahli sastera yang terkenal pada masa itu. Buku yang terkenal ialah *al-Muntakhab fi'ilaj al-'Ayn* (Pilihan Bahan-bahan Tentang Pengubatan Mata).

Ibn Isa

Beliau adalah rakan al-Mawsili yang rapat yang juga pakar dalam kedoktoran mata dan lain-lain, yang telah menyusun buku yang bernama *Tadkirah*. Buku ini menjelaskan kerja-kerja tentang kajian penyakit mata (*ophthalmology*).

Ibn Muqlah

Beliau banyak menyumbangkan khidmatnya kepada al-Aziz dalam bidang ilmu pengetahuan. Beliau adalah pakar dalam bidang khat (*calligraphy*), umpamanya ukiran-ukiran contoh-contoh bentuk tulisan, manuskrip dan lain-lain.

Hal-hal lain dalam Bidang Ilmu Pengetahuan

Kegemilangan bidang ilmu pengetahuan dalam zaman kerajaan Fatimiah memang tidak dapat dinafikan. Kerajaan Fatimiah banyak memperkenalkan tokoh-tokoh bidang ilmu pengetahuan, seperti di atas, terutamanya dalam bidang falsafah, tasawuf, sains, kesusasteraan, bahasa, ilmu perubatan, astronomi, seni lukis dan seni khat. Di bidang

lain pula, terdapat juga kemajuan dalam bidang seni bangunan, ilmu pertukangan tembaga, pertukangan kayu, tenunan kain dan lain-lain. Banyak buku yang telah dikumpulkan pada masa itu dalam berbagai-bagi bidang ilmu pengetahuan. *Daral-Hikmah* atau *Daral-Ilm* (Dewan Himah atau Dewan Sains) yang ditubuhkan oleh al-Hakim 1005 M yang pada mulanya untuk dakwah Syi'ah telah menjadi perpustakaan penting. Lebih daripada 250 ribu dinar wang telah digunakan untuk tujuan-tujuan perpustakaan itu.

Dalam masa khalifah al-Aziz, perpustakaan di raja mengandungi 200,000 naskhah buku. Ini termasuklah 2,400 al-Qur'an. Berbagai-bagi manuskrip dan *calligraphy* hasil kerja *Ibn Muqlah* adalah antara bahan-bahan menarik di perpustakaan di raja itu. Dalam masa kerajaan Fatimiah diambil oleh kerajaan Ayyubiah, iaitu ketika Sallahuddin al-Ayubi masuk ke perpustakaan di raja itu di istana, masih terdapat kira-kira 100,000 jilid buku di dalamnya, tetapi kebanyakannya hasil kerja seni itu bercorak Iran (Parsi). Hasil-hasil kerja yang amat bernilai ini setengah-setengahnya kini tersimpan di Muzium Arab di Kaherah.

Kebajikan

Kerajaan Fatimiah juga telah mencapai kemajuan dalam bidang kebaikan. Kerja-kerja untuk membaiki taraf kebajikan rakyat telah dilaksanakan dengan baik, terutamanya dalam masa al-Mu'iz dan al-Aziz, begitu juga dalam masa al-Hakim. Kerja-kerja membaiki taraf hidup fakir miskin, orang-orang yang tidak bernasib baik lantaran cacat telah dibuat. Begitujuga rumah-rumah sakit, rumah-rumah kebajikan, rumah-rumah kanak-kanak dan rumah-rumah persinggahan untuk orang musafir (orang-orang yang berjalan jauh) telah dibuat. Matawang sendiri juga telah dikeluarkan.

Dalam perkara lain juga khalifah-khalifah yang terpenting seperti al-Mu'iz, al-Aziz dan juga al-Hakim telah juga memainkan peranan. Umpamanya dalam perkara memberi bantuan kepada pihak-pihak yang tertentu terutamanya golongan-golongan yang memerlukan telah dilaksanakan. Bantuan-bantuan ini sama ada berupa harta-benda atau lain-lain, bukan sahaja dibuat untuk orang Islam tetapi juga untuk orang bukan Islam. Kegiatan-kegiatan untuk orang bukan Islam ini jelas sekali dapat dilihat semasa al-Aziz. Beliau pada masa ini telah mengambil perhatian yang wajar dalam melayani golongan-golongan *dhimmi* (orang bukan Islam yang patuh kepada pemerintah Islam) terutamanya daripada kalangan Kristian dan Yahudi. Dalam zaman kerajaan Fatimiah al-Mustansir merupakan khalifah yang paling kaya. Beliau mempunyai jumlah wang yang berjuta-juta dinar. Sungguhpun dari satu aspek beliau menggunakan wang kepunyaannya itu untuk

kepentingan diri sendiri yang kadang-kadang bertentangan dengan Islam, tetapi pada aspek yang lain beliau telah menggunakannya untuk kebaikan masyarakat.

Kejatuhan Kerajaan Fatimiah

Puncak kerajaan Fatimiah ialah dalam zaman al-Mu'iz dan al-Aziz. Sementara zaman kegelapannya telah dimulakan dalam zaman khilafah al-Hakim dan kemudiannya dilanjutkan oleh pemerintah-pemerintah selepasnya. Langkah-langkah al-Hakim membelenggu orang bukan Islam dan mengadakan undang-undang yang tidak berperikemanusian mengakibatkan ramai rakyatnya yang menarik muka dan membelakanginya. Orang Kristian dan Yahudi telah merasai penderitaan akibat daripada tekanan tersebut di atas. Langkah ini adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam itu sendiri.

Sementara itu khalifah-khalifah al-Hakim pula kebanyakannya menaiki takhta kerajaan dalam usia yang muda dan setengahnya pula terlalu lanjut usianya. Umpamanya pengganti al-Hakim sendiri iaitu al-Zahir (1021 - 1035 M) yang dilantik menjadi khalifah ketika berusia enam belas tahun, manakala pengganti al-Zahir iaitu al-Mustansir (1035 - 94 M) dilantik menjadi khalifah ketika berusia tujuh tahun. Keadaan yang seperti ini telah menyebabkan pengendalian pemerintahan dimainkan oleh pemangku khalifah ataupun oleh wazir-wazirnya. Kelemahan khalifah menyebabkannya pembesar-pembesar memeningkan diri sendiri. Pembesar-pembesar itu pula kebanyakannya terdiri daripada golongan keturunan Turki, yang sepanjang diketahui kurang cekap dalam lapangan politik.

Selain usia yang muda di kalangan khalifah-khalifah yang menyebabkan kelemahan jentera pemerintah, kelemahan-kelemahan di dalam soal pentadbiran akibat korupsi, mementingkan diri sendiri juga adalah sebagai akibat hal-hal di atas. Khalifah al-Mustansir ialah merupakan pemerintah yang paling kaya sekali dalam senarai pemerintah-pemerintah Fatimiah. Beliau mempunyai berjuta-juta wang, tetapi kebanyakannya wangnya itu digunakan untuk kepentingan diri sendiri, lebih daripada untuk kepentingan rakyat. Wangnya itu banyak yang digunakan untuk membina istana, tempat hiburan (*pavillion*) dan berbagai-bagai lagi yang kebanyakannya merugikan rakyat dan negara. Hal ini kesemuanya menyebabkan kelemahan jentera-jentera kerajaan dan ini menimbulkan gelisah di kalangan rakyat.

Punca-punca tersebut mengakibatkan rakyat berpecah-belah. Orang Islam, bukan Islam, penganut-penganut golongan Syi'ah, Sunnah, Khawarij masing-masing bersengketa sesama sendiri. Sementara

orang Arab dan bukan Arab pula masing-masing bertelingkah. Di samping itu Daulah Kerajaan Saljukiah telah muncul di Turkistan pada tahun 1055 M dan kerajaan Abbasiyah di Baghdad, juga kerajaan di Sepanyol masih bernafas lagi. Masing-masing inginkan kuasa yang lebih besar. Ini secara langsung telah memberi ancaman yang besar kepada Bani Fatimiah.

Kemelaratan rakyat juga telah menggoncangkan kerajaan Fatimiah akibat dari kelemahan pemerintah mengenai peraturan ekonomi negara kucar-kacir. Di samping itu dalam tahun 1048 M air Sungai Nil telah surut mengakibatkan bidang pertanian terganggu. Berikutnya penyakit wabak telah merebak dan menjadi-jadi dengan hebatnya. Dilanjutkan dengan huru-hara, pencurian, rompakan dan pembunuhan. Pemerintah di dalam keadaan lemah dan tidak dapat berbuat apa-apa.

Sementara itu orang Turki dan Sudan telah membuat haru-biru, di tempat-tempat seperti Qahirah, Iskandariah dan delta Sungai Nil. Penduduk-penduduk Afrika Utara telah berpecah-belah, dan berpuaku-puak yang masing-masing ingin berkuasa. Jajahan takluk Fatimiah pula dalam keadaan yang sebegini runcing telah mengambil peluang memerdekaan diri, seumpama Pulau Sicily pada tahun 1091 M dan Yaman pada tahun 1081 M. Akhirnya kerajaan Fatimiah telah hancur dan telah diambil alih oleh panglima besar Salahuddin al-Ayyubi dari keturunan al-Ayyubi pada tahun 1171 M.

Secara umumnya keruntuhan kerajaan Fatimiah boleh dirumuskan sebagai berikut:-

1. Kelemahan setelah khalifah al-Hakim, kelemahan ini diikuti pula oleh wazir-wazirnya dan pembesar-pembesarnya yang lain, termasuklah bahagian tenteranya.
2. Korupsi di kalangan pemerintah dan pembesar-pembesar dan ini secara langsung menyebabkan keadaan susunan pentadbiran lumpuh.
3. Pertelingkahan golongan Syi'ah, Sunnah, Khawarij, Arab bukan Arab, Islam dan bukan Islam.
4. Lahirnya kuasa-kuasa besar di sekitarnya, umpamanya kerajaan Seljukiah dan munculnya keturunan Ayyubiah.
5. Kerosakan susunan ekonomi, sosial dan politik. Surutnya air Sungai Nil menyebabkan keadaan ekonomi seterusnya politik lemah.

Salasilah Dinasti Fatimiah (909 - 1171 M)

1. Al-Mahdi (909 - 34 M)
|
2. Al-Qa'im (934 - 46 M)
|
3. Al-Mansur (946 - 52 M)
|
4. Al-Mu'iz (952 - 75 M)
|
5. Al-Aziz (975 - 96 M)
|
6. Al-Hakim (996 - 1021 M)
|
7. Al-Zahir (1021 - 35 M)
|
8. Al-Mustansir (1035 - 94 M)
|
9. Musta'li (1094 - 1101 M) (Muhammad)
|
10. Al-Amir (1101 - 30 M)
|
(Yusuf)
|
11. Al-Hafiz (1130 - 49 M)
|
12. Al-Zafir (1149 - 54 M)
|
13. Al-Fa'iz (1154 - 60 M)
|
14. Al-Adid (1160 - 71 M)

Khalifah-khalifah yang Terkenal

1. Al-Aziz atau Abu Mansur Nizar (975 - 96 M)
2. Al-Hakim atau Abu Ali Mansur al-Hakim (996 - 1021 M)
3. Al-Zahir (1021 - 1035 M)
4. Al-Mustansir (1035 - 94 M)
5. Al-Hafiz (1130 - 49 M)

Walau bagaimanapun bukanlah bermakna khalifah-khalifah yang lain tidak terkenal langsung dalam sejarah. Khalifah seperti al-Mahdi, al-Qa'im dan al-Mu'iz juga terkenal, selain daripada nama-nama di atas. Ukuran terkenal di sini, adalah bergantung kepada (1) ilmu pengetahuan, (2) kecekapan dalam bidang pentadbiran dan ketenteraan, (3) lama memerintah, (4) jasa-jasa semasa memerintah, (5) bertanggungjawab, tidak mementingkan diri, korupsi, cuai atau lain-lain. Walaupun al-Hakim mempunyai beberapa kelemahan, namun beliau tidak pernah terlibat dalam rasuah. Beliau berani dan tegas.





KERAJAAN-KERAJAAN ISLAM DI INDIA DAN KEMASUKAN ISLAM KE NEGERI CHINA

Permulaan Kemasukan Islam ke India

Orang Arab sebenarnya telah mengenali negeri India sebelum kelahiran agama Islam lagi tetapi setelah agama Islam lahir dan berkembang, negeri India telah begitu terkenal kepada orang Arab khususnya dan orang Islam umumnya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam zaman kerajaan Bani Umayyah di Damsyiq (661 - 705 M), terutamanya dalam masa khalifah Abdul Malik bin Marwan (685 - 705 M) dan Walid bin Abdul Malik (705 - 715 M). Dalam masa Walid perkembangan pemerintahan Islam telah meluas hingga ke wilayah-wilayah India Utara. Gerakan Islam berjaya masuk ke wilayah yang berkenaan di bawah pimpinan Muhammad bin Kasim, gabenor wilayah Makran. Ketika dia berusia lapan belas tahun, iaitu sebelum memegang jawatan gabenor itu, dia bersama-sama 6,000 orang tentera telah menggempur negeri Makran dan menaklukinya. Dari sini dia telah menakluki Baluchistan.

Pada tahun 712 M Muhammad bin Kasim telah berjaya menawan semula negeri Sind yang beribukotakan bandar Debal. Dahir, raja Sind telah berjaya melepaskan diri. Muhammad telah memburunya sambil menggempur wilayah-wilayah yang dilaluinya hingga ke perbatasan negeri Nirun (kini Hyderabad). Di sini Dahir telah menghimpunkan tenteranya hingga berjumlah 50,000 orang untuk menentang tentera Umayyah. Akhirnya Dahir tewas dan terkorban juga. Dari sini Muhammad telah menggerakkan tenteranya hingga ke Bahmanabad dan Lembah Punjab, seterusnya hingga tiba di Multan. Dengan ini seluruh Lembah Indus telah tertakluk ke tangan Islam. Dia tidak lama di India kerana pada tahun 714 M dia telah dipanggil ke Damsyiq kerana bapa mertuanya Hajjaj bin Yusuf telah meninggal dunia. Mengikut beberapa sumber yang tertentu, Dahir, raja Sind sebelum terbunuh dan sebelum bermusuhan pernah meminta bantuan kepada pihak Islam untuk menghapuskan keganasan lanun di Lautan Hindi. Bantuan telah diberi dan tentera Islam telah tiba di Pulau Maldives. Sebab itulah kini kebanyakan penduduk di pulau itu beragama Islam.

Dari peristiwa sejarah yang tersebut agama Islam secara beransur-


ansur telah merebak dan diterima oleh orang-orang India. Walaupun jika dilihat dari segi sejarah orang-orang Islam masuk ke India secara kekerasan, tetapi secara keseluruhannya agama Islam tersebar ke negeri yang berkenaan dengan aman. Setelah mengenal agama Islam orang India menerima Islam dengan senang hati, malahan kebanyakan tokoh politik perundangan dan ketenteraan di India kemudianya adalah terdiri daripada orang India yang beragama Islam. Setelah Islam menyerap ke dalam jiwa mereka, timbul kekuatan yang besar kepada orang India untuk maju dalam bidang politik dan sebagainya. Walau-pun demikian terdapat juga pertentangan senjata di antara sesama mereka yang beragama Islam, dan juga dengan orang Hindu, tetapi tidaklah begitu kerap. Dari sejarah inilah kemudiannya timbulnya berbagai-bagi kerajaan Islam di India, umpamanya kerajaan **Ghaznawi**, **Ghori**, **Mamluk**, **Khilji** dan berbagai-bagi lagi. Sebuah kerajaan Islam di India yang besar dan terkenal ialah kerajaan Moghul di India.

Kebangkitan Kerajaan Ghaznawi


Kerajaan Ghaznawi telah diasaskan oleh **Alptigin (al-Taqin)** dan pengasasnya telah disempurnakan oleh Sabuktigin. Kawasannya meliputi seluruh wilayah Khurasan, Afghanistan, Khwarizm, Sijistan dan Punjab, dengan Ghaznah sebagai ibu kotanya. Alptigin berasal dari seorang hamba bangsa Turki yang pernah menjadi pegawai peribadi di raja **Kerajaan Samani**. Keturunannya telah berjaya menujuhan satu kerajaan yang besar, dan dalam zaman inilah kedaulatan bangsa dapat dibanggakan.

Alptigin sebelum berjaya mencapai cita-citanya hanyalah seorang hamba, tetapi kerana kebaikan dan kebijaksanaannya beliau telah dilantik sebagai pegawai peribadi di raja kerajaan Samani di Bukhara, dan berikutnya dalam zaman Abdul Malik I beliau telah dijadikan sebagai gabenor Khurasan. Lantaran suatu pertelingkahan di antara Alptigin dengan Mansur pemerintah kerajaan Samani pada masa itu, beliau telah dilucutkan dari jawatannya. Alptigin telah berundur ke Balkh. Dari sini beliau telah mengisytiharkan Khurasan bebas dari segala kongkongan, dan beliau boleh menampaikan kekuatannya, lantas pada tahun 962 M suatu penaklukan terhadap bandar Ghaznah di Afghanistan telah dilakukan dan seterusnya ke beberapa daerah di sekelilingnya.

Di Ghaznah Aptigin bersama-sama menantunya Subuktigin yang kemudian menggantikannya telah membentuk sebuah kerajaan. Kerajaan ini diberi nama Kerajaan Ghaznawi dengan Subuktigin sebagai ketua negara yang pertama.



INDIA UTARA: KEMARAAN MAHMUD GHAZNI (1005-1030 M)



KERAJAAN GHUR: DAERAH KEKUASAAN MUHAMMAD GHUR (1168-1206 M)

Subuktigin (967 - 97 M)

Subuktigin ialah salah seorang pemerintah besar kerajaan Ghaznawi yang telah membuka tirai memperluas daerah Islam ke wilayah-wilayah India Tengah. Beliau ialah bekas hamba dan menantu kepada Alptigin. Subuktigin telah mula menggerakkan angkatannya ke India di antara tahun 986-7 M daripada bandar Kabul. Pergerakannya dibuat ke Lembahan Sungai Chinab, dengan mendapat tentangan yang hebat dari Jaipal pemerintah negeri Rajput, tetapi akhirnya Jaipal telah tewas kerana Subuktigin mempunyai angkatan tenteranya yang berdisiplin dan teratur. Bandar Peshawar telah ditakluki pada tahun 991 M.

Dalam serangan ini Subuktigin telah berjaya merampas harta benda yang bernilai daripada istana-istana raja India. Menerusi pergerakan ini secara tidak langsung agama Islam telah meresap ke daerah-daerah tersebut. Subuktigin telah meninggal pada tahun 998 M dan digantikan oleh puteranya Mahmud.

Mahmud yang Agung (998-1030 M)

Mahmud Yang Agung (Mahmud the Great) adalah pemerintah kerajaan Ghaznawi yang termasyhur dan berpengaruh. Beliau telah membuka tirai seluas-luasnya untuk menggerakkan kerajaan Islam ke daerah India sebagai melanjutkan usaha yang telah dibuat oleh Subuktigin. Semasa pemerintahan kerajaan Ghaznawi beliau telah melakukan tujuh belas kali penyerangan ke Lembah Sungai Ganges. Pada musim sejuk (bulan Oktober) Mahmud dengan angkatannya menyerang kawasan selatan kira-kira tiga bulan, sehingga tiba musim panas kemudian kembali ke utara membawa harta rampasan yang banyak. Penyerangan yang dilakukannya tidaklah bertujuan untuk mengislamkan penghuni-penghuni di tempat-tempat tersebut tetapi semata-mata menyerang dan merampas sahaja.

Suatu tempat yang sangat menarik perhatian Mahmud ialah bandar Somnath yang dipisahkan oleh sebuah padang pasir dengan Ghaznah. Orang Hindu tidak berfikir yang orang Islam mempunyai kesanggupan untuk menyerang bandar itu, tetapi sangkaan ini salah apabila Mahmud berjaya tiba ke tempat tersebut dan dapat mengalahkan pertahanan di sana. Akibatnya sebanyak dua puluh juta dinar harta-benda raja Hindu di Somnath telah dirampasnya. Seterusnya daerah Kathiawar telah dijelajahi oleh Mahmud. Banyak bangunan berhala dan patung yang berukiran indah di sana telah ranap disapu oleh angkatannya. Begitu juga istana dan orang Hindu yang menentang telah sama-sama menjadi mangsanya, tetapi beliau tidaklah pernah meleburkan sebuah bandar dan menganiayai orang awam.

Di samping Lembahan Sind dapat dibersihkan, dan daerah Rajput, Mahmud juga telah berjaya menggerakkan tenteranya ke Agra di Lembahan Sungai Jumna. Sementara wilayah Punjab telah dijelajahnya pada tahun 1030 M dengan penuh kejayaan. Semenjak beliau memerintah pada tahun 998-1030 M seluruh kawasan Khurasan, Quhistan, Zubulstan, Sijistan, Kirman, Makran, Sind, Gujarat, Punjab ataupun seluruh wilayah Rajput dan sekitarnya telah dapat dileburnya.

Sejarah hidup Mahmud dipenuhi dengan kejayaan-kejayaan yang amat cemerlang dalam penaklukan dan kebajikan duniaawi. Beliau pernah menentang Persekutuan Raja-raja Hindu yang mengandungi negeri-negeri dan daerah-daerah Lahore, Delhi, Ajmir, Kanuj, Kawa-liur, Kaligar dan Ujain dalam *Perangan Patanda* dan beliau telah mendapat kemenangan yang menggalakkan. Kejayaan ini telah menyebabkan daerah-daerah berikut dapat dibersihkannya: Nagarakot pada tahun 1009 M, Dawab pada tahun 1014 M, Kanuj pada tahun 1019 M dan Kashmir pada tahun 1021 M. Mahmud telah berjaya sekali lagi menggempur angkatan Persekutuan Raja-raja Hindu yang kedua di Lahore pada tahun 1024 M. Sementara pada tahun 1025 M beliau telah berjaya menakluki daerah Gujarat, dan menghancur leburkan rumah berhala yang terbesar di India yang terletak di Somnath, sebagaimana yang telah disebutkan tadi.

Selepas Mahmud wafat pada tahun 1030 M. Mas'ud telah mengantikannya. Mas'ud tidak banyak mencapai kejayaan kecuali dalam penaklukannya ke daerah Oud termasuklah Benares kota suci orang Hindu. Setelah kewafatan Mas'ud, Kerajaan Ghaznawi telah dikendalikan oleh tiga belas orang pemerintah yang lemah. Mereka tidak lagi melanjutkan kemajuan pentadbir yang terdahulu daripadanya, tetapi masing-masing asyik mementingkan kelazatan hidup mereka. Ini memudahkan kuasa luar meresap ke dalam pentadbirannya. Sementara itu Kerajaan Seljuk telah mula menjulang dan bergerak menggempur jajahan takluk Kerajaan Ghaznawi.

Kemajuan Kerajaan Ghaznawi

Dalam masa kira-kira 225 tahun Kerajaan Ghaznawi wujud, berbagai-bagi kemajuan telah dicapainya. Kerajaan ini telah menakluki banyak wilayah di India dan banyak pula mencipta kemajuan bagi pembangunan negara dan mencapai kemajuan dan lapangan ilmu pengetahuan. Kesenian Arab, Turki, Parsi dan India telah dijalin sehingga lahirlah suatu kesenian Islam yang cemerlang sehingga ke hari ini. Banyak bangunan kerajaan dan masjid yang terindah telah dibangunkan di bandar Ghaznah, Multan, Lahore, Benares dan banyak lagi. Antaranya ialah masjid yang dibina oleh orang Turki dan India. Dalam zaman tersebut matawang

baharu telah dicipta dan digunakan dalam perniagaan.

Mahmud ialah pemerintah yang teragung pada zaman itu. Beliau telah diberi gelaran *Yamin al-Dawlah* (Tangan Kanan Kerajaan) dan *Amin al-Millah* oleh al-Qadir (991-1031 M) Khalifah Abasiyah yang ke-25. Ahli-ahli sejarah barat apatah lagi ahli-ahli sejarah timur telah menyamatarafskan Mahmud dengan Iskandar Zulkarnain, bahkan lebih daripadanya. Beliau banyak menghancur leburkan berhala Hindu di India, terutama di daerah Gujerat dan di kota Benares. Harta-benda raja-raja Hindu pula banyak yang dirampasnya. Berjuta-juta dinar nilai emas, perak, permata dan zamrud yang amat berharga telah dibawanya ke kota Ghaznah. Menerusi penyerbuan Mahmud ini berita kekayaan India telah tersebar beritanya sehingga ke Eropah, dan telah menarik perhatian pengembara Christopher Columbus, yang telah tersasar ke benua baharu Amerika itu.

Mahmud juga merupakan pencinta ilmu pengetahuan. Beliau telah menggalakkan pengajaran dan penyelidikan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Tokoh-tokoh ilmu pengetahuan telah diberi layanan yang baik dan dilindunginya. Kesibukan dalam penaklukan dan penyerangan tidaklah merosakkan minatnya dalam lapangan ini. Beliau telah mendirikan sebuah universiti di Ghazni (Ghazna atau Ghaznah), yang telah menjadi tumpuan sarjana dan pelajar di India, Parsi dan kawasan-kawasan lain. Dua orang pujangga besar dalam zamannya ialah **Abu Bakar al-Khawarizmi dan Badi' al-Zaman Al-Ham-dany**. Pengaruh mereka dalam kesusastraan Arab sangatlah besar. **Unsuri** ialah ahli falsafah yang termasyhur, ahli sains, tokoh akhlak, dan penyair yang menjadi profesor di Universiti Ghazni.

Penyair-penyair lain ialah **Asadi Tusi**, **Faruqi** dan juga **al-Firdausi** sebagaimana yang telah diterangkan. **Abu Raihal Beruni** ialah seorang pakar ilmu bumi dan ahli ilmu kebudayaan yang terkenal. Dia telah banyak membuat penyelidikan tentang kebudayaan Hindu. Dalam ilmu sejarah, **Utbi** telah mengambil fungsi yang terpenting. Beliau adalah seorang ahli sejarah yang teragung yang menulis buku *Tariki-Yamini*, sebuah buku sejarah yang mengupas tawarikh Kerajaan Ghaznawi dalam zaman permulaan. Mahmud telah membayai sebanyak 400,000 dinar tiap-tiap tahun untuk tujuan tersebut bagi menggalakkan orang ramai mengambil bahagian dalam lapangan ini.

Pengganti-pengganti Mahmud, seperti Sultan Masud dan putera-nya Sultan Bairam bin Masud juga mengambil berat dalam lapangan ilmu pengetahuan ini. Antara penulis dalam zamannya ialah **Syeikh Nizami** pengarang buku *Makhzan-i Asrar* dan Syed Hasan Ghaznawi. Sebuah buku cerita yang terkenal *Kalilah wa Dimnah* dalam bahasa Sanskrit telah diterjemahkan ke bahasa Parsi. Inilah pertama kalinya buku ini diterjemahkan ke bahasa asing.

Kebangkitan Kerajaan Ghori

Kerajaan Ghori atau Ghur ini ditubuhkan oleh Muhammad Al-Ghori (Ghori) di wilayah yang dahulunya dikuasai oleh kerajaan Ghaznawi, dan berpusat di Firuz Koh. Pentadbir kerajaan ini adalah keturunan bangsa Afghan, berbeza dengan pemerintah-pemerintah Kerajaan Ghaznawi yang berasal daripada bangsa Turki. Permulaan Kerajaan Ghori ini telah dipenuhi oleh Alauddin Husain yang telah berjaya menggulingkan Khisru Shah bin Baheram pemerintah Kerajaan Ghaznawi di Ghazna pada tahun 1186M, apabila kerajaan itu bergerak di dalam kelumpuhan. Di Ghazna Alauddin telah menggunakan gelaran al-Malik al-Mu'azzam (Raja Besar). Setelah beliau wafat diganti oleh Ghiathuddin, dan kemudian digilir pula oleh saudaranya Syab al-Din Muhammad yang dikenali dengan nama Muhammad al-Ghori.

Muhammad al-Ghur (Ghori) ialah sebagai penegak dan pembangun kerajaan Ghori. Beliau telah mengambil langkah-langkah tegas dan hebat dengan menawan seluruh kawasan yang dahulunya dikuasai oleh kerajaan Ghaznawi. Beberapa serangan telah dibuatnya ke wilayah-wilayah lain di India. Selama kira-kira 150 tahun semenjak kewafatan Mahmud The Great, India dalam keadaan aman sentosa, tetapi kemunculan Muhammad al-Ghur telah mengingatkan zaman Mahmud, yang meletakkan India dalam keadaan kucar-kacir.

Berbagai-bagai Peristiwa dalam Zaman Kerajaan Ghori

Suatu peristiwa yang terbesar dan sangat menarik perhatian ahli-ahli sejarah ialah tentang peristiwa Alauddin Husain membakar Kota Ghazni, dan kononnya api yang menjilat kota tersebut telah menjulang selama tujuh hari tujuh malam. Ini menyebabkan beliau diberi gelaran Alaud-din Johanoz atau Alauddin Pembakar Dunia. Pembakaran yang mengagumkan ini dibuat lantaran pemerintah Ghaznawi telah membunuh Khutbuddin Muhammad dan adiknya Saifuddin. Mereka adalah saudara-saudara tua kepada Alauddin Husain.

Muhammad al-Ghori telah memulakan penyerangannya ke India pada tahun 1175 M iaitu ke kawasan-kawasan yang pernah dimasuki oleh kerajaan Ghaznawi, setelah berjaya menawan kota-kota penting di sekitar kota Ghazni. Dalam tahun 1193 M beliau telah berjaya menghancurkan Persekutuan Raja-raja Brahma yang terdiri daripada 30,000 tentera berkuda dan 30,000 orang tentera bergajah. Kemenangan ini menyebabkan beliau mudah memasuki kota Delhi, Meerat dan Agra.

Pada tahun 1194 M Kanuj dan Benares telah ditaklukinya. Sementara pada tahun 1196 M Gwalior ditawannya. Kemudian pada tahun 1197 M Gujerat telah jatuh ke tangan al-Ghori pada tahun 1202 M Kalinjar dan Magada telah dikuasainya. Menjelang tahun 1200 M seluruh Lembahan Sungai Ganges telah menjadi jajahan takluknya.

Di wilayah India, Islam tidak dapat menewaskan agama Hindu keseluruhannya kerana telah terpendam di dalam lubuk tiap-tiap jiwa beratus-ratus juta orang India itu. Di jajahan Bihar, terutamanya di Benares banyak rumah berhala telah dileburkan. Bagi mengawasi pergerakan orang Hindu ini, kerajaan Ghori telah memilih Delhi sebagai pusat pertahanannya. (Di India Utara muncullah bahasa Urdu sebagai hasil campuran bahasa Parsi dan Hindu dan digunakan oleh orang Islam dan Hindu). Dari Delhi agama Islam telah merebak ke Gujerat menerusi mubaligh-mubaligh yang terdiri daripada saudagar-saudagar. Anhirat ibu negeri Gujerat menjadi pusat perniagaan orang Arab dan India yang menjalankan perdagangan mereka ke Timur Tengah, Eropah dan Kepulauan Melayu.

Dalam zaman Syahb ul-Din muncullah **Imam Fakhruddin al-Razi**, seorang tokoh tafsir dan ulama besar yang terkenal. Dia merupakan satu-satunya ulama yang berani berterus-terang memberi nashat keagamaan kepada pemerintah-pemerintah. Dalam zaman berikutnya pula, di Delhi telah didirikan Masjid yang besar diberi nama *Jami' Masjid*, dan di atas runtuhan sebuah kuil Hindu yang terbesar itu dibina di sebuah menara yang tertinggi, dinamakan *Qutub Minar*.

Kejatuhan Kerajaan Ghori

Kedatangan agama Islam ke India adalah merupakan cahaya kepada orang India yang selama ini diselubungi oleh keklotan adat istiadat dan agama Hindu. Pusat Kerajaan Ghori yang ada pada mulanya Firuz Koh telah dipindahkan ke Lahore dan kemudiannya ke Delhi. Bersama-sama pemindahan ini ialah orang Mamluk iaitu hamba sahaya yang telah dididik mengikut hukum Islam. Mereka kebanyakannya berasal dari daripada kumpulan yang telah kehilangan ibu bapa sebagai akibat perperangan. Di Mesir golongan Mamluk telah berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang terbesar dan ditakuti oleh kerajaan-kerajaan lain. Di Delhi orang Mamluk ini telah berjaya mengendalikan kerajaan Islam selama kira-kira 84 tahun, iaitu di antara tahun 1206 - 90 M. Di antara pemerintah-pemerintah yang terkenal ialah Iltutmisy (1211 - 1236 M) dan Balban (1266 - 1290 M). Empat tahun selepas Balban, kerajaan Ghori telah lenyap oleh Dinasti Khilji dari Afghanistan.

Kerajaan Mamluk di India

Kelahiran kerajaan Ghori di India telah membawa beberapa orang tokoh Mamluk masuk ke dalam pentadbiran kerajaan. Golongan Mamluk ialah orang Islam yang berasal daripada hamba sahaya yang telah merdeka. Mereka kebanyakannya daripada golongan hamba yang dibeli oleh orang Islam dari negeri-negeri yang berdekatan, atau pada mula-nya kanak-kanak dari bekas tawanan perang yang dipelihara, dididik dan diajar dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan, dan kemudiannya diberi peluang hidup bebas. Golongan tersebut ramai di antaranya yang bijak pandai, dan mereka secara beransur-ansur juga, dengan kebijaksanaan mereka telah berjaya membentuk kerajaan Islam yang dikenali dengan nama Mamluk. Kerajaan Mamluk di Mesir adalah amat terkenal di dalam sejarah Islam. Banyak kemajuan telah dibuat oleh kerajaan itu.

Di Delhi, India pula seperti yang telah dijelaskan orang Mamluk ini telah berjaya mengendalikan sebuah kerajaan Islam yang memakan masa 84 tahun iaitu di antara tahun 1206 - 90 M. Di antaranya pemerintah-pemerintah yang terkenal ialah **Iltutmisy** (1211 - 1236 M) dan **Balban** (1266 - 1290 M). Iltutmisy ialah seorang pemerintahan Islam yang besar, dan telah berjaya meluaskan pemerintahan Islam hinggalah ke Malwa pada tahun 1234 M. Jasa beliau yang paling besar ialah kerana tindakannya membendung kemaraan bangsa Tartar (Mongol) ke kawasannya. Dalam masa pentadbirannya tentera Tartar telah pun mara dan memusnahkan kekuatan Islam di Asia Tengah dan Barat, seumpama di Samarkand, Bukhara, Khawarizm dan kawasan-kawasan lain yang berhampiran hinggalah ke kota Baghdad. Raja Khawarizm yang terakhir Jalaludin Mankarbatii pernah datang ke Delhi meminta bantuan kepada Iltutmisy untuk menghancurkan tentera-tentera Tartar itu, tetapi permintaannya itu tidak dapat diterimanya kerana kekuatan tenteranya tidak setanding dengan kekuatan tentera Tartar itu.

Setelah Iltutmisy wafat, puteranya yang pertama Ghiathuddin Balban (1266 - 1290 M) menggantikannya. Beliau juga mempunyai jasa dalam meninggikan lagi pentadbiran kerajaan Mamluk di India itu, dan juga mempertahankan diri dari serangan bangsa Mongol (Tartar). Bangsa Mongol telah beberapa kali menyerang Punjab, tetapi kerana jasa-jasa Balban tujuan mereka itu telah berjaya dipatahkannya. Hal ini bukan sahaja telah mendapat sanjungan dari raja-raja Islam di India itu, tetapi juga telah mendapat penghargaan dari maharaja-maharaja Brahman hinggalah beliau diakui memakai gelaran 'Sultan'. Dalam pada itu juga, zaman Balban juga dipenuhi dengan berbagai-bagai kemajuan dalam bidang pembangunan dan juga ilmu pengetahuan.



EMPAYAR KESULTANAN DELHI SEMASA PEMERINTAHAN ALAUDDIN KHILJI

Maktab Nasiriya dibina dengan dorongannya. Dalam zamannya jugalah muncullah **Amir Khurso** seorang penyair yang terkenal di dalam sejarah kesusasteraan Islam di India.

Di samping keluarga Mamluk berkuasa di India, banyak lagi keluarga-keluarga Islam yang telah berkuasa di negeri itu sama ada serentak ataupun selepasnya. Sebuah daripadanya ialah keluarga **Khilji** (1290 - 1329 M). Salah seorang pemerintah dari keluarga ini yang terkenal ialah Alauddin Khalji 1295 - 1315 M), seorang pemerintah yang banyak membuat jasa kepada rakyat. Muhammad Tughluk (1325 - 1351 M) pula seorang pemerintah yang banyak berjasa dari keluarga Tughluk (1320 - 1413 M). Muhammad Tughluk bukan sahaja seorang tokoh politik yang terkenal, tetapi juga seorang ahli agama, ahli falsafah, ahli ilmu hisab, ahli astronomi dan ahli sastera yang masyhur. Keluarga-keluarga Islam lain yang terkenal berkuasa di India dewasa itu ialah keluarga Timur yang bermula dalam tahun 1398 M, Kerajaan Kashmir (1346 - 1540 M) dan lain-lain.

Kejatuhan Kerajaan Hindu Vijayanagar

Kerajaan Vijayanagar merupakan Kerajaan Hindu yang terkuat dan terkenal sekali bukan sahaja di India Selatan, tetapi juga di seluruh India pada zamannya. Kerajaan Vijayanagar telah menggandakan kegiatan militan yang cergas untuk menundukkan kerajaan Islam di sebelah utara. Serangan-serangan kerajaan ini telah berjaya menundukkan sebuah kerajaan kecil Islam yang dikenali dengan nama Ahmad-Nagar. Kekalahan Islam adalah disebabkan oleh perpecahan raja-raja Islam itu sendiri. Bagaimanapun hal ini kemudiannya telah mendatangkan keinsafan kepada raja-raja Islam itu. Tatkala Kerajaan Vijayanagar itu berjaya mengalahkan Ahmad Nagar, mereka telah melepaskan dendam dengan menganiaya kanak-kanak dan perempuan-perempuan Islam. Ramai gadis dan perempuan yang telah ditawannya dan dijadikan gundik raja-raja Hindu. Ada di antaranya yang dijatuhi hukuman bunuh dengan cara yang kejam.

Kejadian sejarah ini kesemuanya telah memberi kesedaran kepada raja-raja Islam. Mereka telah menginsafi bahawa perpecahan sesama mereka itu lebih banyak merosakkan daripada menguntungkan. Kalau mereka masih terus-menerus berpecah belah mereka akan dihancurkan terus oleh Kerajaan Hindu itu. Bagi mengatasi masalah ini empat buah kerajaan Islam yang besar, iaitu Ahmad -Nagar, Baijapur, Gholkond dan Bidar telah menyusun satu barisan tentera Islam yang besar bagi menyerang-balas langkah Kerajaan Vijayanagar itu. Orang Hindu telah menyusun pertahanan dengan rapi untuk mempertahankan kerajaan itu yang dianggap oleh mereka sebagai benteng akhir kebudayaan

Hindu, di India. Raja Vijayanagar bersama-sama tenteranya telah mempertahankan negeri itu secara bersungguh-sungguh, tetapi berkat kekuatan dan kerjasama angkatan Islam, pertahanan Vijayanagar telah berjaya dihancurkan, dan rajanya yang terakhir telah terbunuh pada tahun 1565 M.

Bahan-bahan Sejarah Kedatangan Islam ke Negeri China

"Tuntutlah Ilmu Walaupun Ke Negeri China" Maksud Hadis ini bukan sahaja menunjukkan bahawa Islam menggalakkan penganutnya menuntut ilmu pengetahuan walau ke mana-mana juapun, tetapi juga menunjukkan bahawa negeri China telah dikenali oleh orang Arab khasnya yang menghuni Semenanjung Arab semenjak zaman Nabi Muhammad lagi, iaitu kira-kira dalam abad ke-7. Sungguhpun kenyataan ini tidak berdasarkan kenyataan sejarah yang kukuh, lantaran mungkin ketiadaan sumber yang boleh dijadikan pegangan atau mungkin masih terpendam lagi, tetapi besarlah kemungkinannya semenjak abad tersebut lagi dan harus juga dalam Zaman Jahiliah lagi mereka pernah membuat perhubungan dengan penghuni-penghuni negeri China sama ada menerusi perniagaan ataupun sebagainya. Mungkin juga orang Arab mengenal negeri China secara samar-samar sahaja dari pada kafilah-kafilah di utara umpamanya dari Khurasan dan Trans-Oxiana yang pernah ke negeri China dan membawa berita tentangnya semasa mereka mengunjungi Makkah.

Di samping itu harus juga orang Arab mengenali negeri China dalam zaman tersebut menerusi orang Syria dan Iraq yang sering membuat perhubungan perniagaan dengan orang Khurasan dan Trans-Oxiana. Sumber ini adalah lebih menepati kepada sejarah, lebih daripada sumber yang pertama tadi, kerana semenjak zaman sebelum Islam lagi orang Arab dari Semenanjung Tanah Arab sering menghantarkan kafilah-kafilah mereka ke negeri Syria dan Iraq, sementara penghuni-penghuni Lembahan Furat dan Lembahan Tigris, termasuklah orang Syria dan Iraq tersebut telah mempunyai tamadun yang tinggi semenjak Nabi Allah Nuh lagi. Mereka yang dalam zaman tersebut dikenali sebagai bangsa Babylonia, Ibrani, Phoenisia, Sumerian dan lain-lain telah maju bukan sahaja dalam bidang perdagangan tetapi juga dalam bidang politik. Pada abad ke-6 M terdapat dua buah negara Arab iaitu di Syria dan al-Hirah. Memandangkan tamadun ini, kenyataan yang memaparkan adanya perhubungan perdagangan atau politik di antara penghuni-penghuni Timur Tengah dengan negeri China seterusnya dengan Semenanjung Tanah Arab pada zaman itu bolehlah diyakini.

Sejarah kedatangan Islam ke negeri China kurang diketahui dan

diselidiki oleh pakar sejarah lama. Tidak begitu banyak buku-buku sejarah yang mengenai perkembangan Islam ataupun negeri China yang menyingskap secara terperinci tentang ini. Kurangnya minat ahli sejarah membongkar sejarah Islam di negeri China adalah bertalian dengan ketiadaan sumber-sumber sejarah yang lebih berdasarkan kenyataan soal-soal yang berhubung dengan sejarah kepentingan material. Kebanyakan ahli sejarah moden yang membongkar kedudukan Islam di negeri China ini mengambil sumber-sumber sedutan mereka daripada hikayat-hikayat, rekod-rekod cerita mulut dan sumber-sumber yang dihasilkan oleh penulis-penulis lama China dan Arab. Banyak di antara bahan tersebut yang mempunyai asas-asas yang samar-samar dan kurang menjelaskan bumi kenyataan. Walaupun begitu asas-asas ini boleh diakui setelah diolah dan ditimbang sesuai dengan ciri-ciri sejarah moden.


Permulaan Kedatangan Islam ke Negeri China

Perhubungan di antara orang Arab dengan negeri China ini mengikut beberapa sumber selain daripada di atas telah pun bermula semenjak perhubungan di antara orang Arab dan orang India di satu pihak dan di antara orang China dengan orang India di pihak lain. Dalam abad yang ke-6 M dan ke-7 lagi menurut beberapa hikayat China, pernah beberapa orang saudagar China bertukar barang dengan orang Arab di pelabuhan India dan Ceylon (Sri Lanka).

Dalam zaman Dinasti Tang (618 - 907 M) banyak buku sejarah yang ditulis pada masa ini memaparkan perhubungan di antara orang Arab dan China yang menyebut tentang adanya kelahiran suatu kepercayaan baharu di Madinah. Pusat perhubungan perniagaan mereka yang terpenting ialah di Siraf, Teluk Parsi.

Sebuah buku yang membentuk sejarah bagi negeri China yang bernama *The Annal of Kwantung* ada menyebutkan tentang perhubungan perniagaan di antara dua bangsa besar itu. Sebuah dari kisahnya ialah tentang kedatangan saudagar-saudagar Islam ke negeri China menerusi kerajaan Annam di Kemboja dalam zaman Dinasti Tang itu juga. Mereka dikatakan datang dari Madinah, mempercayai keesaan Tuhan dan menyembah Tuhan dengan suatu cara yang amat berbeza dengan yang biasa mereka buat. Selanjutnya buku itu menegaskan orang-orang yang dikatakan datang dari Madinah itu disebut oleh orang China sebagai *Hui-Hui* dan pernah membangunkan bangunan yang indah. Madinah ditegaskannya tidak jauh dari India, tetapi orang-orangnya yang mereka temui itu mempunyai kebudayaan yang berbeza daripada orang Hindu dan penganut-penganut Buddha.

Ini ganjil pada orang China, tambahan pula apabila didapatinya



KEDATANGAN ISLAM KE NEGERI CHINA

mereka tidak pernah makan daging babi jauh sekali daripada minum-minuman keras.

Perhubungan di antara orang-orang Arab dengan orang China ini lebih ketara lagi dalam zaman Khalifah Ali (656 - 661 M), iaitu apabila Yazid, raja Parsi terbunuh, dan seorang pembesarnya Firus telah pergi ke negeri China meminta bantuan ketenteraan. Meskipun permintaan yang bermaksud untuk menyingkirkan kuasa Arab di Parsi tidak mendapat layanan yang memuaskan, namun adalah merupakan bukti betapa eratnya pertalian di antara negeri China dengan Timur Tengah. Sebelum itu di dalam zaman khalifah Uthman (644 - 656 M) iaitu kira-kira pada 651 M seorang duta telah dihantar ke negeri China sebagai memulakan perhubungan diplomatik di antara dua bangsa besar itu. Penghantaran duta-duta ini amatlah penting sekali, bukan juga untuk perniagaan tetapi juga dari bidang siasah, terutamanya dari ketenteraan.

Perhubungan di antara kedua-dua bangsa besar itu lebih pesat lagi apabila bani Umayyah menguasai Islam. Dalam masa Khalifah Walid bin Abdul Malik (705 - 715 M) memerintah, perkembangan kuasa Islam telah meluas sehingga ke perbatasan negeri China di Timur Laut. Qutaibah bin Muslim seorang panglima agung Kerajaan Bani Umayyah pada zaman itu telah mengambil peranan ini. *Qutaibah bin Muslim* begitu cemerlang sekali menyerang apabila pada tahun 710 - 12 M berjaya menawan Samarqand dan Khwarizam. Pada tahun 713 M dia selepas menakluki Trans-Oxiana telah berjaya memintasi Sungai Jaxartas dan kemudiannya menawan Ferghana. Samarqand, Khwarizam dan Ferghana berikutnya telah menjadi pusat kebudayaan Islam di Asia Tengah. Pada masa itu juga Khalifah Walid telah menghantar seorang duta ke negeri China. Dari sini mengikut *al-Tabari* dan ahli sejarah Islam yang lain, Qutaibah bin Muslim pada tahun 715 M telah berjaya menawan Kashagar di Turkestan China sebuah wilayah di perbatasan dan kemudiannya telah sampai ke tanah besar negeri China.

Dalam masa kerajaan Bani Umayyah di bawah pentadbiran Hisham bin Abdul Malik (724 - 43 M) gerakan memperluas jajahan takluk ini telah dilanjutkan oleh *Nasir (Nasr) bin Sayyur* gabenor Trans-Oxiana. Beliau telah menjalankan gerakan di antara tahun 738 - 43 M mengambil semula wilayah yang telah ditakluki oleh Qutaibah, dan menawan beberapa wilayah lain. Mengikut sebuah *Hikayat China* (China Annals) dalam zaman Khalifah Hisyam iaitu pada tahun 726 M pernah seorang duta dari Damsyiq dihantar ke negeri China. Pada masa itu negeri China ditadbirkan oleh **Shuan Tsung**. Duta tersebut bernama Sulaiman.

Perhubungan di antara negeri China dengan orang Islam bertambah erat lagi apabila dunia Islam dikuasai oleh Kerajaan Bani Abba-

siyah yang berpusat di Baghdad. Dalam rekod-rekod China banyak menyebut tentang kerajaan ini. Gelaran *Amir al-Mu'minin* disebut sebagai *Hanmi-Ma-Ma-Ni, Abu-al-Abbas* khalifah yang pertama dikenali *A-Ba-La-Ba*, sementara al-Harun disebut *Alun*. Dalam masa pemerintahan al-Mansur pernah kerajaan negeri China meminta bantuan ketenteraan kepada Bani Abbasiyah. Pada masa ini duta al-Mansur (754-775 M) di negeri China masih lagi Sulaiman, dan maharaja yang memerintah di sana ialah Su Tsung yang telah mewarisi takhta ayah-andanya Shuan Tsung pada tahun 756 M. Permohonan bantuan ini dibuat berikutan dengan meletusnya satu pemberontakan yang dilakukan oleh rakyatnya sendiri. Mengikut riwayatnya al-Mansur telah menghantar bantuan tentera, dan dengan bantuan ini dua buah bandar iaitu Si Ngan dan Honan telah dapat dibebaskan dari tangan pemberontak-pemberontak. Tentera yang dihantar tersebut tidak mahu lagi kembali ke tanah asal mereka di Timur Tengah kerana mereka malu dengan anggapan yang dilontarkan oleh rakyat Islam di negerinya sebagai tidak suci lagi. Mereka dianggap mendampingkan dirinya dengan daging-daging babi dan minuman keras, tetapi anggapan ini tidaklah benar, mereka tetap mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Tentera tersebut kemudianya telah diterima menjadi rakyat China. Mereka telah berkahwin dengan perempuan-perempuan tempatan dan menyebarkan agama Islam di sana. Menurut satu *Hikayat China* yang ditulis oleh seorang China Islam, seorang daripada bapa saudara Nabi Muhammad sebelah bondanya turut sama mengembangkan Islam, dan makamnya kononnya boleh kita lihat di Canton sekarang.

Sebuah buku *Hikayat China* yang mengandungi cerita-cerita yang boleh dianggap bersifat sejarah di antara tahun 713 - 42 M menyebut tentang orang Arab yang datang ke negeri China itu belum lagi bertamadun. Hal ini tidaklah menghairankan, kerana orang China terkenal dengan "dasar keturunan" nya, iaitu satu pandangan bahawa hanya orang China sahajalah yang telah bertamadun. Sementara itu kemajuan perdagangan di Timur Tengah dalam zaman kerajaan Bani Abbasiyah itu telah memasyhurkan lagi negeri China di Timur dan di Barat. Kota-kota Bagdad, Nishapur, Meru dan Bukhara telah menjadi tumpuan seluruh saudagar di timur dan barat, terutamanya dari India, China, Turki, Itali, Perancis dan sebagainya. Semasa Khalifah Harun al-Rasyid (786 - 908 M) memerintah, kemajuan perniagaan ini telah meningkat ke puncak. Di antara negeri yang telah memainkan peranan penting dalam bidang ini ialah China, sebagaimana yang tersebut di atas. Kain sutera, tiraz, pinggan-mangkuk, teh dan kertas ialah di antara barang-barang eksport negeri China yang utama. Menerusi saudagar-saudagar Arab yang berdampingan dengan saudagar-saudagar China ini, kertas telah diperkenalkan kepada dunia Barat. Dalam

tahun 800 M perdagangan kertas yang dilakukan oleh orang-orang Arab ini telah menjalar ke Mesir dan kemudiannya pada tahun 900 M ke Sepanyol.

Kedudukan Islam di Negeri China

Perhubungan perniagaan dan politik tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan Islam merebak ke negeri China. Maharaja China pada umumnya memberi layanan yang memuaskan kepada saudagar-saudagar Islam dan pemeluk-pemeluk Islam yang menghuni negeri itu. Sepanjang yang dapat dibongkar oleh ahli-ahli sejarah tidak terdapat layanan yang tidak menyenangkan atau penindasan berlaku kerana orang Islam tidak menodai hak ketuanan mereka. Dalam masa kuasa Mongol bermaharajalela di Timur Tengah iaitu di antara tahun 1279 - 1868 M ramai orang Arab dan Turki yang berhijrah ke negeri China sebagai pelarian. Keadaan ini samalah seperti dalam masa negeri China dikuasai oleh Mongol (1211 - 13 M) di mana ramai orang China memerlukan perlindungan di Timur Tengah. Suasana yang seumpama ini telah meramaikan lagi penganut Islam di negeri China.

Pada masa negeri China dikendalikan oleh negeri Mongol, kedudukan penganut Islam di sana tidaklah terancam keselamatannya, malahan mereka telah mendapat layanan yang baik daripada Maharraya. Dari suatu sumber sejarah yang kukuh, dalam zaman tersebut pada tahun 1244 M seorang Islam bernama Abdul Rahman dilantik sebagai pegawai tinggi yang bertugas sebagai ketua pemungut cukai di sebuah wilayah di negeri China. Sementara itu pula pada tahun 1259 M semasa Kublai Khan (1254 - 1294 M) memerintah negeri China, *Umar Shamsuddin* atau lebih terkenal dengan gelaran Syed Ajjal dilantik sebagai pengurus kewangan dan kemudiannya menjadi gabenor Yunan. Keturunan Syed Ajjal inilah yang telah mengambil peranan besar dalam menyebarkan Islam di negeri China. Pada tahun 1335 M, cucu Syed Ajjal telah mendapat persetujuan daripada kerajaan Mongol untuk mengakui Islam sebagai salah satu agama yang suci. Layanan-layanan baik yang diberi oleh Kublai Khan itu telah diakui oleh pengembara-pengembara agung Marco Polo dan Ibnu Batutah, yang dapat menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri semasa mereka mengunjungi negeri China.

Selepas kuasa Mongol luput dari negeri China timbul pula kuasa Dinasti Ming namun keadaan tersebut tidak berubah kecuali dalam beberapa aspek yang tertentu. Chu Yuang Chang maharaja Dinasti Ming yang mula berkuasa pada tahun 1368 M telah mengeluarkan polisi tidak membenarkan orang-orang asing datang ke negeri China dengan niat bermastautin di sana. Polisi ini telah melibatkan kedatangan orang Islam yang bergiat sebagai mubaligh-mubaligh, tetapi undang-undang

baru ini tidaklah menyekat perkembangan Islam di sana. Usaha-usaha penyebaran terus dijalankan walaupun terhad dikalangan orang-orang Islam yang sedia bermastautin di negeri China. Pada masa itu banyak masjid didirikan di Si Ngan dan Nanking. Kebenaran pembinaan masjid ini bertambah meluas pada tahun 1618 M, iaitu apabila Hung Wu menjadi maharaja.

Pada masa India dikuasai oleh kerajaan Islam sebelum Moghul pada tahun 1405 M Amir Timur telah membuat rancangan untuk menyerang negeri China. Rancangan ini terpaksa dibatalkan, kerana beliau yang menjadi panglima tertinggi dalam angkatan ini telah gering dan wafat ketika sampai di perbatasan negeri China. Seorang dari putera Timur Syah Rukh (1404 - 47 M) telah menggantikannya. Beliau pernah menghantar seorang duta ke negeri China. Syah Rukh merupakan pembina besar empayar Timur. Beliau telah membuat jasa yang tidak dilupai dalam perkembangan Islam di India. Kemudian Bahadur Syah (Syahru Bahadur) cucunda kepada Mahmud Beghara seorang pemerintah kerajaan Islam di Delhi yang pernah menentang Portugis di Goa telah mengirimkan utusan ke negeri China meminta maharaja China itu memeluk agama Islam.

Menurut perangkaan kasar yang dibuat oleh *Syed Ali Akbal* tokoh Islam yang tinggal di Peking dalam abad ke-16, kawasan *Kejangfu* ialah kawasan yang ramai sekali dihuni oleh penganut-penganut Islam, iaitu kira-kira 30,000. Penduduk Islam tersebut hidup dalam aman dan mereka tidak dikenakan cukai. Syed Ali Akbal menegaskan lagi di kawasan tersebut terdapat beberapa mubahilah dan terdapat 94 buah masjid.

Layanan baik ini terus berkekalan sehingga dalam zaman Dinasti Manchu (1644 - 1911 M), tetapi dalam zaman ini satu pemberontakan kecil telah berlaku di sebuah kawasan Islam pada tahun 1664 M. Pada tahun 1777 M Emperor Yung Cheng pula telah menyanjung orang Islam dan mereka tidak lagi dianggap rendah. Seorang lagi maharaja dinasti Manchu yang memberi sanjungan kepada penganut-penganut Islam ialah emperor Kian Lung yang mula berkuasa pada tahun 1751 M. Beliau pernah meminta pertolongan daripada dua orang kerajaan Turkey Beg untuk menghapuskan pemberontakan yang diletuskan oleh pem-besar-pembesarnya di utara di kawasan yang berhampiran dengan Kashagar. Dengan bantuan tersebut pemberontakan itu dapat diamankan dan orang Islam mula menduduki kawasan itu.

Beberapa punca telah menegaskan bahawa emperor Kian Lung memperisterikan seorang perempuan Islam dan kerana perkahwinan ini beliau telah membina sebuah masjid pada tahun 1763 M. Kian Lung memanglah mengambil berat tentang Islam. Minat ini telah mendorongnya menyuruh orang Islam lain menulis hal-ehwal Islam dalam

beberapa loghat China. Selepas pemberontakan di Zungaria pada tahun 1770 M, Kian Lung telah menghantar seramai 10,000 orang askarnya untuk menduduki kawasan itu. Ramai antara mereka telah memeluk agama Islam lantaran berhampiran dengan kawasan Islam. Islam di negeri China kebanyakannya disebarluaskan oleh askar-askar. Ho Fo Yan seorang China yang beragama Islam telah membuat laporan tentang pengembangan Islam secara besar-besaran pada tahun 1783 M. Lagi satu cara penyebar Islam di China menambah lagi pemeluk Islam ialah dengan cara membeli anak-anak China yang menjadi mangsa kebuluran akibat banjir besar, gempa bumi dan sebagainya, seumpama yang berlaku di Chantung dan Kwangtung.

Pada tahun 1790 M seramai kira-kira 10,000 kanak-kanak China telah dibeli oleh mubaligh-mubaligh Islam. Cara membeli kanak-kanak ini telah juga dibuat oleh mubaligh-mubaligh Kristian. Tahun 1895 M ialah kemuncak kejayaan penyebaran Islam di negeri China. Dalam tahun ini mengikut sebagaimana yang diceritakan oleh Syed Sulaiman sebanyak 30 buah masjid telah dibina di Peking. Orang Islam kebanyakannya telah tinggal berkelompok-kelompok dan mereka tidaklah diasangkan. Di samping itu terdapat juga orang China Islam yang tidak mahu berterang-terang kepada pemerintah, tetapi mereka secara rahasيا tetap menjalankan kehidupan Islam. Keadaan ini mungkin berlaku semata-mata untuk memelihara keselamatan mereka dari ancaman-ancaman sekitarnya. Di Negeri China pada umumnya agama Islam tidak dapat mengubah seratus peratus kebudayaan penganut Islam. Mereka tetap mengamalkan kebudayaan masing-masing kecuali apabila mengunjungi masjid. Bangunan masjid di negeri China tidak banyak menerima pengaruh Arab ataupun Moor sepermulaan yang dianuti oleh negeri-negeri Islam lain. Masjid-masjid mereka mencontohi bangunan-bangunan pagoda atau rumah tokong yang ada di sana tetapi bentuk-bentuk seumpama ini tidaklah melenyapkan ciri-ciri yang dituntut oleh ajaran Islam.





KERAJAAN MOGHUL DI INDIA

Kerajaan-kerajaan di India

Pada penghujung abad ke-15 M, terdapat beberapa kerajaan Islam di India. Antaranya ialah kerajaan Sultan Lodhi di Delhi, sebuah kerajaan Islam yang terbesar sekali, di samping kerajaan Islam di Punjab, Longah, Sind, Gujerat, Malwa, Benggala, Khandesh, Ahmad-Nagar, Berar, Bijapur, Bidar dan Golconda. Di sekitarnya terdapat kerajaan Hindu Rajput, Gondwana, Orissa dan yang terbesar sekali ialah Kerajaan Vijayanagar di India Selatan.

Sebelum kelahiran beberapa kerajaan kecil Islam yang terkemudian di Deccan, Kerajaan Besar Bahmani telah dibahagi kepada lima kerajaan kecil yang tersendiri, setelah bertelagah selama dua abad dengan Kerajaan Vijayanagar. Kerajaan kecil tersebut terutamanya kerajaan Bijapur dan Galconda telah mencapai kejayaan besar dan telah memelihara kebudayaan Islam. Sebuah kerajaan kecil di Kabul pada permulaan abad ke-16 telah menjadi sebuah empayar yang besar. Tokoh yang bertanggungjawab ke atas kejayaan ini ialah **Zahiruddin Baber**, yang juga telah memperkenalkan tamadun Moghul di India hingga pertengahan abad ke-19. Keharuman tamadun Moghul di India ini telah mewarnakan sejarah India dengan corak yang paling mengagumkan.

Zahiruddin Baber (1482-1530 M)

Zahiruddin Baber adalah keturunan daripada Amir Timur, dan telah mewarisi *Kerajaan Kecil Timur* (Timurid) di Farghana di Asia Tengah. Apabila beliau mewarisi takhta Kerajaan Timur, beliau telah bermuafakat dengan putera-putera Timur untuk menakluki Samarkand. Pada tahun 1504 M Zahiruddin telah berjaya menawan Kabul ibu negeri Afghanistan, diikuti dalam tahun 1505 M beliau mara ke India menerusi Khyber Pass, kemudian ke selatan ke Kota Kahat. Dari sini beliau telah menentang Dera Ghazi Khan kemudiannya Tarbila di Multan.

Seterusnya Zahiruddin telah menghalakan tenteranya ke wilayah-

wilayah di bahagian barat, dan telah tinggal di sana untuk beberapa lama. Putera-putera Timur di Trans-Oxiana mempunyai musuh yang amat dicurigai di Uzbeg Turk, di Timur Laut. Akibat permusuhan ini, Zahiruddin dan putera-putera lain telah mengalami kepahitan dalam arena politik. Syabani Khan pemimpin Uzbeg Turk telah menakluki Asia Tengah, dan kemudiannya memasuki Khurasan. Kerajaan Timur tidak berupaya untuk menentang mereka, tetapi Islail, raja Safavid (Safavid Syah) yang baharu telah berjaya menawan mereka. Putera-putera Timur telah mengembalikan kedudukan mereka dan sepupu Zahiruddin, Mirza Haidar telah mengembalikan kerajaan Baber di Farghana.

Zahiruddin Baber kini telah bergerak ke utara menawan Bukhara dan Samarkand, dan akhirnya telah mewarisi takhta nenek moyang Amir Timur di sana. Tetapi keagungan ini tidaklah lama, kerana kemudiannya kuasa Uzbeg telah bangkit kembali, di bawah pimpinan Ubaidullah Khan, bapa saudara Syaybani Khan yang telah mengambil Farghana dan Samarkand. Baber telah kembali ke Kabul dengan mimpinya hendak menakluki India.

Zahiruddin Baber telah bangun semula pada tahun 1519 M dengan memasuki Khyber Pass dan menawan Bajaur, di tempat keturunan Yusuf Zais tinggal. Beliau menyeberangi Sungai Indus, lantas menakluki Bhera. Di sini beliau telah diminta bekerjasama oleh Alam Khan untuk menggempur Ibrahim Lodhi di Delhi. Baber juga telah menerima permohonan yang sama dari Rana Sanga, raja Rajput di Mewar. Ibrahim telah mengirimkan General Bahar Khan ke Lahore untuk menentang ancaman, tetapi ia dengan mudahnya telah ditundukkan oleh Baber.

Alam Khan telah menawarkan Lahore kepada Baber, kerana jasanya menewaskan Ibrahim. Baber menerima tawaran ini, malah beliau telah memberi satu batalion askar berkuda dan dua orang general yang cekap kepada Alam Khan. Kemudiannya beliau telah kembali ke Kabul, kerana didapati Uzbeg mencerobohi perbatasan utara wilayahnya. Sementara itu Alam Khan telah mara ke Delhi, tetapi dengan mudah dapat ditumpaskan oleh tentera Ibrahim.

Kekalahan Alam Khan ini telah menimbulkan kemarahan Baber. Beliau telah meninggalkan pertarungannya dengan Uzbeg, dan bersedia menentang Ibrahim pula. Pada tahun 1526 M, dengan kelengkapan modennya beliau telah bertolak dari Lahore ke padang Panipat untuk bertemu dengan kesatuan tentera Afghan di bawah pimpinan Ibrahim. Pada 21 April 1526 M pertempuran dahsyat berlaku, Baber telah melengkapi tenteranya dengan senapang, manakala Ibrahim hanya dengan askar-askar bergajah sahaja. Ibrahim terbunuh, ibu kota wilayah itu dan kota Agra telah juga jatuh ke tangan Baber.

Rana Sanga mengumpulkan segala kekuatan Rajput bagi menentang Baber. Angkatan ini sangatlah besar dan Baber tahu kelemahan tenteranya, lantas dipecahkan bekas-bekas air, dibuangkan segala minuman keras, dengan harapan Allah akan sentiasa di sampingnya. Pertempuran berlaku pada 16 Mac 1527, dengan kemenangan di pihak Baber. Rana Sanga terbunuh, dan Rajput jatuh ke pangkuannya. Baber diisyiharkan sebagai raja di India Tengah. Kemudiannya beliau menakluki Doab, dan seterusnya mara ke timur mengalahkan kesatuan tentera-tentera Afghan di Patna. Kejayaan ini telah mencatatkan sejarah keemasan bangsa Moghul di India. Tapak kerajaan yang dibina oleh Baber ini berkekalan hingga dua abad – kuasa Moghul berkuasa di India. Baber mangkat dalam usia 48 tahun, setelah memerintah selama 30 tahun dengan meninggalkan kejayaan yang cemerlang.

Humayun (1530 – 40 M)

Tempat Baber telah diwarisi oleh putera sulungnya Humayun pada 1530 M dan berkuasa selama 10 tahun. Beliau merupakan pemerintah yang cekap, berani, dan cergas. Adiknya Kamran dijadikan gabenor di Kabul, Kandahar dan Punjab, sementara saudaranya Askari dilantik menjadi gabenor di Sambhal, Hindal dan Alwar. Humayun menghadapi musuhnya Afghan. Bihar ialah sebuah tempat bagi Mahmud Lohdhi memegang panji-panji pemberontakan, dan pusat bagi kekuasaan Afghan. Pada 1523 M Mahmud Lodhi telah bergerak ke barat, lantas menakluki Jaipur. Humayun bertemu dengannya berhampiran Lucknow dan telah menewaskan Mahmud Lodhi dalam peperangan Dara.

Satu pemberontakan yang diketuai oleh Sher Khan daripada Chunar telah meletus di Afghan. Humayun telah mara ke Chunar untuk menghapuskan pemberontakan ini, tetapi Sher Khan seorang yang bijak. Dia menyedari tentang kelemahan pihaknya. Lantaran ini ia telah menawarkan perkhidmatan puteranya Qutub Khan bersama-sama 500 tentera berkuda kepada Humayun. Humayun telah menyambut tawaran ini, dan telah membatalkan rancangannya. Satu lagi tuntutan Humayun: Alam Khan sepupu Ibrahim dan Muhammad Zaman Mirza iparnya sendiri yang berselindung di istana Bahadur Shah di Gujerat hendaklah diserahkan kepadanya. Tetapi Bahadur Shah telah menolak. Ini menyebabkan Humayun mara ke Gujerat dan mendapat Bahadur sedang berperang dengan Rajput di Chittor. Humayun telah menunggu sehingga peperangan itu tamat. Kemudian beliau dengan senang sahaja menawan kedua-dua kerajaan di bahagian barat iaitu Malwa dan Gujerat, dan beliau sendiri tinggal di Malwa. Semasa

Humayun tinggal di Malwa Afghan di Bihar telah mengambil peluang menguatkan kedudukannya.

Humayun dan Sher Khan

Sher Khan pemimpin yang kuat jiwa keagamaannya, dan yang telah membawa rakyat Afghan ke arah kemajuan. Ayahnya, Hassan Khan telah menjadi jagirdar dalam kerajaan Jaunpur, tetapi Sher Khan memegang jawatan sebagai konsular pemerintahan Bihar, dan kemudiannya telah menjadi timbalan gabenor dan pengawal peribadi raja muda. Dalam masa yang singkat sahaja, beliau mempunyai pengaruh yang besar dalam kerajaan tersebut. Kuasanya telah bertambah apabila beliau mengahwini puteri pembesar di Chunar, Sher Khan kemudian menjadikan tempat tersebut sebagai kubu yang terhandal baginya. Kekuatan beliau bertambah apabila beliau berjaya menewaskan Lohani Afghan daripada Bihar yang telah meminta pertolongan dari Mahmud Shah Raja Benggala. Beliau telah mendapat gelaran Sher Khan Suri dan menguasai Bihar dan Bengal (Benggala) sekali.

Humayun kemudian telah memulakan gerakannya dengan mengepung Chunar, tetapi didapatinya Sher Khan pada masa ini berada di Bengal. Humayun telah mara ke Bengal, tetapi Sher Khan lebih bijak lagi, beliau telah mengarahkan tenteranya ke Timur, lantas menduduki Jaunpur. Sementara itu Humayun sedang sibuk mengepung Gaur, ibu kota Bengal. Kebetulan pada masa itu musim tengkujuh, ramai tentera-tentera Humayun menghidap penyakit, dan menemui ajalnya. Oleh itu beliau berikhtiar dengan sepenuh tenaga dan cuba berpatah balik, tetapi malangnya pada tahun 1539 M beliau telah bertemu dengan angkatan-angkatan Sher Khan yang lebih kuat di Chaunsa. Pertempuran berlaku, pihak Humayun menderita kekalahan. Humayun melepaskan diri ke Delhi meminta bantuan daripada saudara-saudaranya di sana, tetapi hampa. Di sini beliau buat kali keduanya telah mengumpulkan saki-baki tenteranya, dan menentang Sher Khan, tetapi beliau sekali lagi tewas, kali ini di Bilgram. Humayun lari ke Agra, kemudiannya ke Lahore, Sher Khan sebagai kilat telah menduduki Agra dan Delhi. Dari sini beliau menghantar tentera-tenteranya melawan Humayun. Humayun tewas lagi, beliau telah berlepas lari ke Multan. Ketewasan ini telah menyebabkan Humayun tersingkir di mana-mana.

Di Sind, Humayun telah mengahwini Hamida Bano puteri Syeikh Ali Akbar Jami pada tahun 1541 M. Setahun kemudian mereka telah memperoleh seorang putera di Amarkot, sebuah bandar kecil di Sind Utara dan dinamakan Akbar. Beberapa bulan berikutnya Humayun telah berpindah ke Kahdahar yang diperintah oleh saudaranya, Askari. Dalam perjalanan Askari telah menyerang Humayun dan menawan

Putera Akbar, tetapi beliau bersama-sama isterinya berjaya melepas-kan diri. Humayun berlepas ke Herat, dan dari sana beliau pergi ke istana kepunyaan Shah Tahmasp. Ayahnya Shah Ismail ialah sahabat karib Baber. Humayun telah meminta pertolongan daripada Shah Tahmasp, dan beliau setelah membuat pertimbangan beberapa lama telah menetapkan bantuan 14,000 tentera berkuda kepadanya. Dengan bantuan ini Humayun telah berjaya kembali ke Afghanistan pada pertengahan tahun 1545 M. Dari sini beliau mara ke Kandahar dan menaklukinya. Sungguhpun pada mulanya Humayun marah kepada saudaranya Askari, tetapi beliau membatasi kemurkaan ini lantaran Askari telah memelihara puteranya Akbar dengan baik.

Kemudian Humayun telah bergerak ke timur laut dan menakluki Kabul, setelah Kamran dapat ditundukannya. Di sini Humayun telah dapat bertapak kembali di Afghanistan setelah ditinggalkannya selama lima tahun, iaitu semenjak beliau ditewaskan oleh Sher Khan pada tahun 1540 M. Afghanistan dua puluh tahun yang lampau adalah dikuasai oleh ayahnya, Baber. Kemudian Humayun telah meneruskan rancangannya untuk melepaskan dendam kepada saudaranya, tetapi rancangan ini telah dijalankan dengan tolak ansur. Humayun telah memaksa saudaranya Askari ke Makkah menunaikan fardu haji, tetapi dia telah meninggal di perjalanan. Seorang lagi saudaranya Hindal telah gugur di dalam satu pertempuran pada tahun 1551 M. Sementara itu Kamran telah melarikan diri ke Punjab, tetapi dapat diberkasnya dan dipaksa oleh Humayun ke Makkah dan meninggal di sana. Peristiwa ini memberi kebebasan pada Humayun untuk bergerak menakluki wilayah-wilayah di India.

Sher Khan Suri (1540 – 1545 M)

Humayun dan Bairan Khan (Panipat – 1556 M)

Kekuatan Sher Khan Suri di beberapa wilayah di India adalah meng-kagumkan. Dari Bengal (Benggala) beliau menguasai kawasan Indus dan menjadi emperor di sana. Pemberontakan orang Ghakkar di Barat Laut Punjab telah dapat dihapuskan. Beliau telah dapat menawan kembali Kota Malwa dan Raja Puran Maldari Chandari telah didendanya lantaran menghina perempuan Islam. Rana Mulder pemerintah Mewar ibu negeri Rajput telah mula mengembangkan kekuasaannya. Dia mempunyai angkatan tentera yang kuat, tetapi akhirnya dapat juga ditewaskan oleh Sher Khan di Ajmer, dan Rajput dapat dikuasainya.

Sher Khan Suri berkuasa selama lima tahun sahaja, tetapi telah banyak membuat kejayaan. Beliau bukan sahaja seorang politikus yang cekap, tetapi juga seorang pahlawan yang tidak pernah tewas. Sher Khan Suri telah membahagi empayarnya kepada dua bahagian iaitu

Sarkans dan Parganas. Di sini banyak perkhidmatan awam yang berkesan telah dibuatnya. Kebijaksanaannya dalam pentadbiran dapat dilihat apabila beliau sentiasa memindahkan pegawai-pegawai kerajaannya supaya lebih dinamik lagi. Di samping itu beliau juga telah memperbaiki sistem tanah di India yang kemudiannya telah dilanjutkan oleh Raja Todar Mal menteri emperor Akbar. Banyak jalan raya dan jalan kafilah telah dibinanya. Sebuah jalan yang terbaik ialah di antara Induska ke Bengal Timur. Beliau juga menubuhkan sistem polis, ketua-ketua kampung dan mengadakan perhubungan di antara Islam dengan Hindu.

Sher Khan digantikan oleh puteranya Salim Shah. Selama sembilan tahun pentadbirannya empayar warisan Sher Khan dalam aman tetapi setelah Salim wafat secara kebetulan Humayun telah bangkit semula di Kabul. Kebangkitan kuasa Moghul ini telah dimulakan dengan kemaraannya ke Lahore pada bulan Februari 1555 M. Humayun telah berjaya mengalahkan pemerintah keturunan Sur di Sirhid dan dapat menawan Delhi, sebuah bandar yang dijadikan asas kemunculan semula kuasa Moghul di India. Humayun telah mangkat dalam usia 40 tahun, dan puteranya Akbar ketika itu berusia 13 tahun.

Humayun telah mewariskan Akbar kepada seorang pengawal peribadinya Bairam Khan. Akbar dewasa itu berada di Punjab, lantaran ini Bairam Khan telah pergi ke sana dan memahkotakannya di Kalanaur sebuah kampung di Daerah Gurdaspur dalam Punjab Timur. Sementara itu Adil Shah Suri Raja India yang terakhir, memerintah di India Tengah, disamping itu keturunan Sur-sur lain yang menguasai Bihar dan Bengal, Sind dan Multan berpecah belah. Hamu, ketua menteri Adil Shah telah menduduki Agra dan bergerak ke Delhi. Gabenor Moghul di Delhi, Tardi Beg telah menentangnya, tetapi tewas. Berikutnya Hamu telah membelaangi penghormatannya terhadap Adil Shah, dengan memahkotakan dirinya sebagai Raja India dengan gelaran Raja Vikramjit. Mendengarkan berita ini Bairam Khan telah bertindak terhadap Hamu pada 5 November dan Peperangan Panipat Yang Kedua telah berlaku. Peperangan ini ditamatkan dengan ketewasan di pihak Sur, dan Hamu telah terkorban. Delhi dan Agra telah dapat diduduki semula oleh kuasa Moghul dan Akbar telah dimahkotakan kembali sebagai empayar.

Akbar (1556–1605 M)

Nama **Akbar** dalam tawarikh India khususnya, amatlah penting, kerana beliau merupakan pemerintah yang mewarnakan sejarah keturunan Moghul di India dengan penuh kegemilangan. Akbar ialah putera Humayun dengan Hamida Bano yang dilahirkan di Amarkot, sebuah

pekan di Sind Utara pada tahun 1542 M. Beliau pernah dipelihara oleh Askari Khan. Mir Abdul Latif ialah guru yang telah mendidiknya dengan sikap liberal terhadap semua agama.

Akbar mempunyai banyak keistimewaan, terutamanya dalam perang dan pergaulan. Ketika beliau berusia lapan belas tahun, dengan nasihat ibu angkatnya Maham Anga, Akbar telah menulis surat kepada Bairam Khan, meminta supaya dia meletakkan jawatannya, kerana usianya telahpun lanjut, dan mencadangkan kepadanya supaya menunaikan fardu haji ke Makkah. Akbar secara tidak disedari telah memilih Mir Muhammad musuh ketat Bairam Khan sebagai pengiringnya ke Makkah. Kesilapan ini menyebabkan Bairam Khan meletuskan pemberontakkan tetapi telah dapat digagalkan oleh Akbar di Jullandur. Bairam Khan dapat ditawan oleh Akbar dan dimaafkannya, disamping diberi kemudahan untuk menunaikan fardu haji ke Makkah yang telah pun dirancangkannya itu. Malangnya dia telah meninggal dunia di perjalanan akibat tikaman askar tua Afghan yang menyertai kafilahnya. Anak Bairam Khan, Abdul Rahim telah kembali ke Delhi, dan kemudiannya dilantik menjadi pembesar Akbar.

Selepas Bairam Khan ibu angkat Akbar Maham Anga cuba membelenggu kemerdekaan Akbar. Maham Anga telah bersatu dengan Sadr-us-Sadur, Syeikh Abdul Nabi dan ulama-ulama lain untuk menunaikan rancangan ini, tetapi telah disedari oleh Akbar terlebih dahulu. Anak Maham Anga, Adham Khan sangat patuh kepada ibunya, dan dia mempunyai angkatan perang di Malwa. Adham Khan sering menge-nepikan perintah-perintah Akbar. Ini menyebabkannya dihukum bunuh. Pembunuhan ini telah meracun hati Maham Agna mengakibatkan dia jatuh sakit kemudiannya meninggal.

Kini Akbar telah bebas, dan beliau mula berfikir lebih dalam lagi mengenai agama dan politik. Akbar mendapati di sekitarnya ialah ulama-ulama yang berfikiran sempit dan yang melahirkan permusuhan dengan Rajput. Pada zaman datuknya, Rajput sentiasa menjadi rebutan Baber dan Rana Sanga dan kemudian Sher Khan dengan Maldev. Disamping itu beberapa buah kerajaan Islam di timur dan selatan telah bersatu menentang kerajaan pusat di Delhi. Akbar telah menetapkan satu polisi untuk membuktikan yang beliau mempunyai kekuatan yang lebih daripada kerajaan Islam di sempadan Rajput. Dengan polisi ini Rajput telah dapat dikalahkannya, dan diikuti dengan Jaipur menyerah pada tahun 1562 M. Puteri Jaipur telah diperisteri oleh Akbar, sementara keluarga dirajanya dilantik sebagai pembesar-pembesar negeri. Kemudiannya beliau menawan Bibaner dan Jaisselmer, serta mengahwini kedua-dua puteri daripada mereka. Rana Partap puteri Rana daripada Udaipur di Mewar telah melepaskan diri. Dalam tahun 1576 M Rana Udaipur telah ditundukkan oleh Akbar di Haldighat, dan meninggal semasa dalam buangan.

Persekutuan Akbar dengan raja-raja Rajput telah dapat menakluki Bengala. Adik tirinya Mirca Muhammad Hakim gabenor Kabut telah meletuskan pemberontakan tetapi dapat ditumpaskannya. Selanjutnya Akbar telah menakluki Gujarat, dan juga Khandesh sebuah kerajaan Islam kecil di antara Narbuda dengan Tapti yang mempunyai kubu penting di Asigarh dan yang terkenal sebagai pintu masuk ke Selatan. Sementara Abdul Rahim pula telah dikirimkan ke selatan untuk menentang Ahmad-Nagar yang di bawah cengkaman rejensi Puteri Chand Bibi. Abdul Rahim bersama-sama komandernya Putera Murad beberapa tahun berikutnya, setelah Chand Bibi bersara iaitu pada tahun 1597 M telah dapat menewaskan Ahmad-Nagar di Supa. Dengan ini dua daripada tiga cita-cita Akbar telah dapat dicapainya iaitu menjadikan Rajput sekutunya dan mengambil kerajaan-kerajaan di sempadan sama ada menerusi perkahwinan, peperangan ataupun kedua-duanya.

Hanya tiga buah kerajaan di Deccan sahaja yang belum ditaklukinya. Penaklukan wilayah-wilayah ini dapat dibuatnya seratus tahun kemudian, iaitu setelah kuasa Moghul di India dikuasai oleh Aurangzeb, seorang pentadbir dan panglima perang yang handal dan yang telah membaiki beberapa kecatatan kerajaannya yang dibuat oleh pemerintah-pemerintah yang terdahulu.

Jehangir (1605–1627 M)

Akbar telah diganti oleh puteranya Salim pada tahun 1605 M dengan gelaran Nuruddin Jehangir. Beliau telah banyak membantu parti-parti Ortodoks. Dalam beberapa tahun yang pertama kuasa Moghul telah berusaha untuk meninggikan syiar Islam. Juga langkah-langkah untuk meluaskan perbatasan empayar lagi telah dimajukan. Pada permulaan beliau memerintah pertelingkahan di antara kerajaannya dengan orang Sikh telah berlaku. Orang Sikh telah meletuskan satu pemberontakan di bawah Khusro, dan dibantu oleh Guru, tetapi pemberontakan ini dengan mudahnya sahaja dapat ditumpaskan dan mereka diberi amaran-amaran yang keras oleh Jehangir. Oleh kerana permusuhan tersebut berpunca daripada agama, permusuhan ini terus berjalan.

Dalam tahun 1611 M Jehangir telah mengahwini Mehru al-Nisa atau yang lebih dikenali dengan nama Nur Jehan bekas isteri Sher Afgan seorang pembesar Parsi yang menjadi jagir berhampiran Burdwan. Sher Afgan telah meninggal pada tahun 1607 M dalam satu pertemuan, dan Mehru al-Nisa bersama-sama anak perempuan kecilnya telah dihantar ke Delhi. Nur Jehan terkenal kerana kecantikannya dan intelektualannya. Ketika Jehangir gering, Nur Jehan telah mengambil tempatnya dengan dibantu oleh Asaf Khan ketua menteri Delhi.

Sebagaimana dalam pemerintahan Akbar, dalam pentadbiran

Jehangir ini pertarungan di antara orang Moghul dengan orang Rajput di satu pihak dan dengan orang Deccan di pihak yang lain telah berlaku. Ahmad-Nagar yang bersetuju membayar ufti pada masa Akbar dahulu, kini telah menentangnya di sisi Malik Ambar seorang panglima dan menteri yang berpengaruh. Malik Ambar telah mengambil orang Mahratta sebagai askar dan telah diberi latihan-latihan sempurna. Latihan-latihan ini telah terus diberi keutamaan yang tinggi semasa kuasa Moghul di bawah Shah Jehan, apabila mereka mendapat pimpinan Shahji Bhonsla. Selama dua keturunan ini gerakan gerila telah dijalankan berganti-ganti dan hasilnya amatlah berkesan, terutamanya dalam masa Aurangzeb, ketika orang Mahratta dipimpin oleh Sivaji anak kepada Sahji Bhonsla.

Nur Jehan dan Shah Jehan (1628-1658 M)

Putera Khurram putera kepada Jehangir telah dihantar menentang Ahmad-Nagar dan orang Rajput. Khurram telah memperolehi kejayaan yang cemerlang, dan diberi gelaran Shah Jehan. Akan tetapi di sini terbit satu perselisihan di antara Nur Jehan dengan Shah Jehan, apabila Nur Jehan memilih putera Jehangir yang seorang lagi, Shahryar untuk menggantikan tempat Jehangir. Shahryar ialah putera Jehangir yang telah mengahwini anak perempuan Nur Jehan apabila mereka berkahwin mula-mula dahulu. Shah Jehan yang menjadi Vice-roy di Deccan telah dilucutkan jawatannya, akibatnya beliau telah membangkitkan pemberontakan. Nur Jehan telah menghantar General Mahabat Khan untuk menentangnya, dan Shah Jehan telah mengalami dua kekalahan, kerana kekurangan tentera-tenteranya, tetapi kemudiannya kekurangan ini dapat dipenuhi. Nur Jehan tidak mahu bertolak ansur, beliau telah bertelingkah dengan Mahabat Khan, dan ini terus berjalan walaupun Mahabat Khan telah menunjukkan keberaniannya dengan menewaskan Jehangir di Jhelum. Jehangir kemudiannya wafat akibat gering dan tempatnya dipenuhi oleh Shah Jehan, sementara Nur Jehan telah bersara dari bidang politik serta diberi sara hidup yang lumayan.

Shah Jehan telah menjadi raja (emperor) empayar di Delhi selama kira-kira tiga puluh tahun iaitu dari tahun 1628 M hingga tahun 1658 M. Dalam masa pemerintahan yang begitu lama banyak kemajuan yang telah dibuatnya. Semasa beliau memegang jawatan Viceroy di Deccan, beliau telah menunjukkan kebolehannya yang luar biasa. Beliau telah mengukuhkan kewangan negara dan membaiki pentadbirannya dengan dibantu oleh Asraf Khan bapa mertuanya yang menjadi Ketua Menteri dan oleh Mahabat Khan Ketua Komander Tenteranya. Shah Jehan telah banyak menghabiskan hayatnya dengan mengamankan


negara dan mencantikkan kota Delhi serta Agra. Banyak perbelanjaan negara yang telah dikeluarkan untuk tujuan seperti mendirikan bangunan yang amat indah seperti Taj Mahal dan Masjid Moti di Agra, Juma Masjid dan Kota Merah (Red Fort) bersama-sama Diwan-i-Am dan Diwan-i-Khasnya masing-masing di Delhi, Bangunan-bangunan Naulakha dan Shish Mahal di Kota Lahore. Bangunan-bangunan tersebut terutamanya Taj Mahal adalah di antara bangunan-bangunan yang terindah di dunia.

Peperangan di Deccan yang berlaku dalam zaman dahulu telah meletus. Gabenor Deccan, Khan Jehan Lodhi tidak lagi menumpahkan kesetiaannya kepada Shah Jehan. Dia telah mula memungut bayaran-bayaran yang tinggi daripada Nizamshahi pemerintah Ahmad-Nagar. Khan sungguhpun menjelaskan bayaran-bayaran ufti kepada empayar, tetapi sentiasa menentang empayarnya. Malah dia juga telah melepaskan diri dari bergabung dengan ketua Bundela, Vikramajit meledakkan satu pemberontakan. Pemberontakan ini telah menjadi umum dan Galconda serta Bijapur telah juga bersatu dengannya. Orang Deccan mempunyai seorang ketua gerila yang cekap, iaitu Saji Bhonsle.

Dalam gerakan menghapuskan pemberontakan ini, Shah Jehan telah dapat menawan semula kota Ahmad-Nagar pada 1623 M dan memasukkannya ke dalam empayarnya. Akan tetapi Shahji Bhonsle telah melanjutkan serangannya dengan dibantu oleh tentera Bijapur dan Golconda. Shah Jehan telah memberi ultimatum kepada Golconda dan Bijapur supaya membatalkan rancangan mereka hendak membantu Shahji Bhonsle. Golconda telah mematuhi ultimatum ini, tetapi Bijapur mengingkarinya. Adil Shah sultan Bijapur kemudian telah menyerah, dan dipaksa membayar ganti rugi peperangan sebanyak dua juta rupiah, juga dipaksa membayar ufti tahunan kepada empayar Moghul. Shah Jehan telah kembali ke Delhi dan meninggalkan puteranya sebagai Viceroy Deccan iaitu Aurangzeb.

Shah Jehan juga pernah bertelingkah dengan orang Parsi mengenai Kandahar, tetapi orang Moghul gagal mengambil bandar ini kerana orang Parsi melengkap tenteranya dengan meriam, sementara tentera Moghul dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan lama sahaja. Beliau adalah seorang pemerintah yang cekap dan telah membawa India ke puncak kejayaan. Banyak perubahan yang telah dibuatnya ketika beliau memerintah terutamanya di dalam bidang pertanian dan perusahaan. Beliau adalah pemerintah yang kuat jiwa keislamannya dan yang berjiwa liberal. Shah Jehan telah mempertahankan hak-hak Islam di dalam kawasan Hindu dan di samping memberi hak yang sama adil kepada orang-orang Islam dan Hindu, dalam semua bidang terutamanya dalam menjawat jawatan pegawai-pegawai tinggi.

Sebaliknya dalam beberapa perkara-perkara yang tertentu beliau



KERAJAAN MOGHUL DI INDIA
DALAM KURUN KETUJUH BELAS

mempunyai beberapa kelemahan terutamanya tentang memberi keistimewaan yang lebih kepada puteranya Dara Shaikoh dan puterinya Johan Ara. Dalam bidang pembinaan Shah Jehan adalah tokoh besar yang terhandal, dan makam Himad al-Daulah yang tersergam di kota Agra ialah hasil seni bangunan Moghul di samping bangunan-bangunan yang lain yang amat indah itu.

Aurangzeb (1658–1707 M)

Shah Jehan telah jatuh gering dalam tahun 1657 M, iaitu ketika beliau berusia 66 tahun. Beliau mempunyai empat orang putera iaitu: Dara Shikoh, Shujah, Murad dan Aurangzeb yang masing-masing memerintah di wilayah-wilayah di utara, timur, barat dan selatan berturut-turut. Ketika beliau gering, hanya Dara Shikoh sahaja yang berada di sampingnya. Berita kegeringen Shah Jehan telah tersebar dan dua orang puteranya Shujah dan Dara Shikoh telah mengambil kesempatan masing-masing di timur dan di bahagian tengah India. Dara Shikoh telah menghantar tentera-tenteranya menentang Shujah, apabila didapati Shujah mengisyiharkan dirinya sebagai raja dan cuba menentang Dara Shikoh di Delhi. Dalam penentangan ini Shujah telah tewas dan melarikan diri ke Benggala.

Dara telah menghantar General Jaswant Singh ke Narbuda untuk meninjau kedudukan Aurangzeb dan Murad di sana. Kemudiannya Dara telah memberkas Isa Beg, wakil Aurangzeb di istana. Ini menyebabkan Murad dan Aurangzeb bergerak cepat dan pertarungan telah berlaku di Dayalpur dalam Narbuda di antara mereka dengan Jaswant Singh, dengan berakhirnya kejayaan di pihak dua saudara itu. Shah Jehan pada masa itu dalam keadaan sihat, dan beliau telah menasihati Dara supaya bertolak ansur di dalam lapangan politik. Akan tetapi Dara terus berdegil, malahan telah mara ke selatan melawan Murad dan Aurangzeb. Satu pertempuran besar berlaku di antara mereka di Somugarh pada 29 Mei 1658, dengan kekalahan di pihak Dara. Kemudiannya Dara ke Agra dan dari sana dengan anak isterinya berhijrah ke Lahore, kerana malu menemui ayahnya.

Kemudian Aurangzeb mara ke Agra dan mendudukinya. Sementara itu Mahabat Khan di Kabul telah diminta oleh Shah Jehan supaya membantu Dara Shaikoh menentang Aurangzeb. Lantaran itu Aurangzeb telah mengirimkan puteranya Azam Jah bersama-sama hadiah kepada ayahnya untuk meminta maaf. Tetapi anggota Dewan Putera Murad menganggap tidak wajar bagi Aurangzeb mengeluarkan satu-satu perintah kerana dalam peperangan yang telah berlaku, di mana Murad dan Aurangzeb mengambil bahagian bersama-sama dan Murad adalah memberi tenaga yang lebih besar terhadap satu-satu kejayaan.

Murad lebih meyakini bahawa pembesarnya ramai menyebelahinya, lantas dia mengumpulkan 20,000 orang tentera. Keadaan ini telah menyebabkan Aurangzeb bertindak memberkasnya dan dihantarkannya ke Gwalior sebagai tawanan.

Sementara itu Dara telah mengumpulkan kekuatannya dan merangi Aurangzeb, tetapi telah tewas di Deorai. Dara telah lari ke Sind, kemudiannya berlepas ke Kandahar, tetapi dia telah ditawan di perjalanan dan dihantar ke Delhi. Dara telah cuba menjadi seorang yang ingkar dan pandangannya nyata sekali lebih liberal daripada Akbar sendiri. Dia hampir boleh dipanggil seorang pemikir bebas dan dianggap mahir tentang isi al-Qur'an. Shujah pula tewas di Bahadurpur berhampiran dengan Benaris. Dia telah ditangkap dan dihantar ke Gwalior. Shujah di dalam tahanan kemudiannya telah menjadi seorang penggemar candu yang dahsyat, dan mangkat kerananya pada tahun 1662 M.

Aurangzeb kemudiannya telah dimahkotakan sebagai maharaja India dengan gelaran Alamgir. Di samping itu Shah Jehan masih hidup lagi sebagai seorang tawanan di kota Agra. Beliau dijaga dengan baik oleh Puteri Johan Ara dan beberapa orang dayangnya. Aurangzeb telah berbicara dengannya dan meminta nasihat daripadanya sebagai seorang Murshyid, tetapi tidak pernah beliau mengembalikan kedudukannya. Kerajaan Moghul di India semasa Aurangzeb telah mencapai kegemilangan lebih daripada yang lain, dan dalam zamannya, banyak kawasan-kawasan yang ditaklukinya.

Wilayah Assam telah ditaklukinya oleh Mir Jumla dalam tahun 1661 M tetapi sayang dia telah tua dan mangkat dalam peperangan ini. Bapa saudara Aurangzeb, Shayista Khan telah dilantik sebagai gabenor Benggala dan Assam, sebagai mengambil tempat Nir Jumla. Shayista Khan telah membersihkan delta Brahmaputra daripada sarang lanun, dan telah juga menawan Chittagong. Dia telah mentadbirkan wilayah-wilayah ini selama tiga puluh tahun dan telah membawanya ke arah kemakmuran. Di wilayah utara, orang Pathan telah meletuskan satu pemberontakan di bawah Akmal Khan seorang pemimpin kaum Afridi, tetapi gagal.

Pemberontakan Hindu

Orang Hindu telah membina kekuatannya dalam zaman Akbar. Pada zaman Jehangir dan Shah Jehan beberapa undang-undang telah digubal untuk memberi hak-hak keistimewaan kepada orang Islam yang tinggal di kawasan-kawasan yang dihuni oleh lebih ramai orang Hindu. Tetapi kebanyakan kawasan yang majoriti penduduknya daripada orang Hindu mereka mempunyai kuasa yang lebih daripada orang

Islam. Orang Hindu tidak membenarkan penduduk Islam membina masjid-masjid baharu atau memperbaiki bangunan-bangunan masjid yang telah rosak, sebaliknya orang Hindu tidak membataskan pembinaan candi-candi. Kebanyakan candi tersebut dilengkapi dengan kelas-kelas yang dikenali dengan nama patshalas, sama dengan khangah yang dibina oleh ulama Islam di masjid-masjid. Kanak-kanak Islam telah diwajibkan menghadiri kelas itu dengan pelajaran yang bertentangan dengan undang-undang Islam. Apabila masalah ini sampai ke pengetahuan Aurangzeb beliau telah mengeluarkan perintah mengharamkannya. Bangunan yang bercampur aduk di candi telah dilarang, kecuali bangunan yang penting sahaja. Pembinaan candi-candi baru dilarang daripada dilengkapi dengan patshalas, selagi perasaan anti-Islam yang sedang berkembang itu diamalkan.

Pergerakan Bhakti, adalah merupakan permulaan pergerakan yang kini melahirkan semangat kebangsaan, di samping itu orang Sikh dan Mahratta telah melibatkan diri dalam membuat kempen-kempen menentang Islam. Percubaan Aurangzeb untuk memelihara kebudayaan Islam telah menyemarakkan pergerakan ini. Banyak kumpulan anti-Aurangzeb muncul. Orang Jat di India tengah meletuskan pemberontakan pada tahun 1669 M, sementara orang-orang Satnami pada tahun 1672 M. Kedua-dua pemberontakan ini telah dapat ditumpaskan ramai orang-orang Satnami telah terkorban.

Kejatuhan Kerajaan (Empayar) Moghul di India

Semenjak Aurangzeb memegang tampuk empayar Moghul di India polisi keagamaan yang lebih objektif lagi telah dijalankannya. Keadaan ini berlainan dengan keadaan pada zaman Akbar ataupun Baber yang lebih mementingkan keharmonian penduduk-penduduk negara dan penaklukan daripada kepentingan keagamaan. Akibatnya timbulah rasa tidak puas hati sehingga menyebabkan berlakunya pemberontakan. Walaupun Aurangzeb pada keseluruhannya dapat mematahkan semua pemberontakan yang dilakukan oleh orang-orang Hindu, Sikh dan Mahratta, tetapi perasaan tidak suka mereka terhadap orang Islam tidaklah luput, dan ini adalah merupakan bahaya yang besar kepada generasi Aurangzeb yang mewarisi kerajaan.

Aurangzeb telah wafat pada tahun 1707 M, dan diganti oleh puteranya Bahadur Shah I yang memerintah hanya beberapa tahun sahaja. Bahadur Shah seperti juga emperor-emperor yang kemudiannya tidak menimbulkan apa-apa yang menarik perhatian yang boleh ditintas oleh sejarah kecuali perperangan dengan orang Sikh, perselisihan dalam negeri, perkara-perkara yang memecahkan ketenangan politik. Dua puluh tahun selepas kewafatan Aurangzeb perbatasan empayar itu

telah mula pecah dari bahagian pertengahan India. Viceroy Deccan, Asaf Jah Nizam al-Mulk telah membebaskan diri dan membentuk negeri Hyderabad, dan diikuti pula oleh Saadat Khan, Nawab Oudh, juga oleh Alivardi Khan, Nawab Benggala yang telah memerdekakan wilayahnya pada tahun 1740 M.

Sementara itu orang Rohilla pula telah membentuk sebuah kerajaan kecil di hulu Sungai Ganges. Sind juga telah melepaskan diri selepas itu. Di samping itu Nadir Shah seorang pemerintah Parsi yang gemar berperang telah menceroboh India, hingga tiba di Delhi, merampas harta benda di sana, dan membawanya kembali. Selepas itu Ahmad Shah Abadi pengasas kerajaan Abdali di Afghanistan telah menjadikan India Utara sebagai medan perang. Dengan ini orang Mahratta dan Syarikat India Timur British (British East India Company) telah bangkit di bahagian Barat Daya dan Timur India. Peperangan Panipat Yang Ketiga pada 17 Oktober 1761 di antara orang Islam dengan orang Mahratta telah berakhir dengan kemenangan di pihak Abadi dan telah menamatkan kuasa imperial Mahratta.

Pihak British telah memenangi Perang Plassey pada tahun 1757 M daripada Nawab Benggala, dan peperangan di Buxar pada tahun 1764 M, sebagai permulaan pengembangan kuasa British ke daerah Timur Laut India. Di Selatan Hyder Ali telah menewaskan Mysone, dan kemudiannya telah bertelingkah dengan British. Putera Hyder Ali, Sultan Tipu lebih cekap daripada ayahnya. Dia sedar benar-benar terhadap bahaya penjajah asing, dan telah mencurahkan segala kekuatannya untuk menentang British, tetapi dia telah gagal dan terkorban sebagai seorang panglima dalam peperangan di Seringapatam pada tahun 1799 M. Sementara itu kaum Sikh telah berjaya menujuhkan kerajaan Punjab di bawah pimpinan Ranjit Singh. Empayar Delhi pada masa ini seolah-olah patung sahaja. Beliau telah diserang oleh orang Rohilla tetapi telah diselamatkan oleh Mahadoji Scindhia, seorang ketua orang Mahratta. Mahadoji Scindhia menjadi Lord Protectors. Dari sini kedudukan maharaja Moghul bernama Shah Alam yang buta itu telah diselamatkan oleh British yang menjadikannya seorang pesara. Kemudian British telah melucutkan kuasanya, dan ditinggalkan hanya nama sahaja sebagai maharaja Kota Merah (Red Fort) di Delhi. Semenjak penyerahan kuasa ini berakhirlah zaman kegemilangan kuasa Empayar Moghul di India. Empayar Moghul di India telah meninggalkan banyak kemajuan terutamanya dalam bidang ilmu pengetahuan, seni banganan, seni corak, seni muzik dan lain-lain cawangan kebudayaan. Bahasa Urdu juga telah lahir pada zaman ini. Sebagai kesimpulannya kelahiran kerajaan Islam tersebut telah menimbulkan satu kebudayaan India Islam yang tersendiri.





PERKEMBANGAN ISLAM DI ASIA TENGGARA

Teori Kedatangan Islam ke Asia Tenggara

Ahli-ahli sejarah mempunyai berbagai-bagai pendapat dan teori mengenai kedatangan Islam ke Asia Tenggara ini yang juga dikenali dengan nama Alam Melayu. Sebenarnya sehingga ke hari ini mereka belum lagi dapat memberi jawapan yang tepat mengenai tarikh sebenarnya Islam bertapak, tempat yang pertama menerima Islam dan juga bagaimana kedatangan Islam ke Alam Melayu ini. Hal ini adalah disebabkan oleh kurangnya bahan-bahan penyelidikan yang dapat dikesan oleh ahli-ahli sejarah setakat ini.

Mengikut ahli-ahli sejarah Arab seperti **Al-Tabari** dan **Al-Masudi** bahawa orang-orang Arab telah berada di Timur Jauh semenjak tahun Hijrah yang pertama ataupun semenjak abad ketujuh Masihi lagi. Mengikut tulisan mereka bahawa terdapat kapal-kapal belayar berulang-alik di antara Tanah Arab dengan Negeri China sebelum kemunculan Rasulullah di Semenanjung Tanah Arab lagi. Mereka telah banyak mempunyai pusat-pusat perniagaan di sepanjang pelabuhan dari Canton ke Tanah Arab. Kenyataan telah dikuatkan lagi seorang pengembala China bernama **I-Ceng** yang menyatakan bahawa beliau telah belayar di dalam sebuah kapal kepunyaan saudagar Arab dari Canton ke Sumatera dalam tahun 671 Masihi.

Catatan-catatan sejarah menunjukkan bahawa Islam telah mula berkembang ke Asia Tenggara semenjak kurun permulaan Hijrah lagi. Sebuah batu bersurat yang diukir dengan tulisan Arab yang bertarikh tahun 1082 atau 1102 Masihi telah dijumpai di Gerisik, Jawa. Ini menunjukkan bahawa telah terdapat orang-orang Islam di tempat tersebut. Pengembangan Islam secara teratur dan berkesan di tempat ini hanya berlaku dalam abad ketiga belas Masihi iaitu setelah dilahirnya Kerajaan Islam Pasai, di Sumatera Utara. Catatan sejarah orang China yang juga ada menyebutkan berkenaan dengan dua orang utusan yang beragama Islam bernama Sulaiman dan Shamsudin dari Kerajaan Pasai ini datang ke istana Mongol atau Yuen di Negeri China dalam TM 1281.

Catatan sejarah orang-orang China ada menyebutkan bahawa se-

ramai 120,000 pedagang Islam tinggal di Canton. Apabila berlaku pemberontakan di selatan China, orang-orang Islam ini sebahagiannya telah mengalihkan pusat kegiatan perdagangannya ke negeri Kedah dan Pelembang. Teori ini telah diperkuatkan lagi dengan terjumpanya batu bersurat di Phan-Rang, Cambodia (Kemboja), batu bersurat di Gerisik pada tahun 1082 dan kemudian di Terengganu pada tahun 1303 Masihi.


Apabila orang-orang Mongol mengganggu perjalanan perniagaan di darat menyeberangi benua Asia dalam abad ketiga belas, menyebabkan segala perniagaan di antara timur dengan barat dijalankan melalui laut dan dengan demikian perhubungan di antara orang-orang Islam dari Tanah Arab, Parsi dan India dengan Alam Melayu bertambah-tambah rapat lagi. Tambahan pula, Islam telah beberapa lama di pantai Mala-bar dan Coromandel di negeri India. Walaupun majoriti penduduk-penduduk di Gujerat beragama Hindu tetapi kegiatan perniagaan di sini adalah dikuasai oleh orang-orang Islam. Orang-orang Melayu, Arab, Parsi dan India telah menjalankan perniagaan di sini. Cambay iaitu nama pelabuhan Gujerat telah menjadi tumpuan mereka dan memainkan peranan penting dalam perniagaan rempah dengan Alam Melayu. Melalui kegiatan perniagaan ini Islam dengan sendirinya telah berkembang ke Alam Melayu.

Kedatangan Islam ke Sumatera

Mengikut buku lama *Sejarah Melayu* kemasukan Islam ke Sumatera di bawa oleh seorang Arab bernama Abdullah Ariff. Beliau dikatakan telah tiba di Acheh pada pertengahan abad yang kedua belas Masihi. Raja yang mula-mula memeluk agama Islam menurut buku *Sejarah Melayu* itu ialah *Johan Shah* yang naik takhta kerajaan pada tahun 1205 M.

Banyak catatan-catatan sejarah menunjukkan bahawa ramai saudara-saudara Islam yang berasal dari Tanah Arab, Parsi dan India menetap di kota-kota persisiran di Pulau Sumatera itu. Mereka adalah dihormati oleh penduduk-penduduk tempatan bukan sahaja kerana kedudukan mereka tinggi dalam ekonomi, tetapi juga kerana mereka mempunyai peradaban yang tinggi. Bertolak dari sini, mereka telah berjaya mengislamkan penduduk-penduduk tempatan termasuklah pemimpin-pemimpin masyarakat. Di samping itu, ramai juga antara saudagar-saudagar itu telah berkahwin dengan wanita-wanita tempatan, dan ini telah menguatkan lagi kedudukan Islam di tempat-tempat tersebut.

Dalam abad yang ketiga belas Masihi kedudukan agama Islam di Sumatera, khususnya di Sumatera Utara bertambah kuat. Pengembara **Marco Polo** yang singgah di Perlak, Sumatera Utara dalam tahun



PENYEBARAN ISLAM DI ASIA TENGGARA

1292 M telah mendapati ramai penduduk-penduduk Islam di situ. Sementara itu mengikut catatan sejarah di Sumatera, tidak jauh dari Perlak telah mempunyai seorang raja yang beragama Islam dan mangkat dalam 1297 M. Nama raja itu **Sultan Malik al-Saleh** telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam buku *Sejarah Melayu*. Sebelum memeluk agama Islam, baginda dikenali dengan nama Merah Silu dan telah diislamkan oleh seorang ulama dari Makkah bernama Syeikh Ismail. Kemudian Sultan Malek al-Saleh telah membangunkan Sumatera sebagai sebuah negara Islam pada akhir abad yang ketiga belas. Baginda juga berkahwin dengan puteri Raja Perlak, dan ini mengeratkan lagi kedua-dua kerajaan Islam di Sumatera Utara itu. Selepas itu, baginda telah membuka dan mendirikan kerajaan Islam di Pasai, di sebelah utara Sumatera. Pasai kemudiannya telah menjadi pusat kebudayaan dan perkembangan Islam di Alam Melayu.

Dalam tahun 1345 Masihi, Raja Sumatera yang bernama Malik al-Zahir II (1326 - 1348) iaitu putera sulung Sultan Malik al-Saleh telah didatangi oleh seorang pengembara Arab dan Islam yang terkenal iaitu **Ibnu Batutah**. Beliau telah menyatakan kekagumannya tentang usaha-usaha Sultan Malik al-Zahir mengembangkan Syiar Islam di Sumatera Utara itu. Ibnu Batutah juga menceritakan bahawa pada zaman ini beliau telah bertemu dengan dua orang ulama dari Parsi, seorang datangnya dari Syiraz dan seorang lagi dari Isfahan. Baginda sangat menghormati pedagang-pedagang yang datang menziarahi atau berdagang ke negerinya, lebih-lebih lagi kalau yang datang itu ulama.

Hingga penghujung abad yang kelima belas perkembangan agama Islam telah mencapai kemajuan yang mengagumkan di sepanjang persisiran dan daerah pedalaman Sumatera. Aceh telah muncul sebagai sebuah kerajaan Islam yang terkenal di Alam Melayu. Kerajaan Minangkabau telah beransur-ansur menjadi kerajaan Islam. Di sebelah utara hanya Batak sahaja yang tidak menerima agama Islam, dan kebanyakannya mereka hingga sekarang masih berkeadaan demikian. Islam terus berkembang ke bahagian tengah dan Sumatera Selatan sehingga wujudnya Kerajaan Islam di Palembang dan lain-lain kemudian.

Kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu

Semenanjung Tanah Melayu atau sekarang lebih dikenali dengan nama Semenanjung Malaysia tidak dapat dinafikan lagi adalah merupakan salah satu kawasan yang paling awal di rantau ini yang menerima agama Islam. Kalah Bar atau dipercayai Kedah sekarang ialah sebuah persinggahan yang istimewa – jalan perniagaan di antara negeri China di sebelah timur, dan negeri-negeri India, Parsi serta Tanah Arab di

sebelah barat. Walaupun demikian, tidak terdapat keterangan yang menunjukkan pengislaman secara beramai-ramai di tempat tersebut sehingga zaman keagungan Kesultanan Melaka (1400 M). Sebelum tarikh itu, kerajaan Islam Pasai adalah mempunyai pengaruh yang luas bukan sahaja dalam agama Islam tetapi juga dalam siasah hingga ke Kedah dan Terengganu.

(Di samping itu, banyak juga ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa tempat tumpuan Islam yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu ialah di Kuala Brang, lebih kurang dua puluh lima batu ke Hulu Sungai Terengganu, **Terengganu**.) Ini adalah berdasarkan tulisan yang terdapat di batu bersurat yang dijumpai di tempat tersebut yang sekarang ini disimpan di Muzium Negara, Kuala Lumpur. Tulisan di batu bersurat itu ialah dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang di antara lain adalah menggariskan tentang undang-undang kekeluargaan dan hukuman jenayah di dalam Islam. Tarikh yang terdapat di batu bersurat itu tidak jelas tetapi telah difahamkan oleh ahli-ahli sejarah di antara tahun 1303 dan 1387 Masihi. Tetapi Prof. Dr. Syed Nagiub al-Attas di dalam banyak tulisannya telah menentukan tarikhnya ialah pada hari Jumaat 4 Rejab tahun 702 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 1303 Masihi. Tarikh ini adalah lebih awal 100 tahun daripada tarikh Melaka menerima Islam. Walau bagaimanapun, Islam tidak tersebar luas dari Terengganu ke seluruh Tanah Melayu pada masa itu kerana tidak wujud kerajaan Islam yang kuat seperti di Melaka di Terengganu.

Penerimaan Islam oleh raja **Melaka Parameswara** pada sekitar abad kelima belas adalah sebagai titik-tolak perkembangan Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Parameswara adalah seorang anak raja Palembang iaitu jajahan takluk Majapahit yang telah terlibat dalam perperangan merebut takhta kerajaan di Majapahit pada akhir abad yang keempat belas. Beliau telah lari mencari perlindungan di Temasik yang pada masa itu di bawah kuasa Siam. Parameswara telah membunuh wakil raja Siam bernama Tamagi dan menggantikan degannya. Siam telah memerintahkan raja Patani dan Pahang yang juga di bawah kekuasaannya menghalau Parameswara keluar daripada Temasik. Baginda telah melarikan diri ke Johor dan kemudiannya ke Melaka. Baginda telah membuka Melaka yang dengan kebijaksanaannya kemudian telah menjadi pelabuhan dan pusat perdagangan yang terkenal di Alam Melayu. Tetapi kedudukan baginda sentiasa terancam oleh Siam. Apabila utusan Maharaja Ming dari China bernama Laksamana Cheng Ho datang ke Melaka, Parameswara telah mengambil kesempatan meminta supaya kerajaan negeri China mengakuinya sebagai raja Melaka yang sah dan seterusnya melindunginya. Perintaananya kemudian telah diperkenankan oleh Maharaja China, dan dengan demikian beliau telah terselamat daripada ancaman Siam.

Mengikut buku *Sejarah Melayu*, Parameswara telah diislamkan oleh seorang ulama dari Jeddah pada tahun 1414 Masihi dan nama baginda telah diganti dengan Megat Iskandar Syah. Baginda telah berkahwin dengan puteri Raja Pasai. Semasa di dalam pemerintahannya baginda telah berjaya meletakkan asas kemajuan negeri Melaka sebagai pusat perdagangan dan pengembangan Agama Islam di Alam Melayu. Dalam masa pemerintahan **Sultan Mansor Syah** (1459 - 77 M) Melaka terus menerus berkembang dan mencapai kemajuan dengan pesatnya. Dalam masa pemerintahan **Sultan Alauddin Riayat Syah** (1477 - 88 M) baginda telah menguatkan lagi undang-undang Islam. Dalam masa kemuncak kemajuan negeri Melaka itu empayar negeri Melaka telah melingkungi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa daerah di Sumatera iaitu Jambi, Siak, Rokan, Inderagiri, Kampar Bangkilis, Pulau Karimun, Bentan dan Riau. Di mana saja Melaka berkuasa di situ lah Islam berdiri tegak. Bukan setakat ini sahaja, malah negeri Melaka pada masa itu terus memainkan peranannya di dalam penyebaran agama Islam di Asia Tenggara ini terutamanya di Pulau Jawa. Tetapi pada tahun 1511 Masihi Melaka telah tewas oleh Portugis dan pusat penyebaran Islam telah berpindah semula ke Aceh.

Perkembangan Islam ke negeri **Johor** pula adalah juga dilakukan oleh kesultanan negeri Melaka. Ini kerana Johor pada masa itu adalah dianggap di bawah kekuasaan kesultanan Melaka. Penerimaan Islam oleh Melaka dan keagungan kesultanan Melaka telah dengan sendirinya mempengaruhi Johor. Pendakwah-pendakwah dalam masa yang sama telah menyebarkan agama Islam ke bahagian lain bahagian di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah negeri Johor. Penerimaan Islam di Johor telah dimulakan oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua masyarakat di mana kemudiannya telah diikuti oleh orang ramai. Batu bersurat yang menunjukkan perkembangan Islam di negeri Johor yang mula-mula dijumpai ialah di makam Sultan Alauddin Syah yang telah mangkat dalam tahun 1488 di Ulu Pagoh, dan di makam saudaranya Raja Sulaiman bin Sultan Mansor di Sayong.

Perkembangan Islam ke **Negeri Sembilan** adalah juga sama dengan apa yang berlaku di negeri Johor. Negeri Sembilan juga adalah dianggap di bawah Empayar Melaka pada masa itu. Perkembangan Islam ke Negeri Sembilan telah bermula di daerah Sungai Ujong yang pada masa itu menjadi milik Tun Perak, Bendahara Sultan Muhammad, Melaka (1233 - 46 M), dan kemudian diikuti oleh daerah-daerah lain. Batu bersurat Islam yang mula-mula sekali dijumpai di daerah ini ialah di Pangkalan Kempas, Port Dickson yang menunjukkan di daerah ini sebuah kubur orang Islam bernama Ahmad yang meninggal pada tahun 1467 Masihi.

Negeri Kelantan pula telah dipercayai menerima agama Islam

dari Petani di sekitar tahun 1150 melalui seorang Syeikh. Wang dinar yang digunakan dalam urusan jual beli di negeri Kelantan pada masa itu bertulis angka Arab 577 yang dipercayai tahun 577 Hijrah. Jika catatan ini benar, ini bermakna agama Islam telah berkembang di negeri Kelantan lebih awal dari negeri-negeri lain di Tanah Melayu itu sejak tahun 577 Hijrah bersamaan tahun 1181 Masihi.

Penerimaan agama Islam di negeri **Pahang** dapat dihubungkan dengan batu nisan raja-raja Pahang yang dijaga dengan rapi oleh kerajaan Negeri Pahang hingga pada masa ini. Antara batu-batu nisan itu ialah batu nisan makam Sultan Pahang yang pertama bernama Sultan Muhammad yang telah mangkat 1475 Masihi dan dijumpai di Makam Langgar. Melalui catatan ini adalah dipercayai agama Islam telah bertapak di Pahang sejak tahun itu lagi.

Kedatangan Islam ke negeri **Selangor** adalah sama dengan kedatangan Islam ke negeri Johor dan Negeri Sembilan. Negeri Selangor pada masa itu adalah juga dianggap di bawah kekuasaan kesultanan Melaka. Tun Perak, Bendahara Melaka yang terkenal itu adalah memiliki Sungai Ujong dan Kelang. Dengan ini jelas bahawa Islam telah bertapak di Kelang semenjak pertengahan pertama abad kelima belas. Agama Islam kemudian telah tersebar dengan luasnya di negeri Selangor setelah kedatangan Bugis dalam abad kelapan belas.

Penyebaran agama Islam ke negeri **Perak** adalah juga berkait rapat dengan kesultanan Melaka melalui perhubungan yang erat di antara kedua belah pihak. Pemerintah Melaka yang akhir, iaitu Sultan Mahmud (1488 - 1511 Masihi) pernah memberi bantuan kepada Beruas memerangi musuhnya. Perhubungan di antara kedua belah pihak bertambah erat apabila saudara perempuan Raja Beruas telah berkahwin dengan salah seorang kerabat di raja Melaka. Melalui hubungan ini Islam telah berkembang ke Beruas dan diikuti pula kemudiannya ke daerah-daerah lain di negeri Perak.

Mengikut catatan sejarah Kalah Bar atau **Kedah** telah menjadi pusat persinggahan perniagaan di antara saudagar-saudagar China dan Islam sebelum Islam bertapak di Melaka lagi seperti yang dihuraikan di atas. Tetapi tiada bukti-bukti yang menunjukkan pemelukan agama Islam secara beramai-beramai di Kedah pada masa itu. Catatan sejarah negeri Kedah telah menyingkap bahawa agama Islam telah mula berkembang ke negeri Kedah pada tahun 1501 Masihi dibawa oleh seorang ulama bernama Syeikh Abdullah. Beliau telah mengislamkan raja Kedah pada masa itu yang bernama Pra Ong Maha Wangsa dan ditukar namanya menjadi Sultan Muzaffar Syah. Setelah raja Kedah memeluk agama Islam, para pembesar istana dan keluarga mereka, kemudian diikuti pula oleh seluruh rakyat negeri Kedah telah menerima agama Islam.

Perkembangan Islam di Pulau Jawa

Banyak ahli sejarah telah menyimpulkan bahawa '*Pulau Jawa telah diislamkan oleh Melaka*'. Kegiatan dakwah oleh mubaligh Islam dari Aceh di Tanah Jawa pada masa itu adalah lebih merupakan kegiatan untuk memperkembang dan mengukuhkan lagi kedudukan agama Islam di Pulau itu. Dalam zaman keagungan kesultanan Melaka, perhubungan Melaka dengan Pulau Jawa adalah erat. Bagi pemerintahan Jawa, Melaka adalah sebagai tumpuan perniagaan mereka. Selain menjadi peniaga-peniaga, ramai juga orang-orang Jawa yang datang ke Melaka menjadi pekerja, askar dan sebagainya. Dari sini ramailah orang-orang Jawa telah memeluk agama Islam. Di samping itu, mengikut *Sejarah Melayu*, Sultan Mansor Syah pernah berkahwin dengan puteri raja Majapahit di Jawa. Ini menguatkan lagi hubungan di antara kesultanan Melaka dengan Majapahit.

Pada masa itu pula, Empayar Majapahit di Jawa yang begitu terkenal itu telah menghadapi zaman keruntuhannya. Banyak kawasan-kawasan yang selama ini di bawah jajahan takluk sama ada di Pulau Jawa mahupun di luar pulau itu telah giat berusaha untuk membebaskan diri. Keadaan pemimpin tempatan menerima agama Islam adalah bagi menentang ketidakadilan pemerintahan Kerajaan Hindu Majapahit. Tambahan pula dalam masa yang sama Islam telah berjaya menunjukkan semangat persaudaraan, keadilan dan persamaan yang utuh.

Demak, pada masa itu ialah salah sebuah wilayah yang menjadi pelabuhan dan pusat perdagangan yang terkenal di sebelah utara Pulau Jawa. Kebaikan saudagar-saudagar Islam yang berulang-alik dari Melaka dan Demak telah menarik ramai orang-orang Demak menerima Islam, termasuklah rajanya **Raden Patah** anak raja Majapahit yang bernama Bera Wijaya. Dalam tahun 1478 M raja Demak iaitu Raden Patah telah berjaya memisahkan Demak dari pemerintahan Majapahit. Demak kemudian telah menjadi sebuah negara Islam yang pertama di Tanah Jawa. Perkembangan ini telah mendorongkan wilayah-wilayah lain yang dahulunya di bawah pemerintahan Majapahit sama ada di luar atau di Tanah Jawa menerima Islam dan seterusnya membebaskan diri dari Majapahit, dan ini termasuklah **Brunei**. Brunei telah menerima Islam dalam tahun 1500 Masihi, di mana kemudian diikuti oleh bahagian-bahagian lain di persisiran Kalimantan Utara. Hubungan perdagangan kawasan ini dengan Aceh, Johor, Kelantan, Terengganu dan Jawa menguatkan lagi kedudukan Islam di Kalimantan Utara. Ampel atau Surabaya pula telah diislamkan oleh seorang tokoh bernama **Raden Rahmat**. Sementara itu pengislamahan bahagian pedalaman Tanah Jawa telah berlaku apabila Mataram, sebuah lagi wilayah

Majapahit yang kuat menerima Islam. Dalam tahun 1518 Masihi Raden Patah telah mengetuai wilayah-wilayah Islam di Tanah Jawa merobohkan kerajaan Hindu Majapahit. Beberapa wilayah di Pulau Jawa terutama di kawasan pedalaman menerima agama Islam agak terlewat sedikit. Jawa Barat telah menerima Islam dalam tahun 1570 M iaitu apabila Penambahan Yusof Sultan Mataram berjaya menakluki Pakur ibu negeri Panjajaran di Jawa Barat. Jawa Timur pula telah menerima Islam pada tahun 1642 M.

Mengikut catatan sejarah dalam zaman kemunculan **Wali Songo**, iaitu kumpulan sembilan orang mubaligh dan ahli sufi Jawa yang terkenal dalam abad kelima belas dan keenam belas, Islam telah berkembang dengan pesatnya. Kawasan yang dianggap paling lewat menerima Islam ialah Balambangan, daerah pergunungan yang diper-cayai hanya menerima Islam dalam abad yang kelapan belas.

Perkembangan Islam di Kalimantan

Perkembangan Islam ke Kalimantan telah dimulakan dengan pengis-laman daerah-daerah di persisiran terutamanya Banjarmasin dan Pontianak. Daerah Banjarmasin pada masa dahulu pernah menjadi sebahagian jajahan takluk kerajaan Majapahit. Setelah kekuasaan Majapahit jatuh di Demak dalam tahun 1478, Banjarmasin telah me-nerima Islam melalui kesultanan Demak. Menurut cerita-cerita lama, pemerintahan Banjarmasin menerima Islam adalah sebagai syarat yang ditentukan oleh kesultanan Demak yang telah mengirim bantuan tentera ke Banjarmasin untuk mematahkan pemberontakan di Kali-mantan Selatan. Bahagian-bahagian persisiran yang lain telah mene-rima Islam secara perlahan-lahan melalui perhubungan perniagaan dengan negeri-negeri di sekitarnya termasuklah Melaka, Acheh dan Brunei, sementara daerah-daerah pedalaman masih beragama lain hingga sekarang.

Perkembangan Islam di Sulawesi

Penduduk-penduduk di kepulauan Sulawesi yang mula-mula sekali menganut agama Islam ialah dari keturunan Bugis yang tinggal di daerah Makasar iaitu dalam tahun 1604 Masihi. Mereka ini telah diislamkan oleh seorang ulama dari Padir bernama Syeikh Ali al-Kaisar dengan dibantu oleh Raja Abdul Jalil putera Sultan Kahar dari Acheh. Orang-orang Bugis setelah masuk Islam telah menjadi perajurit kepulauan yang gagah dan ahli pelayaran yang berani. Dari daerah Makasar ini, agama Islam terus berkembang luas ke kawasan peda-

lamau. Perkembangan Islam di kepulauan ini adalah bersaing secara sihat dengan agama Kristian.

Perkembangan Islam di Kepulauan Maluku

Kemasukan agama Islam ke Kepulauan Maluku adalah dibawa oleh saudagar-saudagar Islam dari Melaka, Aceh dan Tanah Jawa dalam sekitar tahun 1475 Masihi. Di samping itu pula, ketika Islam mula-mula berkembang, penduduk Maluku sedang bersiap sedia untuk menentang saudagar-saudagar Hindu yang menguasai perdagangan di kepulauan ini. Kedatangan Islam telah memberi semangat dan keyakinan dalam perjuangan mereka sehingga mereka menang. Raja mereka bernama Raja Ternate dan Tidore menganut Islam dalam abad kelima belas Masihi. Dari sini Islam terus menerus berkembang walaupun kemudian terpaksa bersaing dengan agama Kristian. Tidak lama selepas ini orang-orang Embon pula telah menerima agama Islam.

Islam di Filipina

Penyebaran agama Islam di kepulauan Filipina telah dimulakan dengan pengislaman *Pulau Mindanao* oleh seorang ulama Arab bernama Syarif Muhammad Kabongsuan anak bongsu seorang bangsawan yang berkahwin dengan seorang putera raja Johor. Mengikut ceritanya, Syarif Muhammad semasa belayar dari Johor bersama dua orang saudaranya telah berpecah di pertengahan jalan. Salah seorang saudaranya dikatakan mendarat di Kalimantan dan menjadi raja Islam pertama di *Brunei*. Sementara Syarif Muhammad mendarat di Natubakau, di muara Sungai Rio Granda pada akhir abad kelima belas dan berjaya berdakwah di sana. Beliau telah menetap di sebuah bandar yang pada masa itu bernama Magindano atau Mindanao. Beliau terus mengembangkan agama Islam di pulau itu dan sambutannya dari penduduk-penduduk tempatan adalah menggalakkan. Beliau telah mendirikan kerajaan Islam di pulau ini dengan Cotabato (Kota Batu) sebagai ibu negeri. Mengikut catatan Captain Thomas Forrest semasa beliau singgah di Mindanao dan Sulu pada tahun 1775 M, agama Islam telah berkembang di sana sejak 300 tahun yang lalu, dan dari sini boleh dianggarkan bahawa Syarif telah tiba di tempat itu dalam tahun 1475 M.

Mengikut catatan orang-orang Sepanyol yang datang ke kepulauan ini *Mindanao* dan *Sulu* dalam tahun 1512 M, telah mendapati ramai orang-orang yang telah memeluk agama Islam di beberapa daerah di kepulauan itu, tetapi masih lagi banyak penduduk di wilayah bahagian

utara kepulauan itu yang belum lagi beragama. Orang-orang Islam di daerah-daerah ini telah lama mengadakan hubungan dengan saudagar-saudagar Islam di Tanah Jawa, Tanah Melayu, Cina dan India. Ada ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa pengislaman penduduk-penduduk kepulauan Sulu adalah melalui seorang pendakwah bernama Makh-dum Ibrahim al-Akhbar al-Husaini dalam abad keempat belas. Seorang lagi pendakwah dari Palembang bernama Abu Bakar telah mendirikan kesultanan Sulu dan meninggal dalam tahun 1840 M. Di Manila sendiri telah juga terdiri kerajaan Islam. Tetapi malangnya perkembangan Islam di Filipina ini telah mendapat tentangan yang hebat dari Sepanyol. Apabila kesultanan Manila di bawah Sultan Sulaiman jatuh ke tangan Sepanyol dalam tahun 1571 M, orang-orang Sepanyol telah mengembangkan agama Kristian secara paksaan, dan ini menyebabkan ramai penduduk-penduduk tempatan memeluk agama itu kecuali di bahagian selatan Filipina mereka tetap berpegang teguh dengan agama Islam hingga sekarang.

Faktor-faktor Penerimaan Islam

Ada banyak faktor-faktor yang menyebabkan Islam telah berkembang begitu lancar ke Alam Melayu. Salah satu daripada faktor utamanya ialah tentang kesucian agama Islam itu sendiri. Konsep ketuhanan yang tunggal, persaudaraan, persamaan taraf dan kesederhanaan dalam Islam telah menarik penduduk-penduduk tempatan menerima Islam dengan mudahnya. Penduduk-penduduk tempatan di Alam Melayu pada masa itu ramai yang berugama Hindu dan tidak kurang pula yang menganut kepercayaan lama. Konsep tuhan berhala dan kasta dalam ugama Hindu telah tidak menyenangkan mereka dan lantaran ini telah menyebabkan mereka dengan senang hati menerima agama Islam. Dalam pada itu Islam juga memperkenalkan sistem kesejahteraan hidup, dan ini termasuklah sistem politik, keadilan sosial, kewajipan mencari ilmu pengetahuan, kehidupan yang seimbang di dunia dan akhirat dan lain-lain.

Faktor ekonomi juga telah mendorongkan penduduk-penduduk tempatan menerima Islam. Pedagang-pedagang Islam dari Arab, Parsi, India dan lain-lain negeri dari Alam Melayu ini semasa menjalankan perniagaan mereka telah dapat menjalinkan hubungan mesra dengan penduduk-penduduk tempatan mempunyai peradapan yang tinggi. Selepas menerima Islam, Aceh, Melaka dan Jawa telah menjadi pelabuhan dan pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal. Banyak negeri-negeri di Alam Melayu yang menerima Islam melalui saudagar-saudagar ini, dan ini termasuklah Perlak, Samudera, Aceh, Pasai, Melaka, Jawa, Brunei, Sulawesi, Banjarmasin, Pontianak, Sulu, Min-

danao dan lain-lain lagi.

Penyebaran Islam di negeri-negeri di Alam Melayu ini banyak yang dimulakan oleh raja-raja negeri itu, kemudian diikuti oleh para pem-besar dan penghulu-penghulu. Apabila melihat raja dan ketua mereka menerima Islam, rakyat jelata dengan sendirinya terus menerima Islam. Ini berlaku di Aceh, Pasai, Melaka, Jawa, Brunei dan lain-lain. Dalam masa yang sama juga raja-raja Islam itu pula berkahwin dengan puteri-puteri raja-raja lain yang belum beragama Islam atau sebaliknya, dan mereka beserta keluarga dan rakyatnya turut memeluk agama Islam. Saudagar-saudagar Islam itu pula ramai yang berkahwin dengan wanita-wanita tempatan. Melalui perkahwinan ini juga telah menyebabkan ramai pembesar dan penduduk tempatan menganut Islam. Ini dilakukan oleh raja-raja Samudera, Melaka, dan banyak lagi.

Di samping itu pula, peranan mubaligh-mubaligh Islam yang ber-dakwah dengan gigihnya pada masa itu telah juga menjadi faktor besar Islam berkembang dengan pesatnya di Alam Melayu pada masa itu. Mubaligh-mubaligh Islam sama ada dari dalam atau luar negeri telah menjalankan dakwah dengan penuh dedikasi sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri.

Ada setengah-setengah pendapat yang menyatakan bahawa Islam itu berkembang ke Alam Melayu bukan sahaja melalui diplomasi tetapi juga melalui senjata seperti perkembangan Islam di setengah-setengah daerah di Tanah Jawa dan Tanah Melayu. Pendapat itu sebenarnya tidak tepat kerana mengikut amalan orang-orang Islam berperang untuk mempertahankan diri, menghapuskan kezaliman dan campurtangan dalam urusan negeri lain dilakukan di atas permintaan rakyat negeri itu yang ditindas. Islam tidak pernah memaksa orang-orang bukan Islam memeluk agama Islam. Islam biasanya diterima kemudian, iaitu selepas peperangan selesai dalam aman dan damai.

Peranan Melaka sebagai Pusat Perkembangan Islam

Sebagaimana yang telahpun dihuraikan di atas tadi, setelah raja Melaka yang pertama Parameswara memeluk agama Islam negeri Melaka telah bertambah-tambah kukuh dari semasa ke semasa dan kemudian telah muncul sebagai satu pusat perdagangan yang utama di rantau ini. Jajahan takluknya telah berkembang ke seluruh Tanah Melayu dan sebahagian Sumatera. Dalam zaman keagungan, Melaka telah menjadi pusat kerajaan Melayu yang terbesar di Asia Tenggara, dan dalam masa yang sama Melaka juga telah menjadi pusat kebudayaan dan penyebaran Islam yang terpenting di dunia sebelah sini. Seperti yang dijelaskan di atas, Melaka telah berjaya mengislamkan negeri-negeri Ta-



EMPAYAR KESULTANAN MELAYU (ISLAM) HINGGA KE TAHUN 1511

nah Melayu, Tanah Jawa, sebahagian Sumatera dan lain-lain daerah di Alam Melayu. Kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam terus maju dengan pesatnya. Ramai tokoh-tokoh Islam telah menjadikan Melaka pusat membincangkan masalah-masalah agama seperti dalam bidang tauhid, tasawuf, sejarah dan perundangan Islam. Di samping itu ramai juga orang-orang datang ke Melaka kerana hendak mendalami ajaran Islam.

Raja-raja Melaka yang terkenal dalam zaman keagungan Kerajaan Melayu seperti Mudzaffar Syah (1445-57 M), Sultan Mansor Syah (1459-1477 M), Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-88 M) dan Sultan Mahmud Syah (1488-1511 M) telah bersungguh-sungguh untuk menjadikan Melaka sebagai pusat kebudayaan dan pengembangan Islam. Mereka

sentiasa memberi kedudukan yang tinggi kepada ulama-ulama. Banyak masjid-masjid, surau-surau dan sekolah-sekolah agama didirikan di Melaka dan jajahan takluknya. Di samping itu banyak kitab-kitab agama telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Dalam buku *Sejarah Melayu* ada mengisahkan bagaimana kitab *Darul Mazlum* hadiah seorang ulama dari Hadramaut disambut oleh Sultan Mansur Syah dengan penuh kebesaran dan kemudian dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Dua buah buku kesusasteraan Islam yang terkenal yang menceritakan kepahlawanan Islam iaitu *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah* diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Mengikut buku *Sejarah Melayu* buku-buku ini telah dibacakan untuk menaikkan semangat para perajurit Melayu menentang Portugis. Pada masa itu Melaka juga mempunyai kitab *Hukum Qanun Melaka* di mana hukum-hukum Islam terdapat di dalamnya.

Banyak tokoh-tokoh yang telah memainkan peranan penting di dalam zaman keagungan Melaka, dan antaranya ialah Bendahara Tun Perak dan Laksamana Tun Tuah. Kedua-dua tokoh ini telah memainkan peranan utama meluaskan jajahan takluk Melaka. Sultan Mansur Syah ialah raja Melaka ketika ini. Dalam zaman ini, jajahan takluk Melaka telah meluas ke Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Kedah. Kemudian Tun Perak telah meluaskan empayarinya hingga ke Sumatera, ke tempat-tempat seperti Bengkalis, Kampar, Siak, Rokan, Inderagiri, Bentan, kepulauan Karimon dan lain-lain.

(Zaman Sultan Alauddin Riayat Syah memerintah adalah merupakan zaman keagungan Melaka. Baginda telah banyak mengadakan usaha-usaha untuk meninggikan syiar Islam di jajahan takluk dan daerah-daerah lain di Asia Tenggara. Perlaksanaan undang-undang Islam dalam pemerintahan Melaka telah dipertingkatkan. Mubaligh-mubaligh Islam juga telah berusaha bersungguh-sungguh berdakwah di Asia Tenggara.)

(Zaman Sultan Mahmud Syah memerintah adalah merupakan peringkat akhir keagungan Empayar Melaka. Dalam zaman baginda, Tun Perak telah meninggal dunia pada tahun 1498. Pengganti beliau Tun Perpatih Putih dan kemudiannya Tun Mutahir adalah lemah. Ini menyebabkan pentadbiran Melaka telah turut menjadi lemah. Kedudukan ekonomi Melaka juga turut merosot. Banyak penyelewengan, rasuah dan pilih kasih berlaku pada zaman ini. Sultan Mahmud Syah telah cuba untuk menghapuskan kelemahan ini tetapi telah gagal. Pada masa itu pula Portugis telah meluaskan gerakannya dari India ke Alam Melayu. Mereka begitu berminat untuk menakluki Melaka supaya seluruh perdagangan di dunia sebelah sini beralih ke tangan mereka. Ada golongan dalam pemerintahan Melaka sendiri yang menyebelahi Portugis. Setelah berlaku perangsaan senjut beberapa lama, Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Sultan Mahmud Syah³¹⁶ yang kini telah luar ke-

Portugis. Setelah berlaku perperangan sengit beberapa lama, Melaka telah jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511. Sultan Mahmud Syah dan pengikut-pengikutnya telah lari ke Johor.

Acheh sebagai Pusat Perkembangan Islam di Alam Melayu

Negeri Acheh di Sumatera Utara telah pun menerima agama Islam sejak tahun 1205 semasa dalam pemerintahan Sultan Johan Syah (1205 -1235 M). Ketika Acheh dalam pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Syah (1577 - 1585 M) Acheh adalah sebagai sebuah kerajaan Islam yang menjadi benteng keagungan Islam di rantau ini selepas kejatuhan Melaka. Kerajaan Acheh sentiasa memberi tentangan kepada Portugis dan juga bertanggungjawab membersihkan kerajaan Hindu Majapahit di Jawa. Antara raja-raja Islam dari Acheh yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan Islam di Alam Melayu selain daripada Sultan Alauddin Mansur Syah, ialah Sultan Alauddin Riayat Syah al-Qahar (1537 - 1568 M), Sultan Husein (1568 - 1575 M) dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607 - 1636 M). Dalam zaman pemerintahan raja-raja itu, Acheh telah menjadi sebuah negara Islam yang kuat dan disegani oleh pihak kawan dan lawan. Kedudukan agama Islam begitu kukuh di Acheh sehingga Acheh digelar *Serambi Makkah*. Negeri-negeri di sekelilingnya di Sumatera, Tanah Melayu, Jawa, Kalimantan hinggalah ke Sulawesi dan Filipina banyak terhutang budi kepada Acheh dalam soal penyebaran agama Islam ini. Kerajaan Portugis di Melaka telah beberapa kali mencuba untuk memusnahkan Acheh tetapi gagal. Sebaliknya Acheh telah beberapa kali menyerang kedudukan Portugis di Melaka, dan walaupun tidak berjaya, tetapi telah menjadi ancaman kepada mereka.

Sultan-sultan Acheh pernah membuat perhubungan dengan negara-negara Islam di luar Alam Melayu, di antaranya ialah dengan kerajaan Islam di Istanbul, Turki. Sultan Alauddin Riayat Syah (1537 - 1568 M) pernah mengirimkan perutusan kepada Khalifah Salim di Istanbul meminta bantuan tentera bagi menentang Portugis di Melaka. Tetapi memandangkan pada masa itu berlaku pertelingkahan di antara golongan Sunni dengan Syi'ah, kerajaan Turki tidak dapat menghantar bantuan tentera, sebaliknya telah menghantar bantuan empat puluh orang penasihat tentera untuk melatih tentera Acheh dalam peperangan cara Eropah seperti menggunakan meriam penembak jarak-jauh. Sultan Iskandar Muda Mahkota telah membuat perhubungan persahabatan dengan kerajaan Islam Moghul di India. Beberapa orang pembesar kerajaan Moghul dari Delhi dan Agra telah berkunjung ke Acheh.



KERAJAAN ISLAM ACHEH HINGGA KE TAHUN 1636

Dalam zaman pemerintahan Sultan Husein (1568 -1575 M) perhubungan Aceh dengan dunia luar ditingkatkan. Penentangan terhadap Portugis terus dilanjutkan. Perhubungan dengan Turki dan Moghul dipereratkan lagi. Aceh terus menjadi pusat perdagangan dan perkembangan Islam antarabangsa. Baginda telah menghantar mubaligh-

mubaligh ke negeri-negeri di Alam Melayu. Semasa pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Syah (1577 - 1587 M), Aceh telah menjadi sebuah kerajaan Islam yang sangat dihormati di rantau ini. Baginda sangat warak dan telah menggalakkan rakyatnya mempelajari berbagai ilmu pengetahuan Islam. Banyak alim-ulama dan cerdik pandai lahir pada masa itu. Mereka bukan sahaja menjadi guru tetapi juga menterjemahkan kitab-kitab Islam.

Antara ulama dan pengarang Islam Aceh yang terkenal dewasa itu ialah **Syeikh Nuruddin bin Husani al-Raniri** berasal dari Gujarat India dan telah mengarang buku *Bustanu-Salatin* (Taman Para Raja) yang diterbitkan dalam tahun 1638 M. Nuruddin adalah seorang ulama yang masyhur dalam masa pemerintahan Sultan Iskandar Thani (1636 - 1641 M). Beliau dikatakan telah mengarang sebanyak dua puluh lima buah buku Islam dan di antara yang terkenal selain daripada *Bustanu-Salatin* ialah *Siratal-Mustaqin* (buku fiqah/ibadah), *Darratul-Fawaid* (akidah), *Hujjat as-Siddiq* (sufi) dan *Hidayatul-Habib Fi-Taghrib Wat-Tarhib* (hadis).

Di samping ulama-ulama luar negeri terdapat juga ulama tempatan yang tidak kurang kebolehannya seperti **Hamzah Fansuri** dari Baros. Di antara karya beliau *Syarabul-Asyikin* (Minuman Orang Yang Cintakan Tuhan) dan *Asrarul-Arifin* (Rahsia Orang yang Bijaksana). Karya-karya beliau yang berbentuk puisi ialah *Syair Burung Pingai*, *Syair Perahu*, *Syair Dagang*, *Syair Burung Pungguk* dan *Syair Sidang Fakir*. Hamzah Fansuri ialah seorang ulama sufi yang menganuti tarikat Qadariah yang dipengaruhi oleh Ibnu Arabi dan al-Hallaj ahli sufi Arab yang terkenal. Salah satu ajaran beliau ialah "Widhatul-Wujud" di tentang oleh Nuruddin al-Raniri dan Abdul Rauf Sengkel yang berfaham "Widhatul-Syuhud". Nuruddin berjaya mempengaruhi Sultan Iskandar Thani bahawa ajaran Hamzah itu menyalahi Islam, dan menyebabkan sejumlah kitab-kitabnya dibakar.

Seorang lagi tokoh Islam terkenal dewasa itu ialah **Syamsuddin ibnu Abdullah al-Sumatrani** yang dipercayai berasal dari Pasai dan juga hidup dalam zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Syamsuddin ialah ulama sufi dan pengarang yang terkenal dewasa itu. Beliau ialah murid dan pengikut setia Hamzah Fansuri yang berusaha mengembangkan ajaran Suluk (Wihsdatul-Wujud). Seperti ajaran Hamzah ajaran Syamsuddin juga ditentang oleh Nuruddin dan Abdul Rauf. Di atas hasutan mereka banyak karya beliau juga telah diperintah dibakar oleh Sultan Iskandar Thani bersama-sama hasil karya Hamzah Fansuri. Antara hasil karya beliau ialah *Sharah Rubai Hamzah Fansur* (Tafsiran Syair Hamzah Fansuri), *Mirrat al-Mu'min*, *Kitab Mirrat al-Muhaqqiqin*, *Kitab Mirrat al-Imam*, *Kitab Fadhik da'ra Kab Al-Kawasyana*, *Kitab Sir al-Arifina* dan *Kitab Mirrat al-Qulut*.

Seorang lagi ulama dan pengarang Islam yang tidak asing lagi dalam zaman itu ialah rakan karib Nuruddin al-Raniri, iaitu **Abdul Rauf Sengkel** yang dikenali juga sebagai Tengku di Kuala. Beliau dilahirkan di Aceh dalam tahun 1615 M dan pernah tinggal di Mekah selama 19 tahun. Beliau sangat dihormati dan disanjung tinggi oleh orang ramai. Ajaran beliau adalah Widhatul-Syuhud dan beraliran tarikat Shatariyah. Walaupun beliau rakan karib Nuruddin al-Raniri, tetapi Abdul Rauf lebih lembut dan bertolak-ansur dari Nuruddin. Beliau tidak terus menyatakan bahawa ajaran Hamzah dan Syamsuddin salah. Di antara hasil karya beliau yang terkenal ialah *Mir'at al-Tullub* (buku fiqah), *Umdat al-Muhtajin*, *Kifayat al-Muhtajin* dan *Muzat al-Badi*.

Pembaharuan yang dibawa Oleh Islam

Kedatangan Islam ke Alam Melayu atau Asia Tenggara seperti juga di tempat lain di dunia, telah membawa perubahan yang positif kepada cara hidup penduduk-penduduk yang berkenaan secara keseluruhan. Pembaharuan yang jelas ialah *perubahan cara mereka berfikir*. Ajaran Islam yang sentiasa menggalakkan penganut-penganutnya menuntut ilmu pengetahuan dunia dan akhirat telah meninggikan lagi cara mereka berfikir, berbahas dan mencari penyelesaian. Ajaran Islam sentiasa mendorong pengikut-pengikut berfikir secara terbuka, menyelidik, menjalankan kajian dan sebagainya. Dari sinilah menyebabkan wujud alim ulama, para cendiakawan dan pengarang-pengarang Islam seperti dihuraikan di atas.

Semangat *persaudaraan* dan *perpaduan Islam sejagat* ialah di antara pembaharuan cara hidup yang dibawa oleh Islam yang wujud di Alam Melayu. Semangat perkauman dan kedaerahan telah dapat dikes. Semangat kerjasama dan bantu-membantu telah wujud di kalangan *ummah*. Orang-orang Islam telah bersatupadu menentang kerajaan Hindu Majapahit, penjajah Portugis, Belanda dan Sepanyol.

* Perubahan dari segi *aqidah* adalah jelas merupakan pembaharuan yang telah wujud setelah kehadiran Islam di rantau ini. Penduduk-penduduk tempatan yang sebelumnya percayakan tuhan berhala dan anamisma kini mereka percaya *keesaan Tuhan*, iaitu Allah. Kepercayaan aqidah ini telah mengubah cara mereka berfikir dan menyatupadukan mereka secara keseluruhan.

Kedatangan Islam juga telah mewujudkan sistem *politik* dan *pentadbiran negeri-negeri* di rantau ini. Sistem kesultanan yang berdasarkan sistem khalifah seperti juga dalam kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah telah diamalkan oleh kerajaan-kerajaan Islam di Alam

Melayu. Sistem perundangan Islam juga telah dilaksanakan di kebanyakan negara-negara Islam walaupun tidak sepenuhnya. *Hukum Qanun Melaka* seperti yang menjadi asas undang-undang Melaka banyak mengandungi sistem perundangan Islam. Undang-undang keluarga dan jenayah Islam telah diamalkan secara meluas. Walau bagaimanapun, beberapa ciri adat istiadat Hindu dan anamisma yang tidak jelas bertentangan dengan Islam terus diamalkan oleh umat Islam hingga kini. Di samping itu sejarah kemerdekaan di negeri-negeri di Alam Melayu ini telah dimulakan oleh tokoh-tokoh Islam yang mendapat inspirasi dari sejarah Islam di negara-negara Islam yang lain. Syeikh **Muhammad Abduh** dari Mesir dan **Jamaluddin al-Afghani** telah banyak meniupkan semangat perjuangan umat Islam di rantau ini hingga mewujudkan **Syed Syeikh Abdul Hadi** umpamanya yang terkenal di Alam Melayu.

Kedatangan Islam juga telah mengwujudkan satu sistem pendidikan yang baharu dalam masyarakat Alam Melayu ini. Buku-buku ilmu pengetahuan Islam telah dibaca oleh semula lapisan masyarakat, golongan istana dan rakyat jelata. Dalam masa yang sama sekolah-sekolah agama yang mengajar al-Quran, ilmu fiqah, tauhid, akhlak, dan bahasa Arab telah banyak ditubuhkan. Keadaan ini telah melahirkan masyarakat yang pandai membaca dan menulis seterusnya berilmu pengetahuan dan berakhhlak tinggi. Bahan-bahan bacaan Islam dari Timur Tengah dan tempatan telah bertambah dari semasa ke semasa dan ini telah meninggikan cara umat Islam berfikir dan bertindak. Serentak dengan ini, kebudayaan Melayu telah diubahsuai dengan kehendak-kehendak Islam. Sementara bahasa dan kesusasteraan Melayu telah diperkayakan lagi dengan kaedah dan perkataan Arab, di samping terjemahan buku-buku Islam. Keadaan ini terus menerus meningkat dari semasa ke semasa hingga kini.



ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Pengenalan

Penubuhan sesebuah negara yang moden hari ini ialah berpandukan kepada falsafah Eropah, yang berasaskan kepada penceraian di antara negara dan agama(walaupun ini tidak dikehendaki oleh Islam). Pengertian kenyataan ini ialah, pemerintahan dan pentadbiran kerajaan dan hak-hak rakyat dalam sesebuah negara itu janganlah semata-mata bergantung kepada agama. Walaupun asas negara moden sekarang ini menceraikan agama dan politik, tetapi dalam kebanyakan Perlembagaan, Raja yang memerintah mestilah seorang yang beragama yang tertentu.

Di United Kingdom, rajanya mestilah yang beragama Kristian, begitu juga di Thailand rajanya mestilah beragama Buddha. Ini menjelaskan bahawa perhubungan di antara agama dan politik hanya sekadarkan undang-undang agama tidak boleh digunakan untuk memerintah negeri dan tidak boleh dikenakan kepada orang-orang yang tidak beragama atau agama lain.

Agama Islam sebagai Agama Rasmi

Dalam Perlembagaan Malaysia Bab 1 Fasal 3 Ceraian (1) yang telah dipinda pada 1hb Mac 1964 ada mentitakan demikian :-

"Islam is the religion of the Federation; but other religions can be practised in peace and harmony in any part of the Federation".

(Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh juga diamalkan dalam aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan).

Sebelum ini pun dalam *Penyata Suruhanjaya Reid* iaitu badan yang bertanggungjawab menggubal Perlembagaan Malaysia itu, telah menentukan kedudukan agama Islam sebagai agama yang sewajarnya diberi tempat yang mulia di Persekutuan Tanah Melayu. Hak-hak awam dan orang bukan Islam akan sentiasa dipelihara. Semasa Pe-

nyata Suruhanjaya ini dibentangkan Hakim Abdul Malik seorang tokoh undang-undang dari Pakistan yang menjadi salah seorang anggota Suruhanjaya itu telah menyatakan:

“Beberapa buah negara di dalam dunia ini termasuk Norway, Denmark, Sepanyol, Afghanistan, Pakistan, Iran, Iceland dan lain-lain telah mengaku hak-hak individu”

Kemudian Hakim Abdul Malik menambah lagi:

“Peruntukan yang seperti ini tidaklah akan menjadi mudarat jika peruntukan itu mempunyai beberapa penahanan (safeguards). Lagipun beberapa buah negara di dalam dunia ini mempunyai peruntukan seperti ini (peruntukan tentang kedudukan agama rasmi), dan jika peruntukan itu tidak menjadi mudarat tidaklah menjadi halangan jika agama Islam itu diisyiharkan di dalam Perlembagaan sebagai Agama Rasmi.”

Agama Islam dan Negeri-negeri di Tanah Melayu

Di sini sungguhpun Islam merupakan Agama Rasmi Persekutuan, tetapi kuasa agama itu bukanlah dikuasai oleh kerajaan pusat, sebaliknya dipegang oleh kerajaan-kerajaan negeri, khususnya negeri-negeri Semenanjung. Bagaimanapun kerajaan pusat berhak dari segi undang-undang membenarkan pemberian bantuan kewangan untuk tujuan-tujuan pemberian pengajaran agama Islam kepada orang Islam. Agama Islam masih lagi menjadi tanggungan kerajaan negeri. Tiap-tiap negeri mempunyai Pejabat Agama dan Adat Istiadat Melayunya sendiri. Pucuk pimpinan agama di tiap-tiap buah negeri yang beraja ialah Sultan (termasuk Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan). Ini tercatat di dalam Fasal 3 Ceraian (2) Perlembagaan Malaysia:

“Di tiap-tiap negeri melainkan Melaka dan Pulau Pinang keduakan Sultan sebagai Ketua Agama di negerinya seperti yang diakui oleh Perlembagaan Negeri itu, dan dalam lingkungan Perlembagaan itu, segala hak-hak, keutamaan-keutamaan, dan kuasa Sultan sebagai Ketua Agama itu terpelihara; tetapi dalam sebarang perlakuan acara-acara dan upacara-upacara yang mana telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan maka tiap-tiap Sultan sebagai Ketua Agama dalam negerinya akan memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong untuk mewakilinya.”

Berkenaan Pulau Pinang dan Melaka pula, iaitu negeri-negeri yang

tidak mempunyai Raja, Fasal 3 Ceraian (3) menerangkan:

"Perlembagaan negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang akan mengandungi syarat-syarat untuk menganugerahkan ke atas Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong sebagai Ketua Agama negeri-negeri itu."

Dalam hal-hal perundangan mengenai agama Islam, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa penuh dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh membuat undang-undang yang bersangkutan dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu, kecuali di dalam beberapa perkara sahaja seperti yang disebutkan di atas. Sultan-Sultan menjadi Ketua-ketua Agama bagi negeri Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong menjadi Ketua Agama bagi Persekutuan, dan dalam keadaan yang sama menjadi Ketua Agama bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Merujuk kepada kandungan Perlembagaan di atas didapati bahawa kuasa Kerajaan Negeri dan Pusat adalah dihadkan kepada satu undang-undang yang teratur. Kerajaan pusat berkuasa ke atas perkara-perkara seperti: upacara-upacara, istiadat-istiadat termasuklah membaca doa, sembahyang, mengisyitiharkan anak bulan Ramadan, Syawal, Muharram; dan Zulhijjah dan lain-lain. Ketua-ketua Agama atau Sultan tiap-tiap buah negeri mestilah mengakui dalam soal ini, dan mengakui Yang Di Pertuan Agong sebagai wakil mereka dalam pengisyitiharan upacara-upacara agama itu. Begitulah juga dengan hak-hak mengeluarkan surat-surat tauliah yang memberi kebenaran mengajar kepada guru-guru agama, kebenaran imam-imam nikah kahwin dan kebenaran mengetuai kumpulan gerakan dalam mengerjakan amal ibadat, juga boleh dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat. Ini termasuklah guru-guru agama tentera.

Selain daripada itu berkebenaran-berkebenaran untuk memberi pidato agama di satu-satu tempat, perbadanan, atau pertubuhan yang terpenting seumpamanya di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab di keluarkan oleh Kerajaan Pusat menerusi saluran-saluran tertentu. Di tiap-tiap buah negeri yang boleh dilantik Menteri Besar (tidak termasuk Ketua Menteri di Melaka dan pulau Pinang) mestilah dari orang Melayu yang beragama Islam. Akan tetapi ada kemungkinan orang-orang yang bukan Melayu dilantik sebagai Menteri Besar dengan syarat mereka beragama Islam. Walau bagaimanapun Perlembagaan Negeri Perak tidak sama dalam soal ini. Setelah satu pindaan dibuat dalam tahun 1968, rakyat negeri Perak yang bukan Melayu dan bukan Islam dibolehkan menjadi Menteri Besar dengan syarat mendapat persetujuan Sultan Perak.

Di sini dijelaskan sekali lagi, selain daripada itu, undang-undang

boleh dibuat oleh sesuatu Dewan Undangan Negeri bagi mengawasi dan menyekat penyebaran agama dan kepercayaan, walaupun apa agama dan kepercayaan sekalipun, kepada orang Islam. Dan lagi undang-undang negara boleh membuat peruntukan supaya diberi bantuan wang untuk penubuhan dan penyelenggaraan yayasan Islam dan pengajaran agama Islam kepada orang yang beragama Islam. Di sini undang-undang Persekutuan berhak dan berkuasa membuat peruntukan seperti ini, walaupun hal-ehwal agama Islam itu tanggung jawab Kerajaan Negeri. Walaupun Parlimen berkuasa membuat sesuatu perjanjian dengan negeri-negeri asing atau badan antarabangsa, tetapi jika undang-undang itu mengenai agama Islam, Parlimen tidaklah boleh membuatnya kecuali telah mendapat persefahaman dari Kerajaan-kerajaan Negeri.

Secara umumnya, pendaftaran perkahwinan dan penceraian orang Islam adalah tanggungjawab Pejabat Pendaftaran dan Kadi. Peraturan cerai-berai dan mas kahwin adalah juga tanggungjawab Kadi. Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri di bawah penge-lolaan Pejabat Agama hanya boleh menyelesaikan tuntutan-tuntutan nafkah, penceraian, khalwat, zina, makan atau minum di khalayak ramai dalam bulan Puasa, dan lain-lain. Taraf Mahkamah Syariah lebih rendah daripada Mahkamah Awam. Tetapi kini beberapa usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyelaraskan Mahkamah Syariah dan Awam. Walau bagaimanapun tuntutan nafkah yang terlalu tinggi biasanya dikemukakan kepada Mahkamah Awam.

Kesalahan-kesalahan yang tidak ada kena mengena dengan istiadat agama seperti nikah kahwin, talak, harta pusaka dan lain-lain iaitu kesalahan-kesalahan jenayah seperti pembunuhan, rompakan dan lain-lain bukan tanggungjawab Mahkamah Syariah, tetapi tanggungjawab Mahkamah Awam, walaupun Islam sendiri mempunyai undang-undang jenayah yang lengkap. Keadaan ini berlaku, kerana kedudukan Agama Rasmi di negeri ini tidak dapat menyatukan di antara agama dan negara sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Seperti yang disebutkan, dalam tiap-tiap buah negeri pucuk pimpinan ialah Sultan, kecuali Melaka dan Pulau Pinang, Yang Di Pertuan Agong. Tiap-tiap buah negeri mempunyai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu ataupun seumpamanya. Kuasa-kuasa dalam tiap-tiap Majlis itu adalah bergantung kepada negeri itu sendiri. Walaupun pada dasarnya peranan dan tanggungjawab Majlis-majlis itu sama, tetapi dalam beberapa hal Majlis-majlis itu mempunyai beberapa perbezaan. Di Pahang umpamanya Majlis itu berkuasa untuk mengeluarkan fatwa. Majlis-majlis negeri-negeri lain mempunyai kuasa juga dalam soal ini tetapi bergantung kepada beberapa kondisi. Di Perlis, Perak, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan dan juga Pahang mempunyai hak

mentadbirkan hal-ehwal wakaf, wasiat yakni menguruskan harta peninggalan si mati. Dalam keadaan yang sama pula, di Terengganu pula kuasa ini dijalankan oleh Suruhanjaya Jabatan Agama. Di Kelantan, Perlis dan Kedah, Majlis Agama boleh mendengar rayuan-rayuan daripada Mahkamah-mahkamah Syariah yang berkenaan.

Di tiap-tiap negeri kecuali di Kelantan dan Melaka, tiap-tiap Jabatan Agama mempunyai pentadbir yang tidak ada kena mengena dengan pekerjaan agama, umpamanya tugas mengawasi perjalanan pentadbiran Jabatan itu.

Di dalam perkara lain pula mengikut cadangan-cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1967, jika didapati mustahak ditubuhkan Jabatan Agama Islam Persekutuan, dengan tujuan menyamakan peraturan-peraturan pentadbiran, Yang Di Pertuan Agong setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja, hendaklah mengeluarkan perintah menubuhkan sebuah Jabatan yang menjadi satu bahagian daripada pejabatnya. Perintah-perintah yang seumpama ini biasanya dikeluarkan menerusi Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu. Pada masa ini setelah rundingan-rundingan teratur dibuat oleh Jabatan Hal-Ehwal Agama Pusat (Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam, Malaysia) telahpun ditubuhkan di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri.

Agama Islam dan Negeri-negeri Sarawak dan Sabah

Agama Islam adalah Agama Rasmi Persekutuan, tetapi kedudukan agama rasmi di negeri-negeri Semenanjung adalah terhad, dan tidak melibatkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak atau dengan kata-kata lain Sabah dan Sarawak tidak mempunyai agama rasmi. Ini dijelaskan dalam Perlembagaan Fasal 38 Ceraian (7):

“Tugas Majlis Raja-Raja pada mempersetujui atau tidak mempersetujui dengan perlanjutan amalan dan adat istiadat agama ke seluruh Persekutuan tidaklah meliputi Sabah dan Sarawak dan dengan ini kedua-dua buah negeri ini hendaklah dianggap terkeluar daripada.....Persekutuan”

Walaupun agama Islam tidak diterima sebagai agama rasmi di kedua-dua negeri ini, Perlembagaan Malaysia ada membuat beberapa peruntukan mengenai Islam:

- (1) Kita ingat di negeri-negeri di Tanah Melayu, undang-undang negeri boleh mengawal dan menyekat penyebaran agama lain di kalangan orang Islam. Tetapi di Sarawak dan Sabah undang-undang yang

seperti ini tidak boleh diluluskan oleh Dewan Negeri melainkan Perlembagaan Negeri itu ada mempunyai peruntukan di mana undang-undang untuk mengawal dan menyekatkan penyiaran agama di kalangan orang-orang Islam hendaklah diluluskan dalam bacaan kedua atau ketiga atau kedua-duanya sekali oleh suara terbanyak tetapi suara itu tidaklah lebih daripada 2/3 jumlah ahli-ahli Dewan Negeri itu.

- (2) Jika sesuatu Akta Parlimen yang berjalan kuatkuasa di negeri Sarawak dan Sabah akan memberi bantuan wang untuk menubuh atau menyelenggarakan yayasan Islam dan pengajaran agama Islam kepada orang Islam, Akta ini tidak boleh diluluskan oleh Parlimen, melainkan hendaklah terlebih dahulu didapati persetujuan Gabenor negeri itu.
- (3) Jika sesuatu undang-undang Persekutuan yang bukannya berjalan kuatkuasa di Sarawak dan Sabah membenarkan bantuan wang seperti yang tersebut itu dikeluarkan dari kumpulan wang awam mana-mana tahun, negeri-negeri itu berhak menerima daripada kerajaan Persekutuan satu kadar daripada wang hasil yang didapati oleh Kerajaan Persekutuan di negeri itu. Kadar ini adalah sama dengan kadar wang bantuan yang diberi daripada hasil yang dipungut di Malaysia Barat. Wang-wang yang diterima oleh negeri Sarawak dan Sabah mengenai hal ini akan digunakan oleh kerajaan negeri itu sebagai kebijakan masyarakat dan wang ini adalah terasing daripada wang-wang pemberian yang lain diberi oleh kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Sarawak dan Sabah.

Agama Islam dan Kebebasan Agama-agama Lain

Walaupun agama Islam telah menjadi agama rasmi bagi Persekutuan, agama-agama lain pun boleh juga diamalkan dengan keadaan yang aman dan damai di dalam mana-mana bahagian dalam Persekutuan ini. Tiap-tiap orang adalah berhak mengamal dan menyiarkan agamanya, di dalam lingkungan Perlembagaan, iaitu penyiaran agama kepada orang Islam boleh dikawal dan disekat oleh undang-undang negeri.

Tiap-tiap kumpulan penganut agama dengan tiada kecuali kepada mana-mana agama adalah berhak mentadbirkan hal-hal agamanya sendiri, menubuh dan menyelenggarakan yayasan-yayasan untuk maksud agama dan kebijakan atau mengajar agama kepada anak-anak mereka, dan juga berhak memperoleh dan memegang hartanya sendiri untuk agamanya. Kebebasan agama-agama lain di samping agama Islam di Malaysia ini adalah diperteguhkan lagi oleh beberapa

peruntukan berikut:

- (1) Tiap-tiap seorang itu tidak boleh dipaksa supaya membayar cukai, sebagaimana yang tersebut, yang pendapatannya digunakan untuk kepentingan agama lain, semuanya atau pun sebahagian daripadanya. Di sini bermakna orang Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain tidak boleh dipaksa membayar zakat.
- (2) Perlembagaan telah menegah beza-membeza di antara warganegara dengan sebab agama tetapi mengenai beza-membeza dalam perjawatan yang berkaitan dengan agama itu atau jawatan dalam yayasan-yayasan agama atau yang diurus oleh badan-badan agama itu diberi kepada orang yang beragama itu, beza-membeza dengan sebab ini tidak dilarang.
- (3) Dalam hal pelajaran pula tidaklah boleh dibezakan antara seorang warganegara dengan seorang warganegara lain dengan sebab agama. Beza-membeza di atas asas ini adalah ditegah dalam:
 - (a) pentadbiran sesuatu yayasan pelajaran yang diselenggarakan oleh pihak yang berkuasa awam;
 - (b) kemasukan penuntut ke dalam yayasan itu dan pembayarannya sekali;
 - (c) pemberian kewangan yang datangnya daripada tabung kewangan pihak yang berkuasa awam supaya membolehkan penuntut-penuntut belajar dalam mana-mana yayasan pelajaran (baik pun yayasan itu di luar atau di dalam Malaysia, atau diselenggarakan oleh pihak yang berkuasa awam atau tidak); dan
 - (d) mana-mana undang-undang mengenai pelajaran dan pentadbiran undang itu. Sungguhpun demikian, tetapi Perlembagaan telah membuat satu kecualian; iaitu undang-undang Persekutuan dan undang-undang negeri boleh membuat peruntukan bagi bantuan wang kepada yayasan Islam untuk menubuh, menyelenggarakan atau memberi pelajaran Islam kepada orang-orang yang beragama Islam.
- (4) Tiap-tiap seorang itu tidak boleh dipaksa supaya menerima ajaran atau mengambil bahagian dalam adat istiadat atau upacara agama lain daripada agamanya. Agama bagi orang yang kurang umurnya daripada 18 tahun ialah agama yang ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Walaupun di Malaysia ini ada kebebasan agama, tetapi kebebasan

itu adalah terhad kepada undang-undang awam mengenai keamanan awam kesihatan dan akhlak awam.

Agama dan Hak Asasi

Perlembagaan Malaysia telah mencatatkan hak asasi di dalamnya dengan menggunakan perkataan *kebebasan asasi*. Kebebasan atau hak asasi ini adalah terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu kebebasan agama, kebebasan diri dan kebebasan ekonomi. Kebebasan agama ada dicatatkan di dalam Fasal 11 dan 12 iaitu:-

1. Tiap-tiap seseorang itu berhak memeluk dan mengamalkan agamanya masing-masing.
2. Tiap-tiap seseorang yang di bawah usia 18 tahun tidak boleh dikehendaki menerima ajaran atau mengambil bahagian dalam adat istiadat agama yang lain daripada agamanya.
3. Tiap-tiap seseorang itu tidaklah boleh dipaksa supaya membayar cukai yang pendapatannya akan digunakan semuanya atau sebahagian daripadanya untuk tujuan-tujuan agama yang lain daripada agamanya.
4. Tiap-tiap golongan pemeluk agama itu berhak:-
 - a. menguruskan hal-hal agamanya
 - b. menubuhkan dan menyelenggarakan harta yayasan-yayasan untuk agamanya dan
 - c. memiliki harta dan mentadbir harta itu.

Segala hak-hak itu tidaklah terganggu atau tersekut walaupun agama Islam telah menjadi rasmi, kecuali mengenai penyiaran agama kepada orang Islam sahaja. Di sini Badan Perundangan bagi tiap-tiap buah negeri di Tanah Melayu (Semenanjung) berhak membuat undang-undang untuk menyekat penyiaran agama kepada orang Islam dan juga kepada orang yang bukan Islam yang cuba hendak menyiarkan agama Islam kepada orang Islam (orang Islam yang hendak menyiarkan agama Islam hendaklah mendapat surat tauliah daripada Pejabat Agama Islam negeri masing-masing). Tetapi boleh dikatakan kesemua Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam dalam tiap-tiap buah negeri di Tanah Melayu membuat tegahan ini ke atas orang Islam sahaja.

Kebebasan agama ini tidaklah pula boleh melanggar undang-undang am mengenai keamanan awam, kesihatan dan keelokan akhlak awam. Di sinilah letaknya had kebebasan agama. Perlembagaan tidak memberi apa-apa takrif kepada perkataan 'agama'. Oleh itu perkataan ini akan diberi makna biasa sahaja. Iaitu agama itu adalah kepercayaan kepada kuasa yang tertinggi lebih daripada kekuasaan segala-galanya. Jika ada satu kumpulan agama yang percaya kepada agamanya memaksa mereka membunuh orang dan membuat beberapa perbuatan keji, agama seperti itu sudah tentu tidak dapat dibebaskan kerana ini akan merosakkan keselamatan awam. Selain daripada itu dalam hal undang-undang, pekerjaan, jawatan, perniagaan, pemilihan harta, dan perniagaan tidaklah boleh dibeza-bezakan di antara seseorang warga-negara dengan seseorang warganegara yang lain dengan sebab agamanya. Kemudian Fasal 12 telah mengharamkan perbezaan beralaskan agama dalam hal kemasukan oleh pihak berkuasa awam atau dalam hal pemberian derma pelajaran dari wang-wang yang datang daripada pihak berkuasa awam.

Tiap-tiap golongan penganut agama berhak menubuhkan yayasan untuk mengajar agamanya dan undang-undang tidak boleh membuat perbezaan di antara agama mengenai yayasan itu, tetapi ada satu pengecualian iaitu undang-undang Persekutuan dan undang-undang Negeri boleh membuat peruntukan memberi bantuan wang untuk yayasan Islam atau untuk mengajar agama Islam kepada orang Islam.

Pengertian Agama Rasmi

Kedudukan Agama Islam sebagai Agama Negara seperti yang termaktub dalam Perlumbaan Persekutuan juga telah ditakrifkan sebagai Agama Rasmi. Kedudukan Agama Islam sebagai Agama Rasmi ini telah menyebabkan Malaysia di anggap sebagai **Negara Islam**, walaupun umat Islam di negeri ini bukannya merupakan penduduk majoriti. Pengakuan ini sering dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara ini yang beragama Islam. Pengertian Negara Islam bagi Malaysia secara kasar adalah sama dengan Negara-Negara Islam yang lain. Negara Islam pada masa ini mempunyai pengertian yang berbeza dengan apa yang dikehendaki oleh Islam sendiri, sebagaimana Negara Islam dalam Zaman Nabi Muhammad dan Khulafa' al-Rasyidin. Pada masa kini takrif Negara Islam adalah berdasarkan kepada penduduk majoriti Islam ataupun pengakuan dalam Perlumbaan, ataupun pemerintahan negeri itu, bukannya berasaskan kepada perlaksanaan perundangan Islam keseluruhannya di negeri yang berkenaan. Di dalam Negara-negara Islam sekarang kedudukan politik, ekonomi, kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan dan agama adalah berasingan. Ini adalah satu

konsep warisan dari barat, yang meletakkan kedudukan agama (umpamanya agama Kristian) berasingan dengan negara, tetapi dalam negara Islam sebenarnya kesemuanya ini adalah satu sahaja. Hanya dengan kedudukan ini sahajalah kesejahteraan kehidupan manusia benar-benar terjamin.

Perlembagaan Malaysia telah meletakkan agama Islam di suatu tempat yang teristimewa, sebagai agama rasmi Negara. Kedudukan agama rasmi secara kasarnya bermakna, seluruh kegiatan pemerintah yang berhubung dengan agama itu mestilah ditumpukan kepada agama Rasmi sahaja. Peruntukan memberi kebebasan kepada agama-agama lain, hanya semata-mata untuk memberikan dan memperlindungi agama itu daripada sebarang penindasan, tidak lebih daripada itu. Negara-negara lain di dalam dunia ini sangat berpegang teguh di dalam soal ini umpamanya di England. Agama rasmi England adalah agama Protestant. Di England segala kegiatan agama adalah ditumpukan kepada agama itu. Pecahan agama-agama lain dalam agama Kristian umpamanya Katholik kedudukannya sama seperti agama-agama bukan Kristian yang lain. Seorang warganegara England yang bukan beragama Protestant tidak boleh menjadi Perdana Menteri. Umpamanya dalam abad ke-19 seorang warganegara England yang beragama Yahudi, iaitu Benjamin Desraily telah terpaksa menukar agamanya kepada Protestant untuk menjadi Perdana Menteri. Hal ini dilakukan adalah sebagai mematuhi Perlembagaan negara itu.

Seperti yang telah dijelaskan di atas, di dalam sebuah negara yang mempunyai agama rasmi, segala kegiatan agama yang dirancangkan dan dilaksanakan oleh pemerintah mestilah tertumpu kepada agama itu. Agama-agama lain hanya mempunyai taraf kebebasan agama sahaja. Hal ini adalah meliputi kepada bantuan-bantuan kewangan untuk pembinaan rumah-rumah agama, sekolah-sekolah agama dan upacara-upacara agama yang lain. Di England sendiri hanya agama Protestant sahaja yang menerima bantuan kewangan dari pemerintah. Agama-agama lain seperti agama Yahudi, Islam dan malahan pecahan-pecahan lain di dalam agama Kristian seumpama agama Katholik, Anglican dan sebagainya tidak mendapat layanan-layanan seperti itu. Bagaimanapun seperti yang dihuraikan di atas agama-agama lain seperti di atas berjalan dengan tidak mendapat gangguan sedikit pun daripada tafsiran Perlembagaan negeri itu.

Agama-agama lain yang tidak tercatat dalam Perlembagaan di England sebagai agama Rasmi, tidak pernah bersungut kerana tidak mendapat layanan-layanan yang sewajarnya daripada pemerintah. Ini kerana pengikut-pengikut agama itu menjadi simbol negeri itu seperti juga di negara-negara lain adalah mempunyai garisan dan lingkungan yang tertentu di dalam Perlembagaan itu. Tiap-tiap apa yang tercatat di dalam Perlembagaan itu mestilah dihormati dengan sebaik-baiknya.

Proses Agama Rasmi (Islam Abad ke-20 di Malaysia)

Dalam abad yang ke-20 ini umat Islam di Malaysia telah mengalami beberapa perubahan berfikir dalam menghadapi agama oleh sebab pertembungan dunia Islam dengan peradaban Barat dan tafsiran-tafsiran aspek-aspek Islam secara rasional yang mula ditimbulkan oleh Jamaluddin al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh yang menjadi pelopor pembaharuan terhadap pemikiran Islam di Afghanistan dan Mesir. Pengaruh kedua mereka ini juga dirasai di Indonesia selain negara-negara Islam di Asia Barat (Timur Tengah), Pakistan, India dan lain-lain. Gema fikiran-fikiran dan pandangan-pandangan baharu terhadap Islam oleh kedua-dua pemuka kebangkitan Islam dibawa ke Tanah Melayu oleh Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaludin dan tokoh-tokoh lain yang sezaman dengan mereka. Malangnya perkara ini tidak mendapat sambutan yang positif daripada ulama yang lain pada waktu itu. Bagaimanapun ramai juga pelajar lulusan Universiti al-Azhar yang tertarik dengan cetusan-cetusan fikiran baharu ini.

Akibat kesan daripada pengaruh peradaban Barat umat Islam di Malaysia mengalami pula kemajuan-kemajuan dan perubahan-perubahan besar dalam kehidupan kebendaan. Pendidikan cara Barat yang dimulakan pada awal abad ke-20 telah membawa pandangan-pandangan dan nilai-nilai baharu serta pendidikan cara baharu pula. Dalam suasana itu penuntut-penuntut lepasan sekolah agama cara lama masih lagi berjaya meniupkan semangat keagamaan. Akan tetapi susunan pelajaran dan pentadbiran masih lagi belum disusun dengan kemas bagi sekolah-sekolah ini. Namun begitu di sinilah lahir dan terlatihnya pegawai-pegawai agama dan guru-guru agama tempatan. Sebahagian penuntut yang lulus dari sekolah-sekolah ini telah melanjutkan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi Islam di Timur Tengah (Asia Barat), India, Pakistan dan juga Indonesia.

Di kalangan orang Islam sendiri terdapat pula perbezaan dalam pandangan masing-masing terhadap segi pengajaran Islam. Fahaman-fahaman yang berbeza itu mulanya timbul di luar negeri akan tetapi kemudiannya telah menular masuk ke Tanah Melayu. Guru-guru agama yang tidak sanggup menghadapi cabaran zaman ini mengasingkan diri mereka. Pandangan baharu (modenisme) dalam Islam dianggap sebagai satu bidaah oleh setengah-setengah daripada mereka dan mestilah disingkirkan. Ajaran Islam yang tinggal di kalangan mereka nampaknya berkisar di sekitar soal-soal akhirat dan ibadat serta persoalan-persoalan akhlak sahaja. Sikap pasif, jumud dan beku yang sedemikian apabila berhadapan dengan kemajuan-kemajuan dan kejayaan-kejayaan sains serta teknologi menyebabkan timbulnya

perasaan ragu dan kekacauan fikiran di kalangan lapisan muda. Adat Istiadat lama dan kepercayaan-kepercayaan kuno dipandang rendah dan tidak dipedulikan. Kemudian fahaman baru dan fikiran baharu mulalah bertunas dan berkembang sesuai dengan kehendak-kehendak Islam itu sendiri.

Dalam tahun 1940 sebuah Pertubuhan Islam telah ditubuhkan di Singapura, dan orang yang mula-mula memberi galakan dan dorongan di belakang gerakan itu ialah al-Marhum Maulana Abdul 'Alim Sidque dan usaha itu dijayakan oleh Datuk Syed Omar al-Sagoff, Pengurus Pertubuhan Islam yang dikenali dengan nama Badan Dakwah Islam itu. Suara-suara supaya pusat-pusat pengajian Islam yang moden didirikan di tanahair semakin ramai dan lantang. Pusat pengajian yang dicita-citakan itu tentulah akan memberi nafas yang baharu kepada perkembangan pengajian dan pendidikan Islam di negeri itu. Pusat-pusat pengajian itu juga dicita-citakan dapat mempersatukan semua sekolah-sekolah agama dalam Tanah Melayu dan dengan itu taraf di sekolah-sekolah agama dapat bergerak maju dan berkembang subur memainkan peranannya untuk mengajar agama Islam dan bahasa Arab di tanahair. Pusat pengajian ini juga bertujuan hendak meninggikan taraf pelajaran pegawai-pegawai Mahkamah Syariah di samping mengembangkan Islam dan dengan cara yang sebaik-baiknya. Jawatan-kuasa kerja ditubuhkan dan usaha-usaha pendahuluan pun dijalankan untuk mendapatkan sokongan daripada orang ramai. Akhirnya dengan kemurahan al-Marhum Sultan Hisyamuddin al-Haj Alam Syah, Sultan Selangor, dewasa itu, sebuah daripada istana baginda di Kelang, Selangor telah dijadikan bangunan Kolej Islam Malaya, Kelang. Pada tahun 1955 pengajian yang pertama telah dimulakan di kolej itu.

Kemudian dari perkembangan Kolej Islam di Kelang itu muncullah pula Kolej Islam di Petaling Jaya pada tahun 1965. Dari rancangan yang dicita-citakan Kolej Islam Malaya di Petaling Jaya itu dicadangkan dinaikkan tarafnya hingga menjadi Kolej Universiti Islam pada tahun 1970.

Dalam tahun 1957 Tanah Melayu telah mencapai Kemerdekaan dari penjajah Inggeris, dan perlembagaan negara yang baharu itu telah mencatatkan Islam sebagai agama Persekutuan. Ini adalah satu peristiwa yang bersejarah bagi perkembangan agama Islam di negeri ini, semenjak berlakunya penjajahan di Tanah Melayu pada tahun 1511 dahulu. Perlembagaan Malaysia yang dibentuk pada tahun 1963 pun terus mengekalkan taraf Islam sebagai agama Persekutuan.

Dalam bulan Mei 1959 Jabatan Pengajian Islam telah ditubuhkan di Universiti Malaya. Dilihat dari segi sejarah perkembangan pendidikan Islam setakat ini, Jabatan ini nyatah merupakan suatu tahap pencapaian pengajian Islam di Malaysia.

Bagi mengisi kemerdekaan dan pengakuan terhadap Islam, kerajaan

telah menetapkan iaitu pelajaran agama Islam hendaklah dijadikan satu mata pelajaran di sekolah-sekolah Inggeris Tanah Melayu, khususnya kepada sekolah-sekolah yang mempunyai penuntut-penuntut Islam 15 orang atau lebih. Dalam tahun 1957 mata pelajaran agama Islam telah menjadi mata pelajaran di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Kemudian dalam tahun-tahun yang berikutnya pula mata pelajaran yang berkenaan telah menjadi pelajaran di dalam Sijil Pelajaran Malaysia, dan Sijil Tinggi Persekutuan. Ini adalah merupakan satu lagi kemajuan dalam lapangan pendidikan agama Islam di negeri ini, kerana dahulunya agama Islam hanya diajarkan disekolah-sekolah agama kerajaan dan rakyat sahaja.

Dalam bidang-bidang usaha menjalankan penerangan dan dakwah Islam pihak yang berkuasa telah juga memainkan peranan utama menerusi Pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Pertubuhan Kebajikan Islam se-Malaysia (PERKIM). Pertubuhan ini telah diasaskan di Kuala Lumpur pada tahun 1960 di atas inisiatif tokoh-tokoh Islam yang terkenal di ibu kota. Untuk melancarkan rancangan-rancangan dakwahnya sebuah Pusat Latihan Mualigh telah ditubuhkan pada tahun 1962 bertempat di Jalan Ampang, Kuala Lumpur dan pusat itu dikenali dengan nama Dar al-Aqram, mengambil sempena rumah seorang sahabat Rasulullah yang pernah menjadi markas besar pergerakan Islam dalam masa pertumbuhannya. Sebagai permulaannya seramai 11 orang pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan agama dan bahasa Inggeris telah dilatih. Akan tetapi pusat ini pada tahun 1965 telah ditutup, berikutan ura-ura kerajaan hendak membantu PERKIM menubuhkan sebuah Balai Islam di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Perlu juga disebutkan di sini pusat latihan tersebut semasa memainkan peranannya telah dikendalikan oleh Ustaz Mohammad Taqiyuddin Kandil dari Mesir.

Kemudian beberapa balai Islam yang sederhana (bukan Balai Islam yang dicadangkan dibina di Jalan Ipoh tersebut) telah ditubuhkan, umpamanya Balai Islam di Jalan Othman, Petaling Jaya, untuk memberi ajaran-ajaran Islam kepada orang-orang bukan Islam yang baharu sahaja memeluk agama Islam, terutamanya orang-orang Cina. Penerbitan-penerbitan dan penyiaran-penyiaran di dalam bahasa Inggeris dan Cina juga telah dibuat. Hasil dari kegiatan-kegiatan itu ramai juga orang-orang yang bukan Islam telah memeluk agama Islam dari semasa ke semasa. Mereka itu adalah daripada bangsa Cina, India, Thai dan juga Eropah. Dalam tahun 1963, seramai 36 orang bukan Islam telah memeluk agama Islam, tahun 1964 seramai 99 orang, tahun 1965 seramai 29 orang, dan bilangan ini sentiasa bertambah dengan pesatnya dalam tahun-tahun 1966, 1967 dan 1968.

Selain daripada badan-badan di atas banyak lagi badan-badan

Islam yang lain bertaburan di tanahair. Masing-masing ada mendapat bantuan daripada kerajaan pusat atau negeri. Sama ada bantuan itu lumayan atau tidak, dan sama ada ini telah mencukupi dengan konsep agama rasmi, bukanlah menjadi soal pokok setakat ini di sini. Badan-badan Wakaf dan Zakat kaum Muslimim dan Muslimat dan badan-badan dakwah yang lain di Malaysia telah disusun semula dari semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan fikiran manusia. Antara badan-badan tadi ialah al-Rahmaniyah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam se-Malaysia yang berpusat di Masjid Al-Rahman, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan, mahasiswa-mahasiswa dan pelajar-pelajar dari Kuala Lumpur. Kemudian dalam tahun 1961 Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Tanah Melayu telah ditubuhkan. Sesuai dengan perkembangan politik di negeri ini pada tahun 1963 apabila Malaysia tertubuh, badan ini telah dikembangkan menjadi Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM). PKPIM adalah merupakan sebagai satu badan penggerak pelajar-pelajar Islam kebangsaan yang mempunyai kekuatan yang mengagumkan. Dalam tahun 1969 badan ini mempunyai ahli hampir 20,000 orang dengan 19 badan gabungan, 6 cawangan dan 7 badan bersekutu.

Sebenarnya kegiatan mengenai Islam tidaklah terhad di dalam negeri sahaja tetapi juga telah meluas ke luar negeri. PKPIM sendiri pada tahun 1967 telah mengadakan Persidangan Pelajar-pelajar (Mahasiswa) Islam Asia Tenggara dan hasil dari sini Persatuan Pelajar-Pelajar (Mahasiswa) Islam Asia Tenggara (PEMIAT) telah dibentuk. Tidak payah disebut satu persatu di sini usaha-usaha kerajaan negeri dan pusat untuk mengisi Perlumbagaan Tanah Melayu Fasal Agama Rasmi di atas. Umpamanya dalam masa yang sama Peraduan Membaca Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa telah dibuat, dan sejajar dengannya Pertandingan Berzanji Kebangsaan telah juga diadakan. Kemudian satu langkah menterjemah dan mentafsirkan Al-Qur'an telah dibuat. Kedua-dua kegiatan ini iaitu peraduan dan pentafsiran Al-Quran telah dikelolakan oleh Jabatan Perdana Menteri

Dalam masa yang sama beberapa usaha membanteras buta agama telah dijalankan. Beberapa syarahan, ceraman, forum dan acara membaca Al-Qur'an telah dibuat di radio, televisyen dan lain-lain. Pelajaran agama di kalangan Angkatan Bersenjata juga dilaksanakan. Begitu juga kemudahan-kemudahan menunaikan fardhu Haji; umpamanya mengadakan kapal-kapal Haji, penubuhan Tabung Haji telah juga dibuat. Penubuhan Perbadanan Tabung Haji tersebut adalah hasil fikiran Prof. Ungku Aziz seorang ahli ekonomi Malaysia yang pada masa ini menjadi Naib Canselor Universiti Malaya. Di samping itu kerajaan juga telah memberi sumbangan-sumbangan yang tertentu terhadap

persidangan-persidangan (muktamar) Islam di dalam dan luar negeri.

Satu hal yang dapat dilihat pada segi perhubungan Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain dalam lapangan ini ialah adanya muktamar-muktamar Islam beberapa tempat di dalam dunia yang dihadiri juga oleh perwakilan-perwakilan dari Malaysia. Umpamanya Muktamar Islam yang diadakan di Makkah pada tahun 1965 telah dihadiri juga oleh perwakilan-perwakilan dari Malaysia. Sebelum itu wakil-wakil Malaysia telah juga menghadiri Muktamar Islam yang diadakan di Mighadidsu, Somalia, Afrika. Bahkan pada tahun 1964 Muktamar Islam peringkat Asia Tenggara telah diadakan di Kuala Lumpur. Muktamar tersebut secara langsung ataupun tidak telah berjaya merapatkan lagi perhubungan di antara Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain. Dalam masa yang sama juga pelajar-pelajar Malaysia juga ramai yang melanjutkan pelajarannya ke maktab-maktab dan universiti-universiti Islam di luar negeri terutamanya di negeri-negeri Islam Timur Tengah, Pakistan, India dan Indonesia. Ramai juga di antara mereka yang mendapat biasiswa kerajaan negeri dan pusat. Di samping itu kerajaan Malaysia sendiri telah mendirikan sebuah asrama bagi pelajar-pelajar Malaysia di Mesir.

Usaha-usaha kerajaan mendirikan Masjid Negara, di samping berbilang ribu masjid di seluruh tanahair adalah juga satu langkah yang diambil demi kepentingan Islam. Masjid Negara telah mula dibina dalam tahun 1964 bertempat di Kuala Lumpur. Masjid ini adalah merupakan lambang Islam di Malaysia, penceran sinaran Islam dan pusat perkembangan Islam bukan sahaja di negara ini bahkan juga di seluruh Asia Tenggara. Di Sarawak dan di Sabah usaha-usaha yang sama iaitu di dalam bidang pembinaan masjid dan juga sekolah-sekolah agama juga telah dilancarkan dengan baiknya.

Bagi menyelaraskan pentadbiran agama di tiap-tiap buah negeri termasuklah negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah, di dalam beberapa hal yang tertentu, tanpa mengubah taraf kuasa Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama dan kuasa-kuasa di tiap-tiap buah negeri, sebuah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia telah ditubuhkan. Bersama-sama dengannya sebuah Pusat Islam telah dibentuk. Selain usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan membantu secara langsung kerja-kerja yang berhubung dengan agama Islam, kerajaan pusat dan juga beberapa buah negeri di Malaysia telah juga membantu secara sebahagian dan juga secara keseluruhan kerja-kerja yang berhubung dengan agama lain selain daripada Islam. Campurtangan kerajaan ini hanya dibuat beberapa tahun yang terakhir ini sahaja, setelah beberapa perubahan dari segi politik berlaku. Sebelum ini pihak pemerintah tidak mahu campurtangan dalam urusan agama selain dari agama Islam, kerana lingkungan Perlembagaan

telahpun mencatatkan Islam sebagai Persekutuan. Pada masa itu segala kerja agama bukan Islam diuruskan oleh orang-orang perseorangan dan badan-badan agama itu sendiri, dan ini bagaimanapun berjalan dengan baik dan saksama, sesuai dengan lanjutan isi Perlembagaan yang memberi kebebasan kepada agama-agama lain, dan juga selaras dengan hak asasi manusia.

Bantuan-bantuan yang merupakan subsidi atau secara keseluruhan itu lazimnya berbentuk wang untuk membina atau membaiki rumah-rumah kebajikan agama, pertubuhan agama dan lain-lain. Sementara Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar adalah bertanggungjawab dalam soal-soal bantuan ini. Agama-agama lain yang dimaksudkan itu biasanya ialah Kristian, Hindu dan Buddha. Banyak gereja, kuil, rumah berhala dan lain-lain telah mendapat bantuan kewangan secara langsung oleh pihak pemerintah. Dalam keadaan yang sama juga banyak pertubuhan-pertubuhan, rumah-rumah pertubuhan, sama ada yang berbentuk agama secara langsung atau yang berbentuk kebajikan yang ditubuhkan oleh golongan-golongan lain selain daripada Islam. Ini termasuklah pertubuhan-pertubuhan belia, pekerja, kaum wanita daripada agama-agama tertentu. Kemudian yayasan yang menerima bantuan itu termasuklah yayasan-yayasan biasiswa, pusat-pusat pengajian umum atau agama, rumah-rumah orang-orang tua, rumah-rumah orang cacat dan lain-lain yang dikelolakan oleh agama-agama lain seperti di atas.

Walau bagaimanapun, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengisian Agama Rasmi dalam Perlembagaan Negara. Usaha-usaha yang murni ini perlu sekali disokong oleh semua lapisan masyarakat Islam di negeri ini supaya mencapai tujuan yang dicitacitakan.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Syalabi, 1962. *Attarikh Attsalami Wal-Radharah Al-Islamiah, Qahirah.*
- Arnold, T.W., 1975. *The Reading of Islam*, Lahore: Sh. M. Asyraf.
- Ahmad Amin, 1980. *Islam Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1968. *Fajar Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Abdul Ahad Daud, 1969. *Muhamad in the Bible*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Ibrahim, 1965. *Islamic Law in Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- _____, 1978. "The Position of Islam in the Constitution of Malaysia, 1st Development 1957 - 1977", Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ahmad Shalaby, 1970 dan 1975. *Sejarah dan Kebudayaan Islam*, Kuala Lumpur: (1) dan (2) Pustaka National.
- _____, 1975. *Dasar-dasar Pemerintahan Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka National.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, 1969. *Preliminary Statement on the General Theory of Islamisation of the Malaya and Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- _____, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali Ibrahim Hassan, 1953. *Al-Tarikh al-Islami Al-Am*, Qahirah.
- Broomhal, Marshall, 1966. *Islam in China*, New York: Paragon Books.
- Beg, M.A.J., 1981. *Fine Arts in Islamic Civilization*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Fatimi, S.Q., 1963. *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: MSRI.
- Gibb H.A.R. dan Kramers, H.H., 1953. (eals) *Shorter Encyclopaedia of Islam*, Leiden: FJ. Brill, Leiden.
- Haji Dasuki Hj Ahmad, 1978. *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, D.G.E., 1964. *History of South East Asia*, London: Macmillan.
- HAMKA, 1961. *Sejarah Umat Islam*, Jilid 1-IV, Djakarta: N.V. Nusantara Bukit Tinggi.
- Hitti, P.K., 1956. *History of the Arabs*, 6th edition, London: Macmillan.
- Ismail Hamid, 1985. *Peradapan Melayu dan Islam*, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ibnu Battutah, 1929. *Travels in Asia and Africa 1325-54* (terjemahan H.A.R. Giff), Routledge and Kegan Paul, London.

- 4 NOV. 1993

- M.A. Rauf, 1979. *Ikhtisar Sejarah Islam*, London: Oxford University Press.
- Mohd Salleh Abbas, 1968. *Prinsip-Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hamidullah, 1974. *Muhammed Rasulullah (SAW)*, Lucknow: Center of Islamic Research Publications.
- Qutb, Syed, 1975. *Masyarakat Islam*, Bandung: Yayasan al-Taufiq-pt Al-Maarif.
- _____, 1975. *Salah Faham Terhadap Islam*, Kelantan: Penerbitan Dian.
- S.F. Mahmud, 1960. *A Short History of Islam*, London: Oxford University Press.
- Saifuddin Zuhri, 1979. *Sejarah Kebangkitan Islam*, Bandung: Pt. Al-Maarif.
- Zainal Ariffin Abbas, 1968. *Sejarah dan Perjuangan Nabi Muhammad (Jilid 1-3)*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.